PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI MALAYSIA

LAPORAN 2008

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia

PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

MALAYSIA

LAPORAN 2008

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia

ISSN 0128-7524
JUN 2008
Hak Milik Terpelihara

Untuk naskah jualan dan penerangan teknikal, sila rujuk kepada:

Pengarah Kanan,
Bahagian Perancangan Strategik,
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia
Tingkat 12, Blok 10,
Kompleks Pejabat Kerajaan,
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur.
Tel : 603-6203 4571
Faks : 603-6201 2573
Laman web MITI : www.miti.gov.my
E-mel : mitiweb@miti.gov.my

Perkhidmatan reka bentuk kulit dan penerbitan oleh:
Shout ACS (M) Sdn. Bhd. (460852-V)
C12-2, Jalan Ampang Utama 1/1,
Off Jalan Ampang, Ampang
68000 Selangor .
Tel : 03 - 4256 3830
Faks : 03 - 4256 3431

Dicetak oleh:
Percetakan Nasional Malaysia Berhad,
Jalan Chan Sow Lin,
50554 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : 03-9236 6888
Faks : 03-9222 4773
Emel : cservice@printnasional.com.my
Laman web : www.printnasional.com

Harga : RM60.00

KATA PENDAHULUAN

Prestasi keseluruhan perdagangan dan pelaburan Malaysia pada 2008 agak memberangsangkan walaupun berhadapan dengan krisis ekonomi global. Jumlah perdagangan Malaysia mencapai RM1.19 trilion, iaitu peningkatan sebanyak 6.8 peratus daripada 2007. Eksport meningkat sebanyak 9.6 peratus kepada RM663.51 bilion, manakala import meningkat 3.3 peratus kepada RM521.50 billion, menyumbang kepada lebihan dagangan sebanyak RM142.01 billion. Pada Mei 2009, Malaysia mencatatkan lebihan dagangan bagi 139 bulan berturut-turut.

Pelaburan yang diluluskan berjumlah RM59.9 billion pada 2008 melebihi sasaran purata pelaburan tahunan ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Pelaburan asing meningkat ke tahap tertinggi setakat ini kepada RM46.1 bilion dengan penglibatan pelabur asing dalam beberapa projek besar. Malaysia terus menarik projek-projek pelaburan yang berintensifkan teknologi dan modal serta mempunyai nilai ditambah yang tinggi dengan nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja dalam projek-projek yang diluluskan mencapai RM620,571.

Walau bagaimanapun, krisis ekonomi global memberi impak kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) khususnya pada penghujung tahun 2008. Pertumbuhan ekonomi negara menurun kepada 4.6 peratus daripada 6.3 peratus tahun sebelumnya. Ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang agak perlahan dalam sektor pembuatan iaitu pada kadar 1.3 peratus berbanding 3.1 peratus yang dicapai pada 2007.

Bagi mengatasi impak kelembapan ekonomi global, Kerajaan telah melaksanakan dua Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion. Pada November 2008, MITI juga telah mengumumkan beberapa langkah untuk menambahbaik persekitaran pelaburan, mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta memudahkan operasi perniagaan. Langkah-langkah ini termasuk pengeluaran Lesen Pengilang secara automatik, pengecualian duti import bagi beberapa bahan mentah dan produk perantara terpilih dan memanjangkan tempoh kelulusan operasi bagi Pejabat Perwakilan/ Pejabat Serantau baru kepada lima tahun berbanding tiga tahun sebelumnya.

Pembangunan sektor perkhidmatan merupakan sektor yang diberi keutamaan oleh Kerajaan. Pada April 2009, Kerajaan telah mengumumkan liberalisasi 27 sub-sektor perkhidmatan dalam bidang-bidang perkhidmatan kesihatan dan sosial, pelancongan, pengangkutan, perkhidmatan perniagaan dan perkhidmatan berkaitan komputer serta sektor kewangan. Ini bertujuan untuk memantapkan lagi ekonomi negara dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan serta daya saing industri ini termasuk melalui penyuntikan modal asing dan penggunaan teknologi terkini.

Kerajaan akan terus menggiatkan usaha pembangunan sektor perkhidmatan, mempromosi pelaburan dalam bidang pertumbuhan baru termasuk industri sumber tenaga diperbaharui yang mempunyai nilai ditambah tinggi dan berintensifkan teknologi. Strategi-strategi pertumbuhan baru yang akan dilaksanakan ini adalah selaras dengan model pertumbuhan pendapatan tinggi yang digerak oleh kreativiti dan inovasi.

Saya berharap sektor swasta bersedia menyahut langkah-langkah baru yang diambil Kerajaan serta memanfaatkan peluang-peluang daripada keadaan ekonomi yang dijangka pulih hujung tahun ini.

DATO' MUSTAPA MOHAMED

Minister of International Trade and Industry
Malaysia
30 Jun 2009

ISI KANDUNGAN

BAB 1
PERKEMBANGAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PELABURAN DUNIA **1**

Tinjauan 1
Prestasi Rantau Dan Negara 5
Perkembangan Pelaburan 15
Prospek 18

BAB 2
PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA 19
Tinjauan 19
Eksport 21
Import 23
Arah Perdagangan 24
ASEAN 29
Amalan Perdagangan Yang Diperkenalkan Oleh Rakan Dagang Malaysia 35
Prospek 36

BAB 3
PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS DUA HALA **39**

Tinjauan 39
Kepentingan FTA 40
Perjanjian-Perjanjian Yang Telah Dilaksanakan 41
Rundingan Semasa 49
Program Pemahaman 53
Prospek 53

BAB 4
SEKTOR PERKILANGAN **59**

Tinjauan 59
Inisiatif Bagi Meningkatkan Pelaburan 59
Inisiatif Sektor Swasta 62
Pembangunan Standard 64
Inisiatif Untuk Mempromosikan ICT 65
Pembangunan Industri Halal 67
Sumber Manusia Dan Pembangunan Kemahiran 69
Penjenamaan 71
Penyelidikan Dan Pembangunan (R & D) 73
Automasi 73
Alam Sekitar 74
Prospek 75

PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN **76**

Tinjauan 76
Pengeluaran 76
Jualan 76
Pekerjaan 76
Produktiviti 78
Pelaburan 78
Eksport 80
Import 80
Industri Elektrik dan Elektronik 80
Indeks Pengeluaran 81

Jualan 81
Tinjauan 89
Industri Kelengkapan Pengangkutan..... 90
Segmen Automatif..... 90
Industri Petrokimia dan Kimia..... 98
Industri Farmaseutikal..... 116
Industri Logam..... 119
Industri Jentera dan Kelengkapan 128
Industri Galian Bukan Logam 131
Industri Tekstil dan Pakaian 138
Industri Peralatan Perubatan 141
Industri Kayu dan Produk Kayu..... 143
Industri Produk Getah..... 150
Industri Minyak Sawit 154
Industri Pemprosesan Makanan dan Minuman 158
Prospek 164

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN..... **166**

Tinjauan 166
Projek Diluluskan Mengikut Hak Milik 172
Projek Diluluskan Mengikut Lokasi 176
Pelaksanaan Projek Perkilangan Diluluskan..... 178
Prospek 178

UNIT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA..... **179**

Unit Pembangunan Perniagaan Bumiputera 179
Peruntukan Saham Khas Bumiputera..... 179
Pengagihan Saksama Di Bawah IMP3..... 181
Program Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2008..... 181
Prospek 192

BAB 5
PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN..... **219**

Tinjauan 219
Inisiatif Dasar Dan Langkah-langkah Dalam Sektor Perkhidmatan 219
Prestasi Keseluruhan 220
Pencapaian Sub-Sektor Perkhimatan Terpilih..... 220
Prospek 229

BAB 6
PEMBANGUNAN ENTERPRIS KECIL DAN SEDERHANA..... **231**

Tinjauan 231
Inisiatif Dasar Dalam Pembangunan EKS..... 232
Prestasi Skim Bantuan Kewangan..... 235
Program Pembangunan EKS..... 239
Kerjasama Antarabangsa 244
Program Pencapaian 246
Prospek 247

BAB 7
PRODUKTIVITI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN..... **249**

Tinjauan 249
Perbandingan Antarabangsa Prestasi Produktiviti..... 251
Prestasi Produktiviti Bagi Sektor Perkilangan..... 252
Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) Bagi Sub-Sektor Perkilangan Terpilih, 2004-2008..... 255

Prestasi Produktiviti Bagi Sektor Perkhidmatan 257
Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) Bagi Sektor Perkhidmatan Terpilih, 2004-2008 259
Prospek 259

BAB 8
PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA **265**

Tinjauan 265
Pertanian 265
Akses Pasaran Barangan Bukan Pertanian 267
Perkhidmatan..... 269
Fasilitasi Perdagangan 270
Layanan Istimewa Dan Berbeza (S&D) 271
Aspek-Aspek Perdagangan Berkaintan Harta Intelek (TRIPs)..... 272
Perdagangan Dan Alam Sekitar..... 272
Peraturan-Peraturan..... 272
Kemasukan Ke Pertubuhan Perdagangan Dunia 273
Prospek 273

BAB 9
KERJASAMA EKONOMI ASEAN **277**

Tinjauan 277
Perdagangan 278
Pemansuhan Halangan Bukan Tarif 280
Perkhidmatan..... 282
Kerjasama Sektoral 284
Langkah-Langkah Pemudahan..... 287
Kerjasama Sub-Wilayah Dalam Rantau ASEAN..... 288
Hubungan Serantau Dengan Rakan-Rakan Dialog 289
Prospek 295

BAB 10
PERKEMBANGAN DALAM KUMPULAN SERANTAU..... 301

Tinjauan..... 301
Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)..... 301
Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC)..... 312
Kumpulan Lapan Negara-Negara Membangun (D-8)..... 314
Kumpulan Serantau Yang Lain 315
Prospek 319

ARTIKEL KOTAK

BAB 4

Kotak 4.1: Koridor Pembangunan Serantau..... 193
Kotak 4.2: Menggalakkan Penglibatan Wanita Dalam Perdagangan Dan Industri 196
Kotak 4.3: Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) 210
Kotak 4.4: Kemajuan Pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) 212

BAB 7

Kotak 7.1: Prestasi Daya Saing Malaysia..... 260
Kotak 7.2: Menanda Aras Untuk Daya Saing..... 262

BAB 8

Kotak 8.1: Pemahaman Penyelesaian Pertikaian (DSU) 275

BAB 9

Kotak 9.1: Scoreboard Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN 295
Kotak 9.2: Perjanjian Pelaburan Komptehensif ASEAN..... 296
Kotak 9.3: Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA)..... 298

JADUAL

BAB 1

Jadual 1.1: Pertumbuhan KDNK Sebenar Dunia 2
Jadual 1.2: Prestasi Perdagangan Barangan, 2008 3
Jadual 1.3: Pengeksport Dan Pengimport Utama Dalam Perdagangan Barangan Dunia,2008... 4
Jadual 1.4: Pengeksport Dan Pengimport Utama Dalam Perdagangan Perkhidmatan Komersil Dunia,2008 6
Jadual 1.5: Aliran Masuk FDI Dunia, 2008..... 17

BAB 2

Jadual 2.1: Perdagangan Luar 19
Jadual 2.2: 20 Rakan Perdagangan Utama..... 20
Jadual 2.3: Eksport Mengikut Sektor..... 22
Jadual 2.4: 20 Destinasi Utama Eksport..... 24
Jadual 2.5: Import Barang Akhir..... 25
Jadual 2.6: 20 Sumber Import Utama..... 27
Jadual 2.7: Perdagangan Malaysia Dengan ASEAN..... 30
Jadual 2.8: Eksport Malaysia Di Bawah Skim CEPT, 2008..... 30
Jadual 2.9: Eksport Utama Malaysia Di Bawah Skim CEPT, 2008..... 30
Jadual 2.10: Perdagangan Malaysia Dengan Kesatuan Eropah..... 34

BAB 4

Jadual 4.1: Standard Malaysia Sehingga 31 Disember 2008..... 63
Jadual 4.2: *Permohonan dan Kelulusan Pensijilan Halal, 2008* 68
Jadual 4.3: Tabung Pembangunan Sumber Manusia,1992-2008 69
Jadual 4.4: Jumlah Pelatih, 2007-2008 70
Jadual 4.5: Penyertaan Pelatih dan Syarikat Di Dalam SLDN..... 71
Jadual 4.6: Kelulusan BPG Mengikut Industri pada 2008..... 72
Jadual 4.7: Daya Saing Malaysia Dalam R&D..... 74
Jadual 4.8: Kelulusan di Bawah SLSAM sehingga 31 Disember 2008..... 74
Jadual 4.9: Prestasi Sektor Perkilangan, 2008 76
Jadual 4.10: Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan Terpilih 77
Jadual 4.11: Jualan Industri Perkilangan Terpilih..... 78
Jadual 4.12: Pecahan Dalam Pelaburan pada 2008..... 78
Jadual 4.13: Eksport Bagi Produk Perkilangan 80
Jadual 4.14: Import Bagi Produk Perkilangan..... 81
Jadual 4.15: Indeks Pengeluaran Untuk Produk E&E Terpilih..... 82
Jadual 4.16: Petunjuk Produktiviti Bagi Segmen E&E Terpilih..... 84
Jadual 4.17: Pelaburan Di Dalam Industri E&E..... 84
Jadual 4.18: Eksport Produk E&E Terpilih..... 86
Jadual 4.19: Import Produk E&E Terpilih..... 88
Jadual 4.20: Anggaran Jualan Untuk Produk Semikonduktor dan E&E Terpilih..... 89
Jadual 4.21: Pengeluaran Kenderaan Bermotor 90

Jadual 4.22: Penggunaan Kapasiti Bagi Kenderaan Bermotor 91
Jadual 4.23: Jualan Motosikal..... 91
Jadual 4.24: Jumlah Pelaburan Bagi Kenderaan Bermotor..... 92
Jadual 4.25: Export Dan Import Kenderaan Bermotor (CBU and CKD) 93
Jadual 4.26: Jualan Motosikal..... 94
Jadual 4.27: Petunjuk Produktiviti Bagi Sub-Segmen Automotif..... 95
Jadual 4.28: Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih Bagi Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Produk Petrokimia dan Plastik..... 99
Jadual 4.29: Jualan Produk Petroleum Terpilih termasuk Produk Petrokimia dan Produk Plastik 100
Jadual 4.30: Guna Tenaga Sub-sektor Produk Petroleum Terpilih Termasuk Petrokimia Dan Produk Plastik..... 101
Jadual 4.31: Petunjuk Produktiviti Segmen Terpilih Bagi Produk Petroleum Termasuk Petrokimia dan Petro Plastik..... 102
Jadual 4.32: Pelaburan Dalam Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik..... 103
Jadual 4.33: Eksport Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Petrokimia Dan Produk Plastik..... 104
Jadual 4.34: mport Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Petrokimia Dan Produk Plastik..... 105
Jadual 4.35: Indeks Pengeluaran Bagi Sub-Sektor Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 107
Jadual 4.36: Jualan Bagi Subsektor Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia 109
Jadual 4.37: Guna Tenaga Bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia 110
Jadual 4.38: Petunjuk Produktiviti Bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia..... 111
Jadual 4.39: Pelaburan Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 112
Jadual 4.40: Eksport Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 113
Jadual 4.41: Import Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia 114
Jadual 4.42: Indeks Pengeluaran Bagi Industri Farmaseutikal..... 117
Jadual 4.43: Jualan Bagi Industri Farmaseutikal 117
Jadual 4.44: Guna Tenaga Bagi Ubatan Dan Produk Farmaseutikal 117
Jadual 4.45: Petunjuk Produktiviti Bagi Industri Farmaseutikal..... 118
Jadual 4.46: Pelaburan Di Dalam Industri Farmaseutikal 118
Jadual 4.47: Export Produk Farmaseutikal 118
Jadual 4.48: Import Produk Farmaseutikal 119
Jadual 4.49: Pengeluaran Bagi Produk Besi Dan Keluli Terpilih 120
Jadual 4.50: Jualan Bagi Industri Logam..... 121
Jadual 4.51: Guna Tenaga Dalam Industri Logam 121
Jadual 4.52: Petunjuk Produktiviti Bagi Produk Besi Dan Keluli..... 122
Jadual 4.53: Pelaburan Bagi Segmen Besi Dan Keluli 123
Jadual 4.54: Eksport Industri Logam 124
Jadual 4.55: Eksport Bagi Produk Besi Dan Keluli Terpilih..... 125
Jadual 4.56: Import Industri Logam..... 126
Jadual 4.57: Import Bagi Produk Besi Dan Keluli Terpilih…..... 127
Jadual 4.58: Indeks Segmen Terpilih Bagi Industri Jentera Dan Kelengkapan..... 129
Jadual 4.59: Jualan Segmen Terpilih Industri Jentera Dan Kelengkapan..... 129
Jadual 4.60: Guna Tenaga Segmen Terpilih Industri Jentera Dan Kelengkapan..... 129
Jadual 4.61: Petunjuk Produktiviti Industri Jentera Dan Kelengkapan..... 130
Jadual 4.62: Pelaburan Dalam Industri Jentera Dan Kelengkapan..... 130
Jadual 4.63: Pelaburan Dalam SegmenTerpilih Industri Jentera Dan Kelengkapan..... 130
Jadual 4.64: Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih Bagi Industri Galian Bukan Logam 132
Jadual 4.65: Kapasiti Terpasang Dan Kadar Penggunaan Bagi Simen Dan Klinker 133
Jadual 4.66: Jualan Bagi Produk Industri Galian Bukan Logam..... 133
Jadual 4.67: Guna Tenaga Dalam Segmen Terpilih Industri Galian Bukan Logam..... 134
Jadual 4.68: Petunjuk Produktiviti Bagi Industri Galian Bukan Logam..... 135
Jadual 4.69: Indeks Pengeluaran Industri Tekstil dan Pakaian (2005=100)..... 138
Jadual 4.70: Jualan Produk Tekstil dan Pakaian..... 138
Jadual 4.71: Guna Tenaga dalam Tekstil dan Produksi Pakaian..... 139
Jadual 4.72: Petunjuk Produktiviti dalam Tekstil dan Industri Pakaian..... 139
Jadual 4.73: Pelaburan Dalam Tekstil dan Industri Pakaian..... 140
Jadual 4.74: Eksport Tekstil dan Produksi Pakaian 140
Jadual 4.75: Imports of Tekstil dan Produksi Pakaian..... 141
Jadual 4.76: Petunjuk Produktiviti dalam industri Peralatan Perubatan..... 147
Jadual 4.77: Pelaburan dalam Industi Peralatan Perubatan 142

Jadual 4.78: Eksport Peralatan Produk Kesihatan Terpilih 143
Jadual 4.79: Import Peralatan Produk Kesihatan Terpilih 143
Jadual 4.80: Indeks Pengeluaran Industri Kayu Dan Produk Kayu Terpilih..... 144
Jadual 4.81: Jualan Bagi Industri Kayu Dan Produk Kayu..... 145
Jadual 4.82: Guna Tenaga Dalam Industri Kayu Dan Produk Kayu..... 145
Jadual 4.83: Petunjuk Produktiviti Industri Kayu Dan Produk Kayu..... 146
Jadual 4.84: Pelaburan Dalam Industri Kayu Dan Produk Kayu pada 2008..... 147
Jadual 4.85: Eksport Industri Kayu Dan Produk Kayu..... 148
Jadual 4.86: Import bagi Industri Kayu Dan Produk Kayu..... 149
Jadual 4.87: Petunjuk Produktiviti Bagi Produk Getah..... 150
Jadual 4.88: Jualan Bagi Produk Getah..... 151
Jadual 4.89: Guna Tenaga Dalam Produk Getah..... 151
Jadual 4.90: Petunjuk Produktiviti Bagi Produk Getah..... 152
Jadual 4.91: Pelaburan Dalam Produk Getah..... 152
Jadual 4.92: Eksport Produk Getah..... 153
Jadual 4.93: Import Produk Getah..... 153
Jadual 4.94: Pengeluaran Industri Minyak Sawit..... 154
Jadual 4.95: Pelaburan Dalam Industri Minyak Sawit..... 156
Jadual 4.96: Exports Produk Minyak Sawit..... 157
Jadual 4.97: Imports Produk Minyak Sawit..... 158
Jadual 4.98: Indeks Pengeluaran Produk Makanan Di Proses Dan Minuman Terpilih..... 159
Jadual 4.99: Jualan Keluaran Produk Makanan Diproses Dan Minuman Terpilih..... 160
Jadual 4.100: Guna Tenaga Dalam Industri Makanan Dan Minuman Diproses..... 161
Jadual 4.101: Productivity Indicators Industri Makanan Dan Minuman Diproses..... 162
Jadual 4.102: Pelaburan Industri Makanan Dan Minuman Diproses..... 163
Jadual 4.103: Eksport Produk Makanan Diproses Dan Minuman Terpilih..... 163
Jadual 4.104: Import Produk Makanan Diproses Dan Minuman Terpilih..... 163
Jadual 4.105: Projek Perkilangan Diluluskan 167
Jadual 4.106: Projek Perkilangan Baru dan Pembesaran/Pelbagaian diluluskan Mengikut Industri, 2008 dan 2007..... 168
Jadual 4.107: Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Industri, 2008 dan 2007..... 170
Jadual 4.108: Projek Perkilangan diluluskan dengan Penyertaan Asing mengikut Sumber Utama 175
Jadual 4.109: Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri, 2008 dan 2007..... 177
Jadual 4.110: Kemudahan Kewangan 182
Jadual 4.111: Insentif 184
Jadual 4.112: Program Pembangunan Pengeksport 186
Jadual 4.113: Enterpris Kecil dan Sederhana..... 189
Jadual 4.114: Bina Upaya dan Khidmat Nasihat 191

BAB 5

Jadual 5.1: Petunjuk Utama Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2006-2008..... 220
Jadual 5.2: Jumlah Pelaburan Sektor Perkhidmatan 2007 dan 2008..... 221
Jadual 5.3: Pelaburan Yang Dililiskan Dalam Perkhidmatan Kewangan, 2008 dan 2007..... 222
Jadual 5.4: Senarai Projek Pembinaan Bagi 10 Negara Utama, Pada 31 Disember 2008 224
Jadual 5.5: Institusi Serantau Baru Yang Diluluskan, 2008..... 226
Jadual 5.6: Syarikat Yang Diberi Taraf MSC Mengikut Kluster..... 228

BAB 6

Jadual 6.1 Kelulusan Projek Mengikut Negeri, 2008 241
Jadual 6.2: Pemenang Anugerah Pengusaha Wanita Negara..... 247

BAB 7

Jadual 7.1: Tahap Dan Pertumbuhan Produktiviti Badi Negara-Negara Terpilih, 2008..... 251
Jadual 7.2: Pertumbuhan TFP dan Sumbangan (2004-2008..... 259
Jadual 7.3: Pertumbuhan Produktiviti..... 260

BAB 9

Jadual 9.1: Purata Kadar CEPT (Peratus)..... 278
Jadual 9.2: Bilangan Baris Tarif Dalam CEPT Pakej 2008..... 279
Jadual 9.3: Perdagangan Intra-ASEAN. 280
Jadual 9.4: Aliran Pelaburan Intra-ASEAN, 2007..... 281

BAB 10

Jadual 10.1: Perdagangan Malaysia Pada Tahun 2008 dengan 10 Negara-Negara Teratas Anggota OIC 312

CARTA

BAB 2

Carta 2.1: Prestasi Perdagangan Malaysia, 1990-2008..... 19
Carta 2.2: Perdagangan Malaysia Dengan Asia Timur Laut, 1999-2008..... 28
Carta 2.3: Perdagangan Malaysia Dengan ASEAN,1999-2008..... 31
Carta 2.4: Perdagangan Malaysia Dengan Amerika Utara, 1999-2008..... 32
Carta 2.5: Perdagangan Malaysia Dengan Kesatuan Eropah, 1999-2008..... 34

BAB 4

Carta 4.1: Jualan untuk Produk E&E Terpilih 83
Carta 4.2: Guna Tenaga Dalam Segmen E&E Terpilih..... 83
Carta 4.3: Destinasi Eksport 10 Negara Tertinggi Pada 2008..... 85
Carta 4.4: Sumber Import 10 Negara Tertinggi Pada 2008..... 87
Carta 4.5: Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih Bagi Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Produk Petrokimia Dan Plastik..... 99
Carta 4.6: Jualan Produk Petroleum Terpilih Termasuk Produk Petrokimia dan Produk Plastik..... 100
Carta 4.7: Pelaburan Dalam Sub-Sektor Produk Petroleum, Termasuk Petrokimia Dan Produk Plastik 101
Carta 4.8: Eksport Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Petrokimia Dan Produk Plastik 103
Carta 4.9: Import Sub-Sektor Produk Petroleum Termasuk Petrokimia Dan Produk Plastik..... 105
Carta 4.10: Indeks Pengeluaran Bagi Sub-Sektor Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 106
Carta 4.11: Indeks Pengeluaran Bagi Sub-Sektor Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia 108
Carta 4.12: Jualan Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 108
Carta 4.13: Guna Tenaga Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 109
Carta 4.14: Pelaburan Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia..... 110
Carta 4.15: Eksport Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia 112
Carta 4.16: Import Bagi Segmen Kimia Industri Asas Dan Produk Kimia 113
Carta 4.17 Major Export Destinations for Metal Products..... 124
Carta 4.18: Major Export Destinations for Non-Ferrous and Manufactures of Metals..... 125
Carta 4.19: Major Sources of Imports of Metal Products..... 126
Carta 4.20: Major Sources of Imports of Non-Ferrous and Fabricated Metal Products..... 126
Carta 4.21: Eksports of Machinery and Equipment Products for 2008..... 131
Carta 4.22: Imports of Machinery and Equipment Products in 2008 132
Carta 4.23: Investments Approved for Non-Metallic Minerals Products 136
Carta 4.24: Exports of Non-Metallic Minerals Products 137
Carta 4.25: Imports of Non-Metallic Minerals Products..... 137
Carta 4.26: Total Investment for Approved Project, 2003 – 2008..... 166
Carta 4.27: Investments in New Projects by Industry, 2008 and 2007..... 167

Carta 4.28: Pelaburan Bagi Projek Pembesaran/Pelbagaian Mengikut Industri, 2008 dan 2007 ... 169
Carta 4.29: Pelaburan dalam Projek Diluluskan mwengikut Industri, 2008 dan 2007 ... 169
Carta 4.30: Nisbah CIPE Projek Diluluskan, 2002 - 2008 ... 171
Carta 4.31: Pelaburan Domestik dalam Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2008 ... 172
Carta 4.32: Pelaburan Asing dalam Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2008 ... 173
Carta 4.33: Sumber Utama Pelaburan Asing dalam Projek Diluluskan, 2008 ... 174
Carta 4.34: Pelaburan dalam Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri, 2008 ... 176
Carta 4.35: Status Pelaksanaan Projek Perkilangan Ynag Diluluskan di antara 2003 - 2008, [ada 31 Disember 2008 ... 178
Carta 4.36: Peruntukan Saham Khas Bumiputera Mengikut Kategori, 2004 – 2008 ... 180
Carta 4.37: Perbandingan Syer Ditawarkan dengan Syer Yamg Telah Diagihkan, 2004 - 2008 ... 181

BAB 6

Carta 6.1: Kelulusan Skim Pinjaman Mudah Mengikut Negeri, 2008 ... 235
Carta 6.2: Kelulusan Skim Pinjaman Mudah Mengikut Sub-Sektor, 2008 ... 236
Carta 6.3: Kelulusan Skim Geran Mengikut Negeri, 2008 ... 237
Carta 6.4: Kelulusan Skim Geran Mengikut Sektor, 2008 ... 237
Carta 6.5: Kelulusan Skim Geran, 2008 vs. 2007 ... 238

BAB 7

Carta 7.1: Pertumbuhan Produktiviti Malaysia,2004-2008 ... 249
Carta 7.2: Pertumbuhan Produktiviti Sektor-Sektor Ekonomi,2008 ... 249
Carta 7.3: Tahap Produktiviti Sektor Ekonomi, 2008 ... 250
Carta 7.4: Pertumbuhan Produktiviti Malaysia Dan Negara-Negara OECD Terpilih, 2008 ... 252
Carta 7.5: Pertumbuhan Produktiviti Malaysia dan Negara Asia Terpilih,2008 ... 253
Carta 7.6: Kadar Pampasan Setiap Jam Bagi Sektor Pembangunan Malaysia Dan Asia Terpilih ... 253
Carta 7.7: Kadar Pertumbuhan Produktiviti Bagi Sub-Sektor Perkilangan,2008 ... 254
Carta 7.8: Perubahan Dalam Kos Buruh Per Unit Bagi Bagi Sub-Sektor Perkilangan, 2008 ... 254
Carta 7.9: Perubahan Dalam Kos Buruh Per Pekerja Bagi Sub-Sektor Perkilangan, 2008 ... 255
Carta 7.10: Sumber-Sumber Peningkatan TFP Bagi Sektor Perkilangan,2004-2008 ... 256
Carta 7.11: Peningkatan TFP Bagi Sub-Sektor Perkilangan,2004-2008 ... 257
Carta 7.12: Tahap Produktiviti Bagi Sektor Perkhidmatan ... 258
Carta 7.13: Kadar Pertumbuhan Produktiviti Bagi Sektor Perkhidmatan ... 258

LAMPIRAN

Lampiran 1: Pertubuhan Dan Kumpulan Keahlian ... 323
Lampiran 2: Data Perdagangan Malaysia ... 325
Lampiran 3: Projek Perkilangan Yang Diluluskan Dengan Penyertaan Negara Asing ... 337
Lampiran 4: Perjanjian-Perjanjian Dua Hala Perdagangan Dan Pelaburan ... 355
Lampiran 5: Pelesenan Import ... 359
Lampiran 6: Senarai Sensitif dan Pengecualian Sementara Bagi Pelaburan Di Negara-Negara ASEAN Di Bawah Perjanjian Kawasan Pelaburan ASEAN ... 367
Lampiran 7: MITI dan Agensi - Carta Organisasi dan alamat ... 391
Lampiran 8: Data Ekonomi Penting - Malaysia ... 415
Lampiran 9: Singkatan dan Akronim ... 417

BAB 1: PERKEMBANGAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN PELABURAN DUNIA

TINJAUAN

Ekonomi dunia pada 2008 dilanda kemelesetan ekonomi dan kewangan yang memberi kesan besar kepada perdagangan dan pelaburan. Bermula sebagai krisis pinjaman subprima pada Ogos 2007 di Amerika Syarikat (AS), ia telah merebak kepada krisis kewangan global menjelang September 2008 sehingga menyebabkan beberapa ekonomi membangun mengalami kemelesetan dan menghakis prestasi baik ekonomi baru muncul walaupun dengan pendedahan terhad kepada pasaran subprima Amerika Syarikat.

Pada 2008, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia telah menguncup kepada 3.2 peratus daripada 5.2 peratus pada tahun sebelumnya. Ini adalah yang terendah yang direkodkan sejak 2002. **Ekonomi membangun** hanya mencatatkan perkembangan sebanyak 0.9 peratus dalam 2008 berbanding 2.7 peratus dalam 2007, manakala **ekonomi sedang membangun** berkembang sebanyak 6.1 peratus, daripada 8.3 peratus pada tahun sebelumnya.

Ekonomi dunia mengalami kesan yang teruk pada **suku keempat 2008** dengan keruntuhan keyakinan perniagaan dan pengguna, kejatuhan pengeluaran perindustrian dan pengucupan perdagangan barangan dan perkhidmatan. KDNK global dijangka menyusut 6.3 peratus (tahunan) di suku keempat 2008, perbezaan ketara daripada pertumbuhan positif sebanyak 4 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Walaupun kemelesetan tersebut membawa kesan kepada kesemua negara, **ekonomi maju** menerima kesan yang paling besar dengan penguncupan 7.5 peratus pada suku keempat 2008.

Ekonomi baru muncul juga mendapat kesan teruk, menyusut 4 peratus pada suku tahun keempat. Tekanan yang ketara dialami terutamanya oleh negara-negara Asia. Kesan daripada kebergantungan Asia kepada eksport pembuatan ke pasaran membangun, rantau ini dilanda kemelesetan yang lebih teruk berbanding kawasan G-2 (merangkumi Amerika Syarikat dan rantau Eropah), asal dan punca sebenar krisis kewangan global. Pada suku terakhir 2008, KDNK Asia kecuali Republik Rakyat China dan India, menjunam hampir 15 peratus pada kadar tahunan yang diubah berdasarkan musim, jauh mendalam daripada penguncupan yang kurang daripada 5 peratus di kawasan G-2. Kemelesetan ekonomi Asia adalah kesan berikutan pergantungan kuat rantau ini kepada pasaran ekonomi maju. Oleh itu, apabila permintaan daripada ekonomi maju menjunam dan saluran perdagangan dan kewangan negara-negara berkenaan ditutup, ekonomi Asia telah dijejaskan. Walau bagaimanapun, negara-negara seperti Republik Rakyat China dan India tidak begitu terjejas kerana mempunyai permintaan domestik yang kuat, penggunaan tempatan yang kukuh dan kebergantungan rendah terhadap eksport.

Seiring dengan kejatuhan permintaan dan pengeluaran *output* yang lembab, **pertumbuhan jumlah perdagangan barangan** (tidak termasuk ketidakstabilan harga dan kadar tukaran wang) adalah perlahan, terutama pada suku akhir tahun dengan mencatatkan pertumbuhan positif yang rendah sebanyak 2 peratus untuk 12 bulan pada 2008 [ramalan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) yang dikeluarkan pada Mac 2008 adalah pertumbuhan pada kadar 4.5 peratus pada 2008]. Ini adalah kemerosotan mendadak daripada pertumbuhan 6 peratus yang dicatatkan pada 2007 dan di bawah purata 5.7 peratus yang dicapai dalam tempoh 10 tahun yang lepas (1998 – 2008).

Jadual 1.1:
Pertumbuhan KDNK Sebenar Dunia

Negara	2008		2007
	Perubahan (%)	Nilai KDNK [1] (AS$ bilion)	Perubahan (%)
Dunia	**4.9**		**5.0**
AS	**1.1**	**14,264.6**	**2.0**
ASEAN			
Singapura	1.1	181.9	7.8
Filipina	4.6	168.6	7.2
Indonesia	6.1	511.8	6.3
Malaysia	**4.6**	**222.2**	**6.3**
Thailand	2.6	273.2	4.9
Asia Timur			
Republik Rakyat China	9.0	4,401.6	13.0
Taiwan	0.1	392.6	5.7
Republik Korea	2.2	947.0	5.1
Jepun	-0.6	4,923.8	2.4
Asia Selatan			
India	7.3	1,209.7	9.3
Pakistan	6.0	167.6	6.0
Bangladesh	5.6	81.9	6.3
Asia Barat			
Mesir	7.2	162.2	7.1
Iran	4.5	344.8	7.8
Arab Saudi	4.6	481.6	3.5
Afrika			
Angola	14.8	83.4	20.3
Kenya	2.0	30.2	7.0
Nigeria	5.3	214.4	6.5
Afrika Selatan	3.1	277.2	5.1
Kanada	**0.5**	**1,511.0**	**2.7**
Australia	**2.1**	**1,010.7**	**4.0**
New Zealand	**0.3**	**128.5**	**3.2**
Kesatuan Eropah			
Belanda	2.0	868.9	3.5
Jerman	1.3	3,667.5	2.5
UK	0.7	2,674.1	3.0
Perancis	0.7	2,865.7	2.1
Itali	-1.0	2,313.9	1.6
Amerika Latin			
Peru	9.8	127.6	8.9
Argentina	7.0	326.5	8.7
Venezuela	4.8	319.4	8.4
Colombia	2.5	240.7	7.5
Brazil	5.1	1,572.8	5.7
Chile	3.2	169.6	4.7
Mexico	1.3	1,088.1	3.3

Sumber : Tabung Kewangan Antarabangsa, World Economic Outlook, April 2009
Nota : [1] Nilai KDNK pada harga semasa

Dalam kadar nilai dolar, keseluruhan perdagangan barangan dunia sepanjang 12 bulan dalam 2008 berjumlah AS$32.5 trilion, peningkatan sebanyak 15.1 peratus daripada AS$28.3 trilion yang dicatatkan pada 2007.

Sejak September 2008, banyak pasaran ekonomi membangun dan sedang membangun mencatatkan penurunan angka perdagangan setiap bulan secara konsisten. Pertumbuhan ekonomi yang lembap secara seragam bagi ekonomi membangun dan sedang membangun adalah bertentangan dengan pandangan yang diterima ramai iaitu '*a decoupled world economy*', satu kepercayaan yang dipegang ramai bahawa pasaran yang baru muncul dengan lonjakan permintaan domestik akan menjalankan lebih perdagangan sesama sendiri serta kurang bergantung kepada permintaan daripada ekonomi membangun seperti AS dan Eropah. Senario kejatuhan angka perdagangan, kelembapan ekonomi dan penguncupan dalam banyak ekonomi baru muncul di Asia pada masa kini mengesahkan akan kebergantungan dan tingkat integrasi di antara ekonomi membangun dan sedang membangun.

Jumlah eksport barangan dunia dalam nilai dolar (termasuk ketidakstabilan harga dan kadar tukaran wang) berkembang sebanyak 15.2 peratus kepada AS$16.1 trilion dalam 2008, daripada AS$14 trilion pada 2007. **Import barangan dunia** berjumlah AS$16.4 trilion, pertumbuhan 15 peratus yang sama daripada AS$14.3 trilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Sebab utama peningkatan dalam perdagangan barangan dunia pada 2008 adalah kerana prestasi perdagangan yang positif bagi ekonomi sedang membangun terutamanya pada setengah pertama 2008, sebelum impak krisis kewangan menjejaskan pertumbuhan pada suku tahun keempat. Keseluruhan syer ekonomi sedang membangun kepada perdagangan barangan dunia melonjak pada 2008, dengan eksport daripada ekonomi sedang membangun meningkat kepada 38 peratus

Jadual 1.2 :
Prestasi Perdagangan Barangan, 2008

	Ekport			Import		
	2008 (AS$ bilion)	Perubahan (%)	2007 (AS$ bilion)	2008 (AS$ bilion)	Perubahan (%)	2007 (AS$ bilion)
Dunia	**16,127.0**	**15.2**	**13,998.0**	**16,415.0**	**15.0**	**14,270.0**
Asia	**4,708.5**	**13.9**	**4,134.9**	**4,542.5**	**19.3**	**3,806.1**
Republik Rakyat China	1,428.5	17.2	1,218.6	1,133.0	18.5	956.0
Jepun	782.3	9.5	714.3	762.0	22.5	622.2
ASEAN-5	**990.1**	**14.6**	**863.7**	**935.8**	**20.7**	**775.5**
Singapura	338.2	13.0	299.3	319.8	21.5	263.2
Malaysia	**199.5**	**13.2**	**176.2**	**156.9**	**6.7**	**147.0**
Thailand	177.8	16.9	152.1	178.7	27.6	140.0
Indonesia	139.3	18.1	118.0	126.2	36.0	92.8
Filipina	49.0	-3.0	50.5	59.2	2.1	58.0
Asia Barat / Timur Tengah	**1,046.8**	**36.0**	**768.9**	**575.5**	**23.0**	**468.0**
AS	**1,300.5**	**11.9**	**1,162.5**	**2,166.0**	**7.2**	**2,020.4**
Mexico	**291.8**	**7.4**	**271.8**	**323.2**	**9.5**	**295.2**
Eropah	**6,456.5**	**11.5**	**5,788.2**	**6,833.0**	**12.3**	**6,086.0**
Kesatuan Eropah-27	5,913.0	10.8	5,335.5	6,268.4	12.0	5,599.0
Amerika Latin	**800.2**	**14.3**	**700.1**	**866.2**	**23.0**	**704.5**
MERCOSUR	278.9	24.7	223.7	259.3	40.8	184.1
Afrika	**561.4**	**29.2**	**434.5**	**466.1**	**26.6**	**368.1**

Sumber: Pertubuhan Perdagangan Dunia, 2009

dari jumlah dunia, dan import meningkat pada 34 peratus. Angka perdagangan tahunan dalam nilai dolar dipengaruhi kuat oleh ketidakstabilan dalam harga komoditi dan kadar tukaran wang pada 2008. Purata harga minyak pada 2008 adalah 40 peratus lebih tinggi berbanding dalam 2007, di mana menyumbang kepada nilai import barangan yang lebih tinggi bagi banyak negara.

Jumlah perdagangan dunia berdasarkan kepada rantau mengikut nilai adalah didahului oleh Eropah, diikuti oleh Asia dan Amerika Utara. **Kedudukan pengeksport dan pengimport utama** masih kekal pada 2008. Jerman mengekalkan kedudukan teratas dengan nilai eksport AS$1.5 trilion, merupakan 9.1 peratus syer daripada keseluruhan eksport dunia. Republik Rakyat China (dengan AS$1.4 trilion eksport dan 8.9 peratus syer daripada eksport global) merupakan pengeksport kedua terbesar diikuti dengan Amerika Syarikat (AS$1.3 trilion, 8.1 peratus syer) dan Jepun (AS$782 bilion, 4.9 peratus syer).

Ekonomi pengimport teratas di peringkat global adalah Amerika Syarikat dengan import sebanyak AS$2.2 trilion dan merupakan syer terbesar atau 13.2 peratus daripada import keseluruhan dunia. Pengimport-pengimport utama lain dalam susunan menurun adalah Jerman (AS$1.2 trilion, 7.3 peratus syer), Republik Rakyat China (AS$1.1 trilion, 6.9 peratus syer) dan Jepun (AS$762 bilion, 4.6 peratus syer).

Jadual 1.3:
Pengeksport dan Pengimport Utama dalam Perdagangan Barangan Dunia, 2008

Kedudukan	Pengeksport	Nilai (AS$ bilion)	Syer	% Perubahan Tahunan		Kedudukan	Pengimport	Nilai (AS$ bilion)	Syer	% Perubahan Tahunan
1	Jerman	1,465	9.1	11		1	AS	2,166	13.2	7
2	Republik Rakyat China	1,429	8.9	17		2	Jerman	1,206	7.3	14
3	AS	1,301	8.1	12		3	Republik Rakyat China	1,133	6.9	19
4	Jepun	782	4.9	10		4	Jepun	762	4.6	23
5	Belanda	634	3.9	15		5	Perancis	708	4.3	14
6	Perancis	609	3.8	10		6	UK	632	3.8	1
7	Itali	540	3.3	10		7	Belanda	574	3.5	16
8	Belgium	477	3.0	10		8	Italy	556	3.4	10
9	Rusia	472	2.9	33		9	Belgium	470	2.9	14
10	UK	458	2.8	4		10	Republik Korea	435	2.7	22
11	Kanada	456	2.8	8		11	Kanada	418	2.5	7
12	Republik Korea	422	2.6	13		12	Sepanyol	402	2.5	3
13	Hong Kong SAR	370	2.3	6		13	Hong Kong SAR	393	2.4	6
14	Singapura	338	2.1	13		14	Mexico	323	2.0	9
15	Arab Saudi	329	2.0	40		15	Singapura	320	1.9	22
16	Mexico	292	1.8	7		16	Rusia	292	1.8	30
17	Sepanyol	268	1.7	6		17	India	292	1.8	35
18	Taiwan	256	1.6	4		18	Taiwan	240	1.5	10
19	Emiriyah Arab Bersatu	232	1.4	28		19	Poland	204	1.2	23
20	Switzerland	200	1.2	16		20	Turki	202	1.2	19
21	**Malaysia**	**200**	**1.2**	**14**		21	Australia	200	1.2	21
22	Brazil	198	1.2	23		22	Austria	184	1.1	13
23	Australia	187	1.2	33		23	Switzerland	184	1.1	14
24	Sweden	184	1.1	9		24	Brazil	183	1.1	44
25	Austria	182	1.1	11		25	Thailand	179	1.1	28
26	India	179	1.1	22		26	Sweden	167	1.0	10
27	Thailand	178	1.1	17		27	Emiriyah Arab Bersatu	159	1.0	20
28	Poland	168	1.0	20		**28**	**Malaysia**	**157**	**1.0**	**7**
29	Norway	168	1.0	23		29	Republik Czech	142	0.9	20
30	Republik Czech	147	0.9	30		30	Indonesia	126	0.8	36

Sumber : Pertubuhan Perdagangan Dunia, 2009

Perdagangan dalam perkhidmatan dunia berkembang 11.3 peratus kepada AS$7.2 trilion dalam 2008 daripada AS$6.5 trilion pada 2007, di mana pertumbuhan adalah lebih rendah berbanding dengan 18.9 peratus yang dicapai pada tahun sebelumnya. Seperti perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan dunia turut jatuh pada suku keempat 2008, berpunca daripada kemelesetan global yang menjejaskan perniagaan perkapalan, pengangkutan dan perjalanan antarabangsa dengan teruk.

Eksport perkhidmatan komersil dunia berkembang sebanyak 11 peratus kepada AS$3.7 trilion, (2007:AS$3.4 trilion) meskipun lebih lembap berbanding eksport barangan (15 peratus kepada AS$15.8 trilion). Sektor yang bertumbuh paling pesat antara tiga sektor perkhidmatan yang membentuk eksport perkhidmatan komersil adalah pengangkutan dengan pertumbuhan 15 peratus, bernilai AS$872.7 bilion, diikuti oleh perjalanan (10 peratus, AS$947.2 bilion) dan perkhidmatan-perkhidmatan komersil lain, (10 peratus, AS$1.9 bilion). Dari segi nilai, perkhidmatan-perkhidmatan komersil lain* (yang termasuk perkhidmatan-perkhidmatan kewangan) mendominasi 51 peratus syer daripada eksport perkhidmatan komersil dunia, yang mana perjalanan dan pengangkutan masing-masing menyumbang 25 peratus dan 23 peratus syer.

Amerika Syarikat dengan sumbangan 14 peratus daripada eksport perkhidmatan komersil dunia kekal sebagai pengeksport utama dengan eksport meningkat 10 peratus kepada AS$522 bilion, diikuti United Kingdom (UK) (7.6 peratus syer, 2 peratus pertumbuhan, AS$283.5 bilion), Jerman (6.3 peratus syer, 11 peratus pertumbuhan, AS$235 bilion), Perancis (4.1 peratus syer, 6 peratus pertumbuhan, AS$153.5 bilion) dan Jepun (3.9 peratus syer, 13 peratus pertumbuhan, AS$143.7 bilion). Kesemua pengeksport perkhidmatan utama ini mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah pada 2008, berbanding tahun sebelumnya, kecuali Jepun. (Pertumbuhan eksport perkhidmatan pada 2007 bagi Amerika Syarikat: 16 peratus, United Kingdom: 20 peratus, Jerman: 16 peratus, Perancis: 15 peratus dan Jepun: 10 peratus).

Sama seperti eksport, **import dunia bagi perkhidmatan komersil** pada 2008 berkembang 11 peratus kepada AS$3.5 trilion daripada AS$3.1 trilion pada 2007. Bagi import, AS yang menyumbang 10.5 peratus syer daripada import dunia untuk perkhidmatan komersil, mendahului di tempat teratas dengan import berkembang 7 peratus kepada AS$364.3 bilion pada 2008. Jerman merupakan pengimport kedua terbesar (8.2 peratus syer, 11 peratus pertumbuhan import, AS$284.6 bilion), diikuti UK (5.7 peratus syer, 1 peratus pertumbuhan, AS$198.9 bilion), Jepun (4.8 peratus syer, 11 peratus pertumbuhan, AS$165.6 bilion) dan Republik Rakyat China (4.4 peratus syer, 17.6 peratus pertumbuhan, AS$152 bilion).

PRESTASI RANTAU DAN NEGARA

ASIA

Bertentangan dengan jangkaan global bahawa Asia secara relatif adalah terlindung daripada krisis kewangan yang meletus di AS disebabkan kurang pendedahan kepada aset-aset cagaran Amerika Syarikat; ekonomi Asia menerima kesan yang teruk pada realitinya. Ia termasuk **ekonomi Asia yang lebih maju** iaitu Jepun, Singapura, Republik Korea (ROK), Hong Kong Special Administrative Region (Hong Kong SAR), Taiwan, Australia dan New Zealand yang KDNK secara kolektif berkembang 1.1 peratus. Ekonomi Jepun menguncup 12 peratus (tahunan) pada

**Nota : perkhidmatan-perkhidmatan komersil lain termasuk komunikasi, pembinaan, insurans, kewangan dan komputer dan khidmat maklumat.*

Jadual 1.4:
Pengeksport dan Pengimport Utama dalam Perdagangan Perkhidmatan Komersil Dunia, 2008

Kedudukan	Pengeksport	Nilai (US$ bilion)	Syer	% Perubahan Tahunan		Kedudukan	Pengimport	Nilai (US$ bilion)	Syer	% Perubahan Tahunan
1	AS	522	14.0	10		1	AS	364	10.5	7
2	UK	283	7.6	2		2	Jerman	285	8.2	11
3	Jerman	235	6.3	11		3	UK	199	5.7	1
4	Perancis	153	4.1	6		4	Jepun	166	4.8	11
5	Jepun	144	3.9	13		5	Republik Rakyat China	152	4.4	..
6	Sepanyol	143	3.8	11		6	Perancis	137	3.9	6
7	Republik Rakyat China	137	3.7	..		7	Itali	132	3.8	12
8	Itali	123	3.3	12		8	Sepanyol	108	3.1	10
9	India	106	2.8	..		9	Ireland	103	3.0	9
10	Belanda	102	2.7	8		10	Republik Korea	93	2.7	12
11	Ireland	96	2.6	8		11	Belanda	92	2.6	10
12	Hong Kong SAR	91	2.4	9		12	India	91	2.6	..
13	Belgium	89	2.4	16		13	Kanada	84	2.4	5
14	Switzerland	74	2.0	15		14	Belgium	84	2.4	16
15	Republik Korea	74	2.0	20		15	Singapura	76	2.2	6
16	Denmark	72	1.9	17		16	Rusia	75	2.2	29
17	Singapura	72	1.9	3		17	Denmark	62	1.8	16
18	Sweden	71	1.9	13		18	Sweden	54	1.6	13
19	Luxembourg	68	1.8	5		19	Thailand	46	1.3	22
20	Kanada	62	1.7	2		20	Australia	45	1.3	18
21	Austria	62	1.7	12		21	Brazil	44	1.3	28
22	Rusia	50	1.3	29		22	Hong Kong SAR	44	1.3	7
23	Greece	50	1.3	16		23	Norway	44	1.3	12
24	Norway	46	1.2	13		24	Austria	42	1.2	8
25	Australia	46	1.2	15		25	Luxembourg	40	1.2	8
26	Poland	35	0.9	20		26	Switzerland	37	1.1	10
27	Turki	34	0.9	22		27	Emiriyah Arab Bersatu	35	1.0	..
28	Taiwan	34	0.9	8		28	Arab Saudi	34	1.0	..
29	Thailand	33	0.9	11		29	Taiwan	34	1.0	-2
30	**Malaysia**	**30**	**0.8**	**5**		30	Poland	30	0.9	25

Sumber : Pertubuhan Perdagangan Dunia, 2009

suku keempat 2008 yang menyebabkan pertumbuhan KDNK negatif sebanyak 0.6 bagi keseluruhan tahun.

Begitu juga, ekonomi baru Asia berasaskan industri **(NIEs – Hong Kong SAR, Republik Korea, Singapura, Taiwan)** turut mencatatkan penurunan yang besar di antara 10 – 25 peratus pada suku keempat 2008. Keempat-empat negara NIEs tersebut secara kolektif mencatatkan pertumbuhan KDNK sebanyak 1.5 peratus pada 2008, berbanding dengan 6.3 peratus pertumbuhan yang dicatat pada 2007.

Ekonomi ASEAN-10 turut terjejas, meskipun **pada kadar yang lebih rendah, mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh** pada separuh tahun pertama sebelum mengalami kelembapan pada suku ketiga dan keempat dan akhirnya mencatatkan pertumbuhan keseluruhan 4.1 peratus pada 2008, daripada 7.1 peratus yang dicatatkan dalam tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, hanya apabila **KDNK Asia sedang membangun** (termasuk Ocenia kecuali NIEs) diambil kira, pertumbuhan yang dicatatkan adalah lebih positif 5.3 peratus (2007: 6.8 peratus). Pertumbuhan yang lebih tinggi tersebut adalah disebabkan oleh **Republik Rakyat China**, yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9 peratus pada 2008 – pertumbuhan yang paling pantas pernah dicatat oleh mana-mana ekonomi utama pada 2008. Walaupun ini adalah suatu kejayaan dalam senario global yang suram pada 2008, ia merupakan pertumbuhan yang paling lemah Republik Rakyat China pernah dicatatkan selepas lima tahun berturut-turut dengan catatan purata pertumbuhan dua angka, 11 peratus sejak 2003. Walaupun ekonomi Republik Rakyat China dan India kurang bergantung kepada perdagangan dan agak dilindungi oleh kewujudan permintaan domestik yang dinamik, Republik Rakyat China dan India masih dijejaskan oleh kemelesetan global, meskipun pada tahap yang lebih kecil. Kedua-dua ekonomi tersebut mengalami kelembapan dalam eksport kepada rakan dagang utama mereka, terutama pada suku keempat 2008, di mana kebanyakannya mengalami kegawatan. KDNK India pada 2008 bertumbuh 7.3 peratus, berkembang perlahan sedikit selepas pertumbuhan pesat dengan purata sebanyak 9.4 peratus setahun dalam tiga tahun kebelakangan.

Pada 2008, **jumlah perdagangan barangan** Asia dengan dunia berjumlah AS$9.3 trilion, peningkatan sebanyak 16.5 peratus daripada AS$7.9 trilion pada 2007. **Jumlah eksport barangan** Asia meningkat 13.9 peratus mencecah AS$4.7 trilion, (2007: AS$4.1 trilion) manakala jumlah import barangan meningkat 19.3 peratus kepada AS$4.5 trilion daripada AS$3.8 trilion pada tahun lepas.

Jumlah perdagangan perkhidmatan komersil Asia bagi 2008 mencatat pertumbuhan 12.2 peratus kepada AS$1.7 trilion daripada AS$1.5 trilion pada 2007. **Import perkhidmatan komersil Asia** mengatasi eksport, dengan import bernilai AS$858 bilion (2007: AS$763.2 bilion) dan **eksport perkhidmatan komersil mencatat** prestasi lebih rendah pada AS$837 bilion (2007: AS$747 bilion). Jepun, Republik Rakyat China dan India merupakan tiga ekonomi teratas yang terus mendahului perdagangan perkhidmatan komersil Asia.

Jepun

Output Jepun yang mengalami pertumbuhan yang stabil pada kadar purata 2.5 peratus tahunan sejak 2005, menjunam kepada -0.6 peratus pada 2008 akibat krisis ekonomi global. KDNK Jepun sebelum krisis pada 2007 adalah 2.4 peratus.

Eksport Jepun untuk paduan pembuatan maju seperti kenderaan penumpang bermotor, barangan elektronik dan jentera berteknologi tinggi serta barangan bermutu tinggi yang memerlukan bantuan kewangan menjadikan Jepun amat terdedah kepada perubahan di luar jangka dan

kebolehdapatan kredit. Paling teruk terjejas adalah sektor automotif yang menyaksikan pengecutan dalam eksport hampir 70 peratus di antara September 2008 dan Mac 2009. Eksport automotif Jepun ke AS menjunam sebanyak 30 peratus pada suku keempat 2008 sementara eksport ke negara-negara lain berkurang sebanyak 18 peratus. Kejatuhan dalam permintaan dunia bagi automobil, elektronik, elektrik dan produk tahan lama pengguna menyebabkan eksport dan pengeluaran industri Jepun jatuh dan seterusnya mengakibatkan penguncupan dalam ekonomi sebanyak 12 peratus dalam suku terakhir 2008.

Keseluruhan perdagangan barangan pada 2009 berjumlah AS$1.5 trilion, peningkatan sebanyak 15.5 peratus daripada AS$1.3 trilion dalam tahun sebelumnya. Eksport barangan Jepun meningkat perlahan sebanyak 9.5 peratus kepada AS$782.3 bilion pada 2008 daripada AS$714.3 bilion pada 2007, tercicir kepada import barangan dengan pertumbuhan 22.5 peratus yang melonjakkan import kepada AS$762 bilion daripada AS$622.2 bilion dalam tahun sebelumnya.

Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** meningkat 12.2 peratus kepada AS$309.3 bilion dari AS$275.7 bilion. **Eksport bagi perkhidmatan komersil** berjumlah AS$143.7 bilion meningkat 13.1 peratus daripada AS$127.1 bilion pada 2007. **Import perkhidmatan komersil** juga meningkat 11.4 peratus mencapai AS$165.6 bilion daripada AS$148.7 bilion dalam tahun sebelumnya.

Republik Rakyat China

Peningkatan KDNK Republik Rakyat China pada 2008 kekal kukuh pada 9 peratus, peningkatan tertinggi oleh ekonomi utama; walaupun kemerosotan prestasi dialami oleh sebilangan rakan dagangannya.

Jumlah perdagangan barangan Republik Rakyat China pada 2008 adalah AS$2.6 trilion, peningkatan sebanyak 17.8 peratus daripada AS$2.2 trilion pada 2007. Jumlah eksport barangan meningkat 17.2 peratus kepada AS$1.4 trilion daripada AS$1.2 trilion pada tahun sebelumnya. **Jumlah import barangan** Republik Rakyat China meningkat sebanyak 18.5 peratus, lebih pantas daripada eksport dengan mencapai AS$1.1 trilion daripada AS$956 bilion pada 2007.

Selepas ditempatkan sebagai pengeksport ketiga terbesar dunia bagi beberapa tahun, Republik Rakyat China mempertingkatkan eksportnya pada 2007 dengan pergerakan kepada kedudukan kedua mengatasi AS. Pada 2008, ketika berlaku kemelesatan ekonomi global, Republik Rakyat China merapatkan jurang dengan Jerman, pesaing teratas dengan mengembangkan syer pasaran eksportnya daripada eksport dunia meskipun sedikit, kepada 8.9 peratus daripada 8.8 peratus pada 2007. Jumlah eksport barangan Republik Rakyat China mencecah AS$1.4 trilion pada 2008 dan hanya di bawah eksport Jerman yang berjumlah AS$1.5 trilion. Dari segi jumlah import barangan, Republik Rakyat China mengekalkan kedudukannya sebagai pengimport ketiga terbesar dunia selepas AS dan Jerman, meningkatkan syer pasarannya daripada jumlah import global sebanyak 6.7 peratus pada 2007 kepada 6.9 peratus pada 2008.

Dalam **perdagangan perkhidmatan komersil** dunia pada 2008, WTO menganggarkan bahawa kedudukan Republik Rakyat China kekal tidak berubah sebagai pengeksport ketujuh terbesar dunia dengan nilai eksport AS$137 bilion (2007: AS$122 bilion) dan pengimport kelima terbesar dunia bagi dagangan perkhidmatan komersil dengan import mengatasi eksport mencapai AS$152 bilion (2007: AS$129 bilion). Syer Republik Rakyat China daripada **eksport perkhidmatan komersil global** jatuh pada 2008 kepada 3.7 peratus daripada 3.9 peratus pada tahun sebelumnya manakala syer daripada import **perkhidmatan komersil global**

meningkat daripada 4.2 peratus pada 2007 kepada 4.4 peratus pada 2008.

India

Ekonomi India **terus berkembang pada 2008** tetapi pada kadar lebih perlahan sebanyak 7.3 peratus, berkurangan 2 peratus daripada 9.3 peratus pertumbuhan yang dicatatkan pada 2007. Ini adalah kesan kelembapan pertama India setelah mengalami kadar pertumbuhan pada purata 9.1 peratus setahun bagi empat tahun yang lalu.

Di peringkat global, India mengekalkan kedudukan ke-26 sebagai pengeksport barangan, meningkatkan syer eksportnya 1.1 peratus daripada eksport dunia berbanding 1 peratus pada 2007. Dari segi import, India memperbaiki kedudukannya satu tingkat ke atas, daripada ke-18 terbesar dengan 1.5 peratus syer import dunia kepada ke-17, dengan syer 1.8 peratus daripada pasaran import dunia.

Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)

ASEAN sebagai sebuah kumpulan yang terdiri daripada 10 ekonomi mencatatkan **pertumbuhan KDNK** 4.1 peratus, berbanding dengan 7.1 peratus yang dicatatkan pada 2007. Kesemua 10 ekonomi mencatat penyusutan pada 2007, berpunca daripada kemerosotan ekonomi global.

Meskipun kebanyakan ekonomi ASEAN bergantung kepada eksport perdagangan untuk pertumbuhan ekonomi, namun terdapat beberapa anggota ekonomi yang lebih cenderung dalam rantaian pembuatan global bersepadu Asia untuk menghasilkan barangan berteknologi tinggi dan sederhana serta barangan pengguna *big-ticket* seperti automobil dan barangan elektronik untuk negara-negara maju. Anggota ekonomi dalam segmen ini seperti Singapura di mana perdagangan menyumbang 350 peratus kepada KDNK, Malaysia (perdagangan: 160 peratus kepada KDNK), Viet Nam (perdagangan: 140 peratus kepada KDNK), Thailand (perdagangan: 120 peratus kepada KDNK) dan Filipina (perdagangan: 75 peratus kepada KDNK) adalah di antara yang paling teruk terjejas di ASEAN apabila permintaan untuk eksport mereka daripada negara-negara maju dihentikan.

KDNK Singapura menjunam daripada 7.8 peratus pada 2007 kepada 1.1 peratus pada 2008. Pertumbuhan KDNK Malaysia jatuh daripada 6.3 peratus kepada 4.6 peratus manakala Thailand merosot daripada 4.9 peratus pada 2007 kepada 2.6 peratus pada 2008. Pertumbuhan KDNK Filipina menguncup daripada 7.2 peratus kepada 4.6 peratus pada 2008.

Jumlah dagangan barangan Anggota-anggota ASEAN berjumlah AS$1.9 trilion peningkatan sebanyak 17.5 peratus daripada AS$1.6 trilion pada 2007. Penyumbang terbesar kepada perdagangan ASEAN adalah Singapura, dengan jumlah dagangan barangan bernilai AS$658 bilion, merupakan 34.2 peratus daripada jumlah dagangan ASEAN. Ini diikuti dengan Thailand, menyumbangkan AS$356.5 bilion dan merupakan 18.5 peratus syer, diikuti oleh Malaysia dengan jumlah perdagangan sebanyak AS$356.4 bilion, dan juga merupakan 18.5 peratus syer daripada jumlah dagangan barangan ASEAN.

Pada 2008, **keseluruhan eksport barangan** ASEAN meningkat kepada AS$990.1 bilion daripada AS$863.7 bilion, peningkatan sebanyak 14.6 peratus melebihi pertumbuhan 12.2 peratus pada 2007. **Import barangan** ASEAN telah mencatat peningkatan besar sebanyak 20.7 peratus pada 2008, berbanding 12.7 peratus pada 2007 melonjakkan import kepada AS$935.8 bilion daripada AS$775.5 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Bukti kesan negatif daripada kemelesetan ekonomi global tidak dapat ditunjukkan berdasarkan kepada pertumbuhan kukuh dalam eksport dan peningkatan yang lebih kukuh dalam import bagi prestasi perdagangan ASEAN untuk 2008.

Prestasi perdagangan secara individu bagi Anggota ASEAN walau bagaimanapun menunjukkan pertumbuhan semakin perlahan pada suku keempat 2008. Sebahagian daripada sebabnya adalah kerana kemerosotan ekonomi hanya bermula pada penghujung tahun bagi ekonomi-ekonomi ASEAN, di mana impaknya telah disembunyi dan disebarkan dengan efektif melalui harga-harga komoditi yang agak tinggi dan persekitaran perdagangan yang memberangsangkan terdapat pada setengah tahun pertama tersebut.

Tiga pengeksport terbesar di ASEAN adalah Singapura dengan jumlah eksport global bernilai AS$338.2 bilion, Malaysia (AS$199.5 bilion) dan Thailand (AS$177.8 bilion). Pengimport-pengeksport utama pula adalah Singapura dengan jumlah import global bernilai AS$319.8 bilion, Thailand (AS$178.7 bilion) dan Malaysia (AS$156.9 bilion).

Ketiga-tiga Anggota ASEAN tersebut juga disenaraikan dalam 30 Pengeksport dan Pengimport Utama Dunia oleh WTO bagi tahun 2008. Singapura adalah peneraju perdagangan antarabangsa bagi ASEAN, iaitu pengeksport terbesar dunia ke-14 dan pengimport terbesar dunia ke-15 dan kedudukannya adalah sama pada 2007. Malaysia menduduki tempat ke-21 sebagai pengeksport utama dan tempat ke-28 sebagai pengimport utama secara global. Malaysia jatuh dua tangga daripada kedudukan ke-19 sebagai pengeksport terbesar, diambil alih oleh Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Switzerland. Dari segi import global, Malaysia jatuh daripada kedudukan ke-25 pada 2007 kepada kedudukan ke-28, di belakang Thailand, Brazil dan Emiriyah Arab Bersatu. Pada 2008, Thailand telah didahului oleh India dan Australia dan jatuh kepada kedudukan ke-27 daripada kedudukan ke-25 sebagai pengeksport terutama pada 2007. Dari segi import dunia, kedudukan Thailand naik ke-25 daripada ke-26 pada 2007 dengan menggantikan Sweden.

Berbanding dengan perdagangan barangan, jumlah perdagangan ASEAN bagi perkhidmatan komersil adalah jauh lebih kecil. Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** berjumlah AS$36.6 bilion, peningkatan sebanyak 8.5 peratus daripada AS$33.7 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan import telah mengatasi eksport, bertumbuh sebanyak 10.4 peratus kepada AS$198 bilion daripada AS$179.4 bilion pada 2007.

Singapura merupakan pengeksport perkhidmatan komersil terbesar ASEAN dengan jumlah AS$71.9 bilion yang merupakan 42.9 peratus syer, manakala Thailand ialah pengeksport perkhidmatan kedua terbesar dengan 19.9 peratus syer dengan nilai eksport sebanyak AS$33.4 bilion.

Singapura adalah pemacu utama bagi **jumlah import perkhidmatan komersil** ASEAN, menyumbangkan AS$76.3 bilion import atau 38.6 peratus syer manakala Thailand menduduki tempat kedua dengan nilai import AS$46.4 bilion atau 23.5 peratus syer import perkhidmatan komersil.

AMERIKA UTARA

Amerika Syarikat

Ekonomi AS menguncup 6.3 peratus pada suku keempat, tetapi mampu mencatat pertumbuhan kumulatif **KDNK** sebanyak 1.1 peratus sepanjang 2008. Sebahagian besar daripada pertumbuhan ekonomi adalah disumbang oleh pelaburan tetap kasar yang meningkat 16.1 peratus dan penggunaan kerajaan yang meningkat 11.7 peratus. Ini adalah pertumbuhan paling rendah yang pernah dicatat oleh AS sejak 2001. **Jumlah perdagangan barangan** AS meningkat 8.9 peratus kepada AS$3.5 trilion daripada AS$3.2 trilion pada 2007. Dari segi nilai, **jumlah import barangan** mencapai AS$2.2 trilion daripada AS$2 trilion manakala **jumlah eksport barangan** meningkat 11.9 peratus kepada AS$1.3

trilion daripada AS$1.2 trilion pada tahun sebelum. Pertumbuhan jumlah import barangan adalah baik di sepanjang tiga suku pertama tahun 2008, tetapi semakin perlahan pada suku tahun keempat dan menjadikan pertumbuhan import barangan sepanjang tahun sebanyak 7.2 peratus.

AS mengekalkan kedudukannya sebagai pengimport terbesar dunia dan pengeksport ketiga terbesar pada 2008. Ekonomi AS walau bagaimanapun menyaksikan syer import dunia merosot sebanyak 13.2 peratus daripada 14.2 peratus pada 2007, manakala syer eksport globalnya jatuh 8.1 peratus pada 2008 daripada 8.4 peratus pada tahun sebelum.

Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** AS meningkat 8.8 peratus kepada AS$886.3 bilion daripada AS$814.4 bilion pada 2007. **Eksport perkhidmatan komersil** berjumlah AS$522 bilion, meningkat 10.4 peratus daripada AS$472.7 bilion yang dicatatkan pada tahun lepas. **Import perkhidmatan komersil** berjumlah AS$364.3 bilion, peningkatan sebanyak 6.6 peratus daripada AS$341.7 bilion pada tahun lepas. Di peringkat global, AS merupakan pengeksport dan pengimport terutama dunia bagi perkhidmatan komersil, masing-masing mencatatkan 14 peratus dan 10.5 peratus daripada jumlah perdagangan perkhidmatan komersil.

Kanada

KNDK Kanada bertambah sedikit sebanyak 0.5 peratus pada 2008 berbanding pertumbuhan 2.7 peratus pada 2007.

Jumlah perdagangan barangan bernilai AS$874.8 bilion, meningkat 7.9 peratus daripada AS$810.6 bilion yang direkodkan pada 2007. **Jumlah eksport barangan** meningkat 8.5 peratus kepada AS$456.4 bilion daripada AS$420.7 bilion pada tahun lepas, manakala **jumlah import barangan** meningkat 7.3 peratus kepada AS$418.3 bilion daripada AS$390 bilion.

Kanada menduduki tempat ke-11 sebagai pengeksport terbesar dunia dengan 2.8 peratus syer bagi eksport global pada 2008. Ini adalah kejatuhan daripada tempat ke-10 pada 2007 dan juga menunjukkan kemerosotan dalam pegangan syer iaitu sebanyak 3 peratus syer bagi eksport dunia pada 2007.

Dari segi import, Kanada kekal sebagai pengimport ke-11 terbesar dunia dengan 2.5 peratus syer daripada import dunia pada 2008. Ia juga adalah penyusustan daripada prestasinya pada 2007, di mana ia menduduki tempat ke-10 dengan syer 2.7 peratus daripada import global.

Jumlah perdagangan perkhidmatan komersil Kanada berkembang 3.7 peratus peratus kepada AS$146.5 bilion dalam 2008 berbanding AS$141.2 bilion pada 2007. **Eksport** mencatatkan AS$62.3 bilion, meningkat sebanyak 1.5 peratus daripada AS$61.4 bilion yang dilaporkan pada 2007. **Import perkhidmatan komersil** adalah lebih besar daripada eksport berjumlah AS$84.2 bilion, bertambah sebanyak 5.4 peratus daripada AS$79.8 bilion tahun sebelumnya.

Kanada adalah pengeksport perkhidmatan komersil ke-20 terbesar pada 2008, dengan syer 1.7 peratus daripada eksport perkhidmatan komersil dunia, dan pengimport perkhidmatan komersil ke-13 terbesar, mengumpul syer 2.4 peratus daripada import perkhidmatan komersil dunia.

EROPAH

Jerman

Output Jerman berkembang 1.3 peratus pada 2008, di bawah pertumbuhan 2.5 peratus yang direkodkan pada 2007. Jerman adalah antara negara yang berhadapan dengan ekonomi yang teruk kesan daripada krisis kewangan dan ekonomi global, disebabkan oleh kebergantungannya kepada sektor perkilangan. Sektor perkilangan Jerman mencatat 27 peratus

syer daripada KDNK, lebih tinggi daripada 16 peratus di Perancis dan 18 peratus di Sepanyol. Pada suku keempat 2008, Jerman mencatatkan kejatuhan KDNK sebanyak 2.1 peratus dan penyusutan dalam pengeluaran perindustrian melebihi 7 peratus dari suku tahun ke suku tahun.

Jumlah perdagangan barangan meningkat 12.3 peratus kepada AS$2.7 trilion pada 2008 daripada AS$2.4 trilion pada 2007. **Jumlah eksport barangan** bernilai AS$1.5 trilion, bertambah 10.8 peratus daripada AS$1.3 trilion yang dilaporkan pada tahun lepas. **Jumlah import barangan** Jerman juga meningkat dengan kukuh sebanyak 14.2 peratus mencecah AS$1.2 trilion daripada AS$1.1 trilion yang dilaporkan pada tahun sebelumnya.

Jerman merupakan pengeksport barangan perdagangan terbesar dunia pada 2008, mencatatkan 9.1 peratus syer daripada eksport barangan dunia. Bagi import barangan, Jerman ditempatkan sebagai pengimport kedua terbesar dunia dengan 7.3 peratus syer daripada import barangan global.

Jumlah perdagangan perkhidmatan komersil Jerman meningkat 11 peratus kepada AS$519.6 bilion pada 2008 daripada AS$467.9 bilion pada tahun lepas. **Eksport perkhidmatan komersil** pada 2008 berjumlah AS$235 bilion, meningkat sebanyak 11.5 peratus daripada AS$210.8 bilion yang dicatatkan pada 2007. **Import perkhidmatan komersil** Jerman juga meningkat sebanyak 10.7 peratus kepada AS$284.6 bilion pada 2008 berbanding dengan AS$257.1 bilion yang dicatatkan pada tahun lalu. Jerman merupakan pengeksport perkhidmatan komersil ketiga terbesar dunia dengan 6.3 peratus syer daripada eksport perkhidmatan komersil global. Dari segi import perkhidmatan komersil, Jerman menduduki tempat kedua dunia dengan syer sebanyak 8.2 peratus daripada import perkhidmatan komersil global.

Belanda

Output Belanda pada 2008 adalah 2 peratus, pengurangan daripada 3.5 peratus yang dicatatkan pada 2007. Pengurangan dalam permintaan global yang berpunca daripada krisis ekonomi dan kewangan mengakibatkan eksport dan pengeluaran perindustrian Belanda jatuh dan menyebabkan kemerosotan ekonomi sebanyak 0.8 peratus pada **suku terakhir 2008**. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK yang direkodkan oleh Belanda pada 2008 adalah kedua tertinggi (selepas pertumbuhan KDNK Greece sebanyak 2.9 peratus) di antara ekonomi-ekonomi maju di Eropah Barat.

Jumlah perdagangan barangan Belanda pada 2008 bernilai AS$1.2 trilion, perningkatan sebanyak 15.6 peratus berbanding dengan AS$1 trilion pada tahun sebelum. **Jumlah eksport barangan** meningkat 14.9 peratus kepada AS$634 bilion pada 2008 daripada AS$551.7 bilion pada 2007. **Jumlah import barangan** untuk Belanda meningkat 16.3 peratus kepada AS$573.9 bilion daripada AS$493.3 bilion pada tahun sebelum. Disebabkan aktiviti ekonomi di kebanyakan Eropah maju mulai merosot pada 2008, pertumbuhan jumlah perdagangan barangan Belanda telah menjadi perlahan dengan sewajarnya, jatuh 3 peratus daripada 18.6 peratus pada 2007 kepada 15.6 peratus dalam tahun berikutnya.

Belanda merupakan pengeksport barangan dagangan kelima terbesar dunia dengan 3.9 peratus syer daripada eksport global dan sebagai pengimport perdagangan barangan ketujuh terbesar di dunia dengan 3.5 peratus syer daripada import global dalam 2008.

Jumlah perdagangan perkhidmatan komersil Belanda meningkat 9 peratus kepada US$194 bilion pada 2008 daripada AS$178 bilion pada 2007. **Eksport perkhidmatan komersil** berjumlah AS$102 bilion meningkat sebanyak 8.3

peratus daripada AS$94.2 bilion tahun sebelumnya. **Import perkhidmatan komersil** Belanda turut meningkat sebanyak 9.7 peratus kepada AS$91.9 bilion pada 2008 daripada AS$83.8 bilion pada tahun sebelumnya.

Dari segi perdagangan perkhidmatan komersil, Belanda adalah pengeksport ke-10 terbesar dunia dengan 2.7 peratus syer daripada pasaran global; dan merupakan pengimport perkhidmatan komersil ke-11 terbesar dunia yang memegang 2.6 peratus syer daripada pasaran global untuk import perkhidmatan komersil pada 2008.

United Kingdom

United Kingdom yang merupakan ekonomi kelima terbesar dunia dan kedua terbesar di Eropah berkembang sedikit sebanyak 0.7 peratus pada 2008 selepas menyusut sebanyak 1.6 peratus pada suku keempat 2008 – di samping kekangan kredit dan kelembapan sektor kewangan, perumahan dan ekuiti.

Jumlah perdagangan barangan pada 2008 meningkat 2.6 peratus kepada AS$1.09 trilion daripada AS$1.06 trilion pada 2007. **Jumlah eksport barangan** meningkat 4.2 peratus kepada AS$458 bilion daripada AS$439.3 bilion, manakala **jumlah import barangan** bertambah 1.4 peratus kepada AS$631.9 bilion daripada AS$623.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Pada 2008, UK merupakan pengeksport ke-10 terbesar dunia dengan 2.8 peratus syer daripada eksport global, jatuh daripada kedudukan kelapan yang dipegang pada 2007. Bagi import pula, UK merupakan pengimport keenam terbesar di peringkat global beralih kedudukan daripada tempat kelima pada 2007 dengan syer 3.8 peratus daripada import dunia.

Jumlah perdagangan bagi perkhidmatan komersil berjumlah AS$482.4 bilion, peningkatan sebanyak 1.6 peratus daripada AS$474.8 bilion yang dicatatkan pada 2007. **Eksport perdagangan perkhidmatan** komersil meningkat 2.1 peratus kepada AS$283.5 bilion daripada AS$277.6 bilion pada tahun sebelumnya. **Import perdagangan perkhidmatan komersil** meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada AS$198.9 bilion, daripada AS$197.2 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. UK merupakan pengeksport perkhidmatan komersil kedua terbesar dunia dan pengimport ketiga terbesar dunia. Pada 2008, eksport dan import untuk perdagangan perkhidmatan komersil dunia masing-masing menyumbang 7.6 peratus dan 5.7 peratus syer.

Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** Eropah meningkat sebanyak 11 peratus kepada AS$1.9 trilion, manakala **import** meningkat 10 peratus, kepada AS$1.6 trilion. UK kekal sebagai pengeksport kedua terbesar dunia dengan 7.6 peratus syer bernilai AS$283.5 bilion daripada AS$277.6 bilion pada 2007. UK merupakan pengimport ketiga terbesar dunia pada 2008 dengan jumlah import sebanyak AS$198.9 bilion atau 5.7 peratus syer berbanding AS$197.2 bilion dengan pada 2007. Impak daripada krisis kewangan jelas kelihatan seperti dalam scenario Eropah. Berdasarkan maklumat yang ada, eksport perdagangan perkhidmatan komersil serantau, meningkat sebanyak 19 peratus dalam sembilan bulan pertama tahun 2008, menjunam kepada 11 peratus pada suku akhir 2008.

AUSTRALASIA/OCEANIA

Australia

Kadar pertumbuhan **output** Australia secara purata menyumbang sebanyak 3.4 peratus bagi tempoh 2004 - 2007 berkurang kepada 2.1 peratus dalam 2008 berbanding dengan 4 peratus pertumbuhan yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

Jumlah perdagangan barangan Australia pada 2008 adalah sebanyak AS$387.7,

peningkatan sebanyak 26.4 peratus daripada AS$306.7 bilion pada 2007. **Eksport barangan** mencatat peningkatan sebanyak 32.6 peratus kepada AS$187.4 bilion pada 2008 daripada AS$141.4 bilion pada 2007. Dari segi **import barangan**, Australia mencapai peningkatan sebanyak 21.1 peratus kepada AS$200.3 bilion daripada AS$165.3 bilion pada 2007.

Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** Australia meningkat 16.3 peratus kepada AS$91 bilion daripada AS$78.2 bilion pada 2007. **Eksport perdagangan perkhidmatan komersil** bernilai AS$45.6 bilion meningkat kepada 14.9 peratus daripada AS$39.7 bilion pada 2007. **Import perdagangan perkhidmatan komersil** turut meningkat 17.7 peratus mencecah AS$45.4 bilion daripada AS$38.5 bilion tahun sebelumnya.

New Zealand

KDNK New Zealand berkembang pada 0.3 peratus pada 2008, penurunan sebanyak 3.2 peratus pada 2007. Ini menandakan pertumbuhan tahunan paling lemah sejak 2004.

Jumlah perdagangan barangan pada 2008 adalah sebanyak AS$64.9 bilion, peningkatan sebanyak 12.3 peratus daripada AS$57.8 bilion pada 2007. **Eksport barangan** New Zealand mencatat peningkatan sebanyak 13.6 peratus kepada AS$30.6 bilion pada 2008 daripada AS$26.9 bilion pada 2007. Jumlah **import barangan** New Zealand meningkat 11.3 peratus kepada AS$34.4 bilion daripada AS$30.9 bilion pada 2007.

ASIA BARAT/TIMUR TENGAH

Emiriyah Arab Bersatu (UAE)

Emiriyah Arab Bersatu mencatatkan **pertumbuhan KDNK** yang memberangsangkan iaitu sebanyak 7.4 peratus pada 2008, berbanding dengan 6.3 peratus pada tahun sebelumnya. Salah satu faktor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan besar adalah kenaikan harga minyak, dengan harga yang paling tinggi direkodkan pada julai 2008 iaitu pada AS$145.08 satu tong.

Jumlah perdagangan barangan UAE pada 2008 adalah sebanyak AS$390.5, peningkatan sebanyak 26.4 peratus daripada AS$313.4 bilion pada 2007. **Eksport barangan** UAE mencatatkan peningkatan sebanyak 28 peratus kepada AS$231.6 bilion pada 2008 daripada AS$180.9 bilion pada 2007. **Import barangan** turut mencatatkan peningkatan sebanyak 19.9 peratus kepada AS$158.9 bilion daripada AS$132.5 bilion pada 2007.

Arab Saudi

KDNK Arab Saudi meningkat sebanyak 4.6 peratus pada 2008, peningkatan daripada 3.5 peratus yang dicatatkan pada 2007 disebabkan terutamanya harga minyak yang tinggi direkodkan pada 2008. Sektor petroleum dianggarkan menyumbang sebanyak 75 peratus hasil belanjawan dan 45 peratus daripada KDNK Arab Saudi.

Jumlah perdagangan barangan pada 2008 adalah sebanyak AS$440.8 bilion, peningkatan sebanyak 35.6 peratus daripada AS$325.2 bilion pada 2007. **Eksport barangan** Arab Saudi mencatatkan peningkatan sebanyak 40 peratus kepada AS$328.9 bilion pada 2008 daripada AS$235 bilion pada 2007. Jumlah **import barangan** Arab Saudi mencatat peningkatan dari 24 peratus kepada AS$111.9 bilion daripada AS$90.2 bilion pada 2007.

AMERIKA LATIN

Brazil

KDNK Brazil berkurang kepada 5.1 peratus daripada 5.7 peratus yang direkodkan pada 2007. **Jumlah perdagangan barangan** Brazil pada 2008 adalah sebanyak AS$380.8 billion, meningkat sebanyak

32.6 peratus daripada AS$287.2 bilion pada 2007. Jumlah **eksport barangan** Brazil mencatatkan peningkatan 23.2 peratus kepada AS$197.9 bilion pada 2008 daripada AS$160.6 bilion pada 2007. **Jumlah import barangan** juga mencatat peningkatan sebanyak 44.4 peratus kepada AS$182.8 bilion pada 2008 daripada AS$126.6 bilion pada 2007.

Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** Brazil meningkat sebanyak 27.7 peratus kepada AS$73.24 bilion daripada AS$57.3 bilion pada 2007. **Jumlah eksport perkhidmatan komersil** adalah sebanyak AS$28.8 bilion meningkat 27.4 peratus daripada AS$22.6 bilion pada 2007. **Jumlah import perdagangan** perkhidmatan komersil juga meningkat sebanyak 27.9 peratus kepada AS$44.4 bilion daripada AS$34.7 bilion pada tahun sebelumnya.

Mexico

KDNK Mexico berkurang sedikit kepada 1.3 peratus pada 2008, daripada 3.3 peratus yang dicatatkan pada 2007. **Jumlah perdagangan barangan** pada 2008 adalah sebanyak AS$615 bilion, peningkatan 8.5 peratus daripada AS$567 bilion pada 2007. **Eksport barangan** Mexico meningkat sebanyak 7.4 peratus kepada AS$291.8 bilion pada 2008 daripada AS$271.8 bilion pada 2007. Dari segi **import barangan**, Mexico mencatatkan peningkatan sebanyak 9.5 peratus kepada AS$323.2 bilion daripada AS$295.2 bilion pada 2007.

Pada 2008, **jumlah perdagangan perkhidmatan komersil** Mexico meningkat 5.1 peratus kepada AS$43 bilion daripada AS$40.9 bilion pada 2007. **Eksport perkhidmatan komersil** adalah sebanyak AS$18.3 bilion meningkat 3.9 peratus daripada AS$17.6 bilion pada 2007. **Import perkhidmatan komersil** meningkat 5.9 peratus mencecah AS$24.6 bilion daripada AS$23.2 bilion pada tahun sebelumnya.

AFRIKA

Afrika Selatan

KDNK Afrika Selatan yang merekodkan pertumbuhan purata sebanyak 5.1 peratus bagi tempoh 2004 - 2007 berkurang kepada 3.1 peratus pada 2008. **Jumlah perdagangan barangan** pada 2008 adalah sebanyak AS$180.3 bilion, peningkatan sebanyak 13.9 peratus daripada AS$158.2 bilion pada 2007. **Eksport barangan** Afrika Selatan merekodkan peningkatan 15.8 peratus kepada AS$80.8 bilion pada 2008 daripada AS$69.8 bilion pada tahun sebelumnya. Dari segi **import barangan**, Afrika Selatan mencatatkan peningkatan sebanyak 12.5 peratus kepada AS$99.5 bilion daripada AS$88.5 bilion pada tahun sebelumnya.

PERKEMBANGAN PELABURAN

Aliran Masuk Pelaburan Langsung Asing

Pada 2008, aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) berkurang sebanyak 14.5 peratus kepada AS$1.7 trilion, daripada AS$1.9 trilion pada 2007 berikutan kesan krisis kewangan dan ekonomi dunia yang berterusan. Aliran masuk FDI ke dalam negara maju menurun sebanyak 25.3 peratus manakala aliran masuk FDI ke dalam negara-negara yang sedang membangun meningkat sebanyak 7.2 peratus pada 2008. Eropah Tenggara dan Negara Komanwel Bebas (CIS) mencatatkan peningkatan 23.8 peratus dalam jumlah kemasukan FDI bagi 2008. Peningkatan dalam aliran masuk FDI dunia adalah akibat daripada pulangan pelaburan yang tinggi oleh syarikat multinasional serta pencapaian ekonomi yang teguh oleh negara-negara sedang membangun. Sebahagian besar daripada aliran masuk

FDI ini berpunca daripada penggabungan dan pengambilalihan merentasi sempadan bernilai tinggi.

Negara-negara maju terus menjadi penerima utama untuk FDI pada 2008 dengan menarik AS$1 trilion atau 60.4 peratus syer daripada FDI dunia. Negara-negara sedang membangun dan negara-negara dalam peralihan, iaitu Eropah Tenggara dan CIS, masing-masing menerima 33.1 peratus dan 6.5 peratus kepada jumlah FDI dunia.

Pelaburan Langsung Asing dalam Negara-Negara Membangun

Pada 2008, Kesatuan Eropah sebagai satu rantau, kekal sebagai penerima terbesar FDI yang telah membawa pelaburan US$554.9 bilion atau 32.9 peratus daripada jumlah FDI dunia. Perancis dan UK, bagaimanapun mencatatkan jumlah FDI yang lebih rendah berbanding pada 2007. Perancis mencatatkan pengurangan sebanyak 20.2 peratus dalam FDI kepada AS$126.1 bilion (2007: AS$158 bilion) dan UK, dengan 50.7 peratus penguncupan kepada AS$96.8 bilion (2007: AS$196.4 bilion).

AS masih kekal sebagai penerima tunggal utama FDI di mana aliran FDI telah meningkat sebanyak 37.8 peratus kepada AS$320.9 bilion, berbanding dengan AS$232.8 bilion pada 2007. Jumlah ini menyumbang 19.3 peratus kepada aliran FDI dunia pada 2008.

Pelaburan Langsung Asing di Negara-Negara Sedang Membangun

Kadar pertumbuhan aliran masuk FDI ke negara-negara sedang membangun kekal tinggi disebabkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi wujud di beberapa negara sedang membangun dan peralihan ekonomi termasuk Brazil, Republik Rakyat China and India.

Pada 2008, Asia dan Oceania masih kekal sebagai penerima terbesar FDI bagi negara-negara sedang membangun, menarik pelaburan berjumlah AS$337.8 bilion, iaitu sebanyak 20.4 peratus daripada jumlah FDI dunia atau 61.5 peratus daripada jumlah aliran FDI bagi negara-negara sedang membangun. Aliran masuk FDI dalam Asia adalah tertumpu di Asia Selatan, Timur dan Tenggara, meningkat sebanyak 6.4 peratus kepada AS$275.2 bilion pada 2008 daripada AS$258.7 pada 2007. Penerima utama bagi aliran masuk FDI dalam sub-rantau adalah Republik Rakyat China dengan jumlah AS$92.4 bilion, Hong Kong SAR (AS$63 bilion) dan India (AS$46.5 bilion). Kesemua negara tersebut secara kolektif menyumbang 73.4 peratus daripada jumlah aliran masuk FDI ke sub-rantau. Pada 2008, jumlah aliran masuk FDI ke Malaysia berkurangan sebanyak 5.9 peratus kepada AS$8 bilion daripada AS$8.5 bilion pada 2007.

Di Asia Barat, keseluruhan aliran masuk FDI pada 2008 berkurang sebanyak 14.2 peratus kepada AS$61.4 bilion (2007: AS$71.5 bilion). Turki dan Negara-negara Teluk yang kaya dengan minyak terus menerima sebahagian besar aliran masuk FDI ke sub-rantau.

Aliran masuk FDI ke Amerika Latin dan Carribean meningkat sebanyak 9.4 peratus kepada AS$139.3 bilion pada 2008 (2007: AS$127.3 bilion). Dalam rantau ini, peningkatan ketara dalam FDI dicatatkan oleh Brazil dengan aliran masuk pelaburan meningkat sebanyak 30.3 peratus kepada AS$45.1 bilion pada 2008, daripada AS$34.6 bilion pada 2007. Aliran masuk FDI ke Mexico berkurang sebanyak 31.6 peratus kepada AS$18.6 bilion (2007: AS$27.2 bilion), manakala aliran masuk pelaburan ke Chile meningkat sebanyak 33.3 peratus kepada AS$16.8 bilion (2007: AS$12.6 bilion).

Pada 2008, jumlah aliran masuk FDI ke Afrika bernilai AS$72 bilion (2007: AS$53.5 bilion). Destinasi utama bagi aliran masuk FDI dalam rantau tersebut termasuk Mesir (AS$9.5 bilion), Afrika

Jadual 1.5:
Aliran Masuk FDI Dunia, 2008

Rantau / Negara	2008 [a]			2007 [1]	
	AS$ bilion	Syer(%)	Perubahan (%)	AS$ bilion	Perubahan (%)
Dunia	**1,658.5**	**100.0**	**-14.5**	**1,940.9**	**37.6**
Negara Maju	**1,001.8**	**60.4**	**-25.3**	**1,341.8**	**42.6**
Eropah	**559.0**	**33.7**	**-39.3**	**920.9**	**53.7**
Kesatuan Eropah	544.9	32.9	-36.9	864.0	53.6
Austria	12.4	0.7	-58.2	29.7	380.0
Belgium	94.2	5.7	34.6	70.0	8.7
Republik Czech	10.9	0.7	2.6	10.6	76.3
Denmark	10.9	0.7	-7.8	11.8	226.4
Finland	-4.2	-0.3	-134.0	12.4	126.2
Perancis	126.1	7.6	-20.2	158.0	102.2
Jerman	24.9	1.5	-55.8	56.4	2.2
Hungary	6.6	0.4	7.7	6.1	-10.2
Ireland	-12.3	-0.7	-140.2	30.6	-652.1
Itali	13.3	0.8	-66.9	40.2	2.4
Belanda	-3.5	-0.2	-130.0	118.4	1,383.3
Poland	16.5	1.0	-28.0	23.0	19.8
Romania	13.3	0.8	34.1	9.9	-12.9
Sepanyol	65.5	3.9	-4.8	68.8	155.9
Sweden	40.4	2.4	83.1	22.1	-4.6
United Kingdom	96.8	5.8	-50.7	196.4	32.5
AS	**320.9**	**19.3**	**37.8**	**232.8**	**-1.6**
Jepun	**19.0**	**1.1**	**-15.6**	**22.5**	**-445.8**
Negara-negara Sedang Membangun	**549.1**	**33.1**	**7.2**	**512.2**	**24.0**
Afrika	**72.0**	**4.3**	**34.7**	**53.5**	**16.9**
Mesir	9.5	0.6	-18.0	11.6	15.5
Maghribi	2.0	0.1	-20.5	2.6	6.1
Afrika Selatan	9.0	0.5	58.0	5.7	346.0
Latin America dan the Caribbean	**139.3**	**8.4**	**9.4**	**127.3**	**37.0**
Argentina	7.3	0.4	27.9	5.7	13.2
Brazil	45.1	2.7	30.3	34.6	83.8
Chile	16.8	1.0	33.5	12.6	71.2
Colombia	10.6	0.6	16.7	9.0	39.2
Mexico	18.6	1.1	-31.6	27.2	41.0
Peru	4.1	0.2	-24.8	5.4	55.8
Asia dan Oceania	**337.8**	**20.4**	**1.9**	**331.4**	**20.8**
Asia Barat	61.4	3.7	-14.2	71.5	11.7
Turki	18.0	1.1	-18.4	22.0	10.1
Asia Selatan,Timur dan Tenggara	**275.2**	**16.6**	**6.4**	**258.7**	**23.8**
Republik Rakyat China	92.4	5.6	10.6	83.5	14.8
Hong Kong SAR	63.0	3.8	5.2	59.9	33.0
India	46.5	2.8	85.1	25.1	27.7
Indonesia	8.3	0.5	20.4	6.9	40.4
Malaysia	8.0	0.5	-5.6	8.5	40.5
Singapura	22.7	1.4	-28.0	31.6	27.7
Thailand	10.1	0.6	-10.2	11.2	24.3
Eropah Timur-Selatan dan Negara-negara Bebas Komanwel	**107.6**	**6.5**	**23.8**	**86.9**	**52.0**
Rusia	70.3	4.2	34.0	52.5	62.1
Ukraine	10.7	0.6	8.1	9.9	76.7

Sumber : United Nations Conference on Trade and Development
a – Anggaran Awal 1 – Data yang disemak semula

Selatan (AS$9 bilion) dan Mahgribi (AS$2 bilion).

Pelaburan Langsung Asing di Eropah Tenggara dan CIS

Aliran masuk FDI ke Eropah Tenggara dan CIS juga mencapai tahap rekod dengan aliran masuk pelaburan meningkat sebanyak 23.8 peratus kepada AS$107.6 bilion pada 2008 (2007: AS$86.9 bilion). Rusia kekal sebagai penerima terbesar FDI di antara peralihan dalam ekonomi dengan aliran masuk pelaburan meningkat sebanyak 33.9 peratus kepada AS$70.3 bilion (2007: AS$52.5 bilion).

PROSPEK

Ekonomi maju diunjurkan terus berada dalam kemelesetan dengan penguncupan dalam pertumbuhan ekonomi sebanyak 3.8 peratus pada 2009. Pada 2010, ekonomi-ekonomi dijangka pulih tetapi akan mencatat pertumbuhan sifar.

Di antara ekonomi utama tersebut, AS sebagai punca utama krisis, diunjurkan terus berada dalam kemelesetan dengan penguncupan sebanyak 2.8 peratus pada 2009, dan beransur pulih kepada pertumbuhan sifar pada 2010. Kekangan kredit, pembaikan perumahan dan pengangguran yang tinggi akan terus berlaku sepanjang tempoh tersebut. Penyusutan ekonomi Jepun sebanyak 6.2 peratus adalah berpunca daripada faktor lain iaitu terlalu bergantung kepada eksport pembuatan dan juga penggunaan domestik yang suram.

Ekonomi baru muncul dan sedang membangun akan bertambah baik dengan unjuran pertumbuhan sederhana sebanyak 1.6 peratus pada 2009. Pertumbuhan akan didahului oleh negara sedang membangun Asia terutamanya Republik Rakyat Republik Rakyat China, yang diunjurkan berkembang sebanyak 6.5 peratus dan 7.5 peratus, masing-masing pada 2009 dan 2010. India diunjurkan berkembang 4.5 peratus dan 5.6 peratus masing-masing pada 2009 dan 2010 yang juga akan menyumbang kepada mempercepatkan pemulihan negara sedang membangun Asia.

Walau bagaimanapun, KDNK benar dijangka merosot merentasi ekonomi serantau Negara-Negara Komanwel Bebas sebanyak 5.1 peratus dan 3.7 peratus bagi Eropah Tengah dan Eropah Timur. Pengeluaran pembiayaan luar, kredit dan modal dikaitkan dengan penyusutan permintaan di pasaran maju Eropah Barat akan memberi kesan negatif kepada hasil eksport pada 2009. Ekonomi Amerika Latin yang berkembang secara kolektif sebanyak 4.2 peratus pada 2008, juga akan menyaksikan penyusutan sebanyak 1.5 peratus pada 2009 sebelum pulih kepada pertumbuhan positif sebanyak 1.6 peratus pada 2010.

Afrika dan Timur Tengah (Asia Barat), masing-masing dijangka bertumbuh sebanyak 2.0 peratus dan 2.5 peratus pada 2009. Bagi 2010, Afrika diunjurkan mencatat pertumbuhan yang sedikit meningkat sebanyak 3.9 peratus manakala Timur Tengah atau Asia Barat akan mencapai 3.5 peratus.

Kejatuhan dalam FDI di peringkat global dalam 2008 - 2009 adalah berpunca daripada dua faktor utama yang menjejaskan pelaburan domestik dan juga antarabangsa. Menurut UNCTAD, kedua-dua faktor ini merupakan keupayaan firma-firma untuk melabur telah merosot kerana kejatuhan dalam capaian kepada sumber kewangan dan kecenderungan untuk melabur telah terjejas oleh prospek ekonomi, terutamanya di negara-negara maju yang dilanda oleh kemelesetan paling teruk era selepas perang.

BAB 2: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

TINJAUAN

Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2008 mencecah RM1.2 trilion, meningkat 6.8 peratus daripada RM1.1 trilion pada tahun 2007. Peningkatan ini adalah menyeluruh dengan pertumbuhan disumbangkan oleh sektor perkilangan, pertanian dan perlombongan. Malaysia mencatatkan lebihan dagangan bagi tahun ke-11 berturut-turut bernilai RM142 bilion pada 2008.

Hasil daripada kepelbagaian dalam produk dan pasaran, serta permintaan luar yang berterusan dari pasaran utama yang terpilih, eksport meningkat 9.6 peratus kepada RM663.5 bilion, berbanding RM605.2 bilion pada 2007. Import berkembang 3.3 peratus kepada RM521.6 bilion pada 2008, daripada RM504.8 bilion pada 2007.

Singapura, Amerika Syarikat (AS), Jepun, Republik Rakyat China dan Thailand kekal sebagai lima rakan perdagangan utama Malaysia pada 2008. Secara kolektif, kesemua negara ini menyumbang 52.5 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia.

Mengikut rantau, tiga rakan perdagangan utama Malaysia pada 2008 adalah Asia Timur Laut, Pertubuhan Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Amerika Utara. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Asia Timur Laut dan ASEAN masing-masing meningkat 6.9 peratus dan 6.7 peratus. Jumlah perdagangan dengan kesemua rantau tersebut menyumbang 58.9 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2008.

Jadual 2.1:
Perdagangan Luar

Keterangan	2008		2007
	RM bilion	Perubahan (%)	RM bilion
Jumlah Perdagangan	**1,185.1**	**6.8**	**1,110.0**
Eksport	663.5	9.6	605.2
Import	521.6	3.3	504.8
Imbangan Perdagangan	141.9	41.5	100.4

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Carta 2.1:
Prestasi Perdagangan Malaysia, 1990 - 2008



Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Jadual 2.2:
20 Rakan Perdagangan Utama

Negara	2008*i*				2007		
	Kedudukan	RM (bilion)	Syer %	Perubahan %	Kedudukan	RM (bilion)	Syer %
Jumlah Perdagangan		**1,185.0**	**100.0**	**6.8**		**1,109.9**	**100.00**
Singapura	1	155.1	13.1	5.9	2	146.5	13.2
AS	2	139.2	11.7	-6.7	1	149.2	13.4
Jepun	3	136.9	11.6	13.3	3	120.8	10.9
Republik Rakyat China	4	130.1	11.0	10.3	4	117.9	10.6
Thailand	5	61.0	5.1	7.1	5	57.0	5.1
Republik Korea	6	50.1	4.2	4.4	6	48.0	4.3
Indonesia	7	44.9	3.8	14.8	9	39.1	3.5
Hong Kong SAR	8	42.0	3.5	-1.6	8	42.6	3.8
Taiwan	9	41.3	3.5	-8.5	7	45.2	4.1
Jerman	10	37.8	3.2	-1.1	10	38.2	3.4
Australia	11	36.2	3.1	18.2	11	30.6	2.8
India	12	35.0	3.0	28.5	12	27.3	2.5
Belanda	13	27.1	2.3	0.9	13	26.9	2.4
UAE	14	20.9	1.8	43.9	17	14.6	1.3
UK	15	17.1	1.4	-0.1	15	17.2	1.5
Filipina	16	16.7	1.4	-9.8	14	18.5	1.7
Viet Nam	17	15.8	1.3	10.4	18	14.2	1.3
Perancis	18	13.9	1.2	-7.7	16	15.1	1.4
Arab Saudi	19	11.1	0.9	19.7	19	9.2	0.8
Itali	20	7.9	0.7	-4.5	20	8.3	0.7

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota : i - interim

Perdagangan Malaysia dengan Amerika Utara pada 2008 merosot 6.1 peratus kepada RM145.7 bilion. AS yang menyumbang 96.3 peratus kepada eksport Malaysia ke Amerika Utara berkurang 12.5 peratus. Penyebab utama kepada penurunan ini adalah pengurangan eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) yang merosot 19.5 peratus berbanding dengan 2007.

Walau bagaimanapun Malaysia berjaya menembusi perdagangan dengan pasaran-pasaran baru di mana pertumbuhan dua angka telah direkodkan. Perdagangan dengan Asia Barat berkembang 37 peratus kepada RM54.4 bilion, diikuti Asia Selatan (29.8 peratus kepada RM45.7 bilion), Oceania (22.7 peratus kepada RM43.6 bilion) dan Amerika Latin (11.1 peratus kepada RM20.3 bilion).

Peningkatan penggunaan akses keutamaan di bawah Perjanjian-perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) telah menyumbang kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2008. Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA), sejumlah 13,723 Sijil Tempasal keutamaan telah dikeluarkan pada 2008.

Eksport di bawah Perjanjian ini meningkat 13 peratus kepada RM6.3 bilion, daripada RM5.6 bilion pada 2007. Tambahan pula, Skim Tarif Keutamaan Sama Rata ASEAN (*Common Effective Preferential Tariff* - CEPT) meningkat 19.1 peratus pada 2008 kepada RM16.1 bilion, daripada RM13.5 bilion pada 2007. Sejumlah 139,894 Sijil Tempasal di bawah CEPT dikeluarkan pada 2008, berbanding dengan 130,137 pada 2007. Pada 2008, Sijil Tempasal keutamaan dikeluarkan di bawah Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA) bernilai RM8.4 bilion, peningkatan sebanyak 24 peratus daripada RM6.7 bilion pada 2007.

EKSPORT

Pada 2008, struktur eksport secara relatif tidak berubah dengan kesemua sektor eksport mencatatkan pertumbuhan. Sektor perkilangan terus mendominasi eksport Malaysia dengan syer 70 peratus. Eksport perkilangan berjumlah RM464.5 bilion, peningkatan 1.8 peratus daripada RM456.1 bilion. Eksport perlombongan meningkat 42.4 peratus kepada RM120.7 bilion atau 18.2 peratus syer, manakala eksport pertanian meningkat 32.3 peratus kepada RM71.7 bilion atau 10.8 peratus syer.

Hampir kesemua sub-sektor di dalam sektor perkilangan merekodkan pertambahan eksport pada 2008, kecuali produk E&E, barang perhiasan diri serta produk besi dan keluli. Peningkatan ketara dicatatkan oleh produk kimia dan bahan kimia, yang berkembang 10.3 peratus kepada RM40.5 bilion, diikuti oleh makanan diproses (39.9 peratus kepada RM12.1 bilion) dan pengilangan logam (21 peratus kepada RM19.6 bilion).

Produk Eksport Utama

Pada 2008, eksport Malaysia terbesar iaitu produk E&E, menyumbang 38.3 peratus daripada jumlah eksport, berkurang 3.4 peratus kepada RM255.4 bilion, daripada RM266.5 bilion pada 2007. Kemerosotan eksport dicatatkan oleh AS, Singapura, Belanda, Thailand dan Republik Korea. Pengurangan eksport produk E&E adalah disebabkan oleh penurunan eksport bagi mesin pemprosesan data automatik (ADP) dan alat ganti serta jentera, radas dan perkakas elektrik dan alat ganti, terutama kepada AS dan Kesatuan Eropah (EU). Walau bagaimanapun, peningkatan eksport produk E&E ke Republik Rakyat China, Australia, Jepun dan Jerman masing-masing meningkat sebanyak 19.3 peratus, 10.4 peratus, 2.6 peratus dan 3.6 peratus, memperlahankan kadar penurunan eksport.

Kategori eksport terbesar produk E&E adalah jentera elektrik, perkakasan, peralatan dan alat ganti, yang berkurang 6.2 peratus kepada RM120.1 bilion pada 2008 daripada RM128.3 bilion pada tahun sebelumnya. Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, *microassemblies*, transistor dan injap menyumbang 75 peratus daripada kategori produk, akan tetapi berkurang 6.9 peratus kepada RM89.8 bilion pada 2008.

Produk E&E yang mencatatkan penurunan adalah mesin ADP, berkurang 16.6 peratus kepada RM46.3 bilion daripada RM55.5 bilion pada 2007. Ini diikuti oleh alat ganti dan aksesori mesin pejabat dan ADP (0.8 peratus kepada RM36.5 bilion), kelengkapan telekomunikasi dan alat ganti (9.2 peratus kepada RM26.2 bilion), perkakas elektrik untuk litar elektrik dan litar kamilan (2 peratus kepada RM13.8 bilion) serta jentera dan perkakas elektrik (11.5 peratus kepada RM7.7 bilion).

Eksport produk E&E yang merekodkan pertumbuhan ketara adalah mesin pejabat, meningkat sebanyak 469.3 peratus kepada RM4.9 bilion pada 2008 daripada RM862.6 juta pada tahun sebelumnya, diikuti oleh alat terima siaran tv, monitor dan projektor (75.8 peratus kepada RM8.2 bilion), perkakas elektro diagnostik, perubatan dan perkakas radiologi (55.7 peratus kepada RM552.9 juta), perakam bunyi (21 peratus kepada RM6.5 bilion) dan alat terima siaran radio (5.5 peratus kepada RM6.6 bilion).

Jadual 2.3:
Eksport Mengikut Sektor

Keterangan	2008 *i*			2007		
	Nilai RM (Juta)	Syer (%)	Perubahan (%)	Nilai RM (Juta)	Syer (%)	Perubahan (%)
Jumlah Eksport	**663,494.00**	**100.0**	**9.6**	**605,153.20**	**100.0**	**2.7**
EKSPORT PERKILANGAN	**464,469.00**	**70.0**	**1.8**	**456,099.20**	**75.4**	**0.3**
Produk Elektrik dan Elektronik	253,826.30	38.3	-3.4	262,694.00	43.4	-5.4
Kimia dan Produk Kimia	40,538.10	6.1	10.3	36,739.80	6.1	15.1
Jentera, Perkakasan dan Alat Ganti	21,922.10	3.3	0.2	21,871.10	3.6	10.2
Pengilangan Logam	19,635.40	3	17.6	16,696.50	2.8	17.6
Produk Kayu	16,628.20	2.5	2.1	16,294.10	2.7	-2.4
Kelengkapan Optik dan Saintifik	14,943.70	2.3	9.8	13,611.90	2.2	0.4
Produk Getah	12,806.10	1.9	21.0	10,583.10	1.7	13.4
Makanan Diproses	12,131.80	1.8	39.9	8,670.40	1.4	19.5
Tekstil dan Pakaian	10,497.20	1.6	2.3	10,263.00	1.7	-3.2
Produk Besi dan Keluli	10,465.80	1.6	-0.5	10,523.00	1.7	12.4
Kelengkapan Pengangkutan	9,530.90	1.4	13.5	8,397.10	1.4	-3.4
Pengilangan Plastik	9,341.50	1.4	11.5	8,380.40	1.4	6.7
Produk Galian Bukan Logam	5,311.60	0.8	34.9	3,936.20	0.7	12.6
Barang Perhiasan Diri	4,922.20	0.7	-1.7	5,006.80	0.8	29.3
Produk Petroleum	3,867.30	0.6	33.6	2,895.20	0.5	16.4
Produk Kertas dan Pulpa	2,863.70	0.4	12.7	2,540.90	0.4	17.2
Minuman dan Tembakau	2,406.60	0.4	9.6	2,195.00	0.4	14.2
Lain-lain	12,830.40	1.9	-13.3	14,800.60	2.4	9.1
EKSPORT PERTANIAN	**71,709.70**	**10.8**	**32.2**	**54,230.50**	**9**	**24.5**
Minyak Sawit	49,690.10	7.5	45.6	34,117.40	5.6	48.1
Getah Mentah	8,111.70	1.2	10.6	7,335.30	1.2	-10.9
Balak dan Kayu Bergergaji	5,896.00	0.9	-5.0	6,208.50	1	-5.8
Lain-lain Minyak Sayuran	2,735.30	0.4	45.0	1,886.70	0.3	18.3
Makanan Laut, Segar, Dingin Beku atau Sejukbeku	2,000.30	0.3	3.2	1,938.00	0.3	16.7
Binatang Hidup dan Daging	638.4	0.1	19.4	534.6	0.1	17.9
Sayuran, Tumbuhan Akar dan Umbi	466.9	0.1	22.8	380.1	0.1	-1.6
Kulit dan Bulu Binatang, Tidak Dibersihkan	27.6	0	6.1	26.1	0	-3.4
Bijirin	10.1	0	28.3	7.9	0	-52.6
Lain-lain	2,133.20	0.3	18.8	1,796.10	0.3	15.4
EKSPORT GALIAN	**120,700.20**	**18.2**	**42.4**	**84,748.60**	**14**	**6.9**
Minyak Mentah	44,088.40	6.6	31.5	33,524.30	5.5	2.9
Gas Asli (LNG)	40,731.90	6.1	55.7	26,157.30	4.3	12.3
Produk Petroleum Bertapis	32,214.10	4.9	38.9	23,193.90	3.8	5.2
Tin	1,976.60	0.3	98.7	994.8	0.2	43.3
Bijih Logam dan Serpihan Logam	829.6	0.1	143.0	341.5	0.1	14.4
Baja Mentah dan Galian Mentah	813.1	0.1	59.0	511.3	0.1	57.3
Lain-lain	46.4	0	81.9	25.5	0	26.2

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota: i - interim

Bagi kimia dan produk kimia, kategori utama yang menunjukkan peningkatan dalam eksport adalah kimia organik, berkembang 7 peratus kepada RM16.5 bilion, diikuti oleh bahan plastik dalam bentuk utama (4.6 peratus kepada RM9.9 bilion), bahan dan produk kimia (6.9 peratus kepada RM5.2 bilion), serta minyak pati dan bahan pewangi, sediaan dan pembersihan tandas (28.7 peratus kepada RM3 bilion).

Kategori utama yang meningkatkan eksport bagi perkilangan jentera, perkakas dan alat ganti adalah kelengkapan pendinginan dan pemanasan alat ganti, yang meningkat 2.7 peratus kepada RM5.3 bilion, diikuti oleh kelengkapan loji kejuruteraan awam dan alat ganti (13.4 peratus kepada RM1.2 bilion).

Petroleum mentah, gas asli cecair (LNG) dan produk petroleum bertapis merupakan eksport utama bagi sektor perlombongan berjumlah RM117 bilion. Produk ini menyumbang 97 peratus kepada eksport perlombongan dan 17.6 peratus kepada jumlah eksport Malaysia. Harga purata unit eksport petroleum mentah pada 2008 meningkat 9.8 peratus kepada RM2,778 per tan metrik, manakala LNG meningkat 6.7 peratus kepada RM1,153 per tan metrik. Jumlah eksport petroleum mentah berkurang 4 peratus kepada 16.2 juta tan metrik, manakala LNG meningkat 1 peratus kepada 22.9 juta tan metrik.

Untuk sektor pertanian, eksport minyak sawit menunjukkan pertumbuhan ketara 45.6 peratus, berjumlah RM49.7 bilion pada 2008, daripada RM34 bilion pada 2007. Peningkatan pada harga purata minyak sawit sebanyak 9.8 peratus kepada RM2,777.50 per tan metrik, telah menyumbang kepada peningkatan nilai sektor pertanian dengan ketara menjadi RM71.7 bilion, daripada RM54.2 bilion pada 2007. Jumlah eksport minyak sawit meningkat 12.1 peratus kepada 15.4 juta tan metrik pada 2008, daripada 13.7 juta tan metrik pada 2007.

Destinasi Eksport Utama

Pada 2008, sepuluh destinasi eksport utama Malaysia adalah Singapura, AS, Jepun, Republik Rakyat China, Thailand, Hong Kong Wilayah Pentadbiran Khas (Hong Kong SAR), Republik Korea, India, Australia dan Belanda, di mana tujuh daripadanya terletak di Asia.

Di dalam ASEAN, Singapura merupakan destinasi eksport terbesar Malaysia, manakala Thailand, Indonesia, Filipina dan Viet Nam kekal di antara 20 pasaran eksport utama Malaysia.

Selama tujuh tahun berturut-turut sejak 2002, Jepun kekal sebagai destinasi eksport ketiga terbesar bagi Malaysia manakala Republik Rakyat China kekal sebagai destinasi keempat terbesar dengan pertumbuhan eksport masing-masing sebanyak 30 peratus dan 19.2 peratus.

Antara pasaran yang mencatat pertumbuhan ketara dalam eksport adalah Mexico, Pakistan, Jepun, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan India. Peningkatan eksport paling ketara bagi Malaysia pada 2008 adalah Mexico, dengan 33.7 peratus kepada RM5.7 bilion, antara produk utama ialah produk E&E. Ini diikuti oleh Pakistan (33 peratus kepada RM5.73 bilion), terutama bagi minyak sawit, Jepun (30 peratus kepada RM71.8 bilion) terutama LNG, UAE (23.9 peratus kepada RM12.7 bilion) terutama barang perhiasan diri dan India (22.4 peratus kepada RM24.7 bilion) terutama petroleum mentah.

IMPORT

Jumlah import Malaysia pada 2008 meningkat 3.3 peratus kepada RM521.6 bilion, daripada RM504.8 bilion pada 2007. Pertumbuhan ini adalah hasil dari peningkatan import barangan pengantara dan barangan modal. Import barangan pengantara dan barangan modal menyumbang 86.1 peratus kepada jumlah import Malaysia.

Jadual 2.4:
20 Destinasi Utama Eksport

Negara	2008[i]				2007		
	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)
Jumlah		**663.5**	**100.0**	**9.6**		**605.2**	**100.0**
Singapura	1	97.8	14.7	10.5	2	88.5	14.6
AS	2	82.7	12.5	-12.5	1	94.5	15.6
Jepun	3	71.8	10.8	30.0	3	55.2	9.1
Republik Rakyat China	4	63.2	9.5	19.2	4	53.0	8.8
Thailand	5	31.7	4.8	5.9	5	30.0	5.0
Hong Kong SAR	6	28.3	4.3	1.3	6	28.0	4.6
Republik Korea	7	25.9	3.9	12.4	8	23.0	3.8
India	8	24.7	3.7	22.4	10	20.2	3.3
Australia	9	24.4	3.7	19.7	9	20.4	3.4
Belanda	10	23.4	3.5	-0.7	7	23.6	3.9
Indonesia	11	20.7	3.1	16.7	11	17.7	2.9
Taiwan	12	16.2	2.4	-1.4	12	16.5	2.7
Jerman	13	15.4	2.3	3.6	13	14.8	2.5
UAE	14	12.5	1.9	24.0	14	10.1	1.7
Filipina	15	9.8	1.5	11.7	16	8.7	1.4
UK	16	9.5	1.4	-4.2	15	9.9	1.6
Viet Nam	17	8.1	1.2	1.2	17	8.0	1.3
Perancis	18	6.4	1.0	-13.5	18	7.4	1.2
Pakistan	19	5.7	0.9	33.0	19	4.3	0.7
Mexico	20	5.4	0.8	33.7	20	4.0	0.7

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota: i - interim

Import barangan pengantara meningkat 5.6 peratus daripada 2007. Permintaan yang tinggi untuk barangan pengantara pada 2008 adalah disebabkan oleh perkembangan aktiviti perkilangan di Malaysia.

Sumber import utama pada 2008 adalah Republik Rakyat China, diikuti oleh Jepun, Singapura, AS dan Thailand. Import utama dari Republik Rakyat China adalah produk E&E, jentera, perkakasan dan alat ganti, kimia dan produk kimia, produk besi dan keluli serta pengilangan logam. Lima import utama dari Jepun merangkumi produk E&E, jentera, perkakas dan alat ganti, produk besi dan keluli, peralatan pengangkutan serta pengilangan logam.

ARAH PERDAGANGAN

Pada 2008, jumlah perdagangan Malaysia dengan semua pasaran serantau kecuali Amerika Utara dan EU telah merekod peningkatan. Rantau Asia Timur Laut terus menjadi rakan dagang terbesar Malaysia,

Jadual 2.5:
Import Barang Akhir

Keterangan	2008[i]			2007	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
Import Kasar	**521,610.8**	**100.0**	**3.3**	**504,813.8**	**100.0**
Barangan Pengantara	**378,996.8**	**72.7**	**5.6**	**358,755.5**	**71.1**
Alat ganti dan aksesori	**164,037.7**	**31.5**	**-5.1**	**172,809.8**	**4.2**
Semikonduktor, litar bercetak dan alat ganti	96,895.7	18.6	-8.5	105,949.8	21.0
Alat ganti untuk mesin pejabat	21,867.6	4.2	-11.4	24,679.0	4.9
Perkakasan dan alat perintang	16,260.4	3.1	4.5	15,558.1	3.1
Alat ganti instrumen pemeriksaan	657.81	0.1	-20.6	828.1	0.2
Bekalan industri diproses	**120,204.1**	**23.0**	**8.5**	**110,787.5**	**21.9**
Produk besi dan keluli	22,193.4	4.3	24.9	17,765.0	3.5
Plastik dalam bentuk utama (kecuali serpihan)	9,928.2	1.9	-3.3	10,264.6	2.0
Produk tembaga	8,875.2	1.7	-10.4	9,900.8	2.0
Kimia organik	9,541.9	1.8	-1.5	9,688.4	1.9
Kertas dan papan kertas	4,603.9	0.9	0.3	4,589.2	0.9
Sisa dan sekerap berferus	4,539.6	0.9	6.9	4,246.7	0.8
Pengilangan logam asas	4,394.4	0.8	6.3	4,132.2	0.8
Baja, kecuali baja mentah	6,779.5	1.3	111.0	3,213.4	0.6
Kimia tidak organik (kecuali elemen buangan minyak reaktor nuklear)	3,523.8	0.7	12.6	3,130.7	0.6
Plastik bukan dalam bentuk utama	2,470.4	0.5	3.9	2,397.7	0.5
Bahan-bahan pencelupan, penyamakan dan pewarnaan (kecuali warna kegunaan seniman)	2,081.6	0.4	21.1	1,718.9	0.3
Bahan api dan pelincir asas	**29,092.1**	**5.6**	**36.7**	**21,276.6**	**4.2**
Bahan asas industri	**17,531.4**	**3.4**	**18.3**	**4,820.8**	**2.9**
Bahan api dan pelincir lain diproses	**17,463.8**	**3.3**	**24.8**	**13,992.8**	**2.8**
Alat ganti dan aksesori untuk kelengkapan pengangkutan	**14,284.7**	**2.7**	**14.8**	**12,447.6**	**2.5**
Minuman dan makanan diproses untuk industri	**8,989.5**	**1.7**	**28.4**	**7,002.6**	**1.4**
Makanan dan minuman asas untuk industri	**7,393.5**	**1.4**	**31.6**	**5,617.7**	**1.1**
Barangan Modal	**69,957.1**	**13.4**	**0.03**	**69,934.1**	**13.9**
Barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)	**61,424.4**	**11.8**	**2.3**	**60,055.6**	**11.9**
Mesin memproses data automatik	8,204.6	1.6	-16.1	9,779.2	1.9
Mesin dan perkakasan elektrik (kecuali alat ganti)	8,214.5	1.6	-11.7	9,299.3	1.8
Kelengkapan telekomunikasi (kecuali alat ganti)	7,249.7	1.4	52.0	4,770.9	0.9

Keterangan	2008*i*			2007	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
Mesin khusus lain untuk industri tertentu	3,377.5	0.6	-19.7	4,206.7	0.8
Transfomer dan mesin penjanaan kuasa elektrik lain	2,814.8	0.5	-15.1	3,316.5	0.7
Loji elektrik berputar dan alat ganti	2,832.5	0.5	-5.3	2,989.4	0.6
Kelengkapan mengukur, memeriksa dan menganalisa	1,482.6	0.3	-11.1	1,667.7	0.3
Peralatan perubatan, pergigian dan pembedahan	1,315.9	0.3	11.3	1,182.7	0.2
Kelengkapan pengangkutan untuk industri	**8,532.7**	**1.6**	**-13.6**	**9,878.6**	**2.0**
Barangan Pengguna	**32,272.9**	**6.2**	**11.6**	**28,906.5**	**5.7**
Barangan pengguna tidak tahan lama	8,799.9	1.7	8.5	8,107.3	1.6
Makanan dan minuman asas untuk kegunaan isi rumah	8,944.4	1.7	39.7	6,403.9	1.3
Barangan pengguna separa tahan lama	5,893.2	1.1	5.2	5,599.7	1.1
Barangan pengguna tahan lama	4,442.9	0.9	0.2	4,435.8	0.9
Makanan dan minuman asas untuk kegunaan isi rumah	3,637.0	0.7	-8.6	3,978.8	0.8
Kelengkapan pengangkutan untuk bukan industri	555.5	0.1	45.8	380.9	0.1
Barangan Dwi Guna	**14,121.0**	**2.7**	**13.7**	**12,421.2**	**2.5**
Minyak motor diproses	8,973.3	1.7	8.2	8,292.1	1.6
Motokar penumpang	5,147.7	1.0	24.7	4,129.0	0.8

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota: i - interim

dengan syer sebanyak 33.8 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia. Ini diikuti oleh ASEAN (25.1 peratus) dan Amerika Utara (12.3 peratus).

Asia Timur Laut

Bagi tempoh 1999 - 2008, perdagangan dua hala antara Malaysia dan rantau Asia Timur Laut menunjukkan arah aliran meningkat dengan purata pertumbuhan tahunan 10.5 peratus. Jumlah perdagangan meningkat 125.8 peratus kepada RM400.6 bilion pada 2008, berbanding RM177.4 bilion pada 1999.

Jumlah eksport Malaysia ke Asia Timur Laut pada 2008 merupakan 31 peratus eksport global Malaysia. Eksport ke rantau ini merekod peningkatan 16.9 peratus kepada RM205.6 bilion, berbanding RM175.9 bilion pada 2007. Eksport utama ke rantau ini adalah produk E&E, LNG, minyak sawit, kimia dan produk kimia serta petroleum mentah. Kesemua produk ini merangkumi 74.3 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke Asia Timur Laut. Pada 2008, import daripada Republik Rakyat China bernilai RM66.9 bilion, menyumbang syer 34.4 peratus kepada jumlah import dari rantau ini. Ini diikuti oleh Jepun (33.4 peratus), Taiwan (12.9 peratus), Republik Korea (12.4 peratus) dan Hong Kong SAR (7 peratus). Kesemua negara ini kekal sebagai sumber import utama dari Asia Timur Laut.

Jadual 2.6:
20 Sumber Import Utama

Negara	2008*i*				2007		
	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)	Perubahan (%)	Kedudukan	RM bilion	Syer (%)
Jumlah Import		**521.6**	**100.0**	**3.3**		**504.8**	**100.0**
Republik Rakyat China	1	66.9	12.8	3.0	2	64.9	12.9
Jepun	2	65.1	12.5	-0.7	1	65.5	13.0
Singapura	3	57.3	11.0	-1.1	3	58.0	11.5
AS	4	56.5	10.8	3.2	4	54.7	10.8
Thailand	5	29.3	5.6	8.4	6	27.0	5.4
Taiwan	6	25.1	4.8	-12.6	5	28.7	5.7
Republik Korea	7	24.2	4.6	-2.9	7	24.9	4.9
Indonesia	8	24.2	4.6	13.1	9	21.4	4.2
Jerman	9	22.5	4.3	-4.1	8	23.4	4.6
Hong Kong SAR	10	13.7	2.6	-6.9	10	14.7	2.9
Australia	11	11.8	2.3	15.3	11	10.2	2.0
India	12	10.3	2.0	45.8	15	7.1	1.4
UAE	13	8.4	1.6	89.2	20	4.4	0.9
Viet Nam	14	7.7	1.5	22.2	17	6.3	1.3
UK	15	7.7	1.5	5.3	14	7.3	1.4
Perancis	16	7.6	1.4	-2.1	13	7.7	1.5
Arab Saudi	17	7.5	1.4	11.4	16	6.8	1.3
Filipina	18	6.9	1.3	-29.0	12	9.8	1.9
Ireland	19	5.0	1.0	82.2	21	2.7	0.5
Itali	20	4.8	0.9	6.6	19	4.5	0.9

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota: i - interim

Produk import utama dari Asia Timur Laut adalah produk E&E, bernilai RM96.5 bilion atau 49.5 peratus daripada import Malaysia dari rantau tersebut. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti (RM18.9 bilion atau 9.7 peratus), produk besi dan keluli (RM16.1 bilion atau 8.3 peratus), kimia dan produk kimia (RM13.4 bilion atau 6.9 peratus) dan pengilangan logam (RM11.6 bilion atau 5.9 peratus).

Republik Rakyat China

Jumlah perdagangan Malaysia dengan Republik Rakyat China pada 2008 meningkat 10.3 peratus daripada RM117.9 bilion pada 2007 kepada RM130.1 bilion, merupakan 11 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Malaysia terus merekod peningkatan positif 24.6 peratus secara purata tahunan dalam tempoh 10 tahun yang lepas. Eksport Malaysia ke Republik Rakyat China bernilai RM63.2 bilion, iaitu peningkatan 19.2 peratus daripada RM53 bilion pada 2007.

Eksport utama Malaysia ke Republik Rakyat China adalah produk E&E, mencatat peningkatan 19.3 peratus kepada RM29.7 bilion. Peningkatan tersebut disumbangkan

Carta 2.2:
Perdagangan Malaysia dengan Asia Timur Laut, 1999 - 2008



Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

terutama oleh semikonduktor, *ICs*, transistor dan injap. Malaysia berada di kedudukan kelima selepas Republik Korea, Taiwan, Jepun dan AS sebagai sumber import utama bagi produk E&E kepada Republik Rakyat China pada 2008.

Ia mewakili 6.5 peratus dari jumlah import barangan E&E Republik Rakyat China.

Eksport minyak sawit, iaitu produk kedua terbesar Malaysia ke Republik Rakyat China, meningkat 29 peratus pada 2008. Republik Rakyat China kekal sebagai pengimport terbesar minyak sawit dari Malaysia, dengan jumlah RM12.4 bilion. Jumlah eksport minyak sawit ke Republik Rakyat China berkurang 1.2 peratus kepada 3.8 juta tan pada 2008.

Eksport utama lain ke Republik Rakyat China ialah kimia dan produk kimia, meningkat 4.9 peratus kepada RM5.3 bilion, getah mentah (berkurang 0.7 peratus kepada RM2.6 bilion) dan produk getah (meningkat 47.5 peratus kepada RM2.6 bilion).

Republik Rakyat China merupakan sumber import terbesar Malaysia pada 2008, berbanding tempat kedua pada 2007. Import Malaysia dari Republik Rakyat China terdiri daripada produk E&E, berkurang 2.1 peratus kepada RM35.5 bilion, diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti, meningkat 10.7 peratus kepada RM6.3 bilion, kimia dan produk kimia (25.6 peratus kepada RM4.8 bilion), produk besi dan keluli (14.4 peratus kepada RM3.9 bilion), serta pengilangan logam yang berkurang 2.1 peratus kepada RM2.9 bilion. Kesemua produk ini menyumbang 79.6 peratus syer daripada jumlah import Malaysia dari Republik Rakyat China.

Melalui Perjanjian ACFTA, eksport meningkat 13 peratus kepada RM6.3 bilion, daripada RM5.6 bilion pada 2007. Eksport utama di bawah ACFTA pada 2008 adalah getah campuran, lemak dan minyak sayuran, *stearic acid*, pati minyak sawit, serta asid asetik.

Jepun

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Jepun pada 2008 merekod peningkatan 13.3 peratus kepada RM136.9 bilion, daripada RM120.8 bilion pada 2007. Dalam tempoh lima tahun kebelakangan

ini, perdagangan Malaysia dengan Jepun merekod peningkatan berterusan dengan purata pertumbuhan tahunan 7.4 peratus. Pertumbuhan dalam perdagangan disumbangkan terutama oleh eksport yang lebih tinggi, meningkat 11.5 peratus, berbanding import tahunan 4.1 peratus.

Jumlah eksport Malaysia ke Jepun pada 2008 berjumlah RM71.8 bilion, iaitu peningkatan 30 peratus, berbanding RM55.2 bilion pada 2007. Ini merupakan 10.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia pada 2008. Peningkatan ketara dalam eksport disumbang oleh penambahan penggunaan MJEPA. Produk eksport utama di bawah perjanjian ini ialah minyak sawit yang ditapis, *stretch film*, *polyethylene film*, *polyethylene bags*, dan pati minyak sawit.

Eksport LNG ke Jepun meningkat 75.1 peratus kepada RM28.5 bilion pada 2008. Ini diikuti oleh eksport produk E&E meningkat 2.6 peratus kepada RM16.5 bilion. Pengurangan eksport produk E&E adalah berikutan dengan permintaan global yang lebih rendah terutamanya peralatan bunyi dan komunikasi, alatan pejabat, serta jentera dan peralatan ADP. Eksport lain adalah produk kayu, meningkat 0.3 peratus kepada RM4 bilion, produk petroleum ditapis, meningkat 80.3 peratus kepada RM2.7 bilion, serta kimia dan produk kimia, meningkat 9.5 peratus kepada RM2.6 bilion.

Pada 2008, import Malaysia dari Jepun berkurang 0.6 peratus kepada RM65.1 bilion, berbanding RM65.5 bilion pada 2007. Jepun berada di tempat kedua sebagai sumber import terbesar Malaysia, dengan syer 12.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Import utama dari Jepun ialah produk E&E, berkurang 3.5 peratus kepada RM23.3 bilion pada 2008, diikuti oleh jentera, peralatan dan alat ganti, berkurang 1.6 peratus kepada RM8.9 bilion. Import utama lain yang merekod kenaikan adalah produk besi dan keluli, meningkat 12.5 peratus kepada RM6.7 bilion, peralatan pengangkutan, meningkat 2.9 peratus kepada RM6.2 bilion, serta keluaran logam meningkat 9.6 peratus kepada RM5.6 bilion. Secara keseluruhan, import kesemua produk ini menyumbang 77.9 peratus daripada jumlah import Malaysia dari Jepun.

ASEAN

Sejak pelaksanaan AFTA pada Januari 2003, perdagangan Malaysia dengan ASEAN telah meningkat dengan ketara. Pada dekad yang lepas, perdagangan Malaysia dengan rantau ASEAN menunjukkan peningkatan purata tahunan sebanyak 10 peratus, dipergiat oleh pelaksanaan AFTA.

Pada 2008, perdagangan dengan ASEAN merupakan 25.1 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia; meningkat 6.7 peratus kepada RM297.6 bilion, daripada RM279 bilion pada 2007. ASEAN adalah rakan dagang rantau Malaysia yang kedua terbesar bagi 2008. Di kalangan ASEAN, Singapura kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia, dengan syer 52.1 peratus daripada jumlah perdagangan. Ini diikuti oleh Thailand dengan 20.5 peratus, Indonesia (15.1 peratus), Filipina (5.6 peratus) dan Viet Nam (5.3 peratus).

Eksport ke ASEAN meningkat 10.1 peratus kepada RM171.2 bilion, 25.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Tiga pasaran utama eksport di ASEAN pada 2008 ialah Singapura, Thailand dan Indonesia di mana secara keseluruhan menyumbang 39.3 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini. Pertumbuhan ketara telah dicatat bagi eksport Malaysia ke Indonesia dan Myanmar. Peningkatan eksport ke kedua-dua negara itu disumbang terutamanya oleh produk besi dan keluli, kimia dan produk kimia, produk E&E, serta jentera, perkakasan dan alat ganti.

Jadual 2.7:
Perdagangan Malaysia dengan ASEAN

Negara	2008*i*							2007		
	Jumlah Perdagangan RM juta	Eksport			Import			Jumlah Perdagangan RM juta	Eksport RM juta	Import RM juta
		RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)			
ASEAN	**297,585.4**	**71,196.6**	**100.0**	**10.1**	**126,396.8**	**100.0**	**2.4**	**278,981.8**	**155,560.5**	**123,421.2**
Singapura	155,086.6	97,765.2	51.2	10.5	57,321.4	45.4	-1.1	146,463.5	88,508.0	57,955.5
Thailand	61,024.1	31,754.9	18.5	5.9	29,269.3	23.2	8.4	56,990.2	29,983.9	27,006.3
Indonesia	44,905.5	20,719.1	12.1	16.7	24,186.5	19.1	13.1	39,128.7	17,749.5	21,379.2
Filipina	16,700.6	9,760.7	5.7	11.7	6,939.9	5.5	-29.0	18,513.8	8,738.8	9,774.9
Viet Nam	15,771.7	8,080.3	4.7	1.2	7,691.4	6.1	22.0	14,289.7	7,985.6	6,304.1
Brunei Darussalam	1,823.4	1,484.4	0.9	7.5	339.0	0.3	3.4	1,709.2	1,381.3	327.9
Myanmar	1,635.9	1,044.3	0.6	44.9	591.6	0.5	23.7	1,199.0	720.8	478.1
Kemboja	598.9	551.0	0.3	19.6	48.0	0.0	-34.5	533.8	460.6	73.2
Lao PDR	38.7	28.9	0.0	-9.8	9.8	0.0	-92.0	153.9	32.0	122.0

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota: i - interim

Produk E&E kekal sebagai eksport utama Malaysia ke ASEAN, menyumbang 32.8 peratus daripada jumlah eksport ke rantau tersebut. Eksport bagi produk ini berkurang 2.7 peratus kepada RM56.2 bilion, berbanding RM57.7 bilion pada 2007. Lain-lain eksport utama ke ASEAN ialah produk petroleum ditapis, bernilai RM21.3 bilion, petroleum mentah (RM16.7 bilion), kimia dan produk kimia (RM13.4 bilion) serta jentera, perkakasan dan alat ganti (RM9 bilion).

Pada 2008, ekport Malaysia di bawah Skim CEPT ASEAN adalah 9.4 peratus daripada jumlah eksport ke ASEAN. Produk

Jadual 2.8:
Eksport Malaysia di bawah Skim CEPT, 2008

Destinasi Eksport	2008*i*			2007	
	RM juta	Syer (%)	Perubahan (%)	RM juta	Syer (%)
Jumlah	**16,063.46**	**100.0**	**19.07**	**13,490.70**	**100.0**
Thailand	4,715.93	29.4	13.72	4,147.10	30.7
Indonesia	4,270.03	26.6	32.75	3,216.60	23.8
Viet Nam	3,383.77	21.1	6.03	3,191.40	23.7
Filipina	2,622.25	16.3	16.54	2,250.10	16.7
Singapura	850.02	5.3	30.85	649.6	4.8
Brunei Darussalam	36.89	0.2	88.23	19.6	0.1
Myanmar	169.79	1.1	1,291.74	12.2	0.1
Kemboja	13.62	0.1	339.39	3.1	*neg.*
Lao PDR	1.16	*neg.*	15.57	1	*neg.*

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota: neg. - nilai terlalu kecil
i - interim

Jadual 2.9:
Eksport Utama Malaysia di Bawah Skim CEPT, 2008

Produk	RM juta	Syer (%)
Jumlah Eksport Di Bawah Skim CEPT	**16,063.0**	**100.0**
Palm Oil (Not Chemically Modified)	891.1	5.5
Window Or Wall Types Of Air Conditioning Machines	319.2	2.0
Automatic Regulating Or Controlling Instruments	237.9	1.5
Polymers Of Ethylene	231.2	1.4
Cathode-Ray Tubes, Colour	231.2	1.4
Blended Tobacco	177.6	1.1
Urea, Whether Or Not In Aqueous Solution	163.8	1.0
Monitors And Projectors	155.1	1.0
Industrial Fatty Alcohols	141.1	0.9
Flat Rolled Product	132.0	0.8

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

utama eksport adalah *refined*, *bleached and deodorised palm oil*, penghawa dingin, *controlling instruments*, *polymers of ethylene* dan *cathode-ray tubes*.

Import dari ASEAN meningkat 2.4 peratus kepada RM126.4 bilion, daripada RM123.4 bilion pada 2007. ASEAN kekal sebagai sumber import Malaysia yang kedua terbesar dengan syer 24.2 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Sumber import utama adalah Singapura, Thailand, Indonesia, Viet Nam dan Filipina. Pada 2008, kesemua negara tersebut menyumbang 59.8 peratus daripada jumlah import dari rantau ini.

Produk E&E adalah import terbesar dan menyumbang 24.3 peratus daripada jumlah import Malaysia dari rantau ini, bernilai RM30.8 bilion. Selain itu, import utama adalah produk petroleum ditapis, bernilai RM21 bilion, diikuti oleh kimia dan produk kimia (RM11.2 bilion), jentera, perkakasan dan alat ganti (RM6.5 bilion)

Carta 2.3:
Perdagangan Malaysia dengan ASEAN, 1999 - 2008



Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

serta kelengkapan pengangkutan (RM6.1 bilion).

Amerika Utara

Amerika Utara yang merangkumi AS dan Kanada merupakan rakan dagang rantau ketiga terbesar Malaysia selepas Asia Timur Laut dan ASEAN. Pada 2008, eksport ke rantau ini merosot 12.2 peratus kerana penurunan dalam eksport produk E&E, tekstil dan pakaian serta produk kayu.

Eksport ke Amerika Utara merupakan destinasi eksport ketiga terbesar Malaysia, berjumlah RM86 bilion pada 2008. AS dan Kanada masing-masing menyumbang 96.3

peratus dan 3.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke Amerika Utara. Produk E&E kekal sebagai produk eksport utama menyumbang 67.9 peratus kepada jumlah eksport ke rantau ini. Jumlah eksport ke Amerika Utara merosot 19.2 peratus kepada RM58.3 bilion, berbanding RM72.1 bilion pada 2007.

Eksport utama lain ke Amerika Utara adalah minyak sawit, bernilai RM4 bilion, kelengkapan optik dan saintifik (RM3.4 bilion), produk getah (RM3.1 bilion) dan produk kayu (RM2.8 billion). Eksport sarung tangan getah (perubatan dan bukan untuk perubatan) ke rantau ini meningkat sebanyak 24.7 peratus pada 2008 kepada RM2.8 bilion berbanding RM2.2 bilion pada 2007. Eksport utama bagi produk kayu ke Amerika Utara adalah perabot kayu, yang meningkat 2.8 peratus kepada RM2.3 bilion pada 2008 daripada RM2.2 bilion pada tahun sebelumnya.

Import utama Malaysia dari Amerika Utara meningkat 4.3 peratus kepada RM59.7 bilion daripada RM57.3 bilion pada 2007. Import dari AS bernilai RM56.5 bilion, manakala dari Kanada bernilai RM3.3 bilion. Produk E&E yang menyumbang kepada 53.2 peratus, merupakan import utama Malaysia dari Amerika Utara pada 2008. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti (10.7 peratus), kimia dan produk kimia (9 peratus), kelengkapan optik dan saintifik (5.3 peratus) serta produk besi dan keluli (3.8 peratus).

Amerika Syarikat

Perdagangan Malaysia dengan AS pada 2008 merekod penurunan 6.7 peratus berbanding pada 2007. AS merupakan rakan dagang kedua terbesar Malaysia pada 2008, menyumbang 11.7 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Malaysia merupakan rakan dagang yang ke-18 terbesar bagi AS pada 2008.

Pada 2008, AS merupakan destinasi eksport terbesar Malaysia dengan syer 12.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Di kalangan negara anggota ASEAN, Malaysia kekal sebagai sumber import utama AS. Di peringkat global, Malaysia adalah sumber import ke-15 AS pada 2008, menyumbang 1.5 peratus kepada jumlah import AS. Walau bagaimanapun, eksport Malaysia ke AS pada 2008 mencatatkan penurunan 12.5

Carta 2.4:
Perdagangan Malaysia Dengan Amerika Utara, 1999 - 2008



Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

peratus kepada RM82.7 bilion, berbanding RM94.5 bilion pada 2007. Pengurangan ini disebabkan oleh kemerosotan ekonomi AS ekoran dari krisis kewangan.

Eksport utama Malaysia ke AS adalah produk E&E, menyumbang 68.5 peratus daripada jumlah eksport Malaysia. Eksport E&E merosot 19.6 peratus kepada RM56.7 bilion pada 2008. Eksport utama yang lain ke AS adalah minyak sawit (meningkat 85.1 peratus kepada RM3.9 bilion), kelengkapan optik dan saintifik (meningkat 14.6 peratus kepada RM3.2 bilion), produk getah (meningkat 22 peratus kepada RM2.9 bilion) dan produk kayu (berkurang 9.3 peratus kepada RM2.5 bilion).

Import dari AS meningkat 3.2 peratus pada 2008 kepada RM56.5 bilion, berbanding RM54.7 bilion pada 2007. AS merupakan sumber import keempat terbesar Malaysia selepas Republik Rakyat China, Jepun dan Singapura, dengan syer 10.8 peratus daripada jumlah import Malaysia.

Import utama dari AS merangkumi produk E&E, menyumbang 55.6 peratus kepada jumlah import Malaysia, dengan nilai RM31.4 bilion. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti dengan syer 11 peratus, bernilai RM6.2 bilion, kimia dan produk kimia (6.7 peratus, RM3.8 bilion), kelengkapan optik dan saintifik (5.4 peratus, RM3.1 bilion), serta produk besi dan keluli (4 peratus, RM2.3 bilion).

Kesatuan Eropah

Jumlah perdagangan Malaysia dengan EU, rakan dagang rantau keempat terbesar Malaysia, bernilai RM136.6 bilion pada 2008, berkurang 0.9 peratus, berbanding RM137.8 bilion pada 2007. Rantau ini menyumbang 11.5 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia pada 2008. Lima rakan dagang utama Malaysia di kalangan EU adalah Jerman, menyumbang 27.7 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia dengan rantau ini, diikuti oleh Belanda (19.9 peratus), UK (12.6 peratus), Perancis (10.2 peratus) dan Itali (5.8 peratus).

Pada 2008, eksport ke EU berkurang 3.8 peratus kepada RM74.9 bilion, berbanding RM77.8 bilion pada 2007. Malaysia merupakan pengeksport ke-18 terbesar ke EU. Di kalangan Negara Anggota ASEAN, Malaysia adalah sumber import terbesar untuk EU, menyumbang 1.1 peratus daripada jumlah import EU.

Eksport Malaysia ke Belanda yang merupakan destinasi eksport utama di EU, berkurang 0.7 peratus kepada RM23.4 bilion. Destinasi eksport yang lain adalah Jerman, meningkat 3.6 peratus kepada RM15.4 bilion, UK (berkurang 4.2 peratus kepada RM9.5 bilion), Perancis (berkurang 13.5 peratus kepada RM6.4 bilion) dan Itali (berkurang 17.7 peratus kepada RM3.1 bilion).

Selain daripada Jerman, eksport Malaysia turut meningkat ke Sepanyol sebanyak 7.2 peratus. Produk utama eksport ke Jerman pada 2008 adalah produk E&E, getah mentah, produk getah, kelengkapan optik dan saintifik serta pengilangan logam. Produk utama eksport ke Sepanyol adalah produk E&E, kimia dan produk kimia, minyak sawit, produk getah serta produk besi dan keluli.

Produk utama eksport Malaysia EU pada 2008 adalah produk E&E, menyumbang 51.8 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke EU, bernilai RM38.8 bilion. Ini diikuti oleh minyak sawit, dengan syer 7.4 peratus, bernilai RM5.5 bilion, kimia dan produk kimia (5.1 peratus syer, RM3.8 bilion), jentera, perkakasan dan alat ganti (3.9 peratus, RM2.9 bilion) dan produk getah (3.9 peratus, RM2.9 bilion). Kesemua produk ini menyumbang 72.1 peratus daripada jumlah eksport Malaysia ke rantau ini.

Jadual 2.10:
Perdagangan Malaysia Dengan Kesatuan Eropah

Negara	Jumlah Perdagangan	2008 *i*						2007		
		Exports			Imports			Jumlah Perdagangan	Eksport	Import
	RM (juta)	RM (juta)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (juta)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (juta)	RM (juta)	RM (juta)
EU 27	**136,548,732**	**74,867,671**	**100.0**	**-3.8**	**61,681,062**	**100.0**	**2.9**	**137,765.1**	**77,823.6**	**59,941.5**
Jerman	37,830,271	15,361,208	20.5	3.6	22,469,063	36.4	-4.1	38,254.8	14,831.6	23,423.2
Belanda	27,126,654	23,443,495	31.3	-0.7	3,683,159	6.0	12.2	26,881.3	23,599.4	3,281.9
UK	17,141,080	9,487,081	12.7	-4.2	7,653,999	12.4	5.3	17,164.7	9,898.8	7,265.9
Perancis	13,915,335	6,361,430	8.5	-13.5	7,553,905	12.2	-2.1	15,069.0	7,351.8	7,717.2
Itali	7,921,434	3,117,769	4.2	-17.7	4,803,665	7.8	6.6	8,293.0	3,786.5	4,506.4
Ireland	6,365,528	1,370,392	1.8	-12.5	4,995,136	8.1	82.2	4,425.0	2,654.6	1,770.4
Sepanyol	4,372,443	3,145,248	4.2	7.2	1,227,195	2.0	-15.0	4,378.0	2,934.8	1,443.2
Belgium	4,187,208	2,338,767	3.1	-11.9	1,848,441	3.0	4.4	4,307.8	1,566.9	2,740.9
Sweden	3,567,353	1,320,457	1.8	0.5	2,246,896	3.6	1.6	3,525.1	1,313.3	2,211.8
Finland	2,557,933	1,628,784	2.2	-21.1	929,149	1.5	-6.2	3,055.7	2,065.5	990.3
Austria	1,991,105	422,163	0.6	7.8	1,568,941	2.5	27.1	1,983.1	1,734.1	249.0
Hungary	1,816,086	1,593,701	2.1	-8.1	222,385	0.4	-10.7	1,871.7	649.1	1,222.6
Denmark	1,452,081	894,383	1.2	0.5	557,698	0.9	-5.2	1,625.8	391.7	1,234.0
Poland	1,394,698	1,184,866	1.6	2.9	209,832	0.3	-36.0	1,479.1	1,151.0	328.1
Portugal	1,387,433	571,044	0.8	-12.0	816,389	1.3	-33.2	1,477.6	889.5	588.1
Republik Czech	713,346	493,715	0.7	-28.8	219,631	0.4	3.4	905.7	693.2	212.5
Greece	672,598	635,784	0.8	0.5	36,814	0.1	-56.6	717.6	632.7	84.9
Malta	412,759	152,783	0.2	28.3	259,975	0.4	-0.5	499.9	447.3	52.5
Slovakia	360,047	322,637	0.4	-27.9	37,410	0.1	-28.8	416.0	345.8	70.3
Romania	289,380	211,189	0.3	-38.9	78,191	0.1	11.3	380.5	119.1	261.4
Bulgaria	246,019	189,913	0.3	29.7	56,106	0.1	-15.3	247.4	222.3	25.1
Estonia	236,465	207,881	0.3	-6.5	28,584	neg.	13.9	212.6	146.4	66.2
Lithuania	171,411	87,119	0.1	-1.7	84,291	0.1	19.4	159.2	88.6	70.6
Slovenia	126,506	83,403	0.1	62.2	43,103	0.1	-11.6	135.7	124.7	10.9
Latvia	117,613	112,077	0.1	45.3	5,536	neg.	8.7	116.7	56.5	60.2
Cyprus	109,895	96,647	0.1	-22.5	13,248	neg.	21.2	100.1	51.4	48.7
Luxembourg	66,055	33,734	neg.	-40.3	32,320	0.1	-46.3	82.2	77.1	5.1

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Nota : i - interim

Carta 2.5:
Perdagangan Malaysia Dengan Kesatuan Eropah, 1999 - 2008



Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Pada 2008, Malaysia kekal sebagai pembekal keenam terbesar produk E&E ke EU, menyumbang 4.3 peratus daripada jumlah import produk E&E ke EU. Pembekal utama produk E&E ke EU adalah Republik Rakyat China dengan syer 41.9 peratus, AS (10.7 peratus), Jepun (7.7 peratus), Republik Korea (7.2 peratus) dan Taiwan (6 peratus).

Jumlah import Malaysia dari EU meningkat 2.9 peratus kepada RM61.7 bilion daripada RM59.9 bilion pada 2007, di mana Jerman, UK, Perancis, Ireland dan Itali merupakan lima sumber utama import Malaysia dari EU. Produk E&E kekal sebagai import utama Malaysia dari EU bernilai RM23.9 bilion, menyumbang 38.7 peratus kepada jumlah import Malaysia dari rantau tersebut. Ini diikuti oleh jentera, perkakasan dan alat ganti, bernilai RM8.9 bilion atau 14.5 peratus daripada jumlah import, kimia dan produk kimia (RM6.5 bilion atau 10.6 peratus), kelengkapan pengangkutan (RM5.8 bilion atau 9.5 peratus) serta produk besi dan keluli (RM3.7 bilion atau 6.1 peratus).

AMALAN PERDAGANGAN YANG DIPERKENALKAN OLEH RAKAN DAGANG MALAYSIA

Amerika Syarikat

Airborne Toxic Control Measures oleh California Air Resources Board

Airborne Toxic Control Measures (ATCM) telah diperkenalkan oleh California untuk mengurangkan penyebaran *formaldehyde* dari produk komposit kayu termasuk papan lapis kayu keras, *particleboard*, *medium density fibreboard*, *thin medium density fibreboard*, perabot dan produk-produk siap lain yang menggunakan produk komposit kayu.

Formaldehyde dikeluarkan pada skala yang besar di seluruh dunia. Salah satu penggunaan yang paling banyak ialah di dalam pengeluaran *wood binding adhesives* dan resin. *The Air Resources Board* (ARB) merumuskan bahawa *formaldehyde* yang diuji di California telah mendapati salah satu sumber pendedahan ialah dari penyedutan *formaldehyde* yang terhasil dari komposit produk kayu yang mengandungi resin *urea-formaldehyde*. *The International Agency for Research on Cancer* (IARC) mengklasifikasikan *formaldehyde* dari 'berkemungkinan menyebabkan kanser terhadap manusia' kepada 'menyebabkan kanser terhadap manusia' pada 2004, berdasarkan peningkatan risiko kepada kanser *nasopharyngeal*. *Formaldehyde* juga ditakrif sebagai toksik pencemar udara (*Toxic Air Contaminant* -TAC) di California pada 1992 tanpa aras pendedahan selamat. Peraturan baru ini akan dilaksanakan secara rasmi pada 1 Januari 2009.

Para pengilang, pengedar, pengimport, peruncit dan pensijilan pihak ketiga untuk produk komposit kayu dan barang-barang siap yang mengandungi produk komposit kayu yang di sasarkan ke pasaran California, mestilah mematuhi standard *emission* yang berkenaan.

Peraturan ini bukan sahaja melibatkan pengusaha industri perabot Malaysia, tetapi juga meliputi kontraktor perumahan, pembuat kabinet dapur, syarikat bahan lantai dan pintu, yang ingin mengeksport produk mereka ke pasaran California, AS.

Kesatuan Eropah

Common Agricultural Policy

Kebanyakan produk pertanian yang diimport adalah tertakluk kepada *Common Agricultural Policy* (CAP) yang diperkenalkan pada Disember 2007, di mana kebanyakan item termasuk komponen pertanian, dikenakan pelbagai levi yang dirangka untuk mengimbangkan harga komoditi import dengan yang dikeluarkan di EU. Levi tersebut adalah berbeza mengikut kepada jenis produk.

Selain dari tarif yang dikenakan ke atas produk pertanian, kebanyakan produk-produk pertanian masih tertakluk kepada peraturan kastam dan kawalan kesihatan sedia ada.

Ujian Kebolehbakaran oleh Belanda

Pada masa ini tiada undang-undang dari EU berkenaan kebolehbakaran pakaian. Pada 1 Mei 2008, kriteria-kriteria berikut telah digunakan oleh *Dutch Food and Consumer Product Safety Authority* (VWA) untuk menilai keselamatan pakaian dari kebakaran; pakaian (selain dari pakaian tidur) dijual di Belanda mesti mematuhi ujian kebolehbakaran.

Ujian tersebut mesti dilakukan mengikut standard ASTM D12301 iaitu jangka masa sentuhan api selama satu saat. Ia juga perlu mematuhi standard di mana kebakaran yang merebak sebanyak 127 mm mesti terjadi dalam jangka masa tidak kurang daripada empat saat. Bahan-bahan ini diandaikan telah mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan; kain yang mempunyai permukaan yang lembut dan kepadatan 88 gram meter persegi atau lebih, dan semua kain yang dikeluarkan sepenuhnya menggunakan bahan-bahan berikut: *acryl*, *modacryl*, *nylon*, *olefin*, *polyester* dan *wool*. Pengecualian dari peraturan tersebut adalah pakaian renang, *hosiery*, pakaian dalam dan pakaian bayi (lebih kecil dari saiz 80).

Pengeksport-pengeksport Malaysia untuk barangan tekstil dan pakaian mesti mematuhi peraturan-peraturan tambahan kebolehbakaran pakaian yang tidak dikenakan apabila mengeksport ke negara-negara EU yang lain.

Kenya

Import Standardisation Mark

Kenya Bureau of Standards telah memperkenalkan satu skim pensijilan produk berkuatkuasa pada Oktober 2008 yang memerlukan produk tempatan dan import mempunyai satu tanda standard. Pada mulanya, *Import Standardisation Mark* diperlukan bagi semua produk import yang boleh mempengaruhi kesihatan dan keselamatan, termasuk barang-barang makanan, produk-produk elektrik, pakaian bayi dan alat-alat permainan. Tarikh akhir untuk memohon *Import Standardisation Mark* ialah 1 Mac 2009. Produk-produk yang telah berada di pasaran sebelum tarikh akhir akan dianggap sebagai stok tidak alih dan akan dibenarkan untuk dijual sehingga habis.

Syarikat-syarikat tempatan perlu membayar di antara US$70.00 hingga US$285.00 untuk tanda tersebut selain daripada US$107.00 bagi setiap produk. Peraturan baru ini akan menyebabkan peningkatan harga untuk produk import dan mungkin akan mengurangkan jumlah import bagi produk yang disasarkan dalam skim tersebut termasuk produk Malaysia.

PROSPEK

Suasana ekonomi antarabangsa kini amat tidak menentu dan adalah sukar untuk membuat sebarang unjuran yang munasabah. Pada 2009, eksport Malaysia dijangka akan mencatatkan pertumbuhan negatif, sejajar dengan kelembapan ekonomi dunia yang berterusan sejak 2008. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan pertumbuhan ekonomi dunia akan jatuh kepada 0.5 peratus. Jumlah perdagangan global pula dijangka akan merosot buat pertama kali sejak 1982, menurut Bank Dunia. IMF juga menjangkakan pertumbuhan ekonomi di pasaran baru muncul dan membangun akan merosot dengan ketara dari 6.3 peratus kepada 3.3 peratus pada 2009.

Walaupun kelembapan ekonomi berlaku di Jepun, AS dan EU, eksport Malaysia ke negara-negara ini akan kekal signifikan. Produk elektrik dan elektronik, kimia dan produk kimia, jentera, perkakasan dan alat ganti akan terus menjadi produk-produk utama eksport Malaysia.

Pasaran rantau baru muncul bagi eskport Malaysia termasuk Asia Barat, Afrika dan Asia Selatan dijangka akan mengekalkan permintaan eksport mereka ke atas produk Malaysia seperti elektrik dan elektronik, kimia dan produk kima, barangan perhiasan diri dan makanan diproses, akan terus menjadi destinasi eksport penting bagi Malaysia pada 2009.

Sektor perkilangan akan terus menjadi peneraju eksport utama di mana ia menyumbang 70 peratus kepada jumlah keseluruhan eksport bulanan sepanjang tahun 2008. Produk elektrik dan elektronik akan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada eksport Malaysia walaupun mencatat pertumbuhan negatif pada 2008.

Produk utama eksport Malaysia yang lain bagi 2009 adalah petroleum mentah dan bertapis, gas asli, minyak sawit dan getah mentah.

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, pihak industri perlu mengambil pendekatan bagi mengurangkan kos operasi dan pengeluaran, memperbaiki kecekapan dan produktiviti serta meningkatkan aktiviti promosi untuk mencari peluang eksport di pasaran *niche* dan baru. Dengan ini, pihak industri akan lebih bersedia apabila ekonomi dunia mulai pulih pada masa hadapan. Pelaksanaan pendekatan ini adalah perlu bagi mengurangkan impak kelembapan ekonomi dunia ke atas ekonomi Malaysia.

BAB 3: PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS DUA HALA

TINJAUAN

Pertumbuhan dan perkembangan ekonomi Malaysia telah lama dipacu oleh perdagangan antarabangsa dan pelaburan terutamanya di dalam sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam memenuhi harapan Malaysia untuk meletakkan dirinya sebagai salah satu daripada sepuluh negara teratas perdagangan menjelang 2020, Malaysia menggalak dan menyokong usaha-usaha bagi mewujudkan suasana perdagangan global yang lebih liberal dan adil. Salah satu objektif dasar perdagangan Malaysia adalah untuk memaksimakan faedah-faedah dengan mengukuhkan akses pasaran melalui pendekatan dua hala, serantau dan pelbagai hala.

Malaysia terus memberi fokus kepada inisiatif-inisiatif liberalisasi perdagangan berdasarkan peraturan sistem perdagangan pelbagai hala di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Malaysia juga meneruskan perjanjian perdagangan serantau dan dua hala sebagai melengkapi pendekatan pelbagai hala untuk meliberalisasikan perdagangan.

Penglibatan Malaysia dalam Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bermula dengan penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada 1993. Sejak itu, Malaysia telah memuktamadkan FTA dua hala dengan Jepun dan Pakistan, sementara rundingan yang aktif diteruskan dengan Amerika Syarikat (AS), Chile, India, Australia dan New Zealand. Bersama-sama dengan Negara-negara Anggota ASEAN yang lain, Malaysia telah memuktamadkan FTA serantau dengan Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun, India dan Australia-New Zealand dan sedang dalam rundingan dengan Kesatuan Eropah.

Malaysia juga telah memuktamadkan aturan keutamaan perdagangan dengan negara-negara Organisasi Persidangan Islam (OIC). Walau bagaimanapun, Sistem Keutamaan Perdagangan–OIC (TPS-OIC) dan Perjanjian Perdagangan Keutamaan Kumpulan Lapan Negara-negara Membangun (D8-PTA) masih menunggu pelaksanaan memandangkan bilangan negara yang perlu menandatangani dan mengesahkan perjanjian tersebut belum tercapai. Malaysia telah menandatangani dan mengesahkan kedua-dua perjanjian.

Objektif-objektif utama Malaysia dalam merundingkan FTA dua hala dan serantau termasuklah:

- menambah baik akses bagi barangan Malaysia melalui aturan perdagangan keutamaan serta langkah-langkah fasilitasi perdagangan lain;
- mewujudkan peluang-peluang akses pasaran bagi pembekal-pembekal perkhidmatan Malaysia melalui langkah-langkah liberalisasi dan fasilitasi;
- meningkatkan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan hub pengeluaran untuk pembekalan ke pasaran antarabangsa;
- membuka peluang-peluang pelaburan luar negara bagi perniagaan-perniagaan Malaysia;
- menyediakan platform untuk menangani peraturan-peraturan kesihatan, sanitari dan peraturan-peraturan teknikal; dan
- membina kapasiti domestik melalui kerjasama serta kolaborasi ekonomi dan teknikal.

Malaysia sedang meneruskan FTA komprehensif yang meliputi liberalisasi,

fasilitasi dan kerjasama ekonomi dalam bidang-bidang seperti:

- barangan dan perkhidmatan;
- pelaburan;
- kerjasama kastam;
- peraturan standard dan teknikal;
- teknologi infomasi dan komunikasi;
- pembangunan enterpris kecil dan sederhana (EKS); dan
- hak harta intelek.

KEPENTINGAN FTA

FTA membantu untuk mengukuhkan kehadiran Malaysia di pasaran-pasaran utama dan mendapatkan akses ke pasaran-pasaran baru dan baru muncul melalui pembentukan aturan-aturan keutamaan. Aturan-aturan keutamaan ini memberi kelebihan kepada perniagaan-perniagaan Malaysia berbanding dengan pesaing-pesaing yang tidak menikmati aturan yang serupa.

Faedah serta-merta yang boleh dinikmati dari FTA adalah aturan keutamaan tarif yang dipersetujui. Pengeluar-pengeluar Malaysia boleh mengeksport barangan mereka ke pasaran FTA pada kadar tarif keutamaan, menjadikan eksport lebih kompetitif berbanding dengan pesaing-pesaing dari negara-negara yang tidak menikmati keistimewaan yang serupa. Produk-produk daripada rakan FTA juga dapat menikmati layanan keutamaan, yang membolehkan pengguna-pengguna Malaysia menikmati produk pengguna yang diimport dengan pilihan yang lebih luas serta harga yang lebih murah.

FTA membantu mewujudkan pasaran yang lebih besar yang membolehkan pengilang-pengilang Malaysia beroperasi pada ekonomi berskala, seterusnya mengurangkan kos per unit dan menjadikan eksport lebih kompetitif. Pembentukan pasaran yang lebih besar melalui FTA akan menyumbang kepada pengukuhan Malaysia sebagai hab pengeluaran serta dapat menarik pelaburan-pelaburan langsung asing (FDIs). Pelabur-pelabur asing akan memilih untuk mengadakan operasi di Malaysia bagi menikmati akses keutamaan ke dalam pasaran-pasaran ini.

Bagi pelabur-pelabur Malaysia yang meneroka pasaran luar negara, FTA akan membuka peluang melalui komitmen liberalisasi yang dibuat. FTA juga membolehkan pelabur-pelabur Malaysia menikmati layanan lebih adil dan saksama yang serupa dengan pelabur-pelabur tempatan. Pelabur-pelabur Malaysia juga akan menikmati perlindungan di bawah undang-undang domestik rakan FTA serta berupaya untuk mencari penyelesaian melalui mekanisma penyelesaian pertikaian yang dipersetujui.

FTA juga memudahkan perdagangan melalui harmonisasi prosedur-prosedur kastam dan aturan pengiktirafan bersama (MRAs) yang akan mengecualikan pengeksport-pengeksport Malaysia daripada menjalani pelbagai ujian untuk memasuki pasaran. FTA juga menyediakan jalan untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan *standard*, peraturan teknikal (Halangan Teknikal kepada Perdagangan – TBT) serta langkah-langkah kesihatan serta sanitari dan fitosanitari (SPS). Usaha-usaha yang diambil di dalam FTA ini melengkapkan peruntukan-peruntukan yang telah disyaratkan di bawah WTO.

Pengilang-pengilang Malaysia juga boleh mengimport bahan-bahan mentah serta barangan perantaraan pada kos yang lebih rendah, yang menyumbang kepada daya saing keseluruhan di peringkat global. Daya saing dalam bidang perkhidmatan juga akan dipertingkatkan kerana liberalisasi membolehkan pembekal-pembekal perkhidmatan Malaysia bekerjasama dan berkongsi amalan-amalan terbaik dengan pembekal-pembekal asing.

Terdapat juga peruntukan untuk Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH) di dalam FTA Malaysia yang membolehkan program-program bina upaya melalui latihan, perkongsian maklumat, pertukaran teknologi, pembangunan modal insan dan aktiviti promosi perdagangan.

PERJANJIAN-PERJANJIAN YANG TELAH DILAKSANAKAN

Sehingga kini, Malaysia telah memuktamadkan dua perjanjian FTA dengan Jepun dan Pakistan, dan bersama dengan Negara-negara Anggota ASEAN yang lain, Malaysia telah menandatangani FTA serantau dengan Republik Rakyat China, Republik Korea, Jepun, India, serta Australia dan New Zealand.

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun

Latarbelakang

Rundingan rasmi di antara Malaysia dan Jepun bagi Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA) bermula pada 2004 dan dimuktamadkan pada 2005. FTA dua hala pertama Malaysia ini telah ditandatangani pada 13 Disember 2005 dan mula dilaksanakan pada 13 Julai 2006.

Bidang-bidang Liputan

MJEPA menyediakan komitmen terikat secara sah di dalam bidang:

- **Akses pasaran bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan**

  Di bawah Perdagangan Barangan, Malaysia dan Jepun telah bersetuju untuk menghapuskan atau mengurangkan tarif secara progresif ke atas sebahagian besar produk pertanian dan industri dalam jangka masa 5-10 tahun. Walau bagaimanapun, tarif bagi tekstil dan pakaian, pertanian dan produk kayu telah dihapuskan serta-merta sejak Julai 2006. Konsesi tarif bagi produk sensitif tinggi seperti telur burung, penyediaan makanan dan minuman alkohol akan dilaksanakan sepenuhnya pada 2021.

  Pada 2008, duti bagi produk pertanian dan makanan seperti itik, ikan dan produk ikan, sayur segar dan diproses, buah-buahan dan kekacang, barangan yang dikilangkan termasuk produk petroleum, bahan kimia, plastik serta produk kulit dan kasut dikurangkan di antara 0.3 hingga 32.5 peratus.

  Pengeksport Malaysia menikmati layanan tanpa duti bagi lebih daripada 6,000 produk industri, buah-buahan tropika dan produk perhutanan termasuk produk getah, produk elektrikal dan elektronik, kasut, bahan kimia dan petrokimia, produk plastik, perabot serta alat ganti dan komponen automotif.

  Bagi Perdagangan Perkhidmatan, Jepun membenarkan akses pasaran tanpa syarat dalam bidang berkepentingan kepada Malaysia seperti:

  - perkhidmatan perniagaan dan profesional;
  - perkhidmatan pendidikan;
  - perkhidmatan komunikasi;
  - perkhidmatan berkaitan dengan pelancongan dan perjalanan; dan
  - perkhidmatan berkaitan dengan sosial dan kesihatan.

Perjanjian ini membolehkan pusingan rundingan pada masa depan untuk terus meliberalisasi pasaran perkhidmatan bagi kedua-dua negara.

- **Pelaburan**

  MJEPA menyediakan rangka kerja bagi meluaskan dan memudahkan pelaburan merentas sempadan yang lebih bebas di

antara Malaysia dengan Jepun. Perjanjian tersebut juga memperuntukkan:

- tiada diskriminasi dalam layanan bagi pelabur dan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang telah diberi komitmen; dan

- meningkatkan perlindungan bagi pelabur dan pelaburan.

- **Peraturan teknikal, standard dan prosedur penilaian penyesuaian**

  Kerjasama erat dalam bidang standard di antara kedua-dua negara akan lebih berkesan melalui penubuhan MRA ke atas ujian dan prosedur penilaian penyesuaian. MRA ini akan memudahkan dan meningkatkan akses pasaran serta mengurangkan kos bagi barangan Malaysia yang perlu akur kepada standard dan peraturan teknikal Jepun.

- **Langkah-langkah sanitari dan fitosanitari (SPS)**

  Perjanjian tersebut menyediakan ruang untuk pertukaran maklumat, konsultasi dan kerjasama ke atas isu berkaitan pelaksanaan langkah-langkah SPS. Malaysia boleh menggunakan peluang-peluang ini untuk mendapatkan bantuan teknikal dari Jepun bagi memenuhi keperluan kesihatan, SPS yang dikenakan ke atas eksport Malaysia ke Jepun.

- **Kerjasama Ekonomi**

  Perjanjian juga menyediakan kerjasama ekonomi untuk membina kapasiti melalui pertukaran maklumat dan perkongsian pengalaman, latihan, kajian bersama dan pembangunan modal insan dalam bidang pendidikan, pelancongan, persekitaran, serta enterpris kecil dan sederhana (EKS).

Kerjasama dalam Industri Automotif

Bidang utama bagi kerjasama adalah dalam industri automotif di mana kerjasama ekonomi dua hala di bawah MJEPA melengkapkan liberalisasi secara progresif. Kolaborasi individu akan membantu meningkatkan daya saing industri automotif Malaysia serta meletakkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik dan hab pengeluaran untuk industri tersebut.

Kerjasama dan usahasama ini dilaksanakan melalui Program Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO). Satu jawatankuasa bersama yang terdiri daripada wakil kerajaan dan industri kedua-dua negara telah ditubuhkan untuk melaksana, menyelaras dan memantau kemajuan projek-projek berikut:

- **Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif**

  Pengilang atau syarikat komponen dan alat ganti automotif Malaysia dibantu oleh pakar teknikal dari Jepun untuk meningkatkan produktiviti melalui proses pengilangan dan pengurusan kualiti yang dipertingkatkan;

- **Penambah Baikan Pusat Acuan dan Dai di Malaysia**

  Pusat acuan dan dai sedia ada di SIRIM ditambahbaikkan melalui penempatan pakar dari Jepun untuk tempoh lima tahun;

- **Bina Upaya bagi Pembekal Alat Ganti Auto dalam bidang Kelulusan Jenis Kenderaan**

  Kemudahan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) sedang diusahakan di Malaysia dengan bantuan pakar Jepun untuk memformulasi program latihan untuk kakitangan VTA. Ia juga bertujuan meningkatkan keupayaan mereka bagi memastikan pematuhan VTA tersebut.

- **Pusat Latihan Kemahiran Automotif di Malaysia**

  Seorang penyelaras dan lima orang pakar (penempatan sementara) dari Jepun akan memberi latihan kemahiran kepada kakitangan automotif di Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Shah Alam (ADTEC);

- **Pendedahan kepada teknologi terkini dan sistem pengeluaran di Pusat Latihan Kemahiran Automotif di Jepun**

  Kakitangan industri automotif Malaysia menjalani latihan industri di Jepun untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam pengeluaran automotif;

- **Penubuhan Pusat Ujian Komponen dan Alat Ganti di Malaysia**

  Suatu inisiatif bina upaya untuk meningkatkan Pusat Ujian Komponen dan Alat Ganti di Malaysia yang membolehkan pengilang komponen dan alat ganti mengeluarkan produk berkualiti;

- **Program Pembangunan Perniagaan**

  Aktiviti-aktiviti usahasama untuk meningkatkan akses pasaran di Jepun dan Malaysia melalui pemadanan perniagaan dan misi perdagangan dalam industri automotif;

- **Kerjasama dalam Maklumat Pasaran Automotif**

  Program pertukaran dan penyebaran maklumat berkenaan pasaran di antara Malaysia dan Jepun untuk faedah bersama;

- **Perundingan Kontrak Usahasama**

  Program ini membolehkan rundingan ke atas sekatan wilayah di antara pengilang automotif Jepun dan pengilang alat ganti dan komponen Malaysia yang mempunyai kontrak usahasama; dan

- **Kerjasama dalam Pameran Auto**

  Kerjasama di antara Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO) dalam menganjurkan pameran perdagangan membolehkan pendedahan pasaran yang lebih besar bagi pengusaha automotif Malaysia serta pengusaha alat ganti dan komponen.

Status Pelaksanaan

Sebuah Jawatankuasa Bersama (JB) yang terdiri daripada wakil kedua-dua negara telah ditubuhkan untuk memantau keseluruhan pelaksanaan MJEPA. Mesyuarat Pertama JB Malaysia-Jepun diadakan pada 13 Julai 2006 di Tokyo, Jepun. Pada mesyuarat ini, JB menerima pakai:

- Prosedur dan Peraturan, dan Peraturan-peraturan Kewangan bagi Jawatankuasa Bersama;
- Prosedur Operasi untuk melaksana Peraturan Tempasal yang perlu bagi menepati tarif keutamaan di bawah MJEPA; dan
- Keputusan ke atas Pelaksanaan Kuota Kadar Tarif (TRQ).

Pada Disember 2008, Mesyuarat Kedua JB Malaysia-Jepun diadakan di Kuala Lumpur untuk:

- menerima pakai Peraturan Produk Spesifik (PSR) yang dipinda bagi tempasal benang;
- bertukar pandangan mengenai isu dan masalah pelaksanaan; dan
- berbincang mengenai cara untuk memaksimumkan faedah dari MJEPA.

Selain itu, pelbagai Jawatankuasa Kecil diwujudkan untuk membincangkan isu pelaksanaan perjanjian dalam bidang tertentu, antaranya:

(i) Peraturan Tempasal (ROO);

(ii) Sanitari dan Fitosanitari (SPS);

(iii) Harta Intelek (IP);

(iv) Penambah-baikan persekitaran perniagaan;

(v) Peraturan Teknikal, Standard dan Prosedur Penilaian Penyesuaian;

(vi) Perdagangan Perkhidmatan;

(vii) Kerjasama Ekonomi dan Teknikal;

(viii) Perdagangan Barangan;

(ix) Prosedur Kastam; dan

(x) Pelaburan.

Antara isu substantif dan berkepentingan yang dibangkitkan untuk perbincangan jawatankuasa-jawatankuasa kecil ini adalah:

- **Pindaan PSR bagi produk benang dan koko**

  Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ROO yang berbincang pada Oktober 2008, telah bersetuju dan menyemak PSR ke atas benang untuk membenarkan pengimportan *carded/combed wool* dari luar Jepun, Malaysia dan ASEAN kerana kebanyakan *carded/combed wool* diperolehi dari Australia.

  Syor untuk meminda PSR bagi benang telah digunapakai pada Mesyuarat Kedua JB pada Disember 2008. Malaysia dan Jepun juga bersetuju untuk membincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil ROO isu semakan PSR bagi produk koko bagi membenarkan pengimportan biji koko dari negara ketiga dari luar ASEAN (memandangkan peraturan sekarang membenarkan penggunaan biji koko dari Negara-negara ASEAN dengan syarat ia mewakili 50 peratus dari berat produk tersebut).

- **Pensijilan ROO**

  Jepun menyatakan kebimbangan ke atas beberapa Sijil Tempasal (CO) berkaitan invois pihak ketiga di mana ianya tidak konsisten dengan arahan borang MJEPA dan telah menimbulkan kekeliruan. Pada masa ini, pengeskport tidak perlu mengisi nombor dan tarikh invois (di mana ruang 7 atas borang MJEPA) melainkan invois pihak ketiga tersebut dikenali. Jepun meminta pengeksport Malaysia untuk mematuhi arahan tersebut.

  Jepun mengulangi kesediaannya untuk menerima borang MJEPA dengan cetakan tandatangan secara elektronik yang dikeluarkan oleh Malaysia, seperti yang ditetapkan di Ruang 10 pada halaman nota borang MJEPA.

- **Senarai tanaman larangan dari Malaysia ke Jepun**

  Buah limau segar, belimbing, tomato, pisang masak, terung, betik, *bell pepper* dan tembikai dari Malaysia dilarang memasuki Jepun disebabkan keperluan kuarantin serta organisma perosak yang dikaitkan dengan tanaman ini.

  Walau bagaimanapun, buah-buahan, sayuran dan keratan bunga misalnya pisang muda segar, nenas, orkid dan kekwa; durian, nangka, cempedak dan manggis beku; dan mangga harumanis yang telah *disinfested* dibenarkan untuk diimport ke Jepun dengan syarat ia bebas dari organisma perosak dan disertakan bersama Sijil Fitosanitari; dan

- **Import kuda dari Jepun ke Malaysia dan import buah-buahan dari Malaysia ke Jepun**

  Jepun meminta supaya dihapuskan sekatan import ke atas kuda dari Jepun yang dikenakan kerana wabak *Equine Influenza* (EI) di Jepun pada 2007. Pada masa ini, Malaysia hanya membenarkan dibawa masuk kuda lumba dari Jepun secara sementara, dan memaklumkan bahawa Jepun mesti diisytiharkan bebas dari EI sebelum Malaysia menghapuskan larangan tersebut sepenuhnya.

  Mengenai import buah-buahan dari Malaysia, Malaysia diminta untuk menyediakan data yang perlu dan dokumen berkaitan serta mengutamakan permintaan untuk kuarantin tanaman import (*import plant quarantine*) mengikut turutan keutamaan iaitu betik, belimbing, tembikai, rambutan, manggis dan *bell pepper*.

- **Larangan ke atas produk Malaysia disebabkan oleh pencemaran melamin**

  Malaysia membangkitkan isu mengenai arahan pemeriksaan ke atas produk Malaysia disebabkan oleh pencemaran melamin semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kecil bagi Penambahbaikan Persekitaran Perniagaan yang berlangsung pada Disember 2008. Adalah juga diminta penjelasan mengenai syarat yang dikenakan oleh Jepun ke atas tahap melamin yang dibenarkan dalam produk makanan, merujuk kepada peraturan Jepun yang tidak membenarkan sebarang produk makanan tercemar melamin diimport ke Jepun; ini bercanggahan dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang membenarkan sehingga 2.5 bahagian per juta (ppm).

  Pihak Jepun memaklumkan bahawa keselamatan makanan diberi keutamaan di Jepun dan Undang-undang Makanan dan Sanitasi tidak membenarkan tahap toleransi tertentu. Adalah juga diterangkan bahawa arahan pemeriksaan yang dikeluarkan adalah untuk produk makanan mengandungi ammonium bikarbonat dari Republik Rakyat China. Langkah-langkah ini tidak mensasarkan produk Malaysia tetapi terhadap bahan tambahan menggunakan ammonium bikarbonat yang dikeluarkan oleh syarikat tertentu di Republik Rakyat China. Malaysia meminta Jepun untuk menerima pencemaran melamin pada tahap tertentu yang boleh diterima seperti dilaksanakan di beberapa negara lain, dan mencadangkan supaya pihak berkuasa bagi kedua-dua pihak membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut.

Di bawah kerjasama ekonomi, kedua-dua pihak sentiasa berhubung untuk memantau pelaksanaan projek-projek yang telah dipersetujui. Projek-projek kerjasama utama yang dilaksanakan merupakan program latihan sumber manusia di dalam bidang :

- Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Perladangan;
- Pendidikan dan Pembangunan Sumber Manusia;
- Sains dan Teknologi;
- Enterpris Kecil dan Sederhana; dan
- Pelancongan.

Di bawah projek tersebut, seramai 178 pelatih Malaysia telah menamatkan kursus latihan di Jepun sepanjang pelaksanaan tiga tahun sejak 2006. Seramai 53 pelatih sedang dipertimbangkan oleh Jepun bagi tahun fiskal 2008 (akhir Mac 2009).

Projek kerjasama dalam industri automotif di bawah program MAJAICO juga menunjukkan kemajuan positif sejak

dimulakan pada 2006. Sejumlah 127 syarikat auto dan 327 kakitangan telah mengambil bahagian dan menikmati faedah dari program MAJAICO sejak 2006. Semakan awal dan cadangan penambahbaikan program tersebut telah dibuat semasa perundingan tahunan di antara kedua-dua pihak.

Semasa Rundingan Keempat MAJAICO pada 22 Januari 2008, Jepun telah bersetuju ke atas cadangan Malaysia untuk:

- menyemak semula kurikulum sedia ada selaras dengan keperluan industri automotif Malaysia;
- meningkatkan penglibatan pembekal Malaysia yang tiada ikatan teknikal;
- memperuntukkan sekurang-kurangnya 40 peratus dari latihan di Jepun kepada latihan in situ.
- Jepun perlu menimbangkan program latihan baru selain daripada khidmat nasihat dan perundingan oleh pakar Jepun.

Rundingan Kelima MAJAICO telah diadakan pada 3 Mac 2009 bagi memantau dan mengkaji semula pelaksanaan projek-projek MAJAICO. Butiran lanjut mengenai status kemajuan bagi sepuluh aktiviti di bawah MAJAICO bagi tahun 2008 seperti di Lampiran A.

Perkembangan dalam Bidang Perdagangan

Hubungan perdagangan dua-hala antara Malaysia dan Jepun sejak lima tahun lepas merekodkan pertumbuhan positif yang berterusan, terutama eksport, setelah MJEPA dilaksanakan pada 2006.

Bagi tahun 2008 sahaja, perdagangan keseluruhan berjumlah RM136.9 bilion iaitu peningkatan sebanyak 13.4 peratus berbanding 2007. Jumlah ini merangkumi eksport ke Jepun bernilai RM71.8 bilion (meningkat 30.1 peratus) dan import dari Jepun berjumlah RM65.1 bilion (berkurang 0.6 peratus). Ini merupakan kali pertama lebihan jumlah dagangan direkod oleh Malaysia dengan Jepun dalam tempoh dua dekad ini.

Sejak Julai 2006, Malaysia telah mengeluarkan Sijil Tempasal MJEPA sebanyak 113,217 dengan jumlah eksport bernilai RM18.2 bilion. Sijil Tempasal merupakan sijil yang mengesahkan pematuhan eksport terhadap ROO yang dipersetujui dan membolehkan pengeksport menikmati layanan keutamaan duti.

Pada 2008, sejumlah 45,714 Sijil Tempasal bagi eksport bernilai RM8.4 bilion dikeluarkan bagi eksport Malaysia ke Jepun, peningkatan 25.4 peratus nilai eksport berbanding 2007. Eksport utama yang menikmati layanan keutamaan itu adalah:

- minyak sawit;
- plastik;
- bahan kimia;
- kayu;
- mentega, lemak dan minyak koko; dan
- sarung tangan kerja yang diperbuat daripada fabrik.

Import dari Jepun yang mendapat layanan keutamaan untuk tempoh Julai 2006 – Disember 2008 berjumlah RM3.3 bilion. Pada 2008, import dari Jepun di bawah MJEPA berjumlah RM2.7 bilion. Import utama termasuk:

- kenderaan selain daripada *railway* dan tramway *rolling stocks* dan alat ganti serta aksesori;
- dandang, mesin dan peralatan mekanikal;

- besi dan keluli;
- artikel-artikel besi dan keluli;
- mesin elektrik dan peralatannya serta alat ganti; dan
- produk-produk getah.

Bagi 2009, Jepun dijangka mengurangkan lagi duti import bagi lebih banyak produk-produk asas tani dan makanan seperti itik, ikan dan produk-produk berasaskan ikan, sayuran segar dan diproses, buah-buahan dan kekacang, dan hasil perkilangan seperti produk-produk petroleum, bahan kimia, plastik dan produk berasaskan kulit serta kasut.

Malaysia juga akan turut mengurangkan duti import ke atas produk-produk seperti bahan-bahan kimia, racun serangga, produk berasaskan getah, produk-produk berasaskan besi dan keluli, tembaga dan aluminium pada 2009. Sebagai tambahan, duti import ke atas getah sintetik juga akan dihapuskan di bawah MJEPA.

Perjanjian Kerjasama Rapat Ekonomi Malaysia-Pakistan

Latarbelakang

Rundingan Perjanjian Kerjasama Rapat Ekonomi Malaysia-Pakistan (MPCEPA) bermula pada Februari 2005 dan dimuktamadkan pada Mei 2007.

Malaysia dan Pakistan melaksanakan Program Tuaian Awal (*Early Harvest Programme* - EHP) untuk perdagangan barangan pada Januari 2006 bagi mempercepatkan proses liberalisasi perdagangan MPCEPA. EHP membolehkan pengurangan dan penghapusan tarif yang lebih awal sebelum pelaksanaan FTA secara komprehensif bagi barangan terpilih yang telah dipersetujui bersama.

MPCEPA telah ditandatangani pada 8 November 2007 di Kuala Lumpur dan telah berkuatkuasa sejak 1 Januari 2008. Ini adalah FTA dua hala Malaysia yang pertama dengan sebuah negara Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Bidang-bidang Liputan

Komitmen di bawah Perjanjian ini termasuk:

- **Akses pasaran bagi perdagangan barangan dan perkhidmatan**

  Bagi perdagangan barangan, Malaysia dan Pakistan akan menurunkan atau menghapuskan tarif ke atas produk pertanian dan perindustrian secara progresif dalam jangkamasa tujuh tahun. Duti import ke atas kebanyakan produk akan dihapuskan sebelum 2012 sementara tarif bagi produk yang lebih sensitif akan dihapuskan sebelum 2014.

  Di antara eksport Malaysia yang mendapat faedah daripada penghapusan duti ini adalah minyak sawit, buah-buahan, getah asli, barangan kulit, teh, koko dan kopi, makanan yang diproses, jentera dan kelengkapan, bahan kimia dan produk kimia, plastik, barangan farmaseutikal, tekstil, kasut, kelengkapan sukan, perabot, produk elektrik dan elektronik, kelengkapan perubatan, bahan pembinaan, produk kertas, produk besi dan keluli dan alat-alat muzik.

  Selain itu, eksport Malaysia ke Pakistan yang terpilih seperti minyak sawit, marjerin dan serbuk koko akan diberikan Kadar Tarif Keutamaan (Margin of Preference - MoP) sehingga 15 – 50 peratus sebelum 2011. Sebagai balasan, menjelang 2011, Malaysia akan menurunkan dan menghapuskan tarif ke atas produk seperti fabrik dan tekstil, kain kapas, benang, benang kapas, jelatin, rangka tilam, mempelam dan wayar tembaga yang diimport dari Pakistan.

Bagi Perdagangan Perkhidmatan, pembekal perkhidmatan Malaysia di Pakistan boleh memiliki 60 peratus ekuiti dalam sektor-sektor yang telah dipersetujui seperti perkhidmatan profesional, komunikasi, pembinaan, pengedaran, pendidikan, alam sekitar, kewangan, kesihatan dan pelancongan. Di bawah MPCEPA, Malaysia menikmati akses pasaran yang baru dan lebih liberal daripada yang diperolehi oleh negara-negara lain daripada Pakistan secara pelbagaihala melalui WTO. Sektor-sektor baru yang liberal adalah:

- Perkhidmatan Profesional seperti perundangan, perakaunan, pengauditan dan penyimpanan kira-kira, arkitek dan veterinar;
- Perkhidmatan Perniagaan;
- Telekomunikasi;
- Perkhidmatan Pengedaran;
- Pendidikan;
- Perkhidmatan Alam Sekitar;
- Perkhidmatan Perubatan dan Pergigian;
- Perkhidmatan Rekreasi, Kebudayaan dan Sukan; dan
- Pengangkutan Jalan dan Keretapi.

- **Pelaburan**

MPCEPA menyediakan rangkakerja bagi mempertingkatkan keboleh jangkaan, kestabilan, keselamatan dan ketelusan regim pelaburan yang boleh mempermudahkan pelaburan merentas sempadan di antara Malaysia dengan Pakistan. Perjanjian ini memperuntukkan layanan tanpa diskiriminasi kepada pelabur dan pelaburan terhadap komitmen di dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Perjanjian ini juga memperuntukkan perlindungan yang lebih mantap melalui penggabungan peruntukan-peruntukan Perjanjian Jaminan Pelaburan (Investment Guarantee Agreement – IGA) Malaysia-Pakistan yang ditandatangani pada 7 Julai 1996.

- **Kerjasama Ekonomi**

Kerjasama Ekonomi adalah aspek penting dalam MPCEPA di mana Malaysia dan Pakistan mempersetujui usaha kolaboratif bagi menjalankan kerjasama teknikal serta bina upaya dalam bidang-bidang:

- pelancongan (promosi dan pemasaran bersama);
- pembinaan (perkongsian kepakaran dan pengetahuan teknikal);
- penjagaan kesihatan (latihan penjagaan kesihatan); dan
- telekomunikasi (pembangunan sumber manusia dan pengilangan kelengkapan telekomunikasi).

Status Pelaksanaan

Sejak berkuatkuasa Perjanjian yang lebih komprehensif ini pada 1 Januari 2008, perjanjian-perjanjian dua hala yang sedia ada dan IGA tidak lagi berkuatkuasa.

MPCEPA menawarkan peluang kepada komuniti perniagaan kedua-dua negara untuk terus mempertingkatkan rangkaian perdagangan dan pelaburan dua hala. Pertumbuhan perdagangan di antara Malaysia dan Pakistan selepas MPCEPA berkuatkuasa menunjukkan bahawa komuniti perniagaan kedua-dua negara telah mendapat faedah dari Perjanjian ini.

Prestasi Perdagangan

Sejak EHP dan MPCEPA berkuatkuasa, perdagangan dengan Pakistan telah meningkat lebih daripada 30 peratus pada 2007 dan 2008, berbanding pertumbuhan

kurang daripada 10 peratus pada tahun-tahun sebelumnya.

Pada 2008, perdagangan keseluruhan dengan Pakistan berjumlah RM6.1 bilion iaitu peningkatan sebanyak 33.9 peratus berbanding 2007. Ini termasuk eksport ke Pakistan bernilai RM5.7 bilion (peningkatan 33 peratus) dan import dari Pakistan bernilai RM400 juta (peningkatan 47.4 peratus).

Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 3,513 Sijil Tempasal (*Certificate of Origin* - CO) dengan eksport bernilai RM4.1 bilion sejak pelaksanaan EHP pada 2006.

Pada 2008, sebanyak 3,026 CO dengan eksport berjumlah RM4 bilion telah dikeluarkan bagi eksport Malaysia ke Pakistan berbanding 290 CO bagi eksport bernilai RM55.4 juta pada 2007. Eksport utama termasuk:

- minyak sawit;
- *butyl acrylate*;
- minyak stearin bertapis, diluntur dan dinyahbau;
- produk sabun;
- benang getah *vulcanised*; dan
- bahan kimia;

Import dari Pakistan di bawah perdagangan keutamaan bernilai RM6.5 juta bagi Januari 2007 - Disember 2008. Pada 2008, import menggunakan CO dari Pakistan berjumlah RM6.2 juta. Eksport utama termasuk kapas dan benang.

Bagi 2009, Pakistan akan menghapuskan duti ke atas lebih daripada 1,600 item seperti alat ganti dan aksesori mesin, unit pemprosesan digital, getah asli, kayu bergergaji, produk kimia industri, buah-buahan dan kekacang, racun serangga, dan mentega serta minyak dan lelemak lain. Melalui layanan keutamaan di bawah MPCEPA, pengeksport Malaysia akan mempunyai kelebihan daripada pesaing-pesaing mereka yang perlu membayar duti di antara 5 hingga 35 peratus bagi produk-produk ini.

Begitu juga, pada 2009, Malaysia akan menurunkan lagi atau menghapuskan tarif ke atas produk-produk seperti produk besi dan keluli, tekstil, bulu bebiri, benang, kapas, kain bersulam dan barang berkait, produk kayu, buah-buahan dan kekacang, tepung gandum, minyak dan lelemak haiwan/sayuran, produk koko, produk seramik, barang kemas tiruan, produk jentera dan kelengkapan, produk elektrik dan elektronik, kenderaan, alat ganti dan komponen dan alatan tangan.

RUNDINGAN SEMASA

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia

Malaysia dan Australia memulakan rundingan bagi Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) pada Mei 2005 di Kuala Lumpur dengan menubuhkan Jawatankuasa Rundingan Perdagangan. Empat kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk menangani bidang-bidang Perdagangan Barangan, Perkhidmatan, Pelaburan serta bidang lain termasuk penyelesaian pertikaian, harta intelek dan kerjasama ekonomi.

Walau bagaimanapun, rundingan FTA ditangguhkan pada 2006 bagi membolehkan kedua-dua negara memberi tumpuan untuk memuktamadkan rundingan serantau Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA). Kedua-dua pihak bersetuju untuk menyambung semula rundingan selepas AANZFTA dimuktamadkan pada 2009.

Australia merupakan rakan dagang ke-11 terbesar Malaysia. Jumlah perdagangan pada 2008 mencapai RM35.2 bilion dengan eksport bernilai RM23.8 bilion dan import RM11.4 bilion. Australia merupakan

pasaran utama Malaysia bagi petroleum mentah, produk elektrik dan elektronik, produk petroleum bertapis, produk kimia dan berasaskan kimia, besi dan keluli. Import utama dari Australia adalah produk-produk perkilangan logam, makanan yang diproses, produk besi dan keluli, petroleum mentah serta produk galian yang lain.

MAFTA merupakan langkah penting ke arah peningkatan dan pengukuhan hubungan ekonomi dua hala jangka panjang melalui peningkatan perdagangan barangan dan perkhidmatan serta menggalakkan pengaliran pelaburan langsung asing (FDI) dengan:

- Melaksanakan liberalisasi tarif bagi produk-produk yang mempunyai kepentingan eksport bagi Malaysia termasuk produk elektrik dan elektronik, tekstil dan pakaian dan alat ganti automotif;
- membuka peluang bagi pembekal perkhidmatan untuk mengukuhkan kehadiran mereka di pasaran, terutama bagi sektor di bawah komitmen rundingan perkhidmatan termasuk MRA serta pergerakan golongan profesional; dan
- mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif di bawah MAFTA untuk meningkatkan aliran pelaburan dua hala, terutama dalam bidang berkepentingan bersama seperti pertanian, industri asas tani dan bioteknologi.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand

Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri New Zealand bersetuju untuk memulakan rundingan dua hala bagi Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA) pada 30 Mac 2005. Selepas enam pusingan rundingan, persetujuan dicapai dalam lima bidang utama iaitu Hak Harta Intelek, SPS, TBT, Kerjasama Ekonomi dan Teknikal serta Dasar Persaingan.

Rundingan ditangguhkan sementara pada April 2006 untuk membolehkan perunding-perunding memberi tumpuan kepada rundingan serantau Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA). Selepas penamatan rundingan AANZFTA, kedua-dua pihak menyambung semula rundingan MNZFTA pada September 2008.

Jumlah perdagangan dua hala pada 2008 mencapai RM6.1 bilion dengan eksport bernilai RM3.5 bilion dan import RM2.6 bilion. Eksport utama Malaysia ke New Zealand adalah jentera, petroleum, peralatan elektrik, lebihan makanan, lelemak dan minyak. Import utama dari New Zealand adalah produk tenusu, bahan api mineral, minyak, produk berkaitan bakeri, daging, besi dan keluli. Walaupun New Zealand merupakan pasaran kecil bagi Malaysia, eksport meningkat sebanyak 37.6 peratus daripada RM2.5 bilion pada 2007 kepada RM3.5 bilion pada 2008.

MNZFTA dijangka akan mempertingkatkan lagi perdagangan dua hala bagi barangan dan perkhidmatan serta pelaburan antara kedua-dua negara.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile

Semasa mesyuarat dua hala di Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*Asia-Pacific Economic Caucus* - APEC) di Ha Noi pada November 2006, Perdana Menteri Malaysia dan Presiden Chile telah bersetuju untuk melancarkan rundingan FTA di antara kedua-dua negara. Rundingan dimulakan secara rasmi pada Jun 2007 di Kuala Lumpur. Enam Kumpulan Kerja merangkumi perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan, isu-isu perundangan, remedi perdagangan dan kerjasama terus mencatat kemajuan dalam tugas mereka pada 2008. Kumpulan-kumpulan Kerja berkenaan telah pun

memulakan perbincangan mengenai pendekatan yang perlu diambil. Teks Deraf bagi kesemua bab juga telah saling ditukar oleh kedua-dua pihak.

Rundingan akan diteruskan pada 2009 ke atas modaliti bagi perdagangan barangan, terutama pengurangan kadar tarif, jangkamasa untuk liberalisasi serta penghapusan halangan-halangan bukan tarif. Mengenai perkhidmatan dan pelaburan, perbincangan akan memberi fokus samada bidang-bidang ini akan dimuktamadkan dalam jangkamasa yang sama dengan perdagangan barangan atau pun secara berasingan.

Di samping rundingan mengenai liberalisasi tarif, kedua-dua pihak juga membincangkan mengenai fasilitasi perdagangan terutama harmonisasi prosedur kastam, SPS dan TBT.

Perdagangan dua hala Malaysia dengan Chile telah mencatat pertumbuhan yang positif semenjak 1990, dengan pertambahan lebih daripada enam kali ganda daripada RM150 juta pada 1990 kepada RM1 biliion pada 2008. Jumlah perdagangan Malaysia dengan Chile pada 2008 mencapai RM1 billion dengan eksport bernilai RM291.2 juta dan import RM761.2 juta. Eksport utama Malaysia ke Chile termasuk sarung tangan dan sarung tangan getah, lelemak sayur dan minyak, perabot kayu dan peralatan rakaman video. Import utama dari Chile adalah logam bukan ferus, tembaga dan palpa kayu.

Untuk jangka panjang, FTA di antara Malaysia dan Chile memberi peluang kepada Malaysia untuk mengukuhkan rangkaian perdagangan dan pelaburan dengan salah sebuah ekonomi paling dinamik di Amerika Latin. Chile mempunyai potensi pasaran bagi Malaysia yang akan menawarkan peluang-peluang akses pasaran bukan sahaja di dalam bidang perdagangan tetapi juga perkhidmatan, terutamanya pembinaan, kewangan dan perbankan.

Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India

Keputusan untuk meneroka kemungkinan mengadakan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif (CECA) Malaysia-India telah dibuat semasa kunjungan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke India pada 20 Disember 2004. Dua pusingan rundingan telah diadakan di mana pusingan pertama diadakan pada Februari 2008. Kedua-dua belah pihak telah bersetuju untuk merundingkan sebuah perjanjian yang dapat mempermudahkan dan saling memberi manfaat kepada komuniti perdagangan dan pelaburan kedua-dua belah pihak.

Kumpulan-kumpulan Kerja perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan, pelaburan, isu-isu perundangan dan kerjasama ekonomi telah bersetuju mengenai elemen-elemen dan modaliti yang akan dimasukkan di dalam bidang-bidang tertertu perjanjian ini. Perbincangan ke atas cadangan deraf bagi setiap bab sedang berjalan.

India telah menjadi salah satu pasaran eksport Malaysia yang utama sepanjang dekad yang lepas. Perdagangan dengan India meningkat lebih dari tujuh kali ganda daripada RM2.5 bilion pada 1994 kepada RM19.1 bilion pada 2005. Pada 2008, perdagangan Malaysia dengan India telah meningkat sebanyak 28.2 peratus kepada RM35 bilion daripada RM27.3 bilion pada 2007. Eksport Malaysia ke India bertambah sebanyak 22.3 peratus kepada RM24.7 bilion pada 2008 daripada RM20.2 bilion pada 2007 sementara import Malaysia bertambah sebanyak 45.1 peratus kepada RM10.3 bilion pada 2008 daripada RM7.1 bilion pada 2007. India adalah rakan dagang Malaysia yang ke-12 terbesar dan destinasi eksport ke-10 terbesar. Eksport utama Malaysia ke India termasuk petroleum mentah, barangan E&E, bahan kimia & produk kimia, minyak sawit and kayu balak dan kayu bergergaji. Import utama daripada India adalah produk

perkilangan daripada logam, bijirin, bahan kimia & produk kimia, produk petroleum bertapis dan haiwan hidup & daging.

Akses keutamaan pasaran menerusi CECA akan membolehkan Malaysia memperkukuhkan eksport barangan dan perkhidmatan ke India. Menjelang 2012, eksport dua hala di antara Malaysia dan India di bawah aturan ini dijangka akan meningkat sebanyak 1.3 kali ganda kepada AS$11.9 bilion bagi Malaysia, dan 2.5 kali ganda kepada AS$4.6 bilion bagi India. Perdagangan dua hala di antara Malaysia dan India telah meningkat hampir 11 kali ganda kepada RM27.3 bilion pada 2007 daripada RM2.5 bilion pada 1994.

CECA akan membolehkan Malaysia untuk memperluaskan dan mengukuhkan aktiviti kerjasama dan kolaborasi dalam bidang-bidang seperti bioteknologi, pembangunan perisian, sains dan pendidikan. Ia juga akan membolehkan pembekal-pembekal perkhidmatan Malaysia untuk mengambil peluang daripada pasaran India yang berpotensi besar dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pembinaan dan pembangunan infrastruktur.

Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-AS

Rundingan bagi Malaysia-AS FTA (MUSFTA) bermula pada Jun 2006 di mana kedua-dua pihak meninjau secara umum serta menilai pandangan dan pendekatan yang berbeza ke atas isu-isu yang dicadangkan untuk dimasukkan di dalam FTA. Sembilan belas WG telah ditubuhkan untuk membincangkan isu-isu yang dicadangkan seperti perdagangan barangan dan perkhidmatan, pelaburan, pertanian, perolehan kerajaan, isu-isu perundangan, alam sekitar, dasar persaingan, hak harta intelek dan prosedur kastam. Sehingga Disember 2008, lapan pusingan rundingan telah diadakan. Perbincangan secara intersesi mengenai isu-isu teknikal telah juga diadakan melalui sidang video serta tele-sidang.

Walaupun rundingan bagi isu-isu berkaitan akses pasaran bagi barangan, prosedur kastam dan TBT berjalan lancar, perkembangan rundingan adalah perlahan dalam bidang-bidang perkhidmatan, pelaburan, alam sekitar dan buruh. Masih belum ada persetujuan untuk memasukkan isu-isu seperti perolehan kerajaan dan dasar persaingan.

Amerika Syarikat merupakan rakan dagang Malaysia yang terbesar dan pasaran paling besar bagi eksport Malaysia. Jumlah perdagangan Malaysia dengan US mencapai RM139.2 billion pada 2008 dengan eksport sebanyak RM82.8 bilion dan import berjumlah RM56.5 billion. Melalui FTA, Malaysia boleh mendapat akses pasaran yang lebih baik bagi produk-produk Malaysia yang dieksport seperti tekstil dan pakaian, kayu, seramik, produk besi dan keluli, bahan kimia dan produk kimia dan produk getah.

Rundingan-rundingan FTA memberi peluang kepada kedua-dua negara untuk mengukuhkan hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala sedia ada, di samping meneroka bidang-bidang baru kerjasama dan kolaborasi. FTA yang diadakan ini boleh juga digunakan untuk menangani langkah-langkah bukan tarif, terutama halangan teknikal, termasuk peraturan-peraturan SPS yang ketat serta juga untuk mengadakan kerjasama bagi menambah kapasiti dan persaingan di dalam sektor-sektor spesifik.

AS kekal sebagai sumber pelaburan langsung asing yang penting dalam sektor pembuatan di Malaysia. FTA boleh digunakan untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing daripada AS dan negara ketiga yang berminat untuk menggunakan Malaysia sebagai tapak perkilangan bagi eksport mereka ke AS.

PROGRAM PEMAHAMAN

Beberapa program pemahaman telah dijalankan untuk memastikan FTA yang telah dirundingkan membawa faedah yang dikehendaki kepada komuniti peniagaan. Program-program ini berbentuk taklimat, ceramah dan bengkel yang melibatkan jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta.

Pada 2008, sebanyak 46 program pemahaman telah dianjurkan oleh MITI dan agensinya, MIDA, MATRADE dan SMIDEC. Di antara program yang diadakan adalah seminar bertajuk "*ASEAN and ASEAN FTAs with Dialogue Partners and the Implications on Malaysia*" pada Mac dan "*Opportunities under Malaysia Free Trade Agreements* (FTAs)" pada November. Program-program pemahaman ini dianjurkan dengan tujuan mempertingkatkan pemahaman dan pengetahuan awam mengenai peluang-peluang terutama komuniti perniagaan mengenai peluang-peluang yang ada serta memberi persediaan untuk saingan di dalam persekitaran perniagaan yang lebih terbuka.

Di samping itu, Unit Perkhidmatan FTA juga telah ditubuhkan di MIDA, MATRADE dan SMIDEC sebagai barisan hadapan Kementerian mengenai FTA. Unit-unit ini dianggotai oleh Pakar Rujuk FTA yang berpengalaman untuk menjawab sebarang pertanyaan awam mengenai FTA.

Pelaksanaan pakej liberalisasi dalam setiap FTA adalah secara progresif, serta memberi ruang yang cukup kepada pengeluar tempatan untuk menyesuaikan diri dengan saingan yang semakin meningkat. Maklumat terbaru mengenai FTA juga sentiasa diumumkan sama ada melalui media massa atau laman web Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk memaklumkan kepada orang awam perkembangan terkini mengenai FTA.

PROSPEK

Kadar liberalisasi perdagangan dan pelaburan semakin dipergiatkan pada tahap yang tidak dapat dijangka. Peningkatan persaingan di dalam pasaran global pasti akan memberi impak kepada perdagangan dan perindustrian Malaysia. Malaysia akan terus mencari jalan untuk kekal kompetitif berbanding dengan ekonomi baru muncul yang lain.

Kerajaan akan memastikan yang Malaysia akan terus menjadi lokasi yang kompetitif bagi perdagangan dan pelaburan melalui pelbagai inisiatif termasuk memuktamadkan FTA dua hala dan serantau yang sedang dirundingkan secepat mungkin. Disamping itu, usaha-usaha proaktif akan juga dibuat untuk menambahkan akses pasaran dan merangsang peluang-peluang perniagaan kepada pengeksport dan perniagaan melalui penglibatan bersama dengan rakan FTA baru terutama di rantau yang mempunyai potensi untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan visi untuk menjadi di antara 10 negara perdagangan utama dunia menjelang 2020.

Lampiran A

Projek MAJAICO	Kementerian/Agensi Berkaitan	Status
Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif	SMIDEC	• Sehingga kini, 87 syarikat auto Malaysia telah mengambil bahagian dengan bimbingan 24 pakar Jepun. • Enam mesyuarat telah diadakan pada 2008 dengan Pasukan Petugas Bersama (JTF) MAJAICO. 44 syarikat telah menyampaikan laporan kemajuan aktiviti yang telah dijalankan dan faedah yang dicapai. • Antara lain, keseluruhan syarikat yang mengambil bahagian melaporkan peningkatan produktiviti yang signifikan; pengurangan kecacatan kualiti; dan penambaikan inventori dan proses pengeluaran dalam penggunaan ruang dan pengurusan premis.
Penambah baikan Pusat Acuan dan Dai di Malaysia	SIRIM	• Sehingga Disember 2008, tiga pakar dihantar oleh Perbadanan Kemajuan Luar Negeri Jepun (JODC) ke SIRIM untuk melatih sejumlah 13 kakitangan SIRIM (iaitu jurutera, pelukis draf dan juruteknik). Pakar-pakar berkenaan juga menyediakan khidmat nasihat kepada syarikat dan menjalankan lawatan ke kilang-kilang.
Bina Upaya untuk Pembekal Alat Ganti Auto dalam bidang VTA	Jabatan Pengangkutan Jalan, Malaysia (JPJ)	• Pada masa ini, JPJ masih dalam proses membangunkan kemudahan VTA. Oleh kerana program ini belum dilaksanakan, tempoh program mungkin akan dilanjutkan sehingga selepas 2011.
Pusat Latihan Kemahiran Automotif di Malaysia	Kementerian Sumber Manusia, Malaysia (MOHR) Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (JETRO)	• 171 modul dalam kursus latihan khusus akan dibangunkan meliputi sehingga 80 peratus keperluan latihan yang berkaitan dari tahap asas hingga tahap maju dalam industri automotif Malaysia. 71 modul telah berjaya dibangunkan dan dilaksanakan sehingga Februari 2009.

Projek MAJAICO	Kementerian/Agensi Berkaitan	Status

		• Pada 2008, JETRO telah menghantar sejumlah 27 pakar Jepun untuk membantu program tersebut. 30 lagi Ketua Jurulatih tetap yang berkemahiran (dari Malaysia) diperlukan untuk membangun dan melaksana 171 modul.
		• Sehingga Disember 2008, hanya 13 Ketua Jurulatih telah menghadiri program ini memandangkan tiada jawatan yang diperuntukkan dalam MAJAICO. ADTEC, Shah Alam telah mengambil inisiatif untuk menyediakan cadangan penempatan kakitangan untuk program MAJAICO kepada MOHR di mana industri yang disasarkan adalah PROTON, PERODUA, pembekal dan EKS.
		• Penyertaan dari industri semakin meningkat. Pada 2007, sejumlah 84 pelatih telah direkodkan dan jumlah itu bertambah dua kali ganda kepada 169 pada 2008.
		• Bagi mempromosi program ini, pelbagai aktiviti promosi telah dijalankan pada 2008 seperti:
		  • Ceramah Jamuan Tengah Hari - April 2008;
		  • Hari Terbuka - Jun 2008;
		  • Seminar - Oktober 2008; dan
		  • Lawatan Industri - 24 lawatan sepanjang 2008.

Pusat Latihan Kemahiran Automotif di Jepun	MOHR	• Sehingga kini, 45 peserta telah mendapat faedah daripada program latihan di Jepun termasuk kakitangan PROTON, PERODUA, MIYAZU dan 17 syarikat yang tidak terikat.

Projek MAJAICO	Kementerian/Agensi Berkaitan	Status
Penubuhan Pusat Menguji Alat Ganti dan Komponen di Malaysia	SIRIM	• Tiga kakitangan SIRIM telah diberi latihan untuk jurulatih di Jepun untuk menjadi jurulatih ujian getaran(*vibration test)* pada masa akan datang. • Mulai Julai 2008 hingga September 2008, seorang pakar Jepun telah dihantar ke SIRIM dan program latihan asas untuk ujian getaran telah dikendalikan melalui ceramah-ceramah dan latihan-dalam-kerja bagi: - pengetahuan asas; - perancangan ujian & pelakuan; dan - maklumbalas hasil • Menjelang Mac 2009, SIRIM akan mempunyai tiga juru-uji dan jurulatih-jurulatih yang layak dan kompeten.
Program Pembangunan Perniagaan	Kerjasama Industri Automotif Malaysia -Jepun (MAJAICO) dan Pasukan Petugas Bersama (JTF) mengenai Pembangunan Perniagaan	• Bagi tahun fiskal Jepun 2008, satu misi perdagangan ke Jepun telah dianjurkan pada Oktober 2008 dan misi pihak Jepun ke Malaysia pula dianjurkan pada Januari 2009. • Sembilan syarikat Malaysia telah menyertai misi ke Jepun, di mana 100 ahli perniagaan Jepun telah menghadiri seminar yang diadakan di Nagoya dan 60 pertemuan perniagaan individu turut diaturkan di Nagoya, Osaka. • Bagi lawatan balas Jepun ke Malaysia tujuh syarikat Jepun telah melawat Malaysia untuk mengadakan pertemuan dengan rakan kongsi yang berpotensi serta meninjau industri automotif dan alat ganti di Malaysia. • Daripada tujuh syarikat tersebut, enam adalah peserta seminar atau pertemuan perniagaan individu pada Oktober 2008 di Jepun.

Projek MAJAICO	Kementerian/Agensi Berkaitan	Status
		• Semasa misi pada Januari 2009, 39 pertemuan pemadanan perniagaan (*business matching meetings*) telah diaturkan sama ada di tapak operasi syarikat-syarikat Malaysia atau di pejabat Malaysian Automotive Component Parts Manufacturers Association (MACPMA). • Semenjak program ini bermula pada 2006, tiga kes perhubungan perniagaan yang berjaya telah direkodkan
Kerjasama dalam Maklumat Pasaran Automotif	Kerajaan Malaysia dan Jepun, dengan kerjasama MIDA, JETRO dan persatuan-persatuan industri dan perdagangan kedua-dua Negara termasuk *Japan Automobile Manufacturers Association*, In.c (JAMA), Institut Penyelidikan Automobil (JARI), Persatuan Automotif Malaysia (MAA) dan Persatuan Vendor PROTON dan Kelab Vendor Perodua	• Satu Memorandum persefahaman (MoU) telah ditandatangani pada Oktober 2006 untuk merangka tujuan menjalankan projek yang merangkumi kaedah, kandungan dan hubungan untuk pertukaran maklumat. • Sempena MoU tersebut, MIDA dan JAMA terus saling bertukar data dan maklumat auto secara tetap serta mengikut keperluan kes dan bertukar pandangan semasa mesyuarat setiap setengah tahun Pasukan Petugas Bersama. • MIDA telah menyerahkan laporan tahunan automatif bagi 2007. • JAMA juga telah menyerahkan laporan automotif melalui *Asian Automotive Business Review, Journal of Society of Automotive Engineers of Japan, The Directory of Japanese Auto Manufacturer's Worldwide Purchasing Contacts and The Motor Industry of Japan 2008.* • Wakil-wakil MIDA dan JAMA telah mengadakan pertemuan sebanyak tiga kali untuk bertukar pendapat dan maklumat berkaitan pembangunan industri seperti teknologi masa depan dan trend serta bidang kerjasama.

Projek MAJAICO	Kementerian/Agensi Berkaitan	Status
Perundingan Kontrak Usahasama (JV)	MIDA	• MoU telah ditandatangani pada Jun 2006 dan persefahaman telah dicapai bahawa kontrak usahasama adalah di luar skop kerajaan. • MIDA akan mengemukakan permintaan dari syarikat tempatan yang ingin menyemak semula sekatan wilayah kepada syarikat auto tertentu di Jepun melalui METI. • Walau bagaimanapun, masih belum ada permintaan bantuan dari mana-mana syarikat tempatan.
Kerjasama dalam Pameran Auto untuk Pengeluar Auto Malaysia	MATRADE JETRO	• 'Malaysian Auto Industry Exhibition' diadakan semasa *Sixth International Auto Aftermarket Expo* (IAAE) 2007 dari 16 - 18 Mac 2007. Sebanyak 12 syarikat termasuk PROTON menyertai pameran tersebut. • Pada 2008, 'Malaysian Auto Industry Exhibition' diadakan semasa IAAE ketujuh pada 2008 dari 13 - 15 Mac 2008 di *Tokyo Big Sight*. 14 syarikat (PROTON dan 13 pengeluar alat ganti auto) menyertai pameran ini. • Selain pameran itu, 'Malaysian Auto Industry Seminar' juga dianjurkan pada hari pembukaan IAAE 2008 dengan lebih daripada 120 orang peserta.

BAB 4 : SEKTOR PERKILANGAN

TINJAUAN

Pada 2008, beberapa inisiatif serta langkah baru telah diambil bagi menambahbaik persekitaran perniagaan. Inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada Bajet 2009 dan pakej rangsangan yang diperkenalkan pada suku tahun keempat 2008 bagi menangani kesan negatif kegawatan ekonomi dan kewangan global.

Dasar-dasar serta langkah-langkah ini disokong dengan penambahbaikkan sistem penyampaian serta infrastruktur yang efisien telah mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang menarik. Ini dapat dilihat melalui peningkatan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan kepada RM62.8 bilion bagi 2008 berbanding RM59.9 bilion pada 2007 dan melebihi sasaran tahunan sebanyak RM27.5 billion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) bagi sektor perkilangan.

Inisiatif lain juga telah dilaksanakan bagi menggalakkan pertumbuhan secara keseluruhan sektor perkilangan. Usaha-usaha ini termasuk untuk:

- merangka dan menguatkuasakan standard mandatori, serta menggalakkan pengeluar tempatan mematuhi piawaan antarabangsa bagi meningkatkan dayasaing industri tempatan supaya memastikan produk dan perkhidmatan Malaysia diterima di peringkat antarabangsa;
- menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan meningkatkan program fasilitasi perdagangan dan inisiatif di dalam negara serta di peringkat global seperti *National Single Window* (NSW), ASEAN *Single Window* (ASW) dan program latihan serta *outreach*;
- mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai hab serantau bagi produk dan perkhidmatan halal;
- meningkatkan pembangunan sumber manusia untuk memenuhi keperluan industri;
- menggalakkan industri tempatan mempertingkatkan kecekapan tenaga serta membangunkan lebih banyak sumber bahanapi yang mesra persekitaran;
- mempromosi inisiatif berkaitan penjenamaan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D); dan
- mempromosi amalan yang mesra alam.

Bagi mempertingkatkan lagi peluang pelaburan di peringkat serantau dan global, termasuk juga menambah baik iklim pelaburan serantau, MITI telah meneruskan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan Perjanjian Penggalakan dan Pelindungan Pelaburan (IGA). Pada 2008, rundingan untuk *ASEAN Comprehensive Investment Agreement, ASEAN-China Investment Agreement, ASEAN–Australia-New Zealand Investments Chapter* dan IGA dengan Syria telah berjaya dimuktamadkan.

INISIATIF BAGI MENINGKATKAN PELABURAN

Bagi menggalakkan pelaburan, memperbaiki persekitaran perniagaan dan memudahcara perniagaan, Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah sepanjang 2008:

Bajet 2009

Bajet 2009 telah memperkenalkan beberapa insentif baru dan menambahbaik insentif sedia ada termasuk:

- Elaun Modal Dipercepatkan untuk:

  - peralatan kawalan keselamatan yang dipasang di premis perniagaan yang dituntut dalam tempoh satu tahun;

  - perbelanjaan loji dan jentera oleh Enterpris Kecil dan Sederhana yang dilakukan dalam tahun taksiran 2009 dan 2010; dan

  - tuntutan untuk perbelanjaan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk komputer dan perisiannya dipercepatkan daripada dua tahun kepada satu tahun;

- Insentif bagi mempertingkatkan aktiviti penjimatan tenaga:

  - pengecualian duti import sebanyak 100 peratus dan duti eksais sebanyak 50 peratus ke atas kereta hybrid CBU baru, dengan kapasiti enjin di bawah 2,000 cc;

  - pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas peralatan sistem solar photovoltaik dan peralatan penjimatan tenaga seperti high efficiency motors dan bahan insulasi; dan

  - pengecualian cukai jualan ke atas keluaran tempatan bagi peralatan sistem pemanasan solar dan barangan pengguna yang menjimatkan tenaga buatan tempatan seperti peti sejuk, penghawa dingin, lampu, kipas dan set televisyen;

- Menambah baik pengecualian kumpulan dengan kadar kerugian tahun semasa dibenarkan ditolak, ditingkatkan daripada 50 peratus kepada 70 peratus; dan

- Peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta ringgit di bawah Dana Pelaburan Strategik bagi memperkukuhkan pelaburan swasta di kawasan Iskandar Malaysia.

Pakej Rangsangan

Bagi menangani impak krisis ekonomi global serta untuk terus menggalakkan dan mempromosikan pelaburan dan perniagaan, beberapa langkah telah diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Pertama serta pengumuman-pengumuman lanjutan yang dibuat oleh Kerajaan pada suku akhir tahun 2008. Ini termasuk:

- penubuhan Dana Pelaburan bernilai RM1.5 bilion dengan tujuan menggalakkan pelaburan swasta terutamanya bagi sektor yang strategik, bernilai tambah yang tinggi dan projek berimpak tinggi serta berteknologi tinggi dan pekerja berpengetahuan. Dana tersebut disalurkan dalam bentuk geran, pinjaman mudah dan modal ekuiti kepada pelabur;

- pengecualian duti import bagi simen serta keluaran besi dan keluli (produk panjang) bagi sektor pembinaan dan perkilangan. Permit Import (AP) bagi keluaran besi dan keluli (produk panjang) juga dihapuskan;

- dana tambahan sebanyak RM200 juta disediakan bagi skim mikro kredit di bawah seliaan Bank Negara Malaysia;

- pengeluaran lesen pengilang secara automatik di bawah Akta Penyelarasan Industri, 1975 berkuatkuasa 1 Disember 2008, kecuali bagi beberapa sektor sensitif yang memerlukan penilaian dan pengesahan sebelum lesen dikeluarkan. Bayaran yuran lesen pengilang telah dimansuhkan berkuatkuasa 1 Jun 2008;

- pengecualian sepenuhnya duti import ke atas barangan mentah dan barangan perantaraan yang digunakan untuk aktiviti pengilangan tempatan termasuk:

  - produk besi dan keluli;

  - kimia dan petrokimia;

- tekstil dan pakaian;

- mesin dan kelengkapan; dan

- produk makanan.

- tempoh untuk syarikat milik asing membuka pejabat perwakilan dan serantau dan beroperasi di negara ini dipanjangkan sehingga 5 tahun berbanding 3 tahun sebelum ini. Langkah ini memberikan syarikat masa yang lebih panjang untuk menjalankan kajian perniagaan dan pasaran; dan

- penyediaan standard mandatori untuk beberapa jenis produk tertentu. Standard mandatori ini akan dikuatkuasakan bagi memastikan produk yang diimport mematuhi keperluan khusus yang ditetapkan.

PEMUDAH

PEMUDAH, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan yang ditubuhkan pada 2007 sebagai satu usahasama antara sektor awam dan swasta bagi memperbaiki sistem penyampaian Kerajaan, meneruskan pelaksanaan beberapa inisiatif pada 2008. Antaranya adalah:

- pembangunan Sistem Sokongan Elektronik Pelesenan Perniagaan (BLESS) yang telah dilancarkan pada 5 September 2008. Sistem ini melibatkan tiga fasa iaitu:

  - fasa pertama permohonan lesen secara elektronik bagi sektor perkilangan, pembinaan dan sub-sektor hotel di Lembah Klang;

  - fasa kedua melibatkan sektor lain seperti perdagangan pengedaran (hypermarket) dan industri pengajian tinggi swasta di Lembah Klang; dan

  - fasa ketiga adalah pelaksanaan di seluruh negara.

- Penubuhan Pusat Sehenti (OSC) di Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) pada Ogos 2008 bagi memudahkan pendaftaran perniagaan;

- mengurangkan masa yang diambil bagi mendaftar hartanah pegangan bebas daripada 144 hari kepada 41 hari melalui e-STPH dan Sistem Penilaian Maklumat serta 61 hari melalui permohonan secara manual;

- menggalakkan pembayaran atas talian di mana 89 Agensi Kerajaan menawarkan 148 perkhidmatan atas talian;

- menerbitkan Buku Panduan berkaitan Pendaftaran Hartanah [Pegangan Bebas] pada Julai 2008. Sejumlah 47 peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (*National Land Code*), 1965 sedang dipinda untuk memperbaiki pengurusan tanah; dan

- membangunkan sistem berkomputer bagi pendaftaran tanah.

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan

Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan (JKMP), yang ditubuhkan pada 2006 bagi memantau permohonan pelaburan dan memudahkan pelaksanaan projek berimpak tinggi. Pada 2008, JKMP meluluskan lapan projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM22.9 bilion, terutamanya bagi sub-sektor pengangkutan, petrokimia, perkhidmatan penerbangan dan sub-sektor ICT. Sejak ditubuhkan, JKMP telah meluluskan sebanyak 22 projek dengan pelaburan berjumlah RM122.4 bilion.

Perjanjian Pelaburan

Bagi menggalakkan dan melindungi pelaburan, pada 2008, Kerajaan meneruskan rundingan untuk tujuh Perjanjian Penggalakan dan Perlindungan

Pelaburan (IGA), iaitu dengan Mexico, Ukraine, Oman, Mauritius, Tunisia, Syria dan Kenya di samping mengkaji semula lima IGA sedia ada, iaitu Kanada, Republik Czech, Jerman, Finland dan Perancis. Rundingan IGA dengan Syria telah dimuktamadkan pada Disember 2008 dan perjanjian ditandatangani pada Januari 2009.

Sehingga kini, Malaysia telah memuktamadkan 73 IGA dengan negara-negara dari Eropah, Asia, Afrika serta pertubuhan serantau, iaitu dengan Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) dan ASEAN. IGA membolehkan persekitaran pelaburan menjadi lebih kondusif dan memberikan keyakinan kepada pelabur tempatan dan asing untuk melabur di negara-negara berkenaan.

Kerajaan juga telah memuktamadkan dan menandatangani Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) pada Disember 2008. ACIA adalah penambahbaikan kepada IGA ASEAN yang ditandatangani pada 1987 dan Perjanjian Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) yang ditandatangani pada 1998. Rundingan bagi Bab Pelaburan ASEAN-Australia-New Zealand FTA dan Perjanjian Pelaburan ASEAN-China telah dimuktamadkan pada 2008 dan perjanjian ini akan ditandatangani pada 2009.

INISIATIF SEKTOR SWASTA

Sektor swasta memainkan peranan penting melalui kerjasama dengan pihak Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan industri. Sektor awam pula berusaha untuk terus menambahbaik suasana persekitaran perniagaan dan kawal selia serta menyediakan sokongan infrastruktur yang diperlukan. Peranan sektor swasta dan awam adalah saling melengkapi dan saling bergantung antara satu dengan lain.

Melalui dewan perniagaan dan persatuan-persatuan perdagangan dan perindustrian, usaha-usaha telah diambil bagi memudahkan perniagaan dan menggalakkan perdagangan serta pelaburan. Pada 2008, Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM) telah mengelola penyertaan Malaysia di dalam beberapa pameran perdagangan antarabangsa seperti Middle East Electricity Fair 2008 (dengan kerjasama MATRADE) di Dubai, Hannover Fair di Jerman, Power Generation and Water Middle East 2008 di Abu Dhabi, dan International Autumn Trade Fair 2008 di Dubai. Di pameran-pameran perdagangan antarabangsa ini, sektor swasta Malaysia telah berpeluang untuk mempromosikan perniagaan dan produk-produk mereka di dalam pelbagai sektor yang meliputi air, penjanaan kuasa, lampu, tenaga boleh diperbaharui, bangunan serta industri pembinaan, dan produk-produk pengguna.

Beberapa misi perdagangan juga telah dijalankan seperti misi FMM ke Sidang Kemuncak APEC SME Kedua dan Export-to-China Sourcing Fair di Hangzhou, China serta Misi Perdagangan dan Pelaburan FMM ke Hong Kong dan Shenzhen. Selain itu, FMM juga menghasilkan beberapa direktori industri seperti FMM-MATRADE Industry Directory for Electrical and Electronics (Third Edition) 2007/08 dan FMM-MATRADE Industry Directory for Chemicals (1st Edition) 2008/09. Direktori-direktori ini yang menampilkan profil komprehensif pengilang-pengilang menjadi panduan yang berguna untuk para pengimport, pengeksport dan bakal-bakal pembeli.

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai peluang-peluang perniagaan dan pelaburan, program-program seminar turut dianjurkan oleh sektor swasta. The Association of Chartered Certified Accountants, British Malaysian Chamber of Commerce dan Business Council for Sustainable Development Malaysia telah menganjurkan secara bersama satu seminar untuk EKS bagi mempromosikan kemantapan

Jadual 4.1:
Standard Malaysia sehingga 31 disember 2008

Sektor	Bilangan MS yang dibangunkan	Bilangan Standard Mandatori	Bilangan Standard yang Selaras dengan Standard Antarabangsa
Jumlah	**5,518**	**173**	**3,226**
Makanan dan Pertanian	628	38	158
Bahan Kimia	713	11	388
Pelancongan, persidangan dan perkhidmatan	6	Tiada	6
Pengurusan organisasi	2	Tiada	2
Kejuruteraan awam dan pembinaan	262	37	65
Kuasa dan transmisi, pengedaran tenaga elektrik	776	Tiada	624
Kejuruteraan Mekanikal	304	3	135
Teknologi maklumat, telekomunikasi dan multimedia	653	6	600
Petroleum dan gas	205	4	107
Standard Halal	4	Tiada	0
Plastik	365	Tiada	193
Pembungkusan	99	Tiada	55
Kenderaan jalan raya	181	7	107
Keselamatan dan perlindungan kebakaran	87	7	30
Getah	189	Tiada	125
Besi dan keluli	103	3	51
Tekstil	258	Tiada	58
Peralatan perubatan	183	Tiada	167
Elektroteknikal	93	57	28
Kesihatan dan keselamatan tempat kerja	148	Tiada	131
Pengurusan dan jaminan kualiti	123	Tiada	116
Pengurusan alam sekitar	65	Tiada	48
Produk pengguna dan keselamatan	71	Tiada	32

Sumber: Jabatan Standard Malaysia

perniagaan menerusi piawaian antarabangsa. The American Malaysian Chamber of Commerce telah menganjurkan satu ceramah bertajuk '*Effective Business Plans for SMEs*' pada tahun 2008. Dewan perniagaan dan persatuan-persatuan perdagangan dan perindustrian Malaysia juga selalu menyertai pelbagai jawatankuasa-jawatankuasa Kerajaan di mana input dan isu-isu berkaitan memudahkan perdagangan telah dibangkitkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa ini.

Majlis-majlis perniagaan yang ditubuhkan di Malaysia juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan kerjasama antara syarikat-syarikat sektor swasta dari pelbagai negara. Melalui majlis-majlis perniagaan ini, sektor swasta dari pelbagai negara telah terlibat secara aktif dalam pelbagai mesyuarat antarabangsa seperti *ASEAN Chamber of Commerce and Industry, ASEAN Business Advisory Council, APEC Business Advisory Council, US-ASEAN Business Council, Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle Joint Business Council* dan *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Thailand East ASEAN Growth Area*. Mesyuarat-mesyuarat ini menjadi satu saluran komunikasi bagi sektor swasta mengemukakan input dan membangkitkan isu-isu ke peringkat Menteri, Pegawai Kanan dan Mesyuarat-mesyuarat Kumpulan Kerja.

PEMBANGUNAN STANDARD

Standard mandatori adalah penting untuk memastikan hanya barangan yang berkualiti diimport atau dihasilkan oleh pengeluar tempatan bagi memenuhi keperluan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta memastikan barangan yang dihasilkan pengeluar tempatan adalah bermutu tinggi serta menepati piawaian antarabangsa.

Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah 5,518 Standard Malaysia (MS) telah dibangunkan dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,226 standard adalah selaras dengan standard antarabangsa, manakala 173 standard telah dijadikan standard mandatori. Pada 2008, 43 standard telah dijadikan standard mandatori, iaitu bagi sektor pertanian (35), bahan kimia dan pelbagai barangan (7), dan besi dan keluli (1). Maklumat terperinci mengenai pembangunan standard adalah seperti berikut:

Mekanisma bagi menyelaras standard dan peraturan- peraturan teknikal bagi seluruh sektor ekonomi adalah melalui Badan Penyelarasan Pusat (CCB) yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU). Isu-isu bagi mengenalpasti barangan yang dicadang untuk dijadikan standard mandatori dibincangkan dalam Jawatankuasa Standard Mandatori Industri (CMIS) yang dipengerusikan oleh MITI. Empat badan bertindak di bawah CMIS adalah:

- bahan binaan;
- peralatan mesin dan jentera;
- komponen dan peralatan automotif; dan
- wayar dan kabel.

Antara Standard Mandatori yang telah dikenalpasti oleh CMIS pada 2008 adalah:

- MS 1918:2006 - Peraturan keselamatan bagi pembinaan dan pemasangan eskalator dan konveyer penumpang;
- MS 2021-1:2006 – Peraturan keselamatan bagi pembinaan dan pemasangan Lif;
- MS 2021-2:2007 – Peraturan keselamatan bagi pembinaan dan pemasangan lif – Bahagian 2: Lif Hidraulik; dan
- MS 1544, Bahagian 1:2002 – Kren untuk keselamatan penggunaan.

MITI juga menganggotai pelbagai Jawantankuasa Standard, termasuk:

- Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia;
- Jawatankuasa Kebangsaan Akreditasi Malaysia;
- Jawatankuasa Kebangsaan Standard Malaysia;
- Jawatankuasa Kebangsaan Elektroteknikal Malaysia;
- Jawatankuasa Akreditasi Pengujian Perubatan Kebangsaan;
- Majlis Pengukuran Kebangsaan; dan
- Jawatankuasa Kebangsaan Tanggungjawab Sosial.

Tanggungjawab Sosial (SR)

ISO 26000 bakal menjadi sebuah standard antarabangsa yang akan memberi panduan berkaitan tanggungjawab sosial (SR). Ia bertujuan untuk digunapakai oleh organisasi bagi membantu mereka beroperasi secara yang lebih bertanggungjawab terutamanya terhadap permintaan masyarakat yang semakin meningkat. Prinsip-prinsip tanggungjawab sosial (SR) tidak seharusnya digunakan untuk menyekat perdagangan.

Di Malaysia, Jawatankuasa Kebangsaan Tanggungjawab Sosial yang dipengerusikan oleh Jabatan Standard Malaysia bertanggungjawab di dalam pembangunan ISO 26000 dan telah terlibat dalam aktiviti-aktiviti Kumpulan Kerja ISO bagi SR semenjak 2001. SIRIM, sebagai Sekretariat untuk jawatankuasa kebangsaan, menyediakan infrastuktur dan sokongan pentadbiran. Kumpulan Kerja Tanggungjawab Sosial (WG SR) di bawah kepimpinan ahli-ahli ISO disertai oleh 54 buah negara dan 33 buah organisasi. Pakar-pakar dan pemerhati-pemerhati dari enam kategori iaitu pengguna, Kerajaan, industri, buruh, organisasi bukan kerajaan dan perkhidmatan, penyokong, kaji selidik dan lain-lain (SSRO).

Pihak industri telah menyedari bahawa pendekatan terhadap tanggungjawab sosial dapat mengurangkan risiko gangguan kepada perniagaan, membuka peluang baru dan meningkatkan reputasi syarikat. Syarikat yang mematuhi standard SR juga berpotensi untuk menarik pelabur asing dan menambahbaik modal kerana SR dapat mempromosi pertumbuhan perdagangan antarabangsa melalui peningkatan tahap keyakinan pengguna di pasaran global.

INISIATIF UNTUK MEMPROMOSIKAN ICT

National Single Window (NSW) bagi Fasilitasi Perdagangan

Pelaksanaan *National Single Window* (NSW) telah dimulakan pada 2006 untuk memudahkan serta meningkatkan kecekapan perlepasan kargo melalui satu sistem elektronik bersepadu. Pada tahun 2008, empat perkhidmatan utama berikut telah disediakan dengan menggunakan Sistem Maklumat Kastam - Dagang Net (SMK-DNT) sedia ada bagi pelaksanaan tahap pertama, iaitu:

- e-Declare – penghantaran deklarasi Kastam secara elektronik;
- e-Permit – penghantaran dan pemprosesan permit eksport / import oleh Agensi Pengeluar Permit;
- Electronic Fund Transfer (EFT) - untuk pembayaran duti Kastam secara elektronik; dan
- *e-Preferential Certificate of Origin* (E-PCO) – penghantaran Preferential Certificate of Origin secara elektronik.

Pada 2008, Agensi Peneraju yang bertanggungjawab untuk melaksanakan

NSW telah dipindahkan dari MITI kepada Kementerian Kewangan. Peralihan ini disebabkan:

- model perniagaan baru yang dicadangkan oleh Kementerian Kewangan dan Kastam untuk pelaksanaan NSW;

- memastikan supaya Kerajaan akan mempunyai hak milik ke atas seluruh Sistem NSW, termasuk sistem *front-end* dan *back-end*, berbanding dengan melalui konsep penswastaan;

- memudahkan integrasi sistem NSW dengan sistem Pihak Berkuasa Zon Bebas (FZA) yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan, tanpa melibatkan kos tambahan kepada masyarakat perdagangan, dan

- membolehkan sistem NSW berintegrasi dengan *Portal Customs Golden Client* yang sedang dilaksanakan oleh Kastam.

Beberapa jawatankuasa telah diwujudkan untuk meneliti pelbagai aspek pelaksanaan NSW. Kumpulan Kerja *NSW Business Process* diketuai oleh MITI dianggotai oleh wakil-wakil dari Agensi Kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam proses import/eksport termasuk persatuan industri, agen penghantar, operator pelabuhan, dan Kastam DiRaja Malaysia. Kumpulan Kerja ini akan mengenalpasti aliran proses untuk eksport, import dan transit.

ASEAN Single Window

ASEAN Single Window (ASW) merupakan satu inisiatif bagi memudahkan perdagangan di antara negara-negara anggota ASEAN. ASW akan menjadi sebuah persekitaran di mana *National Single Windows* negara-negara anggota ASEAN akan beroperasi dan diintegrasikan secara elektronik dengan menggunakan set parameter maklumat, prosedur, formaliti, dan amalan terbaik antarabangsa yang standard untuk memudahkan pelepasan kargo. ASW juga akan mengintegrasikan proses membuat keputusan oleh Agensi Kastam dan Kementerian yang berkaitan.

Malaysia mempengerusikan Kumpulan Kerja Teknikal ASW (ASW TWG), yang ditubuhkan bagi tujuan merapatkan jurang teknikal dalam pelaksanaan ASW. ASW TWG telah mengadakan empat mesyuarat pada 2008 di mana pelbagai masalah teknikal berkaitan dengan pelaksanaan ASW telah dibincangkan termasuk ASEAN Data Set, mengenalpasti dokumen untuk ditukar dalam ASW, mendefinisikan proses aliran kerja dan ASW Pilot Project.

Kumpulan Kerja Perundangan ASW telah dibentuk untuk mengenalpasti dan menyelaraskan peraturan dan undang-undang sedia ada bagi membolehkan operasi ASW berfungsi tanpa masalah. Sehingga kini Kumpulan Kerja ini telah membincangkan rangka perundangan untuk pertukaran data secara elektronik melalui ASW dan Memorandum Persefahaman bagi ASW Pilot Project.

Pada masa ini, hanya Singapura sahaja telah memulakan operasi NSW sepenuhnya manakala Malaysia, Indonesia, Brunei darussalam Darussalam, Filipina dan Thailand sedang dalam proses melaksanakan NSW masing-masing. Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Vietnam akan memulakan operasi NSW mereka menjelang 2012.

Standard RosettaNet

Geran RosettaNet yang dikendalikan oleh SMIDEC telah diperkenalkan pada tahun 2005 bagi mengalakkan syarikat-syarikat untuk melaksanakan Standard RosettaNet. Sehingga tahun 2008, sejumlah 50 EKS telah diluluskan Geran yang bernilai RM2.69 juta untuk melaksanakan Standard RosettaNet. Setakat ini, sebanyak 692 syarikat sedang menggunakan Standard RosettaNet, peningkatan daripada 670 syarikat pada 2007, di mana sebahagian besar adalah EKS.

Isu-Isu Berkaitan Fasilitasi Perdagangan

MITI juga telah menyelesaikan beberapa isu yang dibangkitkan oleh industri berkaitan dengan fasilitasi perdagangan. Isu-isu tersebut telah dibangkitkan dalam pelbagai fora termasuk Dialog Tahunan MITI 2008. Antara isu-isu yang diselesaikan oleh MITI yang berkaitan dengan isu operasi Kastam ialah:

- Penambahbaikan pada Sistem Maklumat Kastam (SMK);
- Transaksi Kastam secara Paperless;
- Customs Verification Initiative (CVI) dan pemeriksaan fizikal;
- Waktu operasi di checkpoint sempadan di Bukit Kayu Hitam dan Tanjung Puteri; dan
- Permintaan untuk tajaan dan sumbangan.

PEMBANGUNAN INDUSTRI HALAL

Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah ditubuhkan pada 2006 bagi menerajui pembangunan industri halal negara ke arah mencapai objektif menjayakan Malaysia sabagai 'Hab Halal Global'. Pada 2008, HDC telah melancarkan Pelan Induk Pembangunan Industri Halal bagi melengkapi 11 teras strategik yang telah digariskan dalam IMP3 dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hab bagi pengeluaran dan perdagangan barangan dan perkhidmatan Halal. Beberapa teras strategik dan pemboleh upaya telah dikenalpasti dan digariskan dalam pelan Induk HDC dengan objektif menjadikan Malaysia sebagai:

- Pusat rujukan global bagi pengetahuan Integriti Halal; dan
- Peneraju dalam inovasi, pengeluaran dan perdagangan dalam sektor berkaitan halal, contohnya ramuan-ramuan halal.

Pada 2008, Kerajaan melalui HDC juga telah memperkenalkan insentif baru untuk pengusaha Taman Halal, pengusaha logistik halal dan pengusaha industri Halal yang layak mendapat status syarikat Halal Malaysia. Insentif baru ini termasuk:

- Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100 peratus ke atas pendapatan berkanun untuk 10 tahun; atau
- Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak yang ditanggung dalam tempoh lima (5) tahun bersamaan dengan 100 peratus daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran; dan
- Pengecualian duti import untuk peralatan yang digunakan secara khusus untuk rantaian sejuk beku.

Pensijilan Halal

Pada April 2008, HDC telah dilantik sebagai badan yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan sijil halal bagi Malaysia, dengan mengambil alih peranan yang sebelum ini diterajui oleh JAKIM. Di antara perkembangan positif yang dicapai dalam proses pensijilan adalah seperti berikut:

- permohonan diproses dalam masa 30 hari (dari tiga bulan tempoh proses sebelum ini);
- melaksanakan permohonan sijil halal secara atas talian (e-halal);
- mewujudkan sistem peringatan untuk memperbaharui sijil halal, iaitu dua bulan sebelum tamat tempoh melalui portal halal; dan
- menyatakan jenama bersama nama produk dalam sijil halal berdasarkan permohonan pemohon.

Pada 2008, sebanyak 1,761 permohonan untuk mendapatkan sijil halal telah diterima

dari pelbagai industri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,200 permohonan telah diluluskan.

Jadual 4.2:
Permohonan dan Kelulusan Pensijilan Halal, 2008

Kategori	Permohonan	Diluluskan
Produk	1,512	1,108
Premis Makanan	224	76
Rumah Sembelihan	25	16
Jumlah	1,761	1,200

Sumber: Perbadanan Pembangunan Industri Halal

R&D dalam Industri Halal

Peningkatan dalam permintaan produk halal telah mendorong Kerajaan mewujudkan beberapa makmal untuk menjalankan ujian untuk produk halal. Makmal yang beroperasi pada masa ini adalah seperti berikut:

- Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia; dan
- Jabatan Kimia Malaysia, yang digunakan oleh HDC dalam proses pensijilan.

Taman Industri Halal

HDC telah dipertanggungjawabkan untuk memantau pembangunan taman halal yang dibiayai di bawah RMK-9 dan juga diusahakan oleh sektor swasta. Taman Industri Halal di Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis dan Terengganu adalah dalam pembinaan dan dijangka siap untuk beroperasi pada 2010. HDC pada masa ini memberikan fokus ke atas lima zon industri Halal seperti berikut:

- Taman Halal Zon Bebas Cukai Pelabuhan Klang di Selangor;
- Taman Halal Tanjung Manis, di Sarawak
- Taman Halal Padang Besar, di Perlis
- Taman Halal Gambang, di Pahang; dan
- Iskandar Malaysia, di Johor.

Pembangunan Standard Halal

Standard Halal Malaysia yang telah sedia dibangunkan adalah termasuk:

- Standard Halal Malaysia MS1500:2004 Makanan Halal -Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan- Garis Panduan umum (Semakan pertama)
- MS 1900:2005 Sistem Pengurusan Kualiti – Syarat-syarat dari perspektif Islam, dan
- MS 2200:2008 Barangan Pengguna Islam – Bahagian 1: Kosmetik dan Penjagaan Diri - Garis Panduan Umum.

International Halal Integrity Alliance (IHI Alliance), satu pertubuhan antarabangsa telah diwujudkan untuk memainkan peranan seperti International Standards Organisation bagi menjamin integriti dalam pasaran halal. IHI Alliance sedang menyediakan satu standard halal yang komprehensif merangkumi berbagai sektor dalam rantaian produk halal dengan menggunakan standard Malaysia sebagai rangka kerja. IHI Alliance kini sedang dalam proses membangunkan beberapa modul untuk standard halal global termasuk untuk logistik, perkhidmatan makanan, penyembelihan haiwan dan pemprosesan, kosmetik dan produk penjagaan diri serta produk farmaseutikal.

Malaysia melalui Jabatan Standard juga telah terlibat secara aktif dalam pembangunan standard halal OIC dengan menawarkan kepakaran dan pengalaman dalam bidang tersebut. Pada masa ini draf standard OIC menggunakan MS1500:2004 sebagai penanda aras.

Inisiatif untuk Mengumpul Stastik Produk Makanan Halal

Pada 2008, MITI mengambil inisiatif untuk mengumpulkan statistik produk makanan halal dengan kerjasama beberapa agensi seperti Jabatan Perangkaan, Jabatan Kastam dan HDC. Pengumpulan statistik ini dijangka akan disiapkan pada 2009. Sebelum ini, statistik eksport dan import makanan diproses digunakan sebagai anggaran eksport dan import makanan halal Malaysia.

Usaha mempromosi produk halal

Aktiviti promosi yang dijalankan pada 2008 adalah termasuk:

- Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) ke- 5 pada Mei 2008 yang disertai oleh 507 syarikat dari 25 negara telah menarik 41,862 pelawat dari 69 negara. Incoming Buying Mission (IBM) juga telah dijalankan bersama MIHAS 2008. Nilai jualan yang telah dijana melalui IBM berjumlah RM2.2 bilion;

- Forum Halal Sedunia 2008 yang dianjurkan oleh HDC dengan tema '*Sustained Development through Investment and Integration*' telah menarik 1,390 penyertaan, di mana 1,190 adalah delegasi dari 52 negara dan 200 media tempatan dan antarabangsa;

- *Specific Project Mission* (SPM) ke Jepun pada Oktober 2008;

- Penyertaan dalam 17 Pameran Perdagangan Antarabangsa untuk mempromosi industri halal seperti PRODEXPO di Mexico, GULFOOD di Dubai dan FOODEX di Tokyo; dan

- Mengadakan seminar dan program penyebaran maklumat di Indonesia, Brunei, Republik Rakyat China, Thailand dan Turki.

SUMBER MANUSIA DAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

Tabung Pembangunan Sumber Manusia

Pada Disember 2007, dalam usaha untuk menggalakkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat dan memberi lebih kelonggaran dalam Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), skop tabung ini telah diperluaskan untuk merangkumi apprenticeship, latihan industri, skim latihan perniagaan, dan program Sarjana dan PhD.

Pada tahun 2008, di bawah HRDF:

- jumlah pelatih yang dilatih – 736,410 orang

- jumlah majikan berdaftar – 1,504 orang

- jumlah penyedia latihan berdaftar – 160; dan

- jumlah geran dibayar – RM288 juta.

Jadual 4.3:
Tabung Pembangunan Sumber Manusia, 1992-2008

Tahun	Jumlah			
	Pelatih	Majikan	Penyedia Latihan	Geran Dibayar
1992-2008	6,940,540	11,793	690	2,063
2008	736,410	1,504	160	288

Sumber: Tabung Pembangunan Sumber Manusia

Institusi Latihan dan Geran

Pada 2008, Kementerian Sumber Manusia (KSM) meneruskan usaha menyediakan skim latihan melalui institusi-institusi latihan di bawah tanggungjawab KSM. Secara keseluruhan, jumlah pelatih yang memasuki institusi-institusi latihan di bawah KSM iaitu Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Pusat Pengajar dan Latihan

Kemahiran Tinggi (CIAST), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Latihan Jepun-Malaysia (JMTI) adalah seramai 22,916 orang, iaitu peningkatan penyertaan pelatih sebanyak 19.8 peratus, berbanding dengan 19,122 pelatih pada tahun 2007.

Jadual 4.4:
Jumlah Pelatih, 2007- 2008

Institusi Latihan	Bilangan Institusi		Bilangan Pelatih	
	2008	2007	2008	2007
Jumlah	**28**	**27**	**22,916**	**19,122**
ADTEC	4	4	3,255	2,867
CIAST	1	1	745	770
ITI	22	21	18,287	14,824
JMTI	1	1	629	661

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Selain institusi-institusi latihan di bawah KSM, institusi-institusi lain seperti Institut German - Malaysia (GMI) dan MARA turut menyediakan latihan praktikal. GMI telah melatih seramai 689 pelatih pada tahun 2008 berbanding dengan 642 pelatih pada tahun 2007. Sejumlah 207 Pusat GIATMARA di seluruh negara melatih 15,824 pelatih pada 2008 berbanding 14,559 pada 2007.

Melalui Skim Galakan Istimewa di MITI, geran latihan turut disediakan untuk syarikat-syarikat. Pada tahun 2008, jumlah geran latihan yang diluluskan melalui skim ini berjumlah RM122.9 juta yang melibatkan 18 projek. Dari tahun 2002 sehingga tahun 2008, jumlah keseluruhan geran latihan yang diluluskan melalui skim ini ialah RM655.9 juta dan melibatkan 112 projek.

Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Pendidikan dan Latihan

Di bawah Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Pendidikan dan Latihan (MPKPL) yang ditubuhkan pada 2007, Pelan Strategik Pembangunan Kemahiran Kebangsaan di Malaysia (2008 - 2020) dengan tema '*Skilled Workforce-Driving Global Competitiveness for Malaysia*' telah disediakan pada 2008. Matlamat utama pelan ini adalah untuk:

- membentuk tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan, di samping memiliki sikap dan nilai yang positif bagi membolehkan industri di Malaysia berdaya saing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan

- menggalakkan, melalui latihan kemahiran, pembangunan dan peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia, dengan mengambil kira potensi dan kebolehan setiap individu.

Lima kumpulan fokus telah ditubuhkan di bawah MPKPL:

- Kumpulan Fokus Keperluan Modal Insan, dipengerusikan oleh KSM;

- Kumpulan Fokus Pendidikan, dipengerusikan oleh Kementerian Pendidikan;

- Kumpulan Fokus Pengajian Tinggi, dipengerusikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);

- Kumpulan Fokus Latihan Kemahiran, dipengerusikan oleh KSM; dan

- Kumpulan Fokus Pembelajaran Sepanjang Hayat, dipengerusikan bersama oleh KSM dan KPT.

MITI merupakan ahli kepada Kumpulan Fokus Latihan Kemahiran. Kumpulan Fokus Latihan Kemahiran telah menghasilkan pelan tindakan bagi mempercepatkan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). MITI telah dilantik sebagai penyelaras bersama dengan KPT dan KSM untuk mengenal pasti program latihan yang sesuai untuk EKS.

Sistem Latihan Dual Nasional

Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) diperkenalkan pada 2005 untuk menghasilkan pekerja yang berpengetahuan (k-workers) untuk menepati keperluan industri. Dari tahun 2005 hingga 2008, sejumlah 251 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), 152 Syarikat Multi-National (MNC) dan 461 SME telah menyertai SLDN. Pada tahun 2008, sejumlah 5,172 pelatih dan 339 syarikat menyertai SLDN.

Jadual 4.5:
Penyertaan Pelatih dan Syarikat di dalam SLDN

Tahun	Pelatih	Syarikat
2005	71	45
2006	132	155
2007	2,089	325
2008	5,172	339
Total	**7,464**	**864**

Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan SLDN telah ditubuhkan oleh KSM pada 2008 dan dianggotai oleh wakil daripada agensi-agensi Kerajaan dan swasta. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menentukan halatuju dan tahap kecekapan pelaksanaan SLDN dalam usaha untuk terus membangunkan modal insan yang berkemahiran dan menepati keperluan industri.

Dasar Sumber Manusia Negara

Pada 2008, KSM telah memulakan konsultasi untuk menggubal Dasar Sumber Manusia Negara. Penggubalan dasar ini adalah perlu untuk menangani cabaran serta perubahan di peringkat nasional dan global dan untuk mewujudkan pembangunan dan pengurusan modal insan yang berterusan. Dasar ini masih di peringkat perbincangan dan akan menggantikan Dasar Buruh Negara.

Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan

Dalam usaha untuk membantu syarikat-syarikat yang terjejas kesan daripada kelembapan ekonomi, Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk melaksanakan Skim Latihan Pekerja Yang Diberhentikan (SLPD) pada November 2008. Objektif SLPD adalah untuk:

- melatih semula pekerja memperoleh kemahiran baru yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan;
- menstabilkan pasaran pekerjaan di Malaysia; dan
- membantu meringankan beban pekerja yang diberhentikan.

Semua pekerja diberhentikan yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) layak untuk memohon skim ini.

Jawatankuasa Pemantauan Pemberhentian Pekerja juga telah ditubuhkan oleh KSM pada penghujung tahun 2008 untuk memantau dan menyelesaikan isu-isu pemberhentian pekerja ekoran daripada kelembapan ekonomi. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil agensi kerajaan, persatuan majikan dan kesatuan pekerja.

PENJENAMAAN

Kerajaan telah memulakan beberapa program bagi menggalakkan syarikat-syarikat tempatan memberi fokus penjenamaan dan melaksanakan inisiatif-inisiatif penjenamaan untuk menambah nilai serta persepsi terhadap produk dan perkhidmatan mereka.

Program Pembangunan Penjenamaan EKS

Program ini adalah khusus untuk EKS yang mempunyai inisiatif bagi meningkatkan penampilan produk dan perkhidmatan

mereka di dalam dan luar negara. Tiga projek utama telah dilaksanakan di bawah Program tersebut iaitu:

- Projek *Pilot* dan Kriteria Penilaian untuk *National Mark*;
- Pertandingan Merekacipta Logo *National Mark*; dan
- Pelancaran *National Mark* dan *Brand Entrepreneur Conference 2009*.

National Mark

National Mark adalah salah satu inisiatif yang terhasil daripada Program Pembangunan Penjenamaan EKS. SMIDEC bersama-sama dengan agensi berkaitan telah membangunkan *National Mark* yang akan melambangkan keyakinan, kualiti dan kecemerlangan terhadap produk dan perkhidmatan EKS. Melalui usaha ini, Kerajaan berharap akan dapat mengukuhkan keyakinan bahawa produk dan perkhidmatan EKS adalah bermutu tinggi serta berdayasaing.

Sebanyak 30 pemilik jenama disasarkan untuk menerima anugerah *National Mark* bagi tahun pertama pelancaran Program ini. Syarikat yang berjaya mendapat anugerah tersebut akan mempamer kecemerlangan, kualiti dan keunggulan.

Geran Promosi Jenama (BPG)

Semenjak diperkenalkan pada 2004, Geran Promosi Jenama (BPG) di bawah MATRADE telah membantu syarikat termasuk EKS untuk membangun dan mempromosikan jenama produk dan perkhidmatan syarikat Malaysia di pasaran antarabangsa. Pada 2008, sebanyak 69 syarikat telah diluluskan dengan geran BPG berjumlah RM118 juta. Daripada kelulusan tersebut, 33 adalah EKS dengan jumlah RM48.9 juta, manakala 36 adalah bukan EKS dengan kelulusan berjumlah RM69 juta.

Jadual 4.6:
Kelulusan BPG Mengikut Industri pada 2008

	Industri	Bilangan Syarikat
1	Makanan	13
2.	Minuman	4
3.	Produk elektrik dan elektronik pengguna perindustrian	7
4.	Hadiah, cenderamata dan barang kemas	3
5.	Produk getah	4
6.	Perabut	3
7.	Bahan-bahan dan perkakasan pembinaan	2
8.	Farmaseutikal, kelengkapan dandanan diri dan kosmetik	3
9.	Peralatan dan komponen automotif	4
10.	Produk kayu	1
11.	Kimia, mineral dan aloi	1
12.	Kasut	1
13.	Produk isi rumah	1
14.	Mesin dan peralatan	1
15.	Peralatan komputer	3
16.	Pakaian, tekstil dan aksesori	1
17.	Sektor Perkhidmatan	
	- Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)	6
	- Francais	4
	- Perkhidmatan profesional	2
	- Pelancongan dan hospitaliti	2
	- Perkhidmatan perniagaan	1
	- Perkhidmatan pendidikan	1
	- Perkhidmatan pertanian	1

Sumber :Sekretariat Geran Promosi Jenama

Skim Pinjaman Mudah untuk Penjenamaan Antarabangsa

Pinjaman Mudah untuk Penjenamaan Antarabangsa bertujuan membantu syarikat dan enterpris meningkatkan daya saing produk dan perkhidmatan mereka di pasaran antarabangsa. Pada 2008, dua permohonan telah diluluskan dengan jumlah RM6 juta. Syarikat yang memohon adalah terdiri daripada pembekal perkhidmatan penasihat perniagaan dan perundangan dan pengedar barangan elektrik. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak RM1.3 juta telah disalurkan kepada syarikat terbabit.

PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D)

Jumlah perbelanjaan kasar R&D negara (GERD) terus meningkat sejak tahun 1996. Perbelanjaan GERD berjumlah RM3.8 bilion pada 2006 berbanding RM2.8 bilion pada 2004. Nisbah jumlah perbelanjaan kasar R&D negara kepada keluaran dalam negara kasar (GERD/GDP) menunjukkan arah aliran menaik kepada 0.64 peratus pada 2006 daripada 0.63 peratus pada 2004. Pada 2010, adalah disasarkan nisbah GERD/GDP akan meningkat kepada 1.5 peratus.

Berdasarkan kepada bancian IMD World Competitiveness Yearbook 2008, Malaysia menduduki tangga ke - 39 daripada 55 negara. GERD Malaysia adalah rendah berbanding dengan tiga negara teratas iaitu USA di mana perbelanjaan R&D adalah 2.6 peratus daripada KDNK, Jepun 3.3 peratus dan Jerman 2.5 peratus pada tahun 2006.

Di dalam usaha untuk menggalakkan R&D, Kerajaan menyalurkan pelbagai bantuan kewangan di dalam bentuk geran, pinjaman dan pengurangan cukai. Geran R&D disediakan di bawah Skim Galakan Istimewa MITI. Pada tahun 2008, sebanyak 10 projek telah diluluskan geran R&D bernilai RM125.5 juta.

Pada 2008, MITI telah menjalankan kajian impak terhadap Geran R&D yang diluluskan di bawah Skim Galakan Istimewa. Daripada kajian tersebut, didapati bahawa :

- Geran R&D dapat mengurangkan bebanan kewangan dengan nilai purata 30 peratus daripada kos yang dibiayai oleh syarikat;
- syarikat mencatatkan peningkatan jualan yang ketara setelah menjalankan R&D;
- pekerja dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti bina upaya dan memperolehi teknologi yang terbaru dan terkini;
- meningkatkan kualiti projek (mempunyai nilai tambah yang tinggi/berteknologi tinggi/berintensifkan modal);
- membuka peluang pekerjaan yang baru di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan;
- perpindahan teknologi luar kepada industri tempatan, membuka peluang kepada usahawan tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka; dan
- meningkatkan industri sokongan.

AUTOMASI

Bagi menggalakkan automasi dan modenisasi dalam sektor perkilangan, Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Modenisasi (SLSAM) yang diperkenalkan pada 2007 terus dipromosi dengan giat pada 2008. Skim ini, dengan peruntukan sebanyak RM150 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, telah mendapat sambutan yang baik oleh EKS.

Pada Jun 2008, Kerajaan telah mengkaji semula beberapa kriteria bagi membolehkan lebih banyak syarikat menikmati dana ini, yang mana:

- liputan dana ini telah diperluaskan bagi merangkumi semua sub-sektor di bawah sektor perkilangan dan memasukkan pembelian peralatan menjimatkan tenaga; dan
- kadar pembiayaan ditingkatkan daripada 85 peratus kepada 90 peratus.

Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah 37 pinjaman bernilai RM109.7 juta telah diluluskan di bawah SLSAM dan sejumlah RM49.8 juta telah dibuat pembayaran. Penerima utama Skim ini adalah sub-sektor E&E, automatif dan tekstil.

Pada 2008, MITI dengan kerjasama Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Jadual 4.7:
Daya Saing Malaysia dalam R&D

Negara	Kedudukan		Jumlah Perbelanjaan R&D	
	Kedudukan GERD	Kedudukan GERD/GDP	AS$ juta	% KDNK
AS	1	7	343,745 (1,306,242)	2.6
Jepun	2	4	151,432 (575,441)	3.3
Jerman	3	9	73,054 (277,605)	2.5
Malaysia	39	40	994 (3,777)	0.6

Sumber : IMD World Competitiveness Yearbook 2008

Jadual 4.8:
Kelulusan di bawah SLSAM sehingga 31 Disember 2008

Sub-Sektor	Bilangan Permohonan Diluluskan	Jumlah Diluluskan (RM juta)
Jumlah	**37**	**109.7**
Elektrik dan elektronik	6	11.1
Automotif	7	39.2
Tekstil dan pakaian	6	8.8
Logam	6	12.7
Plastik dan produk kimia	5	13.9
Besi dan keluli	3	8.6
Getah	1	4.5
Produk kayu dan perabot	3	10.9

Sumber: Malaysian Industrial Development Finance Berhad

telah menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan dan impak skim ini kepada industri. Antara faedah SLSAM adalah:

- peningkatan produktiviti disebabkan oleh pengurangan dalam kitaran masa dan peningkatan kadar pengeluaran;
- peningkatan jualan disebabkan oleh pengeluaran produk bernilai tambah tinggi yang dihasilkan dengan menggunakan jentera baru;
- pertumbuhan eksport;
- penambahbaikan kualiti produk; dan
- pengurangan kos pengeluaran.

ALAM SEKITAR

Pada 2008, Jawatankuasa Kabinet Perubahan Iklim (JKPI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan perubahan iklim. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) turut menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Perubahan Iklim Kebangsaaan (JPPIK) yang merangkumi empat kumpulan kerja teknikal:

- Dasar dan Langkah-langkah diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- Sains dan Teknologi diterajui oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;

- Pembangunan diterajui oleh Unit Perancangan Ekonomi; dan

- Industri dan Pelaburan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Mekanisma Pembangunan Bersih (CDM)

Tiga mekanisma di bawah *Kyoto Protocol* bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG) adalah:

- *Emiss*ion *Trading* antara negara-negara perindustrian;

- Pelaksanaan Bersama antara sebuah negara perindustrian dan sebuah ekonomi dalam peralihan; dan

- Mekanisma Pembangunan Bersih (CDM) antara negara-negara maju dan negara-negara membangun.

CDM memberikan peluang perdagangan kepada Malaysia untuk bekerjasama dengan pelabur dari negara maju bagi membangunkan industri dan teknologi baru serta membantu di dalam mencapai ekonomi yang lebih bersih. Pelabur dari negara maju membekalkan modal serta teknologi berdasarkan nilai unit pengurangan pengeluaran yang disahkan (CER) atau karbon kredit. CER ini adalah merupakan nilai pencapaian pengurangan gas rumah hijau (GHG) oleh projek/ syarikat dari negara membangun. Malaysia, secara sukarela, dapat mengurangan pelepasan GHG melalui penyertaan di dalam CDM. Pada 2008, sebanyak sembilan projek CDM telah diluluskan di Malaysia. Sejumlah 439,321 tan karbon dioksida dijangka dapat dikurangkan melalui projek tersebut.

PROSPEK

Pada 2008, kelulusan pelaburan bagi sektor perkilangan mencatatkan rekod tertinggi serta melebihi dua kali ganda sasaran tahunan di bawah IMP3 yang berjumlah RM27.5 bilion. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan pelaburan yang tinggi adalah termasuk polisi awam yang stabil, persekitaran pelaburan yang diinginkan, perubahan struktur, rangsangan ekonomi yang cepat dan efektif oleh Kerajaan dan polisi yang liberal terhadap pelaburan langsung asing (FDI).

Bagi 2009, laporan awal daripada UNCTAD yang dikeluarkan pada Januari 2009, memberi petunjuk bahawa impak negatif krisis kewangan dan ekonomi mungkin akan menyebabkan kemerosotan jumlah pelaburan langsung asing secara global. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan kemelesetan ekonomi global dan keyakinan pelabur yang menurun. Berdasarkan cabaran yang akan di hadapi pada tahun 2009, keutamaan Kerajaan adalah untuk memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan dan amalan persekitaran perniagaan yang kondusif. Pelbagai langkah akan diambil oleh Kerajaan termasuk meliberalisasikan polisi, meminda polisi yang mengekang pelaburan, memperbaiki infrastruktur dan utiliti awam dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. Semua inisiatif ini akan dijalankan secara berterusan dengan penglibatan serta cadangan daripada sektor swasta.

Sebagaimana yang digariskan di dalam IMP3, usaha akan diteruskan bagi mempromosi pelaburan di kawasan pertumbuhan baru dan projek-projek yang berintensif modal, berdasar pengetahuan, mempunyai nilai tambah yang tinggi dan projek berintensif teknologi. Kerajaan akan memberi fokus terhadap sokongan kepada industri dan pelabur menerusi beberapa langkah fasilitasi perdagangan, menggunakan teknologi baru termasuk ICT, mempromosikan standard dan aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D) untuk peningkatan produk dan proses.

PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN

TINJAUAN

Sektor perkilangan terus menjadi sektor yang penting dalam ekonomi Malaysia, menyumbang 29.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2008, berbanding 30.2 peratus pada 2007. Indeks Pengeluaran Industri (IPI) bagi sektor perkilangan meningkat 0.6 peratus kepada 112.1, daripada 111.4 pada 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap barangan perkilangan pada tiga suku pertama bagi 2008. Jualan barangan perkilangan pula meningkat 8.6 peratus kepada RM579.7 bilion pada 2008, daripada RM529.6 pada 2007. Eksport bagi barangan perkilangan bernilai RM464.5 bilion dan menyumbang 70 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia.

Jadual 4.9:
Prestasi Sektor Perkilangan, 2008

Petunjuk	2008	2007
Syer kepada KDNK sebenar (%)	29.2	30.2
Index Pengeluaran (2005=100)	112.1	111.4
Nilai Ditambah (%)	1.3	3.1
Jumlah Jualan (RM bilion)	579.7	529.6
Pelaburan Diluluskan (RM bilion)	62.8	59.9
Pertumbuhan Produktiviti (%)	6.3	8.0
Syer kepada Jumlah Eksport (%)	70.0	75.4
Syer kepada Jumlah Guna Tenaga (%)	29.0	28.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia,
Unit Perancang Ekonomi,
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia,
Perbadanan Produktiviti Malaysia,
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia,
Kementerian Kewangan Malaysia.

PENGELUARAN

Berdasarkan tinjauan Pembuatan Bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, output industri berorientasi eksport berkembang 0.8 peratus, manakala industri berorientasi domestik meningkat 3.2 peratus. Pada 2008, minyak sawit dan kasut merupakan penyumbang utama kepada peningkatan industri berorientasi eksport. Makanan haiwan, produk galian bukan logam serta makanan diproses dan minuman merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan industri berorientasi domestik.

JUALAN

Berdasarkan tinjauan yang sama, nilai jualan sektor perkilangan meningkat 9 peratus kepada RM579.3 bilion pada 2008, berbanding RM536.8 bilion pada 2007. Bagi industri berorientasikan eksport, nilai jualan meningkat 6.4 peratus kepada RM440 bilion yang merupakan 77 peratus dari jumlah jualan berbanding RM413.7 bilion pada 2007. Nilai jualan industri berorientasikan domestik meningkat sebanyak 19.5 peratus kepada RM121.1 bilion, menyumbang 21.2 peratus dari jumlah jualan, daripada RM101.3 pada 2007.

Bagi industri berorientasikan eksport, industri kimia merekodkan jualan tertinggi iaitu RM199.5 bilion, dikuti oleh elektrik dan elektronik (E&E) dengan jualan sebanyak RM182 bilion. Jualan kedua-dua industri ini menyumbang sebanyak 66.8 peratus kepada jumlah keseluruhan jualan. Industri berorientasikan domestik yang merekodkan jumlah jualan tertinggi adalah industri logam sebanyak RM49.6 bilion, diikuti oleh industri kelengkapan pengangkutan (RM24.4 bilion) dan makanan dan minuman diproses (RM21.8 bilion).

PEKERJAAN

Berdasarkan 919 projek pelaburan yang diluluskan pada 2008, sebanyak 101,173

Jadual 4.10:
Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan Terpilih

Industri	2008	Perubahan (%)	2007
Keseluruhan Sektor Perkilangan	**112.1**	**111.4**	**0.6**
Industri berorientasi eksport	**104.2**	**103.3**	**0.8**
Peralatan perubatan	156.0	166.5	-6.3
Kimia	112.3	111.2	1.0
Produk getah	128.2	122.5	4.7
Minyak sawit	117.3	105.4	11.3
Elektrik dan elektronik	106.8	111.2	-4.0
Produk kayu	89.7	94.3	-4.9
Peralatan profesional dan saintifik	74.3	82.1	-9.5
Jentera dan kelengkapan	124.1	121.1	2.5
Pengilangan getah dan pemprosesan lateks	97.8	103.8	-5.8
Tekstil dan pakaian	102.6	103.2	-0.6
Kasut	65.1	56.2	15.8
Industri berorientasi domestik	**119.7**	**116.0**	**3.2**
Logam	133.7	130.8	2.2
Produk kertas	124.2	128.5	-3.3
Makanan diproses dan minuman	125.3	116.0	8.0
Kelengkapan pengangkutan	124.1	121.1	2.5
Produk galian bukan logam	114.9	105.3	9.1
Makanan haiwan	122.0	109.2	11.7
Tembakau	93.5	99.0	-5.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun asas 2005 = 100

peluang pekerjaan dijangka dapat diwujudkan, peningkatan sebanyak 3.6 peratus dari 97,673 peluang pekerjaan yang diwujdkan pada 2007. Pada 2008, sejumlah 42,655 peluang pekerjaan telah diwujudkan di dalam 371 projek pembesaran dan pelbagaian, peningkatan sebanyak 33.4 peratus dari 31,970 peluang pekerjaan diwujudkan di dalam projek pelaburan pada 2007.

Berdasarkan sub-sektor perkilangan yang terpilih pada 2008, industri beroientasikan eksport merekodkan sebanyak 42,924 peluang pekerjaan, peningkatan sebanyak 3.8 peratus dari 41,346 pekerjaan pada 2007. Industri E&E dijangkakan mewujudkan peluang pekerjaan tertinggi dengan 34,196 pekerjaan, diikuti oleh industri pembuatan mesin (5,397). Industri domestik juga merekodkan peluang pekerjaan hampir serupa iaitu (28,597), di mana produk besi asas menyumbang sebanyak 8,289 pekerjaan, diikuiti dengan industri kelengkapan pengangkutan (7,732) dan pengeluaran makanan (6,029).

Berbanding dengan jumlah kewujudan peluang pekerjaan sebanyak 101,173, pemberhentian pekerja direkodkan adalah sebanyak 11,288 terutamanya di dalam sub-sektor E&E dan tekstil, yang mana menggaji sejumlah besar pekerja asing dengan gaji yang rendah serta kurang kemahiran. Sebagai langkah untuk menggalakkan penggunaan automasi bagi meningkatkan produktiviti, Kerajaan memutuskan supaya pengambilan pekerjaan asing di dalam sub-sektor E&E dan tekstil dibekukan.

Pada 2008, sebanyak 14,418 jumlah jawatan asing yang diluluskan di sektor pengilangan, meningkat sebanyak 44.7 peratus, berbanding sebanyak 9,965 pada 2007. Pegawai-pegawai dagang ini menyumbang kepada pemindahan teknologi dan melengkapkan jumlah gunatenaga di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan. Tambahan pula, sebanyak 18,882 peluang pekerjaan telah diwujudkan di peringkat pengurusan, teknikal dan penyeliaan.

Jadual 4.11:
Jualan Industri Perkilangan Terpilih

Industri	2008 (RM bilion)	Perubahan (%)	2007 (RM bilion)
Jumlah Jualan	**579.3**	**7.9**	**536.8**
Industri berorientasikan eksport	**440.0**	**6.4**	**413.7**
Kimia	198.8	25.6	158.3
Elektrik dan elektronik	184.2	-8.5	201.4
Kayu dan produk kayu	14.8	-8.6	16.2
Produk Getah	12.2	2.4	11.9
Peralatan professional dan saintifik	6.8	-35.6	10.6
Pengilangan getah dan pemprosesan lateks	9.5	5.9	8.9
Tekstil dan pakaian	9.6	-	7.6
Mesin dan kelengkapan	8.2	9.3	7.5
Peraltan perubatan	1.0	-3.8	1.1
Kasut	0.5	-	0.4
Industri berorientasikan tempatan	**121.1**	**195**	**101.3**
Logam	49.9	18.7	41.0
Kelengkapan pengangkutan	28.7	29.2	22.2
Makanan dan minuman diproses	22.4	24.5	18.0
Produk galian bukan logam	13.3	14.8	11.6
Produk kertas	6.7	9.2	6.1
Makanan ternakan	4.0	27.1	3.1
Pengeluaran Tembakau	1.3	-	1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PRODUKTIVITI

Produktiviti dalam sektor perkilangan yang diukur melalui Nilai Ditambah Setiap Pekerja, meningkat sebanyak 6.3 peratus kepada RM91,100 pada 2008, berbanding RM85,700 pada 2007. Industri yang mencatatkan peningkatan di dalam Nilai Ditambah Setiap Pekerja ialah industri besi dan keluli (RM245,400), kimia (RM187,100) dan jentera dan kelengkapan (RM110,600). Daya saing kos buruh untuk sektor perkilangan bertambah baik pada 2008 seperti ditunjukkan oleh penurunan sebanyak 4.7 peratus berbanding dengan 5.7 peratus dalam Unit Kos Buruh pada 2007.

PELABURAN

Malaysia berjaya mengekalkan destinasi yang berdaya saing untuk aliran masuk FDI di dalam sektor perkilangan pada 2008. Kelulusan di dalam sektor ini mencatatkan rekod sebanyak RM62.8 bilion pada 2008 (lebih sekali ganda daripada sasaran tahunan IMP3 yang ditetapkan sebanyak RM27.5 bilion), berbanding dengan RM59.9 bilion pada 2007. Pelaburan asing berjumlah RM46.1 bilion atau 73.4 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala pelaburan domestik berjumlah RM16.7 bilion atau 26.6 peratus.

Jadual 4.12:
Pecahan dalam Pelaburan pada 2008

Butiran	2008	2007
Bil. projek diluluskan	**919**	**949**
Jumlah pelaburan (RM bilion)	62.8	59.9
Asing (RM bilion)	46.1 (73.4 peratus)	33.4
Domestik (RM bilion)	16.7 (26.6 peratus)	26.6

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Daripada jumlah 919 projek pelaburan yang telah diluluskan, 548 adalah projek baru, melibatkan pelaburan sebanyak RM41.9 bilion atau 66.8 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala baki RM20.8 bilion adalah untuk projek pembesaran dan pelbagaian. Pelaburan asing di dalam

projek baru berjumlah RM34.2 bilion dan projek pembesaran dan pelbagaian sebanyak RM11.9 bilion. Pelaburan domestik di dalam projek baru berjumlah RM7.7 bilion dan projek pembesaran dan pelbagaian sebanyak RM8.9 bilion.

Peningkatan signifikan di dalam pelaburan adalah disebabkan oleh kelulusan beberapa projek yang berinsentifkan modal, khususnya untuk produk logam, elektrikal dan elektronik, petrokimia dan industri kelengkapan pengangkutan. 12 projek dengan pelaburan sebanyak RM1 bilion dan ke atas telah diluluskan, berjumlah RM38.3 bilion atau 61 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan pada 2008.

Sumber Utama Pelaburan Asing

Australia, Amerika Syarikat, Jepun dan Jerman adalah sumber pelaburan utama:

- Australia

  Pelaburan meningkat kepada RM13.1 bilion, mewakili pelaburan tertinggi yang direkodkan sepanjang 5 tahun yang lepas. Satu projek di dalam industri logam iaitu dengan pelaburan sebanyak RM12.5 bilion, iaitu jumlah yang besar atas pelaburan.

- Amerika Syarikat

  Amerika Syarikat adalah negara pelabur asing kedua terbesar, dengan jumlah RM8.7 bilion, berbanding dengan RM3 bilion pada 2007. Pelaburan Amerika Syarikat kebanyakannya adalah di dalam industri tenaga diperbaharui, elektronik dan kimia.

- Jepun

  Jepun adalah negara pelabur asing ketiga terbesar, dengan jumlah RM5.6 bilion. Pelaburan adalah kebanyakannya di dalam industri logam, elektronik, produk kayu dan gas asli cecair.

- Jerman

  Pelaburan daripada Jerman adalah bernilai RM4.4 bilion, kebanyakannya di dalam industri tenaga diperbaharui dan elektronik.

Lain-lain sumber utama pelaburan langsung asing adalah Sepanyol, Singapura dan Belanda.

Sub-sektor dengan Pelaburan yang Tinggi

Produk logam dan E&E merupakan sub-sektor dengan pelaburan yang tinggi:

- Produk logam

  Industri mencatatkan pelaburan tertinggi, dengan kelulusan berjumlah RM25.8 bilion. Dua projek baru, satu untuk pengeluaran aluminium unwrought, berjumlah sebanyak RM12.5 bilion, dan produk kepingan lain untuk *hot rolled stainless steel* (RM6.9 bilion), iaitu jumlah yang besar telah diluluskan.

- E&E

  Industri ini telah menarik pelaburan sebanyak RM17.8 bilion. Projek utama yang telah diluluskan adalah untuk merekabentuk, membangun dan mengilang *silicon photovoltaic wafers*; sel dan jongkong; pemacu cakera keras dan komponen; sel solar dan modul; papan litar bercetak dan *fabricated wafers* untuk *light emitting diodes* (LED).

Pengekalan tumpuan telah dicatatkan untuk pelaburan di dalam sektor tenaga diperbaharui pada 2008. Kerajaan telah mengenalpasti sektor ini sebagai salah satu sektor pertumbuhan untuk promosi khususnya untuk pengilangan sel solar dan modul. Industri lain yang telah menarik pelaburan adalah kelengkapan pengangkutan, produk makanan, produk kimia dan produk petroleum.

EKSPORT

Pada 2008, eksport bagi produk perkilangan meningkat sebanyak of 1.8 peratus kepada 464.4 billion, daripada RM456.1 billion pada 2007. Sektor E&E merupakan penyumbang terbesar eksport pada 2008 sebanyak 38.3 peratus daripada keseluruhan nilai eksport Malaysia. Sektor kimia dan barangan kimia pula mencatat pendapatan eksport kedua tertinggi iaitu sebanyak RM40.5 billion (6.1 peratus) daripada jumlah eksport, diikuti oleh sektor mesin dan kelengkapan sebanyak RM21.9 bilion, sektor logam sebanyak RM19.6 bilion dan sektor kayu (RM16.6 bilion).

IMPORT

Import produk perkilangan meningkat sedikit sebanyak 0.3 peratus kepada RM419.8 bilion daripada RM418.5 bilion pada 2007 menyumbang kepada 80.5 peratus dari jumlah keseluruhan import Malaysia. Produk E&E terus menjadi import utama mencatatkan RM189.4 bilion (36.3 peratus) daripada jumlah keseluruhan import. Import bagi kimia dan produk kimia adalah bernilai RM43.7 bilion atau 8.4 peratus dari jumlah import, diikuti oleh mesin dan kelengkapan (RM43.3 bilion), besi dan keluli (RM28.7 bilion) dan produk logam (27.4 bilion).

INDUSTRI ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK

Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) merupakan industri peneraju utama dan industri yang paling diliberalisasikan di Malaysia. Industri E&E menyumbang secara signifikan ke atas keluaran pembuatan, eksport dan guna tenaga negara. Sektor ini mengalami pertumbuhan sederhana pada 2008 disebabkan oleh permintaan yang perlahan bagi produk E&E daripada negara pasaran utama seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.

Sub-sektor utama industri E&E termasuk semikonduktor dan komponen elektronik, komputer dan peralatan komputer, wayar dan kabel, produk audio dan audio visual.

Jadual 4.13:
Eksport Bagi Produk Perkilangan

Kumpulan Produk	2008			2007	
	RM (bilion)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Syer (%)
Jumlah Eksport	**663.5**	**100.0**	**9.6**	**605.2**	**100.0**
Eksport Produk Perkilangan	**464.5**	**70.0**	**1.8**	**456.1**	**75.4**
Produk Elektrik and elektronik	253.8	38.3	-3.4	262.7	43.4
Kimia dan produk kimia	40.5	6.1	10.4	36.7	6.1
Jentera dan alat ganti	21.9	3.3	0.2	21.9	3.6
Produk kayu	16.6	2.5	2.1	16.3	2.7
Produk logam	19.6	3.0	17.6	16.7	2.8
Peralatan optikal dan saintifik	14.9	2.3	9.8	13.6	2.2
Makanan diproses	12.1	1.8	39.9	8.7	1.4
Produk getah	12.8	1.9	21.0	10.6	1.7
Tekstil dan pakaian	10.5	1.6	2.3	10.3	1.7
Kelengkapan pengangkutan	9.5	1.4	13.5	8.4	1.4
Produk besi dan keluli	10.5	1.6	-0.5	10.5	1.7
Pengilangan plastik	9.3	1.4	11.5	8.4	1.4
Produk mineral bukan logam	5.3	0.8	34.9	3.9	0.7
Barang kemas	4.9	0.7	-1.3	5.0	0.8
Minuman dan tembakau	2.4	0.4	9.6	2.2	0.4
Produk Petroleum	3.9	0.6	33.6	2.9	0.5
Produk kertas dan pulpa	2.9	0.4	12.7	2.5	0.4
Lain-lain	12.8	1.9	-13.3	2.4	0.4

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Jadual 4.14:
Import Bagi Produk Perkilangan

Kumpulan Produk	2008			2007	
	RM (bilion)	Syer (%)	Perubahan (%)	RM (bilion)	Syer (%)
Jumlah Import	**521.5**	**100**	**3.3**	**504.8**	**100**
Import Produk Perkilangan	**419.7**	**80.5**	**0.3**	**418.5**	**82.9**
Produk Elektrik dan Elektronik	189.4	36.3	-6.4	202.3	40.1
Kimia dan produk kimia	43.7	8.4	11.5	39.1	7.7
Jentera dan alat ganti	43.3	8.3	1.4	42.8	8.5
Produk besi dan keluli	28.7	5.5	15.6	24.8	4.9
Produk logam	27.4	5.3	-0.1	27.5	5.4
Kelengkapan pengangkutan	22.4	4.3	2.5	21.9	4.3
Peralatan optikal dan saintifik	15.9	3.1	20.0	13.3	2.6
Makanan diproses	8.9	1.7	8.9	8.2	1.6
Produk kertas dan pulpa	6.2	1.2	-0.6	6.2	1.2
Pengilangan plastik	5.6	1.1	-6.7	6.0	1.2
Tekstil dan pakaian	5.5	1.0	3.3	5.7	1.1
Produk mineral bukan logam	3.8	0.7	3.3	3.7	0.7
Produk getah	3.6	0.7	23.3	2.9	0.6
Produk Petroleum	2.1	0.4	50.9	1.4	0.3
Minuman dan tembakau	1.5	0.3	16.9	1.3	0.2
Produk kayu	1.3	0.2	6.6	1.2	0.2
Barang kemas	0.6	0.1	27.1	0.4	0.1
Lain-lain	9.9	1.9	0.3	9.9	2.0

Disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)

Indeks Pengeluaran

Pada 2008, indeks pengeluaran untuk industri E&E merosot sebanyak 4 peratus kepada 106.8 berbanding dengan 111.2 pada 2007. Ini adalah disebabkan oleh pengurangan permintaan global dalam pasaran semikonduktor, wayar dan kabel, komputer peribadi dan produk elektronik pengguna seperti telefon selular, pemain media (MP3) dan kamera digital.

Indeks pengeluaran bagi komputer dan peralatan komputer merosot sebanyak 5.8 peratus kepada 125.5 pada 2008 berbanding 133.2 pada 2007, manakala indeks untuk semikonduktor dan komponen elektronik lain merosot sebanyak 5.1 peratus bagi tempoh yang sama. Sektor wayar dan kabel meningkat sebanyak 0.4 peratus manakala untuk produk audio dan audio visual merosot sebanyak 1.3 peratus.

Jualan

Pada 2008, jumlah jualan merosot sebanyak 8.5 peratus kepada RM184.2 bilion berbanding RM201.4 bilion pada 2007. Penurunan ini, sebahagiannya adalah disebabkan oleh penurunan harga produk semikonduktor dan komponen elektronik.

Jualan semikonduktor dan komponen elektronik merosot sebanyak 14.6 peratus kepada RM70.3 bilion pada 2008, berbanding dengan RM82.3 bilion pada 2007. Walau bagaimanapun, jualan untuk set televisyen dan radio, penerima televisyen dan radio, perakam suara atau video atau peralatan pembuatan semula, dan barangan berkaitan, meningkat sebanyak 8.1 peratus kepada RM38.2 bilion pada 2008, berbanding dengan RM35.4 bilion pada 2007. Jualan wayar dan kabel mencatatkan peningkatan

Jadual 4.15:
Indeks Pengeluaran untuk Produk E&E Terpilih

Produk	2008	2007	Perubahan (%)
Industri E&E	**106.8**	**111.2**	**-4.0**
Komputer dan peralatan komputer	125.5	133.2	-5.8
Semikonduktor dan komponen elektronik	105.6	111.4	-5.1
Wayar dan kabel	114.1	113.7	0.4
Produk audio dan audio visual	81.6	82.7	-1.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota :Tahun Dasar 2000 = 100

sebanyak 3.1 peratus kepada RM9.2 bilion pada 2008, berbanding dengan RM8.9 bilion pada 2007. Pertumbuhan ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk wayar bersalut dan kabel kuasa elektrik di dalam aktiviti pembinaan. Jualan untuk komputer dan peralatan komputer juga mencatatkan peningkatan sebanyak 7.8 peratus kepada RM57.8 bilion pada 2008, berbanding dengan RM60.1 bilion pada 2007. Perubahan ke arah penggunaan komputer riba dan peralatan komputer menyumbang kepada peningkatan dalam jualan.

Guna Tenaga

Pada 2008, guna tenaga dalam industri E&E merosot sebanyak 8.5 peratus kepada 308,921 pekerja, berbanding dengan 337,443 pekerja pada 2007. Industri E&E kekal sebagai majikan terbesar, menyumbang sebanyak 31.1 peratus daripada jumlah guna tenaga sektor pengeluaran pada 2008.

Guna tenaga dalam sub-sektor semikonduktor dan komponen elektronik merosot sebanyak 13.6 peratus kepada 141,136 pekerja, berbanding dengan 163,323 pekerja pada tahun 2007. Ini mewakili 45.7 peratus daripada jumlah guna tenaga E&E.

Pada 2008, guna tenaga di dalam segmen komputer dan peralatan komputer, meningkat sebanyak 3.9 peratus kepada 54,304 pekerja daripada 56,399 pekerja pada 2008, disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk komputer riba dan peralatan komputer.

Guna tenaga dalam sub-sektor kabel dan wayar mencatatkan penurunan sebanyak 3 peratus kepada 13,321 pekerja pada 2008, berbanding dengan 13,738 pekerja pada 2007, disebabkan oleh peningkatan penggunaan sistem automasi dan penurunan permintaan dalam sub-sektor telekomunikasi dan projek infrastruktur.

Selari dengan pengurangan pengeluaran dalam produk audio dan audio visual, guna tenaga di dalam sub-sektor ini juga mencatatkan penurunan sebanyak 2.9 peratus kepada 61,728 pekerja, berbanding dengan 59,990 pekerja pada 2007.

Produktiviti

Industri E&E telah mencatatkan pengurangan dalam tempahan, disebabkan oleh pembatalan atau kelembapan dalam tempahan susulan yang aktif khususnya untuk produk audio visual, peralatan semikonduktor dan komputer serta peralatan komputer. Produktiviti menurun sebanyak 2.9 peratus daripada RM93,300 pada 2007, berbanding dengan RM90,600 pada 2008. Komponen elektronik dan peralatan semikonduktor, dan injap

Carta 4.1:
Jualan untuk Produk E&E Terpilih



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.2:
Guna Tenaga dalam Segmen E&E Terpilih



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

elektronik dan tiub, papan litar dicetak menunjukkan penurunan produktiviti masing-masing sebanyak 2.6 peratus dan 4.9 peratus. Penurunan di dalam industri dan sub-sektor ini banyak disumbangkan oleh kemerosotan dalam permintaan yang mengakibatkan industri terpaksa beroperasi di bawah kapasiti normal. Produktiviti untuk kabel dan wayar, dan sub-sektor audio dan audio visual meningkat masing-masing sebanyak 7 peratus dan 6.5 peratus.

Secara keseluruhannya, industri E&E tidak berupaya untuk memperbaiki daya saing kos buruhnya memandangkan Unit Kos Buruh meningkat sebanyak 6.5 peratus. Hanya produk audio dan audio visual, dan sub-sektor kabel dan wayar mampu mengekalkan daya saing dari segi kos buruh seperti ditunjukkan oleh peningkatan masing-masing sebanyak 2.1 peratus dan 0.9 peratus, dalam Unit Kos Buruhnya.

Pelaburan

Di bawah IMP3, industri ini disasarkan untuk berkembang pada 7.2 peratus atau RM5.5 bilion setahun, dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM82.4 bilion pada 2020. Pada 2008, sejumlah 132 projek telah diluluskan, dengan pelaburan bernilai RM17.8 bilion, melepasi jumlah yang disasarkan dibawah IMP3. Bilangan projek yang diluluskan menurun sebanyak 8.3 peratus berbanding 144 projek diluluskan pada 2007 yang bernilai RM15.1 bilion.

Eksport

Pada 2008, eksport E&E mencatatkan penurunan sebanyak 4.8 peratus kepada RM253.8 bilion, berbanding dengan RM266.5 bilion pada 2007. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan dalam eksport mesin pejabat dan mesin pemprosesan data automatik, sebanyak 5.9 peratus kepada RM87.7 bilion pada 2008 daripada RM93.1 bilion pada 2007, dan alat ganti dan kelengkapan elektrikal untuk litar elektrik, dan litar bercetak sebanyak 4.6 peratus kepada RM118.6 bilion pada 2008 daripada RM124.3 bilion pada 2007.

Jadual 4.16:
Petunjuk Produktiviti bagi Segmen E&E Terpilih

Sub-sektor	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Industri E&E	**90.6**	**-2.9**	**93.3**	**23.8**	**-**	**23.8**	**0.0494**	**6.5**	**0.0464**
Komputer dan peralatan komputer	72.3	-0.4	72.6	21.5	0.5	21.4	0.0301	13.1	0.0266
Peralatan Semikonduktor	138.5	-2.6	142.1	30.6	-1.9	31.2	0.0659	12.4	0.0586
Injap dan tiub elektronik, papan litar dicetak dan komponen elektronik lain	62.1	-4.9	65.3	21.0	1.4	20.7	0.0578	2.5	0.0564
Kabel dan wayar	122.2	7.0	114.2	20.7	6.1	19.5	0.0303	-0.9	0.0306
Produk audio dan audio visual	63.0	6.5	59.2	24.5	-2.0	25.0	0.0656	-2.1	0.0670

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.17:
Pelaburan di dalam Industri E&E

Butiran	2008	Perubahan (%)	2007
Bil. projek diluluskan	**132**	**-8.3**	**144**
Jumlah pelaburan (RM bilion)	**17.8**	**17.9**	**15.1**
Asing (RM bilion)	17.3	26.3	3.7
Domestik (RM bilion)	0.5	-64.3	1.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Krisis ekonomi global yang melangkaui ekonomi utama dunia memberi kesan kepada prestasi sektor E&E di Malaysia. Faktor-faktor utama menyumbang kepada kelembapan eksport termasuk:

- penurunan tempahan dan pembatalan pembaharuan tempahan;
- tekanan ke atas harga produk elektronik pengguna yang menyebabkan penurunan nilai jualan dan menyebabkan penurunan jualan dan tempahan;
- krisis kewangan di Amerika Syarikat dan pemberian kredit yang ketat menyebabkan pengguna menghadkan pembelanjaan; dan
- pembelanjaan pengguna yang lebih lemah di Amerika Syarikat, Jepun dan Eropah.

Walau bagaimanapun, eksport peralatan telekomunikasi dan perakam suara mencatatkan peningkatan sebanyak 5 peratus kepada RM47.6 bilion berbanding dengan RM45.3 bilion pada 2007.

Eksport utama E&E adalah peralatan semikonduktor; litar bersepadu; pemasangan mikro; dan segmen transistor dan injap, di mana berjumlah 34.8 peratus atau RM88.2 bilion daripada jumlah eksport E&E. Ini diikuti dengan mesin pemprosesan data automatik, dengan nilai eksport sebanyak RM46.3 bilion (18.3 peratus) dan peralatan dan aksesori untuk mesin pejabat dan mesin pemprosesan data automatik, dengan nilai eksport sebanyak RM36.4 bilion (14.4 peratus) dan kelengkapan dan peralatan telekomunikasi, bernilai RM26.2 bilion (10.3 peratus).

Amerika Syarikat kekal sebagai pasaran eksport utama untuk produk E&E pada 2008, dengan eksport sebanyak RM56.6 bilion atau 22.3 peratus daripada jumlah eksport E&E. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 19.6 peratus, berbanding dengan RM70.4 bilion pada 2007.

Pasaran utama eksport yang lain ialah Singapura dan Republik Rakyat China. Pada 2008, eksport ke Singapura merosot

Carta 4.3:
Destinasi Eksport 10 Negara Tertinggi pada 2008



Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Jadual 4.18:
Eksport Produk E&E Terpilih

Produk	2008			a2007	
	RM Juta	Syer %	Perubahan %	RM Juta	Syer %
Jumlah Eksport Produk E&E	**253,826.3**	**100**	**-3.4**	**266,454.4**	**100**
Mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan alat ganti:	**87,672.1**	**34.5**	**-5.9**	**93,133.9**	**35.5**
- Mesin Pejabat	4,910.4	1.9	469.3	862.6	0.3
- Pemprosesan Data Automatik	46,295.7	18.2	-16.6	55,525.3	21
- Alat ganti untuk mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik	36,439.9	14.4	-0.8	36,746.0	14.0
Telekomunikasi dan kelengkapan perakam bunyi	**47,565**	**18.7**	**5.0**	**45,296.2**	**17.3**
- Alat terima isyarat televisyen	8,243.3	3.2	75.8	4,688.1	1.8
- Alat terima isyarat radio	6,617.0	2.6	5.5	6,272.5	2.4
- Perakam bunyi	6,527.8	2.6	18.5	5,507.9	2.1
- Kelengkapan komunikasi dan alat ganti	26,178.0	10.3	-9.2	28,827.8	11
Mesin elektrikal, radas dan perkakasan serta alat ganti	**118,588.2**	**46.7**	**-4.6**	**124,263.8**	**47.3**
- Mesin kuasa elektrik dan alat ganti	1,829.0	0.7	-3.3	1,890.8	0.7
- Radas elektrik untuk litar elektrik dan litar dicetak	13,778.9	5.4	-2.0	14,064.1	5.4
- Kelengkapan untuk pengedaran elektrik	2,906.8	1.1	-1.7	2,957.1	1.1
- Radas electro-diagnostik, perubatan dan radas radiologikal	552.9	0.2	55.7	355.0	0.1
- Kelengkapan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga	3,491.0	1.4	-1.2	3,533.7	1.3
- Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, pemasangan mikro, transistor, injap dan lain-lain	88,285.7	34.8	-4.8	92,710.9	35.3
- Mesin elektrikal dan radas	7,744.0	3.1	-11.5	8,752.2	3.3

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

sebanyak 5.4 peratus kepada RM39.9 bilion, berbanding RM41.4 bilion pada 2007, manakala eksport ke Republik Rakyat China juga meningkat 19.2 peratus kepada RM29.7 bilion, berbanding RM24.9 bilion pada 2007.

Import

Import produk E&E menurun sebanyak 7.1 peratus kepada RM189.3 bilion, berbanding RM203.9 bilion pada 2007, disebabkan oleh penurunan import komponen untuk

produk-produk siap. Republik Rakyat China menggantikan Amerika Syarikat sebagai sumber import utama bernilai RM32.8 bilion (18.5 peratus), manakala import daripada Amerika Syarikat berjumlah RM29.4 bilion (16.6 peratus), diikuti Jepun bernilai RM22.0 bilion (12.5 peratus).

Import mesin elektrikal, radas dan perkakasan merosot sebanyak 6.8 peratus kepada RM138.2 bilion, berbanding dengan RM148.3 bilion pada 2007. Sub-sektor ini mewakili 73 peratus daripada jumlah import E&E. Walau bagaimanapun, import peralatan telekomunikasi, perakam bunyi dan peralatan pemprosesan semula mencatatkan peningkatan 12.6 peratus kepada RM18.9 bilion, berbanding dengan RM16.8 bilion pada 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan tinggi bagi peralatan telekomunikasi seperti telefon selular dan aksesori; rangkaian komunikasi, peralatan satelit dan kabel kelengkapan televisyen; telefon satelit; peralatan telekomunikasi; kelengkapan telekomunikasi; telefon dan peralatan; telefon video dan peralatan; dan komunikasi tanpa wayar.

Perkembangan

Sebanyak 869 Standard Malaysia (MS) telah dibangunkan dalam sektor Elektroteknikal, di mana 75 peratus

Carta 4.4:
Sumber Import 10 Negara Tertinggi pada 2008



Sumber: Jabatan Standard Malaysia
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

atau 652 MS adalah selari dengan Standard Antarabangsa (International Electrotechnical Commission – IEC). Daripada 869 standard, 57 telah dijadikan standard mandatori oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).

Jawatankuasa Teknikal untuk Kabel dan Wayar dan Aksesori Kabel diketuai oleh Persatuan Elektrikal dan Elektronik Malaysia (TEEAM), telah menyediakan Standard Malaysia. Standard ini, yang mana adalah secara sukarela, akan dijadikan mandatori oleh pihak pelaksana seperti

Jadual 4.19:
Import Produk E&E Terpilih

Produk	2008			2007	
	RM Juta	Syer %	Perubahan %	RM Juta	Syer %
Jumlah Import Produk E&E	**189,395.0**	**10.0**	**-6.4**	**202,343.7**	**100**
Mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik dan alat ganti:	**32,175.3**	**17.0**	**-13.3**	**37,112.7**	**18.3**
- Mesin Pejabat	1,487.6	0.8	287.9	383.5	0.2
- Pemprosesan Data Automatik	8,513.5	4.5	-16.3	10,180.6	5.0
- Alat ganti untuk mesin pejabat dan kelengkapan pemprosesan data automatik	22,174.0	11.7	-16.5	26,548.6	13.1
Telekomunikasi dan kelengkapan perakam bunyi	**18,997.8**	**10**	**12.6**	**16,872.5**	**8.3**
- Alat terima isyarat televisyen, monitor dan projektor	880.5	0.5	52.4	577.9	0.3
- Alat terima isyarat radio	285.6	0.2	-5.5	302.0	0.1
- Perakam bunyi	1,136.4	0.6	1.7	1,175.8	0.6
- Kelengkapan Komunikasi dan alat ganti	16,695.4	8.8	12.3	14,816.9	7.3
Mesin elektrikal, radas dan perkakasan serta alat ganti	**138,221.9**	**73.0**	**-6.8**	**148,358.6**	**73.3**
- Mesin kuasa elektrik dan alat ganti	3,303.1	1.7	-12.4	3,770.9	1.9
- Radas elektrik untuk litar elektrik dan litar dicetak	17,005.6	9.0	4.8	16,227.4	8.0
- Kelengkapan untuk pengedaran elektrik	2,375.7	1.3	-0.2	2,380.2	1.2
- Radas elektro-diagnostik, perubatan dan radas radiologikal	491.6	0.3	-1.4	484.6	0.2
- Kelengkapan elektrik dan bukan elektrik rumah tangga	1,428.4	0.8	14.5	1,247.3	0.6
- Peralatan semikonduktor, litar bersepadu, pemasangan mikro, transistor, injap dan lain-lain	100,557.9	53.1	-8.6	109,979.8	54.4
- Mesin elektrikal dan radas	13,059.6	6.9	-8.4	14,268.3	7.1

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Tenaga (ST). Standard mandatori ini adalah untuk produk seperti kabel dan kabel kuasa, wayar dan *wire harnesses*, kord telefon dan kord tenaga.

Pada 2008, duti import bagi 36 produk E&E telah dimansuhkan, selari dengan dasar liberalisasi.

TINJAUAN

Peningkatan eksport ke Republik Rakyat China, India dan negara lain telah mengimbangi kelembapan eksport ke Amerika Syarikat. Eksport ke Republik Rakyat China meningkat sebanyak 23.6 peratus kepada RM27.9 bilion pada 2008, berbanding dengan RM22.6 bilion pada 2007, manakala eksport ke India meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada RM3.7 billion pada 2007.

Kajian yang dilakukan oleh pelbagai badan antarabangsa menunjukkan bahawa terdapat penurunan dalam jualan ke atas produk semikonduktor dan E&E terpilih pada 2009 dan 2010. Anggaran jualan adalah seperti berikut:

Industri penyumberan luar Teknologi Maklumat telah menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan di mana Malaysia mempunyai kelebihan daya saing dari segi kemudahan, kepelbagaian b ahasa dan pekerja mahir. Pada 2008, industri ini bernilai RM300 juta.

Industri ICT adalah dijangka mengalami pertumbuhan yang menurun iaitu 5 peratus tahun ini berbanding 7 peratus pada 2008, dan pertumbuhan dua digit pada tahun-tahun sebelum ini. Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (PIKOM) telah mencadangkan untuk diperkenalkan semula Skim Pengeluaran KWSP untuk Pembelian Komputer Peribadi sebagai langkah untuk meningkatkan pembelanjaan pengguna. Adalah dijangkakan skim ini dapat menghasilkan jualan kira-kira 300,000 unit komputer peribadi (termasuk peralatan dan langganan jalur lebar) yang akan menyumbangkan sebanyak kira-kira RM700 juta kepada industri ICT setahun. Ini akan membantu pertumbuhan industri ini sebanyak 7 peratus berbanding 5 peratus seperti yang dijangkakan sebelumnya.

Jadual 4.20:
Anggaran Jualan untuk Produk Semikonduktor dan E&E Terpilih

Sumber	2008 (Dikaji) (%)	2009 (Sebelum) (%)	2009 (Dikaji) (%)	2010 (Sebelum) (%)	2010 (Dikaji)
iSuppli Corp.	-4 ke -5	-	-9.4	-	6.4
SIA (Semiconductor Ind. Association)	0.2 (11 bulan)	Kekal	-5.6	7.4	7.5
Gartner	-4.4	-2.2	-16.3	14.6	9.4
Broadpoint.AmTech	-	-	-20	-	15
Databeans Inc.	-	-	-6	-	12
SEMI (Semi Conductor Equipment)	-28		-21		31
Purata	-	-	-13.1	-	-13.6

Disediakan oleh Dewan Perdagangan Amerika Malaysia (AMCHAM)

INDUSTRI KELENGKAPAN PENGANGKUTAN

Industri ini terdiri daripada 3 segmen:

- automotif, termasuk kenderaan bermotor (penumpang dan kenderaan perdagangan), motosikal serta komponen dan alat ganti;
- pengangkutan marin, meliputi aktiviti pembinaan dan baikpulih serta kerja-kerja kejuruteraan kapal; dan
- aeroangkasa, merangkumi aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), pengeluaran komponen dan alat ganti serta pembinaan pesawat ringan.

SEGMEN AUTOMOTIF

Sub-Segmen Kenderaan Bermotor

Pengeluaran

Jumlah pengeluaran kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan pada 2008 meningkat 20.2 peratus kepada 530,810 unit berbanding 441,678 unit pada 2007. Pada 2008, pengeluaran kenderaan penumpang meningkat sebanyak 20.2 peratus kepada 484,512 unit berbanding 403,245 unit pada 2007. Bagi kenderaan perdagangan pula, pengeluaran meningkat sebanyak 20.4 peratus kepada 46,298 unit berbanding 38,433 unit pada 2007. Peningkatan pada jumlah pengeluaran keseluruhan ini adalah berpunca daripada penerimaan pasaran yang positif terhadap pengenalan model-model baru dan rekabentuk baru untuk model-model sedia ada. Peningkatan ini turut disumbangkan oleh usaha yang dilakukan oleh pengilang dan pemasang tempatan untuk mengurangkan kos pengeluaran yang menjadikan harga bagi kenderaan-kenderaan ini lebih berdaya saing.

Dalam sub-segmen kenderaan penumpang, pada 2008, jumlah pengeluaran oleh pengeluar nasional meningkat 23.7 peratus kepada 332,490 unit, manakala pengeluaran oleh syarikat pemasang meningkat 11.6 peratus kepada 152,022 unit. Dari segi jumlah pengeluaran kenderaan penumpang, secara keseluruhan, peratusan pengeluar nasional mencatatkan peningkatan kepada 68.6 peratus berbanding 66.7 peratus pada tahun sebelumnya.

Bagi sub-segmen kenderaan perdagangan pula, jumlah pengeluaran oleh pengeluar nasional mencatat penurunan sebanyak 24.3 peratus kepada 5,699 unit pada 2008 berbanding 7,495 unit pada 2007. Pengeluaran oleh syarikat pemasang

Jadual 4.21:
Pengeluaran Kenderaan Bermotor

Sub-Segmen	2008 (Unit)	2007 (Unit)	Perubahan (%)
Total	**530,810**	**20.2**	**441,678**
Kenderaan Penumpang[1]	**484,512**	**20.2**	**403,245**
Pengeluar	332,490	23.7	268,791
Pemasang	152,022	11.6	134,454
Kenderaan Perdagangan	**46,298**	**20.5**	**38,433**
Pengeluar	5,669	-24.3	7,495
Pemasang	40,629	31.3	30,938

Sumber: Diklasifikasikan semula berdasarkan data daripada Persatuan Automotif Malaysia (MAA)
Nota: [1] Termasuk van, kenderaan pelbagai guna, kenderaan utiliti sukan dan kenderaan pacuan empat roda

Jadual 4.22:
Penggunaan Kapasiti bagi Kenderaan Bermotor

	2008	2007	Perubahan (%)
Jumlah Kapasiti Terpasang (unit)	**963,300**	**-**	**963,300**
Pengeluaran sebenar (unit)	530,810	20.2	441,678
Penggunaan kapasiti (%)	55.1	20.0	45.9

Sumber: Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

merekodkan pertumbuhan sebanyak 31.3 peratus kepada 40,692 unit pada 2008 daripada 30,938 pada 2007.

Jumlah kapasiti terpasang bagi pengeluaran kenderaan bermotor kekal pada 963,300 unit pada 2008. Kadar penggunaan kapasiti pada 2008 meningkat kepada 55.1 peratus berbanding 45.9 peratus pada 2007.

Jualan

Jualan keseluruhan kenderaan bermotor meningkat dengan ketara pada 2008, mencatat jualan kedua tertinggi dengan 548,115 unit, berbanding jualan tertinggi sebanyak 552,316 unit pada 2005. Pada 2008, jumlah keseluruhan jualan meningkat 19.8 peratus kepada RM15.7 bilion berbanding RM13.7 bilion pada 2007. Peningkatan ini adalah berpunca daripada perkembangan ekonomi sebanyak 5 peratus pada 2008, reaksi positif daripada pengguna terutamanya pada sembilan bulan pertama bagi 2008, skim pembiayaan yang menarik untuk pembeli kenderaan, pengenalan model-model baru pada harga yang kompetitif dan kempen jualan yang lebih agresif.

Dari segi unit, jualan keseluruhan kenderaan bermotor mencatat peningkatan 12.5 peratus kepada 548,115 unit pada 2008, berbanding 487,176 unit pada 2007. Jualan kenderaan penumpang mencatatkan jualan sebanyak 497,459 unit iaitu 90.8 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan dalam sub-segmen kenderaan bermotor. Pada 2008, kenderaan nasional terus menguasai pasaran tempatan dengan jualan sebanyak 310,535 unit, peningkatan 9.3 peratus berbanding 284,177 unit pada 2007. Jualan kenderaan bukan nasional turut mencatat peningkatan 17.8 peratus kepada 186,927 unit pada 2008, daripada 159,708 unit pada 2007.

Jadual 4.23:
Jualan Kenderaan Bermotor

Sub-Segmen	2008 (Unit)	2007 (Unit)	Perubahan (%)
Total	**548,115**	**487,176**	**12.5**
Kenderaan Penumpang	**497,459**	**442,885**	**12.3**
Pengeluar	310,532	284,177	9.3
Pemasang	186,927	158,708	17.8
Kenderaan Perdagangan	**50,656**	**44,291**	**14.4**
Pengeluar	5,270	5,019	5.0
Pemasang	45,386	39,272	15.6

Sumber: Diklasifikasikan semula berdasarkan data dari Persatuan Automotif Malaysia (MAA)

Dari segi syer pasaran kereta penumpang pada 2008, jualan oleh pengilang nasional adalah 62.4 peratus, manakala bagi syarikat-syarikat pemasang pula sebanyak 37.6 peratus, berbanding 35.8 peratus yang dicatatkan pada 2007.

Pada 2008, syarikat-syarikat pemasang menguasai jualan kenderaan perdagangan di pasaran tempatan dengan peratusan jualan 89.6 peratus, manakala jualan bagi pengeluar nasional pula, meningkat sebanyak 5 peratus kepada 5,270 unit daripada 5,019 unit pada 2007.

Jualan kenderaan bermotor di ASEAN meningkat sebanyak 17.8 peratus kepada 2,112,368 unit pada 2008 berbanding 1,791,925 unit pada 2007. Malaysia merekodkan jualan kenderaan penumpang terbesar di kalangan enam pasaran utama ASEAN pada 2008 dengan jualan 497,459 unit, iaitu 37 peratus dari keseluruhan pasaran kenderaan penumpang ASEAN 6. Pada 2008, jualan kenderaan penumpang di Indonesia adalah berjumlah 425,267 unit, Thailand (226,805 unit), Singapura (100,979 unit), Viet Nam (49,356 unit) dan Filipina (44,428 unit). Walau bagaimanapun dalam segmen kenderaan perdagangan pula, Malaysia berada di tempat kelima merekodkan kadar penguasaan jualan iaitu 6.6 peratus daripada jumlah keseluruhan jualan kenderaan perdagangan di rantau ASEAN. Thailand merupakan pasaran jualan terbesar dengan 388,465 unit, diikuti oleh Indonesia (178,507 unit), Filipina (80,021 unit), dan Viet Nam (60,830 unit).

Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga segmen kenderaan bermotor pada 2008 meningkat 14.9 peratus kepada 25,038 pekerja daripada 21,794 pekerja pada 2007. Peningkatan guna tenaga adalah bagi memenuhi pertambahan permintaan kenderaan bermotor yang ditunjukkan melalui peningkatan kadar penggunaan kapasiti kilang pemasangan pada 2008.

Pelaburan

Pada 2008, sejumlah 48 projek dengan pelaburan sebanyak RM1.5 bilion telah diluluskan bagi sub-segmen automotif, peningkatan sebanyak 33.3 peratus berbanding 36 projek dan nilai pelaburan sebanyak RM342.6 juta pada 2007. Pelaburan domestik berjumlah RM1.4 bilion atau 92.4 peratus daripada keseluruhan jumlah pelaburan manakala pelaburan asing pula berjumlah RM112.5 juta (7.6 peratus).

Antara projek utama yang diluluskan dalam segmen kenderaan bermotor ini adalah aktiviti pengilangan dan pemasangan kenderaan dengan nilai pelaburan berjumlah RM1.1 bilion, pengilangan integrated air fuel module (RM41 juta), dan fabrikasi bagi badan kenderaan perdagangan (RM7.4 juta).

Eksport

Eksport kenderaan bermotor pada 2008 meningkat 12.1 peratus kepada RM865.9

Jadual 4.24:
Jumlah Pelaburan bagi Kenderaan Bermotor

	2008	2007	Perubahan (%)
Bil. Projek Diluluskan	**48**	**36**	**33.3**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**1,488.3**	**342.6**	**334.4**
Pelaburan domestik (RM juta)	**1,375.8**	**328.7**	**318.6**
Pelaburan asing (RM juta)	**112.5**	**13.9**	**709.3**

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

juta daripada RM772.2 juta pada 2007. Nilai eksport kenderaan penumpang meningkat 17.3 peratus kepada RM634.6 juta pada 2008 daripada RM541.2 juta pada 2007. Eksport kenderaan perdagangan meningkat sebanyak 0.1 peratus kepada RM231.2 juta daripada RM230.9 juta pada 2007. Destinasi utama eksport kenderaan penumpang pada 2008 ialah Republik Rakyat China dengan nilai RM95.3 juta, diikuti Iran (RM74.2 juta), Thailand (RM69 juta), UK (RM65.4 juta) dan Indonesia (RM65.1 juta).

Import

Import bagi kenderaan bermotor meningkat sebanyak 36.5 peratus kepada RM7.1 bilion pada 2008 daripada RM5.3 bilion pada 2007. Import kenderaan penumpang berjumlah RM4.9 bilion, manakala kenderaan perdagangan berjumlah RM2.4 bilion. Destinasi utama import kenderaan penumpang ialah Jepun dengan nilai RM2.6 bilion, Thailand (RM867.6 juta), Jerman (RM801.1 juta), Indonesia (RM156.7 juta) dan UK (RM70.9 juta).

Sub-Segmen Motosikal

Sub-segmen motosikal diklasifikasikan kepada motosikal jenis mopeds, skuter, basikal berenjin dan cruisers. Pada masa ini, terdapat hanya satu pengeluar tempatan dan sembilan syarikat pemasang.

Pengeluaran

Pengeluaran motosikal pada 2008 meningkat sebanyak 19.3 peratus kepada 532,567 unit daripada 446,415 unit pada 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh pengenalan model-model baru yang lebih menarik, terutamanya bagi motosikal dengan kapasiti enjin bawah 150c.c. Pengilang nasional mengeluarkan sebanyak 64,181 unit, iaitu 12 peratus daripada pengeluaran keseluruhan pada 2008.

Penggunaan Kapasiti

Jumlah kapasiti terpasang bagi pengeluaran motosikal pada 2008 adalah 689,000 unit. Pada 2008, kadar penggunaan kapasiti tahun 2008 meningkat kepada 77.9 peratus berbanding 62.8 peratus pada 2007.

Jualan

Jualan motosikal mencatat peningkatan 21.4 peratus kepada RM2.4 bilion pada 2008 berbanding RM1.9 bilion pada 2007. Jumlah motosikal yang dijual meningkat sebanyak 18.5 peratus kepada 532,697 unit pada 2008 daripada 449,673 unit pada 2007. Jualan oleh pengilang nasional meningkat sebanyak 30 peratus kepada 62,439 unit pada 2008 berbanding 48,017 unit pada 2007.

Jadual 4.25:
Export dan Import Kenderaan Bermotor (CBU[1] and CKD[2])

Segmen		2008 (RM juta)	2007 (RM juta)	Perubahan (%)
Jumlah	**Eksport**	**865.8**	**772.2**	**12.1**
	Import	**7,196.8**	**5,273**	**36.5**
Kenderaan penumpang	Eksport	634.6	541.2	17.3
	Import	4,839.7	3,591.4	34.8
Kenderaan perdagangan	Eksport	231.2	230.9	0.1
	Import	2,357.1	1,681.9	40.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota : [1] CBU – Bentuk Dipasang-siap (Completely Built Up)
[2] CKD – Bentuk Terurai Sepenuhnya (Completely Knocked Down)

Jadual 4.26:
Jualan Motosikal

Segmen	2008 (RM juta)	2007 (RM juta)	Perubahan (%)
Jumlah	**532,697**	**449,673**	**18.5**
Pengeluar	**62,439**	**48,017**	**30.0**
Pemasang	**470,259**	**401,656**	**17.1**

Sumber: Persatuan Motosikal dan Skuter Malaysia (MASAAM)

Guna Tenaga

Guna tenaga sub-segmen motosikal berkurang sebanyak 3.4 peratus kepada 6,475 pekerja berbanding 6,700 pekerja pada 2007 disebabkan oleh aktiviti automasi dan modenisasi yang dijalankan oleh pengeluar dan syarikat-syarikat pemasang di dalam sub-segmen ini.

Eksport

Eksport motosikal merosot 38.3 peratus kepada RM104.8 juta pada 2008 berbanding RM169.7 juta pada 2007. Destinasi utama eksport motosikal ialah Singapura sebanyak RM41.1 juta, Sri Lanka (RM30.4 juta), Greece (RM14 juta), dan Mesir (RM13.3 juta).

Import

Import motosikal pada 2008 mencatat peningkatan sebanyak 97.8 peratus kepada RM343.7 juta berbanding RM173.8 juta pada tahun 2007. Destinasi utama import ialah Jepun berjumlah RM103.8 juta, Indonesia (RM74.1 juta), Thailand (RM68 juta) dan Republik Rakyat China (RM16.9 juta).

Sub-segmen Komponen dan Alat Ganti Automotif

Pada 2008, terdapat lebih 690 pengeluar komponen automotif dan dianggarkan 110 pengeluar komponen bagi motosikal dan skuter. Sub-segmen komponen automotif ini mengeluarkan lebih dari 5,000 komponen yang meliputi *steering wheels* dan *steering column*, rim, bumper, brek, radiator, penyerap hentakan dan *clutches*. Daripada jumlah keseluruhan pengeluar komponen dan alat ganti automotif, 226 merupakan vendor PROTON (32 adalah vendor tier satu) dan 160 vendor PERODUA (sebahagian pengeluar adalah vendor bagi kedua-dua PROTON dan PERODUA).

Lebih 75 peratus daripada pengeluar komponen automotif ini dimiliki oleh rakyat Malaysia. Sebahagian daripada syarikat ini telah mengadakan kerjasama teknikal dengan syarikat-syarikat pengeluar komponen automotif antarabangsa. Terdapat juga syarikat-syarikat pengeluar automotif asing yang beroperasi di Malaysia.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran bagi sub-segmen komponen dan alat ganti automotif meningkat 21.5 peratus kepada 213.4 pada 2008 berbanding 175.6 pada 2007. Perkembangan ini disumbang oleh peningkatan jumlah pengeluaran kenderaan penumpang baru dan penggantian semula stok tempatan.

Jualan

Jualan komponen dan alat ganti automotif meningkat sebanyak 16.4 peratus kepada RM6.4 bilion pada 2008 daripada RM5.5 bilion pada 2007. Peningkatan ini adalah berkait secara langsung dengan peningkatan jualan kenderaan baru dan permintaan yang tinggi dari pasaran luar negara yang dapat dilihat melalui prestasi eksport keseluruhan.

Guna Tenaga

Sejumlah 24,516 pekerja telah direkodkan bagi sub-segmen komponen dan alat ganti automotif merosot sebanyak 0.3 peratus daripada 24,580 pekerja pada 2007.

Pelaburan

Pada 2008, sebanyak 41 projek telah diluluskan bagi menjalankan aktiviti pengeluaran komponen dan alat ganti automotif dengan pelaburan bernilai RM304.7 juta, berbanding 30 projek bernilai RM279.7 juta pada 2007. Komponen dan alat ganti utama meliputi aktiviti pengilangan penghawa dingin, pengilangan *front corner module* dan *rear corner module*, pengilangan transmisi gear automatik, serta pengilangan dan pemasangan bumper hadapan dan belakang.

Eksport

Eksport komponen dan alat ganti automotif menurun sebanyak 13.6 peratus kepada RM2.4 bilion pada 2008 daripada RM2.7 bilion pada 2007. Destinasi utama eksport pada 2008 adalah Indonesia dengan nilai eksport RM303.1 juta, Taiwan (RM268.8 juta), Thailand (RM266.4 juta), Singapura (RM205.8 juta) dan Jepun (RM159.1 juta). Produk utama yang dieksport termasuk *steering wheels* dan *steering columns*, rim, bumper, brek, radiator, penyerap hentakan dan *clutches*.

Import

Import bagi komponen dan alat ganti automotif merosot sebanyak 8.1 peratus kepada RM4.1 bilion pada 2008 daripada RM4.5 bilion pada 2007. Sumber utama import adalah Thailand dengan nilai RM1.7 bilion, diikuti oleh Jepun (RM995.5 juta), Indonesia (RM436.9 juta), Jerman (RM308 juta) dan Republik Rakyat China (RM168.4 juta).

Produktiviti

Produktiviti segmen automotif meningkat sebanyak 8.3 peratus kepada RM107,300 pada 2008 berbanding RM99,000 pada 2007. Prestasi ini dapat dilihat melalui kadar penggunaan kapasiti yang tinggi disebabkan oleh permintaan global yang meningkat terhadap kesemua sub-segmen. Ini dapat dilihat melalui penggunaan mesin berteknologi tinggi seperti *CNC Machining Centre* dan *drilling* and *tapping machines*.

Subsektor automotif berjaya mengekalkan daya saing kos buruh menerusi penurunan 1.6 peratus Unit Kos Buruh. Kesemua sub-segmen automotif berjaya meningkatkan

Jadual 4.27:
Petunjuk Produktiviti bagi Sub-segmen Automotif

Sub-sektor/ Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh Setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Automotif	107.3	8.3	99.0	26.8	5.9	25.3	0.0661	-1.6	0.0672
Kenderaan Bermotor	144.6	3.9	139.1	32.0	3.6	30.9	0.0534	-1.5	0.0542
Alat ganti dan aksesori	74.4	8.9	68.4	22.9	7.0	21.4	0.0952	-0.8	0.0960
Motorsikal dan Skuter	93.6	20.9	77.4	22.4	6.2	21.1	0.0712	-0.4	0.0715

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan Penyiasatan Pembuatan Bulanan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

daya saing kos buruh seperti yang digambarkan menerusi penurunan pada Unit Kos Buruh masing-masing.

Perkembangan

Pelbagai insiatif telah diperkenalkan di bawah Bajet 2009 untuk terus membangunkan industri automotif tempatan. Salah satu objektif Dasar Automotif Nasional (DAN) adalah untuk mempromosikan Malaysia sebagai hub automotif serantau dengan memfokuskan kepada bidang-bidang khusus. Selaras dengan matlamat ini, pengecualian duti import sebanyak 100 peratus dan duti eksais sebanyak 50 peratus pada kereta hibrid baru dengan kapasiti enjin bawah 2,000 c.c. diperkenalkan. Penggalakan kereta hibrid ini akan memberi peluang untuk membangunkan Malaysia sebagai hub bagi kenderaan hibrid serantau. Insentif lain yang ditawarkan adalah pengurangan struktur cukai jalan bagi kenderaan berenjin diesel untuk kegunaan persendirian menjadikannya sama dengan kenderaan berenjin petrol.

Pada 2008, PROTON telah menandatangani Perjanjian Pemasangan CKD, Perjanjian Bantuan Pelesenan dan Teknikal dan Perjanjian Pembelian Peralatan bersama Zagroos Khodro Holding, Iran yang akan memasang dan mengedarkan kenderaan keluaran PROTON di Iran. Inisiatif yang diambil ini menunjukkan komitmen PROTON dalam mengembangkan pasaran luar negara bagi produknya, selaras dengan salah satu strategi di bawah IMP3, untuk menggalakkan hubungan strategik dengan rakan antarabangsa.

Dari segi persijilan kualiti, lebih daripada 60 peratus pengeluar komponen automotif telah mencapai standard antarabangsa seperti ISO9000, TS16949, dan ISO14000. Kebanyakan syarikat-syarikat ini adalah syarikat-syarikat yang mempunyai kerjasama teknikal dengan syarikat pengeluar komponen automotif antarabangsa yang membolehkan syarikat tempatan memasarkan produk mereka pada harga yang kompetitif.

Kerajaan terus berusaha dalam memastikan peraturan-peraturan di bawah *United Nations Economic Commission for Europe Working Party 29* (UNECE WP29) dijadikan standard mandatori bagi kenderaan serta komponen dan alat ganti di Malaysia dengan memasukkannya ke dalam Kaedah Pembinaan dan Kegunaan 1959 yang dijangka selesai pada 2009.

Pada 2008, sejumlah RM87.4 juta merangkumi 20 permohonan Skim Pinjaman Mudah Pembangunan Automotif yang telah diluluskan. Skop bagi skim ini juga telah diperluaskan meliputi pembiayaan semula perolehan perkakasan dengan siling pinjaman bagi setiap permohonan dinaikkan dari RM5 juta kepada RM10 juta.

Pada 2008, sejumlah 291 peserta telah dilatih serta 51 modul telah dibangun dan dilaksanakan menerusi Program Pembangunan Kemahiran Automotif, di bawah inisiatif Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO) yang dikendalikan di *Advanced Technology Training Centre*, Shah Alam.

Segmen Aeroangkasa

Segmen ini meliputi sub-segmen penerbangan dan angkasa. Bagi sub-segmen penerbangan, keupayaan tempatan merangkumi pengubahsuaian dan baik pulih enjin serta komponen bagi penyenggaraan kapal terbang kecil dan besar. Segmen ini juga terlibat dalam pembuatan peralatan dan komponen kapal terbang terpilih. Sub-segmen angkasa pula terdiri daripada pembangunan industri telekomunikasi dan hiburan, melalui pelancaran satelit sebagai sebahagian daripada aktiviti utama yang dijalankan.

Terdapat dua syarikat yang terlibat di dalam aktiviti pemasangan pesawat ringan dan

tujuh syarikat terlibat sebagai pengeluar komponen dan alat ganti pesawat. Tambahan daripada itu, terdapat 28 syarikat terlibat di dalam aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) bagi kapal terbang awam dan tentera. Daripada 28 syarikat ini, 12 syarikat terlibat di dalam pengujian, pembaikan dan baik pulih komponen dan alat ganti kapal terbang, 12 syarikat menyediakan kemudahan penyenggaraan berat dan empat syarikat terlibat di dalam penyenggaraan enjin serta alat ganti enjin.

Pelaburan

Pada 2008, tujuh projek bernilai RM991.6 juta telah diluluskan bagi segmen aeroangkasa. Pelaburan domestik berjumlah RM277 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM714.6 juta. Pelaburan utama adalah dalam aktiviti pengeluaran/ pemasangan pesawat ringan, di mana dua projek usahasama telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM586.1 juta.

Eksport

Pada 2008, eksport bagi kapal terbang kecil, kenderaan pelancar kapal angkasa serta komponen dan alat ganti kapal terbang adalah berjumlah RM2.7 bilion, menurun sebanyak 7.4 peratus berbanding RM2.9 bilion pada 2007. Destinasi eksport utama ialah Singapura, dengan eksport bernilai RM862.7 juta, Amerika Syarikat (RM452.7 juta) dan UK (RM409.2 juta).

Import

Pada 2008, import bagi kapal terbang kecil, kenderaan pelancar kapal angkasa serta komponen dan alat ganti kapal terbang meningkat sebanyak 9.8 peratus kepada RM5.7 bilion, berbanding RM5.2 bilion pada 2007. Sumber import utama ialah Perancis dengan nilai import sebanyak RM3.3 bilion, Amerika Syarikat (RM1.3 bilion) dan Singapura (RM359.2 juta).

Perkembangan

Pada Julai 2008, satu memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa bagi membentuk satu syarikat usahasama, yang akan menjadi penyedia perkhidmatan MRO utama untuk *turbo props* di rantau ini. Selain menyediakan perkhidmatan dan penyenggaran turbo props, syarikat ini juga akan turut meneroka peluang-peluang perniagaan tambahan dalam pemindahan kargo dan aktiviti-aktiviti khusus.

Projek bernilai RM300 juta yang meliputi *5 Star FBO lounge* telah diluluskan dalam usaha untuk menaiktaraf dan penjenamaan semula Terminal 3 di Subang, bagi operasi penerbangan komersil dan korporat. Ini merupakan salah satu usaha yang diambil bagi memperluaskan bidang berkaitan penerbangan di Malaysia International Aerospace Centre (MIAC).

Tanah seluas 30 ekar tanah berhampiran RWY 33 di MIAC sedang dibangunkan untuk memindahkan Regional Aviation Centre (RAC), bagi menempatkan MRO dan bangsal kapal terbang, kilang pemasangan/ pengeluaran dan gudang bagi alat ganti/ komponen. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada Mac 2009.

Segmen Marin

Segmen marin terdiri daripada sub-segmen pembinaan dan pembaikan kapal. Pembinaan kapal termasuk pembinaan kapal kargo, feri, bot tunda, kapal mewah dan yacht dan fabrikasi struktur luar pesisir dan struktur terapung, seperti *fire-floats*, kapal korek dan kapal kren. Industri tempatan di dalam sub-segmen ini mampu untuk membina kapal dengan kapasiti sehingga 30,000 DWT.

Aktiviti pembaikan kapal meliputi aktiviti penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih kapal, bot dan kapal mewah yang mempunyai kelengkapan untuk membaik

pulih kapal dengan kapasiti sehingga 400,000 DWT.

Terdapat 56 syarikat yang mempunyai lesen pengilang untuk menjalankan aktiviti pembinaan dan membaiki kapal perdagangan dan kapal tentera. Disamping itu, terdapat lebih dari 30 limbungan kapal kecil yang mengeluarkan badan kapal daripada kayu untuk nelayan dan peniaga, feri kecil, bot tunda, tongkang, bot peronda, kapal mewah, *yachts*, *cruisers* dan bot laju.

Pelaburan

Pada 2008, 17 projek baru dengan pelaburan sebanyak RM410.1 juta telah diluluskan berbanding 10 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM346.7 juta pada 2007. 15 projek adalah pelaburan tempatan yang menjalankan aktiviti pembinaan dan pembaikan kapal bernilai RM384.1 juta.

Eksport

Pada 2008, eksport untuk kapal, bot dan struktur terapung meningkat sebanyak 10.4 peratus kepada RM1.1 bilion daripada RM996.6 juta pada 2007. Destinasi eksport utama adalah Thailand dengan nilai eksport sebanyak RM420.8 juta, Singapura (RM326.0 juta) dan AS (RM93.7 juta). Produk utama yang dieksport adalah kapal tangki, f*loating and submersible drilling or production platforms*, bernilai RM419.6 juta.

Import

Pada 2008, import bagi sub-segmen ini merekodkan penurunan sebanyak 57.1 peratus kepada RM2.4 bilion berbanding RM5.6 bilion pada 2007. sumber import utama adalah Jepun dengan nilai sebanyak RM894.6 juta, Singapura (RM388.1 juta) dan PRC (RM349.4 juta). Produk utama yang diimport adalah kapal tangki dengan berat kasar melebihi 4,000 tan bernilai RM987.3 juta dan kapa-kapal pengangkutan dan barangan lain bernilai RM685.1 juta.

Perkembangan

Salah satu objektif di bawah IMP3 adalah untuk meningkatkan kemampuan pengeluar tempatan di dalam segmen marin. Pada 2008, Bank SME telah membiayai enam syarikat untuk pembinaan 12 kapal bernilai RM430.12 juta, bagi menggalakkan pembinaan kapal-kapal kecil dengan berat 30,000 DWT dan ke bawah. Selain itu, sebuah syarikat telah dibiayai bagi menjalankan projek limbungan kapal tempatan bernilai RM60 juta.

International Maritime Organisation (IMO) telah menetapkan supaya kapal-kapal *double-hulled* pada 2010. Justeru itu, industri perkapalan di Malaysia seharusnya membina kapal dengan mematuhi keperluan ini agar dapat memasuki pasaran eksport.

INDUSTRI PETROKIMIA DAN KIMIA

Industri petrokimia dan kimia merangkumi dua subsektor iaitu produk petroleum termasuk produk petrokimia dan plastik serta bahan kimia asas industri dan produk kimia. Industri ini kekal sebagai penyumbang kedua terbesar kepada jumlah eksport pada 2008 dengan 6.1 peratus daripada keseluruhan eksport.

Sub-sektor bagi industri petrokimia meliputi:

- resin gred komoditi ; resin *polyethylene* (PE), resin *polypropylene* (PP), resin *polyvinyl chloride* (PVC), *resin polyester* dan resin *polystyrene* (PS);

- resin plastik gred kejuruteraan; resin *acrylonitrile-butadiene* (ABS), resin *polyoxymethylene* (POM), resin *polybutylene terephathalate* (PBT) dan resin *polyester co-polymer* (PETG);

Jadual 4.28:
Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih bagi Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Sub-sektor	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah	**168.0**	**0.8**	**166.7**
Produk Petroleum	**164.7**	**-0.5**	**165.5**
Produk petroleum ditapis	168.7	-0.2	169.0
Bahan plastik asas dan getah sintetik	122.0	-4.3	127.5
Produk Plastik	**177.5**	**4.2**	**170.3**
Beg Plastik dan filem	194.9	-5.9	207.2
Produk plastik *blow-moulded*	222.8	11.2	200.4
Komponen plastik *injection-moulded*	173.4	10.7	156.6
Produk plastik *extruded*	173.7	9.8	158.2
Produk plastik *foam*	123.2	14.2	143.6

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Asas 2000 = 100

- derivatif petrokimia; *ethylene oxide* (EO), butanol dan asid asetik; dan

- bahan kimia diproses khusus dan halus; pengawet makanan dan bahan mentah bagi produk farmaseutikal.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran bagi produk petroleum, termasuk sub-sektor produk petrokimia dan plastik mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.8 peratus daripada 166.7 pada 2007 kepada 168 pada 2008. Perkembangan keseluruhan adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan bagi produk plastik *blow-moulded*, plastik *injection-moulded* dan produk plastik *extruded*. Pembungkusan cara plastik, *flexible* dan *rigid* (termasuk bag, filem-filem, botol dan *container*) kekal sebagai segmen terbesar sebanyak 45 peratus daripada jumlah pengeluaran keseluruhan sub-segmen.

Carta 4.5:
Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih bagi Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jualan

Jualan bagi produk petroleum termasuk petrokimia dan produk plastik meningkat sebanyak 23.4 peratus daripada RM118.9 bilion pada 2007 kepada RM155.2 bilion pada 2008. Faktor utama adalah berikutan peningkatan jualan bagi produk petroleum ditapis dengan nilai jualan sebanyak RM124.8 bilion. Jumlah keseluruhan nilai jualan bagi produk plastik meningkat sebanyak 4.6 peratus kepada RM16.1 bilion pada 2008 berbanding RM15.3 bilion pada 2007. Peningkatan dalam kos pengeluaran dan nilai jualan berikutan kenaikan harga minyak mentah, kenaikan harga bahan mentah utama bagi pengeluaran barangan plastik pada sembilan bulan pertama 2008.

Guna Tenaga

Pada 2008, guna tenaga dalam subsektor produk petroleum termasuk petrokimia dan plastik menguncup sebanyak 3.1 peratus kepada 93,494 pekerja daripada

Jadual 4.29:
Jualan Produk Petroleum Terpilih Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Segmen	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**154,699.1**	**-30.0**	**118,956.1**
Produk Petroleum	**139,126.3**	**33.8**	**103,514.6**
Produk petroleum ditapis	124,268.4	38.4	89,796.2
Plastik asas dan getah sintetik	14,187.7	3.4	13,718.4
Produk Plastik	**16,243.1**	**5.2**	**15,441.5**
Beg Plastik dan filem	5,405.3	6.3	5,086.6
Komponen plastik *injection-moulded*	7,608,4	6.9	7,115.5
Produk plastik *blow-moulded*	418.2	3.9	402.5
Produk plastik *extruded*	718.5	7.3	669.5
Produk plastik *foam*	476.8	-4.0	496.5

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.6:
Jualan Produk Petroleum Terpilih Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik



Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

96,468 pekerja pada 2007. Penurunan ini dicatatkan dalam subsektor produk plastik, produk plastik foam dan komponen *injection moulded* dengan masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 18.9 peratus dan 6.4 peratus. Peluang pekerjaan bagi sektor produk petroleum ditapis meningkat 6.6 peratus dalam tempoh tersebut. Subsegmen produk plastik *injection-moulded* mencatatkan guna tenaga paling tinggi sebanyak 49,839 pekerja dengan jumlah peratusan sebanyak 53 peratus dari jumlah guna tenaga, diikuti dengan subsegmen beg plastik dan films dengan 15,614 pekerja atau 16.7 peratus dari jumlah guna tenaga.

Produktiviti

Produktiviti bagi industri produk petroleum termasuk subsektor petrokimia dan produk plastik meningkat sebanyak 22.6

Jadual 4.30:
Guna Tenaga Produk Petroleum Terpilih, Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Sub-Sektor	2008 (pekerja)	Perubahan (%)	2007 (pekerja)
Jumlah	**93,494**	**96,468**	**-3.1**
Produk Petroleum			
Produk petroleum ditapis	5,260	4,934	6.6
Plastik asas dan getah sintetik	6,154	6,080	1.2
Produk Plastik			
Beg plastik dan filem	15,614	15,760	-0.9
Komponen plastik *injection-moulded*	49,839	53,262	-6.4
Produk plastik *blow-moulded*	2,038	1,943	4.9
Produk plastik *extruded*	2,430	2,534	-4.1
Produk plastik *foam*	3,059	3,770	-18.9

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.7:
Jualan Produk Petroleum Terpilih Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

peratus daripada RM121,200 pada 2007 kepada RM148,500 pada 2008. Prestasi yang meningkat ini adalah disebabkan peningkatan jualan hasil dari harga petroleum yang tinggi terutamanya bagi barangan plastik *in primary forms* dan getah sintetik. Kos buruh lebih kompetitif dengan penurunan sebanyak 16.6 peratus bagi setiap Unit Kos Buruh.

Pelaburan

Pada 2008, jumlah pelaburan diluluskan bagi industri produk petroleum termasuk segmen produk petrokimia dan plastik adalah sebanyak RM3.3 bilion iaitu penurunan sebanyak 30.3 peratus berbanding RM14.9 bilion pada 2007. Pelaburan domestik berjumlah RM1.9 bilion atau 57.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan sementara pelaburan asing berjumlah RM1.4 billion atau 42.4 peratus. Dari jumlah pelaburan yang diluluskan, sebanyak 76 projek telah diluluskan pada 2007. Sumber utama pelaburan asing adalah dari Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun.

Jadual 4.31:
Petunjuk Produktiviti Segmen Terpilih bagi Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Sub-Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh Setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Petroleum dan Produk plastik	148.5	22.5	121.2	26.1	8.3	24.1	0.0162	-16.9	0.0195
Produk Petroleum	946.2	24.9	757.3	86.3	18.1	73.1	0.0072	-6.5	0.0077
Produk petroleum ditapis	1446.2	34.8	1072.7	128.3	24.3	103.2	0.0055	--	0.0055
Plastik asas dan getah sintetik	520.7	1.2	514.6	50.5	1.2	49.9	0.0224	-0.4	0.0225
Produk Plastik	39.5	1.3	39.0	17.9	0.6	17.8	0.0969	-1.5	0.0984
Beg Plastik dan filem	67.0	1.1	66.3	19.7	1.0	19.5	0.0581	-2.2	0.0594
Komponen Plastik *injection-moulded*	28.8	4.7	27.5	17.0	1.2	16.8	0.1202	-4.0	0.1252
Produk Plastik *blow-moulded*	62.4	0.5	62.1	18.6	-3.1	19.2	0.1020	0.3	0.1017
Produk Plastik *extruded*	41.2	-5.9	43.8	25.1	2.9	24.4	0.0961	7.9	0.0891
Produk Plastik *foam*	47.0	14.1	41.2	17.6	10.7	15.9	0.1216	-0.9	0.1227

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.32:
Pelaburan dalam Produk Petroleum, Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

	2008	Perubahan (%)	2007
Bil. projek diluluskan	**76**	**-29.6**	**108**
Jumlah Pelaburan (RM bilion)	**3.3**	**-30.3**	**14.9**
Domestik (RM bilion)	**1.9**	**-78.8**	**9.0**
Asing (RM bilion)	**1.4**	**-76.3**	**5.9**

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Carta 4.8:
Pelaburan dalam Produk Petroleum, Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsegmen produk petroleum memperolehi kelulusan 16 projek bernilai RM2.7 bilion berbanding RM13.8 bilion pada 2007. Kelulusan projek-projek dijangka akan mewujudkan 487 peluang pekerjaan yang baru di dalam bidang kejuteraan kimia dan proses.

Subsegmen produk plastik mencatatkan 60 projek dengan pelaburan sebanyak RM653.8 juta yang diluluskan pada 2008, di mana 37 adalah projek baru manakala 23 adalah untuk pembesaran/pelbagaian. Daripada jumlah keseluruhan projek yang diluluskan, 28 projek adalah daripada milik warganegara Malaysia. Pelaburan asing sebanyak RM211.4 juta atau 52 peratus manakala pelaburan domestik bernilai RM424.4 juta.

Eksport

Eksport produk petroleum termasuk produk petrokimia dan plastik mencatat kenaikan sebanyak 37 peratus iaitu RM96.1 billion pada 2008, berbanding RM70.1 bilion pada 2007. Kenaikan tersebut adalah disebabkan oleh harga minyak mentah yang tinggi, sehingga mencecah AS$145 setong pada Julai 2008.

Eksport bagi petroleum dan produk berkaitan petroleum, termasuk gas asli

cecair (LNG) dan produk petroleum ditapis meningkat sebanyak 47.1 peratus kepada RM76.8 bilion pada 2008 berbanding RM52.2 bilion pada 2007. Eksport produk petroleum ditapis pula direkodkan meningkat 39.3 peratus kepada RM32.2 bilion pada 2008 daripada RM23.2 bilion pada 2007. Destinasi utama eksport petroleum dan produk berkaitan petroleum ialah Jepun bernilai RM32 bilion, diikuti Singapura (RM16.5 bilion) dan Republik Korea (RM10.7 bilion).

Eksport bagi produk plastik bentuk asal (resin sintetik) meliputi *polymer of ethlylene*, *polymer of styrene*, *polyacetals* dan *polycarbonates*, *waste*, *parings* dan *scraps* mencatatkan peningkatan sebanyak 4.6 peratus, bernilai RM9,951.7 juta dengan 24.5 peratus daripada jumlah eksport sub-sektor petroleum dan produk berkaitan keluaran petroleum. Pasaran eksport utama adalah negara Republik Rakyat China dengan nilai eksport sebanyak RM1.9 bilion, diikuti oleh Hong Kong SAR (RM1.4 bilion) dan Indonesia (RM978 juta).

Eksport produk plastik meningkat sebanyak 11.5 peratus kepada RM9.3 bilion pada 2008 berbanding RM8.4 bilion pada 2007. Eksport terdiri terutamanya dari beg plastik, botol dan *containers*, filem dan *sheets*. Destinasi utama eksport adalah Singapura dengan nilai sebanyak RM1.8 bilion, Jepun (RM1.4 bilion), United Kingdom (RM728. juta) dan Amerika Syarikat (RM562 juta).

Import

Import petroleum termasuk produk petrokimia dan plastik meningkat sebanyak 9.3 peratus daripada RM40.4 bilion pada 2007 kepada RM43.9 bilion pada 2008. Pada masa ini, Malaysia adalah pengimport bagi keluaran petrokimia. Keluaran petrokimia yang diimport digunakan sebagai bahan mentah bagi pengeluaran pelbagai jenis produk oleh kebanyakan yang kemudiannya dieksport semula sebagai *intermediate* atau produk pengguna.

Import petroleum dan produk berkaitan petroleum meningkat sebanyak 18.8 peratus kepada RM28 bilion pada 2008 berbanding RM23.6 bilion pada 2007. Sumber utama import adalah dari Singapura dengan nilai import RM21 bilion atau 72.6 peratus daripada jumlah import, dikuti Arab Saudi (RM1.35 bilion), India (RM794 juta) dan Indonesia (RM771 juta).

Jadual 4.33:
Eksport Produk Petroleum Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**96,106.8**	**37.0**	**70,138.7**
Petroleum dan produk berkaitan petroleum	76,813.3	47.1	52,246.4
Produk petroleum	3,867.3	33.6	2,895.2
LNG	40,731.9	55.8	26,157.3
Produk petroleum ditapis	32,214.1	39.3	23,139.9
Resin sintetik	9,951.7	4.6	9,511.8
Produk plastik	9,341.8	11.5	8,380.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Carta 4.9:
Eksport Produk Petroleum Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.34:
Import Produk Petroleum Termasuk Petrokimia dan Produk Plastik

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**43,972.2**	**9.3**	**40,216.7**
Petroleum dan produk berkaitan petroleum	27,970.1	18.8	23,553.3
Produk petroleum	2,142.9	51.0	1,419.6
LNG	neg.	neg.	neg.
Produk petroleum ditapis	25,827.8	16.7	22,133.3
Resin sintetik	10,404.4	-2.4	10,664.5
Produk plastik	5,597.7	-6.7	5,998.9

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Nota: neg - nilai terlalu kecil

Import produk bahan plastik asas (*synthetic resin*) berjumlah RM10.4 bilion pada 2008, mencatatkan penurunan 2.4 peratus daripada RM10.7 bilion pada 2007. Sumber utama import Malaysia ialah dari Singapura dengan nilai import RM2.8 bilion, diikuti oleh Jepun (RM1.8 bilion) dan Thailand (RM862 juta).

Carta 4.10:
Import Subsektor Produk Petroleum termasuk Petrokimia dan produk plastik



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Import bagi produk plastik berjumlah RM5.6 bilion pada 2008 berbanding RM6 bilion pada 2007, penurunan sebanyak 6.7 peratus. Sumber utama import adalah dari Jepun, dengan nilai import RM1.2 bilion, diikuti Republik Rakyat China (857 juta) dan Singapura (RM796 juta). Barangan utama yang diimport adalah *containers of plastic*, *articles of plastic* dan *plates*, *sheets* dan *foils*.

Perkembangan

Industri petroleum dan petrokimia meliputi gas asli, produk petroleum dan petrokimia. Perkembangan bagi sektor ini selaras dengan teras strategik Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang merangkumi penyediaan bahan mentah (*feedstock*) yang mencukupi pada harga yang kompetitif, memperkembangkan dan meningkatkan nilai tambah serta memperluaskan kepelbagaian produk, penerokaan bidang perkhidmatan berkaitan perkilangan, dan penambahbaikan rantaian industri hiliran.

Tiga projek baru yang diluluskan untuk industri plastik pada 2008 termasuk:

- Pengeluaran *silane monomers*, *silicone polymers* dan *derivatif* di Selangor;
- Aktiviti campuran bagi menghasilkan kerosin, gasolin, disel dan petrol menggunakan kemudahan ladang tangki di Tanjung Langsat, Johor; dan
- Perkembangan dan pengeluaran *cyclo-aliphatic epoxy resins* di Johor. Bahan ini digunakan terutamanya untuk pengeluaran *solvent-based coatings* bagi kegunaan luaran dan kalis cuaca. Contoh : penyahhaba barangan elektrik.

Dua projek perluasan yang diluluskan untuk industri plastik pada 2008 termasuk:

- Pengeluaran *acrylonitrile butadiene rubber latex* dan *styrene butadiene rubber latex*; dan
- Pembesaran kapasiti *ethylene*. Bahan ini digunakan sebagai *feedstock* bagi menghasilkan *polyethylene resins*, *polyvinyl chloride resins* dan *styrene monomers*.

Pada 2008, Malaysia melancarkan Kelompok Industri Plastik Bersepadu pertama di Kertih, Terengganu, salah

satu daripada projek utama di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Kelompok ini akan merancakkan pembangunan hab bagi menyokong aktiviti pengeluaran plastik dan produk-produk berkaitan meliputi sektor penyediaan perkhidmatan. Ianya ditempatkan di atas tapak seluas 140 hektar dan akan mempromosi pelaburan di peringkat hiliran dan menghubungkan kerjasama dengan Kompleks Bersepadu Petrokimia Kertih (KIPC) yang berhampiran.

Projek utama yang diluluskan pada 2008 termasuk:

- projek pembesaran pengeluaran komponen plastik *injection mouded* dan rantaian pengeluaran berkaitan untuk industri E&E di Nilai, Negeri Sembilan dan Kulim, Kedah;
- projek kepelbagaian pengeluaran beg plastik, filem-filem dan *polymeric calcium carbonate master batches*, yang digunakan dalam formulasi bahan mentah pelbagaiguna, contoh : *fillers*;
- Projek baru mengeluarkan panel seksyen *fibreglass reinforced polyester* (FRP). Lebih kurang 60 peratus daripada pengeluaran akan dieksport ke Asia Tengah, Afrika Selatan dan Eropah; dan
- Projek usahasama pengeluaran *plasticised polyvinylchloride* (UPVC) *roofing sheets*. *UPVC roofing sheets* mempunyai ciri-ciri seperti *light stabiliser*, *ultra-violet* (UV) *absorbers* dan *excellent thermal insulation*.

Sub-sektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor ini merangkumi pengeluaran kimia industri asas, gas industri, baja, racun serangga dan lain-lain produk agrokimia, cat, varnis, penyediaan bahan cucian dan pengilatan, persediaan wangian dan dandanan serta produk kimia lain.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran untuk subsektor ini meningkat 0.8 peratus kepada 163.9 pada 2008 daripada 162.7 pada 2007. Pengeluaran racun perosak dan kumpulan agrokimia mencatatkan peningkatan sebanyak 6.5 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor permintaan yang tinggi bagi racun perosak daripada sektor perladangan dan pertanian. Namun begitu, gas perindustrian, baja

Jadual 4.35:
Indeks Pengeluaran bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor/segmen	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah	**102.7**	**-3.8**	**106.7**
Kimia Industri Asas	**104.1**	**2.3**	**101.7**
Gas Perindustrian	92.3	-0.1	92.4
Kimia industri asas lain	112.9	3.9	108.7
Produk Kimia Lain	**98.9**	**-17.4**	**119.8**
Cat, varnis dan produk seumpamanya	94.3	-30.2	135.1
Baja dan sebatian nitrogen	102.6	-4.5	107.4
Sabun, bahan cucian dan dandanan	145.7	11.7	130.4
Racun Serangga dan produk agrokimia lain	137.1	0.6	136.3

Sumber :Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Asas 2000 = 100

Carta 4.11:
Indeks Pengeluaran Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

dan sebatian nitrogen, cat dan varnis serta produk berkaitan mencatatkan penurunan. Gas perindustrian merekodkan penurunan sebanyak 4.9 peratus, daripada 147.4 pada 2007 kepada 140.5 pada 2008. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan permintaan gas industri daripada aktiviti perkilangan seperti pemprosesan makanan, pengeluaran besi dan keluli, pemprosesan kimia serta sistem rawatan

Carta 4.12:
Jualan Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

air dan kumbahan. Indeks pengeluaran baja dan sebatian nitrogen menurun sebanyak 9.7 peratus pada 2008. Indeks pengeluaran bagi cat, varnis dan produk-produk seumpamanya menurun sebanyak 10.6 peratus pada 2008 disebabkan kekurangan permintaan daripada industri pembinaan dan industri yang berkaitan.

Jualan

Nilai jualan bagi subsektor kimia industri asas dan produk kimia meningkat sebanyak 11.8 peratus kepada RM42.8 bilion pada 2008 berbanding RM37.7 bilion pada 2007. Produk yang mencatatkan pertumbuhan dua digit dalam nilai jualan adalah sabun,

Jadual 4.36:
Jualan Bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**42,678.5**	**11.9**	**38,155.4**
Kimia Industri Asas	**30,546.7**	**9.9**	**27,793.1**
Gas Perindustrian	4,543.4	6.5	4,266.7
Kimia Industri Asas Lain	26,003.3	10.5	23,526.5
Produk Kimia Lain	**12,131.8**	**17.1**	**10,362.3**
Baja dan sebatian nitorgen	3,502.3	42.8	2,452.8
Cat, varnis dan produk seumpanya	2,217.5	2.0	2,175.0
Sabun, bahan cucian dan dandanan	2,016.2	36.7	1,474.9
Racun Serangga dan produk agrokimia lain	843.2	41.8	594.5

Sumber :Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.13:
Guna Tenaga dalam Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.37:
Guna Tenaga bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Sub-sektor/Segmen	2008 (pekerja)	2007 (pekerja)	perubahan (%)
Jumlah	**28,635**	**28,771**	**-0.5**
Kimia Industri Asas	**12,230**	**11,946**	**2.4**
Gas Perindustrian	2,223	2,052	8.3
Kimia Industri Asas Lain	10,007	9,894	1.1
Produk Kimia Lain	**16,405**	**16,825**	**-2.5**
Cat, varnis dan produk seumpamanya	4,506	4,870	-7.5
Sabun, bahan cucian dan dandanan	3,643	3,685	-1.1
Baja dan sebatian nitrogen	1,897	1,935	-2.0
Racun Serangga dan produk agrokimia lain	1,462	1,482	-1.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.14:
Pelaburan bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

bahan cucian dan dandanan (31.1 peratus), racun perosak dan produk agrokimia lain (29.6 peratus), serta baja dan sebatian nitrogen (31.1 peratus).

Guna Tenaga

Guna tenaga subsektor ini mengucup 0.5 peratus kepada 28,635 pekerja pada 2008 daripada 28,771 pada 2007. Guna tenaga bagi segmen gas, perindustrian dan produk kimia industri asas lain masing-masing mencatatkan peningkatan masing-masing 8.3 peratus dan 1.1 peratus. Permintaan tenaga kerja bagi dalam segmen cat, varnish dan produk seumpamanya mencatatkan penurunan sebanyak 7.5 peratus berikutan penurunan jumlah pelaburan dalam industri pembinaan dan industri yang berkaitan.

Produktiviti

Produktiviti bagi produk asas kimia dan produk-produk kimia seumpamanya mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 16 peratus kepada RM337,100 pada 2008. Kesemua subsektor kecuali sektor gas perindustrian, mencatatkan pertumbuhan produktiviti dalam lingkungan 5.5 hingga 42.6 peratus. Prestasi produktiviti yang tinggi dalam segmen ini adalah didorong oleh permintaan yang tinggi daripada pasaran domestik dan antarabangsa, seperti yang ditunjukkan dalam peningkatan eksport, terutamanya bagi racun serangga dan produk agrokimia lain, baja dan produk sebatian nitrogen. Subsektor ini menunjukkan unit kos buruh yang kompetitif dengan penurunan sebanyak 3.9 peratus. Subsegmen bagi sabun, bahan pencuci dan dandanan mampu mempertahankan kos buruh yang kompetitif melalui pengeluaran pukal.

Jadual 4.38:
Petunjuk Produktiviti bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Subsektor/ Segmen	Nilai Ditambah Setiap Pekerja (RM'000)			Kos Buruh Setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Kimia Asas dan produk Kimia Lain	**337.1**	**16.0**	**290.7**	**50.6**	**6.3**	**47.6**	**0.0347**	**-3.9**	**0.0361**
Kimia Industri Asas	**557.9**	**18.7**	**470.2**	**68.8**	**10.7**	**62.1**	**0.0266**	**-3.3**	**0.0275**
Gas Perindustrian	1,018.2	-3.4	1,054.0	71.3	-6.6	76.3	0.0383	0.3	0.0382
Kimia industri asas lain	456.5	33.4	342.3	68.2	15.6	59.0	0.0249	-2.5	0.0255
Produk Kimia Lain	**177.2**	**11.1**	**159.5**	**37.5**	**1.2**	**37.0**	**0.0580**	**-0.6**	**0.0584**
Baja dan sebatian nitrogen	326.2	42.1	229.6	62.1	11.3	55.7	0.0386	-11.7	0.0437
Racun serangga dan produk agrokimia lain	104.7	42.6	73.5	27.8	17.4	23.7	0.0542	-9.6	0.0600
Cat, varnis dan produk	127.1	5.5	120.4	36.3	1.1	36.0	0.0781	-2.0	0.0797
Sabun, bahan cucian dan dandanan	128.6	18.1	108.9	38.4	2.9	37.3	0.0906	-5.0	0.0954

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pelaburan

Sebanyak 48 projek bernilai RM1.9 bilion diluluskan pada 2008 berbanding 26 projek bernilai RM1.1 bilion pada 2007. Jumlah pelaburan domestik dicatatkan berjumlah RM851.3 juta manakala pelaburan asing bernilai RM1.1 bilion. Sumber pelaburan utama adalah dari India, Singapura dan Amerika Syarikat.

Daripada jumlah projek yang diluluskan, 22 adalah projek baru bernilai RM916.2 juta, manakala 26 adalah merupakan projek perluasan dan kepelbagaian bernilai RM1 bilion. Peningkatan ini disebabkan oleh pelaburan dalam pengilangan baja dan gas perindustrian. Sebanyak 11 projek pengeluaran baja dan racun serangga, 14 projek bagi pengeluaran gas perindustrian seperti oksigen, nitrogen, argon dan karbon dioksida dan acetylene (RM414.7 juta) dan sembilan projek bagi pengilangan produk kimia (RM843 juta) diluluskan.

Eksport

Eksport sub-sektor kimia industri asas dan produk kimia meningkat 30.2 peratus kepada RM30 bilion pada 2008 berbanding RM23 bilion pada 2007. Destinasi utama eksport bagi subsektor ini adalah Republik Rakyat China dengan nilai eksport sebanyak RM5.32 bilion,

Jadual 4.39:
Pelaburan bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

	2008	Perubahan (%)	2007
Bil. Projek Diluluskan	**48**	**84.6**	**26**
Jumlah Pelaburan (RM bilion)	**1.9**	**73.3**	**1.1**
Domestik (RM bilion)	851.3	44.6	588.7
Asing (RM bilion)	1,048.7	106.6	507.5

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Carta 4.15:
Eksport bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Indonesia (RM3.8 bilion), Thailand (RM3.5 bilion), Singapura (RM3.4 bilion) dan Jepun (RM2.6 bilion).

Tahun 2008, pertumbuhan dua digit bagi eksport dicatatkan bagi kimia organik yang mana berkembang sebanyak 38.4 peratus dengan nilai RM16.5 bilion. Kategori utama lain yang mencatatkan pertumbuhan dua digit adalah produk sabun, penyediaan bahan pencuci dan dandanan yang berkembang sebanyak 28.7 peratus (RM3,018.7 juta), baja sebanyak 65.3 peratus (RM2,070.4 juta) dan kimia bukan organik sebanyak 40.9 peratus (RM1,799 juta).

Jadual 4.40:
Eksport bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**30.0**	**13.0**	**23.0**
Kimia Organik	16.5	7.0	11.9
Bahan dan produk kimia	5.3	6.9	5.0
Sabun, bahan cucian dan dandanan	3.0	28.7	2.3
Bahan pencelupan dan pewarnaan	1.4	2.5	1.3
Kimia bukan organik	1.8	41.0	1.3
Baja	2.1	65.3	1.3

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Carta 4.16:
Import bagi Segmen Kimia Industri Asas dan Produk Kimia



Import

Import bagi produk kimia dan kimia industri asas meningkat 18.2 peratus kepada RM30.1 bilion pada 2008 daripada RM25.4 bilion pada 2007. Import meliputi produk baja dengan jumlah RM6.8 bilion, peningkatan sebanyak 111.1 peratus, manakala import bagi sabun, bahan pencuci dan dandanan mencatatkan peningkatan sebanyak 24.6 peratus dengan nilai RM3.3 bilion. Sumber import utama ialah dari Singapura, dengan nilai import sebanyak RM5.5 bilion, Republik Rakyat China (RM4.7 bilion), Jepun (RM4.4 bilion), Amerika Syarikat (RM3.8 bilion) dan Thailand (RM3 bilion).

Perkembangan

Pada 2008, industri kimia terus mengambil langkah untuk membuat persediaan bagi mematuhi peraturan baru yang diwujudkan sebagai pertimbangan ke atas kesihatan manusia dan persekitaran. Antara perkembangan penting adalah:

- *Globally Harmonised System* (GHS) bagi pengelasan dan pelabelan bahan kimia:
  - Draf Peraturan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan (Klasifikasi Kimia, Label dan Kertas Data Keselamatan) telah siap disediakan;
  - Standard Malaysia berkenaan GHS, berpandukan Purple Book 2007, diterima pakai oleh Jawatankuasa Standard Malaysia;
  - Senarai Bahan Kimia Merbahaya yang diklasifikasikan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH);
  - Penterjemahan *Purple Book* ke dalam Bahasa Malaysia telah siap;
  - Lembaga Racun Makhluk Perosak (PB) sedang menunggu Garis Panduan FAO yang baru sebelum membuat pindaan kepada Peraturan Racun Makhluk Perosak (Pelabelan)1984, bagi memasukkan elemen GHS;
  - Kementerian Pengangkutan sedang menyediakan draf peraturan baru bagi pengangkutan barangan berbahaya dan petroleum (darat dan rel) berpandukan GHS;
  - Untuk aspek pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang menyediakan Analisa Situasi dan Jurang (SGA) serta Ujian Komprehensif (CT) berpandukan GHS;

Tahun 2008, *Malaysia Monitoring Authority* (MMA) di bawah Standards Malaysia

Jadual 4.41:
Import bagi Subsektor Kimia Industri Asas dan Produk Kimia

Produk	2008 (RM bilion)	Perubahan (%)	2007 (RM bilion)
Jumlah	**30.1**	**18.2**	**25.4**
Kimia Organik	9.8	-1.7	10.0
Bahan dan produk kimia	4.4	-4.9	4.7
Kimia bukan organik	3.6	13.0	3.2
Baja	6.8	111.1	3.2
Sabun, bahan cucian dan dandanan	3.3	24.6	2.6
Bahan pencelupan dan pewarnaan	2.1	20.7	1.7

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

telah diterima sebagai ahli provisional kepada Organisation of Economic Cooperation (OECD) berkaitan Mutual Acceptance of Data (MAD) dalam menilai bahan kimia daripada negara bukan OECD;

- Bagi mematuhi Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, Malaysia masih meneruskan pengumpulan data bagi tujuan penyediaan laporan tahunan kepada Organisation for the Prohibition of Chemical Weapons (OPCW). Sebanyak tiga pemeriksaan melibatkan kilang oleokimia telah dijalankan oleh ajensi pemeriksaan antarabangsa;

- Bagi membantu pengeksport Malaysia mematuhi peraturan baru Registration, Evaluation, Authorisation of Chemicals (REACH) oleh negara Eropah, satu Jawatakuasa Pemandu Kebangsaan yang terdiri dari sektor awam dan swasta berkenaan REACH diwujudkan, diketuai oleh MITI dengan penglibatan Chemical Industries Council of Malaysia (CICM) dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan telah ditubuhkan untuk menggariskan aktiviti-aktiviti dan program bagi membangkitkan kesedaran mengenai REACH. Antara aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuk:

- Mempamerkan pengumuman penting mengenai peraturan pra pendaftaran semua pengeksport Malaysia ke negara Eropah untuk perhatian melalui laman Web MITI, MIDA, MATRADE dan SMIDEC;

  - Pengumuman awam melalui akhbar New Straits Times pada 9 Jun 2008 berkenaan pematuhan peraturan REACH bertajuk '*Industry's Compliance to REACH. New Europe Union Chemical Regulation 'No registration, No Market*';

  - Menganjurkan siri bengkel dan seminar bagi memberi panduan spesifik berkaitan REACH kepada industri produk kimia dan produk berkaitan kimia. Selain itu juga menganjurkan forum bagi industri kimia mendapatkan pandangan dan komen mengenai hala tuju pelaksanaan REACH di Malaysia. Tarikh dan tempat forum adalah seperti berikut:

    - 19 Jun 2008 (Dewan MIDA, Kuala Lumpur)

    - 2 Julai 2008 (Dewan MPC, Pulau Pinang)

    - 9 Julai 2008 (Dewan MPC, Johor Bharu)

  - Menubuhkan National Helpdesk berkaitan REACH (Non EU) di CICM.

Sebanyak 48 projek diluluskan pada 2008, antaranya:

- 14 projek bagi pengeluaran gas perindustrian seperti oksigen, nitrogen, argon, karbon dioksida dan acetylene;

- sembilan projek pengilangan produk kimia lain seperti *graphite electrode, telluride dioxide, cadmium metal, cadmium telluride, selenium, selenium dioxide, bismuth metal, aluminium chlorohydrate* (ACH) dan *polyaluminium chloride* (PAC) *copper sulphate*;

- 11 projek bagi pengilangan baja dan racun serangga;

- empat projek bagi pengilangan produk kimia industri asas seperti *liquid chlorine, sodium hydroxide, sodium hypochlorite, hydrochloric acid* dan *calcium carbonate*;

- empat projek pengilangan kayu dan *industrial coatings, decorative* dan *protective paints*, cat automotif, *lacquer* dan *thinners*, *powder coatings* dan *toners*; dan

- enam projek pengilangan produk penjagaan diri dan bahan penyediaan pencuci dan kosmetik;

Antara projek utama yang diluluskan pada 2008 adalah:

- projek perluasan kilang pengeluaran *graphite electrode* dan seterusnya diintegrasi sepenuhnya menjadi hub karbon dan *graphite*;

- tiga projek baru bagi pengilangan oksigen, nitrogen dan argon di Melaka, Pulau Pinang dan Selangor. Produk tersebut dibekalkan kepada kilang penapisan petroleum, pengeluar sel sola dan industri semikonduktor serta industri umum yang lain; dan

- projek perluasan di Telok Kalong, Terengganu bagi pengeluaran *liquid chlorine, sodium hydroxide, sodium hypochlorite* dan asid hidroklorik; dan

- satu projek baru oleh syarikat tempatan untuk mengilang baja sebatian NPK di Lahad Datu, Sabah.

INDUSTRI FARMASEUTIKAL

Industri farmaseutikal didominasi oleh perusahaan kecil dan sederhana (IKS) yang terlibat dalam pengeluaran pelbagai produk termasuk pengeluaran ubatan perskripsi, ubatan bukan preskripsi, persediaan herba dan kesihatan/makanan tambahan termasuk ubatan tradisional.

Industri ini merupakan sektor penting bagi industri penjagaan kesihatan di Malaysia. Terdapat peningkatan tren bagi permintaan produk farmaseutikal di pasaran tempatan selaras dengan peningkatan kesedaran gaya hidup yang sihat dan lanjutan usia populasi di Malaysia.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran industri farmaseutikal berkembang sebanyak 24.3 peratus kepada 306.6 pada 2008, daripada 246.6 pada 2007. Ini disebabkan oleh pengeluaran tempatan ubat generik, kesihatan dan makan tambahan yang meningkat.

Jualan

Nilai jualan produk farmaseutikal meningkat 11 peratus kepada RM1.4 bilion pada 2008, daripada RM1.2 bilion pada 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh permintaan tinggi dari pasaran tempatan hasil dari peningkatan dalam kesedaran kesihatan dan populasi berusia.

Guna Tenaga

Pada 2008, guna tenaga dalam industri farmaseutikal merosot 15.2 peratus kepada 6,072 pekerja daripada 7,164 pada 2007. Industri ini adalah intensif teknologi dan penyelidikan, memerlukan kemahiran profesional yang tinggi, seperti ahli farmasi, ahli kimia, ahli bioteknologi, ahli mikrobiologi, ahli biologi dan jurutera kimia terutamanya pada peringkat pengawasan semasa pengeluaran, jaminan kualiti serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Produktiviti

Produktiviti industri farmaseutikal berkembang sebanyak 11.6 peratus pada 2008. Prestasi ini adalah disebabkan oleh aktiviti R&D dan inovasi yang intensif, ditambah dengan peningkatan kemahiran bagi menyokong pertumbuhan pesat dalam produk penjagaan kesihatan dalam Unit Kos Buruh. Industri ini mampu mengekalkan daya saing kos buruhnya sepertimana yang ditunjukkan oleh penurunan 2 peratus dalam Unit Kos Buruh.

Pelaburan

Pada 2008, pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM38.1 juta, berbanding RM98.3 juta pada 2007. Semua projek ini adalah dimilik penuh oleh warganegara Malaysia sebanyak tiga projek diluluskan pada 2008 berbanding 10 projek pada 2007. Projek-projek yang diluluskan

adalah untuk pengeluaran bahan bioaktif, makanan tambahan dan formulasi produk farmaseutikal dalam bentuk tablet dan kapsul.

Eksport

Eksport produk farmaseutikal menurun 16.4 peratus kepada RM567 juta pada 2008 berbanding RM678 juta pada tahun sebelumnya. Eksport bagi ubatan merangkumi 66 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Eksport ke negara ASEAN merangkumi 60 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport produk farmaseutikal. Destinasi eksport utama yang lain adalah Hong Kong SAR (RM36.9 juta), Nigeria (RM18.3 juta) dan Jerman (RM17.3 juta).

Import

Import produk farmaseutikal merekodkan peningkatan sebanyak 4.8 peratus dengan nilai RM3.1 bilion bagi 2008 berbanding RM3 bilion pada 2007. Import bagi produk farmaseutikal meliputi 60 peratus daripada pasaran tempatan. Sumber utama import adalah Australia sebanyak 10 peratus dari jumlah importnya, Jerman (RM287 juta), Perancis (RM275) dan Republik Rakyat China (RM271 juta).

Jenis ubatan utama yang diimport adalah merupakan ubatan kegunaan harian, seperti ubatan mengurangkan kolesterol dan ubat tekanan darah tinggi serta ubat-ubat baru antibiotik, kardiovaskular dan onkologi. Kebanyakkan produk yang

Jadual 4.42:
Indeks Pengeluaran bagi Industri Farmaseutikal

Industri	2008	Perubahan (%)	2007
Farmaseutikal, ubatan dan produk kimia dan botanikal	**127.4**	**16.3**	**109.5**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.43:
Jualan bagi Industri Farmaseutikal

Industri	2008 (RM bilion)	Perubahan (%)	2007 (RM bilion)
Farmaseutikal	**1.4**	**17.6**	**1.2**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.44:
Guna Tenaga bagi Industri Farmaseutikal

Industri	2008 (pekerja)	Perubahan (%)	2007 (pekerja)
Farmaseutikal	**6,072**	**-15.2**	**7,164**

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

diimport adalah berjenama dan berpaten yang tidak dikeluarkan di negara ini.

Perkembangan

Pada Disember 2008, sejumlah 245 syarikat farmaseutikal dilesenkan di bawah Biro Farmaseutikal Kebangsaan, Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah ini, 175 syarikat mengeluarkan ubatan tradisional manakala 69 syarikat lain adalah pengeluar ubat moden.

Pengilang sub-sektor ubatan moden telah mempelbagaikan keluaran produk generik mereka berikutan terdapat banyak penamatan paten ubat-ubatan. Walau bagaimanapun, pengeluaran ubatan yang dipaten masih terhad dan lebih merupakan pengilangan kontrak oleh beberapa syarikat tempatan.

Melalui kemasukan tiga syarikat utama dari India iaitu Aurigene, Malladi dan Genzant Research, industri ini beransur-ansur bergerak ke arah aktiviti penemuan/ pendedahan baru ubatan. Dalam sub-sektor ubatan tradisional pula, produk-produk herba terutamanya ubatan herba tradisional dan herba tambahan merupakan keluaran utama industri ini.

Jadual 4.45:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Farmaseutikal

Industri	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Kos Unit Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Farmaseutikal	**90.1**	**11.6**	**80.7**	**23.3**	**6.5**	**21.9**	**0.1241**	**-2.0**	**0.1266**

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Dijana daripada Kajian Perkilangan Bulanan dan Kajian Perindustrian Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.46:
Pelaburan Bagi Industri Farmaseutikal

	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah Projek yang Diluluskan	**3**	**-70**	**10**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**38.1**	**-61.2**	**98.3**
Domestik (RM juta)	38.1	-57.1	88.8
Asing (RM juta)	-	-	9.5

Sumber : Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.47:
Eksport bagi Produk Farmaseutikal

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**567.1**	**-16.4**	**678.0**
Medicaments	375.6	-16.7	451.2
Ubatan dan produk farmaseutikal dan ubat-ubat lain	191.5	-15.6	226.8

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.48:
Import bagi Produk Farmaseutikal

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**3,105.4**	**4.8**	**2,964.5**
Medicaments	2,421.4	5.0	2,305.9
Ubatan dan produk farmaseutikal dan ubat-ubat lain	684.0	3.9	658.6

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Pada 2008, pengilang produk farmaseutikal Malaysia meneruskan aktiviti pengembangan dan menaiktaraf fasiliti sediada bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan dan luar bagi ubatan generik dan OTC, ubatan makanan tambahan, terapi pakar dan perubatan pelancongan.

The Malaysian Institute of Pharmaceuticals & Nutraceuticals (IPRAM) di Pulau Pinang meneruskan sokongan ke atas aktiviti institusi penyelidikan dan membolehkan hasil penemuan baru dapat dikomersilkan. Bidang utama yang dikenalpasti oleh IPRAM termasuk *bioactive compound* dan penyelidikan *pharmacological*, pengenalpastian dan pembangunan *bioactive compound* dengan *nutraceuticals* dan farmaseutikal yang berkualiti, pembangunan rapid diagnostic kits untuk penyakit tropika dan pembangunan sistem penyampaian ubat yang tercanggih.

Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pelbagai aktiviti penyelidikan klinikal berkembang di Malaysia. Pada 2008, sebanyak 17 Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) telah ditubuhkan di hospital dan klinik Kerajaan seluruh negara bagi membenarkan ujian makmal dijalankan. Ini adalah selaras dengan usaha Malaysia untuk menjadikan negara ini sebagai hab serantau ujian klinikal.

INDUSTRI LOGAM

Industri logam di Malaysia berperanan penting dalam pembangunan sektor pembinaan dan pembuatan. Ianya terbahagi kepada dua sub-sektor utama iaitu logam ferus dan logam bukan ferus.

Logam ferus kebiasaannya merujuk kepada sektor besi dan keluli, menyediakan bahan-bahan mentah dan bahan-bahan perantaraan kepada lain-lain sektor seperti pertanian, pembinaan, jentera dan kejuruteraan awam. Sub-sektor logam bukan ferus pula terdiri daripada bahan seperti aluminium, tembaga dan zink yang digunakan dalam industri pembinaan, eletrikal dan elektronik, automotif serta industri makanan dan pembungkusan.

Sub-sektor produk fabrikasi logam (kecuali jentera dan kelengkapan) seperti produk berstruktur logam, tangki, kelengkapan dan peralatan rumah pula merupakan produk siap yang dihasilkan daripada logam ferus dan logam bukan ferus.

Sub-sektor Logam Ferus (Besi dan Keluli)

Pada masa kini, proses pengeluaran besi dan keluli merangkumi proses peleburan melalui relau bagas atau dapur meleburkan bijih besi yang menggunakan bahan mentah asas seperti besi lusuh, *direct reduced iron* (DRI) dan *hot briquetted iron* (HBI) sehingga kepada proses pengeluaran produk besi dan keluli ke dalam bentuk separa-siap seperti jongkong, *bilet*, *slab* dan bar.

Struktur sub-sektor besi dan keluli dibahagikan kepada dua kategori produk

utama iaitu produk panjang dan produk kepingan:

- produk kepingan, seperti *hot rolled coils* (HRC), *cold rolled coils* (CRC), paip dan tiub serta keluli gelung bersadur. Produk kepingan digunakan terutamanya sebagai bahan mentah perantara dalam industri hiliran seperti E&E, perabot, petroleum dan gas, mesin dan kelengkapan dan peralatan dan komponen automotif serta dalam pembuatan fabrikasi produk; dan

- produk besi panjang, seperti bilet, bar, dawai dan section, digunakan terutamanya dalam industri pembinaan dan kejuruteraan awam.

Logam Bukan Ferus

Produk utama bagi sub-sektor logam bukan ferus adalah tembaga dan aluminium. Tembaga banyak digunakan dalam industri pendawaian eletrik, automotif, telekomunikasi serta elektrik dan elektronik. Manakala aluminium pula merupakan bahan utama bagi industri pembinaan, pembungkusan, barangan pengguna, mesin dan kejuruteraan.

Pengeluaran

Pengeluaran keseluruhan bagi sub-sektor besi dan keluli menurun sebanyak 19.7 peratus kepada 11.1 juta metrik tan (MT) pada 2008 berbanding 13.8 juta MT pada 2007. Penurunan dalam pengeluaran keseluruhan adalah disebabkan oleh kemerosotan permintaan tempatan dan eksport bagi produk seperti HRC, *plates*, *bilet*, produk wayar dan *sections*.

Pengeluaran produk besi kepingan mencatat peningkatan berbanding produk besi panjang. Pada 2008, pengeluaran produk besi kepingan meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 3.2 juta tan, berbanding pengeluaran produk besi panjang mengalami kemerosotan sebanyak 3.1 peratus kepada 7.9 juta tan. Pengeluaran HRC merosot sebanyak 5.1 peratus kepada 1.8 juta tan manakala besi keluli bersadur pula meningkat sebanyak 40.6 peratus kepada 0.4 juta tan pada 2008.

Kapasiti terpasang bagi produk besi panjang (bilet, bar, dawai dan section) ialah sebanyak 12.4 juta MT manakala produk besi kepingan (HRC, CRC, plates dan gelung besi bersadur pula sebanyak 6.2 juta

Jadual 4.49:
Pengeluaran bagi Produk Besi dan Keluli Terpilih

Produk	Pengeluaran		
	2008 ('000 MT)	Perubahan (%)	2007 ('000 MT)
Jumlah	**11,074**	**- 1.9**	**11,283**
Produk panjang	**7,880**	**- 3.1**	**8,133**
Bilet	4,662	- 0.7	4,695
Bar Keluli	1,903	5.7	1,801
Wire rods	1,115	- 21.3	1,417
Sections	200	- 9.1	220
Produk Kepingan	**3,194**	**1.4**	**3,150**
HRC	1,826	- 5.1	1,925
CRC	744	0.5	740
Galvanised iron (GI)	421	68.4	250
Plates	203	- 13.6	235

Sumber : Malaysian Iron and Steel Industry Federation (MISIF)

MT. Penggunaan kapasiti bagi kedua-dua produk besi panjang dan kepingan adalah masing-masing 63.3 peratus dan 51.3 peratus. Pengeluaran produk besi panjang seperti bar pula mencatat peningkatan sebanyak 5.4 peratus kepada 1.9 juta tan manakala pengeluaran dawai pula merosot sebanyak 21.3 peratus kepada 1.1 juta tan.

Jualan

Industri logam mencatat jualan sebanyak RM49.8 bilion pada 2008, 17 peratus lebih tinggi berbanding pada 2007 iaitu RM42 bilion. Daripada jumlah tersebut, jualan bagi sub-sektor besi dan keluli meningkat sebanyak 22.9 peratus kepada RM28.4 bilion pada 2008 berbanding RM23.1 bilion pada 2007. Jualan logam bukan ferus meningkat sebanyak 13.3 peratus kepada RM7.6 bilion pada 2008, berbanding RM6.7 bilion pada 2007. Produk fabrikasi logam juga mencatat peningkatan jualan sebanyak 13.5 peratus kepada RM13.8 bilion pada 2008 berbanding RM12.2 bilion pada 2007.

Guna Tenaga

Jumlah guna tenaga dalam industri logam meningkat sebanyak 4.4 peratus kepada 81,892 pekerja pada 2008, daripada 78,409 pekerja pada 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh pelaksanaan beberapa projek baru dan pembesaran bagi projek dan operasi sedia ada.

Bagi sub-sektor besi dan keluli, jumlah guna tenaga meningkat sebanyak 11 peratus kepada 20,567 pekerja pada tahun 2008 berbanding 18,535 pekerja pada 2007, manakala bagi sub-sektor logam bukan ferus juga mencatat peningkatan sebanyak 13.4 peratus kepada 9,213 pekerja, berbanding 8,122 pekerja pada 2007. Industri fabrikasi logam turut mencatat peningkatan dalam guna tenaga sebanyak 0.7 peratus kepada 52,112 tenaga kerja berbanding 51,752 pekerja pada 2007.

Jadual 4.50:
Jualan bagi Industri Logam

Sub-sektor	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**49.8**	**18.7**	**42.0**
Logam Ferus (besi dan keluli)	28.4	22.9	23.1
Logam fabrikasi	13.8	13.5	12.2
Logam bukan ferus	7.6	13.3	6.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.51:
Guna Tenaga bagi Industri Logam

Sub-sektor	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah	**78,625**	**8.2**	**72,671**
Logam Ferus (besi dan keluli)	19,622	11.8	17,558
Logam fabrikasi	50,261	5.8	47,497
Logam bukan ferus	8,742	14.8	7,616

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti

Industri besi dan keluli mencatat peningkatan produktiviti sebanyak 8.6 peratus pada 2008. Pertumbuhan yang meningkat dalam produktiviti adalah disebabkan oleh penggunaan kapasiti yang tinggi kesan daripada peningkatan permintaan daripada sektor pembinaan di pasaran domestik dan antarabangsa.

Industri ini mampu menguruskan kos buruh secara berkesan melalui pengeluaran secara besar-besaran. Ini menyebabkan peningkatan dalam persaingan kos buruh dengan penurunan sebanyak 0.5 peratus bagi unit kos buruh.

Pelaburan

Pada 2008, sebanyak 53 projek telah diluluskan dalam industri logam dengan pelaburan berjumlah RM25.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, 31 adalah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM21 bilion, dan 22 projek pembesaran dan pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM4.8 bilion. Daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan, pelaburan asing bernilai RM20.5 bilion atau 79 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan tempatan bernilai RM5.3 bilion.

Bagi sub-sektor besi dan keluli, 36 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM11.9 bilion pada 2008, berbanding 37 projek dengan pelaburan bernilai RM12 bilion pada 2007. Pelaburan utama yang diluluskan adalah bagi projek pengeluaran produk besi kepingan seperti *stainless steel slabs* dan *galvanised steel coils*. Pelaburan asing berjumlah RM7.1 bilion, merupakan 60 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan tempatan bernilai RM4.8 bilion. Sumber pelaburan asing yang utama adalah Spain dengan pelaburan berjumlah RM4.2 bilion, diikuti oleh Jepun (RM2.3 bilion), Australia (RM237 juta), Jerman (RM137 juta) dan India (RM136 juta).

Sebanyak 17 projek telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM13.9 bilion bagi sub-sektor logam bukan ferus pada tahun 2008. Daripada jumlah tersebut, pelaburan asing berjumlah RM13.3 bilion atau 96.2 peratus daripada jumlah pelaburan bagi sektor ini. Pelaburan utama yang diluluskan adalah bagi pengeluaran u*nwrought aluminium*, *copper foil*, aluminium *billets* dan *extruded* dan *welded pipes*. Sumber pelaburan asing utama adalah Australia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM12.5 bilion, Jepun (RM716 juta), Taiwan (RM77 juta) dan Belanda (RM8 juta).

Eksport

Pada 2008, eksport bagi sub-sektor besi dan keluli mencatat penurunan sebanyak 0.6 peratus dengan nilai eksport sebanyak RM10.5 bilion atau 2.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport. Eksport bagi produk besi keluli menunjukkan peningkatan bagi suku ketiga tahun 2008. Kemerosotan dalam nilai eksport bermula pada suku keempat 2008 kesan daripada penurunan

Jadual 4.52:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Besi dan Keluli

Sub-sektor	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Besi dan keluli	245.4	8.6	226.1	30.4	2.8	29.5	0.0242	-0.5	0.0243

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Dijana daripada Kajian Perkilangan Bulanan dan Kajian Perindustrian Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.53:
Pelaburan bagi Segmen Besi dan Keluli

Perkara	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah projek yang diluluskan	**53**	**1.9**	**52**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**25,726.9**	**111.3**	**12,173.3**
Segmen besi dan keluli			
Bilangan projek diluluskan	36	- 2.7	37
Jumlah pelaburan (RM juta)	11,876.6	- 0.7	11,959.2
Domestik (RM juta)	4,751.7	- 33.4	7,136.9
Asing (RM juta)	7,124.9	47.7	4,822.4
Segmen logam bukan ferus			
Bilangan projek diluluskan	17	13.3	15
Jumlah pelaburan (RM juta)	13,850.3	6369.1	214.1
Domestik (RM juta)	530.4	1030.9	46.9
Asing (RM juta)	13,319.9	7866.4	167.2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

permintaan dan penggunaan produk besi dan keluli di pasaran antarabangsa. Eksport utama termasuk bilet dan bar besi berjumlah RM2.7 bilion, paip dan tiub (RM2.6 bilion), HRC dan CRC (RM2 bilion) dan dawai, *angles* dan *sections* (RM1.8 bilion).

Destinasi eksport utama adalah Singapura, dengan nilai eksport berjumlah RM1.5 bilion, Indonesia (RM1.1 bilion), Thailand (RM1 bilion), Australia (RM1 bilion) dan Viet Nam (RM1 bilion).

Eksport bagi logam bukan ferus pula berjumlah RM8.2 bilion pada 2008, berkurang sebanyak 0.6 peratus berbanding RM7.6 bilion pada 2007. Produk eksport utama adalah tembaga, berjumlah RM4.7 bilion, aluminium (RM2.5 bilion), zink (RM343 juta) dan timah (RM196 juta). Eksport bagi produk logam fabrikasi berjumlah RM11.4 bilion, meningkat sebanyak 20.8 peratus daripada RM9 bilion pada 2007. Destinasi eksport utama adalah Singapura, dengan nilai eksport sebanyak RM5.1 bilion, Jepun (RM1.5 bilion), Thailand (RM1.5 bilion) dan Republik Rakyat China (RM1.2 bilion).

Import

Import bagi produk besi dan keluli berjumlah RM28.7 bilion pada tahun 2008, mencatat peningkatan sebanyak 13.5 peratus berbanding dengan RM24.8 bilion pada 2007. Sub-sektor besi keluli mewakili 51 peratus daripada jumlah keseluruhan import oleh industri logam.

Antara produk utama yang diimport oleh sub-sektor besi dan keluli terdiri daripada tiub dan paip bernilai RM6.3 bilion, HRC dan CRC (RM5.8 bilion), keluli gelung bersadur dan keluli gelung bersadur secara elektrik (RM2.5 bilion), and dawai, angles dan sections (RM2.1 bilion). Sumber import utama adalah Japan berjumlah RM6.7 juta, Republik Rakyat China (RM3.9 bilion), Republik Korea (RM3 bilion), USA (RM2.3 bilion) danTaiwan (RM2.2 bilion).

Table 4.54:
Eksport bagi Produk Logam

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**30.0**	**10.7**	**27.1**
Logam ferus (besi dan keluli)	10.5	-0.5	10.5
Logam fabrikasi	11.4	26.2	9.0
Logam bukan ferus	8.2	7.8	7.6

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.17:
Destinasi Eksport Utama bagi Produk Logam



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Produk logam bukan ferus pula mencatat penurunan sebanyak 5.9 peratus kepada RM17.7 bilion pada 2008, berbanding RM18.9 bilion pada tahun 2007 kesan daripada kemerosotan permintaan pada suku keempat tahun 2008 menyebabkan peningkatan dalam inventori. Produk utama yang diimport adalah tembaga bernilai RM8.9 bilion, aluminium (RM5,578 juta), perak dan platinum (RM1,016 juta), zink (RM557 juta) dan timah (RM370 juta).

Import bagi produk fabrikasi logam pula berjumlah RM9.5 bilion pada tahun 2008, meningkat sebanyak 10.3 peratus daripada RM8.5 bilion pada tahun 2007. Produk logam bukan ferus dan logam fabrikasi diimport daripada Jepun dengan jumlah import sebanyak RM5.6 bilion diikuti dengan Australia (RM2.8 bilion), the Republik Rakyat China (RM2.9 bilion) dan Indonesia (RM2.2 bilion).

Pembangunan

Kemerosotan dalam aktiviti pembinaan dan pelaburan modal kesan dari krisis ekonomi global telah memberi cabaran kepada industri logam tempatan, seperti lebihan dalam kapasiti terpasang, persaingan harga di pasaran antarabangsa, serta perubahan harga bahan mentah dan sumber tenaga. Kebanyakkan negara seperti Republik Rakyat China, India, Viet Nam dan

Jadual 4.55:
Eksport Bagi Produk Terpilih dalam Segmen Besi dan Keluli

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**10,461**	**-0.6**	**10,523**
Produk besi panjang	**4,800**	**27.8**	**3,757**
Bilet	1,599	-5.6	1,693
Bar	1,148	114.2	536
Dawai	1,200	32.3	907
Sections	109	45.3	75
Lain-lain	744	36.3	546
Produk besi kepingan	**5,661**	**-16.3**	**6,766**
HRC	1,085	-35.0	1,671
CRC	86	-46.9	162
EGI dan GI	815	2.1	798
Paip dan tiub	2,593	0.4	2,603
Strips	14	-44.0	25
Lain-lain	1,068	-29.1	1,507

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.18:
Destinasi Eksport Utama bagi Logam Bukan Ferus dan Produk Berasaskan Logam



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.56:
Import bagi Produk Logam

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**56.0**	**7.2**	**55.2**
Logam Ferus (besi dan keluli)	28.7	15.6	24.8
Logam fabrikasi	9.5	11.5	8.5
Logam bukan ferus	17.7	-10.3	18.7

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.19:
Sumber Import Utama bagi Produk Besi dan Keluli



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Carta 4.20:
Sumber Import Utama bagi Logam Bukan Ferus dan Produk Berasaskan Logam



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.57:
Import bagi Produk Terpilih bagi Sub-sektor Besi dan Keluli

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**28,714**	**15.6**	**24,832**
Produk besi panjang	**10,686**	**11.9**	**9,548**
Bilet	681	-5.4	720
Bar	1,292	3.3	1,251
Dawai	1,051	26.9	828
Sections	1,029	34.5	765
Lain-lain	6,633	10.8	5,984
Produk besi kepingan	**18,028**	**18.0**	**15,284**
HRC	3,383	42.7	2,370
CRC	2,454	46.8	1,672
EGI dan GI	2,514	17.2	2,145
Paip dan tiub	6,319	25.1	5,051
Strips	88	-34.3	134
Lain-lain	3,270	-16.4	3,912

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Indonesia telah mengambil langkah bagi menangani kesan krisis ekonomi global ke atas industri logam seperti menaikkan duti import dan mengenakan tindakan timbal-balas ke atas pengimportan produk besi keluli.

Bagi mengurangkan kos pengeluaran serta menggalakkan pengeluar tempatan untuk bersaing di pasaran antarabangsa terutamanya produk panjang, Malaysia telah melaksanakan langkah liberalisasi dengan member pengecualian kepada keperluan lesen import dan duti import ke atas 57 barisan tarif bagi produk besi dan keluli. Antara produk yang terlibat adalah bilet, bar dawai dan section.

Pelaksanaan standard mandatori ke atas produk besi dan keluli terpilih telah dikuatkuasakan bagi memastikan hanya produk yang berkualiti dikeluarkan oleh pengeluar tempatan dan juga diimport. Pelaksanaan standard mandatori ini adalah bertujuan mengatasi isu pengimportan produk besi dan keluli yang sub-standard dan berkualiti rendah terutamanya bagi produk kegunaan pembinaan dan barangan pengguna. Pengimportan produk besi keluli tersebut perlu mendapatkan sijil pematuhan standard iaitu Certificates of Origin (COA) daripada Lembaga Industri Pembangunan Pembinaan (CIDB) bagi produk pembinaan dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (SIRIM) bagi produk perkilangan/ pembuatan.

Industri besi dan keluli tempatan turut aktif dalam menyertai persidangan dan seminar bagi tujuan pembangunan industri besi

dan keluli di Malaysia. Bengkel berkaitan besi dan keluli dan bahan mentah berkaitan di bawah Organisation for Economic and Co-operation Development (OECD) telah dianjurkan oleh Malaysia pada bulan Disember 2008 untuk membincangkan pembangunan pasaran besi keluli dan bahan mentah berkaitan serta membincangkan isu berkaitan krisis ekonomi global. Bertindak sebagai permerhati dalam jawatankuasa besi dan keluli OECD, Malaysia turut menyertai sesi perkongsian maklumat dan perbincangan isu berkaitan industri besi dan keluli. Jawatankuasa tersebut terdiri dairpada 30 ahli termasuk daripada negara pengeluar utama produk besi dan keluli seperti Brazil, Republic Rakyat China, India, Rusia, USA dan Ukraine.

INDUSTRI JENTERA DAN KELENGKAPAN

Industri jentera dan kelengkapan (M&E) merupakan industri penting untuk pembangunan berterusan sektor perkilangan di Malaysia memandangkan hubung kaitnya yang luas dengan sektor ekonomi utama seperti pembuatan, pembinaan, pengangkutan dan pertanian. Industri ini merangkumi empat segmen iaitu mesin khusus, mesin jana kuasa, mesin kerja logam dan jentera serta jentera dan kelengkapan perindustrian am.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran keseluruhan industri M&E mencatatkan peningkatan 13.7 peratus kepada 120.3 pada 2008 daripada 105.8 pada 2007. Indeks pengeluaran bagi mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan mesin pengalir udara industri mencatatkan kenaikan sebanyak 16.8 peratus kepada 115.3 pada 2008, berbanding 98.7 pada 2007. Indeks pengeluaran bagi pam, kompresor, tap aliran dan injap juga mencatatkan kenaikan sebanyak 7.4 peratus kepada 133.3 pada 2008 berbanding 124.1 pada 2007.

Jualan

Jualan industri M&E pada 2008, berjumlah RM8.2 bilion berbanding RM7.5 bilion pada 2007. Jualan bagi segmen mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan mesin pengalir udara industri pada 2008 meningkat sebanyak 6.5 peratus kepada RM4.1 bilion berbanding RM3.8 bilion pada 2007. Walau bagaimanapun, jualan bagi produk pam, kompresor, tap aliran dan injap mencatatkan penurunan kepada RM2 bilion pada 2008 berbanding RM2.1 bilion pada 2007.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri M&E meningkat sebanyak 3.1 peratus kepada 16,250 pekerja pada 2008, berbanding

Jadual 4.58:
Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih Bagi Industri Jentera dan Kelengkapan (2005=100)

Segmen	2008	Perubahan (%)	2007
Industri M&E	**124.1**	**2.5**	**121.1**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan mesin pengalir udara industri	139.5	12.7	123.8
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	69.9	1.2	69.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Asas 2000 = 100

15,756 pekerja pada 2007. Peningkatan pekerja adalah lebih ketara bagi segmen pam, kompresor, tap aliran dan injap yang mencatatkan penurunan 12 peratus, berbanding segmen mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan mesin pengalir udara industri yang mencatatkan penurunan 4.4 peratus.

Produktiviti

Produktiviti industri M&E meningkat kepada RM110,600 pada 2008, iaitu 5.3 peratus daripada RM105,000 pada 2007. Dalam konteks daya saing kos tenaga buruh, industri M&E telah berjaya mengekalkan daya saingnya seperti yang terbukti melalui pengurangan sebanyak 2.2 peratus bagi Unit Kos Buruh. Daya saing dapat dikekalkan dengan penghasilan mesin dan kelengkapan berteknologi tinggi, R&D yang intensif dan inovasi. Ini kerana industri M&E di Malaysia sedang menambah baik rantaian nilainya dan meningkatkan tumpuan kepada teknologi tinggi, nilai tambah yang tinggi dan jentera dan kelengkapan khusus bagi M&E.

Pelaburan

Pada 2008, sejumlah 93 projek dengan nilai pelaburan RM1.3 bilion telah diluluskan untuk industri M&E, berbanding 98 projek bernilai RM1.8 bilion pada 2007. Daripada 93 projek tersebut, 68 projek bernilai RM919.4 juta merupakan projek baru manakala 25 projek bernilai RM338.1 juta pula, adalah untuk perluasan dan kepelbagaian. Pelaburan asing mencatatkan jumlah sebanyak RM519.3 juta (41 peratus) manakala pelaburan domestik berjumlah RM738.2 juta (59 peratus).

Jadual 4.59:
Jualan Segmen Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan

Segmen	2008 (RM bilion)	Perubahan (%)	2007 (RM bilion)
Industri M&E	**8.2**	**9.3**	**7.5**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan mesin pengalir udara industri	4.0	6.5	3.8
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	2.0	-4.9	2.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.60:
Guna Tenaga Segmen Terpilih Industri Jentera dan Kelengkapan

Segmen	2008 (RM bilion)	Perubahan (%)	2007 (RM bilion)
Industri M&E	**16,250**	**3.1**	**15,756**
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan mesin pengalir udara industri	6,087	-4.4	6,364
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	3531	-12.0	4,014

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.61:
Petunjuk Produktiviti Industri Jentera dan Kelengkapan

Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Mesin dan Kelengkapan	110.6	5.4	105.0	30.2	-2.5	30.9	0.0614	-2.2	0.0628
Mesin penghawa dingin, penyejuk beku dan pengalir udara industri	132.3	9.8	120.5	29.2	1.7	28.7	0.0508	-4.1	0.0530
Pam, kompresor, tap aliran dan injap	80.1	-3.9	83.3	31.5	-7.3	34.0	0.0842	5.0	0.0803

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

Daripada 93 projek yang diluluskan, 34 projek adalah untuk segmen mesin khusus, dengan nilai pelaburan sebanyak RM465.1 juta. Sejumlah 52 projek telah diluluskan untuk sub-segmen jentera dan kelengkapan perindustrian am dengan nilai pelaburan RM563 juta, manakala pelaburan sebanyak RM229.4 juta yang melibatkan tujuh projek telah diluluskan untuk segmen mesin jana kuasa.

Jadual 4.62:
Pelaburan dalam Industri Jentera dan Kelengkapan

Deskripsi	2008	Perubahan (%)	2007
Bil. projek diluluskan	**93**	**-5.1**	**98**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**1,257.5**	**-28.8**	**1,765.3**
Domestik (RM juta)	738.2	35.3	545.7
Asing (RM juta)	519.3	-57.4	1,219.6

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.63:
Pelaburan Dalam Segmen Terpilih Industri Mesin dan Kelengkapan

	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
M&E	**1,257.5**	**-28.7**	**1,765.3**
Mesin khusus bagi industri tertentu	465.1	-62.3	1,235.6
Jentera dan kelengkapan perindustrian am	563.0	14.8	490.3
Mesin jana kuasa	229.4	482.2	39.4

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Eksport

Pada 2008, industri M&E telah mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang ketiga terbesar eksport barangan perkilangan sebanyak RM21.9 bilion sama dengan nilai eksport pada 2007. Eksport industri ini berkembang pada kadar perlahan pada 2008, di mana penyumbang utamanya ialah segmen jentera dan kelengkapan am, diikuti oleh mesin khusus dan mesin jana kuasa.

Destinasi eksport utama ialah Singapura dengan nilai eksport sebanyak RM4.8 bilion, Thailand (RM1.5 bilion), dan AS (RM1.6 bilion). Eksport utama M&E ialah dari segmen jentera dan kelengkapan perindustrian am berjumlah RM12.1 bilion, mesin khusus bagi industri tertentu (RM5.7 bilion), mesin jana kuasa (RM2.7 bilion) dan mesin kerja logam (RM1.4 bilion).

Import

Import produk M&E meningkat 1.2 peratus kepada RM43.3 bilion, berbanding RM42.8 bilion pada 2007. Sumber import utama ialah Jepun, dengan import berjumlah RM8.9 bilion, AS (RM6.2 bilion) dan Republik Rakyat China (RM6.3 bilion). Import utama ialah produk jentera dan kelengkapan perindustrian am berjumlah RM16.7 bilion, mesin khusus untuk industri tertentu (RM12.3 bilion) diikuti mesin jana kuasa (RM10.3 bilion) dan mesin kerja logam (RM4 bilion).

Perkembangan

Pada 2008, Kerajaan telah melaksanakan kajian semula ke atas keperluan mengenakan lesen import bagi produk M&E. Sebagai langkah untuk mengurangkan halangan bukan tarif di bawah perjanjian AFTA, dan untuk memudahkan pembangunan pelabuhan, mesin import untuk kren pelabuhan seperti gantry cranes dan hydraulic loading cranes, dan enam lagi barisan tarif jentera berat telah dimansuhkan pengenaan AP ketika pengumuman bajet pada 29 Ogos 2008.

Lesen import untuk lapan produk berikut telah dimansuhkan berikutan pengumuman pada 29 Ogos 2008:

INDUSTRI GALIAN BUKAN LOGAM

Industri galian bukan logam terdiri daripada empat segmen iaitu segmen simen dan

Carta 4.21:
Eksport Produk Jentera dan Kelengkapan Tahun 2008



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Carta 4.22:
Import Produk Jentera dan Kelengkapan Tahun 2008



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

konkrit, seramik dan produk berasaskan tanah liat, kaca dan produk kaca, dan produk galian bukan logam seperti kapur tohor, barite, marmar, dan granit.

Pengeluaran

Pada 2008, indeks pengeluaran produk galian bukan logam meningkat sebanyak 9.1 peratus kepada 114.9 daripada 105.3 pada 2007. Penyumbang utama peningkatan ini ialah pertambahan pengeluaran dari segmen artikel konkrit, simen dan plaster iaitu sebanyak 9.5 peratus kepada 101.6 pada 2008 berbanding 92.8 pada 2007.

Jumlah kapasiti terpasang untuk simen pada 2008 ialah 28.8 juta tan metrik (MT) manakala jumlah pengeluaran ialah 20.6 juta MT, menunjukkan kadar penggunaan kapasiti sebanyak 72.3 peratus. Jumlah kapasiti terpasang untuk klinker pada 2008 ialah 18.4 juta MT, manakala pengeluaran klinker pada 2008 berjumlah 16.3 juta MT dengan penggunaan kapasiti pada 88.6 peratus.

Jadual 4.64:
Indeks Pengeluaran Segmen Terpilih bagi Industri Galian Bukan Logam

Segmen	2008	2007	Perubahan (%)
Produk galian bukan logam	**114.9**	**105.3**	**9.1**
Simen			
Simen hidraulik	120.9	111.0	8.9
Konkrit siap dicampur	98.8	103.7	- 4.7
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	101.6	92.8	9.5
Seramik			
Produk seramik refraktori	90.0	84.7	6.3
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	89.4	91.7	- 2.2
Kaca dan produk kaca	**146.5**	**123.8**	**18.3**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.65:
Kapasiti Terpasang dan Kadar Penggunaan bagi Simen dan Klinker

Segmen	Klinker		Simen	
	2008	2007	2008	2007
Kapasiti terpasang (juta MT)	18.4	17.8	28.5	28.3
Pengeluaran (juta MT)	16.3	15.3	20.6	19.5
Penggunaan Kapasiti (%)	88.6	85.8	72.3	68.8

Sumber: Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia

Jualan

Pada 2008, jualan produk galian bukan logam meningkat sebanyak 14.8 peratus kepada RM13.3 bilion berbanding RM11.6 bilion pada 2007. Jualan produk di bawah segmen simen meningkat sebanyak 19.6 peratus kepada RM7.3 bilion pada 2008 daripada RM6.4 bilion pada 2007. Jualan simen hidraulik pula meningkat kepada RM4 billion pada 2008 daripada RM3.3 bilion pada 2007, manakala jualan konkrit siap dicampur pula meningkat sebanyak 12.9 peratus kepada RM1.8 bilion, pada 2008 daripada RM1.2 bilion pada 2007. Jualan artikel konkrit, simen dan plaster turut meningkat sebanyak 19.5 peratus kepada RM1.5 bilion pada 2008 daripada RM1.2 bilion pada 2007.

Jadual 4.66:
Jualan bagi Produk Galian Bukan Logam Terpilih

Segmen	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Produk galian bukan logam	**13,317.9**	**14.8**	**11596.7**
Produk Simen	**7,327.1**	**19.4**	**6,138.9**
Simen Hidraulik	4,041.5	22.5	3,298.7
Konkrit siap campur	1,808.2	12.9	1,601.6
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	1,480.3	19.5	1,238.6
Kaca dan produk kaca	**2,765.8**	**17.7**	**2,350.5**
Produk seramik	**2,397.1**	**6.4**	**2,235.4**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	444.8	- 6.2	474.2
Produk seramik refraktori	438.6	15.1	380.9
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	1,495.7	8.4	1,380.3
Lain-lain produk galian bukan logam	**843.0**	**- 3.3**	**871.8**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jualan kaca dan produk kaca meningkat 17.4 peratus kepada RM2.8 bilion pada 2008 daripada RM2.4 bilion pada 2007. Peningkatan nilai jualan adalah disebabkan oleh peningkatan penggunaan kaca seperti *float glass* dan *low-emmission (Low-E) glass* dalam pembinaan bangunan komersil dan bangunan kediaman.

Jualan produk seramik pada 2008 meningkat 6.4 peratus kepada RM 2.4 bilion daripada RM 2.2 bilion pada 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan ke atas produk tandas yang digunakan dalam pembinaan bangunan dan produk dalaman kediaman, walaupun pengeluar seramik tempatan terpaksa bersaing dengan produk seramik import yang mempunyai nilai yang lebih tinggi.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri galian bukan logam menurun sebanyak 0.9 peratus kepada 39,950 pekerja pada 2008 daripada 42,321 pada 2007. Guna tenaga dalam segmen simen berkembang sebanyak 2 peratus kepada 13,408 pekerja, manakala guna tenaga dalam sub-segmen konkrit, simen dan plaster berkembang sebanyak 17.8 peratus kepada 4,830 pekerja pada 2008.

Produktiviti

Industri galian bukan logam mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 12.5 peratus pada 2008. Kesemua segmen menunjukkan pertumbuhan produktiviti di antara 0.3 peratus sehingga 31.4 peratus, kecuali bagi produk galian bukan logam lain. Perkembangan industri seperti pembinaan dan peralatan pengangkutan telah memberi sumbangan terhadap peningkatan ini.

Industri ini telah berjaya meningkatkan daya saing kos buruh melalui pengucupan

Jadual 4.67:
Guna Tenaga dalam Segmen Terpilih Industri Galian bukan Logam

Segmen	2008 (Pekerja)	Perubahan (%)	2007 (Pekerja)
Jumlah	**35,694**	**-0.9**	**36,004**
Produk Simen	**11,760**	**9.1**	**10,783**
Simen Hidraulik	3,563	4.7	3,403
Konkrit siap campur	3,367	2.6	3,281
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	4,830	17.8	4,099
Seramik	**16,408**	**-7.5**	**17,738**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	4,621	-18.4	5,664
Produk seramik refraktori	3,229	-12.5	3,270
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	8,558	-2.8	8,804
Kaca dan produk kaca	**5,759**	**9.7**	**5,248**
Produk galian bukan logam lain	**1,767**	**-20.9**	**2,235**

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

sebanyak 7.1 peratus dalam Unit Kos Buruh. Kos Buruh setiap Pekerja meningkat sebanyak 4.8 peratus disebabkan penggunaan lebih ramai pekerja mahir di dalam industri ini.

Pelaburan

Pada 2008, pelaburan yang telah diluluskan untuk industri galian bukan logam menurun 2.5 peratus kepada RM1,268.5 juta daripada RM1,301 juta pada 2007. Pelaburan asing berjumlah RM521.7 juta manakala pelaburan domestik ialah sebanyak RM746.8 juta pada 2008, dengan 28 projek diluluskan pada 2008 berbanding 16 projek pada 2007.

Pelaburan yang telah diluluskan untuk produk konkrit dan simen berjumlah RM758.4 juta mewakili 59 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Pelaburan dalam segmen seramik berjumlah RM212 juta manakala pelaburan dalam produk kaca berjumlah RM100.6 juta.

Eksport

Pada 2008, jumlah keseluruhan eksport untuk industri galian bukan logam

Jadual 4.68:
Petunjuk Produktiviti dalam Industri Galian Bukan Logam

Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Industri galian bukan logam	**88.7**	**12.5**	**78.9**	**25.7**	**4.8**	**24.5**	**0.0859**	**-7.1**	**0.0924**
Simen	**136.2**	**23.2**	**110.5**	**30.0**	**4.1**	**28.8**	**0.0582**	**-8.4**	**0.0636**
Simen hidraulik	322.5	31.4	245.5	48.2	7.2	45.0	0.0435	-8.6	0.0476
Konkrit siap dicampur	69.7	10.0	63.4	26.9	3.3	26.1	0.0587	-2.8	0.0604
Lain-lain artikel konkrit, simen dan plaster	70.6	10.9	63.7	21.6	0.5	21.5	0.1000	-10.2	0.1114
Seramik	**39.7**	**10.1**	**36.1**	**19.8**	**6.5**	**18.6**	**0.1666**	**-13.2**	**0.1919**
Barangan seramik bukan refraktori tidak berstruktur	30.3	0.3	30.2	17.4	6.7	16.3	0.2297	10.4	0.2080
Produk seramik refraktori	42.3	19.1	35.5	16.6	7.6	15.5	0.1535	-12.0	0.1743
Produk tanah liat bukan refraktori berstruktur dan seramik	44.4	10.6	40.2	23.1	7.3	21.5	0.1514	-20.7	0.1910
Kaca dan produk kaca	**116.5**	**1.9**	**114.4**	**31.8**	**1.8**	**31.3**	**0.0937**	**-3.8**	**0.0973**
Produk galian bukan logam lain	**120.9**	**-21.7**	**154.3**	**29.2**	**-0.4**	**29.3**	**0.0759**	**14.2**	**0.0664**

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4.23:
Pelaburan Yang Diluluskan Dalam Industri Galian Bukan Logam



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

meningkat 35 peratus kepada RM5.3 bilion berbanding RM3.9 bilion pada 2007. Penyumbang utama pertumbuhan ini ialah eksport kaca dan produk kaca yang meningkat sebanyak 55 peratus. Eksport utama adalah kaca dan produk kaca berjumlah RM2.6 bilion, simen dan fabrikasi bahan binaan (RM961.2 juta) dan produk galian bukan logam lain (RM1 bilion). Destinasi eksport utama ialah Singapura, dengan nilai eksport RM1.3 bilion (25.3 peratus), Jepun (RM973.4 juta) dan Indonesia (RM469.5 juta).

Import

Import bagi produk galian bukan logam meningkat sedikit sebanyak 3.3 peratus kepada RM3.8 billion pada 2008 berbanding RM3.7 billion pada 2007. Pengimportan bahan mineral yang bertambah merupakan sumbangan utama ke atas peningkatan ini. Sumber import utama adalah Republik Rakyat China dengan jumlah import sebanyak RM715.3 juta (18.7 peratus), Jepun (RM689.7 juta) dan AS (RM385.6 juta).

Perkembangan

Mulai 5 Jun 2008, Kerajaan telah mengambil langkah untuk meliberalisasikan lagi industri simen melalui pengurangan tarif import untuk *ordinary Portland cement* (OPC) dan simen hidraulik daripada 50 peratus dan 25 peratus masing-masing kepada 10 peratus. Selain itu, harga simen juga tidak lagi dikawal oleh Kerajaan dan akan ditentukan oleh kuasa pasaran. Pada masa yang sama, keperluan lesen import (AP) bagi pengimportan simen ke Sabah dan Sarawak telah dimansuhkan. Mulai 4 November 2008, OPC dan simen hidraulik telah dikecualikan duti import bagi memudahkan lagi industri pembinaan tempatan mendapatkan bahan binaan pada harga yang lebih kompetitif.

Pada 2008, Badan Penyelaras Pusat (CCB), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri Malaysia telah mengenakan standard mandatori MS 1817:2005 *Ceramic Tableware-Specification* ke atas *ceramics tableware*. Standard ini menentukan tahap keupayaan minimum bagi *ceramics tableware* seperti kadar penyerapan air, kejutan suhu panas, daya tahan retakan, *glazing*, *sampling* dan *marking*. Standard ini dikenakan bagi melindungi kesihatan pengguna daripada kesan negatif plumbum melalui pemakanan. Kementerian Kesihatan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan standard tersebut

Carta 4.24:
Eksport Produk Galian Bukan Logam



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Carta 4.25:
Import Industri Galian Bukan Logam Terpilih



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

di bawah Peraturan-Peraturan Makanan, 1985.

INDUSTRI TEKSTIL DAN PAKAIAN

Industri tekstil dan pakaian terdiri daripada empat segmen utama iaitu segmen tekstil asas (pempolimeran, pemintalan, penenunan tekstil, jahitan dan pemprosesan basah), segmen pembuatan tekstil, segmen pembuatan pakaian, serta segmen aksesori tekstil dan pakaian. Terdapat sebanyak 662 syarikat utama dan lebih kurang 1,000 EKS yang terlibat dalam segmen pembuatan pakaian.

Pengeluaran

Pada 2008, indeks pengeluaran sub-sektor tekstil meningkat 1.3 peratus kepada 77.2 berbanding 76.2 pada tahun 2007, manakala indeks pengeluaran sub-sektor pakaian menurun sebanyak 8.1 peratus kepada 82.0 daripada 89.2 bagi tempoh yang sama.

Faktor-faktor yang menyumbang kepada kelembapan kadar pengeluaran industri ini:

- Penutupan tiga pengeluar tekstil utama pada 2007 yang melibatkan kehilangan jumlah pengeluaran sebanyak 8 juta kg benang dan 25 juta meter fabrik tenun. Jumlah ini bersamaan dengan 35 peratus daripada jumlah pengeluaran segmen tekstil asas.

Jadual 4.69:
Indeks Pengeluaran Industri Tekstil dan Pakaian (2005=100)

Industri	2008	Perubahan (%)	2007
Tekstil dan Pakaian	**102.6**	-0.6	**103.2**
Tekstil	102.8	8.6	94.7
Pakaian	102.5	-9.5	113.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Amerika Syarikat merupakan negara utama destinasi eksport Malaysia, kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat telah menyebabkan penurunan permintaan terutamanya bagi sektor pembuatan pakaian.

Jualan

Pada 2008, jualan bagi sub-sektor tekstil meningkat sebanyak 4.4 peratus kepada RM4.7 bilion berbanding RM4.5 bilion pada tahun 2007, manakala bagi sub-sektor pakaian jualan menurun sebanyak 9 peratus kepada RM2.8 bilion berbanding RM3.1 bilion pada tahun 2007. Di samping kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang memberi kesan terhadap kuasa beli pengguna, faktor-faktor lain seperti kenaikan harga minyak, kenaikan bahan mentah dan caj pengangkutan turut menyumbang kepada

Jadual 4.70:
Jualan Produk Tekstil dan Pakaian

Segmen	2008 (RM bilion)	Perubahan (%)	2007 (RM bilion)
Tekstil dan Pakaian	**7.6**	**0.2**	**7.6**
Tekstil	4.8	4.5	4.5
Pakaian	2.8	-6.3	3.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri tekstil dan pakaian menurun sebanyak 14.8 peratus kepada 57,100 pekerja pada 2008, berbanding 66,989 pekerja pada 2007.

Produktiviti

Pada 2008 industri tekstil dan pakaian mencatatkan penurunan dalam produktiviti sebanyak 2.6 peratus kepada RM24,100 berbanding dengan RM23,400 pada 2007. Kemerosotan prestasi ini disebabkan oleh

penurunan di dalam penggunaan kapasiti. Industri ini mencatatkan penambahbaikan di dalam daya saing kos buruh di mana ia mencatatkan penurunan sebanyak 1.3 peratus manakala unit kos buruh meningkat sebanyak 1.5 peratus.

Pelaburan

Pada 2008, jumlah pelaburan diluluskan menurun sebanyak 70.8 peratus kepada RM408.35 juta berbanding dengan RM1.4 bilion pada 2007. Pelaburan domestik berjumlah RM105.4 juta manakala pelaburan asing berjumlah RM302.95 juta. Sejumlah 18 projek diluluskan pada 2008 berbanding dengan 22 projek pada tahun 2007. Daripada jumlah ini tujuh projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran produk-produk yang dikenalpasti sebagai industri sumber pertumbuhan iaitu intergrasi tekstil (RM289.66 juta) dan *staple-fiber* buatan manusia (RM54.12 juta). Sumber utama pelaburan adalah daripada Jerman dengan nilai pelaburan sebanyak RM102.4 juta dan diikuti oleh Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM82.1 juta.

Jadual 4.71:
Guna Tenaga dalam Tekstil dan Produksi Pakaian

Segmen	2008 (RM bilion)	2007 (RM bilion)	Perubahan (%)
Tekstil dan Pakaian	**53,071**	**-14.3**	**61,954**
Tekstil	18,479	-21.3	23,494
Pakaian	34,592	-10.1	38,460

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.72:
Petunjuk Produktiviti dalam Tekstil dan Industri Pakaian

Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh Setiap Pekerja (RM'000)			Kos Unit Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Tekstil dan pakaian	**24.1**	**2.6**	**23.4**	**13.1**	**1.5**	**12.9**	**0.1131**	**-1.3**	**0.1146**
Tekstil	**41.3**	**8.0**	**38.2**	**16.0**	**2.9**	**15.6**	**0.0752**	**-5.8**	**0.0798**
Memintal fiber asli, menenun tekstil	9.8	-0.7	9.8	15.1	0.5	15.0	0.1364	0.1	0.1363
Memintal fiber buatan manusia, memintal tekstil	44.3	5.4	42.0	15.9	-1.5	16.1	0.0521	-6.2	0.0555
Meluntur, menetak dan menyiapkan benang dan fabrik (kecuali batik)	63.2	2.0	61.9	21.3	6.3	20.0	0.1032	6.9	0.0965
Kain bersulam dan barang berkaitan	33.6	9.6	30.6	13.7	4.2	13.1	0.1086	-4.7	0.1140
Sub-sektor pakaian	**14.9**	**-4.8**	**15.6**	**11.5**	**0.3**	**11.5**	**0.1810**	**8.5**	**0.1669**

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.73:
Pelaburan dalam Tekstil dan industri Pakaian

	2008	Perubahan (%)	2007
Bil. projek diluluskan	**18**	**-18.2**	**22**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**408.4**	**- 70.8**	**1,400.9**
Pelaburan Tempatan (RM juta)	303.0	-76.7	1,300.8
Pelaburan Asing (RM juta)	105.4	5.3	100.1

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport

Pada 2008, eksport tekstil dan pakaian meningkat sebanyak 2.7 peratus kepada RM10.5 bilion. Peningkatan nilai eksport disebabkan oleh peningkatan di dalam nilai tukaran Dollar Amerika berbanding ringgit.

Pada 2008, jumlah eksport ke Amerika Syarikat bernilai RM2.5 bilion mencatatkan penurunan sebanyak 7.8 peratus berbanding dengan RM2.7 bilion pada 2007, manakala eksport ke negara Turki menurun kepada RM732.9 juta berbanding RM748.7 juta pada tahun 2007. Eksport utama adalah pakaian lelaki dan wanita bernilai RM2.7 bilion, benang tekstil (RM2.3 bilion) dan fabrik tenun (RM1.3 bilion).

Jadual 4.74:
Eksport Tekstil dan Produksi Pakaian

Segmen	2008 (RM bilion)	2007 (RM bilion)	Perubahan (%)
Tekstil dan Pakaian	**10.5**	**2.3**	**10.3**
Tekstil	5.4	2.7	5.3
Pakaian	5.1	1.9	5.0

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Import

Pada 2008 import bagi produk tekstil dan pakaian mencatatkan penurunan sebanyak 3.3 peratus menjadi RM5.5 bilion berbanding RM5.7 bilion pada tahun 2007. Peningkatan nilai import ini disebabkan oleh penyumberan keluar aktiviti ke negara yang lebih kos kompetitif seperti Viet Nam, Republik Rakyat China dan Kemboja.

Pada 2008 negara sumber import utama Malaysia ialah Republik Rakyat China dengan nilai import berjumlah RM2.05 bilion mewakili sejumlah 37.4 peratus daripada jumlah import Malaysia. Ini diikuti oleh Taiwan (RM489.2 juta), Indonesia (RM396.6 juta) dan Hong Kong SAR (RM298.1 juta).

Perkembangan

Bagi membangunkan modal insan, pada 2008 Giat MARA menerusi 82 pusat latihan telah melatih sejumlah 3,950 pelatih di dalam kursus yang berkaitan dengan tekstil dan pakaian. Sejumlah 360 pelatih di latih di dalam kursus perkilangan tekstil, rekacipta pakaian, pembuatan paten dan perkilangan pakaian di Pusat Tekstil dan Pakaian Malaysia (MATAC). Lanjutan dari itu sebanyak 89 pelajar telah di ambil oleh UiTM di dalam kursus berkaitan tekstil dan pakaian.

Pusat latihan baru MATAC telah dibuka di Batu Pahat Johor dan mula beroperasi pada April 2008. Pusat latihan ini dilengkapi dengan makmal ujian tekstil, makmal latihan CAD/CAM dan pusat sumber. Aktiviti latihan yang dijalankan oleh MATAC adalah secara koleberasi dengan rakan antarbangsa seperti JUKI Japan, NIKE Inc. USA, Groz-Beckert of Germany dan Coats plc., UK.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menerusi agensinya MARA telah menubuhkan Pusat Pembangunan Reka Bentuk Sdn Bhd (DDEC). DDEC adalah pusat sehenti bagi pembangunan dan merekacipta produk, pusat ini ditubuhkan untuk memberi peluang kepada EKS tempatan bagi memperbaiki produk menerusi inovasi rekacipata dan pembangunan produk. Pusat ini beroperasi sebagai penyedia perkhidmatan dengan menyediakan fasiliti penyelidikan teknikal dan juga kemudahan penjenamaan dan pelabelan produk. Sehingga kini hanya sebuah syarikat tekstil yang menggunakan khidmat DDEC, oleh itu syarikat tekstil dan pakaian digesa supaya memanfaatkan perkhidmatan yang disediakan oleh DDEC.

INDUSTRI PERALATAN DAN PERUBATAN

Industri peralatan perubatan terdiri daripada barangan dan peralatan yang digunakan bagi tujuan diagnosis, mencegah, mengawasi dan mengubati penyakit.

Industri peralatan perubatan Malaysia terdiri dari 180 pengeluar. Di antara produk yang dikeluarkan ialah peralatan pakai buang seperti sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan, alat bantuan bagi orang kurang upaya, peralatan implan, injap jantung, anastatik dan alatan bantuan pernafasan. Produk peralatan perubatan lain yang turut dikeluarkan di Malaysia ialah picagari, peralatan dan perkakasan pembedahan, set pemidahan darah, set *tranducer* tekanan darah, peralatan dialisis, gas perubatan, jarum fistula hypodermis/tulang belakang/AV, tiub dan beg perubatan, alatan diognosis radiografi dan produk-produk ortopedik.

Pengeluaran

Pada 2008, indeks pengeluaran bagi industri peralatan perubatan menurun sebanyak 7 peratus menjadi 178.9 berbanding 192.3 pada 2007. Ini disebabkan penurunan permintaan ke atas kateter, tiub, picagari, jarum dan benang jahitan untuk pasaran eksport.

Jualan

Pada 2008 Industri peralatan perubatan mencatatkan penurunan di dalam jualan sebanyak 4.8 peratus kepada RM1.0 bilion berbanding dengan RM1.1 bilion pada tahun 2007. Penurunan pada nilai jualan ini adalah disumbangkan oleh penurunan permintaan kepada ke atas kateter, tiub, picagari, jarum dan benang jahitan untuk pasaran eksport telah menurun.

Guna Tenaga

Pada 2008 guna tenaga dalam industri peralatan perubatan telah menurun sebanyak 1.9 peratus kepada 6,452 pekerja berbanding 6,574 pekerja pada tahun 2007. Kemerosotan ini disebabkan oleh kurangnya aktiviti pengeluaran untuk menampung pasaran eksport.

Jadual 4.76:
Petunjuk Produktiviti dalam Industri Peralatan Perubatan

Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Peralatan Perubatan	72.3	-5.8	76.7	26.7	0.6	26.6	0.1767	10.5	0.1599

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Penyiasatan Pembuatan Bulanan dan Penyiasatan Pembuatan Tahunan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti

Pada 2008, produktiviti industri peralatan perubatan mengalami kemerosotan sebanyak 5.8 peratus kepada RM72,300 berbanding dengan RM76,700 pada 2007. Industri peralatan perubatan tidak dapat mengekalkan kos buruh yang kompetitif dan ianya digambarkan dengan peningkatan sebanyak 10.5 peratus dalam unit kos buruh.

Pelaburan

Pada 2008, sebanyak 30 projek bernilai RM897.4 juta telah diluluskan berbanding dengan 25 projek bernilai RM526.9 juta pada 2007. Pelaburan asing mencatat jumlah pelaburan sebanyak RM463 juta (51.6 peratus) manakala pelaburan domestik berjumlah RM434.4 juta (48.4 peratus). Projek ini telah mendapat kelulusan untuk pengeluaran dalam bidang implan kologen biomaterial dan *instruments*, keterer pengawal jangkitan, peralatan radiologi, instrumen dan implant ortopedik, mesin penganalisa darah dan bekas tiub darah, lensa mata, peralatan diagnostik in-vitro dan sarung tangan sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan.

Eksport

Eksport peralatan perubatan terus mencatatkan pertumbuhan yang kukuh pada 2008 disokong oleh peningkatan permintaan global bagi produk penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan. Eksport peralatan perubatan meningkat sebanyak 10.8 peratus kepada RM7.9 bilion berbanding dengan RM7.2 bilion pada 2007. Produk eksport utama ialah sarung tangan pembedahan, perkakasan dan peralatan pergigian dan ophthalmik.

Import

Pada 2008, jumlah import produk peralatan perubatan menurun kepada RM1.8 bilion berbanding RM2.2 bilion pada 2007. Produk import utama ialah peralatan dan perkakasan perubatan, pembedahan, pergigian dan lain-lain aparatus elektro-diagnostik. Negara sumber utama import ialah Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah.

Perkembangan

Bagi mempromosi pembangunan industri bioteknologi dan industri sains hayat, kerajaan telah memperkenalkan status bionexus melalui Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (Biotech Corp.). Pengiktirafan sebagai syarikat berstatus bionexus diberikan kepada syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan produk kesihatan biotektonologi seperti alat digniostik molekuler in-vitro dan biochip genetik. Pada tahun 2008, empat syarikat peralatan perubatan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM17.7 juta telah mendapat pengiktirafan sebagai syarikat BioNexus. Antara aktiviti yang dijalankan ialah pembangunan dan produksi peralatan diognistik molekul bagi ujian keselamatan makanan, *Computer Aided Diagnosis* (CAD) dan *TelestoCAD* bagi tujuan pengesanan kanser dan keadaan tidak normal pada tubuh badan.

Jadual 4.77:
Pelaburan dalam Industri Peralatan Perubatan

	2008	Perubahan (%)	2007
Bilangan projek diluluskan	**30**	**20.0**	**25**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**897.4**	**70.3**	**526.9**
Pelaburan Tempatan (RM juta)	434.4	57.8	275.4
Pelaburan Asing (RM juta)	463.0	84.1	251.5

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.78:
Eksport Peralatan Produk Kesihatan Terpilih

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**7,956.1**	**10.8**	**7,180.2**
Sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan	6,261.2	28.9	4,857.1
Tiub, picagari, jarum dan benang jahitan	226.3	-74.7	895.6
Aparatur x-ray perubatan dan pembedahan	243.7	8.2	225.2
Pencegah kehamilan	189.1	24.6	151.7
Peralatan elektroperubatan	236.0	82.1	129.6
Perkakasan dan peralatan pergigian dan oftalmik	577.2	14.9	502.3
Perabot perubatan	26.6	-29.6	37.8
Lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan perubatan	196.0	131.7	84.6 3

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.79:
Import Peralatan Produk Kesihatan Terpilih

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**1,754.59**	**-18.6**	**2,156.8**
Sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan	14.4	-82.5	82.3
Tiub, picagari, jarum dan benang jahitan	120.5	-61.6	313.5
Aparatur x-ray perubatan dan pembedahan	172.8	-28.7	242.2
Pencegah kehamilan	4.34	-71.6	15.3
Peralatan elektroperubatan	314.5	30.4	241.1
Perkakasan dan peralatan pergigian dan oftalmik	627.1	7.8	581.7
Perabot perubatan	38.95	38.1	28.2
Lain-lain perkakasan, aparatur dan peralatan perubatan	462.0	-4.7	446.9

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Pada 2005, keputusan telah dibuat oleh kerajaan Malaysia untuk menguatkuasakan peraturan peralatan perubatan di Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia bertanggungjawab dalam perkembangan dan mengawal rangka kerja peralatan perubatan di Malaysia. Sehubungan itu, Biro Peralatan Perubatan telah ditubuhkan di Bahagian Kejuruteraan Kementerian Kesihatan untuk memantau dan menguatkuasakan segala peraturan dan pengeluaran lesen berhubung pengunaan peralatan perubatan. Pada peringkat awal pelaksanaan skim pendaftaran ini, ianya dijalankan secara pendaftaran sukalera. Pelaksanan pendaftaran mandatori dijangka dilaksanakan pada 2010.

INDUSTRI KAYU DAN PRODUK KAYU

Industri kayu dan produk kayu meliputi produk kayu, dan juga produk kertas. Produk kayu terdiri daripada kayu digergaji, kepingan venir dan papan lapis, binaan pertukangan tanggam, papan berlamina, papan serbuk, panel dan papan jenis lain serta perabot kayu dan kelengkapan.

Produk kertas termasuklah pulpa, kertas dan paperboard, kertas gelugur dan bekas kertas dan paperboard.

Pengeluaran

Secara keseluruhannya, indeks pengeluaran industri dan juga indeks untuk produk kayu dan kertas menurun:

- bagi pengeluaran keseluruhan, iaitu 4.7 peratus kepada 120 pada 2008, berbanding 125.9 pada 2007. Penurunan ini disebabkan oleh kemerosotan ketara output produk kayu dari 113.5 pada 2007 kepada 105.1 pada 2008;

- bagi produk kayu, sebanyak 7.4 peratus, berikutan daripada 13.3 peratus penurunan dalam sumbangan indeks pengeluaran oleh papan berlamina, papan serbuk dan panel serta papan jenis lain; dan

- bagi produk kertas, secara marginal sebanyak 0.7 peratus kepada 148.4 pada 2008, berbanding 149.5 pada 2007. Pulpa, kertas and paperboard menurun sebanyak 1.1 peratus kepada 141.8 pada 2008, daripada 143.4 pada 2007.

Jualan

Jumlah jualan kayu dan produk kayu mencatatkan penurunan sebanyak 34.3 peratus kepada RM21.5 bilion pada 2008, daripada RM22.5 bilion pada 2007.

Jualan produk kayu menurun sebanyak 8.8 peratus kepada RM14.8 bilion pada 2008, berbanding RM16.2 bilion pada 2007. Penurunan tertinggi dicatatkan dalam binaan pertukangan tanggam bagi sub-sektor industri perumahan yang menurun sebanyak 23.3 peratus kepada RM962 juta pada 2008, berbanding RM1.3 bilion pada 2007. Penurunan ini adalah disebabkan pengurangan tempahan dari pasaran tempatan dan antarabangsa.

Jualan produk kertas meningkat sebanyak 7.5 peratus kepada RM6.7 bilion pada 2008, daripada RM6.2 billion pada 2007. Nilai jualan bagi sampul surat meningkat sebanyak 31.8 peratus kepada RM281.5 juta pada 2008, daripada RM213.6 juta pada 2007.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri ini menurun sebanyak 10.3 peratus kepada 128,211

Jadual 4.80:
Indeks Pengeluaran Industri Kayu dan Produk Kayu Terpilih

Produk	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah Keseluruhan	**97.3**	**-4.5**	**101.9**
Produk Kayu	**89.7**	**-4.9**	**94.3**
Venir dan Papan Lapis	99.0	-8.8	108.5
Papan Berlamina, Papan Serbuk, Panel dan Jenis lain	94.4	43.5	65.8
Sawmilling and Planing of Wood	95.0	-4.6	99.6
Produk Kertas	**124.2**	**-3.3**	**128.5**
Kertas gelugur dan *paperboard*	126.6	-8.2	137.9
Pulpa, kertas dan *paperboard*	125.3	1.9	123.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun Asas 2000 = 100

Jadual 4.81:
Jualan Produk Berasaskan Kayu

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah Jualan	**21,505.7**	**-3.7**	**22,342.9**
Produk Kayu	**14,831.2**	**-8.6**	**16,228.5**
Venir dan papan lapis	7,159.3	-2.8	7,863.9
Perabot kayu	4,868.0	-14.0	5,660.6
Papan berlamina	1,831.0	-6.4	1,955.6
Binaan pertukangan tanggam	972.8	-22.1	1,248.7
Produk kertas	**6,674.6**	**9.2**	**6,114.1**
Kertas gelugur dan *paperboard*	3,442.1	8.7	3,166.0
Pulpa dan *paperboard*	2,047.6	9.0	1,804.5
Kertas tandas	472.5	-6.4	504.8
Kertas lekat dalam	429.9	1.1	425.1
Sampul surat dan poskad kosong	282.5	32.2	213.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

orang pada 2008, daripada 142,942 orang pada 2007. Kegawatan ekonomi telah menjejaskan guna tenaga dalam industri ini. Guna tenaga dalam sub-segmen perabot kayu dan rotan mencatat penurunan sebanyak 17.3 peratus kepada 41,841 orang pada 2008, berbanding 50,599 orang pada 2007. Guna tenaga dalam segmen produk kertas mencatat penurunan sebanyak 2 peratus kepada 22,940 orang pada 2008, daripada 23,403 orang pada 2007.

Produktiviti

Industri kayu dan produk kayu telah mencatatkan sedikit penurunan dalam produktiviti iaitu 0.2 peratus kepada

Jadual 4.82:
Guna tenaga dalam Industri Kayu dan Produk Kayu

Produk	2008 (Orang)	Perubahan (%)	2007 (Orang)
Jumlah Guna Tenaga	**118,620**	**-11.2**	**133,591**
Produk Kayu	**96,255**	**-13.7**	**111,517**
Venir dan papan lapis	46,854	-10.8	52,520
Perabot kayu	36,223	-18.5	44,454
Papan berlamina	7,685	-4.8	8,075
Binaan pertukangan tanggam	5,493	-15.1	6,468
Produk kertas	**22,365**	**1.3**	**22,074**
Kertas gelugur dan *paperboard*	12,275	-5.3	12,963
Pulpa dan *paperboard*	4,448	20.6	3,687
Kertas tandas	2,808	2.3	2,746
Kertas lekat dalam	1,452	1.6	1,429
Sampul surat dan poskad kosong	1,382	10.6	1,249

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

RM35,200 pada 2008. Daya saing kos buruh industri telah menurun susulan kenaikan 2 peratus dalam Unit Kos Buruh.

Produktiviti produk kayu menurun sebanyak 1.3 peratus kepada RM30,500, berbanding RM30,900 pada 2007. Daya saing kos buruh menurun menerusi peningkatan sebanyak 2.8 peratus dalam Unit Kos Buruh. Dalam segmen ini, hanya pembuatan papan berlamina, papan serbuk serta papan dan panel jenis lain telah mencatatkan peningkatan dalam produktiviti sebanyak 5.8 peratus, seterusnya meningkatkan daya saing kos buruh.

Produktiviti segmen produk kertas mencatatkan penurunan sebanyak 0.5 peratus. Daya saing kos buruhnya juga menurun susulan daripada peningkatan sebanyak 0.8 peratus dalam Unit Kos Buruh.

Pelaburan

Pada 2008, sejumlah 87 projek bernilai RM1.2 bilion telah diluluskan untuk industri ini, berbanding RM933.5 bilion pada 2007.

Jadual 4.83:
Petunjuk Produktiviti Industri Kayu dan Produk Kayu

Industri	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (Unit)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Kayu dan Produk Kayu	**35.2**	**-0.2**	**35.3**	**13.8**	**0.4**	**13.7**	**0.0880**	**2.0**	**0.0863**
Produk Kayu	**30.5**	**-1.3**	**30.9**	**12.2**	**-0.4**	**12.2**	**0.0918**	**2.8**	**0.0893**
Venir dan papan lapis	29.5	-2.1	30.2	9.8	0.8	9.8	0.0712	2.5	0.0695
Papan berlamina, papan serbuk serta papan dan panel jenis lain	89.6	5.8	84.7	22.9	5.2	21.7	0.0783	-0.3	0.0785
Binaan pertukangan tanggam	34.0	-4.5	35.6	13.8	-5.5	14.6	0.1226	14.6	0.1070
Perabot kayu dan rotan	22.5	-2.6	23.1	13.1	0.0	13.1	0.1214	5.4	0.1153
Produk Kertas	**57.7**	**-0.5**	**58.0**	**21.2**	**-0.2**	**21.3**	**0.0792**	**0.8**	**0.0786**
Pulpa dan *paperboard*	97.2	6.6	91.2	30.2	5.9	28.5	0.0647	-4.3	0.0676
Kertas gelugur dan *paperboard*	49.2	0.1	49.2	19.2	-2.0	19.6	0.0818	-0.4	0.0821
Sampul surat atau poskad kosong	34.6	-7.6	37.4	14.5	0.4	14.4	0.0761	13.2	0.0672
Tisu tandas dan kertas cucian	48.2	-9.0	52.9	18.1	-3.8	18.8	0.1179	16.0	0.1016
Pita pelekat dalam gulungan	58.9	-6.7	63.1	25.3	4.4	24.2	0.0938	20.1	0.0781

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan daripada Kajian Bulanan Perkilangan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Daripada jumlah tersebut, 61 merupakan projek baru dengan jumlah pelaburan sebanyak RM753 juta (64.5 peratus), sementara 26 lagi merupakan projek peluasan/pelbagaian bernilai RM414 juta (35.5 peratus). Pelaburan tempatan bernilai RM650.8 juta atau 55.8 peratus daripada jumlah pelaburan, manakala pelaburan asing bernilai RM516.3 juta.

Pelaburan terbesar dicatatkan dalam sub-segmen produk panel, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM766.5 juta atau 65.7 peratus daripada jumlah pelaburan bagi segmen produk kayu. Sejumlah 19 projek diluluskan yang mana sembilan daripadanya merupakan projek baru, bernilai RM411.3 juta, dan sepuluh merupakan projek peluasan/pelbagaian, bernilai RM355.2 juta. Lebih daripada separuh pelaburan tersebut adalah milikan asing. Antara projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran papan gentian berketumpatan sederhana (MDF), papan gentian berketumpatan tinggi (HDF) dan panel buluh yang merupakan projek pertama seumpamanya di Malaysia.

Dalam sub-segmen perabot, sejumlah 45 projek telah diluluskan, dengan pelaburan sebanyak RM215.6 juta pada 2008. Daripada projek ini, 37 merupakan projek baru bernilai RM198.9 juta dan lapan projek peluasan/pelbagaian bernilai RM16.7 juta. Pelaburan tempatan menyumbang sebanyak RM197.9 juta (92 peratus) daripada jumlah pelaburan dalam sub-segmen ini.

Sejumlah 11 projek telah diluluskan dalam sub-segmen acuan dan binaan pertukangan tanggam dengan pelaburan sebanyak RM95.2 juta (8 peratus). Daripada projek ini, tujuh merupakan projek baru dengan pelaburan sebanyak RM65.5 juta (68.8 peratus), manakala empat adalah projek peluasan/pelbagaian dengan pelaburan sebanyak RM29.7 juta. Pelaburan asing berjumlah RM50.9 juta atau 53.5 peratus daripada jumlah pelaburan. Kebanyakan projek yang diluluskan adalah untuk kombinasi produk pengacuan dan binaan pertukangan tanggam seperti papan lantai, bingkai gambar, pintu dan tingkap.

Dalam sub-segmen produk gentian bukan kayu, sembilan projek dengan pelaburan sebanyak RM74 juta telah diluluskan. Projek-projek ini adalah untuk pengeluaran venir, papan lapis, bahan penyala, gentian, palet, papan berlamina dan papan lantai daripada hampas minyak sawit. Kenaf turut tergolong sebagai bahan mentah alternatif yang digunakan untuk mengeluarkan palet dan produk komposit.

Pada 2008, sejumlah 26 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM910.5 juta telah diluluskan dalam industri kertas, pencetakan dan penerbitan. Daripada jumlah ini, 20 merupakan projek baru dengan pelaburan sebanyak RM872.2 juta manakala enam merupakan projek peluasan/pelbagaian, dengan pelaburan sebanyak RM38.3 juta. Pelaburan tempatan berjumlah RM430.2 juta,

Jadual 4.84:
Pelaburan dalam Industri Kayu dan Produk Kayu pada 2008

	2008	Perubahan (%)	2007
Bilangan Projek Diluluskan	**87**	**-6.5**	**93**
Jumlah Pelaburan (RM juta)	**1,167.1**	**25.0**	**933.5**
Pelaburan Tempatan (RM juta)	650.8	20.7	539.1
Pelaburan Asing (RM juta)	516.3	30.9	394.3

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

manakala pelaburan asing bernilai RM480.3 juta.

Eksport

Pada 2008, jumlah eksport produk kayu dan kertas secara marginalnya meningkat sebanyak 0.03 peratus kepada RM19.5 bilion, daripada RM18.8 bilion pada 2007.

Eksport produk kayu meningkat sebanyak 1.9 peratus kepada RM16.3 bilion, berbanding RM16.7 bilion pada 2007. Peningkatan ini disebabkan oleh meningkatnya tempahan daripada pengeluar rekabentuk asli (OEM) dan pengeluar jenama asli (OBM).

Pada 2008, jumlah eksport segmen produk kertas meningkat sebanyak 12.6 peratus kepada RM2.8 bilion, daripada RM2.5 bilion pada 2007. Eksport produk kertas dan paperboard meningkat sebanyak 10.6 peratus kepada melebihi RM1 bilion pada 2008, daripada RM912.4 juta pada 2007, manakala eksport sub-segmen kertas dan paperboard (dipotong) meningkat sebanyak 14.6 peratus kepada RM1.7 bilion pada 2008, berbanding RM1.5 bilion pada 2007.

Pada 2008, Jepun yang merupakan destinasi utama eksport produk kayu Malaysia, mengalami sedikit kemerosotan iaitu sebanyak 0.1 peratus, bernilai RM3.97 bilion. Begitu juga dengan Amerika Syarikat, yang merupakan destinasi eksport kedua terbesar, merosot sebanyak 9.3 peratus, dengan eksport bernilai RM2.5 bilion, begitu juga dengan Republik Korea yang mencatatkan penurunan sebanyak 2.6 peratus. United Kingdom merupakan satu-satunya negara dalam lima destinasi utama produk kayu yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2.4 peratus, bernilai RM988.7 juta pada 2008. Emiriyah Arab Bersatu muncul sebagai pasaran eksport kelima terbesar bernilai RM806 juta (4.9 peratus) bagi produk kayu.

Jadual 4.85:
Eksport Kayu dan Produk Kayu

Produk	2008 Nilai (RM juta)	Perubahan (%)	2007 NIlai (RM juta)
Jumlah Eksport Produk Kayu dan Kertas	**19,491.9**	**3.5**	**18,834.9**
Jumlah Eksport Produk Kayu	**16,628.2**	**2.1**	**16,294.1**
Venir dan papan lapis	8,354.5	1.3	8,246.3
Perabot Kayu	6,919.4	3.9	6,661.7
Pembuatan Kayu	1,352.6	-2.3	1,384.4
Pembuatan penyumbat	1.6	-4.8	1.7
Jumlah Eksport Produk Kertas dan Pulpa	**2,863.7**	**12.7**	**2,540.9**
Kertas dan *paperboard* (dipotong)	1,682.6	14.9	1,464.5
Kertas dan *paperboard*	1,009.2	10.6	912.4
Serbuk kayu	133.5	6.0	125.9
Pulpa dan kertas buangan	38.4	0.8	38.1

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Import

Jumlah import produk kayu dan kertas meningkat sebanyak 0.6 peratus kepada RM7.5 bilion pada 2008, daripada RM7.4 bilion pada 2007. Produk utama yang diimport adalah venir dan papan lapis, yang meningkat sebanyak 16.4 peratus kepada RM605.3 juta pada 2008, diikuti perabot kayu (RM529.2 juta), iaitu kenaikan sebanyak 0.6 peratus daripada tahun 2007.

Import produk kertas menurun sebanyak 0.6 peratus kepada RM6.17 bilion pada 2008 daripada RM6.2 bilion pada 2007. Import untuk kertas dan paperboard meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada RM4.61 bilion, berbanding RM4.59 bilion pada 2007.

Import dari Indonesia mencatatkan peningkatan sebanyak 80.9 peratus untuk produk kayu, bernilai RM265.4 juta. Sumber import utama yang lain bagi produk kayu adalah Republik Rakyat China dan Thailand, dengan import masing-masing bernilai RM411.7 juta dan RM259.7 juta.

Perkembangan

Pada 2008, pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan bagi terus memperkemaskan aspek sokongan institusi dan sistem penyampaian industri kayu dan produk kayu. Ini termasuk pengenalan Sistem Aplikasi Utama (MCS) oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) pada Januari 2008 bagi memudahkan pengeksport produk kayu membuat permohonan lesen eksport daripada MTIB. Melalui sistem online baru ini, pengeluaran lesen import untuk produk-produk berkenaan diagihkan ke semua pejabat MTIB di seluruh negara.

Jadual 4.86:
Import Kayu dan Produk Kayu

Produk	2008 Nilai (RM juta)	Perubahan (%)	2007 NIlai (RM juta)
Jumlah Import Produk Kayu dan Kertas	**7,468.0**	**0.6**	**7,424.3**
Jumlah Import Produk Kayu	**1,286.2**	**6.6**	**1,207.1**
Venir dan papan lapis	605.2	16.2	520.9
Perabot Kayu	527.6	0.3	526.0
Pembuatan Kayu	148.9	-5.8	158.0
Pembuatan penyumbat	4.6	109.3	2.2
Jumlah Import Produk Kertas dan Pulpa	**6,181.8**	**-0.6**	**6,217.2**
Kertas dan *paperboard*	4,612.3	0.4	4,595.3
Kertas dan *paperboard* (dipotong)	870.9	3.5	841.6
Pulpa dan kertas buangan	695.9	-10.7	779.6
Serbuk kayu	2.7	277.5	0.7

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

INDUSTRI PRODUK GETAH

Industri produk getah merangkumi empat segmen iaitu pengeluaran sarung tangan getah, pengeluaran tayar dan tiub getah, pencelupan dan pembuatan semula tayar serta pengeluaran produk berasaskan lateks dan produk getah biasa. Produk lateks termasuk sarung tangan getah, kateter, bebenang lateks, kondom dan produk-produk busa.

Tahun 2008 merupakan tahun yang mencabar bagi industri produk getah berikutan kenaikan harga getah dan minyak yang mana sebahagiannya menyumbang kepada kenaikan kos pengilangan.

Pengeluaran

Indeks pengeluaran keseluruhan bagi industri ini meningkat sebanyak 3.6 peratus, kepada 157.2 pada 2008 daripada 151.8 pada 2007. Pengeluaran sarung tangan getah mencatat kenaikan tertinggi iaitu 10.4 peratus, berpunca daripada meningkatnya permintaan untuk produk berasaskan lateks.

Pada 2008, pengeluaran tayar dan tiub getah serta pencelupan dan pembuatan semula tayar masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 2.1 dan 17.5 peratus daripada tahun 2007. Ini berikutan persaingan sengit dari Republik Rakyat China dan negara-negara ASEAN.

Jualan

Jualan keseluruhan untuk industri produk getah meningkat sebanyak 2.5 peratus kepada RM12.2 bilion pada 2008, berbanding RM11.9 bilion pada 2007. Segmen sarung tangan getah mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7 peratus kepada RM6 bilion pada 2008, manakala jualan bagi pencelupan dan pembuatan semula tayar mencatatkan penurunan terbesar buat masa ini iaitu 17.6 peratus kepada RM84.1 juta pada 2008 daripada RM102.6 juta pada 2007, berikutan merosotnya permintaan bagi tayar, terutamanya daripada pengeluar kenderaan yang terjejas akibat kelembapan ekonomi dunia.

Guna Tenaga

Guna tenaga dalam industri ini mengalami sedikit penurunan kepada 63,824 orang pada 2008, daripada 64,305 orang pada 2007. Segmen sarung tangan getah merupakan majikan terbesar dengan 33,469 orang pada 2008, berbanding 32,619 orang pada 2007.

Produktiviti

Produktiviti industri ini meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada RM63,100 pada 2008 berbanding RM62,300 pada 2007. Daya saing kos buruh industri meningkat berikutan penurunan Unit Kos Buruh

Jadual 4.87:
Indeks Pengeluaran bagi Industri Produk Getah

Segmen	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah	**128.2**	**4.7**	**122.5**
Produk berasaskan lateks dan produk getah biasa	152.0	1.9	149.2
Sarung Tangan Getah	122.4	10.4	110.9
Industri Tayar dan Tiub Getah	105.2	-2.8	108.2
Pencelupan dan pembuatan semula tayar	76.8	-19.0	94.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.88:
Jualan Produk Getah

Segmen	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah Jualan	**12,162.2**	**2.4**	**11,872.6**
Sarung Tangan Getah	6,011.2	5.8	5,679.8
Produk berasaskan lateks dan produk getah biasa	4,147.3	2.8	4,032.8
Industri tayar dan tiub	1,920.0	-6.7	2,057.3
Pencelupan dan pembuatan semula tayar	83.7	-18.4	102.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sebanyak 0.4 peratus. Di dalam segmen tersebut, pembuatan tayar dan tiub getah mencatatkan produktiviti tertinggi iaitu 5.8 peratus.

Pelaburan

Sejumlah 25 projek dengan pelaburan sebanyak RM344.4 juta telah diluluskan dalam industri produk getah (tidak termasuk peralatan perubatan). Daripada jumlah ini, 16 adalah projek baru bernilai RM142 juta manakala sembilan adalah untuk projek peluasan/pelbagaian yang bernilai RM202.4 juta.

Projek yang diluluskan melibatkan pelaburan tempatan sebanyak RM114 juta dan pelaburan asing sebanyak RM230.4 juta. Sejumlah 15 projek yang diluluskan (RM88.9 juta) dimiliki sepenuhnya rakyat Malaysia, satu projek (RM23.2 juta) merupakan usahasama dengan syarikat yang majoritinya dimiliki rakyat Malaysia dan dua projek (RM10.7 juta) adalah usahasama dengan syarikat majoriti milikan asing.

Pelaburan utama adalah untuk produk lateks (RM212.8 juta), produk getah industri dan umum (RM107.8 juta), produk tayar dan berkaitan tayar (RM14 juta) dan pengitaran semula tayar terpakai kepada serdak getah, *carbon black*, tiub besi, minyak bahan bakar dan gentian (RM9.8 juta).

Sebanyak 10 projek telah diluluskan dalam segmen produk lateks, yang mana tiga daripadanya adalah projek baru, bernilai RM28.2 juta dan tujuh lagi merupakan

Jadual 4.89:
Guna tenaga bagi Industri Produk Getah

Segmen	2008 (Orang)	Perubahan (%)	2007 (Orang)
Jumlah Guna tenaga	**59,402**	**-1.8**	**60,502**
Sarung Tangan Getah	31,661	2.4	30,918
Produk berasaskan lateks dan produk getah biasa	21,843	-5.9	23,213
Industri Tayar dan tiub	5,417	-8.0	5,887
Pencelupan dan pembuatan semula tayar	481	-0.6	484

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.90:
Petunjuk Produktiviti bagi Industri Produk Getah

Segmen	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh setiap Pekerja (RM'000)			Unit Kos Buruh (RM)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Produk Getah	**63.1**	**1.3**	**62.3**	**17.4**	**0.1**	**17.4**	**0.0951**	**-0.4**	**0.0955**
Tayar dan tiub getah	120.9	5.8	114.3	28.6	3.7	27.6	0.0780	-1.1	0.0788
Pencelupan dan pembuatan semula tayar	53.2	3.8	51.2	17.9	3.3	17.3	0.1162	-0.9	0.1173
Sarung Tangan Getah	64.7	3.6	62.4	15.4	1.0	15.3	0.0897	-1.6	0.0912
Produk Getah lain	48.3	-4.3	50.5	17.4	-2.1	17.7	0.1117	2.4	0.1092

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia

Jadual 4.91:
Pelaburan dalam Industri Produk Getah

Segmen	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Bilangan Projek Diluluskan	25	-7.4	27
Jumlah Pelaburan (RM juta)	344.4	-22.0	441.5
Pelaburan Tempatan (RM juta)	114	-43.9	203.2
Pelaburan Asing (RM juta)	230.4	-3.3	238.2

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

projek peluasan/pelbagaian bernilai RM184.6 juta. Pelaburan tempatan bernilai RM67.4 juta, manakala pelaburan asing berjumlah RM145.3 juta.

Sejumlah 11 projek, dengan pelaburan sebanyak RM107.8 juta telah diluluskan dalam segmen produk getah industri dan umum. Projek-projek ini adalah untuk pembuatan produk-produk seperti produk acuan getah untuk industri elektrik dan elektronik serta automotif, hos hidraulik, penahan gegar, penutup, penyendal, cincin-o dan *rubber defeathering fingers*. Pelaburan tempatan berjumlah RM22.8 juta, manakala pelaburan asing berjumlah RM85 juta. Sebanyak sepuluh projek baru bernilai RM104 juta, manakala satu projek untuk peluasan/pelbagaian bernilai RM3.8 juta. Tiga projek baru, dengan pelaburan sebanyak RM9.8 million telah diluluskan bagi pengitaran semula tayar terpakai kepada serdak getah, *carbon black*, wayar besi, minyak bahan bakar dan gentian. Kesemua projek ini dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia.

Eksport

Eksport produk getah meningkat sebanyak 21.2 peratus kepada RM12.8 bilion pada 2008, berbanding RM10.6 bilion pada 2007.

Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan global yang meningkat untuk sarung tangan getah. Eksport produk getah bagi sarung tangan getah bernilai RM7 bilion, diikuti oleh produk getah industri (RM3.7 bilion), produk tayar dan berkaitan tayar (RM853.4 juta), produk berkaitan getah (RM810.9 juta) dan getah tiruan (RM393.7 juta).

Amerika Syarikat kekal sebagai pasaran eksport terbesar produk getah pada 2008, dengan eksport bernilai RM2.9 bilion, diikuti Republik Rakyat China (RM2.6 billion), Jerman (RM802.2 juta), Jepun (RM508.4 juta), dan United Kingdom (RM460.2 juta). Kelima-lima destinasi eksport utama ini merangkumi 56.7 peratus daripada jumlah eksport produk getah.

Import

Import produk getah meningkat sebanyak 23.3 peratus kepada RM3.6 bilion pada 2008, daripada RM2.9 bilion pada 2007. Ini disebabkan peningkatan bagi produk bukan tradisi seperti produk berkaitan getah (21.5 peratus), barangan getah industri (30.1 peratus) dan sarung tangan getah (86.6 peratus), dan juga import getah tiruan, serta produk tayar dan berkaitan tayar berikutan meningkatnya permintaan daripada industri perkilangan tempatan.

Jepun terus kekal sebagai sumber import terbesar bagi produk getah, dengan import bernilai RM850.7 juta. Sumber import utama yang lain adalah Thailand, bernilai RM822.5 juta, Amerika Syarikat (RM279.9 juta), Taiwan (RM255.1 juta) dan Indonesia

Jadual 4.92:
Eksport Produk Getah

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah Eksport Produk Getah	**12,806.1**	**21.0**	**10,583.1**
Sarung tangan getah	7,030.8	19.6	5,876.2
Produk getah industri	3,734.2	29.8	2,876.5
Produk Tayar dan berkaitan tayar	850.0	-4.7	891.6
Produk berkaitan getah	810.9	19.4	679.1
Getah tiruan	380.3	46.4	259.7

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

Jadual 4.93:
Import Produk Getah

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah Import Produk Getah	**3,598.9**	**23.3**	**2,919.2**
Getah tiruan	1,521.3	21.0	1,257.2
Produk Tayar dan berkaitan tayar	950.6	19.4	796.3
Produk berkaitan getah	728.7	21.5	599.8
Barangan getah industri	225.5	30.1	173.3
Sarung tangan getah	172.8	86.6	92.6

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

(RM197.5 juta). Kelima-lima sumber import ini merangkumi 66.9 peratus daripada jumlah import produk getah. Nilai import yang tinggi dari kelima-lima negara ini adalah disebabkan penggunaan bahan mentah dalam pengeluaran sarung tangan getah.

Perkembangan

Kerajaan menyedari kepentingan penyelidikan dan pembangunan dalam segmen huluan, pertengahan dan hiliran bagi menggerakkan industri ke hadapan melebihi negara-negara pengeluar getah yang lain. Usaha-usaha penyelidikan telah membawa kepada peningkatan kapasiti, keupayaan dan pengetahuan industri untuk menghasilkan klon getah yang mampu mengeluarkan hasil tinggi seperti siri 500, 600 dan 2000. Melalui kemajuan teknologi, hasil torehan para penoreh getah telah meningkat kepada 80 gram untuk setiap pokok yang ditoreh, berbanding 25 hingga 30 gram sebelum ini.

Untuk jangka panjang, industri ini mensasarkan untuk menghasilkan sebanyak 4,000 kg setiap hektar setahun, berbanding purata kebangsaan sebanyak 1,500 kg setiap hektar setahun. Melalui penyelidikan dan pembangunan, industri ini juga mampu mengeluarkan pokok kayu getah yang lebih baik dengan jumlah sebanyak 1.4 meter padu berbanding 0.8 sebelum ini.

Sebilangan syarikat perladangan yang hanya menanam kelapa sawit berikutan harga sawit yang lebih tinggi, kini sedang beralih untuk menjalankan penanaman getah di sebahagian tanah simpanan bagi mengimbangi kesan turun naik harga untuk kedua-dua komoditi. Syarikat-syarikat perladangan telah menunjukkan minat untuk menanam lebih banyak pokok getah. Kegawatan ekonomi global yang telah menjejaskan pengeluar kenderaan utama, telah mengakibatkan kemerosotan terhadap permintaan tayar. Kejatuhan harga minyak mentah dan pasaran hadapan getah yang lemah merupakan faktor utama yang telah menjejaskan harga getah jenis *Standard Malaysian Rubber 20* (SMR20) dan pekatan lateks ke paras terendah masing-masing di paras RM3,955 dan RM3,090 setiap tan.

Sebanyak tiga negara pengeluar getah utama, yang menyumbangkan sehingga 80 peratus daripada pengeluaran getah asli dunia, telah bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran melalui Skim Pengurangan Eksport Getah (AETS).

Pada 13 Disember 2008, International Tripartite Rubber Council (ITRC), yang terdiri daripada Thailand, Indonesia dan Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah segera untuk melaksanakan dan memastikan harga getah asli kekal di paras yang bersesuaian. Langkah-langkah yang diambil termasuk pelaksanaan AETS, dengan menetapkan harga eksport pada paras sekurang-kurangnya ASD$1.35/kg dan penyelesaian ke atas sebarang kontrak terdahulu.

Kejatuhan harga getah dipengaruhi oleh penurunan permintaan import getah keluaran Malaysia dari negara-negara seperti Republik Rakyat China, Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Eropah, ekoran daripada kegawatan ekonomi. Bagi mengurangkan lebihan ke atas penawaran getah asli, pengeluaran getah asli telah dikurangkan kepada 430,000 tan. Inisiatif lain yang telah diambil pada 2008 adalah dengan mempercepatkan proses penanaman semula pokok-pokok getah yang telah berusia dan tidak lagi produktif yang akan dapat mengurangkan pengeluaran getah asli sebanyak 60,000 tan.

INDUSTRI MINYAK SAWIT

Industri minyak sawit terdiri daripada minyak sawit, minyak isirong, dedak isirong, oleokimia dan produk siap.

Pada 2008, industri minyak sawit mencatatkan peningkatan dari segi purata

harga produk minyak sawit, minyak sawit mentah dan isirong sawit. Purata harga minyak sawit mentah meningkat 9.8 peratus kepada RM2,777.50 pada 2008 berbanding RM2,530.50 pada 2007. Harga purata eksport bagi produk minyak sawit diproses telah meningkat, selari dengan peningkatan harga minyak sawit mentah tempatan. Ini termasuklah *refined, bleached* dan *deodorised* (RBD), yang meningkat sebanyak RM59 atau 2.2 peratus kepada RM2,699, RBD palm olein sebanyak RM467 atau 18 peratus kepada RM3,055 dan RBD palm stearin sebanyak RM40 atau 1.6 peratus kepada RM2,551.

Pengeluaran minyak sawit mentah pulih sebanyak 12.1 peratus, sementara stok minyak sawit kekal tinggi dan ditutup pada paras dua juta tan pada akhir 2008. Pendapatan eksport produk minyak sawit mencatatkan peningkatan sebanyak RM65.2 bilion.

Harga purata isirong sawit pada 2008 meningkat sebanyak 12.7 peratus atau RM185.50 kepada RM1,647 per tan, daripada RM1,461.50 pada 2007 disebabkan harga minyak isirong sawit mentah yang tinggi dalam pasaran domestik. Harga purata minyak isirong sawit meningkat sebanyak 22.4 peratus atau RM629.50 kepada RM3,437 daripada RM2,807.50 pada 2007 akibat daripada harga miyak pelincir yang lebih kukuh dalam pasaran dunia.

Pengeluaran

Pengeluaran keseluruhan industri minyak sawit meningkat sebanyak 11.8 peratus pada 2008 kepada 26.8 juta tan daripada 23.9 juta pada 2007. Peningkatan tersebut disebabkan oleh pertambahan dalam pengeluaran minyak sawit mentah (11.8 peratus), isirong sawit (11.7 peratus) dan minyak isirong mentah (11.7 peratus).

Pelaburan

Pada 2008, sejumlah 58 projek, dengan pelaburan bernilai RM3 bilion telah diluluskan bagi pengeluaran produk minyak sawit berbanding 63 projek, dengan pelaburan bernilai RM3.2 bilion pada 2007. Pelaburan domestik mencapai RM1.9 bilion daripada keseluruhan pelaburan, sementara pelaburan asing berjumlah RM1.1 bilion. Projek tersebut termasuk pengeluaran minyak sawit dan produk isirong sawit, penjanaan kuasa daripada biomas sawit, oleokimia dan produk daripada biomas sawit.

Dalam segmen minyak isirong dan minyak sawit, sejumlah 20 projek dengan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion telah diluluskan pada 2008, berbanding 17 projek bernilai RM658.1 juta pada 2007. Daripada jumlah ini, 7 merupakan projek baru, bernilai RM522.6 juta, dan 13 merupakan projek peluasan/pelbagaian bernilai RM814.7 juta. Pelaburan domestik

Jadual 4.94:
Pengeluaran Industri Minyak Sawit

Produk	2008 (juta tan)	Perubahan (%)	2007 (juta tan)
Produk Jumlah	**26.8**	**11.7**	**24.0**
Minyak sawit mentah	17.7	12.0	15.8
Isirong	4.6	12.2	4.1
Minyak isirong mentah	2.1	10.5	1.9
Dedak isirong	2.4	9.1	2.2

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM)

Jadual 4.95:
Pelaburan dalam Industri Minyak Kelapa Sawit

	2008	Perubahan (%)	2007
Bilangan projek diluluskan	58	-7.9	63
Jumlah pelaburan (RM bilion)	3.0	-6.3	3.2
Pelaburan domestik (RM bilion)	1.9	-13.6	2.2
Pelaburan asing (RM bilion)	1.1	10.0	1.0

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

berjumlah RM605.1 juta, sementara pelaburan asing berjumlah RM694.9 juta.

Projek yang diluluskan termasuk enam untuk aktiviti hiliran, seperti pengeluaran mentega koko bersamaan (proses enzimatik), minyak *interesterified*, marjerin, *shortening*, gee sayuran, produk terhidrogen, lemak konfeksi dan makanan haiwan. Projek lain termasuklah penapisan dan loji menghancur sawit.

Dalam segmen oleokimia, sebanyak sembilan projek dengan pelaburan sebanyak RM529.1 juta telah diluluskan pada 2008, berbanding 18 projek bernilai RM955.5 juta pada 2007. Daripada jumlah ini, lima adalah untuk projek baru bernilai RM245 juta dan empat adalah untuk projek peluasan/pelbagaian bernilai RM284.1 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM439.1 juta, manakala pelaburan asing berjumlah RM90 juta.

Projek yang diluluskan adalah bagi pengeluaran oleokimia asas, *oleochemical derivatives* dan produk hiliran, termasuklah asid lemak, gliserin, lemak alkohol serta *tocotrienols*, campuran kerotin pekat dan perisa makanan haiwan.

Permintaan global bagi oleokimia telah berkembang pada kadar 3 peratus setahun sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Peningkatan permintaan bagi oleokimia didorong oleh corak yang berterusan ke arah penggunaan produk semulajadi atau berasaskan tumbuhan, kimia yang boleh dilupus secara semulajadi dan pengaruh ekonomi dunia yang bertambah. Dengan wujudnya sumber oleokimia asas, Malaysia dijangka terus memperluaskan pengeluaran bagi oleochemical derivatives dan produk hiliran. Produk-produk ini termasuk perisa makanan tambahan dan ramuan, *carotenoids* sawit, dan *tocotrienols* sawit, polyols, plastik yang boleh dilupus secara semulajadi dan *surfactants*.

Dalam segmen biomas sawit, sebanyak 29 projek dengan pelaburan berjumlah RM1162.8 juta telah diluluskan pada 2008, berbanding 19 projek bernilai RM479.6 juta pada 2007. Pelaburan domestik berjumlah RM724.4 juta sementara pelaburan asing berjumlah RM438.4 juta. Dalam segmen produk biomas sawit, 29 projek dengan pelaburan berjumlah RM62.8 juta telah diluluskan pada 2008, berbanding 12 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM158.7 juta pada 2007. Pelaburan domestik berjumlah RM50.1 juta atau 79.7 peratus daripada keseluruhan pelaburan dalam segmen ini. Projek yang diluluskan termasuklah pengeluaran pulpa, *mulching mat*, baja dan fiber organik dan penjanaan tenaga daripada biomas sawit.

Sebagai tambahan, 20 projek dengan pelaburan sebanyak RM1.1 bilion telah diluluskan bagi penjanaan kuasa daripada biomas sawit, berbanding tujuh projek dengan pelaburan sebanyak RM320.9 juta pada 2007. Pelaburan domestik menyumbang 61.3 peratus kepada keseluruhan pelaburan dalam segmen biomas sawit.

Eksport

Jumlah pendapatan eksport bagi produk minyak sawit telah meningkat sebanyak

44.4 peratus kepada RM65.2 juta pada 2008 daripada RM45.2 juta pada 2007. Dari segi kuantiti, jumlah eksport meningkat sebanyak 11.2 peratus kepada 21.8 juta tan pada 2008, berbanding 19.6 juta tan pada 2007.

Pada 2008, eksport minyak sawit meningkat sebanyak 1.66 juta tan atau 12.1 peratus kepada 15.41 juta tan. Republik Rakyat China mengekalkan kedudukannya sebagai pasaran eksport terbesar minyak sawit Malaysia untuk tahun ketujuh berturut-turut, dengan pesanan berjumlah 3.8 juta tan atau 24.6 peratus daripada keseluruhan eksport minyak sawit, diikuti oleh Kesatuan Eropah sebanyak 2.1 juta tan (13.3 peratus), Pakistan sebanyak 1.26 juta tan (8.2 peratus), Amerika Syarikat sebanyak 1.1 juta tan (6.8 peratus), India sebanyak 1 juta tan (6.3 peratus), Jepun sebanyak 0.6 juta tan (3.5 peratus) dan Ukraine sebanyak 0.5 juta tan (3.1 peratus). Secara keseluruhan, ketujuh-tujuh pasaran tersebut merangkumi 10.15 juta tan atau 65.9 peratus daripada keseluruhan eksport minyak sawit Malaysia pada 2008.

Ekport bagi kebanyakan produk minyak sawit mencatatkan peningkatan pada 2008, berbanding 2007. Peningkatan utama adalah dalam biodiesel yang mencatatkan kenaikan sebanyak 91.7 peratus, sementara penurunan direkodkan dalam oleokimia, iaitu penurunan sebanyak 3.1 peratus.

Import

Jumlah kuantiti import produk minyak sawit meningkat sebanyak 32.8 peratus kepada 815,000 tan pada 2008, berbanding 613,000 tan pada 2007. Minyak sawit dan minyak isirong sawit merupakan produk minyak sawit utama yang diimport pada 2008, walaupun kuantitinya berkurangan – bagi minyak isirong sebanyak 15 peratus kepada 225,000 tan daripada 264,000 tan dan isirong sebanyak 64.8 peratus kepada 29,000 tan daripada 81,000 tan.

Perkembangan

Kejatuhan harga minyak sawit global bagi tempoh Ogos – Disember 2008 telah menjejaskan pengeluaran dan nilai eksport minyak sawit dan produk minyak sawit. Bagi merangsang permintaan domestik untuk minyak sawit Malaysia semasa krisis komoditi ini, Kerajaan telah mengenakan

Jadual 4.96:
Eksport Produk Minyak Sawit

Produk	2008		Perubahan (%)		2007	
	Kuantiti ('000 tan)	RM juta	Kuantiti	RM juta	Kuantiti ('000 tan)	RM juta
Jumlah	21,762.3	65,206.0	11.2	44.4	19,574.0	45,169.1
Minyak sawit	15,412.8	47,926.2	12.1	44.4	13,747.0	33,186.7
Minyak isirong	1,047.4	4,159.8	-1.3	34.0	1,061.0	3,104.9
Dedak isirong	2,261.3	990.9	8.0	30.1	2,094.0	761.7
Oleokimia	2,074.0	8,697.1	-3.1	30.2	2,140.0	6,679.6
Produk siap	670.6	2,656.6	91.1	141.9	351.0	1,098.3
Biodisel	182.1	610.7	91.7	141.2	95.0	253.2

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM)

syarat mandatori bagi penggunaan bio bahan api dalam kenderaan milik Kerajaan, pengangkutan awam dan industri menjelang 2010. Kerajaan juga melaksanakan skim penanaman semula bagi pokok sawit yang berusia melebihi 25 tahun bagi mengurangkan bekalan sedia ada.

Jadual 4.97:
Import Produk Minyak Sawit

Import	2008 ('000 tan)	Perubahan (%)	2007 ('000 tan)
Jumlah	**815**	**32.8**	**613**
Minyak sawit	561	109.7	268
Minyak Isirong	225	-15.0	264
Isirong	29	-64.8	81

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (LMSM)

Selain itu, industri minyak sawit Malaysia menghadapi masalah besar dengan tindakan Kesatuan Eropah (EC) yang mendiskriminasi minyak sawit, ekoran daripada tekanan kumpulan alam sekitar dan pengeluar bio bahan api domestik. Pesuruhjaya Eropah sedang mempertimbangkan langkah-langkah untuk memperketatkan import bio bahan api yang gagal mengurangkan kesan gas rumah hijau atau mengakibatkan bahaya sosial dan persekitaran semasa proses pengeluaran. Negara pengeluar terutamanya Malaysia, Indonesia dan Brazil berpandangan bahawa peraturan yang dicadangkan tersebut sebagai peraturan perdagangan yang tidak adil yang memberi keutamaan kepada pengeluar bio bahan api di Eropah dan Amerika Syarikat.

Terdapat aliran yang positif terhadap eksport minyak sawit Malaysia susulan termeterainya Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia (FTA) dengan Pakistan, yang berkuatkuasa pada Januari 2008. Pada 2008, eksport minyak sawit ke Pakistan meningkat sebanyak 17.5 peratus kepada 1.3 juta tan, berikutan pengurangan duti import bagi minyak sawit Malaysia sebanyak 10 peratus '*Margin of Preference*' di bawah perjanjian tersebut.

INDUSTRI PEMPROSESAN MAKANAN DAN MINUMAN

Selaras dengan penekanan Kerajaan terhadap sektor pertanian, industri pemprosesan makanan dan minuman telah menjadi komponen penting dalam industri asas tani.

Enterpris kecil dan sederhana mewakili lebih daripada 80 peratus daripada bilangan keseluruhan perusahaan dalam segmen pemprosesan makanan. Kebanyakan perusahaan ini terlibat dalam pengeluaran ikan dan produk ikan, daging dan produk daging, buah-buahan dan sayur-sayuran serta produk berasaskan koko. Segmen minuman pula merangkumi pengilangan minuman ringan dan air mineral.

Pengeluaran

Pada 2008, indeks pengeluaran keseluruhan bagi industri pemprosesan makanan dan minuman terpilih meningkat sebanyak 8.2 peratus kepada 157.9 daripada 145.9, pada 2007, berikutan permintaan yang tinggi dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Indeks pengeluaran sektor pemprosesan makanan meningkat sebanyak 7.8 peratus kepada 162.4 daripada 150.6 pada 2007. Indeks pengeluaran yang tinggi direkodkan dalam pengilangan produk koko iaitu 229.6, pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan sebanyak 220.6 dan pengilangan tepung sebanyak 128.8.

Indeks pengeluaran bagi produk minuman meningkat sebanyak 10.5 peratus kepada 135.2 pada 2008 daripada 122.3 pada 2007. Indeks pengeluaran bagi pengilangan minuman ringan mencatatkan peningkatan sebanyak 17.3 peratus kepada 210 daripada 179 pada 2007.

Jadual 4.98:
Indeks Pengeluaran Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Segmen	2008	Perubahan (%)	2007
Jumlah	**125.3**	**8.0**	**116.0**
Makanan diproses	**128.6**	**10.2**	**116.7**
Produk makanan lain	163.3	21.1	134.9
Produk koko	162.3	29.2	125.6
Snek	93.7	-7.5	101.3
Produk coklat dan manisan	134.4	1.9	131.9
Pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan	102.1	-5.4	107.9
Pengilangan tepung	110.4	1.2	109.1
Biskut	100.5	-11.0	112.9
Pengilangan beras	142.1	7.7	132.0
Gula	106.5	-5.2	112.4
Susu pekat, tepung dan sejat	121.4	11.9	108.5
Minuman	117.2	2.6	114.2
Minuman ringan	229.2	13.8	201.4
Malt beralkohol dan malt	93.6	-2.3	95.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: Tahun asas 2000=100

Penurunan yang besar direkodkan dalam pengeluaran biskut, diikuti oleh pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan iaitu masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak 14.2 peratus dan 7.6 peratus. Penurunan tersebut disebabkan oleh isu melamine dan larangan import yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah terhadap produk perikanan.

Jualan

Nilai jualan produk makanan diproses dan minuman meningkat sebanyak 24 peratus kepada RM21.8 bilion pada 2008 daripada RM17.5 bilion pada 2007, berikutan peningkatan penggunaan domestik dan eksport. Makanan diproses yang mencatatkan jualan yang tinggi adalah susu pekat, tepung dan sejat dengan RM4 bilion, produk koko (RM3.7 bilion) dan minyak dan lelemak sayuran dan haiwan (RM2.6 bilion).

Guna Tenaga

Pada 2008, guna tenaga dalam industri pemprosesan makanan dan minuman menurun sebanyak 3.3 peratus kepada 40,373 pekerja, berbanding 41,754 pekerja pada 2007. Pengeluaran air mineral mencatatkan pertumbuhan tertinggi sebanyak 23.4 peratus kepada 812 orang, berbanding 658 pada 2007. Segmen lain yang mencatatkan pertumbuhan dalam guna tenaga adalah pengilangan produk makanan lain iaitu 18.2 peratus, produk koko (8 peratus) dan pengilangan minyak dan lelemak sayuran dan haiwan (5 peratus).

Produktiviti

Produktiviti industri pemprosesan makanan dan minuman terus meningkat sebanyak 19.2 peratus kepada RM90,000 pada 2008, berbanding RM75,500 pada 2007. Kos Buruh bagi industri ini kekal berdaya saing, dengan Kos Unit Buruh menurun sebanyak 8.2 peratus, menunjukkan penggunaan dan pengurusan sumber yang berkesan.

Segmen makanan diproses mencatatkan peningkatan dalam produktiviti sebanyak 20.9 peratus. Pertumbuhan produktiviti tertinggi dicatatkan oleh pengilangan beras, sebanyak 65.3 peratus, diikuti oleh minyak dan lelemak sayuran dan haiwan yang lain sebanyak 44.3 peratus dan produk koko, sebanyak 43.5 peratus. Segmen-segmen ini mampu mengekalkan daya saing kos buruh, ditunjukkan melalui penurunan dalam Kos Unit Buruh bagi 2008 masing-masing sebanyak 9.3 peratus, 13.5 peratus dan 11.3 peratus.

Jadual 4.99:
Jualan Keluaran Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Segmen	2008 (RM '000)	Perubahan (%)	2007 (RM '000)
Jumlah	**22,443,742**	**24.5**	**18,022,273**
Makanan diproses	**21,298,547**	**24.7**	**17,078,292**
Susu pekat, tepung dan sejat	4,054,995	11.1	3,649,417
Produk koko	3,758,837	49.6	2,512,268
Pembuatan lelemak sayuran dan haiwan dan minyak (tidak termasuk minyak sawit)	1,330,077	87.1	1,482,131
Gula	2,082,004	-6.4	2,225,481
Tepung	2,050,441	42.3	1,440,513
Produk makanan lain	1,439,840	35.8	1,059,972
Ikan yang diawet dan produk ikan	1,055,932	0.4	1,051,615
Beras	1,005,087	46.3	687,080
Biskut	875,724	4.6	837,480
Produk coklat dan manisan	569,701	-16.3	680,954
Snek	585,595	38.6	422,433
Sos	502,923	8.2	465,023
Minyak kelapa	65,573	-0.6	65,987
Nanas dalam tin	56,980	-20.8	71,966
Minuman	**1,145,195**	**35.8**	**943,981**
Minuman ringan	1,021,452	19.4	855,449
Air mineral	123,743	39.8	88,532

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti bagi segmen minuman mencatatkan penurunan sebanyak 5.8 peratus. Segmen ini tidak mampu mengekalkan daya saing kos buruh di mana Kos Unit Buruh telah meningkat sebanyak 4.8 peratus pada 2008.

Pelaburan

Sejumlah 70 projek (pemprosesan makanan dan minuman) dengan pelaburan berjumlah RM1.5 bilion telah diluluskan pada 2008. Projek-projek yang telah diluluskan adalah bagi gula dan produk berasaskan gula, makanan ringan, krimer bukan tenusu, makanan akuakultur, produk hasil laut, produk haiwan diproses, produk koko dan coklat serta produk makanan lain.

Daripada keseluruhan pelaburan, pelaburan domestik berjumlah RM1 bilion sementara pelaburan asing berjumlah RM488.1 juta. Syarikat pengilangan makanan sedia ada terus memperluas dan mempelbagai operasi mereka. Daripada 70 projek yang telah diluluskan, 31 adalah untuk projek peluasan/ pelbagaian yang bernilai RM723.5 juta, sementara 39 merupakan projek baru yang bernilai RM808.5 juta.

Jadual 4.100:
Guna Tenaga dalam Industri Makanan dan Minuman Diproses

Segmen	2008 (Pekerja)	Perubahan (%)	2007 (Pekerja)
Jumlah	**45,418**	**1.4**	**44,778**
Makanan diproses	**42,656**	**0.5**	**42,436**
Pengawetan ikan dan produk ikan	7,938	2.1	8,106
Biskut	5,043	-12.2	5,747
Susu pekat, tepung dan sejat	3,967	-1.7	4,035
Produk coklat dan manisan	2,860	-16.6	3,859
Snek	3,242	0.3	3,231
Produk makanan lain	2,578	18.7	2,172
Sos	2,261	-3.2	2,335
Produk koko	1,975	7.9	1,830
Gula	1,930	-3.4	1,997
Minyak dan lelemak sayuran dan haiwan	1,463	4.1	1,406
Tepung	1,554	2.3	1,519
Beras	1,802	33.3	1,352
Nanas dalam tin	548	-4.5	574
Minyak kelapa	187	-7.4	202
Minuman	**2,762**	**17.9**	**2,342**
Minuman ringan	1,953	16.0	1,684
Air mineral	809	22.9	658

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport

Ekport bagi produk makanan diproses dan minuman terpilih meningkat sebanyak 35.4 peratus pada 2008 kepada RM13.4 bilion, berbanding RM10 bilion pada 2007.

Eksport bagi produk makanan diproses meningkat sebanyak 39.9 peratus kepada RM12.1 bilion pada 2008 daripada RM8.7 bilion pada 2007. Barangan eksport utama adalah koko dan keluaran koko, berjumlah RM3.3 bilion, diikuti oleh sajian berasaskan bijirin sebanyak RM1.3 bilion dan produk tenusu sebanyak RM1.1 bilion. Destinasi utama eksport adalah Singapura, bernilai RM1.7 bilion, Amerika Syarikat (RM1 bilion), Indonesia (RM935 juta), Kuwait (RM563.1 juta) dan Iraq (RM558.6 juta).

Pada 2008, eksport produk minuman meningkat sebanyak 5.7 peratus kepada RM1.4 bilion daripada RM1.3 bilion pada 2007. Peningkatan eksport ini disumbangkan oleh minuman tanpa alkohol, dengan peningkatan sebanyak 24 peratus, bernilai RM456.9 juta.

Import

Jumlah import bagi produk makanan diproses dan minuman meningkat sebanyak 9.9 peratus kepada RM10 bilion pada 2008, berbanding RM9 bilion pada 2007.

Import bagi produk makanan diproses meningkat sebanyak 8.9 peratus kepada RM8.9 bilion pada 2008, berbanding RM8.2 bilion pada 2007. Barangan import utama

Jadual 4.101:
Indeks Produktiviti Industri Makanan dan Minuman Terpilih

Industri	Produktiviti (RM'000)			Kos Buruh bagi setiap Pekerja (RM'000)			Kos Unit Buruh (Bilangan)		
	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007	2008	Perubahan (%)	2007
Produk makanan dan minuman	**90.0**	**19.2**	**75.5**	**22.6**	**6.1**	**21.3**	**0.0456**	**-8.2**	**0.0496**
Makanan	**89.9**	**20.9**	**74.4**	**22.4**	**6.8**	**21.0**	**0.0446**	**-9.0**	**0.0490**
Susu pekat, tepung dan sejat	169.9	4.2	163.1	39.7	2.5	38.7	0.0409	-0.4	0.0411
Pemprosesan dan pengawetan ikan dan produk ikan	27.7	4.5	26.5	11.9	4.0	11.4	0.0873	-0.6	0.0878
Pengetinan nenas	36.4	1.1	36.0	12.5	0.6	12.4	0.0997	-0.3	0.0999
Minyak kelapa	18.3	9.1	16.8	15.9	8.0	14.8	0.0450	-0.5	0.0452
Minyak dan lelemak sayuran lain dan haiwan	106.7	44.3	73.9	37.4	19.2	31.3	0.0293	-13.5	0.0339
Pengilangan beras	132.6	65.3	80.3	20.3	12.0	18.1	0.0312	-9.3	0.0344
Pengilangan tepung	259.1	19.5	216.7	38.1	14.8	33.2	0.0316	0.0	0.0316
Biskut	42.2	17.7	35.9	15.1	9.3	13.8	0.1019	-1.2	0.1032
Gula	116.1	13.7	102.1	31.8	7.3	29.6	0.0261	-0.3	0.0262
Produk koko	183.1	43.5	127.6	33.5	7.9	31.1	0.0196	-11.3	0.0221
Produk coklat dan manisan	59.2	1.7	58.2	20.1	0.4	20.0	0.1213	-3.5	0.1256
Sos	67.9	4.3	65.1	22.7	3.0	22.0	0.0991	-4.4	0.1037
Snek	39.2	3.8	37.7	14.1	3.2	13.6	0.0841	-11.3	0.0949
Produk makanan lain	170.4	15.7	147.2	26.7	-8.4	29.2	0.0606	-9.0	0.0666
Minuman	**90.6**	**-5.8**	**96.1**	**24.9**	**-5.9**	**26.5**	**0.0635**	**4.8**	**0.0606**
Minuman ringan	116.8	-5.6	123.6	29.1	-9.0	32.0	0.0581	1.9	0.0570
Pengeluaran air mineral	30.0	1.9	29.5	15.3	15.6	13.2	0.1067	12.5	0.0949

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia
Berdasarkan kajian perkilangan bulanan dan kajian perindustrian tahunan
Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4.102:
Pelaburan dalam Industri Pemprosesan Makanan dan Minuman

	2008	Perubahan (%)	2007
Bil. Projek diluluskan	**70**	**4.5**	**67**
Jumlah pelaburan (RM juta)	**1,532**	**-14.0**	**1,781.1**
Pelaburan domestik (RM juta)	1,043.9	-31.0	1,513.2
Pelaburan asing (RM juta)	488.1	82.2	267.9

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: Data bagi 2008 termasuk makanan haiwan dan produk minyak sawit

Jadual 4.103:
Eksport Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**13,499.2**	**35.4**	**9,966.6**
Makanan diproses	**12,131.8**	**39.9**	**8,670.4**
Makanan diproses lain	4,835.9	80.2	2,683.9
Koko dan sediaan koko	3,280.0	32.5	2,475.1
Sajian bijirin	1,284.4	26.1	1,018.3
Produk tenusu	1,082.9	32.5	817.1
Makanan laut diproses	546.4	-4.1	569.9
Gula dan produk berasaskan gula	483.9	-27.5	667.3
Sayuran dan buah-buahan diproses	421.4	26.7	332.5
Daging diproses	149.5	95.7	76.4
Minuman	**2,406.6**	**5.7**	**2,195.0**
Minuman beralkohol	912.6	-1.6	927.7
Minuman tanpa alkohol	457.6	24.2	368.5

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.104:
Import Produk Makanan Diproses dan Minuman Terpilih

Produk	2008 (RM juta)	Perubahan (%)	2007 (RM juta)
Jumlah	**9,910.3**	**10.0**	**9,012.50**
Makanan diproses	**8,935.4**	**8.9**	**8,202.4**
Produk tenusu	2,566.4	3.9	2,470.3
Makanan diproses lain	2,357.6	17.2	2,011.9
Gula dan produk berasaskan gula	1,733.5	-6.2	1,847.5
Sajian bijirin dan tepung	763.0	49.5	510.5
Sajian sayuran dan buah-buahan	675.9	13.4	596.1
Makanan laut diproses	383.4	-1.7	390.1
Koko dan sediaan koko	320.5	23.5	259.5
Teh dan *mate*	99.4	5.0	94.7
Daging diproses	35.6	63.0	21.8
Minuman	**974.9**	**20.3**	**810.1**
Minuman beralkohol	884.6	15.4	766.9
Minuman tanpa alkohol	90.3	109.1	43.2

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

adalah produk tenusu, bernilai RM2.6 bilion, makanan diproses lain (RM2.4 bilion) serta gula dan produk berasaskan gula (RM1.7 bilion).

New Zealand merupakan sumber import terbesar Malaysia bagi makanan diproses pada 2008, bernilai RM1.6 bilion, yang menyumbang sebanyak 17.7 peratus daripada keseluruhan import negara bagi makanan diproses. Sumber import utama yang lain adalah Australia, dengan nilai import sebanyak RM1.3 bilion, AS (RM911.3 juta), Thailand (RM858.2 juta) dan Republik Rakyat China (RM589.8 juta).

Pada 2008, import bagi produk minuman meningkat sebanyak 15.4 peratus kepada RM974.9 juta, berbanding RM810.7 juta pada 2007. Peningkatan import disumbangkan oleh minuman tanpa alkohol yang meningkat sebanyak 109.1 peratus, bernilai RM90.3 juta.

Perkembangan

Industri makanan laut merupakan industri eksport kedua terbesar di Malaysia, yang menyumbang kepada jumlah eksport melebihi RM2.5 bilion setahun, dengan negara Eropah sebagai pasaran eksport utama. Pada 2008, Kerajaan bimbang dengan sekatan yang dikenakan oleh Kesatuan Eropah terhadap pengimportan produk makanan laut Malaysia yang tidak memenuhi piawaian kesihatan Kesatuan Eropah.

Di antara langkah bagi memastikan pematuhan kepada piawaian Kesatuan Eropah, Kerajaan menyediakan peruntukan pakej bantuan sebanyak RM500 juta dalam bentuk pinjaman mudah yang diuruskan oleh Bank Agro bagi membantu industri eksport makanan laut dengan keutamaan diberikan kepada ahli Persatuan Pengusaha Makanan Beku Malaysia (MFFPA). Dengan sumbangan eksport makanan laut yang penting kepada Kesatuan Eropah, dengan nilai RM255.9 juta, beberapa tindakan juga diambil oleh pengeksport ikan bagi memperbaiki piawaian kebersihan produk ikan yang dieksport ke Kesatuan Eropah.

Eksport bagi segmen biskut dan cookies Malaysia menghadapi penurunan berikutan pencemaran melamine ke atas beberapa kumpulan produk biskut dan konfeksi buatan Malaysia. Isu ini timbul disebabkan oleh pencemaran melamine yang ditemui dalam amonium bikarbonat yang diimport dari Republik Rakyat China oleh sebilangan pengilang biskut dan konfeksi di Malaysia. Sistem pengujian dan kawalan, termasuk menarik semula beberapa produk daripada rak peruncit telah dilaksanakan bagi memulihkan semula keyakinan terhadap biskut dan item konfeksi buatan Malaysia.

PROSPEK

Sektor perkilangan diramalkan akan terus menerima kesan kemelesetan ekonomi global. Tren menurun dalam pengeluaran perindustrian telah bermula sejak suku keempat 2008, diramalkan akan berterusan dalam tahun 2009, akibat penurunan permintaan dalam industri berasaskan eksport. Prestasi eskport Malaysia yang telah mantap sehingga Julai 2008, akibat hasil daripada harga komoditi yang tinggi serta nilai eskport yang tinggi bagi barangan pembuatan, diramalkan akan mencatat trend menurun pada 2009.

Walaupun krisis ini akan mempunyai impak secara umum ke atas sektor perkilangan, keupayaan menangani krisis adalah berbeza di antara industri. Industri yang diramalkan mempunyai kesan yang kurang termasuk, industri berasaskan kayu, farmaseutikal dan penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan:

- Industri berasaskan kayu, telah bergerak dalam rantaian nilai ke dalam

pemprosesan seterusnya serta melabur dalam aktiviti yang modal intensif seperti MDF dan pembuatan *particleboard*. Pasaran eksport kekal mencabar memandangkan dua destinasi utama eskport kayu dan produk kayu Malaysia, iaitu, Amerika Syarikat dan Jepun dijangka akan menghadapi kemelesetan ekonomi dalam 2009.

- Prospek untuk industri farmaseutikal kekal positif walaupun dalam keadaan ekonomi yang lembab. Ini adalah kerana peningkatan dalam keperluan penjagaan kesihatan, populasi yang kian berumur serta kewujudan pelbagai penyakit. Faktor-faktor utama yang dijangka akan memantapkan industri farmaseutikal di Malaysia adalah pelancongan perubatan, terapi pakar, ubat jenis generik dan *over-the-counter* (OTC) dan makanan tambahan. Industri ini diramalkan akan kekal bertahan dalam 2009 kerana ubat-ubatan mempunyai permintaan yang kurang anjal, tidak dipengaruhi oleh keadaan ekonomi.

- Industri penjagaan kesihatan dijangka akan terus berkembang dalam 2009. Permintaan domestik untuk peralatan perubatan dijangka terus kukuh, hasil daripada projek peluasan hospital, terutama di sektor swasta serta infrastruktur penjagaan kesihatan.

Sebaliknya, beberapa industri lain dijangka menghadapi kesulitan iklim perniagaan yang lebih sukar. Industri-industri ini termasuk elektrik dan elektonik, produk petroleum dan petrokimia serta produk plastik, produk kimia industri asas, automotif, besi dan keluli, tekstil dan pakaian serta simen:

- Pada amnya, permintaan produk E&E adalah dijangka lebih rendah bagi 2009. Ini dapat digambarkan dalam kejatuhan jualan, eksport dan pengeluaran bagi produk semikonduktor dan E&E tertentu bagi tahun 2009 - 2010.

- Industri produk petroleum, petrokimia dan plastik dijangka akan berdepan dengan prospek eksport yang lebih lembab memandangkan pasaran utama untuk produk petroleum, seperti Amerika Syarikat, Negara-negara Eropah dan Jepun sedang mengalami kemelesetan ekonomi resesi. Harga minyak mentah akan mempunyai kesan yang besar kepada prospek industri ini.

- Permintaan untuk produk kimia industri asas, yang dibekalkan sebagai produk perantaraan serta input kepada industri-industri seperti elektronik, automotif, industri berkaitan pembinaan, penjagaan diri serta pertanian, dijangka bergerak seiring dengan perkembangan industri-industri berkenaan dalam menangani krisis ekonomi. Selain daripada industri penjagaan diri dan pertanian, industri-industri lain dijangka akan terus menerima kesan daripada krisis tersebut.

- Industri automotif dijangka menghadapi keadaan sukar pada 2009, di mana pertumbuhan ekonomi yang perlahan akan membawa kepada nilai jualan yang lebih rendah. Nilai jualan dijangka akan semakin berkurangan disebabkan tahap perbelanjaan pengguna yang semakin rendah dan kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan pinjaman.

- Permintaan untuk besi dan keluli dijangka akan kekal rendah disebabkan oleh aktiviti pembinaan yang berkurangan, pelaburan modal semakin menurun serta pengurangan dalam pengeluaran kereta di kebanyakan negera.

- Eksport untuk pakaian diramalkan menurun pada 2009, disebabkan oleh kemelesetan ekonomi di Amerika Syarikat dan persaingan dari negara-negara yang mempuyai kos pembuatan rendah, terutamanya Viet Nam, Republik Rakyat China, Cambodia dan Indonesia.

- Permintaan untuk simen dan konkrit yang telah mula mengalami kelembapan dalam suku pertama 2009, diramalkan akan terus lemah sepanjang tahun 2009.

Tahun 2009 akan terus merupakan tahun yang sukar kepada kebanyakan industri. Namun begitu, prospek pemulihan sektor perkilangan dijangka akan bertambah baik dalam 2010.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

TINJAUAN

Pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan telah mencapai rekod tertinggi pada tahun 2008. Ini menggambarkan Malaysia merupakan destinasi pelaburan yang menarik dan berdaya saing sebagai pusat pengilangan dan eksport. Sejumlah 919 projek pengilangan melibatkan pelaburan bernilai RM62.8 bilion telah diluluskan pada tahun 2008 yang melebihi RM59.9 bilion (949 projek) yang dicatatkan pada tahun 2007.

Pelaburan diluluskan pada tahun 2008 adalah yang tertinggi pernah dicatatkan dan melebihi purata sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3). Ini adalah disebabkan oleh minat yang tinggi di kalangan pelabur domestik dan asing dalam projek berintensif modal dan bernilai ditambah tinggi.

Projek Baru

Pada tahun 2008, sejumlah 548 adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM42 bilion atau 66.9 peratus daripada jumlah pelaburan. Secara perbandingan, sebanyak 625 projek baru diluluskan pada tahun 2007 dengan pelaburan bernilai RM31.1 bilion.

Projek Pembesaran/Pelbagaian

Syarikat sediada terus membesar dan mempelbagaikan operasi mereka pada tahun 2008. Daripada jumlah projek

Carta 4.26:
Jumlah Pelaburan bagi Projek Dilluluskan, 2003 - 2008



	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Jumlah
Jumlah (RM Juta)	29.1	28.8	31.1	46.0	59.9	65.8	257.7
DI	13.5	15.6	13.2	25.8	26.5	16.7	111.3
FDI	15.6	13.2	17.9	33.4	33.4	46.1	146.4

Disediakan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Jadual 4.105:
Projek Perkilangan Diluluskan

Deskripsi	Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelbagaian	
	2008	2007	2008	2007	2008	2007
Bilangan Projek	919	949	548	625	371	324
Peluang Pekerjaan (orang)	101,173	97,673	58,518	65,703	42,655	31,970
	RM juta					
Jumlah Cadangan Pelaburan Modal	62,785.0	59,932.2	41,992.0	31,150.0	20,793.0	28,782.2
- Domestik	16,686.2	26,506.3	7,769.4	13,875.6	8,916.8	12,630.7
- Asing	46,098.8	33,425.9	34,222.6	17,274.4	11,876.2	16,151.5

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

diluluskan, 371 projek adalah projek pembesaran/pelbagaian yang melibatkan pelaburan sebanyak RM20.8 bilion atau 33.1 peratus daripada jumlah pelaburan. Secara perbandingan, sejumlah 324 projek pembesaran/pelbagaian adalah diluluskan pada tahun 2007 melibatkan pelaburan berjumlah RM28.8 bilion atau 48.1 peratus daripada jumlah pelaburan.

Projek diluluskan Mengikut Industri

Industri produk logam asas (RM25.8 bilion) mencatatkan tahap pelaburan diluluskan paling tinggi pada tahun 2008. Ini adalah disebabkan oleh dua projek baru diluluskan terutamanya bagi mengeluarkan *unwrought* aluminium (RM12.5 bilion) dan *stainless steel slabs*, *stainless steel black coils* dan *hot rolled stainless steel sheets* (RM6.9 bilion).

Industri E&E kekal sebagai industri peneraju dari segi bilangan projek diluluskan (132 projek) pada tahun 2008, yang menyumbang kepada jumlah pelaburan kedua tertinggi (RM17.8 bilion). Pelaburan dalam industri kelengkapan pengangkutan merupakan jumlah ketiga tertinggi iaitu RM2.9 bilion.

Industri lain yang menarik tahap pelaburan yang ketara termasuk industri pengilangan

Carta 4.27:
Pelaburan Bagi Projek Baru Mengikut Industri, 2008 dan 2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.106:

Projek Perkilangan Baru dan Pembesaran/Pelbagaian diluluskan Mengikut Industri, 2008 dan 2007

Industri	2008						2007					
	Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelbagaian		Jumlah		Baru		Pembesaran/ Pelbagaian	
	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek
Jumlah	**62,785.2**	**919**	**41,991.9**	**548**	**20,793.1**	**371**	**59,932.3**	**949**	**31,150.0**	**625**	**28,782.3**	**324**
Produk Logam Asas	25,768.2	53	21,000.6	31	4,767.6	22	12,173.4	52	9,884.4	36	2,289.0	16
Produk Elektronik & Elektrik	17,773.0	132	10,445.4	47	7,327.5	85	15,111.6	144	7,613.8	59	7,497.8	85
Kelengkapan Pengangkutan	2,890.0	73	1,554.5	48	1,335.5	25	1,196.0	53	886.9	35	309.1	18
Pengilangan Makanan	2,781.5	87	1,327.6	45	1,453.8	42	2,383.3	75	1,997.5	50	385.8	25
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	2,749.6	16	1,326.3	8	1,423.3	8	13,832.4	17	752.0	12	13,080.4	5
Kimia & Produk Kimia	2,656.5	70	1,302.4	35	1,354.1	35	3,800.8	71	2,614.2	50	1,186.5	21
Produk Galian Bukan Logam	1,268.5	28	189.3	13	1,079.2	15	1,301.0	16	426.2	13	874.8	3
Pengilangan Jentera	1,257.6	93	919.4	68	338.1	25	1,765.3	98	1,637.4	77	127.8	21
Produk Logam Fabrikasi	1,073.4	105	889.0	82	184.4	23	657.5	101	524.4	82	133.1	19
Kayu & Produk Kayu	930.2	37	541.6	21	388.6	16	571.8	33	490.7	23	81.1	10
Kertas, Percetakan & Penerbitan	910.5	26	872.2	20	38.3	6	2,898.0	36	851.4	28	2,046.6	8
Produk Getah	721.9	37	307.4	23	414.5	14	510.2	33	352.0	21	158.2	12
Produk Plastik	635.8	60	460.0	37	175.8	23	1,076.5	92	713.0	50	363.6	42
Perlatan Pengukuran & Saintifik	520.1	18	377.9	11	142.2	7	372.2	19	372.2	17	0.0	2
Tekstil & Produk Tekstil	408.4	18	171.0	8	237.3	10	1,400.9	22	1,320.0	13	81.0	9
Perabot & Kelengkapan	215.6	45	199.0	37	16.7	8	309.1	51	211.8	33	97.3	18
Minuman & Tembakau	87.8	3	3.4	1	84.4	2	100.2	10	69.7	5	30.5	5
Kulit & Produk Kulit	-	-	-	-	-	-	4.6	1	4.6	1	-	-
Pelbagai	136.6	18	104.9	13	31.8	5	467.5	25	427.8	20	39.7	5

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Carta 4.28:
Pelaburan Bagi Projek Pembesaran/Pelbagaian mengikut Industri, 2008 dan 2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

makanan (RM2.8 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM2.74 bilion), kimia dan produk kimia (RM2.7 bilion), produk galian bukan logam (RM1.3 bilion) dan pengilangan jentera (RM1.3 bilion).

Projek Berorientasi Eksport

Malaysia terus menarik industri berorientasi eksport supaya menempatkan projek baru dan projek pembesaran/pelbagaian mereka di dalam negara bagi memenuhi pasaran serantau dan global. Daripada projek diluluskan, sejumlah 343 projek (37.3 peratus) dengan pelaburan bernilai RM21.9 bilion akan mengeksport sekurang-kurangnya 80 peratus daripada outputnya. Pelaburan asing berjumlah RM17.7 bilion (80.8 peratus) dalam projek ini manakala pelaburan domestik bernilai RM4.2 bilion (19.2 peratus)

Carta 4.29:
Pelaburan dalam Projek Diluluskan mengikut Industri, 2008 dan 2007



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Jadual 4.107:
Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Industri, 2008 dan 2007

Industri	2008					2007				
	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Gunatenaga	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Pelaburan Asing (RM juta)	Pelaburan Domestik (RM juta)	Bilangan Projek	Gunatenaga
Jumlah	62,785.2	46,098.7	16,686.4	919	101,173	59,932.3	33,426.0	26,506.3	949	97,673
Produk Logam Asas	25,768.2	20,446.6	5,321.6	53	8,289	12,173.4	4,989.6	7,183.8	52	7,133
Produk Elektronik & Elektrik	17,773.0	17,332.1	440.9	132	34,196	15,111.6	13,737.1	1,374.5	144	32,455
Kelengkapan Pengangkutan	2,890.0	853.1	2,036.9	73	7,732	1,195.9	306.5	889.4	53	4,581
Penilangan Makanan	2,781.5	1,070.2	1,711.2	87	6,029	2,383.3	369.2	2,014.1	75	5,465
Produk Petroleum (termasuk Petrokimia)	2,749.6	1,246.6	1,503.0	16	487	13,832.4	5,335.4	8,497.0	17	1,050
Kimia dan Produk Kimia	2,656.5	1,221.1	1,435.4	70	2,864	3,800.8	1,560.2	2,240.6	71	3,404
Produk Galian Bukan Logam	1,268.5	521.7	746.8	28	1,150	1,301.0	1,007.6	293.4	16	1,619
Pengilangan Jentera	1,257.6	519.3	738.2	93	5,377	1,765.3	1,219.6	545.7	98	4,437
Produk Logam Fabrikasi	1,073.4	554.6	518.8	105	5,397	657.5	239.2	418.3	101	4,445
Kayu dan Produk Kayu	930.2	496.6	433.6	37	5,052	571.8	285.4	286.4	33	3,316
Kertas, Percetakan & Penerbitan	910.5	480.3	430.2	26	2,237	2,898.0	1,814.6	1,083.4	36	3,191
Produk Getah	721.9	314.5	407.4	37	5,790	510.2	241.8	268.4	33	3,607
Produk Plastik	635.8	211.4	424.4	60	5,687	1,076.6	565.9	510.7	92	4,220
Peralatan Pengukuran & Saintifik	520.1	378.9	141.1	18	2,056	372.2	175.6	196.6	19	1,310
Tekstil & Produk Tekstil	408.4	303.0	105.4	18	3,090	1,400.9	1,300.8	100.1	22	9,487
Perabot & Kelengkapan	215.6	17.8	197.9	45	4,605	309.1	100.5	208.6	51	5,242
Minuman & Tembakau	87.8	60.2	27.6	3	164	100.2	22.2	78.0	10	630
Kulit & Produk Kulit	-	-	-	-	-	4.6	4.6	0.0	1	77
Pelbagai	136.6	70.7	66.0	18	971	467.5	150.2	317.3	25	2,004

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Projek berorientasi eksport ini adalah terutamanya dalam industri E&E (76 projek/ RM13.8 bilion), produk logam fabrikasi (30 projek/RM432.1 juta), pengilangan jentera (30 projek/RM393.9 juta), pengilangan makanan (29 projek/RM1.2 bilion) serta perabot dan kelengkapan (28 projek/ RM148 juta).

Projek Berintensif Modal

Intensiti modal sebagaimana yang diukur oleh nisbah pelaburan modal bagi setiap pekerja (CIPE) bagi projek diluluskan pada tahun 2008 adalah RM620,571 berbanding dengan RM613,600 pada tahun 2007. Nisbah CIPE yang tinggi adalah disumbang terutamanya oleh projek berintensif modal dalam industri produk logam asas. Nisbah CIPE projek perkilangan pada umumnya mencatatkan peningkatan semenjak 2001 (RM241,024). Ini menggambarkan trend ke arah projek berintensif modal, bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi.

Daripada jumlah projek diluluskan, 61 projek melibatkan pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta setiap satu. Projek berintensif modal ini adalah terutamanya dalam industri produk logam asas (RM24.9 bilion), E&E (RM16.5 bilion), produk petroleum (RM2.6 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM1.9 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM1.7 bilion). Projek ini dijangka akan mewujudkan kesan berganda yang besar ke atas ekonomi dari segi pembangunan industri sokongan, pengenalan dan pemindahan kepada teknologi baru, penyelidikan dan pembangunan, pembangunan kemahiran serta pendapatan tukaran asing.

Peluang Pekerjaan

Projek diluluskan pada tahun 2008 dijangka akan menjana sejumlah 101,173 peluang pekerjaan, yang mana 72,056 atau 71.2 peratus adalah dalam kategori pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga mahir. Peratusan gunatenaga yang tinggi di peringkat pengurusan, teknikal, penyeliaan dan tenaga mahir menggambarkan perubahan keperluan industri yang selaras dengan tumpuan kepada industri bernilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensifkan pengetahuan.

Carta 4.30:
Nisbah CIPE Projek Diluluskan, 2002-2008



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Industri yang akan menjana peluang pekerjaan yang terbesar adalah E&E (34,196), produk logam asas (8,289), kelengkapan pengangkutan (7,732), pengilangan makanan (6,029), produk getah (5,790), produk plastik (5,687), produk logam fabrikasi (5,397) dan pengilangan jentera (5,377).

Kerajaan terus memberi kelulusan jawatan pegawai dagang bagi memudahkan pemindahan teknologi dan melengkapkan bekalan gunatenaga di peringkat pengurusan dan kemahiran teknikal. Jawatan yang diluluskan kepada kedua-dua syarikat Malaysia dan asing adalah terutamanya bagi jawatan pengurusan dan teknikal. Jawatan pegawai dagang teknikal yang diluluskan adalah terutamanya dalam industri sokongan kejuruteraan seperti acuan, alatan dan dai serta pemesenan. Pada tahun 2008, sejumlah 2,188 jawatan pegawai dagang diluluskan yang mana 574 adalah jawatan penting yang boleh dijawat secara kekal oleh rakyat asing. Bakinya 1,614 adalah jawatan pegawai dagang yang pada umumnya diberikan untuk tempoh 3-5 tahun dimana rakyat Malaysia akan dilatih bagi mengambil alih jawatan tersebut.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT HAK MILIK

Pelaburan Domestik

Dalam tempoh lima tahun sebelum tahun 2007 (2002 - 2006), purata pelaburan domestik dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM14.9 bilion setahun. Pada tahun 2007, pelaburan domestik bernilai RM26.5 bilion yang mencatatkan satu tahap rekod yang dicapai terutamanya disebabkan oleh beberapa kelulusan projek berintensif modal terutamanya dalam produk petroleum dan produk logam asas. Pada 2008, pelaburan domestik diluluskan bernilai RM16.7 bilion, iaitu satu penurunan kepada tahap rekod purata yang dicatatkan sebelum tahun 2007.

Pelaburan Asing

Pelaburan asing terus meningkat dan telah mencapai satu tahap rekod pada 2008. Ini menunjukkan pelabur asing terus yakin dengan iklim pelaburan di Malaysia. Sepanjang tahun ini, sejumlah 480 projek yang melibatkan penyertaan asing diluluskan dengan pelaburan asing

Carta 4.31:
Pelaburan Domestik dalam Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2008



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

berjumlah RM46.1 bilion atau 73.4 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing meningkat sebanyak 38 peratus berbanding dengan RM33.4 bilion pada 2007.

Peningkatan yang ketara dalam pelaburan asing terutamanya adalah disebabkan oleh peningkatan pelaburan dalam industri produk logam asas yang berjumlah RM20.4 bilion pada tahun 2008, berbanding dengan RM5 bilion pada tahun 2007. Industri E&E juga menarik sejumlah besar pelaburan asing yang bernilai RM17.8 bilion pada tahun 2008 berbanding dengan RM13.7 bilion pada tahun 2007.

Sumber Utama Pelaburan Asing

Lima sumber utama pelaburan asing pada tahun 2008 adalah Australia (RM13.1 bilion), Amerika Syarikat (RM8.7 bilion), Jepun (RM5.6 bilion), Jerman (RM4.4 bilion) dan Sepanyol (RM4.2 bilion). Kesemua lima negara ini menyumbang sebanyak 78.1 peratus kepada jumlah pelaburan dalam projek diluluskan.

Australia

Australia telah muncul sebagai sumber pelaburan asing terbesar pada 2008. Pelaburan daripada Australia meningkat kepada RM13.1 bilion (20 projek), yang mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dalam tempoh lima tahun yang lalu, terutamanya disebabkan oleh satu projek utama baru bernilai RM12.5 bilion. Projek ini terlibat dalam pengeluaran *unwrought aluminium*.

Daripada 20 projek diluluskan, 12 adalah projek baru dengan pelaburan bernilai RM13.1 bilion, manakala lapan adalah projek pembesaran/pelbagaian melibatkan pelaburan bernilai RM3.4 juta. Pelaburan Australia adalah tertumpu dalam industri produk logam asas (2 projek/RM12.7 bilion) dan kelengkapan pengangkutan (3 projek/ RM278.6 juta).

Amerika Syarikat

Pada 2008, Amerika Syarikat merupakan sumber pelaburan asing kedua terbesar dengan 22 projek diluluskan melibatkan pelaburan sebanyak RM8.7 bilion. Secara perbandingan, 33 projek dengan pelaburan sebanyak RM3 bilion diluluskan pada 2007. Daripada RM8.7 bilion, sejumlah RM3.8 bilion atau 43.7 peratus adalah dalam 10 projek baru, manakala RM4.9 bilion atau 56.3 peratus adalah dalam 12 projek pembesaran/pelbagaian.

Pelaburan dari Amerika Syarikat adalah terutamanya dalam industri E&E (RM8.1 bilion). Tahap pelaburan yang tinggi dari

Carta 4.32:
Pelaburan Asing dalam Projek Diluluskan mengikut Industri Utama, 2008



Sumber Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Carta 4.33:
Sumber Utama Pelaburan Asing dalam Projek Diluluskan, 2008



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

Amerika Syarikat dalam industri E&E adalah terutamanya disebabkan oleh satu projek baru bernilai RM3.2 bilion bagi menjalankan aktiviti rekabentuk, pembangunan dan mengeluarkan silicon photovoltaic *wafer/cells/modules/panels* dan satu projek pembesaran/pelbagaian dengan pelaburan bernilai RM2.3 bilion bagi mengeluarkan pemacu cakera keras dan komponennya.

Jepun

Jepun merupakan sumber pelaburan asing ketiga terbesar pada tahun 2008, dengan pelaburan bernilai RM5.6 bilion dalam 63 projek berbanding dengan RM6.5 bilion dalam 60 projek pada tahun 2007. Daripada jumlah pelaburan diluluskan pada tahun 2008, sejumlah RM3.9 bilion atau 69.6 peratus adalah dalam 22 projek baru, manakala RM1.7 bilion atau 30.4 peratus adalah dalam 41 projek pembesaran/ pelbagaian.

Pelaburan Jepun adalah tertumpu dalam industri produk logam asas (RM3.0 bilion) dan E&E (RM1.6 bilion). Produk utama diluluskan dengan pelaburan dari Jepun termasuk satu projek usahasama baru (RM2.3 bilion) bagi mengeluarkan *stainless steel slabs*, *stainless steel black coil*, *hot rolled stainless steel sheets*, *plates and coils*, *cold rolled stainless steels* dan *coils*. Satu lagi projek utama baru (RM1.3 bilion) adalah bagi mengeluarkan papan litar bercetak. Satu projek pembesaran/ pelbagaian melibatkan pelaburan sebanyak RM665.6 juta adalah bagi mengeluarkan *copper foil*.

Jerman

Jerman terus menjadi sumber pelaburan utama pada 2008 dengan pelaburan bernilai RM4.4 bilion dalam 19 projek diluluskan, yang melebihi pelaburan diluluskan pada tahun 2007 (RM3.7 bilion). Pelaburan dari Jerman dalam projek baru berjumlah RM2.8 bilion (11 projek), manakala pelaburan dalam projek pembesaran/pelbagaian berjumlah RM1.6 bilion (8 projek). Pelaburan adalah terutamanya dalam industri E&E (RM3.7 bilion).

Projek utama diluluskan termasuk satu projek baru bernilai RM2.6 bilion bagi aktiviti rekabentuk, pembangunan dan mengeluarkan *silicon photovoltaic ingots/ wafers/cells/modules* dan *thin film solar modules/panel* bagi industri solar. Satu projek pembesaran/pelbagaian utama diluluskan adalah bagi mengeluarkan

Jadual 4.108:
Projek Perkilangan diluluskan dengan Penyertaan Asing mengikut Sumber Utama

Negara	2008		2007	
	Pelaburan Asing (RM)	BIlangan	Pelaburan Asing (RM)	Bilangan
Australia	13,105,834,743	20	1,685,051,556	17
Amerika Syarikat	8,668,976,778	22	3,019,981,085	33
Jepun	5,594,869,207	63	6,522,739,241	60
Jerman	4,438,254,903	19	3,756,800,095	26
Sepanyol	4,156,200,000	1	44,057,082	2
Singapura	2,004,260,964	112	2,952,175,965	108
Belanda	1,795,674,697	19	1,690,415,209	9
British Virgin Islands	1,230,417,087	6	49,352,386	3
Taiwan	911,617,377	32	408,650,978	41
Switzerland	873,227,170	8	61,269,400	7
United Kingdom	850,464,793	23	385,254,150	20
Perancis	250,923,969	9	787,048,319	4
Luxembourg	220,717,315	2	14,500,000	1
Republik Korea	197,619,840	9	1,118,759,178	23
India	170,975,614	8	2,923,717,459	8
Thailand	144,612,315	6	137,673,197	6
Denmark	123,343,707	7	10,978,776	3
Belgium	105,099,996	5	213,496,294	4
Cyprus	104,308,500	3	-	-
Emiriyah Arab Bersatu	90,877,420	5	42,500,000	2
Hong Kong	83,557,592	7	59,781,174	14
Itali	70,727,000	2	52,153,198	4
Sweden	62,897,601	8	54,000,000	2
Republik Rakyat China	35,655,186	17	1,883,191,954	13
Austria	35,200,000	1	-	-
Indonesia	22,106,090	2	41,162,472	5
Syria	22,050,000	1	-	-
New Zealand	12,463,736	2	9,273,200	1
Bangladesh	7,921,360	2	-	-
Nigeria	7,322,225	1	-	-
Afrika Selatan	6,699,530	1	-	-
Ukraine	6,000,000	1	-	-
Myanmar	4,489,031	1	-	-
Filipina	3,357,500	1	4,461,011	1
Ireland	3,055,140	1	13,707,720	1
Iran	2,863,284	1	3,067,759,766	3
Arab Saudi	2,000,000	1	-	-

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

wafer fabrikasi untuk *light emitting diodes*, dengan pelaburan bernilai RM1.1 bilion.

Sepanyol

Sepanyol merupakan sumber pelaburan asing kelima terbesar pada 2008 dengan jumlah pelaburan bernilai RM4.2 bilion dalam satu projek. Projek ini merupakan projek usahasama yang terlibat dalam pengeluaran *stainless steel slabs*, *stainless black coil*, *hot rolled stainless steel sheets* dan *coils*.

PROJEK DILULUSKAN MENGIKUT LOKASI

Negeri Selangor (302 projek), Johor (173 projek) dan Pulau Pinang (151 projek) terus menarik sebahagian besar pelaburan diluluskan pada tahun 2008. Sejumlah 626 projek atau hampir 68.1 peratus daripada jumlah projek diluluskan akan ditempatkan di tiga negeri ini. Sarawak mencatatkan tahap pelaburan tertinggi berjumlah RM15.2 bilion, diikuti oleh Selangor (RM11.9 bilion), Johor (RM11.7 bilion), Pulau Pinang (RM10.2 bilion) dan Melaka (RM3.6 bilion).

Kerajaan terus menggalakkan pembangunan perindustrian yang seimbang dalam negara dengan menggalakkan taburan dan pembangunan industri. Sebagaimana tahun-tahun sebelumnya, insentif yang menarik telah ditawarkan kepada syarikat supaya menempatkan projek mereka di kawasan digalakkan terutamanya di negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perlis, Sabah, Sarawak dan daerah Mersing di Johor.

Pada 2008, sejumlah 116 projek (RM18.5 bilion) yang diluluskan akan ditempatkan di kawasan digalakkan. Daripada jumlah ini, 79 projek atau hampir dua pertiga adalah dicadangkan akan ditempatkan di Malaysia Timur terutamanya di Sabah (40 projek) dan Sarawak (39 projek). Penumpuan

Carta 4.34:
Pelaburan dalam Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri, 2008



Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia
Nota: Angka dalam Kurungan meruuk kepada bilangan projek diluluskan

Jadual 4.109:
Projek Perkilangan Diluluskan mengikut Negeri, 2008 dan 2007

Negeri	2008						2007					
	Jumlah		Baru		Pembesaran/Pelbagaian		Jumlah		Baru		Pembesaran/Pelbagaian	
	Bilangan	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)	Bilangan Projek	Jumlah Pelaburan Modal (RM juta)
Jumlah	**919**	**62,785.0**	**548**	**41,992.0**	**371**	**20,793.2**	**949**	**59,932.3**	**625**	**31,150.0**	**324**	**28,782.1**
Sarawak	39	15,168.9	22	13,718.9	17	1,450.0	23	1,034.5	13	518.1	10	516.3
Selangor	302	11,870.9	202	6,353.3	100	5,517.7	318	11,181.5	231	7,021.5	87	4,159.9
Johor	173	11,711.7	93	10,100.1	80	1,611.6	188	9,242.8	102	7,217.0	86	2,025.9
Pulau Pinang	151	10,156.3	84	3,425.7	67	6,730.6	134	4,768.7	84	3,622.0	50	1,146.6
Melaka	41	3,634.5	28	3,554.4	13	80.1	38	3,837.7	19	1,007.0	19	2,830.7
Perak	50	3,130.0	26	2,135.3	24	994.7	59	2,034.6	46	1,510.2	13	524.4
Kedah	46	2,567.3	26	352.5	20	2,214.9	46	13,990.2	27	838.3	19	13,151.9
Negeri Sembilan	26	1,115.8	12	350.6	14	765.1	40	2,675.6	24	1,256.7	16	1,418.9
Pahang	23	1,080.7	11	867.3	12	213.5	28	1,563.8	18	790.0	10	773.8
Terengganu	9	992.3	4	313.2	5	679.1	11	6,163.2	9	6,148.2	2	15.0
Sabah	40	964.4	29	609.8	11	354.6	41	3,257.5	33	1,093.3	8	2,164.3
Perlis	2	170.3	1	79.0	1	91.3	2	7.1	1	7.1	1	0.0
Kuala Lumpur	12	117.8	8	104.0	4	13.8	12	92.4	11	39.4	1	52.9
Kelantan	3	83.6	1	17.6	2	66.0	9	82.7	7	81.2	2	1.5
Labuan	2	20.5	1	10.3	1	10.2	-	-	-	-	-	-

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

projek di negeri-negeri ini adalah disebabkan oleh kesediaadaan sumber asli yang menggalakkan penubuhan industri berasaskan sumber.

PELAKSANAAN PROJEK PERKILANGAN DILULUSKAN

Dalam tempoh 2003 - 2008, sejumlah 6,038 projek perkilangan telah diluluskan, yang mana 4,667 projek telah dilaksanakan (yang termasuk projek yang telah memulakan pengeluaran, membina kilang dan memasang jentera) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM134.0 bilion. Daripada 4,667 projek, 4,401 (72.9%) projek adalah dalam pengeluaran manakala 266 (4.4%) projek adalah di peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Daripada 4,401 projek dalam pengeluaran, 692 projek telah memulakan pengeluarannya pada tahun 2008.

Daripada jumlah ini, 141 projek dengan pelaburan bernilai RM35.6 bilion juga telah memperolehi tapak kilang, manakala 919 projek (RM74.7 bilion) adalah di peringkat perancangan aktif. Apabila kesemua 1,060 projek ini dilaksanakan nanti, jumlah pelaburan yang akan dijana berjumlah RM 110.3 billion.

Kebanyakkan projek yang dilaksanakan akan ditempatkan di Selangor (1,475 projek), diikuti oleh Johor (1,027 projek), Pulau Pinang (715 projek), Perak (262 projek), Kedah (252 projek) dan Melaka (244 projek). Projek yang ketara yang dilaksanakan pada tahun 2008 merangkumi pelbagai industri seperti produk elektrik dan elektronik, jentera dan kelengkapan, produk logam fabrikasi, produk plastik serta kimia dan produk kimia.

Sejumlah 692 projek yang memulakan pengeluaran pada tahun 2008 telah mewujudkan 63,411 peluang pekerjaan. Projek ini akan memberi pilihan peluang pekerjaan kepada 27,078 pekerja yang telah diberhentikan dalam tempoh yang sama.

PROSPEK

Malaysia telah berjaya menarik tahap pelaburan asing yang ketara ke dalam sektor perkilangan walaupun menghadapi kelembapan pertumbuhan ekonomi global pada 2008. Ini menunjukkan keyakinan pelabur yang berterusan terhadap potensi pertumbuhan jangka panjang negara.

Carta 4.35:
Status Pelaksanaan Projek Perkilangan Yang Diluluskan di antara 2003 - 2008, pada 31 Disember 2008



Disediakan oleh Kementerian Perdagangan dan Industri

Kerajaan akan terus memastikan iklim pelaburan dalam negara kekal kondusif dan berdaya saing, terutamanya dari segi sistem penyampaian, kos menjalankan perniagaan, insentif cukai, infrastruktur, serta kesediaadaan gunatenaga mahir dan berpendidikan. Usaha akan terus dipergiatkan lagi bagi memsasar dan menarik pelaburan dalam industri bernilai ditambah tinggi dan berteknologi tinggi serta dalam bidang-bidang pertumbuhan baru termasuk sumber tenaga alternatif.

Malaysia akan memperluaskan rangkaian ekonomi dan perniagaan dengan ekonomi membangun lain terutamanya Republik Rakyat China, India dan Timur Tengah yang dijangka akan mengurangkan kesan kelembapan ekonomi global di negara-negara maju. Keutamaan yang diberikan di bawah Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) adalah juga dijangka akan menggalakkan aktiviti perniagaan dan ekonomi di rantau ini dan akan memberi peluang kepada pelabur asing dan domestik memasuki pasaran serantau yang lebih luas.

UNIT PEMBANGUNAN PERNIAGAAN BUMIPUTERA

Pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) akan diteruskan sebagai pendekatan utama dalam menyusun semula masyarakat dan memastikan penyertaan Bumiputera yang lebih luas dalam ekonomi. Pembangunan semasa bukan sahaja akan memberi penekanan kepada bilangan usahawan Bumiputera yang dilahirkan, tetapi lebih penting lagi, menumpu kepada kualiti keseluruhan mereka dari segi produktivitti dan daya saing.

Penglibatan usahawan Bumiputera dalam bidang pertumbuhan baru akan digalakkan. Pembangunan usahawan akan dilaksanakan secara lebih sistematik dan fokus. Program-program pembangunan yang melibatkan penglibatan aktif sektor swasta akan memberi fokus untuk mempercepatkan pembangunan usahawan Bumiputera yang berdikari, mapan dan berdaya saing serta pengwujudan EKS Bumiputera yang mantap. Pembangunan akan diperkukuhkan lagi dengan menggalakkan pertumbuhan rantaian perniagaan dan kluster enterpris Bumiputera dan bukan Bumiputera dan antara GLC dan enterpris Bumiputera.

MITI telah menubuhkan Unit Pembangunan Perniagaan Bumiputera (BBDU) pada 29 Julai 2008. Tujuan utama penubuhan BBDU ialah untuk memastikan keberkesanan penglibatan Bumiputera dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perdagangan antarabangsa, di sepanjang rantaian nilai, merangkumi eksport, usahawan kecil dan sederhana (SMEs), penyumberan luar, pengurusan, penyelidikan dan pembangunan, pemasaran, pembungkusan, penjenamaan semula, kewangan dan latihan.

Lain-lain objektif BBDU termasuk:

- menyediakan pelan tindakan spesifik untuk Bumiputera dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan;
- menyebarkan maklumat mengenai program bantuan sedia ada dan kemudahan, termasuk peluang perniagaan kepada Bumiputera; dan
- memperkukuhkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).

PERUNTUKAN SAHAM KHAS BUMIPUTERA

Komuniti perniagaan Bumiputera boleh memberi sumbangan penting di dalam ekonomi melalui penglibatan berkesan dalam ekuiti sektor korporat. Sehubungan itu, di bawah Garispanduan Suruhanjaya Sekuriti, 30 peratus daripada Tawaran Awam Permulaan (IPO) perlu diperuntukkan kepada Bumiputera selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional

Carta 4.36:
Peruntukan Saham Khas Bumiputera Mengikut Kategori, 2004 - 2008



Tier I	-	Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Koperasi Polis Di Raja Malaysia
Tier II	-	Unit Trust
Tier III	-	State Foundation
Syarikat dan Koperasi Berdaftar	-	Syarikat dan Koperasi Yang Berdaftar Di MITI
Permohonan Terus	-	Permohonan Terus daripada Individu dan Syarikat Bumiputera

Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

(NDP). MITI merupakan Kementerian yang bertanggungjawab untuk mengagihkan saham khas Bumiputera tersebut. Bagi tempoh 2004 – 2008, sebanyak 3,880.32 juta saham-saham khas bernilai RM3.84 juta telah diperuntukkan kepada pelabur Bumiputera. Daripada jumlah tersebut, Institusi Amanah Keutamaan I, II dan III telah diperuntukkan sebanyak 36 peratus, pemegang saham sedia ada dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) sebanyak 34 peratus, syarikat dan koperasi berdaftar sebanyak 2 peratus dan permohonan terus sebanyak 28 peratus.

Bagi tempoh 2004 – 2007, secara purata, 71 peratus daripada saham berjumlah 888.5 juta unit yang ditawarkan kepada Bumiputera telah berjaya diperuntukkan. Pada 2008, daripada sejumlah 664.4 juta saham untuk diperuntukkan, hanya 326 juta unit berjaya diagihkan kepada pelabur Bumiputera, mewakili 49 peratus daripada jumlah keseluruhan. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh pelabur Bumiputera mengambil langkah berhati-hati berikutan impak kelembapan ekonomi global ke atas prestasi pasaran saham.

Dalam usaha untuk menggiatkan pasaran saham, pada 12 November 2008, Suruhanjaya Sekuriti telah mengumumkan dasar baru berkaitan peruntukan saham khas Bumiputera. Peraturan baru ini meliputi tiga peringkat yang melibatkan peruntukan saham khas Bumiputera seperti berikut:

(i) syarikat domestik yang ingin disenaraikan masih perlu mematuhi keperluan NDP berkaitan penglibatan 30% ekuiti Bumiputera, dan akan terus menawarkan saham kepada pelabur dan institusi Bumiputera yang diluluskan oleh MITI;

(ii) syarikat domestik yang telah disenaraikan tetapi tidak dapat

Carta 4.37:
Perbandingan Syer Ditawarkan dengan Syer Yang Telah Diagihkan, 2004 – 2008



Sumber: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

memenuhi keperluan ekuiti Bumiputera kerana tidak berupaya menarik pelabur Bumiputera akan dianggap telah mematuhi syarat ekuiti tersebut sekiranya MITI gagal memperuntukkan saham-saham khas Bumiputera dalam tempoh satu tahun daripada tarikh permohonan peruntukan saham; dan

(iii) bagi aktiviti meningkatkan modal yang melibatkan penempatan atau tawaran kepada umum yang mengakibatkan pengurangan pemilikan ekuiti Bumiputera, syarikat dikehendaki untuk menerbitkan saham yang mencukupi bagi mencapai semula aras ekuiti Bumiputera yang ditetapkan.

PENGAGIHAN SAKSAMA DI BAWAH IMP3

Secara amnya pada 2008, kemajuan telah direkodkan dalam pelaksanaan pelan tindakan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah teras strategik 'Memastikan perkembangan industri menyumbang ke arah pengagihan saksama dan keseimbangan pembangunan kawasan'. Kemajuan yang signifikan yang dicatatkan termasuk:

- 2,969 syarikat Bumiputera berdaftar dengan Direktori Pengeksport MATRADE (20.8 peratus daripada jumlah syarikat yang berdaftar). Pada 2007, 2,597 syarikat Bumiputera berdaftar di dalam direktori tersebut (19.7 peratus daripada jumlah syarikat berdaftar);
- 6,217 usahawan baru telah dibangunkan di bawah Program Pembangunan Perniagaan Bumiputera berbanding 5,524 usahawan pada 2007; dan
- 305,321 usahawan Bumiputera mengambil bahagian di dalam program akulturasi berbanding 300,659 pada 2007; dan
- 48,173 kelulusan bagi pelbagai skim pinjaman untuk Usahawan Kecil dan Sederhana Bumiputera berbanding 40,825 pada 2007.

PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2008

Beberapa program telah dilaksanakan pada 2008. Program 'Pencapaian Bumiputera Dalam Ekonomi' dengan kerjasama

GABEM Academy of Business Excellence (GABEX) telah diadakan pada 23 Oktober 2008. Tujuan program adalah untuk meneroka cara-cara, melalui pertukaran idea berdasarkan pengalaman dan usaha-usaha yang telah dilaksanakan, bagi memantapkan lagi usaha memperkukuhkan penglibatan Bumiputera dalam ekonomi. Program yang dirasmikan oleh YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini dihadiri oleh 150 pegawai MITI dan Agensi.

Permohonan saham khas Bumiputera yang diperuntukkan oleh MITI secara atas talian (*online)* juga boleh didapati melalui laman web MITI. Objektif inisiatif ini adalah untuk meluaskan jangkauan dan pendedahan kepada komuniti Bumiputera mengenai maklumat peruntukan saham khas Bumiputera yang terdapat di MITI. Permohonan boleh dikemukakan melalui e-borang, yang boleh dicapai melalui http://www.miti.gov.my. Inisiatif ini telah dilancarkan oleh YB Menteri MITI pada 2 Disember 2008.

Pada 2 Disember 2008, YB Menteri turut melancarkan Direktori 'Peluang dan Kemudahan Perniagaan di MITI dan Agensi untuk Bumiputera.' Direktori ini yang juga boleh dicapai melalui http://www.miti.gov.my, merupakan bahan rujukan lengkap bagi program bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh MITI dan Agensinya.

Direktori tersebut meliputi bidang:

(i) Kemudahan Kewangan;

(ii) Insentif;

(iii) Pembangunan Pengeksport;

(iv) Enterpris Kecil dan Sederhana; dan

(v) Program Bina Upaya dan Khidmat Nasihat.

Jadual 4.110:
Kemudahan Kewangan

Terdapat pelbagai skim bantuan kewangan yang disediakan oleh MITI dan Agensi. Skim pinjaman mudah yang terdapat di MIDF termasuk:

Skim Pinjaman Mudah	Kelayakan	Skop Pembiayaan
Skim Pinjaman Mudah Untuk EKS (SLSME)	• EKS yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 atau Ordinan Perniagaan 1956; • Anak syarikat kepada syarikat awam dengan jumlah saham tidak melebihi 20%; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki oleh rakyat Malaysia; dan • Mempunyai lesen premis yang sah.	• Aset tetap dan modal kerja; • Kos terlibat bagi pengubahsuaian awal kedai dan menaiktaraf ruang pameran kedai bagi perdagangan runcit; dan • Modal kerja bagi syarikat yang mempunyai kontrak dengan GLC, MNC dan Kerajaan termasuk agensi Kerajaan.

Skim Pinjaman Mudah	Kelayakan	Skop Pembiayaan
Skim Pinjaman Mudah Bagi Penempatan Semula Kilang (SLFR)	• EKS yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Ordinan Perniagaan 1956; • Anak syarikat kepada syarikat awam dengan jumlah saham tidak melebihi 20%; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki oleh rakyat Malaysia; dan • Syarikat boleh menempatkan kilang/premis di lokasi yang diluluskan tanpa menutup kilang/ premis yang sedia ada.	• Pembelian kilang/premis perniagaan yang telah siap; • Pembelian tapak dan pembinaan kilang termasuklah infrastruktur yang berkaitan; dan • Kos pembelian mesin dan jentera yang diperlukan disebabkan oleh perpindahan / pengembangan perniagaan.
Skim Pinjaman Mudah Bagi Modenisasi dan Automasi (SLSAM)	• Syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki oleh rakyat Malaysia; • Memiliki lesen perniagaan yang sah; dan • Beroperasi sekurang- kurangnya 2 (dua) tahun.	I) Pelarasan Industri II) Automasi III) Penjimatan Tenaga
Skim Pinjaman Mudah Bagi Pembangunan Automotif (SLSAD)	• Syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia; • Memiliki lesen perniagaan yang sah; • Beroperasi sekurang-kurangnya 2 (dua) tahun; dan • Ahli berdaftar dengan Persatuan Pengeluar Komponen Automotif Malaysia (MACPMA)/Persatuan Pengeluar Peralatan dan Komponen PROTON/Kelab Vendor PERODUA.	I) Rasionalisasi Pengeluar Peralatan dan Komponen II) Pembelian, Pembangunan dan Pengeluaran Perkakasan III) Peningkatan Produktiviti IV) Program Peningkatan Eksport
Skim Pinjaman Mudah Untuk Penerapan Aplikasi ICT (SLICT)	• EKS yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Ordinan Perniagaan 1956; • Anak syarikat kepada syarikat awam dengan jumlah saham tidak melebihi 20%; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki oleh rakyat Malaysia; dan • Mempunyai lesen premis yang sah.	Untuk pembelian berikut: • Perisian untuk meningkatkan keupayaan rekabentuk kejuruteraan; • Perisian ERP atau lain-lain perisian yang setara; • Perisian lain bagi sektor perkhidmatan Sistem Ditempat Jualan, Sistem Pemantauan, Sistem Pengurusan Automasi Stor dan Sistem Pengurusan Inventori; • Perisian sokongan bagi industri tertentu seperti animasi, penerbangan, *web hosting* dan sebagainya; dan • Perkakasan dan peralatan rangkaian berkaitan serta kos latihan.

Skim Pinjaman Mudah	Kelayakan	Skop Pembiayaan
Skim Pinjaman Mudah Bagi Penjenamaan Antarabangsa (SLSIB)	• Syarikat-syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965; • Perkongsian perniagaan dan tuanpunya tunggal yang berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan dan terlibat dalam perkhidmatan profesional; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia; • Pemohon adalah pemilik cap dagangan yang berdaftar; • Nilai jualan tahunan tidak kurang daripada RM5 juta; dan • Rekod jualan sekurang-kurangnya 3 (tiga) tahun di mana sekurang-kurangnya 20% daripada jualan tahunan bagi tempoh kewangan yang lalu adalah jualan eksport.	I) Penjenamaan dan Penjenamaan Semula II) Saluran-Saluran Pengedaran di Luar Negara III) Penyertaan dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa IV) Pengiklanan dan Promosi di Luar Negara
Skim Dana Khas Kerajaan Persekutuan Untuk EKS di Terengganu (DKKP)	• EKS yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 atau Ordinan Perniagaan 1956; • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti syarikat dimilik oleh rakyat Malaysia; dan • Premis kilang di Terengganu yang berlesen/diluluskan.	• Mesin dan peralatan; dan/atau • Modal kerja

Jadual 4.111:
Insentif

MIDA menyediakan insentif cukai langsung, iaitu pelepasan sebahagian atau penuh daripada cukai pendapatan, dalam bentuk Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan, untuk tempoh tertentu. Antara insentif pelaburan yang terdapat di MIDA termasuk:

INSENTIF PELABURAN
A) (i) Insentif Bagi Sektor Perkilangan • Insentif Utama bagi Syarikat Perkilangan • Insentif bagi Menempatkan Semula Aktiviti Perkilangan ke Kawasan-Kawasan Digalakkan • Insentif bagi Syarikat Teknologi Tinggi • Insentif bagi Projek Strategik • Insentif bagi Syarikat Kecil dan Sederhana • Insentif bagi Memperkukuhkan Rangkaian Perindustrian • Insentif bagi Industri Mesin dan Peralatan - Insentif bagi Pengeluaran Mesin dan Peralatan Khusus

- Insentif Tambahan bagi Pengeluaran Jentera Berat
- Insentif Tambahan bagi Pengeluaran Mesin dan Peralatan

• Insentif bagi Modul Komponen Automotif
• Insentif bagi Penggunaan Biomass Kelapa Sawit

(ii) Insentif Bagi Sektor Pertanian

(iii) Insentif Bagi Industri Pelancongan

(iv) Insentif Bagi Pengurusan Alam Sekitar

• Insentif bagi Projek Perladangan Hutan
• Insentif bagi Penyimpanan, Rawatan dan Pelupusan Sisa Toksik dan Berbahaya
• Insentif bagi Aktiviti Kitar Semula Sisa
• Insentif bagi Pemuliharaan Tenaga
• Insentif bagi Aktiviti Penjanaan Tenaga Menggunakan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui
• Insentif bagi Penjanaan Tenaga Boleh Diperbaharui Untuk Kegunaan Sendiri

(v) Insentif Bagi Penyelidikan dan Pembangunan

• Syarikat R&D Kontrak
• Syarikat R&D
• Penyelidikan Dalaman
• Insentif bagi Pengkomersialan R&D Sektor Awam

(vi) Insentif Bagi Industri Peranti Perubatan

• Syarikat yang Melabur dalam Makmal Ujian Baru bagi Menguji Peranti Perubatan
• Syarikat yang Menaik Taraf Makmal Ujian Sedia Ada bagi Menguji Peranti Perubatan

(vii) Insentif Bagi Latihan

(viii) Insentif Bagi Projek Perkhidmatan Diluluskan

(ix) Insentif Bagi Industri Perkapalan Dan Pengangkutan

(x Insentif Bagi Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan

(xi) Insentif-Insentif Lain

B) INSENTIF FISKAL

• Pengecualian Duti Import ke atas Bahan Mentah/Komponen
• Pengecualian Duti Import ke atas Peranti Perubatan yang Diimport bagi Tujuan Dijadikan Kit
• Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan ke atas Mesin dan Peralatan
• Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan ke atas Alat Ganti dan Bahan Gunahabis
• Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan bagi Penyumberan Luar Aktiviti Pembuatan

Jadual 4.112:
Program Pembangunan Pengeksport

MATRADE menyediakan pelbagai program pembangunan pengeksport bagi membantu pengeksport Malaysia, termasuk Bumputera, dalam menembusi pasaran eksport. Program pembangunan pengeksport yang terdapat di MATRADE termasuk:

Kelayakan	Skop Pembiayaan
(i) Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP)	
• Syarikat Sendirian Berhad (sdn. bhd.) dengan ekuiti sekurang-kurangnya 51% milik Bumiputera dan mempunyai nombor pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). • Jumlah jualan setahun kurang dari RM25,000,000. • Bilangan pekerja kurang dari 150 orang.	• Layak menyertai sehingga 3 aktiviti promosi eksport setahun bagi tempoh program selama 3 (tiga) tahun. • Aktiviti-aktiviti promosi eksport adalah penyertaan di dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan Antarabangsa, Misi Jualan Khusus dan Misi Perniagaan Individu. • Penyertaan secara percuma di dalam seminar yang dianjurkan oleh Ibu Pejabat MATRADE. • Penyertaan di dalam program lawatan ke sektor swasta dan Kerajaan yang mempunyai kaitan dengan perniagaan syarikat. • Pengecualian yuran ruang pameran produk di MATRADE (MEEC) untuk 12 bulan.
(ii) Geran Pembangunan Pasaran (MDG)	
• Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia. • Bagi sektor perkilangan dan pertanian, mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta (berdasarkan penyata kewangan yang terkini) atau tidak melebihi 150 orang pekerja sepenuh masa. • Bagi syarikat perdagangan yang memenuhi syarat berikut: i) Mempunyai jumlah jualan tahunan sekurang-kurangnya RM10 juta atau mempunyai jualan eksport RM3 juta (syarat ini dikecualikan bagi syarikat usahawan wanita). ii) Mengeksport 'Barangan Buatan Malaysia' terutama barangan keluaran EKS. iii) Nilai jualan tahunan yang diperolehi daripada dagangan komoditi utama tidak melebihi 20%.	Tuntutan perbelanjaan: • Penyertaan dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa • Penyertaan dalam Misi Perdagangan dan Pelaburan dan Misi Jualan Khusus • Penyertaan dalam Aktiviti Promosi 'In-store' di Luar Negara. • Penyertaan dalam Persidangan Kongres/Konferen Antarabangsa Berkaitan Industri • Penyertaan dalam mesyuarat berkaitan rundingan Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA), Rundingan Perdagangan Bebas (FTA), ASEAN, Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) oleh wakil-wakil dari Persatuan Perniagaan dan Industri dan Persatuan Perkhidmatan Profesional • Penyediaan Bahan-bahan Promosi • Kos permulaan untuk penubuhan pejabat di luar negara • Menjalankan Aktiviti Promosi di Pasaraya Besar dan Stor Runcit

	• Penyertaan dalam Tender Antarabangsa di Luar Negara • Kajian Pasaran Eksport • Enterpris Milik Wanita
(iii) Geran Promosi Jenama (BPG)	
• Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia • Jenama mesti didaftarkan dan syarikat telah memiliki sijil Cap Dagangan • Bagi pasaran fokus BPG, syarikat mesti telah memiliki sijil Cap Dagangan atau sekurang-kurangnya telah memfailkan pendaftaran cap dagangan di salah sebuah negara • Jumlah jualan tahunan tidak melebihi RM250 juta (berdasarkan penyata kewangan yang terkini) • Peningkatan di dalam jualan eksport jenama bagi 3 (tiga) tahun yang terkini • Produk / perkhidmatan hendaklah buatan Malaysia. Bagi barangan yang dikeluarkan "offshore", jenama produk syarikat boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat aktiviti tambah-nilai di Malaysia seperti penyelidikan dan pembangunan barangan, rekaan, pembungkusan, pemasaran, pengedaran dan invois jualan eksport dijalankan di Malaysia • Sekurang-kurangnya 20% daripada jualan tahunan adalah dari jumlah eksport • Bagi syarikat yang tidak dapat memenuhi kriteria 20% eksport ini, permohonan boleh dipertimbangkan berdasarkan kepada potensi eksport dan komitmen syarikat dalam membangunkan jenama sebagai jenama antarabangsa.	Geran promosi jenama hanya merangkumi kos membangun dan mempromosi bagi satu jenama di setiap syarikat. Syarikat boleh memohon geran untuk perbelanjaan yang terlibat dalam pembangunan dan promosi jenama seperti berikut: I) Yuran konsultasi untuk membangunkan strategi jenama dan pelan pemasaran II) Pembangunan Jenama III) Promosi Jenama IV) Kajian Jenama
(iv) Dana Eksport Perkhidmatan (SEF)	
• Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 • Firma persendirian dan perkongsian yang didaftarkan di bawah badan perkhidmatan profesional yang berkanun • Sekurang-kurangnya 60% ekuiti dimiliki oleh rakyat Malaysia	Aktiviti dan Perbelanjaan Yang Layak bagi Geran 1, 2 dan 3 • Pembelian dokumen pembidaan • Perbelanjaan perjalanan dan penginapan yang berkaitan dengan sesi penerangan pembidaan, lawatan teknikal dan mesyuarat rundingan bersama klien yang berpotensi

- Untuk Geran 1, 2 dan 3, pemohon hendaklah:

  - Mempunyai pengalaman dan kompetensi untuk menjadi penyedia perkhidmatan antarabangsa samada individu atau konsortium. Syarikat perlu menunjukkan bukti projek-projek yang pernah dilaksanakan oleh syarikat atau individu;

  - Menyertakan dokumen kepakaran teknikal untuk melaksanakan projek-projek antarabangsa; dan

  - Menunjukkan kemampuan kewangan.

- Bagi EKS yang dimiliki oleh firma perseorangan atau perkongsian yang didaftarkan di bawah perkhidmatan professional berkanun yang tidak mempunyai akaun yang diaudit, dokumen berikut boleh diterima sebagai bukti keupayaan kewangan untuk melaksanakan projek:

  - Penyata bank firma untuk 6 bulan terkini dengan purata baki jumlah tidak kurang dari 10% daripada nilai geran yang dipohon; atau

  - Penyata bank setiap rakan kongsi untuk 6 bulan terkini dengan purata baki jumlah tidak kurang dari 10% daripada nilai geran yang dipohon berserta surat perjanjian untuk menyediakan pembiayaan peribadi untuk syarikat melaksanakan tender/ kertas cadangan;atau

  - "Credit line" atau kemudahan pinjaman dari bank tempatan atau asing dengan nilai kemudahan tidak kurang dari 20% daripada nilai geran yang dipohon.

- Untuk Geran 4, pemohon mesti menyertakan salinan akaun audit yang terkini. Bagi firma yang baru beroperasi kurang dari 1 (satu) tahun, salinan akaun pengurusan (management account) boleh disertakan.

Perbelanjaan yang dibiayai:

- Tiket penerbangan pergi-balik kelas ekonomi untuk tidak lebih daripada 15 perjalanan. Yuran visa, tuntutan akses barangan dan insuran adalah tidak layak dituntut.

- Kos penginapan untuk kadar maksima selama 21 malam, untuk setiap proses pembidaan. Penginapan terhad kepada satu bilik dan tidak melebihi RM1000 untuk satu malam.

- Kos berkaitan perbelanjaan tempatan yang relevan, seperti sewa kereta, teksi dan kos untuk perterjemah.

Nota:

Bagi Geran 3, tiada had untuk bilangan perjalanan, dan bilangan hari untuk penginapan hotel.

- Kos yang diluluskan berkaitan dengan kajian pasaran dan mencari fakta

- Kos Rekabentuk yang Diluluskan

- Kos Pekerja / Perkhidmatan Perunding

- Kos Model Skala

- Pencetakan, Binding Dan Kos Penghantaran

Geran 4 – Akitivi Promosi Pasaran Eksport, Syarikat Penyedia Perkhidmatan (MSP) boleh memperolehi 50% geran secara bayar balik atas perbelanjaan yang diluluskan bagi aktiviti yang layak. Aktiviti promosi yang terlibat termasuk:

- Penyertaan dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa Dalam dan Luar Negara.

- Penyertaan dalam Misi Perdagangan dan Perlaburan dan Misi Pasaran Khusus.

- Penyertaan dalam Persidangan Antarabangsa berkaitan Industri.

- Penyertaan dalam mesyuarat rundingan Perjanjian Pengiktirafan Bersama (MRA), Rundingan Perdagangan Bebas (FTA), Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) oleh wakil-wakil dari Dewan Perniagaan dan Industri, dan Persatuan Perkhidmatan Professional.

- Penyediaan bahan-bahan promosi untuk promosi eksport.

- Penyertaan dalam Aktiviti Promosi 'In-store' di Luar Negara.

- Menjalankan kajian pasaran eksport.

- Kos permulaan untuk penubuhan pejabat di luar negara.

Jadual 4.113:
Enterpris Kecil dan Sederhana

Skim Geran yang terdapat di SMIDEC termasuk:

Geran	Bentuk Bantuan	Perbelanjaan Yang Layak
Geran Bersamaan Untuk Permulaan Perniagaan	Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Bagi enterpris dalam sektor perkilangan yang berdaftar di bawah Ordinan Perniagaan 1956, bantuan geran diberikan sehingga 80% daripada kos yang diluluskan. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap permohonan ialah RM100,000.	• Penyediaan perancangan perniagaan • Kajian kemungkinan yang berkaitan • Kos sewa inkubator dan premis perniagaan sehingga 24 bulan • Kos sewa peralatan dan mesin • Pembangunan prototaip • Pengujian dan sampel produk • Pembelian mesin atau peralatan pejabat • Yuran langganan broadband selama setahun
Geran Bersamaan Untuk Peningkatan Produk dan Proses	Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap permohonan ialah RM500,000.	• Kajian kemungkinan teknologi • Yuran untuk pemindahan teknologi • Pembangunan prototaip dan rekabentuk sistem • Pengujian produk • Pendaftaran produk • Marking dan pelabelan • Pengujian dan tentukuran peralatan dan mesin • Pembangunan dan rekabentuk peralatan dan mesin • Pembelian mesin dan peralatan • Pendaftaran paten / pencarian paten / perlindungan harta intelek • Misi Projek Khas • Produksi bersih dan projek pengurangan sisa buangan termasuklah Keberkesanan Tenaga Audit
Geran Bersamaan Untuk Persijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti	Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap permohonan ialah RM250,000.	• ISO 13485, ISO 14000, ISO 22000, ISO 9000 • Persijilan Produk • Kos perkhidmatan bagi skim yang berkaitan • Persijilan Halal dan MS1500:2004 • TS 16949 • Kos lain yang berkaitan dengan pematuhan syarat standard dan persijilan

Geran Peningkatan Kemahiran Pemasaran EKS	Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 80% daripada kos latihan yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Bagi enterpris di dalam sektor perkilangan yang berdaftar di bawah Ordinan Perniagaan 1956, bantuan diberi sebanyak 80% daripada kos projek yang diluluskan.	Yuran untuk kursus-kursus berikut: • Latihan Prestasi Jualan - Persijilan Profesional Jualan (CSP); - Persijilan Profesional Pengurus Jualan (CSM); dan - Persijilan Profesional Pengurus Akaun (CAM). • Latihan Khidmat Pelanggan - Persijilan Profesional Pengamal Perkhidmatan Pelanggan (CCSP); - Sijil Kemahiran dalam Penjagaan Pelanggan; dan - Sijil Kemahiran dalam Pengurusan Perhubungan Pelanggan (CRM). • Pemasaran - Pembinaan Jenama Secara Strategik; - Analisa Peluang Pasaran melalui Penyelidikan Pasaran; - Pembangunan Pelan Pemasaran yang Efektif; - Memaksimakan Komunikasi Pemasaran; dan - Membangunkan Organisasi Berorientasikan Pasaran.
Geran Bersamaan Untuk Peningkatan Keupayaan Rekabentuk Pembungkusan Produk	Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Bagi enterpris dalam sektor perkilangan yang berdaftar di bawah Ordinan Perniagaan 1956, bantuan geran diberikan sehingga 80% daripada kos yang diluluskan. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap permohonan ialah RM200,000.	Perkhidmatan yang berkaitan bagi memperoleh dan meningkatkan rekabentuk, pembungkusan dan pelabelan, seperti: • Kos dan perkhidmatan berkaitan untuk merekabentuk, pembungkusan, marking dan pelabelan • Pendaftaran cap dagang dan paten • Pembelian mesin dan peralatan berkaitan
Geran Bersamaan Untuk Pembangunan dan Promosi Produk Halal	Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Bagi enterpris dalam sektor perkilangan yang diperbadankan di bawah Ordinan Perniagaan 1956, bantuan geran diberikan sehingga 80% daripada kos yang diluluskan. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap permohonan ialah RM150,000.	Perbelanjaan yang terlibat dalam membangun dan mempromosikan produk halal termasuk: • Pembangunan dan formulasi produk • Pengujian sampel • Perolehan mesin dan peralatan yang berkaitan dengan projek yang diluluskan • Kos ubahsuai bagi pematuhan syarat persijilan • Kos-kos yang berkaitan bagi mematuhi keperluan persijilan halal • Aktiviti-aktiviti promosi

SMIDEC juga menyediakan Geran untuk RosettaNet. Terdapat dua jenis model bagi implementasi piawaian RosettaNet:

Bentuk Bantuan	Skop Pembiayaan
RosettaNet Model Enterpris Bantuan diberikan dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya akan dibiayai oleh pemohon. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM100,000. RosettaNet Model ASP i) Bagi Syarikat EKS Bantuan diberi dalam bentuk geran di mana 70% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya akan dibiayai oleh pemohon. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM30,000. ii) Bagi Syarikat Besar Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya akan dibiayai oleh pemohon. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM30,000.	• integrasi adalah aktiviti untuk menghubungkan perisian, perkakasan dan peralatan rangkaian) • Kos perolehan untuk Business to Business Software yang mematuhi RNIFI.I atau yang lebih tinggi • Kos peralatan yang berkaitan dan capaian ke internet • Yuran pendaftaran dengan RosettaNet Malaysia Berhad • Bayaran melanggan pembekal sistem aplikasi (ASP) untuk tahun pertama dan kedua. SME layak mendapat 70 peratus geran manakala bukan SME layak mendapat 50 peratus geran (Bantuan yang disediakan tidak termasuk perbelanjaan yang layak dituntut daripada geran Kerajaan yang lain)

Jadual 4.114:
Bina Upaya dan Khidmat Nasihat

Program bina upaya dan khidmat nasihat yang ditawarkan oleh MPC merangkumi:

Perkara	Aktiviti
Latihan dan Pengurusan Sistem E-Pembelajaran	a) Kemahiran Kepimpinan dan Pembangunan Pengurusan b) Sistem Pengurusan Kualiti c) Penambahbaikan Proses d) Kecemerlangan Pelanggan e) Kecemerlangan Strategik dan Prestasi
Pembangunan Sistem	a) Pengurusan Kualiti Menyeluruh (Syarikat Contoh) b) Sistem Pengurusan Kualiti c) Pembangunan dan Persijilan Sistem Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) d) Pembangunan dan Persijilan Sistem Kumpulan Inovatif dan Kreatif (ICC)

Program Penyelidikan	a) Produktiviti dan Kualiti b) Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) c) Penentuan Pertumbuhan Produktiviti d) Daya Saing di peringkat Negeri dan Kebangsaan e) Prestasi Produktiviti di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan sektoral f) Penyelidikan Sektor-sektor Utama (Pembuatan, Perkhidmatan, Pertanian dan Pembinaan) g) Sistem Upah yang dikaitkan dengan Produktiviti h) Pengurusan Sumber Manusia i) Penandaarasan dan Amalan Terbaik
Program Promosi Produktiviti and Kualiti (P&Q) – Konvensyen dan Seminar	a) Anugerah dan Pengiktirafan misalnya Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti dan Anugerah Produktiviti b) Jaringan dengan institusi antarabangsa c) Penerbitan berkaitan P&Q misalnya jurnal dan statistik d) Konvensyen, seminar, bengkel dan pameran • Mini Konvensyen ICC Wilayah • Konvensyen ICC Wilayah • Konvensyen ICC Kebangsaan • Seminar Penandaarasan Ke Arah Kecemerlangan Organisasi • Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) di peringkat Wilayah dan Kebangsaan • Seminar Pembangunan Keusahawanan e) Program promosi untuk menggalakkan kreativiti dan inovasi
Program Penandaarasan dan Amalan Terbaik	a) Malaysia Benchmarking Index (MBI) b) Community of Practices (CoPs) c) Projek dan lawatan tapak

PROSPEK

Pada bulan April 2009, fungsi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD) telah diserapkan di bawah beberapa kementerian, termasuk MITI. Fungsi MeCD yang diserap di bawah MITI adalah yang berkaitan dengan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), Institut Usahawan Negara (INSKEN) dan Bank SME. melalui program-program pembangunan SME sedia ada di MITI dan agensi, tambahan fungsi-fungsi tersebut akan membolehkan MITI mempertingkat dan menyelaras program-program keusahawanan yang sebelum ini di bawah MeCD.

Usaha-usaha akan dipertingkat untuk menambah penyertaan Bumiputera dalam bidang-bidang pertumbuhan baru, terutamanya dalam sektor pembuatan, perkhidmatan serta pertanian dan asas tani. Bantuan akan disediakan untuk usahawan Bumiputera supaya dapat menceburi sub-sektor perkhidmatan yang terpilih seperti pengangkutan dan logistik, bengkel automotif, perdagangan pengedaran, profesional dan perkhidmatan perniagaan, pelancongan dan industri berasaskan sumber. Dalam sektor pembuatan, penyertaan Bumiputera akan diberi penekanan dalam industri strategik dan berteknologi tinggi seperti ICT, pembuatan termaju dan kejuruteraan tepat.

Kementerian juga sedang menyediakan Pelan Induk Pembangunan Bumiputera, yang merupakan pelan strategik untuk tempoh 2009 sehingga 2013, bertujuan meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pelan ini, antara lain, menyediakan pelan tindakan strategik untuk Bumiputera supaya dapat memanfaatkan peluang-peluang di pasaran tempatan dan global.

KORIDOR PEMBANGUNAN SERANTAU

I) PENGENALAN

Bagi menangani isu ketidaksamaan sosioekonomi, Kerajaan telah melancarkan lima koridor pembangunan serantau. Objektif penubuhan koridor tersebut adalah bagi mencapai pembangunan serantau yang seimbang melalui usaha yang bersepadu dan terselaras daripada pihak swasta dan kerajaan, serta mewujudkan aktiviti ekonomi. Butiran berkaitan koridor pembangunan serantau adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1:
Butiran bagi Koridor Pembangunan Serantau

Koridor Serantau	IM	NCER	ECER	SDC	SCORE
Tempoh Pembangunan	**2006-2025**	**2007-2025**	**2007-2020**	**2008-2025**	**2008-2030**
Kawasan Liputan	**2,216 kilometer persegi (Daerah Johor Bahru dan sebahagian daerah Pontian – Mukim Jeram Batu, Mukim Sungai Karang, Mukim Serkat dan Pulau Kukup)**	**17,816 kilometer persegi (Penang, Kedah, Perlis dan Utara Perak – Daerah Hulu Perak, Kerian, Kuala Kangsar dan Larut Matang – Selama)**	**66,736 kilometer persegi (Pahang, Kelantan, Terengganu dan daerah Mersing, Johor)**	**73,997 kilometer persegi (Seluruh Sabah)**	**70,708 kilometer persegi (Tanjung Manis – Samalaju dan pedalaman)**
Pihak Berkuasa Koridor	**Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA). Ditubuhkan pada tahun 2006.**	**Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Ditubuhkan pada tahun 2008.**	**Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Ditubuhkan pada tahun 2008**	**Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA). Ditubuhkan pada bulan Januari 2009.**	**Pihak Berkuasa Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) Ditubuhkan pada tahun 2006.**

Sumber : Unit Perancang Ekonomi (EPU)
Nota: IM : Iskandar Malaysia
NCER : Northern Corridor Economic Region
ECER: East Coast Economic Region
SDC: Sabah Development Corridor
SCORE: Sarawak Corridor of Renewable Energy

Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 (MTR RMK9), Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM10 bilion bagi melaksanakan projek-projek yang diterajui oleh pihak swasta seperti di Jadual 2.

Jadual 2:
Peruntukan Pembangunan Mengikut Koridor

Koridor	Peruntukan (RM bilion)
Iskandar Malaysia (IM)	0.93
Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER)	1.57
Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	2.62
Koridor Pembangunan Sabah (SDC)	2.38
Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)	2.50
Jumlah Peruntukan	10.00

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU)

Daripada 224 projek pembangunan yang telah dicadangkan bagi semua koridor, sebanyak 103 projek atau 46 peratus daripadanya telah dilaksanakan pada tahun 2008. Pelaksanaan awal projek-projek tersebut termasuklah kerja-kerja asas seperti survey work, reka bentuk, kajian impak alam sekitar (EIA), kajian komposisi tanah dan penyediaan tanah. Status pelaksanaan projek pembangunan koridor adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3:
Status Pelaksanaan Projek Pembangunan Koridor pada tahun 2008

Wilayah	Bil. Projek dibawah MTR RMK9	Bil. Projek dilaksanakan			Peratus (%)
		Sektor		Jumlah	
		Ekonomi	Sosial		
IM	**14**	**11**	**3**	**14**	*100.0*
NCER	**40**	**8**	**9**	**17**	*42.5*
ECER	**107**	**22**	**26**	**48**	*44.9*
SDC	**54**	**6**	**9**	**15**	*27.7*
SCORE	**9**	**9**	**0**	**9**	*100.0*
Jumlah	**224**	**56**	**47**	**103**	*46.0*[1]

Sumber: Unit Perancang Ekonomi (EPU)
Nota: 1, Merujuk kepada projek yang telah memulakan pelaksanaan dan sedang dijalankan. Projek selebihnya sebanyak 54 peratus daripada jumlah projek keseluruhannya masih belum dilaksanakan.

II) KORIDOR SERANTAU

a) ISKANDAR MALAYSIA

Sembilan projek telah dicadangkan untuk Iskandar Malaysia (IM) di bawah peruntukan projek pembangunan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK9). Pada tahun 2008, sejumlah RM301.5 juta telah diagihkan kepada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA). Antara projek yang telah dilaksanakan pada tahun 2008 adalah:

- pembinaan Lebuhraya Pesisiran dari Johor Bahru ke Nusajaya;
- penambahbaikan Lebuhraya Skudai ke Senai;
- kerja-kerja menaik taraf Jalan Kolam Air; pembinaan persimpangan di pekan Ulu Tiram; dan
- menaik taraf Jalan Skudai dan Jalan Abu Bakar.

IM telah mensasarkan pelaburan berjumlah RM47.0 bilion di bawah RMK9. Sehingga 28 Februari 2009, pelaburan yang diterima oleh IM berjumlah RM41.0 bilion di mana sebahagian besar adalah di dalam sektor hartanah, perkilangan dan pelancongan.

b) WILAYAH EKONOMI KORIDOR UTARA

Daripada jumlah 40 program dan projek yang dicadangkan di bawah MTR RMK9, sebanyak 17 projek telah dilaksanakan pada tahun 2008 dengan RM45.0 juta diagihkan kepada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Antara projek-projek yang telah dilaksanakan dan berada di pelbagai peringkat pelaksanaan adalah:

- projek menaik taraf Jalan Ladang MADA di Kedah;
- Projek Ternakan Kambing Boer Kebangsaan di Pondok Tanjung, Selama, Perak;
- Penanaman padi di Kerian, Perak;
- Pusat Kecemerlangan Mikroelektronik di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang;
- Projek Inkubator Bioteknologi di Pulau Pinang;
- Pusat Pertanian dan Usahawan Agro (agro-entrepreneur) di Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah;
- Kuala Kangsar Bandar Diraja, Perak;
- projek menaik taraf pengkalan Feri Perlis, Kuala Perlis; dan
- Modal Insan – Projek Edu Citi-tel di Taiping, Perak.

NCER telah mensasarkan pelaburan berjumlah RM28.0 bilion di bawah RMK9. Sehingga 28 Februari 2009, jumlah pelaburan yang diterima di NCER adalah RM8.36 bilion di mana kebanyakannya adalah di sektor pertanian dan pelancongan.

c) WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR

Di bawah MTR RMK9, sebanyak 107 program dan projek telah diluluskan untuk ECER. Peruntukan sebanyak RM30.0 juta telah diagihkan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Sebanyak 48 projek telah dilaksanakan dalam tahun 2008. Antara projek yang berada di pelbagai peringkat pelaksanaan adalah:

- Taman Plastik Kerteh, Terengganu;
- projek Agropolitan Selatan Kelantan, Kelantan;
- pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan, Pahang;
- pembangunan “Homestay” pelancongan, Kampung Teluk Ketapang, Kuala Terengganu dan Kampung Kuala Medang, Kuala Lipis;
- pembangunan industri kenaf, Bachok, Pasir Puteh, Kelantan;
- kelompok pengeluaran dan pemprosesan kambing, Ulu Tersat, Terengganu;
- Pusat Kecemerlangan, Universiti Malaysia Pahang (Pahang), Universiti Malaysia Kelantan (Kelantan), Universiti Malaysia Terengganu (Terengganu), Universiti Darul Iman (Terengganu), UiTM Machang (Kelantan) dan UiTM Jengka (Pahang);
- pembesaran Pelabuhan Kuantan, Pahang;
- pelebaran Jalan Persekutuan Gua Musang – Kampung Relong (Pahang) dan Karak – Simpang Pelangai (Pahang); dan
- Kampung Relong (Pahang) dan Karak – Simpang Pelangai (Pahang).

ECER mensasarkan pelaburan berjumlah RM20.0 bilion di bawah RMK9. Sehingga Februari 2009, pelaburan yang diterima oleh ECER berjumlah RM22.7 bilion, kebanyakannya di dalam projek petrokimia, sektor pelancongan dan pertanian.

d) KORIDOR TENAGA DIPERBAHARUI SARAWAK

Sebanyak 9 projek/program telah dicadangkan di bawah MTR RMK9 dan

dilaksanakan pada tahun 2008 dengan peruntukan sejumlah RM30.0 juta di Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE). Antara projek yang berada pada pelbagai tahap pelaksanaan adalah:

- pembinaan jalan akses ke Empangan Murum di Kapit;
- pembinaan jalan akses ke Kapit;
- pembinaan jalan akses ke tapak Empangan Baleh di Kapit;
- pembinaan jalan akses ke Empangan Baram di Miri; dan
- pembangunan Taman Perindustrian Samalaju.

SCORE mensasarkan pelaburan sebanyak RM34.0 bilion di bawah RMK9. Setakat 28 Februari 2009, jumlah pelaburan yang diterima oleh SCORE adalah sebanyak RM79.9 bilion yang kebanyakannya di dalam ector perkilangan.

e) KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH

Di bawah MTR RMK9, sebanyak 54 projek telah diluluskan bagi Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Kerajaan negeri Sabah telah melaksanakan 15 buah projek pada tahun 2008 dan antara projek yang signifikan adalah:

- pengwujudan Sabah Agro Industrial Precinct (SAIP);
- penyediaan pelan pengurusan bagi Taman Pulau Penyu;
- 15 jalan agrikultur; dan
- penambahbaikan Kampung-kampung di Pulau Gaya.

Pelaburan yang disasarkan bagi SDC di bawah RMK9 adalah sebanyak RM16.0 bilion. Sejak pelancarannya, SDC telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM3.75 bilion yang majoritinya diterima dalam sektor perkilangan dan pelancongan.

III) PENUTUP

Kerajaan adalah komited ke arah mencapai pembangunan serantau yang seimbang dan mengurangkan jurang perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar. Penyediaan infrastruktur fizikal seperti yang dirancang di kelima-lima koridor mewujudkan peluang pembangunan dan ekonomi di kawasan-kawasan tersebut. Ini akan dibantu dengan elemen-elemen lain yang perlu bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan, seperti peluang memperolehi bantuan kewangan dan insentif, pembangunan modal insan dan sistem penyampaian kerajaan yang berkesan. Kerajaan akan terus melaksana dan memperkenalkan inisiatif bagi menarik lebih banyak pelaburan masuk ke koridor serantau serta memastikan projek pembangunan yang telah dicadangkan dilaksanakan dengan jayanya.

Artikel Kotak 4.2 : MENGGALAKKAN PENGLIBATAN WANITA DALAM PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

MENGGALAKKAN PENGLIBATAN WANITA DALAM PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Sumbangan wanita kepada pembangunan ekonomi Malaysia selama ini adalah amat signifikan. Wanita telah menyumbang sebanyak 47 peratus dari jumlah tenaga kerja dalam negara pada tahun 2007. Jumlah wanita dalam bidang profesional, pengurusan dan teknikal juga telah meningkat dari 30 peratus pada tahun 1990 an kepada 40 peratus sehingga hari ini.

Wanita terus memainkan peranan yang penting dalam perdagangan dan industri. Berdasarkan bancian yang dilaksanakan pada tahun 2005, terdapat sekitar 82,911 perusahaan yang dimiliki oleh wanita atau 16 peratus daripada 548,267 jumlah keseluruhan EKS di Malaysia. Pecahan perusahaan yang dimiliki oleh wanita mengikut sektor adalah:

- perkhidmatan - 74,197 perusahaan (89.5 peratus);
- perkilangan - 6,185 perusahaan (7.5 peratus); dan
- pertanian - 2,529 perusahaan (3.0 peratus).

Menyedari potensi wanita dalam bidang keusahawanan dan dalam melaksanakan dasar kesaksamaan gender, kerajaan melalui MITI telah dipertangunggjawabkan oleh kerajaan untuk meningkatkan penyertaan wanita khususnya di dalam bidang perdagangan dan perindustrian.

Jawatankuasa Kabinet mengenai Kesaksamaan Gender yang telah ditubuhkan pada tahun 2004 bertujuan untuk:

- meletakkan kesaksamaan gender sebagai satu agenda utama Kerajaan supaya peka terhadap hal ehwal dan pembangunan wanita; dan
- memastikan segala peraturan dan dasar Kerajaan akan lebih sensintif kepada keseimbangan antara lelaki dan wanita yang akhirnya akan membentuk sebuah negara Malaysia yang lebih maju, progresif dan seimbang.

Pada tahun 2008, Jawatankuasa Kabinet mengenai Kesaksamaan Gender telah memperakukan 8 strategi yang telah dikenalpasti bagi meningkatkan pencapaian usahawan wanita seperti berikut:

- Meningkatkan kecekapan usahawan wanita dalam menguruskan dan mengendalikan perniagaan;
- meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatan yang di eksport;
- menggalakkan penyertaan dengan mendapatkan peluang-peluang ke pasaran eksport;
- mempermudah proses pembiayaan;
- meningkatkan aktiviti outreach;
- mengukuhkan rangkaian perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa;
- meningkatkan penyertaan usahawan wanita dalam sektor-sektor perkhidmatan; dan
- mewujudkan pangkalan data bagi usahawan wanita dalam perdagangan dan perindustrian.

MITI sebagai agensi peneraju bersama agensi-agensi berkaitan (seperti pada Lampiran 1) telah dilantik untuk menyelaras pelaksanaan program-program bagi merealisasikan strategi-strategi tersebut. Perkembangan pelaksanaan strategi-strategi adalah seperti di Lampiran 2.

Kesimpulan

Perakuan terhadap kelapan-lapan strategi oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Kesaksamaan Gender tersebut mencerminkan usaha kerajaan untuk meningkatkan sumbangan wanita dalam perdagangan dan industri. Pelaksanaan strategi-strategi secara efektif akan berupaya untuk menyediakan persekitaran bagi memajukan usahawan wanita di dalam negara.

Sehingga kini, wanita di Malaysia telah menyertai dalam semua aspek pembangunan negara. Melalui pelaksanaan program dan insentif, diharapkan agar usahawan wanita dapat meningkatkan penglibatan mereka secara lebih efektif dalam perdagangan dan industri. Justeru, usahawan wanita akan terus dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara yang mapan.

LAMPIRAN 1

SENARAI KEMENTERIAN, AGENSI KERAJAAN DAN PIHAK SWASTA YANG TERLIBAT DI DALAM MEMPROMOSI WANITA DI DALAM BIDANG PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

1. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
3. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
4. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;
5. Kementerian Pengajian Tinggi;
6. Kementerian Pelancongan;
7. Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE);
8. Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA);
9. Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC);
10. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
11. Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF);
12. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI);
13. SIRIM Berhad;
14. Bank Perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (SME Bank)
15. Multimedia Development Corporation (MdeC);
16. MIMOS Berhad;
17. Malaysia Debt Venture Berhad;
18. Malaysia Venture Capital Management Berhad;
19. Persekutuan Pertubuhan Wanita dalam Perniagaan Malaysia (FEM); dan
20. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia.

LAMPIRAN 2

STRATEGI-STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN BAGI MEMPROMOSI PENYERTAAN WANITA DALAM PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
1.	**Meningkatkan kecekapan usahawan wanita dalam menguruskan dan mengendalikan perniagaan** **Agensi Penyelaras:** **SMIDEC** **Agensi bertanggungjawab:** **MPC, KPWKM, MECD**	i. SMIDEC • Sesi Dialog bersama Personaliti Usahawan • Bengkel untuk Usahawan Wanita • Anugerah Kebangsaan Usahawan Wanita ii. MPC • Seminar Penanda Aras untuk Latihan Pembangunan Komuniti Wanita • Menghasilkan Syarikat Wanita Bertaraf Dunia • Konsultasi/Khidmat nasihat • Seminar bagi Meningkatkan Produktiviti untuk Wanita dalam Bidang Perniagaan (bagi negeri-negeri di utara,selatan dan pantai timur serta Sabah dan Sarawak) iii. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) • Kursus Asas Keusahawanan (dianjurkan bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi) • Latihan bagi ibu-ibu tunggal – menjahit, memproses makanan, kraftangan dan mengasuh kanak-kanak. iv. MECD • Latihan dan pembangunan kompetensi bagi usahawan baru dan sedia ada untuk menyediakan pelan perniagaan dan permohonan pre-seed

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
		v. MIMOS • Sistem Agribazaar – Latihan ICT **<u>Perkembangan dalam tahun 2008</u>** • SMIDEC telah mengadakan enam sesi Dialog bersama Personaliti di seluruh negara. Sebanyak 400 peserta telah menyertai sesi tersebut. Sebanyak tiga Bengkel untuk Usahawan Wanita telah diadakan di Johor, Kuala Lumpur dan Kedah. Seramai 800 peserta telah menghadiri bengkel berkenaan. • MPC telah mengadakan program-program seperti berikut: i. Seminar Penanda Aras untuk Latihan Pembangunan Komuniti Wanita : 115 peserta ii. Menghasilkan Syarikat Wanita Bertaraf Dunia : 1,163 peserta iii. Konsultasi/Khidmat nasihat : 7,219 peserta iv. Seminar bagi Meningkatkan Produktiviti untuk Wanita dalam Bidang Perniagaan (bagi negeri-negeri di utara,selatan dan pantai timur serta Sabah dan Sarawak) : 1,279 peserta v. 10 program pembangunan khusus untuk usahawan wanita telah diadakan dan dihadiri oleh seramai 882 usahawan wanita. • Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan kerjasama Institut Keusahawanan Nasional (INSKEN), sebuah agensi di bawah MECD telah mengadakan kursus asas keusahawanan bagi 30 ibu tunggal di Selangor. JPW juga telah mengadakan 11 kursus latihan di bawah program “Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal” (I-KIT). I-KIT adalah program khas di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengurangkan masalah kemiskinan di kalangan ibu tunggal. Sehingga Mac 2009, seramai 85 peserta daripada jumlah 349 peserta seluruh Malaysia telah menjadi usahawan dalam usaha niaga perusahaan mikro. • Projek InfoSTI@MOSTI telah dilaksanakan pada 2008. InfoSTI@MOSTI adalah program outreach yang menggunakan sepenuhnya infrastruktur-infrastruktur sedia ada bagi membangunkan sukarelawan mahir dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI). Salah satu subjek utama yang diajar di pusat InfoSTI@MOSTI ialah Agribazaar.

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
		• Agribazaar merangkumi portal web sebagai front-end interface kepada pengguna dan sistem Pengurusan Rangkaian Penawaran (Supply Chain Management - SCM) sebagai aplikasi back-end. Ia membolehkan stakeholders meletakkan produk mereka untuk jualan dan mengakses maklumat pasaran dan menyemak harga terkini. Melalui projek ini kerajaan berharap dapat meningkatkan produktiviti dan saingan di kalangan komuniti pertanian tempatan. • Projek Agribazaar merupakan usaha bersama Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia dan Jabatan Pertanian Malaysia untuk menggalakan industri berasaskan pertanian Malaysia dengan membantu pelbagai stakeholders (contonya petani,nelayan, pengeluar makanan berasaskan pertanian, peruncit, pengedar, pengeskport dan pengimport) untuk menjalankan perniagaan produk pertanian mereka secara online.
2.	**Meningkatkan mutu barangan dan perkhidmatan yang di eksport** **Agensi penyelaras:** **MATRADE** **Agensi bertanggungjawab: SIRIM , MARDI**	i. SIRIM • Program 'Groom Big' bagi meningkatkan Mutu Makanan dan Minuman • Skim Pembangunan Teknologi SME ii. MARDI • Program Pembangunan Usahawan (terbuka kepada semua usahawan). Bantuan sokongan teknikal termasuk: - Lawatan trouble shooting; - Program attachment; - Prosedur pemprosesan makanan. **<u>Perkembangan dalam tahun 2008</u>** • MECD dan SIRIM Berhad menjalankan Program Groom Big untuk meningkatkan kualiti produk EKS. Pada tahun 2008, 116 EKS telah diberi bantuan dan latihan dalam HACCP, GMP dan MS ISO 9001 serta MS 1500 (Halal).

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
		• MARDI melalui Program Khidmat Nasihat Teknikal Usahawan telah menganjurkan sesi khidmat nasihat teknikal kepada kumpulan usahawan dan syarikat dalam empat program seperti berikut: - Khidmat Sokongan Usahawan – 800 klien - Khidmat Bimbingan Usahawan MARDI • Peningkatan Kualiti – 15 syarikat • Peningkatan Kapasiti – 4 syarikat • Pembangunan Produk Baru – 5 syarikat • Reka letak kilang dan sistem pengeluaran – 1 syarikat • Pembungkusan dan pelabelan – 2 syarikat • Panduan pensijilan – 1 syarikat • Latihan attachment – 2 syarikat - Skim Usahawan Anak Angkat MARDI • Peningkatan kualiti – 7 syarikat • Peningkatan kapasiti – 9 syarikat • Pembangunan Produk Baru – 8 syarikat • Reka letak kilang dan sistem pengeluaran – 8 syarikat • Pembukusan dan pelabelan – 3 syarikat • Panduan Pensijilan – 10 syarikat • Pembangunan Perniagaan – 2 syarikat - Khidmat Khas Pembangunan Usahawan • MPPB – tiga usahawan telah menjalani latihan teknikal yang dijadualkan • Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) – perkhidmatan bagi reka letak dan sistem pengeluaran untuk jus mangga dan kordial disediakan • Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) – perkhidmatan untuk reka letak dan sistem pengeluaran untuk vacuum frying disediakan kepada PPK Paya, Perlis.

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
3.	**Menggalakan eksport** **Agensi penyelaras:** **MATRADE**	i. MATRADE a. Woman Trade Outreach Program (WTOP) • Untuk membantu usahawan wanita bagi menerokai peluang-peluang eskport melalui: - Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkenaan pasaran eksport - Penyertaan dalam aktiviti eksport • Pemberian geran 100% untuk salah satu aktiviti promosi termasuklah: - Pameran perdagangan antarabangsa - Misi perdagangan dan pelaburan/ misi pemasaran b. Geran Pembangunan Pasaran • Untuk membantu usahawan wanita bagi mempromosi produk mereka di pasaran antarabangsa; • 50% geran bersamaan untuk usahawan wanita yang menyertai misi perdagangan, konvensyen antarabangsa, misi pembelian dan pameran antarabangsa; dan • Usahawan wanita adalah terkercuali daripada jualan minimum tahunan dan syarat-syarat export dan 50% tuntutan bersamaan diberikan untuk 2 tiket kapal terbang kelas ekonomi untuk tujuan ini. **Perkembangan dalam tahun 2008** • MATRADE telah melaksanakan Women Exporter Development Program (WEDP) sejak 2005 yang dahulunya dikenali sebagai Women Trade Outreach Program (WTOP). • Sehingga Disember 2008, 20 syarikat telah menunjukkan minat untuk menyertai program tersebut, daripada jumlah tersebut 17 telah dilawati dan 9 telah diluluskan permohonan untuk menyertai program tersebut.

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
		• Bermula Mei 2008, syarikat-syarikat WEDP adalah layak untuk mendapatkan pembiyaan penuh bagi barangan kos seperti tiket kapalterbang, tempat penginapan dan sewaan booth daripada MATRADE untuk tujuan penyertaan mereka dalam tiga aktiviti promosi perdagangan setiap tahun untuk tempoh tiga tahun program pembangunan. • Geran Pembangunan Pasaran: Geran diluluskan • Jumlah syarikat : 176 • Jumlah tuntutan : 343 • Jumlah geran diluluskan (RM) : 3,192,450.38 Pembayaran Geran • Jumlah syarikat : 169 • Jumlah tuntutan :326 • Jumlah geran dibayar (RM) : 2,272,191.54
4.	**Mempermudahkan proses pembiayaan kepada usahawan wanita** **Agensi penyelaras:** **SMIDEC** **Agensi bertanggungjawab:** **KPWKM, MECD, MTDC**	i. SMIDEC • Menggalakan penggunaan sepenuhnya insentif-insentif sedia ada melalui SMIDEC: i. Skim bantuan khas untuk usahawan wanita; ii. Geran untuk memulakan perniagaan; iii. Geran untuk produk dan penambahbaikan proses; iv. Geran untuk produktiviti dan peningkatan kualiti dan pensijilan; v. Geran untuk pelan perniagaan dan pembangunan;

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
		vi. Geran untuk meningkatkan pembungkusan produk vii. Geran bagi pembangunan pasaran; viii. Geran bagi meningkatkan kemahiran; dan ix. Skim pinjaman mudah untuk aplikasi ICT. ii. KPWKM • Program kesedaran untuk usahawan wanita mengenai kemudahan kredit mikro (dengan usahasama MDEC, DPMM and UNDP) iii. MECD • Pre-Seed Fund (geran sehingga RM150,000). 10 peratus agihan diberikan kepada usahawan wanita. iv. MTDC • Technology Acquisition Fund 2 – dana bagi memperoleh mesin dan peralatan bagi proses pengilangan. **Perkembangan dalam tahun 2008** • Skim Bantuan Khas untuk Usahawan Wanita telah diperkenalkan pada tahun 1999 yang membolehkan usahawwan wanita untuk mendapatkan bantuan kewangan seperti geran dan pinjaman mudah ditawarkan oleh SMIDEC. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 1,661 permohonan di bawah skim tersebut telah diluluskan berjumlah RM111.9 million. • Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan pelbagai program bagi menyebarkan maklumat mengenai bantuan yang disediakan untuk usahawan wanita. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
		i. Sesi dialog " Memperkasakan Wanita" (tiga siri dijalankan dengan usahasama Unit Perancang Ekonomi dan agensi-agensi berkaitan seperti MARA,INSKEN dan Amanah Ikhtiar Malaysia) – 650 peserta. ii. Bengkel bagi usahawan wanita dalam EKS (dengan usahasama SMIDEC) – 400 peserta iii. Seminar mengenai wanita dalam perniagaan agro (dengan usahasama Persatuan Usahawan Graduan Malaysia) – 180 peserta • Program keusahawanan wanita telah dijalankan di peringkat negeri. Pada tahun 2008, tujuh program keusahawanan telah dijalankan dan melibatkan 380 peserta. Satu arahan telah dikeluarkan kepada semua 15 pejabat negeri JPW untuk mengadakan satu sesi keusahawanan di setiap kapasiti atau program latihan di setiap peringkat akar umbi. • Technology Acquisition Fund 2 yang dikendalikan oleh MTDC disediakan khas untuk syarikat milikan wanita. Pada tahun 2008, geran telah diluluskan kepada empat syarikat milikan wanita dengan jumlah RM1, 033,000.
5.	**Program *Outreach*** **Agensi penyelaras:** **SMIDEC**	i. SMIDEC • Mempertingkatkan sesi dialog dan perbincangan dikalangan agensi kerajaan dan persatuan wanita dalam perdagangan dan industri yang berkatan. **<u>Perkembangan dalam tahun 2008</u>** • SMIDEC telah mengadakan enam sesi Dialog bersama Personaliti di seluruh negara. Sebanyak 400 peserta telah menyertai sesi tersebut. Sebanyak tiga Bengkel untuk Usahawan Wanita telah diadakan di Johor, Kuala Lumpur dan Kedah. Seramai 800 peserta telah menghadiri bengkel berkenaan.

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
6.	**Mengukuhkan rangkaian perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa** **Agensi penyelaras:** **MATRADE**	i. MATRADE a. Woman Trade Outreach Program (WTOP) • Untuk membantu usahawan wanita bagi menerokai peluang-peluang eskport melalui: - Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkenaan pasaran eksport - Penyertaan dalam aktiviti eksport • Pemberian geran 100% untuk salah satu aktiviti promosi termasuklah: - Pameran perdagangan antarabangsa - Misi perdagangan dan pelaburan/ misi pemasaran **<u>Perkembangan dalam tahun 2008</u>** • MATRADE telah melaksanakan Women Exporter Development Program (WEDP) sejak 2005 yang dahulunya dikenali sebagai Women Trade Outreach Program (WTOP). • Sehingga Disember 2008, 20 syarikat telah menunjukkan minat untuk menyertai program tersebut, daripada jumlah tersebut 17 telah dilawati dan 9 telah diluluskan permohonan untuk menyertai program tersebut. • Bermula Mei 2008, syarikat-syarikat WEDP adalah layak untuk mendapatkan pembiyaan penuh bagi barangan kos seperti tiket kapalterbang, tempat penginapan dan sewaan booth daripada MATRADE untuk tujuan penyertaan mereka dalam tiga aktiviti promosi perdagangan setiap tahun untuk tempoh tiga tahun program pembangunan.

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
7.	**Meningkatkan penyertaan usahawan wanita dalam sektor-sektor perkhidmatan** **Agensi penyelaras:** **1. MECD (Distributive Trade);'** **2. MIMOS (ICT);** **3. Ministry of Tourism–Tourism Services)**	i. MIMOS • Program Rangkaian - Program bagi mengenalpasti agen tunggal dan peruncit untuk diintegrasikan kepada program 'Total ICT Distributor'. ii. Multimedia Development Corporation • Program komunikasi (ICT) untuk kewangan, jualan dan penjenamaan. iii. Kementerian Pengajian Tinggi • Menggalakan penyertaan wanita dalam perkhidmatan pendidikan - Usahawan wanita dalam bidang pendidikan dan edu-tourism boleh mempromosi produk pengajian tinggi Malaysia melalui empat pejabat pendidikan di luar negara iaitu China, Vietnam, Indonesia dan Arab Saudi serta 13 pejabat Jabatan Pelajar Malaysia di luar negara.

BIL.	STRATEGI-STRATEGI	PROGRAM-PROGRAM SOKONGAN DAN AGENSI PELAKSANA
8.	**Mewujudkan pangkalan data bagi usahawan wanita dalam perdagangan dan perindustrian.** **Agensi penyelaras:** **SMIDEC** **Agensi bertanggungjawab:** **MATRADE, MIMOS**	i. SMIDEC • Penerbitan Direktori Usahawan Wanita pada 5 Julai 2008. ii. MATRADE • Pengkalan data pengeskport dengan pecahan ekuiti milik wanita. iii. MIMOS • Program pengkalan data Grid-pengetahuan **Perkembangan dalam tahun 2008** Penglibatan wanita dalam Program pengkalan data Knowlegde-Grid seperti berikut: - professor dari Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IFNM), MOSTI dalam penyelidikan dan pembangunan projek inisiatif mengenai Molecular Dynamics Simulation atau BioGRID (Bio Informatics Grid). Sistem tersebut bertujuan untuk mereka bentuk ubat-ubatan daripada sumber semulajadi melalui contoh dan simulasi menggunakan teknologi Grid Computing. - Penglibatan professor dari UiTM dalam bidang FinanceGRID bagi membangunkan e-Financial Database Portal. Kertas cadangan telah dikemukakan kepada MOSTI bagi menjalankan apllikasi senibina Grid Computing. - Dekan, Fakulti Sains Komputer, USM juga terlibat dalam Parallel and Distributed Processing dan aktif dalam inisiatif Grid Computing. - Penglibatan professor dari UiTM dalam Pengurusan Maklumat dengan menggunakan teknologi Grid Computing. - Penglibatan Agensi Nuklear Malaysia dalam inisiatif QuantumGRID khusus dalam bidang penyelidikan nuklear yang turut menggunakan teknologi Grid Computing.

Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI)

Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) adalah acara tahunan yang memberi pengiktirafan kepada syarikat- syarikat yang menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam kecemerlangan pengurusan, penambahbaikan kualiti dan kecemerlangan eksport. Pengiktirafan ini diberi oleh pihak Kerajaan, telah membantu para pemenang dalam mempromosikan produk/perkhidmatan dalam pasaran eksport.

Terdapat tujuh jenis anugerah iaitu:

(i) Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri;

(ii) Anugerah Kecemerlangan Produk;

(iii) Anugerah Kecemerlangan Eksport (Dagangan);

(iv) Anugerah Kecemerlangan Eksport (Perkhidmatan);

(v) Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti;

(vi) Anugerah Kecemerlangan Jenama (Dagangan); dan

(vii) Anugerah Kecemerlangan Jenama (Perkhidmatan).

Bagi setiap jenis anugerah, terdapat beberapa kategori berasaskan jumlah jualan tahunan syarikat.

Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri pertama kali diperkenalkan pada tahun 2007. Anugerah ini adalah anugerah yang tertinggi untuk kecemerlangan industri secara menyeluruh dan menggantikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri bagi kategori sektor swasta yang dahulunya diuruskan oleh MAMPU. Pemenang Anugerah Perdana Menteri dipilih daripada pemenang-pemenang bagi jenis anugerah yang berlandaskan kepada empat kriteria berikut:

- Kecemerlangan Organisasi;
- Dayasaing/Produktiviti;
- Inovasi; dan
- Tanggungjawab Sosial Korporat.

Pemenang-pemenang Anugerah AKI akan menikmati insentif fiskal dan bukan fiskal seperti berikut:

(i) Sebuah trofi dan sijil kecemerlangan;

(ii) Hadiah wang tunai RM50,000.00 bagi pemenang Anugerah Kecemerlangan Industri Perdana Menteri;

(iii) Layak menggunakan Logo Anugerah sebagai bahan publisiti bagi tempoh tiga (3) tahun dari tarikh menerima Anugerah;

(iv) Layak menerima pengecualian cukai sebanyak 100% daripada jumlah peningkatan eksport bagi pemenang Anugerah Kecemerlangan Eksport (Dagangan dan Perkhidmatan) atau Anugerah Kecemerlangan Jenama (Dagangan dan Perkhidmatan);

(v) Pengecualian sebanyak RM19,500 dari yuran penyertaan bagi tiga pameran perdagangan antarabangsa atau RM1,500 bagi tiga misi perdagangan anjuran MATRADE. Insentif ini mesti diguna dalam tempoh tiga tahun dari tarikh menerima Anugerah;

(vi) Pengecualian yuran penyertaan bagi ruang pameran di Pusat Pameran Eksport Malaysia (MEEC) di Ibu Pejabat MATRADE dan Pusat Perdagangan MATRADE yang lain bagi satu sesi pameran tetap. Insentif ini mesti diguna dalam tempoh tiga tahun dari tarikh menerima Anugerah;

(vii) Diskaun sebanyak 20% bagi mana-mana program latihan yang dianjurkan oleh MPC;

(viii) Diberi keutamaan untuk mendapatkan geran-geran yang disediakan oleh SMIDEC;

(ix) Publisiti meluas diberi mengenai profil syarikat dan produk/perkhidmatan oleh Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan MATRADE di luar negara;

(x) Dimuatkan dalam majalah keluaran MATRADE dan diberi ruang untuk mengiklankan produk/perkhidmatan syarikat dalam direktori eksport MATRADE;

(xi) Profil syarikat dan produk/perkhidmatan diterbitkan dalam Buku Pemenang AKI dan diedarkan kepada semua pejabat MITI, MIDA dan MATRADE di luar negara sebagai bahan promosi;

(xii) Profil syarikat dan imej produk/ perkhidmatan akan dipamerkan dalam laman web MITI, MPC, MATRADE dan SIRIM;

(xiii) Keputusan pemenang disiarkan dalam akhbar; dan

(xiv) Dicalonkan Anugerah Perdana Menteri bagi kecemerlangan industri.

Semenjak diperkenalkan pada tahun 1991, sebanyak 2,475 syarikat telah menyertai AKI. Bagi AKI 2008, 192 buah syarikat yang menyertai telah melalui satu proses penilaian yang ketat oleh jawatankuasa teknikal. Kebanyakan syarikat-syarikat terbabit adalah daripada sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan.

Untuk memberikan pengiktirafan yang lebih bermakna terhadap pencapaian para pemenang dan juga untuk menarik minat syarikat-syarikat terbaik di Malaysia untuk menyertai AKI, MITI telah mengambil beberapa inisiatif baru:

(i) Menjalin kerjasama dengan sebuah syarikat audit yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan kepakaran dalam mengaudit syarikat-syarikat yang terlibat. Penglibatan syarikat seperti ini akan menambah nilai dan menaikkan imej AKI di peringkat antarabangsa. Ini akan membantu para pemenang dalam pengeksportan produk/ perkhidmatan ke pasaran luar negara;

(ii) Menerbitkan profil syarikat dan produk atau perkhidmatan bagi pemenang di dalam penerbitan khas dan akan diedarkan kepada semua pejabat MITI, MATRADE dan MIDA luar negara sebagai bahan promosi; dan

(iii) Menganjurkan persidangan bersama FMM selepas majlis penyampaian anugerah untuk perkongsian maklumat tentang strategi-strategi dan cara pengurusan terbaik yang diaplikasikan oleh pemenang-pemenang Anugerah Kecemerlangan Industri.

Artikel Kotak 4.4 : KEMAJUAN PELAKSANAAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KETIGA (IMP3)

PELAKSANAAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KETIGA (IMP3)

Latar Belakang

Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020, yang dilancarkan pada 18 Ogos 2006 merupakan pelan perindustrian jangka panjang yang komprehensif, bertujuan memastikan negara berupaya mengekalkan prestasi daya saing yang tinggi ke arah merealisasikan Wasasan 2020, iaitu mencapai status negara maju menjelang 2020. Daya saing global perlu dicapai melalui transformasi dan inovasi sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Mekanisme pelaksanaan IMP3 melibatkan penubuhan Jawatankuasa Pemandu IMP3, Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia, Majlis Logistik Malaysia, Pasukan Petugas Penjenamaan Kebangsaan, Kumpulan Sumber Teknikal mengenai Keperluan Sumber Manusia dan 24 jawatankuasa dan kumpulan kerja bagi industri dan bidang khusus yang dikenalpasti di dalam IMP3. Mekanisme ini mengoptimumkan penyertaan, permuafakatan dan kerjasama kedua-dua sektor swasta dan awam. Kemajuan pelaksanaan dipantau setiap tahun melalui Pelan Tindakan yang disediakan oleh jawatankuasa dan kumpulan kerja masing-masing.

Sasaran dan Pencapaian IMP3 Tahun 2008

Jumlah Perdagangan

Jumlah perdagangan barangan disasarkan meningkat kepada RM1,459.7 bilion dengan eksport mencecah RM803.9 bilion menjelang 2010. Pada 2008, jumlah perdagangan meningkat sebanyak 6.8 peratus kepada RM1.19 trilion, berbanding dengan RM1.11 trilion pada 2007, melebihi rekod RM1 trilion untuk tiga tahun berturut-turut. Eksport berkembang pada 9.6 peratus kepada RM663.5 bilion daripada RM605.1 bilion pada 2007, menyumbang 56 peratus daripada jumlah perdagangan Malaysia.

Sektor Perkilangan

Sektor perkilangan disasarkan meningkat pada 5.6 peratus setahun dan menyumbang 32.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2010, dan kemudian kekal pada 28.5 peratus pada 2020. Pelaburan yang disasarkan berjumlah RM412.2 bilion atau RM27.5 bilion setahun. Pada 2008, sektor perkilangan berkembang pada 1.3 peratus dan menyumbang 29.2 peratus kepada KDNK, berbanding dengan kadar pertumbuhan pada 3.1 peratus dan sumbangan KDNK sebanyak 30.2 peratus pada 2007. Dari segi pelaburan, sasaran tahunan telah melebihi bagi tiga tahun berturut-turut. Pelaburan yang diluluskan berjumlah RM62.8 bilion pada 2008, merupakan rekod tertinggi yang pernah dicapai. Pelaburan pada 2007 berjumlah RM59.9 bilion dan pada 2006 RM46.0 bilion.

Sektor Perkhidamatan Bukan Kerajaan

Selain daripada sektor perkilangan, sektor perkhidmatan bukan Kerajaan disasarkan memainkan peranan yang lebih besar dalam perindustrian, meningkat pada 7.5 peratus setahun dan menyumbang 59.7 peratus kepada KDNK menjelang 2020. Pelaburan yang disasarkan bagi sektor ini berjumlah RM687.7 bilion atau RM45.8 bilion setahun. Pada 2008, sektor ini meningkat sebanyak 6.6 peratus, berbanding dengan 10.5 peratus pada 2007, dan menyumbang sebanyak 47.6 peratus kepada KDNK pada 2008 (46.5 peratus dalam 2007). Pelaburan yang diluluskan untuk sektor ini berjumlah RM47.8 bilion pada 2008, berbanding RM65.4 bilion pada 2007 dan RM55.5 bilion pada 2006, melebihi sasaran pelaburan tahunan.

Kemajuan Pelan Tindakan

IMP3 mengandungi 697 strategi. Dalam pelaksanaan strategi ini, Pelan Tindakan telah disediakan oleh jawatankuasa dan kumpulan kerja. Pada 2008, daripada jumlah strategi, sebanyak 295 strategi (42 peratus) berada pada tahap sempurna (completed) dan pencapaian tinggi (advanced). Secara perbandingan, pada 2007, 239 strategi (35 peratus) daripada

sejumlah 679 strategi berada pada tahap sempurna dan pencapaian tinggi.

Pada 2008, pembangunan yang ketara telah direkodkan dalam pelbagai bidang, termasuk menjadikan sektor perkhidmatan sebagai sumber pertumbuhan utama, pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS), mengintegrasi syarikat Malaysia ke dalam rangkaian serantau dan global, meningkatkan keupayaan pengeluaran dan pemasaran syarikat tempatan, memperkukuhkan kapasiti institusi dan perkhidmatan sokongan dan kemudahan, meningkatkan persekitaran operasi perniagaan serta melaksanakan inisiatif bagi perancangan wilayah dan infrastruktur dan pembangunan perindustrian yang seimbang dalam negeri yang kurang maju.

Fokus Pelaksanaan Pelan

Mengintegrasikan Syarikat Malaysia ke dalam Rangkaian Serantau dan Global

- aktiviti promosi perdagangan yang dianjurkan oleh MATRADE termasuk tiga misi membawa masuk pembeli (incoming buying), tiga misi perdagangan dan pelaburan, 11 misi pemasaran khusus dan umum, 60 pameran perdagangan dan 47 gerai promosi. Sepanjang misi membawa masuk pembeli yang diadakan sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) daripada 7-11 Mei 2008, sejumlah 442 syarikat asing daripada 57 negara menyertai 5,328 mesyuarat perniagaan dengan 585 pembekal Malaysia, menghasilkan jualan bernilai RM185.3 juta dan jualan dalam rundingan sebanyak RM2.02 bilion;

- aktiviti promosi pelaburan yang dilaksanakan oleh MIDA termasuk 17 misi projek khusus, tiga misi dagangan dan pelaburan, tiga misi penemuan fakta (fact finding), satu misi merentasi sempadan, dan lima seminar pelaburan merentasi sempadan pada 2008;

- pelancaran Malaysia Kitchen yang kedua di London pada Jun 2008 oleh Kementerian Pembangunan, Usahawaan dan Koperasi (MECD), bertujuan untuk meningkatkan rangkaian eksport bagi ramuan tempatan Malaysia ke pasaran luar negara serta membangunkan usahawan Malaysia di luar negara, dengan mempromosikan Malaysia melalui masakan dan restoran digunakan sebagai alat;

- bekerjasama dengan pasaraya besar asing di luar negara dalam mempromosi dan memasarkan produk EKS tempatan melalui program promosi 'Taste of Malaysia' (TOM) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. TOM Hong Kong dilancarkan pada Disember 2008, dengan penyertaan seramai 13 usahawan EKS dan 48 produk (makanan kering) dipromosikan. Pada Disember 2008, terdapat 23 syarikat Bumiputera membekalkan produk ke pasaran antarabangsa melalui program TOM di Hong Kong, Singapura dan Indonesia;

- mengusahakan inisiatif kerjasama oleh MDec, MYNIC dan Cybersecurity Malaysia dengan syarikat dan agensi asing yang berkaitan dengan ICT, di mana telah membuka peluang untuk perolehan ilmu pengetahuan, pembangunan produk dan proses, latihan dan peluang pekerjaan:

  - penggunaan Pelan Hala Tuju ICT, yang memfokuskan pembangunan bakat, pembangunan infrastruktur, komersialisasi dan pertumbuhan serta penyelarasan institusional; dan

  - menandatangani Perjanjian Persefahaman oleh Cybersecurity Malaysia dengan National Agency for Computer Security di Tunisia dan Indonesia Security Incident Response Team bagi infrastruktur internet.

- menggalakkan syarikat Malaysia menambah penggunaan aplikasi ICT dalam pengurusan dan proses pengeluaran untuk meningkatkan keupayaan teknologi dan produktiviti bagi membolehkan mereka beroperasi dalam persekitaran operasi global. Pada 2008, antara pembangunan termasuk:

  - membimbing 54 syarikat Malaysia yang berstatus MSC oleh MDeC untuk mencapai pengiktirafan global melalui Keupayaan Pembangunannya;

- melaksanakan kerjasama penyelidikan oleh MIMOS dengan 12 universiti tempatan dan 19 universiti/institut penyelidikan asing;

- membimbing 133 syarikat tempatan berasaskan pengetahuan oleh Technology Park Malaysia di bawah program inkubasi teknologinya;

- pelaksanaan Program Pembangunan Keupayaan MSC Malaysia untuk membantu organisasi ICT tempatan memoptimumkan potensi mereka dengan mengguna pakai amalan terbaik global dan penambahbaikan proses; dan

- penubuhan enam pusat kecemerlangan dengan universiti (IIUM, UMS, UNIMAS, UKM, UTM, dan UTAR) dan empat pusat kecemerlangan industri dengan Cisco, Microsoft, Agilent Technologies dan SGI.

Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS)

- mengambil alih fungsi Sekretariat Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan daripada Bank Negara Malaysia oleh SMIDEC pada Julai 2008. Dengan fungsi yang meluas, SMIDEC akan berubah menjadi agensi koordinasi berpusat EKS, yang dikenali sebagai Perbadangan EKS Malaysia (SME Corp). SME Corp merupakan agensi sehenti yang bertanggungjawa atas penyelarasan keseluruhan penggubalan dasar EKS dan penilaian pencapaian program pembangunan EKS bagi semua sektor;

- menganjurkan sesi pemadanan perniagaan sempena SMIDEX 2008 untuk meningkatkan rantaian di antara EKS dengan syarikat multinasional atau syarikat besar kedua-dua sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sejumlah 131 sesi pemadan perniagaan telah dikendalikan, yang disertai oleh 15 syarikat multinasional dan syarikat besar, 60 EKS dan 12 syarikat asing dengan nilai jualan sebanyak RM61.8 juta untuk pembekalan produk dan perkhidmatan pelbagai industri, seperti makanan dan minuman, perkhidmatan, komunikasi dan teknologi maklumat, farmaseutikal, peralatan pengangkutan, jentera dan kejuruteraan, kraftangan, kimia dan barangan plastik, dan perdagangan pengedaran; dan

- pengenalan Penilaian Kompetitif Keupayaan EKS (SCORE) pada Julai 2007 yang merupakan alat diagnostik untuk menilai kapasiti dan keupayaan EKS. Pada 2008, sebanyak 1,183 EKS telah dinilai, di mana 44 EKS (3.7 peratus) telah digredkan dengan 4 bintang. Syarikat yang digredkan dengan 4 dan 5 bintang dihubungkan kepada MNCs dan industri besar dan dipromosikan untuk menceburi pasaran eksport.

Peningkatan Keupayaan Pengeluaran dan Pemasaran Syarikat Tempatan

- pembangunan National Mark of Excellence untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan Malaysia dalam pasaran tempatan dan antarabangsa. National Mark ini merupakan simbol kecemerlangan, keunggulan dan jaminan untuk produk dan perkhidmatan Malaysia yang berkualiti dan mematuhi piawaian. Projek perintis yang melibatkan enam syarikat daripada pelbagai industri/sektor telah dijalankan untuk menguji kebolehkepercayaan Kriteria Penilaian bagi National Mark;

- pengenalan program Simbiosis oleh Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), program pertama di negara ini, bertujuan mempercepatkan pelaksanaan pengkomersialan teknologi yang dibangunkan oleh universiti dan institut penyelidikan tempatan serta melahirkan usahawan tekno (technopreneurs) di kalangan siswazah dan penganggur. Pada 2008, 10 teknologi dibangunkan oleh FRIM yang sedia dikomersialkan telah dipilih untuk program ini;

- pelaksanaan Projek Perintis bagi Program Intern Universiti-EKS untuk menggalakkan keusahawanan di kalangan penuntut universiti serta melatih mereka sebagai usahawan yang berpotensi. Pada akhir projek ini, EKS yang terlibat telah mencatat peningkatan hasil jualan sebanyak 94 peratus serta melaksanakan sistem perakaunan dan pengurusan, dan penyelarasan aktiviti promosi yang lebih sistematik. Pada

September 2008, Perjanjian Persefahaman telah ditandatangani di antara SMIDEC dengan Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) untuk melaksanakan program intern di 20 universiti yang akan melibatkan 400 pelajar dan 100 EKS;

- melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan inovatif syarikat milik Malaysia dalam pelbagai bidang, termasuk teras kompetensi, penambahbaikkan produk dan proses, automasi dan modenisasi, kemahiran pemasaran, penjenamaan, dan penyelidikan dan pembangunan (R&D), melalui pelbagai insentif dan skim sokongan. Skim ini termasuk Geran Bersamaan bagi Penambahbaikan Produk dan Proses (431 kelulusan bernilai RM49.4 juta), Geran bagi Penambahbaikan Pembungkusan Produk (252 kelulusan, melibatkan RM19.0 juta), Geran Bersamaan bagi Persijilan dan Sistem Pengurusan Kualiti (375 kelulusan, melibatkan RM16.6 juta), Geran Promosi Penjenamaan (20 syarikat, melibatkan RM32.7 juta); Dana Eksport Perkhidmatan (626 kelulusan, melibatkan RM31.3 juta), Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan and Modenisasi (39 projek, melibatkan RM115.3 juta), Dana Pengkomersialan bagi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (39 syarikat, termasuk RM82.5 juta) dan Dana Perolehan Teknologi (12 syarikat, melibatkan RM18.0 juta); dan

- menggalakkan syarikat milik Malaysia mengguna pakai amalan perniagaan dan pengurusan terbaik untuk meningkatkan mutu produk dan perkhidmatan mereka. Antara inisiatif yang diusahakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) termasuk menganjurkan pelbagai program penandaarasan dan amalan pengurusan terbaik, seperti mewujudkan Amalan Komuniti (CoPs), membangunkan Penunjuk Prestasi Utama dan Indeks Penandaarasan Malaysia.

Memperkukuhkan Kapasiti Institusi, Perkhidmatan Sokongan dan Kemudahan, termasuk Insentif, Dana dan Latihan Kemahiran

- penubuhan pejabat MIDA yang baru di luar negara, iaitu di Guangzhou, Mumbai dan Dubai untuk mempergiatkan usaha menarik pelaburan langsung asing serta mempromosi pelaburan merentasi sempadan;

- mengkaji semula perjanjian ekonomi dua hala dan serantau untuk meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan. Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) telah siap dan ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada Disember 2008. Perjanjian Pelaburan ASEAN-China dan Bab Pelaburan ASEAN-Australia-New Zealand telah mencapai persetujuan pada 2008;

- pemusatan persijilan halal (antarabangsa dan dalam negeri) di bawah Perbadanan Pembangunan Industri Halal;

- pelancaran Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (2008–2020) pada Mei 2008 untuk menyediakan penilaian dan penambahbaikan kemahiran dan sistem latihan perindustrian yang menambahkan peluang pekerjaan dan produktiviti;

- memperkukuhkan pelaksanaan Sistem Latihan Dual Kebangsaan untuk menyediakan sumber tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan industri. Pada 2008, sejumlah 6,522 perintis telah menjalani latihan di 824 syarikat dalam pelbagai bidang khusus;

- pembangunan Sistem Sokongan Pekerjaan Komuniti (Community Employment Support System - CESS) oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Japan International Corporation Agency di 27 institut latihan kemahiran Jabatan Tenaga Manusia. CESS bertujuan memadankan keperluan industri yang terletak berhampiran dengan institusi latihan; dan

- penambahbaikan penyampaian perkhidmatan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dalam bidang berkaitan dengan harta intelek:

  - kajian semula dalaman bagi Akta Paten 1983, Akta Cap Dagangan, Akta Hakcipta 1987, Akta Rekaan Bentuk Perindustrian 1996, Akta Penunjuk Geografi 2000 dan

Akta Rekaan Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000; dan

- permohonan Cap Dagangan dan Paten secara digital.

Inisiatif Perancangan Wilayah dan Infrastruktur dan Pembangunan Perindustrian dalam Negeri yang Kurang Maju

- penggubalan Pelan Induk untuk Koridor Pembangunan Sabah (SDC) untuk memberi panduan kepada pembangunan SDC sehingga 2025. SDC telah dilancarkan pada Januari 2008 yang memberi fokus kepada perkilangan, infrastruktur, pertanian dan industri berasaskan pertanian, modal insan, pembangunan sosial, perkhidmatan (pelancongan, perdagangan dan logistik) dan alam sekitar;

- penggubalan Pelan Induk Koridor Sarawak bagi Pembaharuan Tenaga (SCORE) yang menggariskan pembangunan untuk SCORE sehingga 2030. SCORE telah dilancarkan pada Februari 2008 yang menekankan kepada sektor tenaga dan industri sokongannya;

- Selain daripada SDC dan SCORE, tiga lagi koridor pembangunan telah dibangunkan sebelum ini, iaitu Iskandar Malaysia di Selatan Johor pada November 2006, Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang meliputi Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Utara Perak pada Julai 2007, dan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing, Johor pada Oktober 2007;

- sehingga Februari 2009, sejumlah 103 projek atau 46 peratus daripada 224 projek yang dicadangkan untuk semua koridor telah mula dilaksanakan, kebanyakannya kerja infrastruktur awal; dan

- program promosi dan pakej insentif yang disediakan kepada pelabur berpotensi bagi setiap koridor pertumbuhan dapat menarik pelaburan. Sehingga Februari 2009, pelaburan bagi semua koridor pertumbuhan berjumlah RM155.71 bilion, atau 7.4 peratus lebih tinggi daripada jangkaan pelaburan RM145 bilion di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pembangunan Sektor Perkhidmatan

- Keputusan Kabinet untuk mempercepatkan liberalisasi bagi sektor perkhidmatan dalam dua peringkat:

  - sub-sektor yang boleh diliberalisasi pada 2008; dan

  - sub-sektor yang akan diliberalisasi secara beransur-ansur menjelang 2012;

- penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Liberalisasi Perkhidmatan untuk memantau dan menyelaraskan liberalisasi perkhidmatan serta menangani isu-isu yang dihadapi oleh sektor perkhidmatan;

- pewujudan Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan dengan peruntukan awal sebanyak RM100 juta bagi meningkatkan usaha pembangunan kapasiti syarikat tempatan dalam sektor perkhidmatan;

- penyediaan Kod Etika bagi kontraktor oleh Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB) yang dilancarkan pada Julai 2008;

- pembangunan Sistem Pangkalan Data bagi Produk Industri Pembinaan Malaysia;

- pengenalan Skim Bantuan Kewangan bagi EKS di dalam sektor perkhidmatan, yang bertujuan memberi bantuan kepada EKS dalam pelbagai aspek operasi perniagaan; dan

- memperluaskan skop Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Modenisasi merangkumi semua sub-sektor bagi industri, kecuali sub-sektor kewangan, utiliti dan pembinaan, berkuatkuasa 1 Jun 2008.

Meningkatkan Persekitaran Operasi Perniagaan

- pindaan kepada Akta Promosi Pelaburan, 1986 untuk memasukkan pengumuman yang dibuat dalam bajet 2008;

- mewartakan Peraturan Penyelarasan Perindustrian (Pindaan) 2008, di mana berkuatkuasa 1 Jun 2008 yuran sebanyak RM50 tidak lagi dikenakan ke atas permohonan lesen perkilangan. Berkuatkuasa 1 Disember 2008, pengeluaran lesen perkilangan secara automatik juga telah diberikan di bawah ICA kecuali aktiviti yang berkaitan dengan sekuriti, keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan keagamaan;

- kelulusan bagi Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau dilanjutkan kepada lima tahun (sebelum ini tiga tahun);

- pengurangan kadar cukai pendapatan korporat secara berperingkat, daripada 26 peratus dalam 2008 kepada 25 peratus pada 2009;

- penghapusan harga siling bagi besi dan keluli dalam pasaran domestik berkuatkuasa 12 Mei 2008. Pengimport besi dan keluli diberi pengecualian lesen import dan duti import, dan pengilang dibenarkan mengeksport produk mereka;

- penggubalan kerangka pengawasan juruaudit, selari dengan amalan terbaik antarabangsa, oleh Suruhanjaya Sekuriti bagi mempromosi tadbir urus korporat yang lebih baik; dan

- pelaksanaan inisiatif bagi meningkatkan sistem penyampaian Kerajaan melalui proses kelulusan yang effisien:

  - penubuhan pusat sehenti di SMIDEC pada Ogos 2008 oleh Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM) untuk mempercepatkan pemerbadanan/ pendaftaran dan pembaharuan syarikat serta khidmat nasihat;

  - pelaksanaan dan pelancaran Sistem Sokongan Elektronik Lesen Perniagaan (BLESS) pada September 2008, iaitu pusat sehenti online bercirikan pemerosesan yang serentak bagi pelbagai lesen, borang serta pengesanan dan pemantauan secara online. BLESS telah dilaksanakan dalam industri perkilangan, pembinaan dan perhotelan di Lembah Klang;

  - pewujudan pusat sehenti untuk kelulusan bangunan dan perancangan di semua pihak berkuasa tempatan;

  - pelancaran Buku Panduan Pendaftaran Hartanah (Milik Bebas) pada Julai 2008. 47 peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara dipinda untuk menambahbaikan pengurusan tanah; dan

  - pelancaran perkhidmatan e-Lodgement oleh SSM pada Januari 2008 untuk membolehkan perniagaan dan syarikat mengemukakan atau memfailkan dokumen statutori secara elektronik.

BAB 5: PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN

TINJAUAN

Pada 2008, sektor perkhidmatan bukan kerajaan telah menyumbang sebanyak 47.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Pelan Induk Perindustrian Ketiga (PIP3) telah mensasarkan pertumbuhan sektor ini pada kadar 7.5 peratus setahun bagi mencapai sumbangan 59.7 peratus kepada KDNK menjelang 2020. Bagi mempercepatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan ini dan sumbangannya kepada ekonomi negara, Kerajaan telah mempergiatkan usaha pada 2008 untuk membangunkan sektor ini, khususnya bagi menarik pelaburan asing.

INISIATIF DASAR DAN LANGKAH-LANGKAH DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Salah satu inisiatif utama yang telah diambil oleh Kerajaan pada 2008 ialah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Liberalisasi Perkhidmatan (CCSL) bagi menggubal dasar-dasar dan menangani isu-isu berkaitan liberalisasi perkhidmatan serta merangka strategi-strategi bagi meningkatkan pelaburan domestik dan asing dalam sektor tersebut. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa sub-sektor untuk diliberalisasikan termasuk:

- taman tema;
- pusat persidangan dan pameran;
- perkhidmatan sukan;
- pusat pengedaran serantau dan pusat perolehan antarabangsa;
- perkhidmatan pengurusan konsultasi;
- perkhidmatan agensi maritim, penyewaan kapal-kapal kargo, perkhidmatan penyewaan kapal-kapal bagi tujuan menyelamat atau pengapungan;
- perkhidmatan agensi pelancongan dan operator pelancongan (untuk pelancong yang melawat Malaysia sahaja); dan
- perkhidmatan hotel dan restoran, termasuk perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman.

Bagi menyokong inisiatif liberalisasi di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, Kerajaan telah menubuhkan Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan (SSCDF) dengan jumlah peruntukan awal sebanyak RM100 juta, yang akan diuruskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Dana tersebut adalah untuk menyokong dan memperkukuhkan penyedia perkhidmatan Malaysia melalui penggabungan dan pengambilalihan, peningkatan produktiviti dan pembangunan sumber manusia.

Kementerian dan agensi yang bertanggungjawab telah diminta untuk menyediakan pelan hala tuju *(roadmap)* bagi sub-sektor di bawah bidang kuasa perkhidmatan masing-masing selaras dengan komitmen Malaysia di bawah Rangka Perjanjian ASEAN Berkaitan Perkhidmatan (AFAS).

Dari segi perkembangan sektor khusus, Kerajaan telah mengkaji semula proses permohonan dan prosedur bagi Lesen Agen Kastam. Pengeluaran Lesen Agen Kastam yang sebelum ini dihadkan kepada penyedia perkhidmatan logistik domestik, kini telah dibuka kepada penyedia Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) tanpa sebarang syarat ekuiti. Hanya penyedia IILS yang menawarkan perkhidmatan logistik berintegrasi sepanjang rantaian logistik secara satu entiti pada peringkat serantau atau global layak diberi Lesen Agen Kastam.

PRESTASI KESELURUHAN

Sumbangan KDNK

Sektor perkhidmatan di Malaysia kekal kukuh dan terus menjadi penyumbang utama kepada KDNK negara walaupun dunia menghadapi kelembapan ekonomi pada suku tahun ketiga 2008. Sektor ini menyumbang sebanyak 55 peratus kepada KDNK pada 2008, berbanding 53.7 peratus pada 2007. Sumbangan perkhidmatan bukan kerajaan meningkat dari 46.7 peratus pada 2007 kepada 47.6 peratus pada 2008.

Penyumbang utama sektor perkhidmatan bukan kerajaan kepada KDNK pada 2008 adalah sub-sektor perdagangan pengedaran sebanyak 9.8 peratus, kewangan dan insurans (7.7 peratus), telekomunikasi (7.3 peratus) dan pengangkutan (6.1 peratus).

Pada 2008, sejumlah 2,779 projek dengan pelaburan sebanyak RM50.1 bilion telah diluluskan bagi sektor perkhidmatan. Dari jumlah tersebut, pelaburan domestik berjumlah RM44.6 bilion atau 89 peratus manakala pelaburan asing berjumlah RM5.5 bilion atau 11 peratus. Secara perbandingan, 2,632 projek telah diluluskan pada 2007 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM66.4 bilion. Jumlah pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dianggarkan sebanyak 5.6 juta, yang merupakan 52 peratus daripada jumlah keseluruhan pekerjaan dalam negara.

Perdagangan Perkhidmatan

Pada 2008, jumlah perdagangan perkhidmatan adalah RM201.8 bilion, peningkatan sebanyak 1.3 peratus dari RM199.2 bilion pada 2007. Perdagangan perkhidmatan terus mencatatkan lebihan dagangan bagi dua tahun berturut-turut, iaitu RM2.3 bilion pada 2008 selepas lebihan sebanyak RM2.8 bilion pada 2007. Lebihan dagangan ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan dalam eksport sub-sektor perjalanan (pelancongan dan pendidikan).

Eksport sektor perkhidmatan meningkat sedikit kepada RM102 bilion pada 2008 dari RM100.9 bilion pada 2007. Nilai import sektor perkhidmatan juga meningkat sedikit kepada RM99.8 bilion pada 2008 dari RM98.2 bilion pada 2007.

PENCAPAIAN SUB-SEKTOR PERKHIDMATAN TERPILIH

Perdagangan Pengedaran

Perdagangan pengedaran di Malaysia adalah merangkumi aktiviti pemborongan,

Jadual 5.1:
Petunjuk Utama Prestasi Sektor Perkhidmatan, 2006 – 2008

Petunjuk	2008	2007	2006
Sumbangan kepada KDNK sebenar (%)	55.0	53.6	52.0
Kerajaan	7.4	6.9	7.0
Bukan Kerajaan	47.6	46.7	45.0
Pertumbuhan (%)	7.3	9.7	7.3
Pelaburan diluluskan (RM bilion)	47.8	65.4	55.5
Peningkatan produktiviti (%)	3.3	5.0	4.1
Nilai Eksport (RM bilion)	102.0	100.9	73.7
Nilai Import (RM bilion)	99.8	98.2	82.4
Sumbangan kepada jumlah tenaga kerja (%)	50.3	51.4	51.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
Unit Perancang Ekonomi, Malaysia
Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia,
Perbadanan Produktiviti Malaysia

Jadual 5.2:
Jumlah Pelaburan Sektor Perkhidmatan 2007 dan 2008

Sektor Perkhidmatan	2008		2007		2008	2007
	Domestik (RM juta)	Asing (RM juta)	Domestik (RM juta)	Asing (RM juta)	Jumlah (RM juta)	Jumlah (RM juta)
JUMLAH	**44,550.5**	**5,536.8**	**55,588.0**	**10,784.3**	**50,087.3**	**66,372.3**
Hartanah	25,264.8	656.2	19,905.9	1,706.8	25,920.9	21,612.7
Telekomunikasi	4,954.0	nil	4,775.0	nil	4,954.0	4,775.0
Tenaga	4,407.2	nil	5,536.8	nil	4,407.2	5,536.8
Perkhidmatan Kewangan	2,754.6	2,016.5	853.7	444.3	4,771.0	1,298.0
Hotel dan Pelancongan	1,847.3	82.3	1,189.1	122.7	1,929.6	1,311.8
Perkhidmatan Sokongan	1,560.1	684.1	6,133.0	146.4	2,244.2	6,279.4
Syarikat Status MSC	1,418.8	359.6	2,375.4	1,323.3	1,778.4	3,698.7
Perdagangan Pengedaran	972.9	1,068.0	948.0	1,959.7	2,040.9	2,907.7
Perkhidmatan Pengangkutan	953.7	469.2	12,220.8	4,519.7	1,422.9	16,740.5
Perkhidmatan Pendidikan	184.7	0.2	292.9	55.0	184.9	347.9
Perkhidmatan Kesihatan	119.1	3.2	1,012.6	nil	122.4	1,012.6
Lain-lain	85.0	7.3	130.6	20.1	92.3	150.7
Institusi Serantau	28.4	190.8	214.3	486.2	219.1	700.5

Sumber: Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia

peruncitan, francais, jualan langsung, katering, syarikat perdagangan antarabangsa, pengedar kenderaan bermotor dan barangan pengguna tahan lama.

Sejumlah 813 projek telah diluluskan pada 2008, dengan jumlah pelaburan bernilai RM2 bilion, berbanding 591 projek (RM2.9 bilion) pada 2007. Pelaburan domestik berjumlah RM972.9 juta (47.7 peratus) manakala pelaburan asing berjumlah RM1.1 bilion (52.3 peratus). Pada 2008, sejumlah 10,378 pekerjaan diwujudkan dalam sub-sektor perdagangan pengedaran.

Pertumbuhan pasar raya besar dan rangkaian peruncitan di Malaysia serta promosi Tahun Melawat Malaysia dan Jualan Mega yang dilanjutkan telah meningkatkan perbelanjaan runcit dan borong. Permintaan bagi kenderaan bermotor juga mengalami peningkatan berikutan pelancaran model-model baru oleh syarikat-syarikat automotif pada 2008.

Perkhidmatan Kewangan

Perkhidmatan kewangan terdiri daripada perbankan, insurans dan pasaran modal yang merangkumi modal teroka, pengurusan dana, khidmat nasihat pelaburan dan broker.

Sejumlah 79 projek telah diluluskan pada 2008, dengan pelaburan sebanyak RM4.7 bilion, terdiri daripada pelaburan domestik dan pelaburan asing yang masing-masing berjumlah RM2.7 bilion dan RM2 bilion. Secara perbandingan, 53 projek telah diluluskan pada 2007, berjumlah RM1.3 bilion dengan pelaburan domestik bernilai RM853.7 juta dan pelaburan asing sebanyak RM444.3 juta. Pada 2008, sejumlah 720 peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan.

Aktiviti perbankan mencatatkan jumlah pelaburan terbesar dalam sub-sektor perkhidmatan kewangan dengan nilai RM4.1 bilion, diikuti oleh pasaran modal (RM378.7 juta) dan insurans (RM284.9 juta).

Pelaburan asing bagi kategori Perbankan Islam berjumlah RM1.6 bilion (38.3 peratus) dengan penglibatan pelabur-pelabur dari Kuwait dan Bahrain dalam sektor perkhidmatan kewangan Malaysia.

Pada 2008, jumlah perdagangan bagi perkhidmatan kewangan mencatatkan RM4.9 bilion, berbanding RM4.6 bilion pada 2007. Nilai eksport pada 2008 mencatatkan penurunan sebanyak 3.4 peratus kepada RM1.5 bilion (RM1.6 bilion pada 2007), manakala import meningkat 12 peratus kepada RM3.4 bilion (RM3 bilion pada 2007).

Telekomunikasi

Sub-sektor telekomunikasi merangkumi perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar, pembangunan kandungan digital, bioinformatik, e-dagang dan perkhidmatan serta aplikasi, termasuk pembangunan perisian.

Pada 2008, sejumlah 22 projek telah diluluskan, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.9 bilion berbanding dengan 9 projek bernilai RM4.8 billion pada 2007. Kesemua projek adalah merupakan pelaburan domestik.

Pada 2008 eksport bagi sub-sektor telekomunikasi berjumlah RM5.4 bilion, peningkatan 11.3 peratus berbanding RM4.8 bilion pada 2007. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh permintaan dan penggunaan yang tinggi bagi perkhidmatan selular dan segmen internet *broadband,* berserta dengan pelancaran perkhidmatan *WiMax* pada 2008.

Perkhidmatan Pengangkutan

Perkhidmatan pengangkutan merangkumi perkhidmatan udara, maritim dan darat. Dalam tahun 2008, sejumlah 19 projek telah diluluskan bernilai RM1.4 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM953.7 juta (65.9 peratus) manakala pelaburan asing berjumlah RM469.2 juta (34.1 peratus). Secara perbandingan, 56 projek telah diluluskan pada 2007 dengan jumlah pelaburan RM16.7 bilion untuk sub-sektor ini. Pelaburan yang diluluskan pada 2008 adalah dalam sub-sektor perkhidmatan udara dan maritim.

Pada 2008, jumlah peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam sub-sektor pengangkutan adalah lebih kecil, iaitu 131 pekerjaan berbanding 777 pada 2007. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bilangan projek yang lebih kecil diluluskan pada 2008.

Eksport perkhidmatan pengangkutan mencatatkan penurunan 6.5 peratus kepada RM22.9 bilion pada 2008 dari RM24.6 bilion pada 2007. Import merosot sedikit kepada RM37.6 bilion berbanding RM37.7 bilion pada 2007.

Eksport perkhidmatan pengangkutan laut adalah bernilai RM9 bilion, berbanding RM8.4 bilion pada 2007, peningkatan

Jadual 5.3:
Pelaburan Yang Diluluskan Dalam Perkhidmatan Kewangan, 2008 dan 2007

Aktiviti	2008		2007	
	No.	RM Juta	No.	RM Juta
Jumlah	**66**	**4,267.3**	**53**	**1,298.0**
Perbankan	20	3,914.6	14	794.1
Insurans	17	259.5	9	28.8
Pasaran Modal	29	93.2	30	475.1

Sumber: Bank Negara Malaysia (BNM)

sebanyak 7.1 peratus, manakala import meningkat kepada RM33.1 bilion berbanding RM32.6 bilion pada 2007. Dari segi kecekapan pelabuhan dan kargo udara, kemerosotan permintaan daripada lain-lain sektor telah menyebabkan penurunan dalam pengendalian kontena, perkhidmatan perkapalan dan pengangkutan udara.

Pada 2008, pengendalian kontena mencatatkan kadar lebih rendah iaitu 10.2 juta TEU (*Twenty-foot Equivalent Units*), penurunan 32.9 peratus berbanding 15.2 juta TEU pada 2007. Pelabuhan utama bagi pengendalian kontena pada 2008 adalah Pelabuhan Tanjung Pelepas (9.3 juta TEU), diikuti oleh Pelabuhan Pulau Pinang (9.2 juta TEU) dan Pelabuhan Klang (7.9 juta TEU).

Sejumlah 37,769 buah kapal berlabuh di pelabuhan-pelabuhan Malaysia pada 2008, dengan nilai kargo sebanyak 460.5 juta GRT (*Gross Register Tonnage*), berbanding 64,570 kapal dengan 556.4 juta GRT pada 2007. Pelabuhan-pelabuhan yang mencatat jumlah kapal berlabuh terbanyak pada 2008 adalah Pelabuhan Klang (16,864 kapal), Pelabuhan Bintulu (6,996 kapal) dan Pelabuhan Johor (5,815 kapal).

Pada 2008, sebanyak 203.6 juta kilogram kargo telah dikendalikan oleh Malaysia Airports, termasuk lapangan terbang Pendaratan dan Pelepasan Singkat (STOL). Kargo-kargo tersebut dikategorikan sebagai kargo antarabangsa berjumlah 165.1 juta kilogram, kargo domestik 38.5 juta kilogram dan kargo transit 4.9 juta kilogram. Bagi tahun 2007, 997.1 juta kilogram kargo telah dikendalikan, di mana 817.3 juta kilogram adalah kargo antarabangsa, 161.3 juta kilogram kargo domestik dan 18.5 juta kilogram kargo transit.

Segmen penumpang pada 2008 terus meningkat disebabkan oleh peningkatan perjalanan domestik dan serantau berikutan perkembangan perkhidmatan pengangkutan kadar tambang rendah yang giat di rantau Asia. Sejumlah 48.3 juta penumpang dicatatkan pada 2008, berbanding 45.2 juta penumpang pada 2007, peningkatan 6.8 peratus.

Perkhidmatan Pelancongan

Perkhidmatan pelancongan merangkumi hotel, pusat peranginan, penginapan, perkhidmatan lawatan, agensi pelancongan, restoran dan perkhidmatan katering serta syarikat pengangkutan.

Sejumlah 45 projek telah diluluskan bagi sub-sektor pelancongan pada 2008, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.9 bilion berbanding 51 projek pada 2007 yang berjumlah RM1.3 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM1.8 bilion atau 95.7 peratus, manakala pelaburan asing berjumlah RM82.3 juta atau 4.3 peratus. Bagi 2008, sejumlah 3,687 peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sub-sektor ini, berbanding 3,391 pada 2007, iaitu peningkatan sebanyak 8.7 peratus.

Sub-sektor pelancongan mencatatkan peningkatan eksport sebanyak 5.2 peratus kepada RM49.9 bilion pada 2008 (RM47.4 bilion pada 2007), manakala import mencatatkan peningkatan 16.2 peratus kepada RM16.8 bilion (RM14.5 bilion pada 2007).

Peningkatan eksport pada 2008 disumbangkan terutamanya oleh pertambahan ketibaan pelancong kepada 22.1 juta orang, berbanding dengan 20.9 juta pada 2007, peningkatan 5.7 peratus. Ketibaan pelancong yang terbanyak adalah dari negara-negara ASEAN, Republik Rakyat China, India, Australia dan United Kingdom.

Secara purata, pelancong tinggal di Malaysia selama 6.4 hari berbanding 6.3 hari pada 2007, dengan jumlah keseluruhan perbelanjaan RM49.6 bilion pada 2008, berbanding dengan RM46.1 bilion pada 2007, peningkatan sebanyak 7.6 peratus.

Peningkatan aktiviti-aktiviti pelancongan adalah disokong oleh usaha-usaha Kerajaan dalam mengukuhkan pelancongan dalam negara dan membangunkan pusat-pusat tarikan pelancong di koridor-koridor pembangunan negara. Penyenaraian Pulau Langkawi oleh Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai salah satu rangkaian geopark antarabangsa, serta penyenaraian Melaka dan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia pada 2008 juga menyumbang kepada peningkatan ketibaan pelancong.

Pembinaan

Perkhidmatan pembinaan merangkumi kerja-kerja pembinaan umum dan kerja-kerja khusus. Kerja-kerja pembinaan umum termasuk pembinaan bangunan dan kejuruteraan awam, manakala kerja-kerja khusus termasuk kerja-kerja mekanikal, elektrik dan penghawa dingin, sistem paip, pembentungan dan pembersihan, mengecat, pertukangan kayu, lantai, jubin dan cermin.

Eksport perkhidmatan pembinaan menurun sebanyak 13.8 peratus pada 2008 kepada RM4 bilion dari RM4.7 bilion pada 2007. Nilai import menurun 19.5 peratus kepada RM4.7 bilion pada 2008 berbanding RM5.8 bilion pada 2007. Penurunan adalah disebabkan oleh kemerosotan jumlah projek di luar negara yang diperoleh, mengakibatkan kurangnya permintaan bagi aktiviti berasaskan pembinaan termasuk pembekalan peralatan dan bahan pembinaan serta pengurangan jumlah profesional dalam perkhidmatan pembinaan.

Dari 1986 hingga 2008, syarikat-syarikat pembinaan Malaysia telah berjaya memperoleh 505 projek di 44 buah negara dengan nilai RM98.4 bilion, di mana 400 adalah projek siap bernilai RM28.9 bilion dan 105 projek masih dijalankan dengan nilai RM69.5 bilion.

Pada 2008, syarikat-syarikat pembinaan Malaysia telah mendapat 20 projek bernilai RM12.6 bilion, di mana 6 projek telah pun siap bernilai RM15.5 juta dan 14 projek masih lagi dilaksanakan. Sebagai perbandingan, 48 projek berjaya diperolehi pada 2007 bernilai RM16.2 bilion, di mana 9 projek telah siap bernilai RM509.8 juta. Projek-projek ini termasuk pembinaan bangunan, pembangunan kediaman dan pelbagai, lebuh raya dan jambatan, kerja-kerja elektrik dan mekanikal (M&E), rawatan air, lapangan terbang dan pelabuhan.

Jadual 5.4:
Senarai Projek Pembinaan Bagi 10 Negara Utama, pada 31 Disember 2008

Negara	Jumlah Projek	Nilai (RM bilion)
Jumlah	**297**	**79.84**
Saudi Arabia	12	21.26
India	74	15.94
Emiriah Arab Bersatu	35	10.52
Viet Nam	18	9.12
Indonesia	13	5.25
Qatar	10	5.23
Republik Rakyat China	63	4.59
Sudan	21	3.46
Thailand	41	2.27
Bahrain	10	2.20

Sumber: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Perkhidmatan Pendidikan

Perkhidmatan pendidikan merangkumi pendidikan tinggi swasta dan pendidikan vokasional. Pendidikan tinggi swasta termasuk peringkat kolej universiti, pendidikan teknikal dan komersial, sementara pendidikan vokasional termasuk pendidikan pasca menengah, universiti dan latihan kemahiran.

Pada 2008, sebanyak 160 projek telah diluluskan bagi mendirikan institusi pendidikan yang melibatkan pelaburan sebanyak RM184.9 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM184.7 juta (99.9 peratus), manakala pelaburan asing

bernilai RM200,000. Pada 2007, 123 projek bernilai RM347.9 juta diluluskan untuk perkhidmatan pendidikan, dengan pelaburan domestik sebanyak RM292.9 juta, manakala pelaburan asing sebanyak RM55 juta. Sejumlah 1,484 pekerjaan diwujudkan berbanding 1,688 pada 2007.

Eksport bagi sub-sektor perkhidmatan pendidikan meningkat sebanyak 12 peratus kepada RM768.2 juta, berbanding RM685.5 juta pada 2007. Import sektor perkhidmatan pendidikan meningkat 21.2 peratus kepada RM5.6 bilion pada 2008 berbanding RM4.6 bilion pada 2007.

Peningkatan dalam eksport bagi sub-sektor ini adalah hasil usaha Kerajaan dalam mempromosikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi dan program-program berkembar di antara institusi pengajian tinggi tempatan dan kolej swasta dengan universiti terkemuka di luar negara.

Dari 1995 hingga 2008, sejumlah 358,495 pelajar asing telah memasuki institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Institusi pengajian tinggi swasta mencatatkan jumlah tertinggi pelajar asing sebanyak 276,832 berbanding dengan 81,663 pelajar di institusi pengajian tinggi awam. Pada 2008, sejumlah 70,259 pelajar asing telah mendaftar berbanding 47,928 pada 2007.

Perkhidmatan Kesihatan

Perkhidmatan kesihatan merangkumi perkhidmatan penjagaan kesihatan seperti hospital, perubatan dan perkhidmatan pergigian; kerja-kerja kebajikan seperti rumah penjagaan orang tua; aktiviti berkaitan kesihatan dan perkhidmatan veterinar.

Pada 2008, sebanyak 19 projek telah diluluskan merangkumi institusi kesihatan swasta termasuk hospital, pusat perbidanan, pusat jagaan kesihatan dan pusat perubatan pakar yang melibatkan pelaburan berjumlah RM122.4 juta. Pelaburan domestik berjumlah RM119.1 juta dengan pelaburan asing sebanyak RM3.2 juta. Secara perbandingan, pelaburan dalam perkhidmatan kesihatan bagi 2007 adalah sebanyak RM1 bilion di dalam lapan projek, kesemuanya pelaburan domestik. Pada 2008, sejumlah 820 peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor perkhidmatan kesihatan, berbanding 822 peluang pekerjaan pada 2007.

Eksport dalam perkhidmatan kesihatan pada 2008 menurun kepada RM18.8 juta daripada RM144.9 juta pada 2007. Nilai import meningkat kepada RM66.7 juta berbanding RM59 juta pada 2007. Penurunan nilai eksport disebabkan pengurangan bilangan pesakit asing yang mendapat rawatan di Malaysia bagi penyakit kritikal berikutan kelembapan ekonomi global. Kebanyakan pesakit asing yang menerima rawatan di Malaysia adalah daripada Indonesia diikuti negara Jepun dan Eropah.

Hartanah

Hartanah merangkumi industri perumahan dan pembangunan hartanah tetapi tidak termasuk bangunan komersial. Hartanah merupakan salah satu sub-sektor perkhidmatan terbesar dari segi pelaburan yang diluluskan pada 2008.

Sebanyak 749 projek telah diluluskan, dengan pelaburan berjumlah RM25.9 bilion, dengan pelaburan domestik sebanyak RM25.3 bilion dan pelaburan asing RM656.2 juta. Secara perbandingan, sebanyak 1,004 projek bernilai RM21.6 bilion telah diluluskan dalam sub-sektor ini, dengan pelaburan bernilai RM19.9 bilion dan pelaburan asing RM1.7 bilion.

Institusi Serantau

Institusi Serantau merangkumi Ibu pejabat Operasi (OHQ), Pusat Pengedaran Serantau (RDC), Pusat Perolehan

Antarabangsa (IPC), Pejabat Serantau (RO) dan Pejabat Wilayah (RE).

Sejumlah 158 pejabat serantau baru diluluskan pada 2008, dengan jumlah pelaburan bernilai RM209.7 juta, di mana jualan tahunan bagi Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) dan Pusat Pengedaran Serantau (RDC) mencatatkan jumlah sebanyak RM1 bilion.

Operasi-operasi tersebut telah mewujudkan 1,166 peluang pekerjaan pada 2008. Operasi-operasi OHQ, IPC dan RDC mewujudkan lebih peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Perkhidmatan Sokongan

Perkhidmatan sokongan merangkumi aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), sumber tenaga yang boleh diperbaharui dan pemuliharaan tenaga, perkhidmatan logistik bersepadu, perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu, rangkaian perkhidmatan sejuk-beku, kemudahan utiliti berpusat, sterilisasi dan perkhidmatan penerbangan serta perkhidmatan rekaan kejuruteraan.

Sejumlah 315 projek telah diluluskan bagi sub-sektor perkhidmatan sokongan pada 2008, yang telah mewujudkan 2,300 peluang pekerjaan. Kelulusan pelaburan bagi projek-projek tersebut berjumlah RM2.2 bilion, di mana RM1.6 bilion merupakan pelaburan domestik dan RM684.1 juta merupakan pelaburan asing. Secara perbandingan, pada 2007, 278 projek telah diluluskan dengan nilai pelaburan bernilai RM6.1 bilion, di mana RM6.4 bilion merupakan pelaburan domestik dan RM146.4 juta adalah pelaburan asing.

Perkhidmatan atau Kemudahan Penerbangan

Pada 2008, dua projek telah diberi kelulusan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penerbangan dengan jumlah pelaburan RM281.5 juta. Pelaburan domestik bagi projek ini berjumlah RM100 juta, manakala pelaburan asing berjumlah RM181.5 juta.

Projek yang diluluskan adalah untuk mengubahsuai dan menaik taraf Terminal 3 Lapangan Terbang Subang kepada satu hab penerbangan korporat, umum dan serantau, selain menjadikannya sebagai pusat penerbangan serantau dan jaringan komersial, serta perkhidmatan sewaan penerbangan.

Jadual 5.5:
Institusi Serantau Baru yang Diluluskan, 2008

Jenis Institusi	Jumlah Penubuhan	Peluang Pekerjaan yang Dijana	Purata Perbelanjan Perniagaan Tahunan (Juta)
Jumlah	**158**	**1,166**	**209.7**
Ibu pejabat Operasi Antarabangsa (OHQs)	10	396	80.1
Pusat Perolehan Antarabangsa (IPCs)	6	224	36.3
Pusat Pengedaran Serantau (RDCs)	1	69	9.4
Pejabat Serantau (RO)	60	235	44.5
Pejabat Wilayah (RE)	84	261	48.7

Sumber: Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA)

Perkhidmatan Pensterilan

Pada 2008, dua projek telah diluluskan untuk mengendalikan perkhidmatan pensterilan, melibatkan pelaburan sebanyak RM56.2 juta. Projek-projek tersebut menyediakan perkhidmatan pensterilan dalam bentuk pensterilan sinar gama dan elektron kepada industri-industri makanan dan peralatan perubatan.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)

Pada 2008, tiga projek R&D telah diluluskan berjumlah RM9.7 juta dengan pelaburan domestik berjumlah RM9 juta dan RM700,000 dari pelaburan asing. Sehingga 2008, sebanyak 101 projek R&D telah diluluskan, melibatkan pelaburan berjumlah RM1.4 bilion. Pelaburan asing dalam projek-projek ini bernilai RM928.4 juta (68.2 peratus), manakala pelaburan domestik bernilai RM423.1 juta. Kebanyakan pelaburan dalam R&D bertumpu kepada produk elektrik dan elektronik (E&E), kimia dan produk kimia, jentera dan peralatan, peralatan pengangkutan, tekstil dan produk tekstil serta produk berasaskan plastik.

Perkhidmatan Perniagaan Sokongan Berintegrasi

Pada 2008, satu projek usaha sama antara Malaysia dan pelabur asing telah diluluskan bagi menjalankan aktiviti sokongan pasaran berintegrasi, yang melibatkan pelaburan sebanyak RM2.1 juta. Secara perbandingan, dua projek telah diluluskan pada 2007 berjumlah RM11.1 juta, merangkumi penjenamaan, penyelidikan dan pengurusan khidmat pelanggan.

Tenaga Boleh Diperbaharui

Tenaga yang boleh diperbaharui telah dikenal pasti sebagai sumber bahan api kelima Malaysia selepas arang batu, minyak, gas asli dan tenaga hidro. Sumber utama penjanaan tenaga ini termasuk bahan buangan biojisim seperti sisa buangan daripada minyak sawit, beras, tebu, balak, kilang papan dan kilang kitar semula kertas; buangan sampah sarap; biogas dari tapak buangan sampah, buangan kilang pemprosesan minyak sawit, najis ternakan; mini-hidro; solar; dan tenaga angin. Tenaga dari biojisim dan tenaga solar berpotensi merangkumi 90 peratus tenaga yang diperbaharui.

Pada 2008, sebanyak 21 projek sumber tenaga yang boleh diperbaharui telah diluluskan dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion, berbanding 10 projek bernilai RM338.5 juta pada 2007. Projek-projek tersebut akan menjana tenaga dalam bentuk elektrik, wap atau haba menggunakan biojisim. Dari 21 projek tersebut, 17 akan menggunakan 2.9 juta tan sisa buangan kilang minyak sawit setahun, dua projek akan menggunakan 691,200m^3 biogas, satu projek dengan 150,336 tan sisa buangan kilang papan dan satu lagi projek akan menggunakan 10,000m^2 hidro untuk menjana tenaga.

Jumlah tenaga yang akan dijana oleh projek-projek tersebut dianggarkan sebanyak 129MW tenaga elektrik, 682,417 tan wap dan 219.2GJ haba. Dari tenaga yang dijana 96MW tenaga elektrik, 200,221 tan wap, dan 8.4GJ tenaga haba akan dijual, sementara bakinya adalah untuk kegunaan domestik.

Pemuliharaan atau Kecekapan Tenaga

Pada 2008, sebuah syarikat pembuatan sarung tangan telah diberikan kebenaran untuk melaksanakan projek penjimatan tenaga untuk kegunaan sendiri, melibatkan pelaburan sebanyak RM16.7 juta. Projek tersebut menggunakan penyejuk serapan wap yang menjimatkan tenaga dan mesra alam.

Sehingga 2008, sejumlah 14 projek telah diluluskan bagi aktiviti penjimatan atau kecekapan tenaga, melibatkan pelaburan bernilai RM8.5 bilion. Sebanyak 7 projek (RM9.7 juta) yang melibatkan penyedia

perkhidmatan penjimatan dan kecekapan tenaga, manakala 7 lagi projek (RM8.5 bilion) merupakan penjimatan atau kecekapan tenaga untuk kegunaan sendiri. Kesemua 14 projek tersebut telah beroperasi dan dijangka akan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik sebanyak 532MW setahun.

Perkhidmatan Logistik Bersepadu

Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) merangkumi penghantaran barang, pergudangan, pengangkutan dan lain-lain perkhidmatan yang ditambah nilai seperti pengedaran, perolehan serta pengurusan rangkaian bekalan secara berintegrasi.

Pada 2008, sebanyak dua syarikat logistik tempatan telah diberikan status ILS. Satu daripada syarikat tersebut telah melaksanakan penggabungan di antara tiga syarikat sedia ada, manakala satu lagi syarikat telah melaksanakan perluasan operasi semasa syarikat untuk menjadi sebuah pusat sehenti (*one-stop center*) yang memberi khidmat kepada kumpulan syarikatnya, melalui pelaburan dalam kemudahan teknologi maklumat.

Sejak ILS diperkenalkan pada 2002, sebanyak 21 syarikat telah diberikan status ILS, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.1 bilion. Pada 2008, pelaburan yang diluluskan untuk dua projek bernilai RM134.8 juta, berbanding RM1.3 bilion pada 2007. Peluang pekerjaan yang telah diwujudkan dalam tahun 2008 adalah 318 tenaga kerja, berbanding 1,157 pada 2007.

Perkhidmatan Rekaan Kejuruteraan

Perkhidmatan rekaan kejuruteraan merangkumi industri acuan dan die, pembentukan logam, rawatan haba dan penyaduran atau rawatan permukaan. Industri tersebut kini dipelbagaikan bagi menyediakan penyelesaian menyeluruh kepada keperluan industri berteknologi tinggi. Pada 2008, satu projek telah diluluskan untuk mengendalikan rekaan kejuruteraan bagi pemprosesan gas, penapisan petroleum dan industri petrokimia, melibatkan pelaburan berjumlah RM36.7 juta.

Tenaga

Sektor tenaga merangkumi penjanaan, transisi dan pengedaran elektrik. Pada 2008, sejumlah 106 projek dengan pelaburan bernilai RM4.4 bilion telah diluluskan dalam sub-sektor ini, berbanding dengan RM5.5 bilion pada 2007, kesemuanya merupakan pelaburan domestik. Ini termasuk satu pengeluar tenaga bebas (*Independent Power Producer*) di Sabah bernilai RM546 juta, dengan 105 projek lagi bernilai RM3.9 bilion.

Syarikat Berstatus MSC

Sehingga 2008, sejumlah 2,236 syarikat telah diberi status MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd. (MDeC). Dari jumlah tersebut, 1,656 merupakan majoriti milikan tempatan, 512 merupakan majoriti milikan asing dan 68 adalah milikan sama rata di antara pelabur

Jadual 5.6:
Syarikat yang diberi taraf MSC mengikut Kluster

Kluster	Diberi	Beroperasi
Jumlah	**2,236**	**1,786**
Perisian dan e-Penyelesaian	1,732	1,364
Perkhidmatan Penyumberan Luar Perkongsian	169	154
Kandungan Multimedia Kreatif Institusi Pengajian	243	182
Tinggi dan Inkubator	92	86

Sumber: Perbadanan Pembangunan Multimedia Sdn. Bhd.

tempatan dan asing. Sebanyak 1,786 syarikat telah pun beroperasi daripada jumlah tersebut.

Pada 2008, sebanyak 242 syarikat telah diberi taraf status MSC, dengan jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM1.8 bilion, berbanding 266 syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.7 bilion pada 2007. Pelaburan domestik bernilai RM1.4 bilion, manakala pelaburan asing bernilai RM359.6 juta pada 2008. Sebanyak 14,206 peluang pekerjaan telah diwujudkan pada 2008, berbanding 15,785 pada 2007.

Dari jumlah syarikat yang diluluskan status MSC pada 2008, sebanyak 183 (76 peratus) syarikat adalah milikan tempatan, 48 (20 peratus) adalah milikan penuh asing, manakala 11 (4 peratus) merupakan projek usaha sama.

PROSPEK

Pertumbuhan sektor perkhidmatan dijangka merosot pada 2009 disebabkan penurunan dalam prestasi perdagangan Malaysia akibat kelembapan ekonomi global. Sektor perkhidmatan akan terus berperanan penting membantu sektor perkilangan dan sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK negara.

Pada 2009, pelbagai langkah akan dilaksanakan dan langkah-langkah baru juga akan diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi, bagi mengurangkan kesan kelembapan ekonomi global terhadap ekonomi negara. Pakej Rangsangan bagi sektor perkhidmatan, termasuk penubuhan Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan (SSCDF), penyaluran sumber kewangan kepada geran-geran dan skim pinjaman sedia ada serta memperhebatkan aktiviti promosi eksport dijangka akan menyumbang kepada pembangunan sektor perkhidmatan.

Sub-sektor pelancongan dan pengangkutan maritim dijangka akan terus menyumbang bagi mengekalkan pertumbuhan sektor perkhidmatan pada 2009. Perkhidmatan pelancongan dijangka mengekalkan pertumbuhan, didorong oleh usaha-usaha Kerajaan untuk mempromosikan destinasi dan produk pelancongan, seperti eko pelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan, Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) serta program *homestay.* Sub-sektor pengangkutan maritim juga dijangka mengekalkan pertumbuhan melalui bantuan Kerajaan dalam usaha meningkatkan kemampuan dan kecekapan perkhidmatan pelabuhan.

Sejajar dengan keputusan Kerajaan pada 2008 untuk mempergiatkan pembangunan sektor perkhidmatan, tahun 2009 akan memperlihatkan Malaysia lebih agresif dalam usaha membangunkan dan menilai semula langkah menggalakkan pelaburan tempatan dan asing dalam sektor ini. Langkah-langkah yang diambil ini dijangka akan mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta mewujudkan suasana perdagangan yang lebih kondusif, bagi menjana peningkatan pelaburan tempatan dan asing dalam sektor perkhidmatan. Dengan pelaksanaan langkah-langkah tersebut, sektor perkhidmatan dijangka akan mengekalkan peningkatan KDNK pada 2009, walaupun pada kadar lebih rendah berbanding pada 2008.

BAB 6: PEMBANGUNAN ENTERPRIS KECIL DAN SEDERHANA

TINJAUAN

Pada 2008, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) terus memberi fokus dalam meningkatkan pertumbuhan enterpris kecil dan sederhana (EKS), yang mewakili 99.2 peratus daripada jumlah keseluruhan perniagaan Negara ini.

Bagi memperhebatkan usaha tersebut, SMIDEC dengan rasminya telah mengambil alih fungsi sekretariat Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan (NSDC) daripada Bank Negara, sebagai langkah untuk menukarkannya menjadi Perbadanan EKS Malaysia (SME Corp).

SME Corp yang akan dilancarkan secara rasminya pada 2009 akan menjadi agensi utama mengkoordinasi semua program dan polisi kerajaan berhubung pembangunan EKS.

Pada 2008, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM3.2 bilion bagi 198 program pembangunan EKS yang merangkumi semua sektor ekonomi. Hasilnya ialah terdapat peningkatan dalam bilangan permohonan untuk skim geran dan bantuan kewangan, seterusnya membuka peluang kepada EKS dalam memperbaiki keupayaan, peluang pasaran serta produk dan perkhidmatan masing-masing. SMIDEC juga telah mengkaji semula pakej bantuan kewangan bagi memperbaiki lagi penyampaian bantuan kepada EKS.

Hasil kajian semula tersebut antaranya termasuk dasar baru untuk membenarkan pembayaran 10 peratus dari jumlah geran sebaik sahaja ianya diluluskan; peningkatan dalam Geran Bersamaan untuk memulakan perniagaan dari RM40,000 kepada RM100,000; penggandaan Geran Bersamaan untuk Peningkatan Produk dan Proses dari RM100,000 ke RM200,000; pengurangan kadar faedah tahunan bagi skim pinjaman mudah dari 4 peratus kepada 2 peratus serta peningkatan Geran Bersamaan untuk program peningkatan kemahiran kepada 80 peratus berbanding 50 peratus sebelumnya.

Sepanjang tahun 2008, SMIDEC telah mengatur langkah untuk menganjurkan pelbagai program bagi EKS sebanyak 271 konvensyen, seminar, bengkel dan taklimat teknikal telah diadakan dan berjaya melibatkan seramai 278,898 orang peserta.

Pameran Tahunan SMIDEC yang memberi peluang kepada EKS mempamerkan produk dan perkhidmatan, berjaya menarik 335 penyertaan dengan 477 ruang pameran serta 7,820 pelawat perdagangan. Jumlah jualan yang dirundingkan mencecah RM61.8 juta.

Kesan dari peningkatan peratusan geran bersamaan dari 50 peratus ke 80 peratus, bilangan kakitangan EKS yang menjalani latihan dalam tahun 2008 mencecahi 10,470, iaitu peningkatan sebanyak 178 peratus berbanding tahun sebelumnya (3,761). Jumlah geran yang telah diagihkan untuk program ini dalam tahun 2008 adalah sebanyak RM9.8 juta, iaitu peningkatan sebanyak 158 peratus berbanding tahun 2007 (RM3.8 juta).

Pada 2008, SMIDEC turut memberi penumpuan khas kepada usahawan wanita melalui pelancaran sulung Direktori Usahawan Wanita yang menjadi sumber rujukan kepada EKS wanita membina rangkaian dan meneroka peluang perniagaan bersama. Anugerah Usahawan Wanita Kebangsaan (NWEA) turut diperkenalkan bagi mengiktiraf komitmen usahawan wanita yang berjaya. NWEA, yang dianjurkan dengan kerjasama antara

beberapa sektor kerajaan dan swasta akan menjadi anugerah kebangsaan terpenting bagi usahawan wanita.

Untuk menggalakkan pembangunan EKS agar produk serta perkhidmatan mereka mampu bersaing di peringkat global, SMIDEC dengan kerjasama MATRADE, telah mencipta *National Mark* di bawah Program Pembangunan Jenama-EKS. Syarikat yang berjaya melepasi proses pengauditan dalam aspek pengurusan, kecekapan kewangan dan pengeluaran, pengurusan kualiti, akses pasaran, produk dan perkhidmatan serta tanggungjawab sosial korporat (CSR) akan dibenarkan memakai *National Mark*, yang merupakan simbol kecemerlangan korporat.

Pada 2008, SMIDEC telah bekerjasama dengan Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) dalam satu kaji selidik bagi menilai impak krisis ekonomi global dan kewangan terhadap EKS.

Keputusan kaji selidik tersebut diguna pakai untuk menilai bagaimana kesan krisis tersebut dapat dikurangkan serta cara-cara EKS boleh terus membangunkan kapasiti agar dapat bersaing di peringkat global dan mempertingkatkan sumbangan mereka dalam pembangunan negara.

INISIATIF DASAR DALAM PEMBANGUNAN EKS

Pada 2008, beberapa inisiatif dan program untuk pembangunan EKS telah dijalankan. Ini termasuk:

- pembentukan Perbadanan EKS Malaysia;
- Pelan Pembangunan EKS Kebangsaan Malaysia;
- meningkatkan aktiviti ekonomi EKS ke arah nilai tambah yang lebih tinggi; dan
- langkah mengurangkan kos pengendalian perniagaan terhadap EKS.

Pembentukan Perbadanan EKS Malaysia

Pada 24 Julai 2008, Bank Negara Malaysia dengan rasminya telah menyerah fungsi sekretariat Majlis Pembangunan EKS Kebangsaan (NSDC) kepada SMIDEC. Dengan itu, SMIDEC akan mula berperanan sebagai Agensi Mengkordinasi Pusat EKS dan menerima pakai imej korporat baru sebagai SME Corporation Malaysia (SME Corp).

SME Corp adalah agensi tunggal yang akan mengkoordinasi keseluruhan penggubalan dasar EKS dan penilaian prestasi pembangunan program EKS bagi semua sektor. Kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan EKS akan terus membentuk dan melaksanakan program pembangunan EKS masing-masing sejajar dengan bidang kuasa yang diberi. Di samping itu, tugas Pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan EKS Kebangsaan 2008 juga akan diambilalih dan yang merupakan komponen dikendalikan oleh SMIDEC.

Pelan Induk Pembangunan EKS Kebangsaan 2008

Pada 2008, sejumlah RM3.2 bilion telah diperuntukkan bagi 198 program pembangunan EKS. Program-program berkenaan adalah untuk membantu EKS dari semua sektor ekonomi, dengan tujuan untuk mempertingkatkan infrastruktur sokongan untuk EKS, pembinaan keupayaan untuk mengukuhkan EKS dan meningkatkan akses kepada pembiayaan. Fokus utama bagi tahun 2008 adalah untuk mempromosikan EKS dalam sektor perkhidmatan, pertanian asas dan industri asas tani, sejajar dengan strategi yang terkandung dalam RMK9 dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Pembiayaan untuk EKS telah dipelbagaikan bagi sektor-sektor. Peningkatan yang signifikan dilihat dalam pembiayaan bagi

sektor pertanian utama (14.6 peratus), manakala peratusan besar dari pembiayaan (46.8 peratus) telah disalurkan kepada EKS dalam sektor perkhidmatan, khususnya EKS yang terlibat dalam perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel.

Untuk memperbanyakkan pilihan bagi EKS memperoleh pembiayaan, *SME Credit Bureau* telah ditubuhkan oleh Credit Guarantee Corporation Berhad (CGC). SME Credit Bureau beroperasi sebagai pusat maklumat EKS komprehensif yang menawarkan laporan dan perkadaran kredit, serta Laporan EKS dan industri.

Meningkatkan Aktiviti Ekonomi EKS Ke Arah Nilai Tambah Yang Lebih Tinggi

Untuk merangsang pembangunan EKS berasas pengetahuan (K-SMEs) dan mempercepatkan EKS ke arah industri nilai tambah lebih tinggi, Multimedia Development Corporation dan Biotech Corporation di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi adalah bertanggungjawab membimbing dan memantau prestasi K-SMEs.

K-SMEs ditakrif sebagai:

- EKS, termasuk firma perunding yang mempunyai jumlah pekerja berpengetahuan lebih 20 peratus daripada jumlah keseluruhan kakitangan. Pekerja berpengetahuan perlu memiliki sekurang-kurangnya pendidikan tinggi atau profesional;
- EKS yang secara langsung menggunakan kemudahan ICT dan teknologi dalam urusan perniagaan atau untuk penambahbaikan produk;
- EKS yang menerap aspek inovasi serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam urusan perniagaan atas untuk penambahbaikan produk; atau
- EKS yang menyediakan latihan yang sistematik dan pembelajaran kemahiran teknikal untuk pekerja mereka.

K-Sektor termasuk Bioteknologi, Nanoteknologi, Fotonik, ICT, tenaga boleh diperbaharui, aeroangkasa dan peralatan canggih.

Langkah Mengurangkan Kos Pengendalian Perniagaan Terhadap EKS

- **Kajian Semula Pakej Bantuan Kewangan SMIDEC**

  Pada 6 Jun 2008, MITI mengumumkan kajian semula pakej bantuan kewangan SMIDEC untuk EKS. Keputusan kajian semula termasuk:

  - Pembayaran pendahuluan sebanyak 10 peratus bagi kesemua skim geran yang mendapat kelulusan;
  - Geran Bersamaan untuk Permulaan Perniagaan telah dinaikkan daripada RM40,000 kepada RM100,000;
  - Kuantum untuk pembelian kelengkapan mesin dan peralatan telah dinaikkan daripada RM100,000 kepada RM200,000 bagi Geran Bersamaan untuk penambahbaikan Produk dan Proses;
  - Pembiayaan di bawah geran bagi pembelian kelengkapan mesin dan peralatan akan dibuat terus kepada pembekal;
  - Geran untuk Program Peningkatan Kemahiran telah dinaikkan dari 50 peratus kepada 80 peratus untuk membolehkan lebih ramai kakitangan EKS dilatih di 42 pusat pembangunan kemahiran dan penyedia latihan profesional yang dilantik oleh SMIDEC; dan
  - Kadar faedah pinjaman mudah untuk EKS telah dikurangkan daripada 4 peratus kepada 2 peratus setahun, sementara margin pembiayaan dinaikkan daripada 85 peratus kepada 90 peratus.

- **Inisiatif Tenaga Efisien**

  Untuk meningkatkan tenaga efisien, khidmat perundingan untuk audit tenaga daripada Pusat Tenaga Malaysia (PTM) dan Persatuan Syarikat-Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia (MAESCO) turut disediakan kepada EKS. Audit berkenaan akan menilai tahap tenaga efisien dan mengenal pasti langkah yang sesuai untuk syarikat mengurangkan penggunaan tenaga.

  Satu geran bersamaan bagi peningkatan proses bernilai sehingga maksimum RM200,000 turut disediakan untuk EKS membeli kelengkapan mesin dan peralatan bagi penggunaan tenaga efisien dan pengeluaran tenaga bersih.

  Syarikat-syarikat termasuk EKS yang mencatat perbelanjaan modal untuk pemuliharaan tenaga atas kegunaan sendiri adalah layak untuk Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus ke atas perbelanjaan modal yang layak dalam tempoh lima tahun. Elaun tersebut akan ditolak daripada 100 peratus pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran. Di samping itu, syarikat-syarikat termasuk EKS juga layak menuntut elaun modal bagi penjimatan tenaga dan peralatan tenaga efisien.

- **Pembiayaan Bank Negara Malaysia**

  Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM700 juta bawah *SME Assistance Facility* bagi membantu EKS yang berdaya maju yang menghadapi kesulitan kewangan untuk mengurus sementara masalah aliran tunai akibat kos yang semakin meningkat. Kemudahan ini bertujuan membantu EKS yang berdaya maju untuk meneruskan operasi perniagaan dan mengekalkan peluang pekerjaan.

  Di bawah kemudahan ini, EKS berkenaan boleh memperoleh pembiayaan pada kadar 4 peratus setiap tahun daripada mana-mana bank perdagangan dan perbankan Islam, SME Bank, Agro Bank, Bank Rakyat dan Bank EXIM, dengan 80 peratus jaminan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC). Jumlah maksimum pembiayaan bagi kemudahan ini adalah RM1.5 juta bagi setiap EKS, dengan tempoh maksimum lima tahun. Permohonan untuk pembiayaan baru di bawah kemudahan ini dibuka untuk tempoh dua tahun, bermula 1 Ogos 2008.

- **Penstrukturan Semula Pinjaman EKS**

  Pelanggan bawah jaminan CGC yang mengalami masalah aliran tunai disebabkan kos operasi yang meningkat boleh berbincang untuk mengkaji semula pakej pinjaman mereka dengan CGC. Walau bagaimanapun, bagi peminjam bukan bawah jaminan CGC, mereka adalah disarankan untuk menghubungi Unit EKS di institusi perbankan masing-masing bagi membincang penyelesaian melalui penstrukturan semula pembiayaan.

- **Kemudahan Pemodenan EKS RM500 juta**

  Kerajaan memperuntukkan RM500 juta bagi Kemudahan Pemodenan EKS untuk menyediakan pembiayaan kepada EKS bagi memodenkan operasi mereka, khususnya membeli atau menaiktaraf mesin dan peralatan, termasuk peralatan penjimatan tenaga. Di bawah kemudahan ini, EKS yang berdaya maju akan memperoleh pembiayaan pada kadar 4 peratus setiap tahun dari mana-mana bank perdagangan dan bank Islam, SME Bank, Bank Rakyat dan Agro Bank, dengan 80 peratus jaminan oleh CGC. Jumlah maksimum pembiayaan adalah RM5 juta atau sehingga 95 peratus dari margin pembiayaan, dengan tempoh sehingga lapan tahun.

- **Pengecualian Duti Import dan Cukai Jualan kepada EKS bagi Pembelian Mesin dan Peralatan untuk tujuan Operasi**

  Setiap pengeluar termasuk EKS adalah layak mendapat pengecualian duti import dan cukai jualan untuk mesin dan peralatan yang diguna secara langsung dalam operasi mereka. Dua pengecualian ini diberi jika mesin dan peralatan tersebut adalah buatan luar negara dan pengimportan dilakukan sendiri oleh EKS. Walau bagaimanapun, jika mesin dan peralatan adalah buatan tempatan, EKS layak mendapat pengecualian cukai jualan. Namun begitu, jika EKS tidak terlibat dalam pengimportan, pengecualian turut diberikan kepada koperasi atau persatuan yang mengimport mesin dan peralatan tersebut dan menyerahkannya kepada EKS.

PRESTASI SKIM BANTUAN KEWANGAN

Pada 2008, skim bantuan kewangan yang dilaksanakan oleh SMIDEC menerima bilangan permohonan tertinggi iaitu sebanyak 4,389 di mana skim geran mencatatkan peningkatan 72 peratus berbanding tahun 2007. Kelulusan projek mencatat sejumlah 106 peratus bagi skim geran dan 29.9 peratus untuk skim pinjaman mudah.

Skim Pinjaman Mudah

SMIDEC melalui Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) telah melaksanakan tiga skim pinjaman mudah iaitu; Skim Pinjaman Mudah untuk EKS (SLSME), Skim Pinjaman Mudah untuk Penempatan Semula Kilang (SLFR) dan Skim Pinjaman Mudah untuk Penerapan ICT (SLICT). Pada 2008, sebanyak 261 permohonan telah diluluskan berjumlah

Carta 6.1:
Kelulusan Skim Pinjaman Mudah Mengikut Negeri, 2008



Sumber: Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)

Carta 6.2 :
Kelulusan Skim Pinjaman Mudah Mengikut Sub-Sektor, 2008



Sumber: Malaysian Industrial Development Finance Berhad

RM222.9 juta, berbanding 191 kelulusan berjumlah RM125.7 juta pada 2007.

EKS di negeri Selangor merekodkan jumlah kelulusan projek tertinggi iaitu 74 kelulusan bernilai RM73.9 juta. Ini diikuti oleh Johor dan Pulau Pinang dengan 34 dan 33 kelulusan, masing-masing mencatatkan jumlah RM23.8 juta dan RM16.7 juta. Terdapat juga peningkatan sambutan daripada EKS di Sarawak yang turut menerima skim pinjaman mudah dengan 19 kelulusan berbanding tiga kelulusan pada 2007. Begitu juga dengan EKS Kelantan yang menerima skim pinjaman mudah berjumlah RM14.2 juta berbanding RM3.7 juta tahun sebelumnya. Ini menunjukkan bahawa promosi yang dijalankan oleh MIDF telah sampai ke sasaran bukan sahaja di bandar-bandar utama malah juga di kawasan luar bandar.

Mengikut sektor, kelulusan tertinggi berjumlah 48 projek bernilai RM42.2 juta telah dicatatkan oleh sektor perkhidmatan, disusuli produk logam fabrikasi dan sub-sektor makanan dan minuman dengan masing-masing 40 dan 34 kelulusan, bernilai RM28.9 juta dan RM27.5 juta.

Skim Pinjaman Mudah Enterpris Kecil dan Sederhana (SLSME) menerima permohonan tertinggi kerana ia menyediakan pembiayaan bagi modal kerja, perlaksanaan projek dan pembelian aset tetap. Pada 2008, SLSME telah mencatat sebanyak 207 kelulusan berjumlah RM159.9 juta, berbanding tahun 2007 dengan 168 kelulusan berjumlah RM104.2 juta.

Pada 2008, ketersediaan kemudahan dana untuk operasi perniagaan membolehkan EKS melabur untuk memiliki premis perniagaan mereka sendiri. Ini terbukti dengan peningkatan dalam permohonan SLFR sebanyak 58, berbanding 26

Carta 6.3:
Kelulusan Skim Geran Mengikut Negeri, 2008



Sumber: Perbadanan Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana

Carta 6.4:
Kelulusan Skim Geran Mengikut Sektor, 2008



Sumber: Perbadanan Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana

Carta 6.5:
Kelulusan Skim Geran, 2008 vs. 2007



Sumber: Perbadanan Pembangunan Enterpris Kecil dan Sederhana

permohonan pada tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 45 projek berjumlah RM61.3 juta diluluskan, sekali gus merekodkan kelulusan tertinggi sejak pengenalan SLFR pada 2004.

Walau bagaimanapun, dengan kos penerapan ICT yang rendah ekoran aplikasi berasaskan IT yang murah, ia telah mengurangkan jumlah permohonan untuk SLICT. Sepanjang tahun 2008, daripada 12 permohonan, hanya sembilan yang diluluskan, dengan catatan nilai RM1.8 juta.

Skim Geran

Pada 2008, sebanyak 4,167 projek bernilai RM149.5 juta telah diluluskan berbanding dengan 3,501 projek pada 2007. Kelulusan yang tertinggi dicatat bagi Skim Geran Pembangunan Pasaran (MDG) dengan kelulusan sebanyak 1,481 projek mewakili 35.5 peratus dari jumlah kelulusan. Penerima geran berkenaan adalah terdiri daripada EKS dalam sektor perabot, makanan & minuman serta bahan binaan. Ini diikuti dengan 1,400 kelulusan di bawah Geran Bersamaan untuk Skim Permulaan Perniagaan bernilai RM34.2 juta dan 431 kelulusan di bawah Geran Bersamaan untuk Skim Penambahbaikan Produk dan Proses bernilai RM49.4 juta.

Dari segi kelulusan mengikut negeri, Selangor merekodkan kelulusan tertinggi pada 2008 dengan 1,632 projek (RM57.5 juta), diikuti Pulau Pinang 556 projek (RM19.8 juta) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 551 projek (RM17.6 juta).

Perdagangan pengedaran mencatatkan kelulusan tertinggi iaitu sejumlah 1,316 projek bernilai RM34.9 juta, diikuti sub-sektor makanan dan minuman dengan kelulusan 603 projek bernilai RM30.3 juta. Kelulusan ketiga tertinggi dicatatkan oleh sub-sektor perabot dengan 263 kelulusan dan produk plastik sebanyak 216 projek.

Pada 2008, SMIDEC telah memperkenalkan Skim Bantuan Kewangan untuk EKS dalam sektor perkhidmatan. Permohonan tertinggi adalah untuk tujuan memulakan perniagaan dari sektor perdagangan pengedaran. Aktiviti-aktiviti dalam sektor ini termasuklah kedai runcit, restoran dan bengkel.

Pada 2008, Geran Bersamaan untuk Permulaan Perniagaan mencatat peningkatan yang ketara kesan dari

peningkatan had maksimum permohonan dari RM40,000 ke RM100,000 bagi pembelian peralatan pejabat dan kelengkapan mesin untuk memulakan perniagaan. Permohonan untuk memulakan perniagaan dalam sektor perkhidmatan mencatat penambahan tertinggi sebanyak 82.8 peratus manakala dari segi kelulusan pula, ianya menunjukkan satu peningkatan drastik dengan peningkatan sebanyak 284.6 peratus berbanding tahun 2007.

Skop Geran Pembangunan Pasaran juga diperluaskan bagi merangkumi penyertaan syarikat dalam misi perdagangan yang diluluskan dan pameran antarabangsa yang dianjurkan oleh persatuan perdagangan. Promosi bagi produk halal juga semakin meningkat ekoran majoriti permohonan yang diluluskan di bawah Geran Bersamaan bagi Pembangunan dan Promosi Produk Halal turut merancang untuk aktiviti promosi dalam media aliran perdana.

PROGRAM PEMBANGUNAN EKS

Pembangunan Pasaran

Program Rantaian Industri

Program Rantaian Industri (ILP) diperkenalkan sebagai usaha untuk mempercepatkan proses mengintegrasikan EKS Malaysia ke dalam rantaian bekalan global serta meningkatkan keupayaan mereka menjadi pembekal kepada syarikat besar, syarikat multinasional (MNC) dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

ILP bertujuan untuk mempromosi dan membangunkan EKS menjadi pembekal bahagian dan komponen, produk serta perkhidmatan. Inisiatif di bawah Program ini termasuklah rangkaian dan aktiviti bina upaya bagi memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh syarikat besar dan MNC.

Pada 2008, sebanyak 859 EKS telah dihubungkan kepada MNC/GLC dan syarikat besar, menjana jumlah jualan kumulatif bernilai RM893.79 juta. Pada 2008, kebanyakan aktiviti rangkaian telah dilaksanakan semasa Sesi Pemadanan Perniagaan, yang diadakan pada SMIDEX 2008. Sebanyak 15 MNC/GLC/Industri Berskala Besar (LSI,) 60 EKS dan 12 syarikat asing menyertai sesi berkenaan. Dari jumlah ini, lima syarikat automotif telah mengambil bahagian iaitu PROTON, PERODUA, HONDA, DNC Asiatic dan Bufori Motors, membawa kepada 20 sesi pemadanan (bersama EKS tempatan) dengan potensi jualan sebanyak RM4.2 juta.

SMIDEX 2008 & Konvensyen EKS Asia Timur

SMIDEX 2008 merupakan '*one stop event*' untuk syarikat mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka, manakala syarikat besar dan MNC adalah untuk mendapatkan pembekal berpotensi di kalangan EKS. Acara tahunan ini turut memberi peluang kepada EKS untuk membina rangkaian serantau serta bertukar idea dan maklumat di antara satu sama lain.

Bertemakan '*Strategic Partnership: Regional Links, Global Reach*', SMIDEX 2008 telah menarik minat 335 buah syarikat dengan 477 gerai pameran dan 7,820 pelawat perdagangan. Syarikat-syarikat yang menyertai konvensyen ini adalah terdiri daripada pelbagai sektor seperti ICT, pembuatan, logistik, pembangunan teknologi dan sektor perkhidmatan.

Pameran Teknologi Pembungkusan dan Reka Bentuk merupakan acara istimewa SMIDEX 2008 di mana ia diatur bagi mendidik EKS tentang kepentingan pembungkusan dan menyediakan maklumat mengenai teknologi pembungkusan terkini yang terdapat dalam pasaran.

Sejumlah 131 Sesi Pemadanan Perniagaan telah diadakan melibatkan EKS tempatan,

Algeria, Afghanistan, Brunei Darussalam, Indonesia, Jordan, Maghribi dan Palestin serta 15 MNC termasuk PETRONAS, PERODUA, Bufori, TESCO dan Rapid KL. Semasa sesi pemadanan perniagaan ini, sejumlah RM61.8 juta potensi jualan telah dirunding bagi pembekalan makanan dan minuman, perkhidmatan, ICT, produk farmaseutikal serta automotif.

Sempena SMIDEX 2008, *East Asia SME Convention* turut dianjurkan bertujuan memberi peluang kepada para peserta EKS untuk berkongsi pengalaman dan tunjuk ajar daripada penceramah-penceramah yang dijemput. Turut dianjurkan '*The 3rd East Asia Round Table Meeting*' yang berlangsung pada 3 Jun 2008. Mesyuarat itu melibatkan agensi EKS dari Jepun, Republik Korea, Thailand, Viet Nam dan Malaysia bagi membincangkan hala tuju EKS di Asia, berkongsi maklumat dan polisi dan membantu perdagangan serta mewujudkan rangkaian serantau.

Program Peningkatan Keupayaan

Penilaian Kompetitif Keupayaan EKS SCORE

Pada Julai 2007, SMIDEC memperkenalkan Penilaian Kompetitif Keupayaan EKS (SCORE) bagi mengukur dan menilai prestasi serta kebolehan EKS. Data yang tepat mengenai status sesebuah syarikat diambil melalui lawatan tapak serta temuduga. Keupayaan dan prestasi syarikat diukur pada tujuh aspek. Untuk sektor pembuatan, parameter adalah prestasi perniagaan, kemampuan kewangan, keupayaan teknikal, kapasiti pengeluaran, inovasi, sistem kualiti dan keupayaan pengurusan.

Hingga kini, sejumlah 1,241 EKS penerima geran dan peserta program pembangunan SMIDEC serta EKS di bawah PUNB dan CIDB telah dinilai berasaskan Model sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan, runcit dan perdagangan agihan dan pembinaan. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,183 EKS telah dinilai, manakala 58 kes menunggu pengesahan dokumen. Berdasarkan penilaian ke atas 1,183 EKS, keputusan yang diperolehi ialah:-

Bil. Bintang	Bil. EKS	Peratus
Tiada	98	8.3
1	311	26.3
2	538	45.5
3	192	16.2
4	44	3.7
5	Tiada	Tiada

Daripada jumlah EKS yang tidak memperoleh bintang, 71.4 peratus atau 70 syarikat adalah perniagaan baru yang berwujud kurang dari setahun.

Butir keputusan penilaian seperti di bawah:

EKS	Tiada	1 Bintang	2 Bintang	3 Bintang	4 Bintang	5 Bintang	Jumlah
JUMLAH	**98**	**311**	**538**	**192**	**44**	**0**	**1183**
Penerima Geran SMIDEC	53	152	386	141	21	0	**753**
Program SMIDEC	44	125	115	25	16	0	**325**
EKS dibawah PUNB	1	30	25	8	0	0	**64**
EKS dibawah CIDB	0	4	12	18	7	0	**41**

Butir keputusan penilaian bagi tahun 2008 sahaja:

EKS	Tiada	1 Bintang	2 Bintang	3 Bintang	4 Bintang	5 Bintang	Jumlah
JUMLAH	47	177	325	117	23	0	**689**
Penerima Geran SMIDEC	45	134	269	86	16	0	**550**
Program SMIDEC	1	9	19	5	0	0	**34**
EKS dibawah PUNB	1	30	25	8	0	0	**64**
EKS dibawah CIDB	0	4	12	18	7	0	**41**

Kerjasama dengan Kerajaan Negeri

Untuk terus memacu pembangunan EKS Bumiputera, SMIDEC bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi di bawah satu program yang dikenali sebagai *Bumiputera Enterprise Enhancement Programme* (BEEP). Kini, BEEP dilaksanakan di tiga buah negeri:

- Terengganu, disokong oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu;
- Melaka, dengan kerjasama Pusat Khidmat Perusahaan Kecil dan Sederhana Melaka; dan
- Pulau Pinang; disokong oleh Penang Regional Development Authority.

Di bawah Program ini, syarikat dibantu bagi mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti mereka melalui bantuan kewangan bersepadu dan khidmat nasihat teknikal oleh SMIDEC serta agensi teknikal yang lain seperti SIRIM Berhad, Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP).

Kesemua syarikat diaudit di bawah sistem SCORE SMIDEC bagi memastikan mereka menerima bantuan yang diperlukan. Setiap EKS dipantau secara berkala (setiap 9 - 12 bulan) untuk menilai kemajuan dan member bantuan kepada syarikat yang memerlukan. Pemantauan ini akan berterusan sehingga tiga tahun.

Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah 141 permohonan bernilai RM6.5 juta telah diluluskan untuk pelbagai skim geran bagi menjalankan aktiviti-aktiviti penambahbaikan.

PEMBANGUNAN ENTERPRIS

Pembangunan Jenama EKS

Program Pembangunan Jenama EKS berusaha untuk meningkatkan perhatian terhadap kewujudan produk EKS dan

Jadual 6.1
Kelulusan Projek Mengikut Negeri, 2008

Negeri	Bilangan Kelulusan	Jumlah Diluluskan (RM Juta)
Jumlah	141	6.48
Melaka	109	2.56
Penang	21	2.35
Terengganu	11	1.57

perkhidmatan di pasaran tempatan dan antarabangsa melalui penggunaan *National Mark. National Mark* merupakan simbol kecemerlangan, keunggulan, dan jaminan yang menandakan kepatuhan kepada standard yang diterimapakai bagi produk dan perkhidmatan.

Pelaksanaan Program ini mengandungi empat fasa:

- Fasa I: pembinaan keupayaan;
- Fasa II: pengauditan dan pemantauan;
- Fasa III: persijilan dan anugerah *National Mark*; dan
- Fasa IV: promosi.

Elemen pembinaan keupayaan tertumpu kepada mengenal pasti, membina dan meningkatkan kelebihan yang sedia ada pada EKS bagi menambah pengetahuan dan pembelajaran melalui latihan berstruktur dan program bimbingan.

Proses pengauditan dan pemantauan dilaksanakan secara berterusan dengan tujuan asal untuk memastikan kemampuan, kesediaan dan komitmen pemohon menjalankan penjenamaan. Tambahan pula, ia akan dikendalikan setiap tahun bagi memastikan syarikat mematuhi syarat ketat dalam penggunaan *National Mark*.

Di bawah Fasa III, syarikat yang memenuhi kriteria yang ditentukan serta berjaya melalui proses pengauditan akan disahkan dan dibenarkan menggunkan *National Mark*. Kriteria taksiran *National Mark* termasuk:

- keupayaan pengurusan;
- kemampuan kewangan;
- kemampuan pengeluaran;
- kualiti bagi produk dan perkhidmatan;
- pengurusan kualiti;
- tanggungjawab sosial korporat; dan
- kebolehcapaian pasaran / inisiatif e-dagang.

SMIDEC akan melaksanakan tiga fasa pertama, manakala MATRADE pula akan menjalankan pelbagai program promosi di bawah Fasa IV. MATRADE akan mempromosi National Mark di peringkat domestik dan antarabangsa melalui penerbitan khas dan aktiviti-aktiviti promosi, seperti pameran perdagangan antarabangsa dan misi perdagangan. Kementerian / Agensi berkaitan akan turut mempromosikan *National Mark* melalui laman web dan dalam bahan promosi berkaitan.

Pada 2008, SMIDEC memulakan program kesedaran penjenamaan melalui beberapa siri seminar penjenamaan di Johor, Pahang, Pulau Pinang, Sarawak, Sabah dan Kuala Lumpur bermula Februari sehingga Ogos. Seminar berkenaan telah dihadiri oleh 1,045 orang peserta.

Program kesedaran yang lain termasuklah *Tea Talk on Branding and Brand Transformation Forum 2008* yang telah diadakan pada 1 Julai 2008, di mana peserta telah dididik mengenai kepentingan reka bentuk dan pembungkusan bagi produk mereka.

Pembangunan Teknologi

Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO)

Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO) telah diasaskan di bawah *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* pada Julai 2006 dengan tujuan membangunkan industri automotif Malaysia ke tahap pemain kompetitif global.

Inisiatif ini telah dibahagikan kepada 10 sub-projek dan MITI, melalui SMIDEC, telah melaksanakan Projek A-1: Program Bantuan Pakar Teknikal Automotif. Ia direka untuk memacu pengeluar-pengeluar komponen dan bahagian automotif tempatan ke arah aktiviti-aktiviti tambah nilai yang lebih tinggi dan peningkatan keupayaan, terutamanya EKS, melalui penerapan *Lean Production System* (LPS).

Program ini yang bermula pada November 2006 dan dijadualkan berakhir pada Jun 2011, dijangkakan akan menyaksikan sejumlah 150 buah projek menjalani penambahbaikan aliran pengeluaran. Hingga kini, 47 buah syarikat telah menyertai program dengan bimbingan 21 pakar yang berpengalaman dalam industri automotif bermula daripada *Model Line Phase*.

SMIDEC telah bekerjasama dengan Toyota Motor Corporation (TMC) bagi menganjurkan lawatan tapak pertama ke Toyota Plant di Nagoya, Jepun daripada 18 hingga 22 Mac 2008 untuk mendalami amalan *shop-floor* dan kepakaran teknik pelaksanaan Toyota Production System (TPS) secara dekat. Sejumlah 18 peserta yang merangkumi sembilan buah syarikat Malaysia daripada sektor automotif serta tiga agensi kerajaan telah mengambil bahagian dalam misi ini yang diketuai oleh Ketua Eksekutif SMIDEC. Misi kedua telah diadakan pada 11 ke 15 November 2008, melibatkan 21 orang peserta mewakili 12 syarikat Malaysia daripada sektor automotif dan dua agensi kerajaan, termasuk pegawai-pegawai PROTON dan PERODUA. Misi berkenaan berjaya mencapai objektif yang menekankan kepentingan komitmen pengurusan atasan sebagai faktor utama dalam kejayaan pelaksanaan TPS.

Misi Projek Khusus ke Jepun

SMIDEC dengan Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO) telah menganjurkan Misi Projek Khusus (SPM) Ke Nagoya, Jepun dari 18 hingga 22 Mac 2008. Misi ini bertujuan untuk mendedahkan syarikat-syarikat Malaysia kepada amalan pengeluaran inovatif terkini, terutama dalam sektor automotif.

Pegawai-pegawai pengurusan atasan daripada SMIDEC, Perbadanan Produktiviti Malaysia, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan sembilan syarikat Malaysia telah mengambil bahagian dalam misi, yang membenarkan mereka mengkaji LPS Toyota Motor Corporation (TMC) dan vendor-vendornya.

Program Peningkatan Kemahiran

Program Peningkatan Kemahiran bagi meningkatkan kemahiran yang bermula pada 1 Jun 2008 adalah dan kebolehan EKS melalui aktiviti latihan. Bantuan diberi secara 80 peratus geran bagi kos yuran latihan kepada EKS.

Dalam melaksanakan program, SMIDEC bekerjasama dengan 23 pusat pembangunan kemahiran (SDCs) dan 20 Penyedia Latihan Profesional (PTPs) dalam menyediakan latihan untuk EKS di sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Latihan disediakan SDCs meliputi kursus kedua-dua kursus teknikal dan pengurusan. Latihan oleh PTPs pula merangkumi pemasaran, komunikasi dan bimbingan perniagaan. Pada 2008, sejumlah 10,470 tenaga kerja EKS menerima latihan di bawah program ini, satu peningkatan 178 peratus berbanding 3,761 pekerja pada 2007. dari segi perbelanjaan pula, jumlah geran bernilai RM9.8 juta telah digunakan untuk program latihan tahun ini, peningkatan 154 peratus daripada RM3.8 juta pada 2007.

Peningkatan jumlah tenaga kerja yang dilatih adalah disebabkan pengembangan skop program untuk meliputi latihan bagi sektor perkhidmatan pada 2007. Ini menyebabkan peningkatan dalam jumlah PTP yang dilantik. Pada 2007, terdapat hanya 28 pemberi latihan yang dilantik berbanding dengan 43 pada 2008. di samping itu, peningkatan dalam peratusan bagi bantuan latihan daripada 50 peratus kepada 80 peratus pada Jun 2008 juga mempunyai kesan positif, di mana jumlah tenaga kerja yang dilatih dan penggunaan dana di bawah program ini telah bertambah.

Pada Jun 2008, penerima geran di bawah SMIDEC diwajibkan menghadiri kursus

Pengurusan Kewangan bagi Pengurus-Pengurus Bukan Kewangan. Hingga kini, sejumlah 164 Pengarah Urusan EKS telah menghadiri kursus latihan mandatori, dengan penggunaan geran berjumlah RM159,350.

Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP)

Panel Penasihat Pakar EKS (SEAP) dianggotai oleh pakar-pakar industri yang telah bersara dan agensi kerajaan tertentu. Mereka dilantik untuk memberi nasihat teknikal dan khidmat nasihat perniagaan bagi membantu EKS meningkatkan operasi dan amalan terbaik dalam perniagaan mereka.

Pada 2008, sejumlah 11 pakar industri dalam pelbagai disiplin telah dilantik, menjadikan jumlah keseluruhan pakar yang dilantik kepada 62 orang. Sejumlah sembilan EKS telah memanfaatkan kepakaran yang disediakan di bawah program ini.

KERJASAMA ANTARABANGSA

Program EKS di bawah ASEAN

SMIDEC dengan kerjasama Persatuan Pembiayaan Teknikal Luar Negara Jepun (AOTS), telah menganjurkan *the ASEAN-Japan Policy Workshop on SME Development - Valuable Statistics and Philosophy for Creating ASEAN Common White Paper of SMEs* dari 15 hingga 16 Januari 2008 di Kuala Lumpur.

Bengkel tersebut menerangkan kepada para peserta mengenai penyelidikan dan statistik berkaitan EKS dapat membantu dalam penyediaan laporan oembangunan EKS bagi memperbaiki polisi dan pelaksanaannya. Sejumlah 33 pegawai yang terlibat dengan penyelidikan dan pembangunan, penggubalan dasar, pelaksanaan serta statistik bagi EKS telah menyertai Bengkel tersebut.

Program EKS di bawah Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

Mesyuarat Ke-15 APEC SME peringkat menteri bertemakan *'Sustainable Local Development to Foster SMEs Growth'* telah berlangsung di Chiclayo, Peru pada Ogos 2008. Di mesyuarat tersebut, Menteri-Menteri telah menyokong Pelan Strategik baru empat tahun 2009-2012 *APEC Small and Medium Enterprises Working Group* (SMEWG), dan bersetuju bahawa projek yang disokong SMEWG akan dimajukan dan diberi keutamaan. Di antaranya adalah persekitaran perniagaan, keupayaan pengurusan bangunan dan meningkatkan keusahawanan, akses pasaran dan rantaian antarabangsa, inovasi, pembiayaan dan meningkatkan kesedaran amalan perniagaan yang mampan. Pelan Strategik ini melengkapkan Pelan Tindakan Bersepadu SME 1998, yang telah dipersetujui oleh Persidangan Kemuncak Pemimpin-pemimpin APEC di Malaysia.

Pengalaman yang ditempa oleh Malaysia dalam meyertai program ini akan memudahkan Malaysia mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif bagi pertumbuhan EKS, mempertingkatkan pengetahuan EKS kepada kepentingan kesediaan menghadapi krisis, mengamalkan prinsip amalan terbaik bagi pembangunan tempatan, memperkukuhkan strategi bagi menjayakan pemindahan teknologi kepada EKS, memperluaskan akses pasaran melalui ICT dan membina keupayaan dasar inovasi untuk EKS. Malaysia akan menganjurkan bersama seminar *SME Innovation* dari 3 hingga 5 Jun 2009 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat Meja Bulat EKS ke-3, Asia Timur

Mesyuarat *'The 3rd East Asia SME Round Table Meeting'* telah berlangsung pada

3 Jun 2008, sempena SMIDEX 2008 & Konvensyen EKS Asia Timur. Ahli-ahli bagi mesyuarat termasuk *Organisation for Small & Medium Enterprises and Regional Innovation,* Japan (SMRJ)*; the Small Business Corporation* (SBC)*,* Republic of Korea*; the Office of SMEs Promotion* (OSMEP)*,* Thailand*; and the Agency for Small and Medium Enterprise Development* (ASMED)*,* Viet Nam*.*

Mesyuarat yang bertemakan '*Strengthening Domestic Capabilities in Support of Regional Links',* telah dianjurkan dengan objektif bertukar-tukar maklumat mengenai persekitaran perniagaan di kalangan negara-negara rakan, mengenal pasti matlamat bersama melalui usaha sama, serta memudahkan EKS mengambil peluang globalisasi melalui pembinaan rangkaian di Asia Timur.

Program EKS di bawah Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC)

SMIDEC telah menganjurkan *Malaysia Technical Cooperation Training Programme* untuk pengusaha-pengusaha wanita di kalangan Negara-negara Anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dari 2 hingga 13 Jun 2008 di Kuala Lumpur. Sejumlah 29 orang peserta dari 12 negara anggota OIC telah menyertai program berkenaan. Program latihan ini berperanan sebagai platform untuk menyampaikan maklumat dan pengetahuan tentang amalan terbaik perniagaan kepada usahawan-usahawan wanita. Para peserta juga mengambil bahagian dalam *East Asia SME Convention*, pameran dan sesi padanan perniagaan sepanjang SMIDEX 2008.

Malaysia juga menganjurkan Program Latihan Untuk Pegawai daripada *Agencies Responsible for SME Development in OIC Member Countries* pada 19 hingga 28 November 2008. Sejumlah 26 orang peserta daripada 21 buah negara telah menyertai program berkenaan. Program latihan ini diadakan bertujuan untuk berkongsi dasar, strategi dan insentif Malaysia dalam pembangunan EKS, menggalakkan pertukaran pengalaman dalam amalan terbaik di kalangan peserta dan untuk menggalakkan jaringan kerjasama antara SMIDEC dan agensi-agensi yang bertanggungjawab pembangunan EKS di negara-negara ahli OIC.

Program Kerjasama di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Korea - ASEAN

SMIDEC mewakili Malaysia sebagai Pengerusi *Working Group on Economic Cooperation* (WGEC), yang ditubuhkan pada Jun 2006 di bawah *ASEAN-Korea Trade Negotiation Committee* (AKTNC). Kumpulan kerja ini dibangunkan untuk memudahkan perlaksanaan FTA serta untuk membincangkan kerjasama projek dan aktiviti ekonomi di antara ASEAN dan Korea.

Sehingga 2008, sejumlah 20 buah projek telah diserapkan di bawah WGEC, di mana 15 projek telah dilaksanakan. Ini termasuk satu projek cadangan Malaysia, iaitu *Upgrading Technical Capabilities of SMEs in the Agro-Based Industry in the Post Harvest Management Operations*. Pada masa ini, 63 EKS Malaysia dan agensi Kerajaan mendapat faedah dari pelbagai projek kerjasama ekonomi di bawah WGEC.

Program Latihan bagi Pengurus EKS

Program Latihan untuk Pengurus adalah program tahunan yang dianjurkan bersama SBC, Republik Korea semenjak 1998. Program ini membantu memberi pendedahan berkaitan pengurusan perniagaan terbaik di Republik Korea, selain daripada mengukuhkan kerjasama di antara EKS di Malaysia dan Republik Korea serta menggalakkan rangkaian perniagaan.

Pada 2008, seramai 14 pengurus menyertai program menjadikan jumlah pengurus EKS

yang telah menyertai program kepada 17 orang untuk mempertingkatkan peluang perniagaan di kalangan peserta, sesi pemadanan perniagaan telah diatur pada program tahun ini. Ini melibatkan peserta dari Malaysia dan 30 syarikat Korea serta mencatat potensi jualan berjumlah RM59 juta.

PROGRAM CAPAIAN

Pada tahun 2008, SMIDEC terus menganjurkan 271 aktiviti-aktiviti promosi, termasuk konvensyen, seminar, bengkel, pameran dan taklimat yang telah menarik seramai 278,898 peserta.

Acara tahunan pameran SMIDEX telah menarik penyertaan 335 dengan 477 ruang pameran. Pameran ini menarik sebanyak 7,820 pelawat perdagangan dan menghasilkan rundingan dagangan sebanyak RM 61.8 juta.

Enterpris 50

Program Enterpris 50 adalah program anugerah tahunan anjuran SMIDEC yang diadakan bagi mengiktiraf kecemerlangan syarikat-syarikat tempatan dalam aspek pengurusan dan operasi. Syarikat yang dicalonkan akan dinilai dan ditanda aras berlandaskan keupayaan kewangan, operasi dan akumen pengurusan syarikat secara keseluruhan.

Mulai 2008, hanya syarikat yang didefinisikan sebagai EKS layak dicalonkan bagi menyertai program anugerah ini. Tahun ini, sejumlah 120 pencalonan telah diterima daripada syarikat-syarikat EKS daripada pelbagai sektor.

Pusat Maklumat & Khidmat Nasihat EKS

SMIDEC menyampaikan maklumat penting berkaitan dengan pembangunan EKS menerusi pusat maklumat maya (www.smidec.gov.my). Laman web ini juga menyokong aplikasi dan pendaftaran syarikat secara atas talian.

Pada tahun 2008, pusat ini juga menerima sejumlah 3,334 pendaftar dan 710 permohonan geran secara atas talian, peningkatan masing-masing sebanyak 16.3 peratus dan 33.4 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pusat ini juga menerima 3,945 panggilan melalui talian info, suatu peningkatan mendadak sebanyak 693 peratus berbanding tahun 2007.

Program Pembangunan Usahawan Wanita

Tidak dapat dinafikan bahawa pengusaha wanita adalah antara penyumbang penting kepada ekonomi Malaysia sejak dulu lagi. SMIDEC, dengan kerjasama Persatuan Usahawan Wanita Malaysia (FEM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MeCD), telah menjalankan beberapa program tahunan bagi menggalakkan pembangunan pengusaha wanita di Malaysia.

- **Direktori Usahawan Wanita**

  Pada 2008, Direktori Pengusaha Wanita yang merupakan satu sumber rujukan komprehensif bagi pengusaha untuk menubuhkan jaringan, mewujudkan hubungan dan meneroka peluang perniagaan. Direktori yang memaparkan senarai syarikat pembuatan dan perkhidmatan miliki wanita akan memudahkan akses perniagaan kepada pelabur berpotensi, syarikat-syarikat besar dan perbadanan multinasional yang menginginkan produk dan perkhidmatan dibekalkan oleh wanita. Ia akan digunakan oleh usahawan sebagai alat untuk luaskan perniagaan dan mengeratkan rantaian serta untuk mempelbagaikan sumber bekalan.

Jadual 6.2:
Pemenang Anugerah Pengusaha Wanita Negara

Nama	Syarikat
Datin Freida bt Dato Mohd Pilus	Cempaka Schools Sdn Bhd
Dato' Hajjah Azlina bt Haji Che Abdullah	De Classic Life (M) Sdn Bhd
Julia Chong Chooi Fong	The Truly Loving Company Sdn Bhd
Nafisah Radin	NR Architect & NR Interior Design
Johora Bee bte Sheikh Nattersah*	JWR Technology (M) Sdn Bhd
Beatrice Nirmala Adaikalaraj	Adaikalaraj Media Group
Jumaatun Azmi	KasehDia Sdn Bhd
Fione Tan	eOneNet.com Sdn Bhd
Datuk Maznah Abd. Hamid**	Securiforce Sdn Bhd
Khoo Cheng Gaik	TCRS Restaurants Sdn Bhd
Siti Mariam bt Abdullah***	Clear Insight Technology Sdn Bhd

Nota:
** Platinum Entrepreneur Award*
*** Entrepreneur Extraordinaire Award*
**** Emerging Entrepreneur Award*

- **Bengkel Serantau bagi Usahawan Wanita**

  Bengkel-bengkel serantau untuk pengusaha wanita telah dianjurkan untuk melengkapkan pengusaha wanita dengan ilmu untuk mengembangkan perniagaan serta maklumat berkaitan pelbagai bantuan dan insentif disediakan kerajaan. Pada 2008, tiga bengkel serantau telah berjaya dilaksanakan di Johor, Kuala Lumpur dan Kedah. Sejumlah 800 pengusaha wanita telah menyertai sesi sepanjang hari.

- **Anugerah Usahawan Wanita Negara**

  Anugerah Pengusaha Wanita Negara (NWEA) adalah satu penghormatan kepada komitmen dan kecekalan pengusaha-pengusaha wanita yang telah berjaya menguruskan syarikat mereka. Anugerah ini akan menjadi anugerah perdana negara bagi pengusaha wanita, ada di antara mereka yang telah melalui cabaran luar biasa dalam memajukan perniagaan mereka.

  NWEA 2008 telah dianjurkan bersama dengan MECD, FEM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Persatuan Kebangsaan Pengusaha Wanita Malaysia (NAWEM) serta Deloitte Consulting (M) Sdn. Bhd. Majlis penganugerahan ini telah dilangsungkan pada 5 Disember 2008 di Hotel Marriott, Putrajaya. Yang Amat Mulia Tuanku Nur Zahirah, Raja Permaisuri Agong telah menyampaikan anugerah Pengusaha Wanita Kebangsaan kepada pemenang-pemenang seperti di Jadual 6.2.

PROSPEK

EKS memainkan peranan yang signifikan dalam pembangunan ekonomi kebanyakan negara. Di Malaysia, 99.2 peratus daripada 552,804 syarikat adalah EKS, menyumbang kepada KDNK sebanyak 32 peratus, 19 peratus kepada eksport dan 56 peratus peluang pekerjaan. Memandangkan kepentingan sumbangan EKS terhadap pembangunan ekonomi. Pada Jun 2004, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan

(NSDC) telah diwujudkan. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, berperanan sebagai badan tertinggi dalam menerajui hala tuju dan strategi untuk pembangunan EKS. Majlis ini mengambil pendekatan yang komprehensif serta fokus merentasi semua sektor agar dapat menyelaras semua usaha yang dijalankan oleh 14 Kementerian dan 60 Agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan EKS.

Melangkah ke hadapan, Majlis menyokong penubuhan Agensi Penyelaras Pusat EKS (SMECCA). Sebuah agensi kerajaan yang berdedikasi untuk menerajui pembangunan EKS merentasi kesemua sektor ekonomi. Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) akan berkembang dan ditransformasi menjadi SMECCA, dan akan dikenali sebagai SME Corporation Malaysia (SME Corp). Agensi ini akan ditempatkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) tetapi di bawah penyeliaan NSDC.

Agensi ini akan bertanggungjawab mengkoordinasi dasar serta memantau pelaksanaan program pembangunan EKS merentasi pelbagai sektor, manakala Kementerian dan Agensi berkaitan akan terus melaksanakan dasar dan program masing-masing. Agensi in juga akan turut berfungsi sebagai sebuah pusat informasi sehenti dan khidmat nasihat EKS, sekali gus memudahkan syarikat-syarikat memperolehi maklumat terkini dan komprehensif mengenai program yang disediakan oleh badan-badan kerajaan. Seterusnya, Agensi ini akan memantau prestasi pertumbuhan EKS melalui pangkalan data komprehensif EKS, dan membantu dalam pembangunan dasar yang sesuai dan relevan di masa hadapan. Dasar Kerajaan dibentuk bagi meningkatkan prestasi keseluruhan EKS supaya dapat menyumbang 37 peratus kepada KDNK, 21 peratus untuk eksport dan 57 peratus kepada guna tenaga menjelang 2010. Dengan penubuhan Agensi ini, Majlis yakin matlamat ini akan dicapai.

BAB 7: PRODUKTIVITI SEKTOR PERKILANGAN DAN PERKHIDMATAN

TINJAUAN

Pada 2008, ekonomi Malaysia telah mencatat pertumbuhan produktiviti sebanyak 2.9 peratus kepada RM49,526. Prestasi ini adalah didorong oleh permintaan domestik yang tinggi hasil daripada dasar-dasar kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Carta 7.1:
Pertumbuhan Produktiviti Malaysia, 2004 - 2008



Dikira berdasarkan:
Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.

Produktiviti sektor pembuatan berkembang sebanyak 2 peratus pada 2008 berbanding 2.7 peratus yang dicatatkan pada 2007. Kemerosotan prestasi adalah disebabkan oleh prestasi industri berasaskan eksport yang menurun terutamanya pada suku keempat 2008. Di antara industri berasaskan eksport yang terjejas dari segi produktiviti ialah produk elektrik dan elektronik (E&E), mesin, perkakasan dan peralatan, produk getah, besi dan keluli. Walau bagaimanapun, industri yang berorientasikan pasaran tempatan mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 6.2 peratus.

Industri berasaskan pasaran domestik yang mencatatkan pertumbuhan produktiviti adalah kimia dan produk kimia (30.2 peratus), makanan dan minuman (23.7 peratus), produk galian bukan logam (22.7 peratus), peralatan pengangkutan (19.1 peratus) dan mesin dan peralatan

Carta 7.2:
Pertumbuhan Produktiviti Sektor-sektor Ekonomi, 2008



Dikira berdasarkan:
Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi, Malaysia.
Nota: Perkhidmatan- perkhidmatan sosial dan persendirian, perkhidmatan swasta tanpa tanpa keuntungan kepada isi rumah dan perkhidmatan rumahtangga bagi isi rumah. Antara aktiviti yang dimasukkan ke dalam sub-sektor ini ialah pembuangan bahan buangan dan sampah; aktiviti organisasi, di mana kepentingan ahlinya tertumpu kepada perkembangan dan kekayaan sesebuah bidang perniagaan atau dagangan, dan peruntukan untuk perkhidmatan terus.*

Carta 7.3:
Tahap Produktiviti Sektor Ekonomi, 2008



Dikira berdasarkan: Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia, Unit Perancang Ekonomi, Malaysia

(11.6 peratus). Di antara industri yang mencatatkan tahap produktiviti yang tinggi adalah kimia dan produk kimia (RM212,579), peralatan pengangkutan (RM133,697) dan mesin dan peralatan (RM127,698).

Sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.2 peratus kepada RM56,139. Pertumbuhan ini didorong oleh prestasi yang kukuh dari sub-sektor pengangkutan, utiliti, kewangan dan perdagangan. Sub-sektor pengangkutan merekodkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 4.5 peratus manakala sub-sektor utiliti dan kewangan masing-masing sebanyak 4 peratus dan 4.2 peratus. Prestasi produktiviti ini adalah disebabkan oleh permintaan domestik yang kukuh hasil daripada peningkatan dalam sektor pelancongan dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan. Pertumbuhan produktiviti untuk sub-sektor perdagangan meningkat sebanyak 4.3 peratus kepada RM40,027 didorong oleh peningkatan pendapatan yang boleh dibelanja dan kadar faedah yang kompetitif akibat liquiditi yang tinggi di pasaran. Sektor pembinaan merekodkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 1.5 peratus hasil daripada penggunaan kaedah pembinaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) di sesetengah bangunan awam. Produktiviti sektor pertanian meningkat sebanyak 3 peratus disebabkan oleh hasil pengeluaran yang efisien untuk keluaran asas dan harga minyak sawit dan getah yang tinggi.

Kerajaan telah merangka beberapa langkah untuk meningkatkan pertumbuhan Produktiviti Faktor Menyeluruh (TFP) dan sumbangan TFP kepada pertumbuhan ekonomi. Peningkatan di dalam TFP memerlukan penggunaan kapasiti yang lebih tinggi, kemajuan teknologi, peningkatan kemahiran dan kebolehan modal insan serta mempertingkatkan pengetahuan melalui latihan dan latihan semula. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, TFP telah disasarkan untuk tumbuh pada kadar 2.2 peratus dan menyumbang 35.8 peratus kepada pertumbuhan ekonomi menjelang 2010. Bagi tempoh 2004 - 2008, ekonomi negara telah mencapai purata pertumbuhan TFP tahunan sebanyak 2.1 peratus dan menyumbang 35.8 peratus kepada pertumbuhan KDNK. Pertumbuhan TFP didorong oleh intensiti permintaan (44.9 peratus), pendidikan dan latihan (25.7 peratus), struktur modal (10.3 peratus) dan kemajuan teknikal (8.9 peratus). Pelaburan dalam bidang pendidikan dan latihan, penggunaan teknologi yang lebih menyeluruh, penyelidikan dan pembangunan (R&D), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pelaksanaan produktiviti dan

sistem pengurusan berkualiti akan dapat meningkatkan sumbangan TFP kepada pertumbuhan ekonomi.

PERBANDINGAN ANTARABANGSA PRESTASI PRODUKTIVITI

Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD)

Pertumbuhan produktiviti Malaysia pada kadar 2.9 peratus adalah lebih tinggi berbanding dengan negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) seperti Amerika Syarikat (2.1 peratus), Jepun (0.8 peratus), Australia (0.4 peratus), Finland dan Jerman (0.1 peratus), Kanada dan Denmark (0.9 peratus) dan Ireland (-1.7 peratus). Di kalangan negara-negara Asia, Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi daripada Thailand (2 peratus), Hong Kong SAR (1.6 peratus), Taiwan (0.7 peratus) dan Singapura (-0.9 peratus).

Di kalangan rakan-rakan perdagangan Malaysia, Jepun mencapai tahap produktiviti tertinggi, iaitu sebanyak AS$81,334, diikuti Amerika Syarkat (AS$78,807), United Kingdom (AS$55,172), Jerman (AS$51,885), Singapura (AS$50,744), Republik Korea (AS$31,212) dan Thailand (AS$4,844). Tahap produktiviti Malaysia pada tahun 2008 ialah sebanyak AS$13,033.

Asia

Di kalangan negara-negara Asia, Malaysia mencatat pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi berbanding Thailand (2 peratus),

Jadual 7.1:
Tahap dan Pertumbuhan Produktiviti bagi Negara-negara Terpilih, 2008

Negara	Tahap Produktiviti (pada harga 2000 malar di dalam AS$)	Pertumbuhan Produktiviti (%)
Jepun	81,334	0.8
Amerika Syarikat	78,807	2.1
Norway	78,471	-0.5
Hong Kong SAR	68,436	1.6
Ireland	65,777	-1.7
Sweden	65,627	-0.4
Denmark	62,506	-0.9
Finland	60,645	0.1
Perancis	58,306	-0.5
United Kingdom	55,172	0.0
Jerman	51,885	0.1
Singapura	50,744	-0.9
Kanada	50,149	-0.9
Australia	48,057	0.4
Italy	46,481	-1.2
Taiwan	40,225	0.7
New Zealand	38,750	-0.7
Republik Korea	31,212	3.6
Malaysia	**13,080**	**2.9**
Thailand	4,844	2.0
Filipina	3,279	3.0
Republik Rakyat China	3,273	7.8
Indonesia	2,476	3.5
India	1,700	3.4

Dikira berdasarkan:
- *Laporan ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia, pelbagai keluaran*
- *OECD Economic Outlook, December 2008, Vol. 84*
- *National Accounts of OECD Countries, Vol. IIa and IIb: Detailed Tables 1996-2006*
- *Country Data, The Economist Intelligence Unit*
- *Market Indicators and Forecast, The Economist Intelligence Unit*

Hong Kong SAR (1.6 peratus), Taiwan (0.7 peratus), dan Singapura (-0.9 peratus). Namun Republik Rakyat China, Indonesia dan India masing-masing mencatatkan pertumbuhan produktiviti yang lebih tinggi iaitu masing-masing pada 7.8 peratus, 3.5 peratus dan 3.4 peratus.

Sektor perkilangan Malaysia adalah paling kompetitif dari segi kos buruh setiap unit keluaran di kalangan 57 ekonomi. Kos buruh setiap unit keluaran dalam sektor perkilangan menurun sebanyak 4.9 peratus. Kadar pampasan setiap jam bagi sektor perkilangan di Malaysia adalah di AS$3.54 berbanding Hong Kong (AS$5.78), Taiwan (AS$6.58) dan Singapura (AS$8.35).

PRESTASI PRODUKTIVITI BAGI SEKTOR PERKILANGAN

Pada 2008, sektor perkilangan mencatat peningkatan produktiviti sebanyak 2 peratus kepada RM56,660 berbanding 2.7 peratus pada 2007. Kesemua sub-sektor mencatat pertumbuhan positif kecuali sub-sektor E&E. Prestasi baik bagi sub-sektor

Carta 7.4:
Pertumbuhan Produktiviti Malaysia dan negara-negara OECD terpilih, 2008



Dikira dari:
- *Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia, pelbagai keluaran*
- *National Accounts of OECD Countries, Vol. IIa and IIb :Detailed Tables 1996 - 2006*
- *OECD Economic Outlook, December 2008, Vol. 84*
- *Country Data, The Economist Intelligence Unit*
- *Market Indicators and Forecast, The Economist Intelligence Unit*

berorientasikan pasaran domestik ini adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan terutamanya daripada sektor pembinaan dan industri berasaskan pertanian.

Industri yang mencatatkan pertumbuhan kukuh ialah bahan kimia dan produk kimia, makanan dan minuman, produk galian bukan logam, peralatan pengangkutan, serta mesin dan peralatan. Bahan kimia dan produk kimia mencatatkan peningkatan produktiviti sebanyak 30.2 peratus pada 2008. Produk yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti di dalam sub-sektor ini ialah petroleum dan barangan plastik. Pertumbuhan ini adalah hasil

Carta 7.5:
Pertumbuhan Produktiviti Malaysia dan Negara Asia Terpilih, 2008



Dikira Berdasarkan:
- *Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia, pelbagai keluaran*
- *Country Data, The Economist Intelligence Unit*
- *Market Indicators and Forecast, The Economist Intelligence Unit*

pengeluaran yang meningkat berikutan peningkatan aktiviti-aktiviti pengilangan industri-industri berorientasikan pasaran tempatan.

Daya saing kos buruh menunjukkan keupayaan sesuatu sub-sektor menghasilkan keluaran pada kos buruh yang kompetitif bagi setiap unit keluaran. Bagi mengekalkan daya saing, tahap pertumbuhan produktiviti perlu mengatasi peningkatan kos buruh bagi setiap pekerja supaya kos buruh seunit output menurun. Pada 2008, sektor perkilangan merekodkan peningkatan dari segi daya saing kos buruh di mana seunit kos buruh menurun sebanyak 4.9 peratus. Semua sub-sektor perkilangan berjaya mengekalkan daya saing kos buruh kecuali bagi sub-sektor E&E.

Purata kos buruh setiap pekerja bagi sektor perkilangan mencatat penurunan sebanyak 4.9 peratus, berbanding penurunan 3.9 peratus pada 2007.

Carta 7.6:
Kadar Pampasan Setiap Jam Bagi Sektor Pembuatan Malaysia dan Negara Asia Terpilih, 2008



Sumber: IMD World Competitiveness Yearbook, 2009

Carta 7.7:
Kadar Pertumbuhan Produktiviti bagi Sub-sektor Perkilangan, 2008



Sumber: Pengiraan Berdasarkan Soal Selidik Perkilangan Tahunan dan Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7.8:
Perubahan dalam Kos Buruh Per Unit Bagi Sub-sektor Perkilangan, 2008



Sumber: Pengiraan Berdasarkan Soal Selidik Perkilangan Tahunan dan Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan Malaysia
Nota: simbol (-) menunjukkan prestasi yang baik dalam Kos Buruh Per Unit

Sub-sektor yang mencatatkan purata pertumbuhan kos buruh bagi setiap pekerja yang lebih tinggi daripada purata bagi sektor perkilangan ialah bahan kimia dan produk kimia (7.9 peratus), makanan dan minuman (6.1 peratus), automotif (6 peratus) dan produk galian bukan logam (4.8 peratus).

Carta 7.9:
Perubahan dalam Kos Buruh Per Pekerja Bagi Sub-sektor Perkilangan, 2008



Pengiraan Berdasarkan: Soal Selidik Perkilangan Tahunan dan Statistik Perkilangan Bulanan, Jabatan Perangkaan, Malaysia

PRODUKTIVITI FAKTOR MENYELURUH (TFP) BAGI SUB-SEKTOR PERKILANGAN TERPILIH, 2004 - 2008

Pertumbuhan di dalam TFP akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Pembangunan teknologi, pengurusan yang baik, peningkatan kemahiran dan ICT merupakan faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan yang lebih tinggi di dalam TFP sektor perkilangan. Melalui Pelan Induk Perindustrian Ketiga (PIP3), pertumbuhan TFP diberi penekanan utama dengan memberi sasaran sumbangan TFP kepada output sebanyak 43.3 peratus manakala sumbangan buruh dan modal masing-masing disasarkan sebanyak 23.7 peratus dan 33.1 peratus. Pertumbuhan sumbangan TFP dijangka akan berada pada satu tahap yang tinggi apabila industri merasionalisasikan aktiviti-aktiviti di samping menambahbaik memuaskan proses pengeluaran mereka.

Kelembapan ekonomi dunia semasa telah mendorong sektor perkilangan untuk menaik taraf proses pengeluaran serta mempertingkatakn keupayaan tenaga manusia mereka bagi menghasilkan output dengan nilai tambah yang lebih tinggi. Oleh itu, pengukuhan faktor kecekapan manusia dan modal adalah sangat perlu bagi meningkatkan TFP di sektor perkilangan.

Bagi tempoh 2004 - 2008, sektor perkilangan mencatatkan peningkatan TFP sebanyak 2.1 peratus. Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam struktur modal, kualiti buruh, intensiti permintaan dan kemajuan

Carta 7.10:
Sumber-sumber Peningkatan TFP bagi Sektor Perkilangan, 2004 - 2008



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

teknikal. Struktur modal menyumbang 10.4 peratus kepada pertumbuhan TFP didorong oleh peningkatan kadar pelaburan yang lebih tinggi untuk automasi dan pemodenan serta penggunaan ICT yang lebih meluas.

Persekitaran sektor perkilangan yang moden adalah dinamik serta kompleks. Tenaga kerja mahir kini semakin penting dalam menentukan peningkatan TFP. Oleh itu, latihan dan pembangunan untuk pekerja perlu ditambah baik bagi mengekalkan daya saing. Kualiti buruh menyumbang 26.2 peratus kepada pertumbuhan TFP dan dijangka akan meningkat dalam tempoh lima tahun akan datang.

Intensiti permintaan menyumbang sebanyak 44.9 peratus kepada pertumbuhan TFP dalam tempoh tersebut. Peningkatan permintaan domestik dan luaran negara bagi produk dan perkhidmatan mendorong kepada penggunaan kapasiti pengeluaran sedia ada. Penguasaan lebih tinggi pasaran akan dapat diperteguhkan melalui kualiti produk yang baik, penjenamaan dan inovasi. Permintaan global yang perlahan memerlukan industri-industri untuk mengatur semula strategi perniagaan dan membangunkan produk yang lebih berkualiti dan inovatif.

Kemajuan teknikal, satu lagi sumber kepada pertumbuhan TFP menyumbang sebanyak 8.6 peratus. Permodenan proses automasi, kreativiti dan inovasi, pengurusan efektif serta sistem organisasi merupakan antara contoh kemajuan teknikal yang boleh mendorong kepada dua pertumbuhan TFP sektor perkilangan.

Pertumbuhan TFP bagi Sub-sektor Perkilangan Terpilih, 2004 - 2008

Industri perkilangan yang mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi daripada purata sektor perkilangan adalah bahan dan produk kimia (3.1 peratus), peralatan

Carta 7.11:
Peningkatan TFP Bagi Sub-sektor Perkilangan, 2004 - 2008



Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

pengangkutan (3 peratus), produk galian bukan logam (2.8 peratus), makanan dan minuman (2.5 peratus), dan E&E (2.3 peratus). Pertumbuhan yang tinggi bagi kedua-dua sub-sektor bahan kimia dan peralatan pengangkutan adalah hasil proses-proses berintensifkan modal dan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

PRESTASI PRODUKTIVITI BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan merekodkan pertumbuhan produktiviti sebanyak 3.3 peratus kepada RM56,139 pada 2008 daripada RM54,374 pada 2007. Pertumbuhan ini didorong oleh pengukuhan dalam penggunaan domestik dan aktiviti perdagangan. Sub-sektor pengangkutan mencatat pertumbuhan produktiviti sebanyak 4.5 peratus kepada RM70,607. Pertumbuhan ini diperkukuh oleh aktiviti-aktiviti naik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur secara berterusan, peningkatan aktiviti-aktiviti berkaitan perdagangan dan perjalanan dalam perkhidmatan pengangkutan maritim, kemudahan pengangkutan awam dan pengangkutan udara pada harga yang kompetitif.

Sub-sektor utiliti berkembang sebanyak 4 peratus kepada RM162,606 pada 2008. Permintaan yang kukuh daripada sektor industri, komersial dan aktiviti-aktiviti isirumah menyumbang kepada peningkatan produktiviti ini.

Sub-sektor kewangan meningkat sebanyak 4.2 peratus kepada RM124,262. Peningkatan ini didorong oleh perkembangan aktiviti-aktiviti pinjaman dan yang berdasarkan yuran, permintaan kukuh yand didorong oleh kadar faedah yang stabil untuk isirumah dan pembiayaan perniagaan serta peningkatan aktiviti-aktiviti insuran perubatan dan kesihatan. Pertumbuhan di sub-sektor ini juga disokong oleh perkembangan dalam kemudahan pembiayaan secara Islam dan pengenalan

Carta 7.12:
Tahap Produktiviti Bagi Sektor Perkhidmatan



	2004	2005	2006	2007	2008
Pengangkutan	59 .1	61.4	63.9	67.6	70.6
Perdagangan	34.7	35.6	36.4	38.4	40.1
Kewangan	105.2	109.3	113.7	119.2	124.3
Utiliti	137.3	144.9	150.6	156.4	162.6
Lain-lain Perkhidmatan	25.2	25.5	25.9	26.4	26.9
Purata Perkhidmatan	48.8	50.2	51.8	54.4	56.1

Tahun

Pengiraan Berdasarkan: *- Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia*
- Unit Perancangan Ekonomi, Malaysia

Carta 7.13:
Kadar Pertumbuhan Produktiviti Bagi Sektor Perkhidmatan



	2004	2005	2006	2007	2008
Pengangkutan	3.2	4.0	4.1	5.7	4.5
Perdagangan	2.4	2.7	2.2	5.5	4.3
Kewangan	2.4	3.9	4.1	4.9	4.2
Utiliti	2.9	4.9	4.5	3.9	4.0
Lain-lain Perkhidmatan	1.8	1.2	1.5	1.8	1.9
Purata Perkhidmatan	2.1	2.9	3.0	5.1	3.3

Tahun

Pengiraan Berdasarkan: *- Laporan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Malaysia*
- Unit Perancangan Ekonomi, Malaysia

produk-produk dan perkhidmatan perbankan yang baru menggunakan aplikasi ICT.

Sub-sektor perdagangan mencatat peningkatan tahap produktiviti kepada RM40,027 pada 2008, iaitu pertumbuhan sebanyak 4.3 peratus. Pertumbuhan ini didorong oleh penggunaan domestik yang tinggi, peningkatan kadar perlaburan, kadar perbelanjaan pelancong yang tinggi, perlanjutan tempoh operasi perniagaan terutamanya pusat membeli belah serta pakej-pakej perubatan kompetitif bagi menarik pesakit luar negara mendapatkan rawatan.

PRODUKTIVITI FAKTOR MENYELURUH (TFP) BAGI SEKTOR PERKHIDMATAN TERPILIH, 2004 - 2008

Bagi tempoh 2004 - 2008, pertumbuhan TFP ialah sebanyak 1.6 peratus daripada sektor perkhidmatan menyumbang kepada pertumbuhan output sektor sebanyak 7.7 peratus. Dua sumber utama pertumbuhan output adalah pertumbuhan modal sebanyak 3.9 peratus dan buruh sebanyak 2.9 peratus.

Sektor pengangkutan mencatat pertumbuhan TFP sebanyak 1.4 peratus menyumbang sebanyak 19.4 peratus kepada peningkatan output. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kecekapan penggunaan peralatan, sistem operasi yang kos efektif serta hubungan rantaian bekalan yang lebih baik di antara pengendali pengangkutan.

Sektor perdagangan merekodkan peningkatan TFP sebanyak 3.8 peratus dan menyumbang sebanyak 42.2 peratus kepada pertumbuhan output. Modal dan buruh masing-masing menyumbang sebanyak 33.4 peratus dan 24.4 peratus. Peningkatan ini disebabkan oleh penggunaan strategi pemasaran yang baik bagi memastikan sistem penyampaian barangan dan perkhidmatan yang cekap oleh kedua-dua pemborong dan peruncit untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan yang sentiasa berubah.

Sektor kewangan merekod pertumbuhan TFP sebanyak 2 peratus bagi tempoh 2004 - 2008 dan menyuambang 24.4 peratus kepada peningkatan output, manakala modal dan buruh masing-masing menyumbang sebanyak 59.1 peratus dan 16.6 peratus. Pertumbuhan ini disebabkan oleh perniagaan yang berdaya tahan dan langkah-langkah di ambil kerajaan untuk menjadikan sektor ini lebih berdaya saing.

PROSPEK

Bagi 2009, pertumbuhan ekonomi dijangka akan didorong oleh sektor perkhidmatan

Jadual 7.2:
Pertumbuhan TFP dan Sumbangan (2004 - 2008)

Sub-Sektor	Pertumbuhan TFP (%)	Pertumbuhan Output (%)	Pertumbuhan Modal (%)	Pertumbuhan Buruh (%)	Sumbangan Terhadap Pertumbuhan Output		
					TFP (%)	Modal (%)	Buruh (%)
Perkhidmatan	1.6	7.7	3.9	2.9	20.4	51.2	28.3
Pengangkutan	1.4	7.4	3.8	2.2	19.4	51.1	29.4
Perdagangan	3.8	9.1	3.0	2.2	42.1	33.5	24.4
Kewangan	2.0	8.3	4.9	1.4	24.4	59.1	16.6
Perkhidmatan Lain	0.7	4.7	1.5	2.5	15.0	31.8	53.2

Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

dan sektor perkilangan. Dengan permintaan pasaran luar yang semakin berkurang, permintaan domestik akan mengambil peranan yang lebih penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi. Keadaan ini memerlukan pengetahuan dalam melaksanakan initiatif-initiatif untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti. Initiatif ini termasuklah mengintegrasikan proses kerja, penggunaan teknologi yang lebih tinggi, menambahbaik sistem pengurusan, memperkukuhkan keupayaan sumber manusia dan memupuk daya cipta serta inovasi di semua peringkat pekerja. Usaha-usaha ini dijangka akan membolehkan negara mencapai pertumbuhan produktiviti melebihi 1 peratus.

Sektor perkhidmatan (merangkumi sub-sektor perdagangan, pengangkutan dan kewangan) dijangka akan mencatatkan pertumbuhan produktiviti pada kadar 2.8 peratus. Pertumbuhan produktiviti sub-sektor kewangan dijangka akan melebihi 3 peratus, manakala bagi sub-sektor pengangkutan dan perdagangan, masing-masing dijangka akan mencapai pertumbuhan melebihi 2.5 peratus dan 2 peratus. Pertumbuhan ini dijangka akan didorong oleh perbelanjaan isi rumah dan peningkatan dalam industri pelancongan negara. Sektor ini juga dijangka mendapat faedah daripada peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan perbankan Islam.

Jadual 7.3:
Pertumbuhan Produktiviti

Negara/Sektor Ekonomi	Pertumbuhan Produktiviti (%)
Malaysia	1.0 – 1.2
Perkilangan	0.5 – 1.1
Utiliti	3.5 – 3.8
Pengangkutan	2.5 – 3.0
Perdagangan	2.0 – 2.3
Kewangan	3.0 – 3.7
Lain-lain Perkhidmatan	1.0 – 1.2

Sektor perkilangan dijangka akan merekodkan pertumbuhan yang lebih rendah iaitu pada kadar 0.5 peratus akibat dari kelembapan sektor luaran. Sektor ini dijangka akan mengalami kemerosotan disebabkan oleh penurunan permintaan terutamanya daripada industri elektrik dan elektronik. Walau bagaimanapun, industri lain seperti industri makanan dan minuman, produk mineral bukan logam, kimia dan produk kimia, besi dan logam, peralatan pengangkutan dan jentera dan peralatan dijangka akan mencatatkan pertumbuhan yang positif.

Artikel Kotak: 7.1 PRESTASI DAYA SAING MALAYSIA

International Institute for Management Development (IMD) mendefinisikan daya saing sebagai kemampuan sesebuah negara dalam mewujud serta mengekalkan persekitaran ke arah penjanaan kekayaan.

Berdasarkan rangka kerja *IMD World Competitiveness Yearbook (WCY)*, kedudukan daya saing sesebuah negara dipengaruhi oleh empat faktor input daya saing iaitu; Prestasi Ekonomi, Kecekapan Kerajaan, Kecekapan Perniagaan dan Infrastruktur.

Prestasi Ekonomi menunjukkan penilaian makroekonomi terhadap ekonomi domestik yang merangkumi petunjuk-petunjuk berkaitan ekonomi tempatan, perdagangan antarabangsa, pelaburan antarabangsa, guna tenaga dan harga. Kecekapan Kerajaan pula mengukur tahap keberkesanan polisi kerajaan dalam

mewujudkan suasana yang kondusif terhadap daya saing dan meliputi kriteria yang berkaitan dengan Pembiayaan Awam, Dasar Fiskal, Kerangka Institusi, Perundangan berkaitan Perniagaan dan Kerangka Sosial. Kecekapan Perniagaan menunjukkan sejauh mana persekitaran sesebuah negara dapat menggalakkan enterpris beroperasi secara inovatif, memperoleh keuntungan dan menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab. Faktor ini merangkumi petunjuk-petunjuk yang berkaitan dengan Produktiviti dan Kecekapan, Pasaran Buruh, Kewangan, Amalan Pengurusan serta Nilai dan Etika. Faktor input infrastruktur pula mengukur sejauh mana sumber-sumber asas, teknologi, sains dan tenaga manusia memenuhi keperluan perniagaan. Ianya merangkumi Infrastruktur Asas, Infrastrukstur Teknologikal, Infrastruktur Saintifik, Kesihatan dan Persekitaran serta Pendidikan.

Pada 2008, *World Competitiveness Yearbook* (WCY) menyenaraikan Malaysia di kedudukan ke-19 secara keseluruhan daripada 55 ekonomi (2007: ke-23). Malaysia mengatasi United Kingdom yang berada di kedudukan ke-21 (2007: ke-20), dan Estonia di kedudukan ke-23 (2007: ke-22). Malaysia terus mengatasi Jepun yang berada di kedudukan ke-22 (2007: ke-24), Thailand ke-27 (2007: ke-33) dan Korea ke-31 (2007: ke-29). Amerika Syarikat, Singapura, Hong Kong SAR, Switzerland dan Luxembourgh berada di kedudukan lima anak tangga teratas di kalangan 55 ekonomi.

Di kalangan 55 ekonomi, Malaysia mencatat peningkatan prestasi dalam ke empat-empat faktor daya saing tersebut. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang tinggi disokong dengan asas ekonomi makro yang mapan dan peningkatan dalam keyakinan pelabur. Bagi Prestasi Ekonomi, kedudukan Malaysia meningkat di tempat kelapan (2007: ke-12) manakala bagi Kecekapan Kerajaan di kedudukan ke-19 (2007: ke-21). Bagi Kecekapan Perniagaan meningkat di kedudukan ke-14 (2007: ke-15), dan infrastruktur di kedudukan ke-25 (sebelumnya ke-26).

Bagi kategori penduduk melebihi 20 juta, kedudukan Malaysia meningkat di tempat ketujuh di kalangan 29 ekonomi (2007: ke-8). Malaysia didapati lebih berdaya saing berbanding United Kingdom, Jepun, Perancis, Thailand, India dan Republik Korea.

Bagi kategori KDNK per kapita kurang daripada AS$10,000, Malaysia mengekalkan kedudukannya di tempat kedua di kalangan 20 ekonomi bagi tiga tahun berturut-turut selepas China. Malaysia mendahului Thailand, India, Filipina, Rusia dan Turki.

Di kalangan negara rantau Asia Pasifik pula, Malaysia turut mengekalkan kedudukannya di tempat ke-7 di kalangan 13 ekonomi lain untuk dua tahun berturut-turut. Bagi kategori ini juga, Malaysia lebih berdaya saing berbanding Jepun, Thailand, India, Korea, Filipina dan Indonesia. Gambarajah di bawah menunjukkan prestasi Malaysia di dalam WCY 2008 berdasarkan beberapa kategori:

Bagi memenuhi keperluan ekonomi yang berdaya saing, IMD telah menyenaraikan beberapa cabaran yang dihadapi oleh Malaysia seperti berikut:

- Memberi keutamaan kepada pelanggan, perkhidmatan awam yang berinovasi dan proaktif;
- Mewujudkan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) yang berinovasi dan berdaya tahan bagi menjadikan mereka lebih dinamik;
- Menyandarkan perkongsian sektor awam dan swasta untuk menggerakkan ekonomi ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi;
- Mempertingkatkan inovasi dan modal insan yang kreatif ke arah ekonomi yang berasaskan pengetahuan; dan
- Meningkatkan infrastruktur saintifik dan teknologikal bagi memenuhi keperluan ekonomi yang kompetitif.

Prestasi Daya Saing Malaysia

Pelbagai Kategori	2008	2007
Kedudukan Keseluruhan Global	19	23
Rantau Asia-Pasifik	7	7
Negara dengan KDNK per kapita kurang daripada AS$10,000	2	2
Penduduk melebihi 20 juta	7	8

4 Faktor (Keseluruhan)	2008	2007
Prestasi Ekonomi	8	12
Kecekapan Kerajaan	19	21
Kecekapan Perniagaan	14	15
Infrastruktur	25	26

4 Faktor (Berdasarkan Saiz Penduduk)	2008	2007
Prestasi Ekonomi	4	6
Kecekapan Kerajaan	6	6
Kecekapan Perniagaan	5	4
Infrastruktur	10	10

Artikel Kotak: 7.2 MENANDA ARAS UNTUK DAYA SAING

Daya saing global adalah sangat penting kepada sesebuah organisasi di seluruh dunia. Organisasi-organisasi perlu menambahbaik secara berterusan proses-proses mereka, selaras dengan permintaan pelanggan yang semakin tinggi terhadap kualiti keluaran atau perkhidmatan. Sejak berdekad, banyak organisasi telah menumpu kepada usaha-usaha kualiti ke atas produk atau perkhidmatan akhir mereka berbanding proses yang digunakan dalam operasi seharian bagi penghasilan produk dan perkhidmatan tersebut. Sebahagian besar organisasi yang cemerlang di seluruh dunia telah memberi penumpuan kepada penambahbaikan berterusan ke atas proses perniagaan di dalam organisasi untuk mencapai penambahbaikan yang paling bermakna, untuk jangka masa panjang, dan keuntungan perniagaan yang berkekalan.

Sebagai satu proses penambahbaikan yang penting untuk dilaksanakan oleh semua organisasi dalam menghadapi cabaran-cabaran di pasaran global, pendekatan menanda aras dapat membantu organisasi mencapai prestasi yang unggul dan akhirnya dapat membina kelebihan dari segi persaingan. Ia adalah satu proses proaktif dan satu pendekatan untuk menambahbaik operasi ke arah mencapai prestasi yang lebih tinggi. Melalui menanda aras, organisasi-organisasi boleh menambah nilai kepada produk dan perkhidmatan mereka untuk meningkatkan daya saing berdasarkan kos, kualiti, kelajuan dan perkhidmatan, memenuhi kehendak dan jangkaan pelanggan. Dalam melaksanakan pendekatan menanda aras, syarikat-syarikat akan berteraskan penanda aras yang bersesuaian dan tepat semasa menetapkan standard prestasi mereka. Sasaran ini dapat mendorong organisasi menambahbaik semua aspek operasi termasuk kewangan, pelanggan, pembelajaran, pertumbuhan dan proses-proses dalaman.

Proses penambahbaik tidak berhenti di peringkat ini di mana organisasi perlu belajar dan berkongsi amalan-amalan terbaik daripada organisasi yang terbaik dan menyesuaikan amalan terbaik ini di dalam persekitaran tempat kerja. Budaya perkongsian ini patut digalakkan, supaya amalan-amalan terbaik dapat dipindahkan dengan cepat dan cekap supaya dapat membantu organisasi memulakan usaha-usaha penambahbaikan yang berterusan.

Oleh itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah memperkenalkan satu indeks yang dikenali sebagai *Malaysia Benchmarking Index* (MBI) untuk mempercepatkan proses mewujudkan penanda aras. Indeks ini akan membenarkan organisasi untuk menanda aras di peringkat tempatan atau antarabangsa dan membolehkan mereka mengenal pasti kelemahan serta peluang yang ada. Pendekatan ini akan membantu organisasi untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti perniagaan berpandukan wawasan dan strategi mereka, meningkatkan komunikasi dalaman dan luaran, dan mengawasi prestasi syarikat berlandaskan matlamat strategik mereka.

Dalam MBI, terdapat empat unsur atau perspektif pengurusan prestasi termasuk kewangan, pelanggan, pembelajaran dan pertumbuhan serta proses dalaman. Setiap unsur-unsur ini mengandungi petunjuk prestasi khusus (KPIs) yang mewakili bidang-bidang yang menjadi tumpuan analisis. Untuk setiap enterprise, MBI dapat membantu:

(i) Mendiagnos kekuatan dan kelemahan, dengan itu membantu meningkatkan produktiviti dan daya saing,

(ii) Menekankan peluang bagi pertumbuhan dan kelebihan daya saing

(iii) Menyediakan satu kajian semula prestasi mereka berdasarkan petunjuk prestasi

(iv) mengembangkan perniagaan dan mereka satu pelan tindakan untuk meningkatkan prestasi, dan

(v) Membina dan memahami tahap prestasi berdasarkan pencapaian perniagaan yang sebenar.

Rajah 1 :
Laporan Individu Penanda Aras MBI

Ratios		Relative	Your actual	Weakest	Weak	Median	Strong	Stronger
24	Average Order Value (RM)	18	4237.9	1422	6015	11343	21470	98208
25	Customer Growth (%)	6	2.5	0.8	6.3	10.8	19.5	40.2
26	Complaints Per Customer (#)	100	0.1	8.2	1.8	0.8	0.4	0.1
27	Complaints Per Order (%)	56	1.9	11.7	4.0	2.4	1.0	0.3
28	Delivery Schedule Deviation (%)	84	1.0	35.0	10.0	4.1	1.7	0.0
29	Percentage of Orders Rejected During Warranty Period (%)	65	0.3	6.0	2.0	0.8	0.0	0.0

Proses MBI adalah mudah, praktikal, dan menumpu kepada penyiapan dan penganalisaan soal selidik yang menyeluruh bertujuan untuk mengumpul maklumat prestasi sesuatu syarikat merentasi semua kawasan-kawasan perniagaan utama. Maklumat dan data daripada organisasi yang menyertai kajian adalah sulit. Data ini akan menjadi input untuk pangkalan data MBI di mana ia menyediakan perbandingan prestasi dalam industri yang sama, akhirnya mengenalpasti kekuatan dan kelemahan organisasi-orgainisasi terbabit. Setelah itu, organisasi tersebut akan lebih bersedia untuk membangunkan strateginya untuk masa depan.

Perubahan adalah hasil akhir penanda arasan. Menanda aras melibatkan kemahuan untuk berubah, menemui apa untuk diubah, mempelajari bagaimana untuk mengubahkannya, dan membangunkan wawasan keadaan akan datang. Untuk berubah, sesuatu organisasi mesti sanggup untuk berubah dan menyesuaikan diri, berkongsi maklumat dengan orang lain, menjadi lebih terbuka kepada idea-idea dari luar, dan memberi tumpuan kepada ‘bagaimana untuk berubah’. Organisasi harus bersiap sedia membuat sesuatu luar kaedah pengurusan perniagaan yang konservatif untuk menghadapi cabaran serta merebut peluang daripada ekonomi berasaskan ilmu. Menggunapakai kecekapan dan keberkesanan syarikat dalam menggunakan MBI dan dengan memulakan inisiatif penambahbaik berterusan akan secara keseluruhannya diterjemahkan kepada hasil positif dari segi tambah nilai, penjanaan pendapatan dan berdaya saing keseluruhannya.

BAB 8: PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA

TINJAUAN

Rundingan perdagangan dunia bagi Pusingan Rundingan Doha yang telah dilancarkan di Doha, Qatar pada November 2001, terus menjadi fokus utama untuk Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO). Tahun 2008 memperlihatkan kegigihan usaha negara-negara WTO untuk mempercepatkan rundingan bagi membolehkan Rundingan Doha dimuktamadkan segera. Beberapa siri perjumpaan dalam pelbagai format telah dianjurkan untuk mengurangkan jurang pendirian di kalangan Ahli ke atas isu-isu teras.

Rundingan yang dijalankan tertumpu untuk mencapai persetujuan ke atas modaliti di dalam barangan pertanian dan Akses Pasaran Barangan Bukan Pertanian (NAMA). Sejajar dengan liputan komprehensif pusingan berkenaan, tumpuan turut diberikan kepada isu-isu yang belum selesai di bawah Rundingan Doha, seperti perkhidmatan, fasilitasi perdagangan, perdagangan dan pembangunan serta semakan semula peraturan WTO terutama berkaitan Perjanjian Anti Lambakan, dan Perjanjian Subsidi dan Langkah Timbal Balas.

Walaupun Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri yang diadakan pada Julai 2008 berakhir dengan kebuntuan kerana perbezaan pendirian tentang barangan pertanian, banyak kemajuan telah dicapai dalam mengurangkan perbezaan tentang isu-isu penting barangan pertanian dan NAMA. Rundingan teknikal ke mengenai isu-isu barangan pertanian dan NAMA telah menghasilkan pindaan teks draf modaliti yang dikeluarkan oleh Pengerusi kedua-dua Kumpulan Rundingan ini. Kedua-dua teks draf ini dijangka menjadi asas kepada rundingan selanjutnya pada 2009 untuk memudahkan persetujuan dicapai bagi modaliti barangan pertanian dan NAMA.

'*Services Signalling Conference*' pada Julai 2008 merupakan forum bagi Menteri-menteri mengukur perkembangan mengenai rundingan akses pasaran dalam sektor perkhidmatan dan saling bertukar indikasi mengenai komitmen baru yang lebih baik bagi Rundingan Doha. Walaupun indikasi ini penting di dalam mengukur tahap perkembangan, ia tidak semestinya menunjukkan hasil muktamad rundingan, tetapi bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada Ahli mengenai potensi pakej komitmen rundingan sektor perkhidmatan.

PERTANIAN

Pada 2008, penekanan telah diberikan untuk memuktamadkan modaliti barangan pertanian. Walaupun usaha tersebut telah menghasilkan beberapa semakan kepada draf modaliti barangan pertanian pada 8 Februari, 19 Mei, 10 Julai dan 6 Disember 2008, modaliti tidak dapat dimuktamadkan kerana tiada kata sepakat berjaya dicapai bagi isu-isu utama yang kritikal yang belum selesai. Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri pada Julai 2008 juga gagal mencapai persetujuan dalam modaliti barangan pertanian.

Rundingan barangan pertanian terus memberi fokus kepada mengurangkan perbezaan pendirian di kalangan Ahli berhubung isu-isu utama iaitu:

- memperbaiki akses pasaran bagi barangan pertanian melalui pengurangan atau penghapusan tarif;

- mengurangkan subsidi (sokongan domestik) yang diberikan kepada sektor

pertanian, terutama oleh ahli negara maju untuk memastikan produk tanpa subsidi dapat bersaing secara adil; dan

- menghapuskan subsidi eksport dan memperbaiki disiplin yang berkaitan dengan sokongan pembiayaan eksport.

Akses Pasaran

Dalam akses pasaran, rundingan pertanian tertumpu kepada kuantum pengurangan tarif untuk barangan pertanian dan fleksibiliti terhad yang diperlukan untuk melindungi kepentingan Ahli.

Pengurangan Tarif

Berhubung formula untuk mengurangkan keseluruhan tarif barangan pertanian, terdapat persetujuan di kalangan Ahli pada 2005 supaya pengurangan tarif perlu diambil berdasarkan kepada pendekatan empat peringkat, di mana tarif yang lebih tinggi perlu mengambil pengurangan yang lebih besar. Negara membangun perlu mengambil pengurangan satu per tiga kurang daripada negara maju. Malaysia menyokong pengurangan yang lebih besar bagi tarif barangan pertanian. Rundingan telah dijalankan berdasarkan peringkat-peringkat yang dicadangkan seperti berikut:

Negara Maju		Negara Membangun	
Tarif Terikat (%)	Penurunan (%)	Tarif Terikat (%)	Penurunan (%)
0 - 20	50	0 - 30	33.3
>20 - 50	57	>30 - 80	38
>50 - 75	64	>80 - 130	42.6
> 75	70	> 130	46.6

Fleksibiliti

Fleksibiliti diberikan kepada dua kumpulan produk, iaitu produk sensitif dan produk istimewa, di mana produk-produk ini akan dikenakan pengurangan tarif yang lebih rendah daripada yang diperlukan di bawah formula keseluruhan pengurangan tarif.

Produk Sensitif

Ahli-ahli boleh menetapkan produk yang terpilih sebagai produk sensitif. Walau bagaimanapun, tambahan akses pasaran perlu ditawarkan untuk produk tersebut menerusi penambahan kuota sebagai ganti untuk mengambil pemotongan yang rendah. Ahli-ahli bersetuju bahawa formula untuk menetapkan produk sensitif adalah seperti berikut:

- negara maju akan dibenarkan untuk menetapkan sehingga 4 peratus dari jumlah keseluruhan baris tarif produk pertanian, dan tambahan 2 peratus baris tarif dibenarkan jika lebih daripada 30 peratus baris tarif berada di peringkat teratas (pengurangan lebih tinggi) formula pengurangan tarif, tetapi diperlukan untuk menambah kuota; dan

- negara membangun akan dibenarkan untuk menetapkan satu per tiga lebih baris tarif berbanding negara maju.

Produk di mana duti muktamad melebihi 100 peratus untuk negara maju dan 150 peratus bagi negara membangun, perlu diberi gantian melalui tambahan pengembangan kuota masing-masing.

Walaupun terdapat potensi ke arah persefahaman bagi formula pemilihan produk sensitif, perbincangan lanjut diperlukan mengenai:

- permohonan daripada sebilangan Ahli supaya beberapa produk tambahan ditetapkan sebagai produk sensitif dan kuantum pertambahan kuota yang perlu diberikan sebagai ganti;

- layanan yang diberikan kepada produk bukan sensitif yang melebihi tahap

tarif 100 peratus dan pampasan bagi fleksibiliti yang diberikan; dan

- pewujudan produk kadar kuota tarif (TRQ) baru, bagi produk yang tidak disenaraikan sebagai produk TRQ pada masa kini.

Produk Istimewa

Negara membangun juga dibenarkan untuk menetapkan produk-produk sebagai Produk Istimewa (SP) bagi tujuan keselamatan makanan, jaminan pendapatan dan pembangunan luar bandar. Produk-produk ini akan dikenakan pengurangan tarif yang lebih rendah daripada yang ditetapkan di bawah formula pengurangan tarif keseluruhan.

Negara ahli telah mencapai kesepakatan dalam SP di mana 12 peratus daripada jumlah keseluruhan baris tarif boleh ditetapkan sebagai produk istimewa, dengan kadar purata pemotongan sebanyak 11 peratus. Daripada 12 peratus baris tarif, 5 peratus dibenarkan pengurangan sifar.

Pelindung

Satu Mekanisme Pelindung Khas (SSM) telah dipersetujui untuk membenarkan negara membangun mengambil langkah pelindung untuk memberi perlindungan sementara kepada pengeluar domestik daripada peningkatan import yang mendadak dan kejatuhan harga. Ahli-ahli masih terus membincangkan tentang elemen-elemen SSM, termasuk tempoh, titik mula (*trigger point*), kekerapan penggunaan dan sama ada remedi dalam bentuk duti tambahan yang dikenakan boleh melebihi had tarif Pusingan Uruguay.

Sokongan Domestik (Subsidi)

Persidangan Menteri-menteri di Hong Kong pada 2005 telah bersetuju dengan formula tiga peringkat untuk

Peringkat	Jumlah Keseluruhan Subsidi (AS$ bilion)	Pengurangan (%)	Negara
1	> 60	80	EC
2	10 – 60	70	AS/ Jepun
3	< 10	55	Lain-lain

mengurangkan subsidi. Pada 2008, Suruhanjaya Eropah (EC), Jepun dan Amerika Syarikat (AS) yang merupakan pemberi utama subsidi pertanian telah hampir mencapai kata sepakat tentang formula pengurangan seperti berikut: Dengan kadar pemotongan 70 peratus, AS akan mengurangkan keseluruhan sokongan domestik yang menjejaskan perdagangan (OTDS) daripada AS$48.2 bilion kepada US$14.5 bilion, sementara EC dengan kadar pengurangan 80 peratus akan mengurangkan OTDS daripada AS$147.1 bilion kepada AS$29.4 bilion.

AKSES PASARAN BARANGAN BUKAN PERTANIAN

Rundingan akses pasaran barangan bukan pertanian (NAMA) meliputi akses pasaran semua produk yang tidak tertakluk di bawah rundingan pertanian. Ini termasuk produk pembuatan, bahan api dan produk perlombongan, ikan dan produk perikanan, dan produk perhutanan.

Rundingan bertujuan untuk mengurang atau menghapuskan tarif dan halangan bukan tarif untuk barangan bukan pertanian, khususnya produk berkepentingan eksport bagi negara membangun. Liputan produk-produk ini akan dibuat secara menyeluruh, tanpa pengecualian sebelum ini.
Pada 2008, usaha untuk meneruskan rundingan NAMA tertumpu kepada

menerangkan isu-isu teknikal dan mengurangkan perbezaan pendirian di kalangan Ahli dalam bidang-bidang utama, iaitu:

- koefisien bagi formula pengurangan tarif;
- fleksibiliti dalam pengurangan tarif untuk negara membangun; dan
- inisiatif liberalisasi sektor.

Koefisien Bagi Formula Pengurangan Tarif

Formula pengurangan tarif yang sedang dirundingkan akan menyebabkan pengurangan tarif yang lebih curam bagi baris bertarif lebih tinggi. Pada 2008, persetujuan hampir dicapai di kalangan Ahli mengenai tahap pengurangan tarif yang perlu dibuat oleh negara maju dan negara membangun. Draf modaliti NAMA terkini bertarikh 6 Disember 2008, menggambarkan persetujuan ini di mana koefisien 8 dicadangkan untuk negara maju dan negara membangun diberi fleksibiliti untuk memilih sama ada koefisien 20, 22 atau 25.

Malaysia mahukan penambahbaikan yang bermakna dalam akses pasaran eksport barangan pembuatan melalui pengurangan tarif oleh Ahli-ahli yang lain. Malaysia menyokong koefisien yang dicadangkan untuk negara maju dan negara membangun.

Fleksibiliti Pengurangan Tarif Untuk Negara Membangun

Semasa Mesyuarat Menteri-menteri di Hong Kong pada Disember 2005, Menteri-menteri telah bersetuju ke atas dua pilihan:

- membenarkan 10 peratus jumlah baris tarif barangan bukan pertanian untuk dikenakan separuh daripada keseluruhan kadar pengurangan (pengurangan tarif); atau
- mengecualikan 5 peratus baris tarif daripada apa-apa komitmen pengurangan tarif.

Sepanjang 2008, kemajuan meningkat bagi tahap fleksibiliti yang akan diberikan kepada negara membangun di dalam melaksanakan pengurangan tarif. Pindaan terkini draf modaliti NAMA bertarikh 6 Disember 2008 mencadangkan agar negara membangun diberi kelonggaran untuk memilih dari pelbagai koefisien dan fleksibiliti. Sebagai contoh, negara membangun yang memilih koefisien 20, akan dibenarkan untuk melaksanakan separuh daripada formula pengurangan ke atas 14 peratus baris tarif, terhad kepada 16 peratus daripada nilai import.

Inisiatif Liberalisasi Sektoral

Inisiatif liberalisasi sektoral bertujuan untuk mengurang atau, yang mana bersesuaian, menghapuskan tarif dalam sektor tertentu. Pengurangan ini adalah tambahan daripada apa yang akan dicapai melalui modaliti formula pengurangan tarif. Penyertaan dalam inisiatif sektor ini adalah bukan mandatori dan merupakan modaliti tambahan dalam rundingan NAMA.

Pada masa ini, inisiatif sektoral diteruskan dalam 14 sektor iaitu sektor automotif dan alat ganti, basikal dan alat ganti, kimia, elektrik dan elektronik, ikan dan produk perikanan, produk perhutanan, batu-batuan dan barang kemas, bahan mentah, kelengkapan sukan, penjagaan kesihatan, farmasi dan peralatan perubatan, alatan pertukangan, permainan, tekstil, pakaian dan kasut serta peralatan industri.

Pencadang inisiatif ini amat mengambil berat agar negara membangun utama seperti Brazil, Republik Rakyat China dan India terlibat di dalam sektor-sektor di mana negara penyokong mempunyai kepentingan perdagangan yang kuat. Namun demikian, Brazil, Republik Rakyat

China dan India menekankan penglibatan dalam inisiatif sektor bukan mandatori dan adalah tambahan kepada modaliti utama yang tiada kaitan dengan tahap pengurangan tarif yang bakal dibuat oleh Ahli terutamanya negara membangun.

PERKHIDMATAN

Rundingan bagi sektor perkhidmatan tertumpu kepada:

- liberalisasi akses pasaran pada tahap yang lebih tinggi;
- pembangunan disiplin mengenai peraturan domestik; dan
- penggubalan peraturan dalam bidang ESM, perolehan kerajaan dansubsidi.

Akses Pasaran

Pada 2008, rundingan akses pasaran untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan telah diteruskan melalui dua kaedah. Kaedah pertama melibatkan tiga sesi rundingan dua hala pada Mac, Mei dan Julai. Kaedah kedua merupakan '*Services Signalling Conference*' yang telah diadakan pada 26 Julai 2008.

Objektif mesyuarat dua hala ini adalah untuk Ahli-ahli berbincang secara terperinci dan substantif tentang penambahbaikan dalam komitmen akses pasaran. Malaysia telah turut serta di dalam 23 mesyuarat dua hala yang melibatkan negara-negara seperti AS, Kesatuan Eropah (EC), Australia, Kanada, Jepun, Republik Korea (ROK), New Zealand dan Switzerland.

'*The Ministerial Services Signalling Conference*' telah diadakan pada 26 Julai 2008 untuk menilai perkembangan permintaan-tawaran modaliti di dalam rundingan sektor perkhidmatan. Persidangan tersebut diadakan di kalangan 31 ahli terpilih termasuk Malaysia. Semasa persidangan, Ahli berjanji untuk membuat tawaran baru dan memperbaiki komitmen sedia ada termasuk perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan alam sekitar, perkhidmatan kewangan, perkhidmatan maritim, perkhidmatan pendidikan swasta, dan pergerakan *natural person*.
Kaedah sejajar kedua rundingan sektor perkhidmatan melibatkan rundingan ke atas draf cadangan oleh '*demandeur*' utama untuk menetapkan garis panduan bagi hala tuju rundingan sektor perkhidmatan dan tempoh masa yang baru untuk penyerahan semakan kedua tawaran sektor perkhidmatan. Tiada persetujuan dicapai untuk isu-isu tersebut.

Peraturan Domestik

Rundingan ke atas peraturan domestik adalah berasaskan kepada teks draf 23 Januari 2008. Disiplin akan diperkenalkan di dalam bidang tersebut untuk memudahkan perdagangan perkhidmatan, dengan memastikan tindakan berkaitan keperluan dan prosedur pelesenan, keperluan dan prosedur kelayakan, dan standard teknikal boleh menambah baik ketelusan dan tidak menjadi penghalang tidak nyata kepada perdagangan. Walaupun perbezaan berterusan di dalam beberapa bidang, Ahli-ahli menyokong cadangan Pengerusi untuk menyelaras dan memuktamadkan teks draf.

Peraturan

Rundingan ke atas Peraturan merangkumi ESM, perolehan kerajaan, dan subsidi. Pada 2008, sedikit perkembangan dicapai di dalam bidang peraturan.

ESM membenarkan Ahli-ahli menarik balik atau mengubahsuai secara sementara komitmen spesifik di dalam Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) bagi memberi perlindungan sementara kepada industri domestik daripada sebarang kemudaratan serius

atau ancaman. Walaupun ESM dalam perkhidmatan pada mulanya disasarkan untuk pelaksanaan pada 1998, kemajuan rundingan ESM adalah perlahan.

Malaysia dan negara-negara ASEAN lain berpendapat bahawa ESM adalah penting untuk memastikan terdapat peruntukan yang mencukupi bagi mengurangkan impak liberalisasi dalam sektor perkhidmatan.

Rundingan mengenai subsidi tertumpu kepada pertukaran informasi dan membangunkan definisi subsidi yang sesuai bagi perdagangan perkhidmatan, di mana pada masa ini GATS tidak mengenakan sebarang disiplin ke atas perolehan kerajaan bagi perkhidmatan. Perbincangan mengenai perolehan kerajaan dan subsidi kurang mencapai perkembangan.

FASILITASI PERDAGANGAN

Kumpulan Rundingan Fasilitasi Perdagangan memberikan tumpuan kepada pembentukan perjanjian baru mengenai Fasilitasi Perdagangan yang bertujuan untuk memastikan peningkatan ketelusan, kecekapan dan keseragaman prosedur bagi pergerakan barangan merentasi sempadan.

Pada 2008, Ahli-ahli meneruskan perundingan dan perbincangan teknikal secara intensif untuk menjelaskan isu-isu mengenai pelbagai cadangan teks draf yang dikemukakan oleh Ahli-ahli, berkaitan:

- kebebasan transit barangan (Artikel V Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT 1994);
- penerbitan dan pentadbiran peraturan perdagangan (Artikel VIII);
- yuran dan tatacara berkaitan import dan eksport (Artikel X); dan
- layanan istimewa dan berbeza (S&D) serta bantuan teknikal dan bina upaya di dalam pelaksanaan tindakan-tindakan yang telah dicadangkan.

Kebebasan Transit Barangan

Rundingan ke atas Artikel V memperuntukkan layanan tanpa diskriminasi diberikan ke atas kaedah pengangkutan barangan transit serta laluan yang dipilih untuk pengangkutan barangan. Negara-negara tanpa sempadan lautan (*land-locked*) seperti Switzerland, Mongolia dan Georgia terus mendesak untuk membentuk peraturan yang telus dan rasional, termasuk caj-caj, untuk memastikan mereka terus kompetitif di dalam perdagangan antarabangsa. Ahli-ahli berbeza pendapat mengenai persoalan memasukkan elemen infrastruktur tetap, seperti saliran paip dan grid elektrik di dalam definisi trafik dalam transit.

Yuran dan Tatacara Berkaitan Import dan Eksport

Rundingan ke atas Artikel VIII mengenai pemudahan yuran dan tatacara untuk mempercepatkan pergerakan, pemeriksaan dan pelepasan barang-barang telah menunjukkan perkembangan yang baik.

Secara umum, Ahli-ahli telah menunjukkan fleksibiliti dalam menerima teks draf bagi obligasi, antara lain mengenai pedagang berdaftar, koordinasi di kalangan agensi di sempadan dan kajian semula secara berkala ke atas caj-caj yang dikenakan. Tindakan-tindakan ini akan memudah dan meningkatkan pergerakan barangan sekaligus mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Penerbitan dan Pentadbiran Peraturan Perdagangan

Rundingan ke atas Artikel X memperuntukkan keperluan untuk

mempertingkatkan ketelusan aktiviti import, eksport dan transit barangan, termasuk prosedur rayuan di dalam urusniaga perdagangan antarabangsa. Objektif utama adalah untuk meningkatkan ketelusan termasuk notifikasi yuran dan tatacara dan konsultasi awal bagi peraturan dan prosedur baru, draf rang undang-undang, serta undang-undang dan tatacara baru yang dicadangkan untuk pedagang membiasakan diri sebelum penguatkuasaan.

Layanan Istimewa dan Berbeza (S&D) serta Bantuan Teknikal dan Bina Upaya (TACB)

Pada 2008, perubahan besar berlaku di dalam rundingan di mana majoriti negara kurang membangun (LDC) membentuk pakatan dengan negara membangun terutama mereka yang di dalam Kumpulan-33 (Group-33) di mana Malaysia adalah ahli. Ahli-ahli telah berusaha ke arah merapatkan perbezaan pendirian dalam mengkelaskan pelaksanaan tindakan yang dicadangkan, cara menjalankan pemberian bantuan teknikal dan bina upaya serta layanan S&D. Ahli-ahli mempunyai pelbagai pendapat tentang pelaksanaan kesemua tindakan yang dicadangkan. Negara membangun dan LDC menekankan keperluan supaya tindakan yang sukar dibuat atas dasar '*best endeavour*', dengan mengambil kira kapasiti mereka untuk melaksanakan tindakan-tindakan tersebut.

Walaupun terdapat perbincangan yang substantif ke atas cadangan-cadangan tersebut pada 2008, tiada draf keseluruhan terhasil dari rundingan tersebut. Malaysia menyokong sepenuhnya cadangan perjanjian baru mengenai fasilitasi perdagangan memandangkan ia akan memberikan manfaat kepada semua Ahli dalam meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan kebolehjangkaan peraturan berkenaan import dan eksport.

LAYANAN ISTIMEWA DAN BERBEZA (S&D)

Deklarasi Doha menyatakan bahawa layanan S&D merupakan bahagian penting dalam kesemua elemen yang dirundingkan bagi membolehkan negara membangun mendapat faedah yang efektif daripada hasil rundingan dan memenuhi keperluan pembangunannya, termasuk keselamatan makanan dan pembangunan luar bandar. Jawatankuasa Perdagangan dan Pembangunan telah pun ditugaskan untuk mentadbir pelaksanaan pelbagai peruntukan S&D di dalam Perjanjian WTO.

Sesi Khas Jawatankuasa Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (CSSTD)

Perbincangan tertumpu kepada usaha untuk merapatkan jurang perbezaan pendirian di kalangan Ahli berhubung cadangan-cadangan spesifik kepada perjanjian WTO, mekanisme pemantauan serta peruntukan-peruntukan S&D dalam sesebuah Perjanjian WTO.

Berhubung cadangan spesifik kepada setiap perjanjian, perbincangan pada 2008 tertumpu kepada layanan S&D di bawah:

- Perjanjian Tindakan Sanitari dan Fitosanitari (SPS) khususnya Artikel 10.2 untuk membolehkan negara membangun mengambil tempoh pelaksanaan yang lebih lama dan Artikel 10.3 berhubung permintaan negara membangun untuk layanan S&D berdasarkan keperluan kewangan, perdagangan dan pembangunan; dan
- Perjanjian Pelesenan Import khususnya

Artikel 3.5 berkaitan statistik import bagi produk yang tertakluk kepada pelesenan import.

Perbincangan ke atas enam cadangan yang sebahagian besarnya terbatas kepada elemen tertentu di dalam pelbagai cadangan tidak mencapai kata putus. Ahli-ahli terus membincangkan elemen mekanisme pemantauan peruntukan S&D. Malaysia menyokong usaha untuk mempertingkatkan keberkesanan peruntukan S&D di dalam sesebuah Perjanjian WTO yang spesifik.

ASPEK-ASPEK PERDAGANGAN BERKAITAN HARTA INTELEK (TRIPs)

Pada 2008, perbincangan terus tertumpu kepada mendapatkan penjelasan mengenai cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli bagi isu utama iaitu:

- penubuhan pendaftar penanda geografi (GIs) pelbagai hala bagi wain dan spirit;
- meluaskan liputan GIs bagi produk selain wain dan spirit; dan
- pindaan Perjanjian TRIPs dengan memasukkan peruntukan dalam Konvensyen Mengenai Kepelbagaian Biologi (CBD) sebagai pra-syarat untuk permohonan paten.

Penanda Geografi

Pada 2008, perkembangan rundingan mengenai isu GIs ini lembab disebabkan Ahli-ahli masih tidak bersependapat tentang sistem pendaftaran untuk menetapkan GIs bagi wain dan spirit, serta kemungkinan ianya dikembangkan kepada produk lain, memandangkan sesetengah Ahli tidak mahu sistem yang mandatori dan membebankan.

TRIPs dan CBD

Perkembangan rundingan terus terhad dalam isu pindaan ke atas Perjanjian TRIPs pada 2008, di mana pemohon paten perlu menyatakan sumber dan negara asal sumber berkenaan, sama ada genetik atau biologi, dan pengetahuan tradisional yang digunakan dalam ciptaan mereka, termasuk elemen perkongsian manfaat yang selaras dengan peruntukan CBD. Pencadang seperti India, Brazil, dan negara '*mega-diverse*' terus menerajui perbincangan dalam isu ini.

PERDAGANGAN DAN ALAM SEKITAR

Perkembangan rundingan dalam bidang perdagangan dan alam sekitar masih terhad, dengan tumpuan terus diberikan ke atas isu-isu berkaitan akses pasaran bagi tujuan sektor barangan dan perkhidmatan alam sekitar, iaitu:

- mengenalpasti senarai barangan alam sekitar yang berkepentingan kepada Ahli-ahli bagi tujuan pengurangan atau penghapusan tarif; dan
- meneroka pilihan lain seperti layanan S&D; perpindahan teknologi dan bina upaya untuk meningkatkan akses pasaran barangan dan perkhidmatan alam sekitar.

Malaysia lebih cenderung menggunakan pendekatan yang seimbang bagi perundingan berkenaan isu-isu alam sekitar, pada masa yang sama mengekalkan hak negara membangun untuk menggunapakai tindakan yang mementingkan alam sekitar.

PERATURAN-PERATURAN

Kumpulan Rundingan Peraturan bertujuan untuk menjelaskan dan menambahbaik

disiplin untuk anti-lambakan dan subsidi termasuk subsidi perikanan, yang akan melibatkan pindaan ke atas Perjanjian Subsidi dan Langkah Timbal Balas.

Rundingan pada 2008 tertumpu pada beberapa isu yang kritikal dan sensitif. Bagi anti-lambakan, isu utama termasuk pensifaran (*zeroing*), sebab kemudaratan, kajian semula pentadbiran, *anti-circumvention* dan *lesser duty rule*.

Bagi subsidi, isu utama yang dibincangkan termasuk definisi subsidi untuk menjelaskan terma 'faedah', faktor untuk menentukan faedah spesifik, skop bagi subsidi terlarang dan pengiraan elemen faedah. Di samping itu, cadangan untuk mewujudkan disiplin bagi subsidi perikanan termasuk larangan untuk jenis subsidi perikanan yang spesifik, peruntukan untuk layanan S&D bagi negara membangun dan peraturan baru untuk sistem pengurusan perikanan.

Walaupun terdapat perkembangan dalam aspek menjelaskan elemen-elemen dan definisi-definisi tertentu, tiada pindaan teks sebenar dibuat ke atas peruntukan di dalam perjanjian sedia ada. Tambahan pula, dalam keadaan ekonomi semasa, kebanyakan Ahli membangkitkan kebimbangan terhadap peningkatan kes remedi perdagangan sebagai petunjuk kepada kecenderungan mengambil langkah perlindungan yang menyukarkan lagi usaha untuk mencapai perkembangan dalam proses rundingan.

KEMASUKAN KE PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA

Pada 2008, Ukraine dan Cape Verde menjadi ahli baru WTO, menambah jumlah Keanggotaan WTO kepada 153. Negara-negara yang menjalani proses untuk menjadi ahli WTO termasuk Afghanistan, Azerbaijan, Bhutan, Bosnia Herzegovina, Lao PDR, Sudan dan Yemen.

Semakan Semula Dasar Perdagangan

Mekanisma semakan semula dasar perdagangan (TPR) di WTO melibatkan penilaian berkala ke atas dasar dan amalan perdagangan Ahli-ahli serta kesannya terhadap fungsi sistem perdagangan pelbagai hala. Bagi negara membangun TPR dilaksanakan setiap dua tahun, negara membangun pula di antara empat ke enam tahun dan bagi negara kurang membangun dalam tempoh masa yang lebih panjang. Antara tahun 1995 hingga 2008, sejumlah 254 semakan semula telah dilaksanakan, melibatkan 135 Ahli.

Dalam 2008, semakan semula dasar perdagangan telah dilaksanakan untuk 16 buah negara iaitu Switzerland dan Liechtenstein, Republik Dominican, Jordan, Norway, Republik Korea, Barbados, Singapura, Oman, AS, Republik Rakyat China, Mauritius, Madagascar, Brunei Darussalam, Mexico, Ghana dan Pakistan.

Kali terakhir Malaysia menjalani proses semakan semula dasar perdagangan ialah pada 2006 dan penilaian seterusnya akan diadakan pada Januari 2010. Malaysia sedang bekerjasama rapat dengan Sekretariat WTO dalam memberikan maklum balas kepada soalan-soalan yang dikemukakan oleh Sekretariat sebagai sebahagian daripada proses TPR tersebut.

Bantuan Teknikal

Pada 2008, Malaysia telah menganjurkan dua program bantuan teknikal dengan kerjasama Sekretariat WTO:

- Seminar Peringkat Kebangsaan Mengenai Peraturan (anti-lambakan, pelindung dan subsidi) dari 28 Julai

hingga 1 Ogos 2008; dan

- Seminar Peringkat Kebangsaan Mengenai Penjanjian-perjanjian WTO dari 3 hingga 7 November 2008.

Selain itu, empat program bina upaya telah dianjurkan dengan kerjasama Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), *World Trade Institute* dan Sekretariat ASEAN. Program-program ini meliputi pelaburan langsung asing dan trend di dalam penggubalan peraturan pelaburan, perdagangan perkhidmatan dan peraturan domestik, dasar perdagangan dan rundingan ke atas barangan dan perkhidmatan alam sekitar, serta hak harta intelek.

Objektif utama program-program bina upaya ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan teknikal pegawai-pegawai kerajaan, sektor swasta dan ahli-ahli akademik mengenai subjek dan isu WTO, rundingan yang sedang berjalan di WTO, ASEAN serta Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala dan serantau. Pengetahuan yang diperolehi akan membantu '*stakeholders*' membentuk dasar-dasar dan polisi rundingan rasmi yang bersesuaian di dalam perdagangan antarabangsa dan rundingan perdagangan terutama di forum-forum pelbagai hala.

Malaysia juga telah mengambil bahagian di dalam sembilan program bantuan teknikal yang dikendalikan oleh WTO anjuran Ahli-ahli. Program-program tersebut meliputi dasar dan rundingan perdagangan, liberalisasi perkhidmatan, rundingan ke atas akses pasaran bukan pertanian, pembangunan perdagangan, hak harta intelek dan kesihatan awam, perjanjian WTO mengenai perolehan kerajaan, akses pasaran untuk barangan, prosedur pelesenan import serta rundingan untuk remedi perdagangan.

PROSPEK

Laporan Pertubuhan Perdagangan Dunia 2008 meramalkan pertumbuhan ekonomi dunia merosot dengan teruk pada 2009 disebabkan krisis global. Negara berorientasikan eksport termasuk Malaysia, berkemungkinan besar mengalami kesan tersebut. Memuktamadkan Rundingan Doha kekal sebagai keutamaan di kalangan Ahli, kerana ia dilihat sebagai salah satu penyelesaian untuk merangsang semula perdagangan dan mengatasi kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi global.

Terdapat komitmen di antara Ahli WTO untuk melihat rundingan Pusingan ini berjaya dimuktamadkan kerana ini akan memberi isyarat politik kepada dunia bahawa dalam masa susah sebegini, kerajaan negara Ahli boleh bekerjasama untuk mencari penyelesaian untuk menghindar dari memburukkan lagi krisis ekonomi global. Muktamadnya Pusingan Doha disandarkan kepada kepimpinan dan kehendak politik negara maju dan negara membangun untuk membawa proses rundingan ke hadapan dengan memelihara dan memanfaatkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini.

Ketua Pengarah WTO telah mengingatkan Ahli-ahli tentang keperluan untuk terus komited bagi memuktamadkan Pusingan Doha pada 2010, di mana liberalisasi perdagangan boleh menjadi salah satu penyelesaian untuk mengatasi kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi global. Kejayaan memuktamadkan rundingan akan juga memberikan rangsangan yang diperlukan untuk pertumbuhan global serta mengembalikan keyakinan peniaga. Dalam hal ini, Mesyuarat Peringkat Menteri dijangka akan diadakan pada November 2009 untuk menyambung semula rundingan ke arah memuktamadkan Pusingan Doha.

Artikel Kotak 8.1: PEMAHAMAN PENYELESAIAN PERTIKAIAN (DSU)

Pada 2008, kes-kes berkepentingan utama adalah:

I. Polisi Berkaitan Import Komponen Automobil oleh Republik Rakyat China

Satu kes telah dibangkitkan oleh EC, AS dan Kanada (pengadu) terhadap Republik Rakyat China.

Pengadu telah membuat tuduhan bahawa Republik Rakyat China telah mengenakan duti sebanyak 25 peratus ke atas komponen auto yang telah diimport dan digunakan di dalam pengeluaran kenderaan lengkap oleh pembuat automobil. Duti telah dikenakan ke atas komponen auto setelah komponen tersebut digunakan di dalam pemasangan kenderaan lengkap. Buat masa ini, duti yang dikenakan oleh Republik Rakyat China ke atas komponen auto adalah 10 peratus.

Panel dan Badan Rayuan (*Appellate Body*) WTO mendapati dan membuat keputusan bahawa Republik Rakyat China telah melanggar obligasi Layanan Kebangsaan (*National Treatment*) kerana mengenakan duti sebanyak 25 peratus tersebut ke atas komponen auto yang diimport, dan menolak justifikasi Republik Rakyat China bahawa langkah tersebut perlu diambil untuk memintas (*circumvent*) peruntukan tarif bagi kenderaan bermotor.

Panel dan Badan Rayuan juga bersetuju dengan keputusan Panel Penyelesaian Pertikaian bahawa komitmen kemasukan ke WTO boleh dikuatkuasakan sepenuhnya dalam penyelesaian pertikaian WTO.

Berdasarkan keputusan ini, Republik Rakyat China tidak lagi boleh mengenakan secara langsung atau tidak langsung cukai dalaman atau lain-lain caj dalaman dalam apa jua bentuk yang melebihi caj yang diguna pakai, secara langsung atau tidak langsung terhadap produk domestik yang serupa.

II. Pengenaan Duti Import oleh EU Ke atas Produk Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA)

Panel dan Badan Rayuan telah menerima permohonan daripada AS, Jepun dan Taiwan untuk menubuhkan panel bagi menimbangkan isu pengenaan duti import ke atas produk di bawah Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) oleh EU.

Di bawah ITA, peserta-peserta telah bersetuju untuk menghapuskan tarif ke atas produk di dalam jadual komitmen mereka. Pada Mei 2008, EU telah mengklasifikasi semula tiga produk ITA (pencetak pelbagai fungsi, mesin pemprosesan data automatik dan flat panel displays) dikecualikan daripada skop Perjanjian ITA dan dikenakan duti import. Tindakan mengklasifikasi semula ini diambil kerana kemajuan teknologi pengeluaran yang membolehkan fungsi-fungsi tambahan kepada produk ITA yang asal.

Ahli-ahli WTO yang boleh mengambil bahagian sebagai pihak ketiga adalah beberapa negara ASEAN (Singapura, Thailand, Viet Nam dan Filipina), Australia, Costa Rica, Turki, Brazil, Republik Rakyat China, India, Republik Korea dan Hong Kong SAR.

Pada 23 September 2008, pihak DSB telah bersetuju untuk menubuhkan satu Panel dan pada Januari 2009, AS, Jepun dan Taiwan telah meminta WTO untuk mengenalpasti komposisi Panel tersebut bagi melaksanakan prosiding penyelesaian pertikaian ini.

BAB 9: KERJASAMA EKONOMI ASEAN

TINJAUAN

Satu pencapaian penting oleh Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ialah Piagam ASEAN yang mula berkuatkuasa pada 15 Disember 2008. Selaras dengan itu, rakan-rakan dialog telah melantik duta ke ASEAN. Pelantikan duta ini menunjukkan berkembangnya kepentingan ASEAN sebagai sebuah rantau ekonomi, politik dan fungsinya dalam menangani isu-isu antarabangsa.

Pada masa yang sama, Negara-negara Anggota ASEAN juga telah melantik Wakil Tetap ke Sekretariat ASEAN. Pelantikan wakil-wakil tetap ini bertujuan menyelaras mesyuarat-mesyuarat ASEAN, menggerakkan penubuhan Komuniti Dalaman ASEAN serta hubungan luaran dengan rakan-rakan dialog, organisasi antarabangsa dan serantau secara cekap dan berkesan.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-14 yang dijadualkan pada Disember 2008 di Thailand telah ditunda dan kemudiannya diadakan dari 25 Februari hingga 1 Mac 2009 di Hua Hin, Cha-am Thailand. Hasil utama daripada Sidang Kemuncak ASEAN tersebut adalah Deklarasi Hua Hin mengenai Komuniti ASEAN, yang menekankan lagi komitmen Negara-negara Anggota ASEAN dalam mencapai visi Komuniti ASEAN menjelang tahun 2015.

Dalam bidang ekonomi, ASEAN telah memuktamadkan perjanjian perdagangan bebas (FTA) bagi barangan dengan India, serta Australia dan New Zealand pada 2008. Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif ASEAN - Jepun telah ditandatangani pada 14 April 2008 dan telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 2009 bagi Malaysia dan Jepun. ASEAN-Australia-New Zealand FTA yang telah ditandatangani pada 27 Februari 2009 di Hua Hin Thailand, dijangka dikuatkuasakan pada Julai 2009. ASEAN-India FTA yang dijadual ditandatangani pada 27 Februari 2009 telah ditunda. Protokol untuk Penyertaan Negara Thailand ke dalam Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-Korea dan Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan ASEAN-Korea juga ditandatangani di Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN pada 27 Februari 2009 yang memperakui Thailand sebagai sebahagian daripada FTA tersebut.

Bagi memperkukuhkan integrasi ekonomi ASEAN, beberapa perjanjian utama telah dimuktamadkan pada 2008 dan ditandatangani pada 2009, termasuk:

- Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ASEAN Trade in Goods Agreement - ATIGA);
- Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ASEAN Comprehensive Investment Agreement - ACIA); dan
- Protokol bagi melaksanakan Komitmen dalam Pakej ke 7 di bawah Perjanjian Rangkakerja Perkhidmatan ASEAN.

Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Indonesia mengenai penubuhan Jawatankuasa Bersama Perdagangan dan Pelaburan (JTIC) semasa Konsultasi Tahunan Malaysia-Indonesia pada 11 Januari 2008 di Putrajaya. Mesyuarat JTIC yang pertama telah diadakan dan dihoskan oleh Malaysia pada 15 Oktober 2008.

Di sebalik usaha untuk mewujudkan perpaduan ekonomi serantau, krisi ekonomi dunia yang melanda pada September 2008 telah mengakibatkan Negara-negara Anggota ASEAN untuk mengurangkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2008 dan 2009. Walau bagaimanapun,

ASEAN sebagai sebuah pertubuhan, kekal yakin untuk menghadapi krisis ekonomi serta terus melaksanakan kaedah-kaedah yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN untuk memperkukuh dan memperdalamkan lagi integrasi ekonomi serantau.

PERDAGANGAN

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

Skim Tarif Keutamaan Samarata (CEPT)

Negara-negara Anggota ASEAN terus mengeluarkan enakmen undang-undang di bawah Skim Tarif Keutamaan Samarata (CEPT) untuk mengurang serta memansuhkan duti import bagi memenuhi komitmen 2007 yang tertunggak dan juga komitmen pada 2008. Sehubungan ini, rantau ASEAN telah mencatatkan pengurangan duti import yang besar bagi memanfaatkan perdagangan intra-ASEAN. Dalam konteks yang lebih luas, duti import tidak lagi dilihat sebagai satu halangan dalam mempertingkatkan perdagangan intra-ASEAN memandangkan duti import bagi sebahagian besar perdagangan intra-ASEAN adalah kurang daripada 5 peratus. ASEAN-10 sebagai satu Kumpulan telah memansuhkan duti import ke atas 64 peratus produk, manakala sebahagian besar daripada produk yang selebihnya dikenakan duti import di antara 1 hingga 5 peratus. Purata duti import bagi perdagangan intra-ASEAN adalah sebanyak 1.9 peratus pada 2008.

ASEAN-6 telah memansuhkan duti import ke atas 85 peratus bagi produk. Purata tarif bagi perdagangan intra-ASEAN yang melibatkan enam Negara Anggota telah diturunkan kepada 0.8 peratus pada 2008 berbanding 12.8 peratus pada 1993. Kesemua negara dalam ASEAN-6 akan menjadi kawasan perdagangan bebas serantau bermula 1 Januari 2010 apabila kesemua duti import dimansuhkan sepenuhnya, kecuali bagi beberapa produk pertanian tertentu yang belum diproses.

Kemboja, Lao PDR, Myanmar, dan Viet Nam (CLMV) telah menyenaraikan 91.8 peratus daripada produk-produknya ke dalam Skim CEPT. Daripada jumlah ini, 89.1 peratus daripada produk tersebut mempunyai duti import di antara 0 hingga 5 peratus. Purata tarif bagi keempat-empat Negara Anggota ASEAN ini adalah 3.7 peratus,

Jadual 9.1:
Purata Kadar CEPT (Peratus)

Negara Anggota	2007		2008	
	Bilangan Baris	Kadar Purata	Bilangan Baris Tarif	Kadar Purata
Brunei	9,924	0.73	9,924	0.73
Indonesia	8,619	1.66	8,620	0.99
Malaysia	12,474	1.04	12,201	0.95
Filipina	11,445	2.42	8,827	0.96
Singapura	10,705	0.00	8,298	0.00
Thailand	8,301	2.29	8,301	1.03
ASEAN-6	**61,468**	**1.32**	**56,171**	**0.79**
Kemboja	10,454	8.23	10,454	7.13
Lao PDR	10,023	1.80	8,015	1.28
Myanmar	10,611	3.47	10,615	2.83
Viet Nam	10,523	4.16	8,099	2.77
CLMV	**41,611**	**4.44**	**37,183**	**3.69**
ASEAN-10	**103,079**	**2.58**	**93,354**	**1.95**

Sumber : Sekretariat ASEAN

berkurang daripada 4.4 peratus pada 2007. CLMV akan memansuhkan keseluruhan duti import pada tahun 2015 kecuali produk-produk di dalam senarai sensitif (SL), paling sensitif (HSL) dan berkecuali (EL).

CLMV akan memansuhkan duti import bagi barangan ICT bermula 1 Januari 2009 berdasarkan komitmen peringkat kedua negara berkenaan untuk memansuhkan tarif. Walau bagaimanapun, hanya Myanmar dan Viet Nam sahaja yang telah mengeluarkan Enakmen Undang-Undang untuk memansuhkan tarif ke atas barangan ICT pada peringkat kedua yang akan mula dilaksanakan bermula 1 Januari 2009. Kemboja telah mengeluarkan Enakmen Undang-Undang pada Mac 2009 manakala Lao PDR pada April 2009 tetapi akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.

Peraturan Tempasal

Bagi memudahkan pengembangan perdagangan intra-ASEAN, Negara-negara Anggora ASEAN telah menerima pakai Peraturan Produk Spesifik dengan *Change in Tariff Headings (CTH)* pada 2008, sebagai peraturan bersama dengan peraturan am di bawah CEPT untuk kriteria Nilai Kandungan Serantau pada kadar 40 peratus (RVC 40). Syarikat kini boleh menggunakan RVC 40 peratus atau Peraturan Produk Spesifik untuk menikmati pengurangan duti import keutamaan di bawah skim CEPT.

Perdagangan Intra-ASEAN

Jumlah perdagangan ASEAN mencatat peningkatan sebanyak 22 peratus kepada AS$1,636 bilion pada 2008 berbanding AS$1,341.5 bilion pada 2007. Dari segi peratusan, perdagangan intra-ASEAN menyumbang sebanyak 23.6 peratus daripada jumlah perdagangan global ASEAN.

Pada 2008, jumlah dagangan intra-ASEAN meningkat sebanyak 11 peratus kepada AS$429.2 bilion daripada AS$386.5 bilion pada 2007. Eksport intra-ASEAN meningkat 7.4 peratus kepada AS$235.5 bilion pada

Jadual 9.2:
Bilangan Baris Tarif dalam CEPT Pakej 2008

Negara Anggota	Bilangan Baris Tarif				Peratus			
	IL	GEL	SL/HSL	Total	IL	GEL	SL/HSL	Total
Brunei (AHTN 2002)[1]	9,924	778	-	10,702	92.73	7.27	-	100
Indonesia (AHTN 2007)	8,627	96	9	8,732	98.80	1.10	0.10	100
Malaysia (AHTN 2007)	12,235	96	-	12,331	99.22	0.78	-	100
Filipina(AHTN 2007)	8,827	27	19	8,873	99.48	0.30	0.21	100
Singapura (AHTN 2007)	8,298	-	-	8,298	100.00	-	-	100
Thailand (AHTN 2007)	8,301	-	-	8,301	100.00	-	-	100
ASEAN-6	**56,212**	**997**	**28**	**62,523**	**99.44**	**0.51**	**0.06**	**100**
Kemboja (AHTN 2002)[2]	10,454	181	54	10,689	97.80	1.69	0.51	100
Lao PDR (AHTN 2007)	7,878	221	199	8,298	94.94	2.66	2.4	100
Myanmar (AHTN 2002)	10,615	51	23	10,689	99.31	0.48	0.22	100
Viet Nam (AHTN 2007)	8,099	201	-	8,300	97.58	2.42	-	100
CLMV	37,046	654	276	37,976	91.78	1.62	0.68	100
ASEAN-10	**93,258**	**1,651**	**304**	**95,213**	**95.55**	**1.69**	**0.31**	**100**

Sumber : Sekretariat ASEAN

Nota:
1. *Produk GE telah diandaikan dengan kadar CEPT = MFN*
2. *Peringkat akhir untuk Senarai Pengecualian Sementara (TEL) telah dimasukkan dengan kadar andaian CEPT = MFN*

IL – Senarai Kemasukan
TEL - Senarai Pengecualian Sementara
GEL - Senarai Pengecualian Am
SL – Senarai Sensitif
HSL –Senarai Amat Sensitif

2008 berbanding AS$219.3 bilion pada 2007. Pertumbuhan eksport tertinggi intra-ASEAN sebanyak 30.5 peratus dicatatkan oleh Viet Nam, seterusnya diikuti oleh Malaysia sebanyak 21.9 peratus.

Import bagi intra-ASEAN pada 2008 adalah AS$193.8 bilion iaitu peningkatan sebanyak 9.3 peratus daripada AS$177.1 bilion pada 2007.

PEMANSUHAN HALANGAN BUKAN TARIF

Malaysia telah memansuhkan keperluan lesen import untuk lapan jenis produk seperti kren, jentolak dan *'road rollers'* berkuatkuasa 29 Ogos 2008. Pemansuhan lesen import ini adalah selaras dengan keputusan Menteri-menteri ASEAN pada 2006 yang meluluskan pelaksanaan Program Kerja bagi memansuhkan Halangan Bukan Tarif (NTB).

Thailand juga telah memansuhkan Kadar Kuota Tarif dan syarat lesen import ke atas tiga produk iaitu tekstil, karung/beg jut dan kentang.

Senarai penuh kaedah bukan tarif yang diguna pakai oleh Negara-negara Anggota ASEAN boleh diakses oleh orang awam melalui laman web Sekretariat ASEAN.

Usaha akan terus diambil untuk memansuh langkah-langkah yang menghalang perdagangan intra-ASEAN bagi mencapai objektif aliran bebas barangan di rantau ASEAN menjelang 2015.

Aliran Masuk Pelaburan ke ASEAN

Melalui perlaksanaan pelbagai inisiatif pelaburan, aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke ASEAN meningkat 14.3 peratus kepada AS$61.5 bilion pada 2007 daripada AS$52.7 bilion pada 2006. Peningkatan FDI ini menunjukkan bahawa ASEAN kekal sebagai destinasi pelaburan pilihan. Aliran masuk FDI utama adalah ke Singapura dengan 41.1 peratus daripada jumlah FDI ke rantau ASEAN, diikuti oleh Thailand (15.4 peratus), Malaysia (13.7 peratus), Indonesia (11.3 peratus) dan Viet Nam (11 peratus).

Sumber-sumber utama FDI di ASEAN pada 2007 adalah dari Jepun (AS$8.9 bilion), United Kingdom (AS$5.5 bilion), Amerika Syarikat (AS$5.1 bilion), Belanda (AS$4.8

Jadual 9.3:
Perdagangan Intra-ASEAN

Negara Anggota	Eksport				Import			
	2007	2008	Perubahan		2007	2008	Perubahan	
	(AS$juta)	(AS$ juta)	(AS$juta)	%	(AS$ juta)	(AS$ juta)	(AS$ juta)	%
Jumlah	**219,265.3**	**235,450.8**	**23,384.1**	**7.38**	**177,114.4**	**193,762.9**	**28,632.1**	**9.3**
Brunei	2,149.5	n/a	n/a	n/a	1,043.2	n/a	n/a	n/a
Kemboja	251.4	n/a	n/a	n/a	1,283.0	n/a	n/a	n/a
Indonesia	27,170.8	22,292.1	4,878.7	21.9	40,967.6	23,792.1	17,175.5	72.2
Malaysia	45,359.2	50,401	5,042	11.1	37,297.7	34,675	-2,622	-7.0
Lao PDR	310.1	n/a	n/a	n/a	532.2	n/a	n/a	n/a
Myanmar	3,427.7	3,853	426	12.4	1,413.1	1,728	315	22.3
Filipina	8,031.9	7,070	-962	-12.0	12,875.1	14,067	1,192	9.3
Singapura	95,332.5	101,477	6,145	6.4	66,020.3	69,878	3,858	5.8
Thailand	32,522.4	40,160	5,470	15.8	24,992.5	30,052	5,059	20.2
Viet Nam	7,813.3	10,197.7	2,384.4	30.5	15,916.1	19,570.8	3,654.6	22.96

Sumber : Sekretariat ASEAN dan Pejabat Perwakilan MITI di negara ASEAN

bilion) dan Republik Korea (AS$2.7 bilion), yang secara kolektif menyumbang kepada separuh daripada jumlah FDI ke ASEAN. Sektor pelaburan utama di dalam ASEAN pada 2007 adalah sektor perkhidmatan (pengantara kewangan dan perkhidmatan, perdagangan dan perniagaan, pembinaan, hartanah dan lain-lain perkhidmatan), yang menyumbang 52.9 peratus daripada jumlah kemasukan FDI, dan sektor perkilangan yang menyumbang sebanyak 28.7 peratus.

Aliran Keluar Pelaburan ASEAN

Aliran keluar pelaburan ASEAN telah meningkat sebanyak 33.7 peratus kepada AS$33.5 bilion pada 2007 daripada AS$22.2 bilion pada 2006. Aliran keluar pelaburan ASEAN adalah terutama dari Singapura dan Malaysia, yang masing-masing menyumbang sebanyak 36.8 peratus dan 32.8 peratus daripada jumlah keseluruhan aliran keluar pelaburan ASEAN.

Aliran keluar pelaburan Malaysia pada 2007 meningkat kepada AS$11 bilion daripada AS$6 bilion pada 2006. Destinasi pelaburan utama adalah Singapura, Belanda dan Hong Kong SAR. Pelaburan ke ASEAN menyumbang sebanyak 11.8 peratus daripada jumlah keseluruhan aliran keluar pelaburan intra-ASEAN.

Pelaburan Intra-ASEAN

Pelaburan intra-ASEAN mencatatkan peningkatan sebanyak 25.6 peratus kepada AS$8.2 bilion pada 2007 daripada AS$6.1 bilion pada 2006. Pelaburan ini adalah 13.3 peratus daripada jumlah aliran FDI ke dalam ASEAN. Peningkatan pelaburan intra-ASEAN menunjukkan peningkatan integrasi ekonomi ASEAN. Singapura kekal sebagai sumber utama pelaburan intra-ASEAN, dengan syer 70 peratus bernilai AS$5.7 bilion, diikuti oleh Malaysia (AS$1.3 bilion), Thailand (AS$668.1 juta) dan Indonesia (AS$217.4 juta).

Jadual 9.4:
Aliran Pelaburan Intra-ASEAN, 2007

Sumber dari Negara Anggota	Negara Tuan Rumah (AS$ juta)										
	Brunei	Kemboja	Indonesia	Lao PDR	Malaysia	Myanmar	Filipina	Singapura	Thailand	Viet Nam	Jumlah
Jumlah	**62.2**	**271.3**	**1,108.2**	**100.5**	**3,809.3**	**40.4**	**2.9**	**994.4**	**1,244.9**	**546.4**	**8,180.5**
Singapura	20.2	9.7	836.8	10.2	3,505.8	6.5	(5.4)	-	978.4	314.6	5,676.7
Malaysia	41.2	101.4	232.5	-	-	-	6.0	602.8	245.8	83.4	1,313.0
Thailand	-	61.9	37.8	86.0	277.4	33.9	1.2	41.1	-	128.8	668.1
Indonesia	0.7	-	-	-	(8.7)	-	1.1	214.7	6.7	2.8	217.4
Viet Nam	-	98.3	-	4.1	34.1	-	-	6.7	4.5	-	147.7
Filipina	0.1	-	1.1	-	0.7	-	-	76.6	6.6	-	85.1
Myanmar	-	-	-	0.2	-	-	-	65.0	1.0	-	66.2
Lao PDR	-	-	-	-	-	-	-	0.1	0.3	8.2	8.6
Kemboja	-	-	-	0.02	-	-	-	(0.7)	1.3	-	0.7
Brunei	-	-	-	-	(0.03)	-	-	(11.9)	0.3	8.5	(3.1)

Nota:
(1) Data termasuk ekuiti dan pinjaman antara syarikat, kecuali dinyatakan sebaliknya.
(2) Data bagi Kemboja adalah data anggaran.
(3) Data bagi Filipina adalah termasuk pendapatan pelaburan semula dan pinjaman antara syarikat.
(4) Menunjukkan jumlah bersih aliran keluar termasuk pemindahan ke luar pelaburan ekuiti dan pembayaran balik pinjaman antara syarikat.

Aliran keluar pelaburan intra-ASEAN bagi Malaysia pada 2007 adalah terutamanya ke Singapura, Thailand, Indonesia, Kemboja dan Viet Nam. Pada 2007, Malaysia merupakan negara penerima pelaburan intra-ASEAN terbesar iaitu sebanyak AS$3.8 bilion diikuti Thailand (AS$1.2 bilion) dan Indonesia (AS$1.1 bilion).

Kawasan Pelaburan ASEAN

Pada 2008, ASEAN telah mempergiatkan usaha ke arah memperkukuhkan integrasi ekonomi intra-ASEAN, serta integrasi ekonomi bersama Rakan-rakan Dialognya. Bagi meningkatkan lagi integrasi pelaburan intra-ASEAN agar selaras dengan tujuan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah menandatangani Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) pada 26 Februari 2009 di Hua Hin, Thailand.

ACIA (rujuk artikel di muka surat 296) yang berdasarkan kepada amalan terbaik antarabangsa akan memberi manfaat kepada pelabur-pelabur ASEAN serta pelabur-pelabur asing yang melabur di ASEAN. Ia bertujuan menjadikan ASEAN sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan langsung asing dan menyumbang kepada peningkatan pelaburan intra-ASEAN. Perjanjian ini akan dikuatkuasakan selepas kesemua anggota ASEAN meratifikasi dan memaklumkan kepada Setiausaha Agung ASEAN, yang tidak akan mengambil masa lebih daripada 180 hari selepas Perjanjian ini ditandatangani.

Selain daripada memuktamadkan ACIA, ASEAN terus melaksanakan program-program di bawah AIA pada 2008 untuk mempertingkatkan iklim pelaburan di ASEAN. ASEAN telah mengkaji semula dan memuktamadkan Senarai Pengecualian Sementara (TEL) dan Senarai Sensitif (SL) bagi sektor Perkilangan, Pertanian, Perikanan, Perhutanan, Perlombongan dan Kuari serta Perkhidmatan berkaitan kelima-lima sektor berkenaan. Senarai TEL dan SL yang telah dikemaskini (setakat Februari 2008) telah diterbitkan di laman web Sekretariat ASEAN.

ASEAN juga telah mengambil bahagian dalam aktiviti penggalakkan/fasilitasi perdagangan di bawah Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) Ke-4 pada 28 - 31 Oktober 2007 di Nanning, Republik Rakyat China. Acara ini memfokus kepada memudah dan menggalakkan pelaburan di antara Republik Rakyat China dan ASEAN.

Program bina upaya juga dikendalikan untuk membantu pegawai yang terlibat dengan pelaburan. Antara program-program yang dikendalikan termasuk '*Workshop on Capturing Services Sector FDI Statistics in* ASEAN', yang diadakan pada 28 - 29 April 2008 di Bandar Seri Begawan, Brunei dan '*Workshop on Investment Promotion Best Practices Programme for Investment Promotion Agencies (IPAs) of Cambodia, Lao PDR and Viet Nam*' dengan kerjasama ASEAN-EU.

Bagi meningkatkan ketelusan regim pelaburan di kalangan negara anggota, dan memberi maklumat berhubung peluang pelaburan di ASEAN, beberapa penerbitan telah dikeluarkan seperti '*ASEAN Investment Report 2007', 'Statistics of FDI in ASEAN 2007', 'Facts and Figures: Cost of Doing Business in ASEAN, 2008'* dan *'ASEAN Investment Map 2008'.*

PERKHIDMATAN

Sektor perkhidmatan merupakan sektor utama dan semakin berkembang dalam komponen ekonomi ASEAN, dan secara purata menyumbang 40 hingga 50 peratus kepada KDNK Negara-negara Anggota ASEAN. Bagi tempoh lima tahun lepas, perdagangan dalam perkhidmatan ASEAN telah mencatat pertumbuhan dua digit, dengan pertumbuhan purata 16.1 peratus di antara 2003 dan 2007.

Pada 26 Februari 2009, Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) telah

menandatangani Protokol Pakej Ke-7 Perjanjian Rangka Kerja bagi Bidang Perkhidmatan ASEAN (AFAS) di Hua Hin, Thailand. Protokol tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan oleh Negara-negara Anggota ASEAN bagi mencapai objektif aliran bebas perkhidmatan seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN.

Malaysia telah melaksanakan beberapa penambahbaikan dalam komitmen Pakej Ke-7 AFAS dengan menawarkan 12 sub-sektor baru untuk diliberalisasi iaitu:

i. Perkhidmatan Pembungkusan;

ii. Perkhidmatan Pengendalian Kargo Maritim;

iii. *Classification Societies* (maritim);

iv. *Protection of Ambient Air Climate*;

v. *Noise Abatement Services*;

vi. Perkhidmatan Perlindungan Lanskap dan Alam Semulajadi merangkumi pembersihan tanah tercemar dan pemulihan semula;

vii. *Public Opinion Polling Services*;

viii. Perkhidmatan Penyimpanan dan Pergudangan;

ix. Perkhidmatan Penyelenggaraan dan Pembaikan Komputer;

x. Perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan Interdisiplin;

xi. Perkhidmatan Kejururawatan Khas; dan

xii. Perkhidmatan Pergigian

Malaysia juga telah membuat penambahbaikan dalam penyertaan ekuiti sub-sektor berikut:

i. Perkhidmatan Veterinari;

ii. Perkhidmatan Perhotelan, Resort Pelancongan dan Restoran – hotel bertaraf 4 dan 5 bintang;

iii. Perkhidmatan Agensi dan Operator Pelancongan;

iv. Pusat Konvensyen;

v. Taman Tema;

vi. Perkhidmatan Pengangkutan Maritim Antarabangsa (tidak termasuk kabotaj);

vii. *Vessel Salvage and Refloating Services*;

vii. Perkhidmatan Agensi Maritim;

viii. Perkhidmatan Membaiki dan Menyelenggara Kapal; dan

ix. Pengurusan Pembetungan.

Kemajuan yang signifikan telah dicapai dalam membangunkan peraturan pengiktirafan bersama (MRA) untuk memudahkan pergerakan tenaga professional intra-ASEAN.

Jawatankuasa Penyelaras Jurutera Profesional Bertauliah ASEAN (ACPECC) telah ditubuhkan di bawah MRA Perkhidmatan Kejuruteraan (ditandatangani di Kuala Lumpur pada 9 Disember 2005). Sehingga kini, pelaksanaan MRA Perkhidmatan Kejuruteraan adalah yang paling memberansangkan, di mana MRA ini telah mengkaji dan meluluskan 107 permohonan untuk akreditasi Jurutera Profesional Bertauliah ASEAN (ACPE) yang diterima daripada Jawatankuasa Pemantau Malaysia, Singapura dan Indonesia untuk diiktiraf sebagai ACPEs.

ASEAN telah memuktamadkan tiga MRA pada 2008, iaitu, MRA untuk Pengamal Pergigian, MRA untuk Pengamal Perubatan

dan Rangka Kerja MRA untuk Perkhidmatan Perakaunan.

MRA ASEAN untuk Pengamal Perubatan dan MRA ASEAN untuk Pengamal Pergigian yang ditandatangani di Singapura pada 25 Ogos 2008, telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras Bersama Pengamal Perubatan ASEAN (AJCCMP) dan Jawatankuasa Penyelaras Bersama Pengamal Pergigian ASEAN (AJCCDP) sebagai institusi rangka kerja MRA ini.

Usaha-usaha lain yang sedang dilaksanakan untuk mempromosikan MRA termasuk pertukaran data dan maklumat mengenai kerangka undang-undang Negara-negara Anggota, standard latihan, teras kompetensi dan persamaan, program-program latihan dan kemungkinan menganjurkan persidangan kejururawatan ASEAN untuk mempromosikan kerjaya ini.

KERJASAMA SEKTORAL

Pertanian

Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN telah bersetuju bahawa ASEAN perlu mengambil pendekatan strategik dan komprehensif dalam mempromosi dan mengekalkan keselamatan makanan serantau termasuk persediaan ketika menghadapi situasi kecemasan. Selain itu, Menteri-menteri telah bersetuju akan perlunya peningkatkan pengeluaran makanan di rantau ASEAN melalui inovasi, peningkatan produktiviti dan pada masa yang sama memastikan kecekapan pasaran dan proses integrasi serantau. Sehubungan dengan itu, Menteri-menteri telah bersetuju menerima pakai:

- Rangka Kerja Komprehensif Keselamatan Makanan Bersepadu ASEAN; dan
- Pelan Tindakan Strategik Jangka Sederhana bagi Keselamatan Makanan ASEAN.

Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN pada Oktober 2008 juga telah meluluskan beberapa standard dan pelan ASEAN, iaitu:

- Garis Panduan Fitosanitari ASEAN bagi Pengimportan Beras yang dikilang;
- Had-had Sisa Maksima Seragam ASEAN bagi sembilan racun perosak;
- Standard Seragam ASEAN bagi Jambu Batu, Lansium, Limau Mandarin, Manggis dan Tembikai;
- Syarat Standard ASEAN bagi *Inactivated E. coli Vaccine for Poultry, Live Swollen Head Syndrome vaccine, Inactivated Porcine Parvovirus vaccine, Porcine Mycoplasma Hyopneumoniae vaccine,* dan *Porcine Actinobacillus Pleuropneumoniae bacterin;*
- Kriteria ASEAN bagi Penubuhan Akreditasi Pemprosesan Daging; dan
- Pelan Kerja bagi Mengukuhkan Penguatkuasaan dan Kawalan Undang-undang Perhutanan di ASEAN (2008-2015).

ASEAN terus menjalankan kerjasama serantau bagi pertanian, perikanan dan perhutanan melalui:

- mengenalpasti langkah - langkah menangani mitigasi dan penyesuaian perubahan cuaca;
- meningkatkan kerjasama di bawah ASEAN Campur Tiga bagi Projek Perintis Pengurusan Simpanan Beras Kecemasan Asia Timur; dan
- aktiviti-aktiviti baru di bawah fasa kedua Sistem Maklumat Keselamatan Makanan ASEAN (ASEAN Food Security Information System-AFSIS).

Kewangan

Pelan Hala Tuju Integrasi Kewangan dan Monetari ASEAN (RIA-Fin) memberi tumpuan kepada pembangunan

pasaran modal, liberalisasi perdagangan perkhidmatan kewangan, liberalisasi akaun modal dan kerjasama matawang.

Di bawah inisiatif pembangunan pasaran modal, Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah bersetuju untuk mewujudkan Rangka Kerja Strategik Jangka Sederhana yang menetapkan langkah-langkah tindakan secara sistematik bagi mengukuhkan rantaian pasaran, akses pasaran dan kecairan pasaran. Menteri-menteri Kewangan ASEAN juga bersetuju manfaat boleh diraih hasil kerjasama dengan pembekal maklumat bon bagi membantu meluaskan penyebaran data pasaran bon ASEAN untuk meningkatkan minat pelabur-pelabur antarabangsa. Usaha turut dipergiatkan bagi menggalakkan kerjasama di antara Bursa Saham ASEAN di samping meneroka peluang usaha sama yang lebih luas ke arah peningkatan rantaian pasaran dan kecairan di rantau ini.

Berhubung kerjasama insurans, Negara-negara Anggota ASEAN menyatakan komitmen mereka untuk berkongsi statistik insurans dan bersetuju mengemukakan data-data statistik yang perlu kepada Sekretariat ASEAN mengikut tempoh yang telah dipersetujui. Penambahbaikan telah dibuat dari segi usaha-usaha Negara-negara ASEAN untuk memberi maklumat kepada *ASEAN Unified Form of Statistics.* Di samping itu, Negara-negara Anggota secara umumnya telah meningkatkan pematuhan terhadap prinsip-prinsip teras *International Association of Insurance Supervisors* (IAIS). Negara-negara Anggota pada umumnya telah bersedia untuk melaksanakan Skim *Blue Card* tertakluk kepada ratifikasi semua Protokol di bawah Perjanjian Rangka Kerja Pemudahan Barangan dalam Transit.

Sepanjang 2008, Bank Pembangunan Asia (ADB) telah menyediakan bantuan seperti berikut:

- pemantauan ekonomi dan kewangan serantau di antara Februari-Mac 2008 dan September-Oktober 2008 (dengan kerjasama Sekretriat ASEAN) di bawah Proses Pengawasan ASEAN; dan
- bantuan teknikal serantau dan program latihan bagi penubuhan dan operasi Sistem Amaran Awal untuk Negara-negara ASEAN Campur Tiga.

Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah memperakui pembangunan infrastruktur merupakan faktor kritikal dalam mempercepatkan pertumbuhan dan integrasi serantau dan syarat-syarat pelaburan dapat dipatuhi melalui perantaraan cekap lebihan simpanan serantau serta menarik masuk modal dan kepakaran global. Selaku Pengerusi Mekanisme Pembiayaan Infrastruktur ASEAN (AIFM), Malaysia telah menganjurkan Persidangan AIFM pada 10 November 2008. Persidangan ini telah berjaya mengumpulkan penggubal-penggubal dasar utama dan juga pakar-pakar sektor swasta global dan serantau untuk menegaskan komitmen serantau dalam mencari penyelesaian berorientasi pasaran yang inovatif bagi menggalakkan pembangunan infrastruktur ke peringkat yang lebih tinggi. Persidangan ini juga merupakan satu platform bagi merapatkan hubungan sektor awam dan swasta untuk mengenal pasti isu-isu penting dan peluang-peluang pengukuhan perkongsian dalam mempercepatkan perkembangan infrastruktur serantau.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

ASEAN mempunyai program kerja ICT komprehensif yang memberi penekanan antaranya kepada pembangunan kapasiti mengenai *Next Generation Network* (NGN), isu-isu Protokol Internet versi 6 (IPv6), sistem amaran awal tsunami, program USO dan kajian mengenai infrastruktur undang-undang e-Dagang, caj perayauan mobil dan standard kemahiran ICT dan pemudahan perdagangan dan peralatan telekomunikasi. Pusat ICT ASEAN telah beroperasi semenjak 31 Mac 2007 bagi memantau pelaksanaan Program Kerja

ICT ASEAN dan pengeluaran Dana ICT ASEAN.

Kemajuan berterusan juga dikesan di bawah *ASEAN Telecommunication Regulator Council* (ARTC) dengan persetujuan pelan kerja bagi 2008 - 2009 yang akan menyelesaikan kerjasama perundangan bagi dasar persaingan, NGN, pengurusan sumber, keselamatan rangkaian dan peraturan-peraturan antarabangsa. Deklarasi Peringkat Menteri Bali yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi Ke-8 menekankan kepentingan kerjasama di antara Negara-negara ASEAN bersama Rakan-rakan Dialog untuk berganding bahu dan melaksanakan pembangunan Industri ICT ASEAN dan untuk penembusan jalur lebar. Aktiviti-aktiviti usahasama yang berjaya dengan Republik Rakyat China, Jepun, Republik Korea dan India juga diberi pengiktirafan.

Pelancongan

Di sebalik cabaran global dan situasi politik di sesetengah Negara Anggota ASEAN, jumlah ketibaan pelancong di ASEAN dianggarkan 58 juta orang pada 2008, meningkat sebanyak 7 peratus berbanding 2007. Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan ASEAN (NTOs) sedang merangka Pelan Strategik Pelancongan ASEAN 2011 - 2015 bagi menggantikan Pelan Hala Tuju bagi Integrasi Sektor Pelancongan ASEAN. Untuk menggalakkan pelancongan intra-ASEAN, tahun 2009/2010 telah diumumkan sebagai *Youth Travellers Year* dan bagi tujuan ini, program-program yang bersesuaian turut dirancang. Peraturan Pengiktirafan Bersama bagi Profesional Pelancongan telah disiapkan dan dijangka akan ditandatangani pada akhir 2009. Forum pelancongan ASEAN akan diadakan di Hanoi, Viet Nam pada Januari 2009 dengan tema *Striving for a New Height* dan dijangka akan dihadiri lebih daripada 1,000 syarikat pembeli dan penjual.

Selaras dengan sektor pelancongan sebagai salah satu sektor keutamaan ASEAN, enam kumpulan kerja telah ditubuhkan untuk menerajui pembangunan bidang-bidang yang berkepentingan. Kumpulan kerja yang ditubuhkan adalah:

i) Kumpulan Kerja Pelayaran ASEAN (Singapura);

ii) Pasukan Petugas ASEAN mengenai Standard Pelancongan (Thailand);

iii) Pasukan Petugas ASEAN mengenai Pelaburan Pelancongan (Malaysia);

iv) Pasukan Petugas ASEAN mengenai Pemasaran Pelancongan (Filipina);

v) Pasukan Petugas ASEAN mengenai Pembangunan Tenaga Kerja Pelancongan (Indonesia); dan

vi) Pasukan Komunikasi Krisis ASEAN (Singapura).

Pengangkutan

Kerjasama dalam bidang pengangkutan terus dipercepatkan dengan termeterainya tiga perjanjian berikut:

- Perjanjian Pelbagai Hala ASEAN mengenai Perkhidmatan Udara;
- Perjanjian Pelbagai Hala ASEAN mengenai Liberalisasi Penuh Perkhidmatan Pengangkutan Udara; dan
- Perjanjian Rangka kerja ASEAN mengenai Pemudahan Pengangkutan Antara-Negara.

Lembaga Penyelaras Pengangkutan Transit ASEAN di bawah Sekretariat ASEAN akan mengadakan mesyuarat pada 2009 untuk merangka secara efektif fungsi-fungsi keseluruhan perjanjian antara-sempadan ASEAN yang meliputi transit, pelbagai-modal dan pengangkutan antara-negara. Usaha-usaha masih berterusan untuk

merangka Pelan Strategik Pengangkutan ASEAN 2011 - 2015, Pelan Strategik mengenai Kerjasama Pengangkutan ASEAN-China, dan MoU ASEAN-China mengenai Mekanisme Kerjasama Maritim. Pelan Tindakan Manila yang bertujuan untuk melaksanakan projek Perkongsian Pengangkutan ASEAN-Jepun juga telah diterima untuk pelaksanaan.

Tenaga

Perjanjian Keselamatan Petroleum ASEAN (APSA) berserta Lampiran Langkah Maklumbalas Kecemasan Bersepadu *(Coordinated Emergency Response Measure)* telah ditandatangani Menteri-menteri Luar ASEAN dan Menteri-menteri Tenaga ASEAN pada 1 Mac 2009 di Hua Hin, Thailand. Perjanjian ini adalah penting untuk memudahkan langkah-langkah tindak balas yang tepat pada masanya diambil dalam menangani kekurangan petroleum dan kecemasan.

LANGKAH-LANGKAH PEMUDAHAN

Standard

Beberapa aktiviti telah dijalankan oleh *ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality (ACCSQ)* pada 2008 ke arah memperkukuhkan integrasi standard dan pematuhan dalam menyokong merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN. Antaranya adalah memuktamadkan Garis Panduan Amalan Pelaksanaan Peraturan Baik ASEAN oleh ACCSQ, yang bertujuan untuk membantu badan pengawal di ASEAN untuk menerima pakai peraturan yang berkesan dalam mempertingkatkan keseragaman dan ketelusan peraturan-peraturan teknikal.

Semua Negara Anggota ASEAN kecuali Indonesia telah melaksanakan *ASEAN Cosmetic Directive (ACD)* yang mula berkuatkuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2008. ACD memudahkan kemasukan produk-produk kosmetik Negara-negara Anggota ASEAN dengan hanya memerlukan prosedur notifikasi mudah yang mengambil masa hanya tiga hari untuk kelulusan berbanding sebulan sebelum ini. MRA Sektoral ASEAN mengenai Amalan Perkilangan Baik *(ASEAN Sectoral MRA for the Good Manufacturing Practice-GMP)* Pemeriksaan Pengeluar Produk-produk Perubatan telah dimuktamadkan dan dijangka akan ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada Ogos 2009. ACCSQ juga meneruskan usaha untuk mengintegrasikan sektor perubatan tradisional dengan sektor makanan kesihatan tambahan serta sektor farmaseutikal dengan sektor produk berasaskan kayu.

Kastam

Usaha-usaha masih berterusan untuk meminda Perjanjian Kastam ASEAN 1997 dengan mengambil kira dan menyelaras berdasarkan suasana perniagaan semasa. Kemajuan yang memuaskan telah dicapai dalam membangunkan *National Single Window (NSW)* sebagai satu langkah awal untuk pembentukan *ASEAN Single Window.*

NSW telahpun dilaksanakan di Singapura, manakala NSW Indonesia telah beroperasi sepenuhnya pada Disember 2008. Kemudahan ini dijangka akan dipanjangkan kepada semua transaksi eksport dan di semua pelabuhan dan lapangan terbang utama di negara yang berurusan dengan pelepasan kargo. Di bawah NSW, Malaysia telah melaksanakan empat perkhidmatan utama [e-Permit, e-PCO *(Preferential Certificate of Origin)*, e-Deklarasi, Pemindahan Dana Elektronik]. Lebih banyak usaha akan dijalankan bagi memudahkan perhubungan di antara agensi-agensi negara yang berkaitan. Program-program kesedaran intensif sedang dikendalikan untuk membiasakan pengguna akhir *(end users)* dengan penggunaan sistem serta pada masa yang sama untuk mendapatkan

sokongan mereka. Di Filipina, sistem NSW telah menghubungkan 21 agensi sementara tambahan 22 agensi akan dihubungkan dengan sistem ini pada masa akan datang. Fasa I NSW di Thailand telah dilaksanakan pada akhir 2008. Manakala, Fasa II pula dijangka akan dimulakan pada awal 2009. Kemboja, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam juga sedang mempergiatkan usaha untuk menubuhkan NSW.

KERJASAMA SUB-WILAYAH DALAM RANTAU ASEAN

Segi-Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand

Inisiatif di bawah kerjasama sub-wilayah Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) menumpukan kepada pembangunan infrastruktur, perdagangan dan pelaburan, pelancongan, produk dan perkhidmatan halal, pembangunan sumber manusia, pertanian, agro-industri dan alam sekitar. Pada 2008, rangkaian perhubungan darat, air dan udara yang baru akan terus dibangunkan di bawah sub-wilayah IMT-GT. Banyak bandar kini dihubungkan melalui udara dengan kemunculan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah. Koridor pembangunan kelima yang menghubungkan koridor Ekonomi Ranong-Phuket-Aceh telah ditambah kepada empat koridor terdahulu, iaitu Songkhla-Pulau Pinang-Medan, Selat Melaka, Banda Aceh-Medan-Dumai-Palembang, dan Melaka-Dumai.

Plaza IMT-GT yang baru di Phatthalung, Thailand dan Port Dickson, Malaysia sedang dibangunkan. Majlis Perniagaan Bersama juga aktif mempromosikan perdagangan maritim pesisir pantai di antara 13 pelabuhan di sub-wilayah IMT-GT. Tahun Melawat IMT-GT 2008 telah berjaya dilancarkan di Hat Yai, Thailand dari 11 hingga 20 Januari 2008. Rancangan sedang dirangka untuk mempertingkatkan pelancongan perubatan, program *homestay* dan membangunkan Pakej Pelancongan Bersama IMT-GT. Pelbagai program bina upaya telah dijalankan untuk memperkukuhkan produk dan perkhidmatan halal di rantau ini seperti *Halal Forensic Laboratory Training Course*, Industri Sains Halal Dunia dan Persidangan Perniagaan Antarabangsa.

Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina

Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Kelima telah diadakan pada 28 Februari 2009 di Hua Hin, Cha-am, Thailand, antara lain mengambil maklum kemajuan yang memuaskan telah dicapai dalam melaksanakan Pelan Hala Tuju Pembangunan BIMP-EAGA 2006 - 2010. Bagi memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan serantau, beberapa perjanjian persefahaman mengenai usaha memudahkan, menyelaraskan dan menyeragamkan prosedur-prosedur Kastam, Imigresen dan Perkhidmatan Kuarantin dan transit, dan pengangkutan antara-negara sedang dalam peringkat akhir penyediaan untuk ditandatangani pada Jun 2009.

Rangkaian perhubungan udara serantau telah meningkat hasil syarikat penerbangan tambang murah mengembangkan operasi mereka di bandar-bandar baru dan juga meningkatkan frekuensi penerbangan. Perhubungan udara telah diwujudkan dari Puerto Princesa, Filipina ke Kota Kinabalu pada November 2008. Disamping perkhidmatan udara intra-EAGA, penerbangan yang menghubungkan ibu kota ASEAN seperti Jakarta, Kuala Lumpur dan Manila turut dilancarkan.

Pada 2008, Majlis Perniagaan BIMP-EAGA meneruskan langkah-langkah untuk melengkapkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan. Majlis Perniagaan BIMP-EAGA menerbitkan Buku Panduan Perniagaan BIMP-EAGA Pertama sebagai satu usaha mempromosikan perniagaan di rantau ini. Majlis Perniagaan BIMP-EAGA juga menganjurkan Persidangan Komuniti

Eko-pelancongan BIMP-EAGA Pertama di Manado, Sulawesi Utara.

BIMP-EAGA juga meneruskan usaha-usaha dengan rakan-rakan pembangunannya seperti Northern Territory of Australia, Republik Rakyat China, Jepun dan ADB untuk mempertingkatkan pembangunan ekonomi sub-rantau. ADB telah menyediakan AS$8.4 juta untuk bantuan teknikal bagi tempoh 2007 - 2008 sebagai geran untuk pelbagai projek BIMP-EAGA dalam industri-industri seperti sektor pengangkutan, pengurusan sumber asli dan sektor pembaharuan pembangunan tenaga. *German Technical Cooperation Agency* juga telah bersetuju untuk melanjutkan bantuannya kepada BIMP-EAGA sehingga 2011.

Kerjasama Pembangunan ASEAN-Lembangan Mekong

Mesyuarat Menteri-menteri Kerjasama Pembangunan ASEAN-Lembangan Mekong (AMBDC) Ke-10 telah diadakan pada 29 Ogos 2008 di Singapura. Mesyuarat mengambil maklum 45 projek berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, 13 projek masih memerlukan dana. Projek-projek tersebut merangkumi bidang infrastruktur, perdagangan dan pelaburan, pertanian, perhutanan dan mineral, industri, pelancongan, pembangunan sumber manusia dan sains dan teknologi. Memandangkan beberapa projek berskala besar masih belum menerima dana, pencadang projek diminta untuk mengkaji semula projek-projek tersebut bagi menentukan kesesuaian projek-projek tersebut masih relevan atau membahagikan projek-projek ini kepada komponen yang lebih kecil bagi memudahkan peluang dana diperolehi.

Memandangkan terdapat banyak rangka kerja sub-wilayah yang beroperasi di bawah wilayah Mekong, Menteri-menteri AMBDC telah bersetuju untuk menjalankan satu kajian untuk menilai dan merasionalisasi semula operasi rangka kerja sub-wilayah ini. Langkah ini membolehkan pendekatan yang holistik dalam membangunkan sub-wilayah Mekong dan akan mewujudkan sinergi di samping menggalakkan penggunaan sumber-sumber terhad dengan lebih baik. Selain itu, terdapat keperluan untuk mengatasi masalah yang mungkin terdapat dalam struktur AMBDC dalam mengatasi jurang pembangunan di kalangan negara anggota. Penglibatan dan pelaburan sektor swasta dalam sub-wilayah Mekong juga akan digalakkan. Sekretariat ASEAN telah ditugaskan untuk menentukan dan menyelaraskan dana yang disumbangkan oleh rakan dialog untuk pengendalian projek AMBDC secara efektif.

Satu kajian mendalam untuk menyusun semula proses AMBDC dengan Komuniti Ekonomi ASEAN sedang dijalankan oleh *Institute of Southeast Asian Studies,* Singapura. Kajian ini antara lain dijalankan untuk menilai kemajuan yang telah dicapai sejak penubuhan AMBDC, menghubungkaitkan usaha-usaha integrasi serantau di bawah AEC, kemungkinan tambahan peruntukan modaliti dana dan meneroka cara-cara memperluaskan keahlian teras AMBDC. Kajian ini akan dibentangkan pada mesyuarat AMBDC Ke-11 pada Ogos 2009.

HUBUNGAN SERANTAU DENGAN RAKAN-RAKAN DIALOG

ASEAN Campur Tiga

Kerjasama ASEAN Campur Tiga telah berkembang pesat sejak 11 tahun yang lalu dan merangkumi 14 proses peringkat Menteri yang meliputi kerjasama di dalam 20 bidang seperti ICT, enterpris kecil dan sederhana (EKS), standard dan pematuhan, alam sekitar, logistik, pengurusan bencana, makanan dan keselamatan tenaga, kewangan, perjanjian perdagangan bebas, kesihatan dan belia.

Dalam usaha memperkukuhkan kerjasama ASEAN Campur Tiga dan memudahkan pelaksanaan Rancangan Kerja Kerjasama ASEAN Campur Tiga (2007 - 2017) yang telah diterima pakai pada 2007, Menteri-Menteri Luar ASEAN Campur Tiga telah melancarkan Dana Kerjasama ASEAN Campur Tiga (APTCF) pada 22 Julai 2008 dengan sumbangan awal yang berjumlah AS$3 juta. Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea masing-masing akan menyumbangkan AS$900,000 manakala ASEAN sebanyak AS$300,000. Dana ini akan menyediakan sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan lebih banyak projek seperti yang ditetapkan oleh Kenyataan Bersama Kedua Kerjasama Asia Timur dan Rancangan Kerja Kerjasama ASEAN Campur Tiga.

Fasa kedua kajian mengenai pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA) yang melibatkan negara-negara ASEAN Campur Tiga dijangka siap pada Ogos 2009. Kajian ini menjalankan analisa terperinci setiap sektor secara mendalam dan penyelidikan yang berkaitan dengan fasilitasi perdagangan dan Syarat Tempasal bagi EAFTA yang telah dicadangkan. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti elemen-elemen utama akses pasaran bagi barangan, perkhidmatan dan pelaburan, dan juga kerjasama fasilitasi perdagangan untuk mengenalpasti pilihan-pilihan lain bagi Kawasan Perdagangan Bebas tersebut. Laporan akhir kajian tersebut dijangka akan dikemukakan dalam Mesyuarat Konsultasi Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN Campur Tiga Ke-12 pada Ogos 2009.

Di peringkat sektor swasta, langkah-langkah telah diambil untuk memperkukuhkan Majlis Ekonomi Asia Timur (EABC). Dalam usaha untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti dengan berkesan, Majlis ini telah menubuhkan sekretariat tetap di Malaysia yang dikendalikan oleh Pertubuhan Pengilang-pengilang Malaysia (FMM). Malaysia menyokong kerjasama dalam ASEAN Campur Tiga sebagai langkah seterusnya ke arah memperluaskan integrasi ekonomi serantau.

Sidang Kemuncak Asia Timur

Sejak Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) Ketiga pada 21 November 2007, perbincangan diteruskan mengenai isu-isu strategik rantau Asia Timur, khususnya mengenai tenaga, alam sekitar, perubahan iklim, pembangunan mapan serta hala tuju rantau Asia Timur di masa hadapan. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan pada 2008:

- Bengkel Bio-bahan api EAS, 18 - 19 Jun 2008, Bangkok, Thailand;
- Dialog Tidak Rasmi Pegawai Kewangan EAS, 24 Jun 2008, Viet Nam;
- Seminar Pembinaan Kapasiti Adaptasi Perubahan Iklim EAS, Oktober 2008, Republik Rakyat China;
- Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Alam Sekitar EAS, Oktober 2008, Ha Noi, Viet Nam;
- Kajian berterusan Kerjasama Ekonomi Komprehensif Asia Timur (CEPEA); dan
- Penubuhan Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN dan Asia Timur (ERIA).

Konsultasi Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar EAS pada 22 Julai 2008 turut mengalu-alukan cadangan untuk EAS melaksanakan projek pendidikan yang serupa dengan Program Skim Tindakan Rantau Eropah bagi Mobiliti Pelajar Universiti (ERASMUS), juga meningkatkan kerjasama dalam bidang bantuan bencana, termasuk cadangan Jepun untuk menubuhkan 'Rangkaian Pengurusan Bencana dan Kawalan Penyakit Berjangkit di Asia'.

Institut Penyelidikan Ekonomi bagi ASEAN dan Asia Timur (ERIA) telah mula beroperasi pada 2008 dari lokasi sementaranya di Sekretariat ASEAN. Mesyuarat Pertama Lembaga Pentadbiran ERIA telah diadakan

pada 3 Jun 2008 di Jakarta, Indonesia. Lembaga Pentadbiran telah meluluskan Terma Rujukan Lembaga dan Majlis Penasihat Akademik ERIA, program kerja bagi tahun kewangan 2008, belanjawan dan logo ERIA.

Program semasa ERIA termasuk projek-projek Penambahbaikan Persekitaran Perniagaan di Asia Timur, Projek Koridor Industri Asia Timur, Keselamatan Alam Sekitar dan Tenaga dan Program Pemimpin Masa Depan ERIA. Aktiviti-aktiviti lain yang telah dirancang termasuk tinjauan perniagaan bagi menilai penggunaan kemudahan Perjanjian Perdagangan Bebas, mempromosikan penggunaan yang efektif melalui seminar dengan dewan perdagangan dan membangunkan *scorecard* untuk sub-sektor keutamaan dalam bidang perkhidmatan.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) pada Ogos 2008 telah bersetuju untuk melancarkan kajian Fasa II Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif (CEPEA) yang akan memperincikan tiga tunggak kerjasama, fasilitasi dan liberalisasi.

ASEAN-China

Kerjasama ASEAN-China terus mencapai kemajuan khususnya dalam bidang perdagangan, pertanian, pengangkutan dan pelancongan. Pelaksanaan FTA ASEAN-China bagi Barangan telah membawa kepada peningkatan perdagangan dua hala di antara ASEAN dan Republik Rakyat China kepada AS$171.2 bilion pada 2007 dari AS$140 bilion pada 2006, iaitu kenaikan 22.3 peratus pada 2007.

ASEAN dan Republik Rakyat China telah memuktamadkan Perjanjian Pelaburan pada Disember 2008. Perjanjian yang dijangka ditandatangani pada April 2009 memperuntukkan perlindungan dan fasilitasi pelaburan. Dengan meningkatnya jumlah pelabur dari Republik Rakyat China di ASEAN dan pelabur dari ASEAN di Republik Rakyat China, Perjanjian ini membantu meningkatkan keyakinan pelabur untuk memanfaatkan peluang pelaburan di ASEAN dan Republik Rakyat China.

Aliran FDI kumulatif dari Republik Rakyat China ke ASEAN dari 2003 hingga 2007 berjumlah AS$3.6 bilion. Pelaburan oleh Republik Rakyat China di ASEAN mencatatkan peningkatan pada 2007 kepada AS$1,097 juta.

Untuk meningkatkan hubungan sektor swasta, Republik Rakyat China telah menganjurkan Ekspo ASEAN-China Ke-5 di Nanning dari 22 - 25 Oktober 2008. Sejumlah 98 syarikat dan agensi Kerajaan Malaysia menyertai pameran tahunan tersebut untuk mengembangkan pasaran produk-produk mereka dan mengambil peluang-peluang pelaburan di Republik Rakyat China dengan mengambil faedah daripada FTA ASEAN-China. Selain daripada pameran, acara lain yang diadakan semasa Ekspo tersebut termasuk Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN-China, Forum Perniagaan ICT dan Forum Teknologi *Wireless*.

ASEAN dan Republik Rakyat China telah melaksanakan Komitmen Pakej Pertama liberalisasi sektor perkhidmatan pada Julai 2007. Tawaran Malaysia meliputi sektor telekomunikasi, perkhidmatan kewangan, pendidikan, kesihatan dan pelancongan. Sektor yang ditawarkan oleh Republik Rakyat China ialah pengkomputeran dan perkhidmatan berkaitan komputer, pembinaan, pengangkutan, perkhidmatan rekreasi dan perkhidmatan alam sekitar. Rundingan Pakej Kedua sedang dijalankan.

Selain daripada inisiatif FTA, ASEAN dan Republik Rakyat China juga sedang berusaha untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua pihak. Dua Memorandum Persefahaman yang dijadual ditandatangani semasa Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-12 pada 2009 adalah:

- Memorandum Persefahaman mengenai Harta Intelek; dan
- Memorandum Persefahaman mengenai Halangan Teknikal Perdagangan.

Di bawah ACFTA, Malaysia telah mengeluarkan 13,723 sijil keutamaan Borang E dengan eksport bernilai RM6,332.6 juta pada 2008. Produk utama untuk skim keutamaan di bawah ACFTA pada 2008 adalah:

- Produk getah;
- Hidrokarbon;
- Asid Stearik; dan
- Minyak sayur campuran yang lain.

ASEAN-Jepun

Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan Jepun (AJCEP) telah ditandatangani pada 14 April 2008 dan berkuatkuasa pada 1 Disember 2008. Malaysia telah membuat notifikasi pada 31 Disember 2008, dan Perjanjian AJCEP berkuatkuasa bagi Malaysia pada 1 Februari 2009. Di bawah AJCEP, Standards Malaysia merupakan Pengerusi Kumpulan Kerja mengenai Halangan Teknikal Perdagangan.

AJCEP merupakan FTA serantau ASEAN yang ketiga selepas FTA ASEAN-China dan FTA ASEAN-Korea yang meliputi komitmen perdagangan dalam barangan, perkhidmatan, pelaburan dan kerjasama ekonomi, dan memperlengkapkan perjanjian perkongsian ekonomi dua hala (EPAs) yang telah ditandatangani antara Negara-negara Anggota ASEAN dengan Jepun. Ia akan memperkukuhkan hubungan ekonomi antara ASEAN dengan Jepun dalam membentuk pasaran yang lebih luas dan berkesan dengan lebih banyak peluang kepada kedua-dua pihak.

Jepun telah bersetuju memberi sumbangan sebanyak AS$52 juta untuk projek-projek berkaitan pelaksanaan Perjanjian AJCEP. ASEAN juga mengalu-alukan cadangan Jepun berkenaan dengan Inisiatif Pengetahuan Ekonomi Asia yang bertujuan untuk mewujudkan suasana persekitaran perniagaan yang selamat dan boleh diharap dan mempromosi 'Green IT'.

Di bawah rangka kerja Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri (METI) Jepun (AMEICC), sebanyak 35 projek melibatkan seminar dan bengkel, penghantaran pakar dan program latihan pembangunan sumber manusia telah dilaksanakan pada 2008. Malaysia telah melaksanakan tiga aktiviti iaitu Bengkel Polisi EKS, Seminar Setempat mengenai Statistik Industri ASEAN dan Program Latihan mengenai EKS bagi Pusat Pembangunan Pengurusan Kemahiran Industri Kedah. Aktiviti-aktiviti lain yang turut dilaksanakan di bawah AMEICC adalah dalam bidang automotif, ICT, kimia, elektronik pengguna, dan tekstil dan pakaian.

ASEAN-Korea

Sejak pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-Korea pada Jun 2007, sejumlah 28,079 sijil keutamaan Borang AK dengan eksport bernilai RM15,679.6 juta telah dikeluarkan kepada pengeksport dan pengilang Malaysia. Bagi tahun 2008, jumlah Borang AK yang dikeluarkan ialah 20,119 dengan eksport bernilai RM14.3 bilion.

Produk eksport utama ke Republik Korea di bawah FTA termasuk gas asli cecair (45 peratus), minyak petroleum mentah (29 peratus), minyak sawit (3.6 peratus), timah (3 peratus) dan isirong kelapa sawit Malaysia secara pukal (0.6 peratus).

Thailand secara rasminya telah menyertai FTA ASEAN-Korea setelah menandatangani dua protokol berkaitan penyertaan Thailand ke dalam Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN-Korea dan Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan ASEAN-Korea oleh Menteri-menteri

Ekonomi ASEAN. Negara Anggota ASEAN yang lain dan Republik Korea telah menandatangani dan melaksanakan Perjanjian Perdagangan Barangan pada 2006 dan Perjanjian Perdagangan Perkhidmatan pada 2007.

ASEAN dan Republik Korea masih merunding Perjanjian Pelaburan ASEAN-Korea yang akan menjadi perjanjian utama yang ketiga di bawah Rangka Kerja Kerjasama ASEAN-Korea.

Pelaksanaan projek dan aktiviti berikut pada 2008 bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kerjasama antara ASEAN dan Republik Korea:

- Program Pendidikan untuk Memperkukuhkan Kerjasama dalam Standard dan Peraturan Teknologikal antara ASEAN dan Republik Korea;
- Pembinaan Kapasiti dalam Pembangunan Pencelupan dan Penyempurnaan Tekstil;
- Kursus mengenai Hak Harta Intelek;
- Program Latihan mengenai Kuarantin Tumbuhan ASEAN; dan
- Program Latihan mengenai Perkhidmatan Lanjutan Penambahbaikan Pertanian.

ASEAN-India

Pelaksanaan FTA ASEAN-India telah ditunda berikutan tertangguhnya proses menandatangani Perjanjian FTA antara ASEAN dan India.

Selepas memuktamadkan rundingan pada Ogos 2008, Negara Anggota ASEAN telah mendapat mandat untuk menandatangani tiga Perjanjian penting dengan India, termasuk Perjanjian Perdagangan Barangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan India pada 27 Februari 2009 di Hua Hin, Cha-am Thailand. Perjanjian-perjanjian lain ialah Perjanjian Penyelesaian Pertikaian antara ASEAN dan India dan Protokol untuk Meminda Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan India.

Di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan, ASEAN dan India akan mengurangkan kadar duti ke atas 71 peratus daripada jumlah keseluruhan baris tarif setelah ia berkuatkuasa. Duti ke atas produk-produk tersebut akan dimansuhkan pada 31 Disember 2011, manakala duti bagi tambahan 9 peratus produk akan dimansuhkan pada 1 Januari 2015. Perjanjian ini juga membolehkan ASEAN dan India mengurangkan duti ke atas baki 10 peratus produk yang lain kepada 5 peratus menjelang 2015.

ASEAN dan India juga telah mengecualikan produk-produk daripada konsesi tarif. Walau bagaimanapun, jika produk yang dieksport tidak tersenarai dalam senarai pengecualian negara pengimport, negara pengeksport boleh menuntut tarif keutamaan yang ditawarkan oleh negara pengimport. ASEAN dan India telah mengetepikan prinsip timbal-balik *(reciprocity)* bagi membenarkan konsesi. Untuk menikmati konsesi, pengeksport mesti mematuhi syarat tempasal 35 peratus nilai kandungan serantau dan pertukaran dalam kriteria sub-tajuk tarif. Rundingan masih lagi diteruskan untuk memuktamadkan perjanjian perkhidmatan dan pelaburan.

ASEAN-Australia dan New Zealand

Perjanjian Perdagangan Bebas Komprehensif ASEAN Australia dan New Zealand telah dimuktamadkan pada Ogos 2008 dan telah ditandatangani pada 27 Februari 2009 di Hua Hin, Thailand. Perjanjian ini meliputi perdagangan barangan, perdagangan perkhidmatan, pelaburan dan kerjasama ekonomi.

FTA serantau komprehensif akan merancakkan eksport intra-ASEAN

Malaysia, serta eksport ke Australia dan New Zealand. Aktiviti perdagangan dan pelaburan antara ASEAN dengan Australia dan New Zealand dijangka akan berkembang dengan perlaksanaan AANZFTA.

Perdagangan ASEAN dengan Australia dan New Zealand berjumlah AS$47.8 bilion pada 2007, iaitu peningkatan sebanyak 15.7 peratus berbanding AS$41.3 bilion pada 2006. Eksport ASEAN ke Australia dan New Zealand berkembang pada kadar 17 peratus pada 2007 iaitu berjumlah AS$31 bilion, dari AS$26.5 bilion pada 2006. Import ASEAN dari Australia dan New Zealand pula meningkat sebanyak 13.5 peratus kepada AS$16.8 bilion pada 2007 berbanding AS$14.8 bilion pada 2006.

Pelaburan langsung kumulatif dari Australia dan New Zealand ke ASEAN bagi tempoh 2001 - 2006 berjumlah AS$1.8 bilion. Pelaburan kumulatif Australia dan New Zealand di ASEAN pada 2007 telah meningkat kepada AS$1.1 bilion berbanding AS$116.5 juta pada 2006. Ini merupakan jumlah tertinggi dicatatkan sejak 1995. Pada 2005, jumlah keseluruhan pelaburan adalah AS$570.2 juta.

Perjanjian FTA ASEAN-Australia dan New Zealand akan berkuatkuasa apabila Australia, New Zealand dan empat Negara Anggota ASEAN membuat notifikasi kepada semua pihak mengenai ratifikasi mereka ke atas Perjanjian tersebut.

ASEAN-Kesatuan Eropah

Tujuh pusingan rundingan FTA ASEAN-EU telah diadakan semenjak dilancarkan secara rasmi pada Mei 2007. Perbincangan terus tertumpu kepada modaliti, program kerja dan jadual masa serta cadangan/ bidang yang akan dimasukkan dalam rundingan.

Selain daripada rundingan FTA, Kesatuan Eropah terus melaksanakan aktiviti kerjasama di bawah pelbagai inisiatif ASEAN-EU termasuk:

- Inisiatif Perdagangan Rentas Rantau ASEAN-EU (TREATI);
- Instrumen Dialog Serantau EU-ASEAN (READI);
- Program Sokongan Integrasi Serantau ASEAN (APRIS) II;
- Program Kerjasama Serantau Penilaian Standard, Kualiti dan Pematuhan ASEAN-EU;
- Program Kerjasama Tenaga ASEAN-Suruhanjaya Eropah/Kemudahan Tenaga EU-ASEAN (EURASEF); dan
- Program Kerjasama Hak Harta Intelek ASEAN-Suruhanjaya Eropah (ECAP II).

ASEAN-Amerika Syarikat

Hubungan ASEAN-AS terus diperkukuhkan dalam konteks Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan ASEAN-AS (TIFA) yang ditandatangani pada 25 Ogos 2006. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan pada 2008 termasuk cadangan baru bagi meluaskan Program Kerja TIFA. Majlis Bersama ASEAN-AS TIFA Pertama dan Perbincangan Meja Bulat Sektor Swasta ASEAN-AS diadakan pada Ogos 2009 semasa Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN Ke-41.

Projek lain yang dicadangkan di bawah Program Kerja TIFA termasuk pembangunan laman web bagi suasana pelaburan serantau, tinjauan pelaburan ASEAN, pensijilan Makmal Tekstil ASEAN untuk Kesediaan dalam Jaminan Kualiti Tekstil dan Pakaian serta kemungkinan Negara Anggota ASEAN bersetuju dengan Perjanjian Plurilateral mengenai Litar Bersepadu Multi-cip. Di samping itu, inisiatif lain di bawah kerjasama ASEAN-

AS ialah di bawah Bantuan Teknikal dan Fasiliti Latihan ASEAN-AS (AUTATIF) yang dilaksanakan oleh Agensi AS bagi Pembangunan Antarabangsa (USAID) yang dibiayai oleh Jabatan Negara AS. Di bawah fasiliti ini, sejumlah 119 aktiviti latihan telah dilaksanakan merangkumi bidang integrasi sektor, pelaburan, kastam dan fasilitasi perdagangan, perdagangan perkhidmatan, rundingan perdagangan dan koordinasi berkaitan perdagangan serta dialog. Fasa II AUTATIF mula beroperasi pada 1 Oktober 2007 dan dijangka akan menyediakan sokongan kepada kerjasama ASEAN-AS untuk lima hingga lapan tahun berikutnya.

Pada Februari 2008, Amerika Syarikat telah melancarkan Visi Pembangunan ASEAN bagi Kerjasama Kemajuan Nasional dan Integrasi Ekonomi (ADVANCE) untuk meningkatkan lagi kerjasama ASEAN-AS. Program ADVANCE telah memperuntukkan sejumlah AS$150 juta bagi lapan tahun berikutnya untuk mencapai sasaran Pelan Kerjasama ASEAN-AS, Perkongsian Yang Dipertingkatkan ASEAN-AS, ASEAN-AS TIFA dan Program Tindakan Vientiane (VAP).

PROSPEK

Negara Anggota ASEAN telah mengkaji semula kadar pertumbuhan ekonomi untuk tahun 2009 berikutan impak krisis ekonomi global semasa yang bermula dari Amerika Syarikat pada September 2008. Hampir kesemua Negara Anggota ASEAN telah memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi domestik. Di sebalik usaha ini, eksport global ASEAN dijangka akan menurun. Dari sudut positif, ASEAN yakin ianya akan terus kekal menarik kepada pelaburan langsung asing. Kedua-dua perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN dijangka akan terus stabil.

Artikel Kotak 9.1: SCORECARD PELAN TINDAKAN KOMUNTI EKONOMI ASEAN

Pada akhir tahun 2008 merupakan genap setahun pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Pelan Tindakan Ekonomi ini telah dilancarkan oleh Ketua-Ketua Negara ASEAN melalui tanda tangan Deklarasi Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 20 November 2007 di Singapura. AEC *Scorecard* telah diwujudkan dalam memantau proses pelaksanaan jadual strategik AEC oleh setiap Negara Anggota.

AEC *Scorecard* diwujudkan untuk mengenal pasti tindakan yang lebih spesifik yang perlu digerakkan oleh Negara-negara Anggota ASEAN keseluruhannya atau secara individu dalam melaksanakan Pelan Tindakan Ekonomi ASEAN (AEC). Ia merupakan kaedah kepatuhan untuk memantau Negara-negara ASEAN untuk berada di landasan yang betul dalam melaksanakan komitmen masing-masing. Walau bagaimanapun, *Scorecard* masih belum dapat menilai impak terhadap pengiraan komitmen ini. Ia merupakan dokumen yang membentangkan dua komponen utama, iaitu :

a) menyediakan indikator-indikator kualitatif dan kuantitatif berkenaan pengesahan, pelaksanaan serta penukaran undang-undang domestik, peraturan dan prosedur pentadbiran tentang kewajipan dan komitmen yang dipersetujui dalam jangka masa yang telah ditetapkan seperti yang tertakluk dalam Pelan Tindakan Ekonomi ASEAN; dan

b) memantau pelaksanaan komitmen/persetujuan serta penanda aras pencapaian dalam Jadual Strategik AEC.

Walaupun jangka masa yang ditetapkan untuk membuat penilaian adalah singkat, maklumat yang dihasilkan adalah penting untuk mengumpul bukti-bukti sama ada keputusan adalah positif atau negatif.

AEC *Scorecard* merupakan dokumen perbentangan yang memerlukan konsultansi, ulasan dan pengesahan indikator berkenaan dengan matlamat/pengiraan/tindakan bagi badan-badan sektoral yang berkaitan serta memerlukan sokongan daripada mereka. *Scorecard* yang telah dikemaskini akan dimuat naik ke laman web ASEAN sebagai pemberitahuan kepada sektor-sektor swasta berkenaan pencapaian *Scorecard*.

Artikel Kotak 9.2: PERJANJIAN PELABURAN KOMPREHENSIF ASEAN

Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Ekonomi ASEAN pada 16 Disember 2008 di Singapura. ACIA merupakan semakan, gabungan dan penambahbaikan Perjanjian Rangka kerja Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA) yang ditandatangani pada 1998 dan Perjanjian Penggalakkan dan Perlindungan Pelaburan ASEAN (ASEAN IGA) ditandatangani pada 1987.

Objektif-objektif utama ACIA adalah untuk:

- mewujudkan rejim pelaburan yang bebas dan terbuka; dan
- mencapai integrasi ekonomi serantau.

ACIA merupakan satu perjanjian yang lebih komprehensif berbanding dengan AIA dan ASEAN IGA. Struktur ACIA merangkumi empat elemen utama, iaitu liberalisasi, perlindungan, pemudahan dan promosi. ACIA turut mengambil kira amalan-amalan terbaik antarabangsa seperti US Model Text, NAFTA, Garis panduan OECD mengenai Enterpris Multinasional serta input daripada penerbitan-penerbitan UNCTAD mengenai perjanjian-perjanjian pelaburan antarabangsa.

ACIA akan memperluaskan faedah daripada perjanjian itu untuk pelabur-pelabur asing bertapak di ASEAN (ASEAN-*based foreign investors*). Ini bertujuan menjadikan ASEAN destinasi pilihan utama bagi pelaburan langsung asing serta penyumbang kepada peningkatan pelaburan intra-ASEAN.

Prinsip-prinsip utama Perjanjian ACIA termasuk:

- memandang ke depan, mengesahkan, meningkatkan dan berdasarkan AIA dan ASEAN IGA;
- tiada pengunduran (*back-tracking*) berkaitan komitmen yang dipersetujui di bawah Perjanjian asal;

- mengimbangkan tumpuannya kepada empat unsur iaitu liberalisasi, perlindungan, pemudahan dan promosi;
- liberalisasi pelaburan secara progresif dengan matlamat untuk mencapai suasana pelaburan yang bebas dan terbuka, sejajar dengan AEC;
- faedah-faedah yang akan dinikmati oleh pelabur-pelabur ASEAN dan pelabur-pelabur asing bertapak di ASEAN;
- layanan khas dan berbeza juga fleksibiliti bagi negara anggota ASEAN pada tahap pembangunan dan sensitiviti sektoral mereka; dan
- Mengekal dan memberi layanan istimewa di kalangan Negara-negara Anggota ASEAN.

ACIA mempunyai beberapa peruntukan baru yang tiada terdapat dalam AIA. Ini termasuk perkara/fasal/artikel mengenai:

- Larangan ke atas Mengenakan Syarat-syarat Pelaksanaan (*Prohibition of Performance Requirements*) dengan peruntukan untuk penilaian bersama bagi syarat-syarat pelaksanaan sedia ada dan menimbangkan keperluan untuk komitmen tambahan;
- Konsultasi dengan Negara Anggota mengenai perkara-perkara berhubung ACIA dan pelaksanaannya;
- Layanan khas dan berbeza bagi membantu Negara Anggota baru membangunkan keupayaan dalam tempoh masa yang singkat sejajar dengan AEC;
- Pengurusan Atasan dan Lembaga Pengarah (*Senior Management and Board of Directors*) menggalakkan aliran masuk kakitangan utama asing dan kakitangan pengurusan kanan; dan
- Penafian faedah perjanjian (*Denial of Benefits*) ACIA kepada pelabur yang tidak memiliki operasi perniagaan yang substantif (contoh: Syarikat-syarikat Shell).

Faedah ACIA

ACIA boleh memanfaatkan sektor perniagaan melalui:

- kelayakan layanan sama seperti pelabur domestik (layanan nasional), tertakluk kepada pengecualian;
- kelayakan layanan sama seperti pelabur lain di ASEAN (Layan Sama Rata (MFN));
- jaminan negara-negara hos pelaburan tidak akan mengenakan syarat-syarat pelaksanaan ke atas pelabur, yang akan bercanggah dengan peruntukan *Trade Related Investment Measures* (TRIMS) di bawah WTO;
- jaminan kepada pelabur dan pelaburan mereka akan diberi layanan yang adil dan dilindungi;
- jaminan pemindahan bebas dana, termasuk modal, keuntungan dan dividen;

- jaminan pelaburan tidak akan diekspropriasi, kecuali untuk tujuan awam, dan dengan pampasan;
- jaminan layanan tanpa diskriminasi dalam soal pampasan bagi kerugian akibat perbalahan awam;
- sekiranya terdapat pertikaian dengan negara hos pelaburan, pelabur mempunyai pilihan membawa tuntutan ke mahkamah tempatan/domestik atau untuk timbang tara antarabangsa; dan
- kerjasama daripada negara hos pelaburan berkenaan promosi dan pemudahan pelaburan.

ACIA melengkapkan usaha Malaysia untuk menarik FDI serta menggalakkan pelaburan keluar bagi rakyat Malaysia di kawasan serantau. Perjanjian ini akan lebih memudahkan integrasi syarikat Malaysia kepada ekonomi serantau melalui rangkaian pengeluaran dan perkhidmatan. Ia akan mewujudkan peluang-peluang pelaburan untuk rakyat Malaysia dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berkaitan. ACIA akan membolehkan syarikat Malaysia untuk:

- menumpu pada teras kecekapan dan kekuatan mereka dalam pasaran serantau;
- menjalankan perlengkapan perindustrian, penyumberluaran dan lain-lain bentuk pengurusan perniagaan;
- menjalankan pelaburan keluar bagi mendapatkan pasaran dan meningkatkan daya saing;
- memperluaskan kemudahan pengeluaran domestik sedia ada bagi manfaat daripada intergrasi pasaran ASEAN yang berpenduduk seramai 560 juta orang;
- menceburi penggabungan dan pengambilalihan, membentuk perikatan dan kerjasama dengan rakan perniagaan di ASEAN untuk faedah dari sinergi perniagaan di rantau bersepadu; dan
- memperluaskan aktiviti pembuatan atau perkhidmatan sokongan untuk negara ASEAN lain bagi meningkatkan daya saing dan akses pasaran yang lebih besar.

ACIA ditandatangani pada bulan Disember 2008 akan berkuatkuasa hanya apabila Negara Anggota ASEAN telah mengesahkan dan memaklumkan kepada Setiausaha Agung ASEAN, yang mana tidak boleh melebihi daripada 180 hari selepas menandatangani Perjanjian ini.

Artikel Kotak 9.3: PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN ASEAN (ATIGA)

Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ASEAN *Trade in Goods Agreement*-ATIGA) telah dimeterai pada 16 Disember 2008 di Singapura semasa Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN. Perjanjian tersebut akan berkuatkuasa setelah semua Negara Anggota membuat notifikasi atau meratifikasi perjanjian tersebut kepada Setiausaha Agung ASEAN. Prosedur domestik yang terlibat akan mengambil masa 6 bulan selepas perjanjian tersebut ditandatangani.

Pada 23 Ogos 2007, Mesyuarat Majlis AFTA yang Ke-21 telah bersetuju untuk menaiktaraf Perjanjian Tarif Keutamaan Sama rata bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (CEPT-AFTA) 1992 menjadi Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN yang komprehensif sejajar dengan hasrat untuk memacu integrasi ekonomi ke arah merealisasikan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015.

Objektif-objektif ATIGA adalah untuk:

- menyenaraikan semua langkah dan komitmen penting yang akan membolehkan ASEAN mencapai sasaran aliran bebas untuk barangan serantau, seterusnya mewujudkan satu pasaran dan pusat pengeluaran tunggal untuk barangan menjelang 2015 salah satu daripada tunggak utama Komuniti Ekonomi ASEAN.
- memastikan parity prinsip-prinsip utama Perjanjian Perdagangan Barangan dengan Rakan-rakan Dialog;
- memastikan peruntukan-peruntukan yang konsisten, di mana pada masa ini peruntukan-peruntukan yang terlibat tercatat di pelbagai perjanjian, dokumen, keputusan Mesyuarat Majlis AFTA dan Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM); dan
- menyediakan satu rangka kerja undang-undang untuk merealisasikan aliran bebas bagi barangan serantau melalui penubuhan pasaran dan pusat pengeluaran tunggal menjelang 2015.

ATIGA menyatukan semua inisiatif berkaitan aliran barangan menjadi satu dokumen yang komprehensif. ATIGA juga mengekal dan mempertingkat prinsip dan komitmen sedia ada yang berkaitan dengan perdagangan barangan yang terdapat dalam inisiatif-inisiatif dan Perjanjian/ Protokol sejajar dengan perkembangan di arena perdagangan antarabangsa.

ATIGA memberi nilai tambah Perjanjian CEPT sedia ada dengan peruntukan dan inisiatif baru seperti berikut:

(a) Liputan yang Meluas: ATIGA merangkumi semua bidang kritikal bagi memastikan aliran bebas bagi barangan di bawah persetujuan perdagangan serantau direalisasikan, iaitu liberalisasi tarif, liberalisasi sekatan bukan tarif, peraturan tempasal, pemudahcara perdagangan, kastam, standard dan pematuhan piawai serta langkah-langkah sanitari dan fitosanitari.

(b) Menyatu dan menyelaras hak dan obligasi: Buat masa ini, komitmen-komitmen mengenai kedua-dua tarif dan bukan tarif berselerak dalam Perjanjian CEPT, Protokol, Perjanjian peringkat ASEAN, kenyataan-kenyataan Menteri dan rekod-rekod mesyuarat. Komitmen-komitmen tersebut telah digabung, dikemaskini dan diselaraskan dalam ATIGA, menjadikan dokumen tersebut mesra pengguna bagi para stakeholder serta memudahkan proses pemantauan pematuhan oleh Negara Anggota.

(c) Jadual pengurangan tariff yang menyeluruh: ATIGA akan menterjemah modaliti-modaliti pengurangan atau pemansuhan tarif seperti yang tertera

dalam Perjanjian CEPT serta protokol-protokolnya dan perjanjian-perjanjian ASEAN yang lain menjadi satu jadual pengurangan tarif yang menyeluruh. Jadual berkenaan memperincikan kadar tarif bagi setiap produk sehingga tahun 2015.

Beberapa penambah baikan turut dibuat ke atas komitmen-komitmen sedia ada, seperti fleksibiliti bagi negara-negara CLMV untuk melanjutkan penghapusan tarif kepada tahun 2018 meliputi 7 peratus garis-garis cukai pada tahap 8 digit AHTN, memasukkan keputusan modaliti tarif untuk Produk Amat Sensitif Indonesia dan Filipina, layanan untuk produk tembakau dan minuman beralkohol serta layanan istimewa untuk produk-produk petroleum Kemboja dan Viet Nam, turut dilakukan.

Jadual penuh pengurangan tarif semua Negara Anggota akan dimuktamadkan dalam tempoh tiga bulan selepas termeterainya ATIGA bagi negara-negara ASEAN 6 dan selepas enam bulan bagi negara-negara CLMV. Ini akan meningkatkan ketelusan dan jangkaan komuniti perniagaan serta memudahkan perancangan strategik mereka .

(d) Peruntukan-peruntukan mengenai pengubahsuaian konsesi dan remedi perdagangan yang diselaraskan: ATIGA menyelaraskan peruntukan-peruntukan sedia ada yang berkaitan dengan remedi perdagangan dan pengubahsuaian konsesi yang terdapat di dalam pelbagai instrumen perundangan ASEAN yang berlainan. Peruntukan-peruntukan berkenaan termasuklah *Emergency Measures, Monetary Reserve Safeguard* dan *Protocol Regarding the Implementation of the Temporary Exclusion List Products, Protocol Regarding the Implementation of the Temporary Exclusion List Products* serta usul Artikel ZZ oleh Filipina untuk menangani kesukaran ekonomi dan fiskal yang ekstrim.

(e) Langkah-langkah Bukan-Tarif: Obligasi untuk memansuhkan langkah-langkah yang menghalang perdagangan serta mewujudkan satu mekanisme untuk memantau aplikasi langkah-langkah bukan-tarif.

(f) Pemudahcara perdagangan serta bab-bab berkaitan: ATIGA memperuntukan bab-bab khusus mengenai pemudahcara perdagangan serta bagi setiap sektor berkaitan i.e kastam, piawaian, peraturan teknikal dan prosedur penilaian pematuhan piawaian serta langkah-langkah SPS. Peruntukan-peruntukan bab-bab tersebut akan memberi obligasi untuk fokus kepada langkah-langkah pemudahcara perdagangan dan memastikan aliran bebas untuk barangan di rantau ini.

(g) Repositori perdagangan: Sebagai sebahagian daripada usaha mempertingkatkan ketelusan dan jangkaan perdagangan, penubuhan ASEAN *Trade Repository* turut diperuntukan dalam ATIGA. Repositori perdagangan ini akan menjadi satu pusat maklumat *on-line* mengenai maklumat dan prosedur perundangan berkaitan perdagangan dan kastam bagi rantau ASEAN.

BAB 10: PERKEMBANGAN DALAM KUMPULAN SERANTAU

TINJAUAN

Malaysia menyokong usaha-usaha mempertingkat perdagangan global dan kerjasama ekonomi di peringkat serantau dan pelbagai hala. Pada 2008, komitmen Malaysia terhadap inisiatif-inisiatif serantau dan pelbagai hala dalam bidang perdagangan dan kerjasama serta integrasi ekonomi terbukti dalam penyertaan negara dalam Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Organisasi Persidangan Islam (OIC), Kumpulan Lapan Negara-negara Membangun (D-8), Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) dan Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC).

APEC meneruskan usahanya dalam mempromosi perdagangan dan pelaburan serantau yang bebas dan terbuka di rantau Asia Pasifik, serta memperkukuh integrasi ekonomi serantau melalui fasilitasi perdagangan dan pelaburan, inisiatif bina upaya dan pembaharuan struktur, serta mempertingkat keselamatan manusia bagi memastikan kestabilan, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan. Bagi menangani krisis kewangan global, ekonomi APEC telah memberi komitmen untuk mengelakkan sebarang usaha-usaha untuk memperkenalkan langkah-langkah perlindungan serta memberi penekanan keperluan untuk melaksana pakej rangsangan bagi melonjakkan perbelanjaan pengguna dan mempromosi aliran perdagangan dan pelaburan.

Dalam OIC dan D-8, perbincangan diteruskan dengan memberi fokus ke atas pelaksanaan perjanjian keutamaan perdagangan (PTA) dengan tujuan untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan yang akan menyumbang ke arah pencapaian pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan kemakmuran di kalangan Negara Anggota. Dalam OIC, draf Standard OIC bagi Makanan Halal juga telah dimuktamadkan buat kali pertama oleh Kumpulan Pakar Standard OIC .

Sidang Kemuncak D-8 Keenam yang diadakan di Kuala Lumpur pada 2008 telah mengesahkan Peraturan Tempasal PTA. Pada masa ini, pengesahan daripada sekurang-kurangnya dua Negara Anggota D-8 diperlukan bagi pelaksanaan PTA. Malaysia telah mengesahkan Protokol mengenai Skim Keutamaan Tarif (PRETAS), Peraturan Tempasal bagi Sistem Keutamaan Perdagangan di kalangan Negara Anggota OIC (TPS-OIC) dan D-8 PTA.

IOR-ARC juga telah memulakan sistem keutamaan perdagangan dan sedang berusaha ke arah memuktamadkan draf Rangka Kerja bagi Perjanjian IOR-ARC PTA.

KERJASAMA EKONOMI ASIA PASIFIK (APEC)

Peru merupakan tuan rumah kepada Mesyuarat-mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada 2008 dan telah memilih tema *'A New Comittment to Asia-Pacific Development'*, yang memberi fokus terhadap menangani isu-isu utama dalam ekonomi, keselamatan manusia, cabaran-cabaran alam sekitar dan sosial yang dihadapi oleh rantau Pasifik. Semasa mempengerusikan APEC, Peru terus memberi penekanan ke atas kepentingan untuk merapatkan jurang antara ekonomi APEC yang maju dengan yang membangun.

Pada tahun tersebut, Malaysia telah menyertai Mesyuarat Pemimpin-pemimpin APEC ke-16 (AELM), Mesyuarat Menteri-menteri APEC ke-20 (AMM),

Mesyuarat Menteri-menteri APEC yang Bertanggungjawab terhadap Perdagangan ke-20 (MRT), Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan ke-15, Mesyuarat Menteri-menteri yang Bertanggungjawab Enterpris Kecil dan Sederhana ke-15 (EKS), pembukaan/perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Pembaharuan Struktur, Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan ke-4, Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Penerangan ke-7 dan Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ke-5.

Krisis Kewangan Global

Suasana mencabar ekonomi global telah menjadi isu utama dalam perbincangan Pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri APEC. Kenyataan Lima Mengenai Ekonomi Global, dikeluarkan oleh Pemimpin-pemimpin APEC menekankan langkah tindak balas untuk mengurangkan impak krisis kewangan, keperluan mengatasi kelemahan-kelemahan dalam peraturan sedia ada serta rangka kerja kawal selia sistem kewangan global, serta ketidakstabilan harga makanan dan komoditi yang memberi tekanan kepada ekonomi-ekonomi APEC.

Malaysia telah memberi penekanan kepada perlunya pemantauan yang efektif oleh Institusi Kewangan Antarabangsa untuk mengenal pasti kelemahan yang menyumbang kepada kerapuhan ekonomi dan pasaran kewangan, termasuk keperluan untuk mempertingkatkan ketelusan sektor awam dan swasta, dengan pemantauan peraturan yang lebih efektif ke atas sektor swasta. Di samping itu, Malaysia juga telah mencadangkan supaya agensi penarafan kredit perlu dikawal selia oleh beberapa peraturan dan amalan terbaik untuk memastikan pelabur-pelabur menerima penilaian tepat mengenai keupayaan kredit syarikat-syarikat.

Malaysia telah menggesa ekonomi-ekonomi APEC untuk tidak menerima dasar yang berpandangan sempit serta berbentuk perlindungan tetapi mengekalkan pasaran terbuka untuk merangsang aktiviti pelaburan dan perniagaan yang akan menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan, dan juga memudahkan kemasukan pelaburan ke rantau ini. Malaysia turut menyarankan kepada penyelesaian jangka panjang seperti *The New Bretton Woods* untuk menangani keperluan makro ekonomi, peraturan kewangan dan pasaran dalam sistem kewangan antarabangsa.

Sokongan Terhadap Sistem Perdagangan Pelbagai Hala

APEC telah menyeru supaya rundingan Agenda Pembangunan Doha (DDA) dimuktamadkan seawalnya untuk merangsang ekonomi global yang sedang menguncup serta memberi faedah kepada perdagangan global. Pemimpin-pemimpin dan Menteri-menteri APEC telah bersetuju untuk memberikan keutamaan sepenuhnya untuk memuktamadkan rundingan DDA WTO sebelum akhir 2008.

Integrasi Ekonomi Serantau

Pada 2008, APEC telah melaksana 53 tindakan yang telah dipersetujui seperti terkandung dalam Laporan Integrasi Ekonomi Serantau 2007 yang memberi tumpuan kepada liberalisasi dan fasilitasi perdagangan dan pelaburan serta pembangunan EKS. Sebahagian besar tindakan-tindakan tersebut telah dilaksanakan, dan kemajuan besar telah dibuat ke atas bidang yang masih belum selesai seperti kajian kemungkinan dan implikasi Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) serta perjanjian-perjanjian pelaburan dua hala untuk membangunkan prinsip-prinsip APEC bagi perjanjian pelaburan.

Bagi memaksimum manfaat integrasi ekonomi serantau, Malaysia telah memberi penekanan bahawa APEC perlu terus memberi fokus ke atas peranan penting kerjasama teknikal dan bina

upaya untuk membantu ekonomi-ekonomi membangun. Integrasi Ekonomi Serantau memerlukan satu pendekatan *building block* yang memberi fokus kepada bidang-bidang seperti fasilitasi perdagangan dan pelaburan, serta pembangunan EKS.

Pelan Tindakan Individu

Pelan Tindakan Individu (IAP) adalah laporan kemajuan tahunan ekonomi APEC yang menyatakan tindakan-tindakan dan pelan-pelan dalam mencapai Matlamat Bogor[1]. Setiap ekonomi APEC perlu mengemukakan laporan IAP kepada APEC setiap tahun. Laporan-laporan tahunan IAP boleh didapati di laman APEC e-IAP melalui www.apec-iap.org. Ekonomi APEC menetapkan jangkamasa dan sasaran masing-masing, serta melaksanakan tindakan ini secara sukarela dan tidak terikat.

Pada 2008, enam ekonomi APEC iaitu Kanada, Chile, Mexico, Peru, Singapura dan Amerika Syarikat telah membentangkan laporan IAP dalam sesi *Peer Review*. Malaysia akan membentangkan laporan IAPnya untuk *Peer Review* semasa Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Pertama di Singapura pada 2009.

Perjanjian Perdagangan Serantau/ Perjanjian Perdagangan Bebas (*RTAs/ FTAs*)

Langkah-langkah model *(model measures)* APEC untuk RTAs/FTAs dijadikan sebagai panduan kepada peruntukan-peruntukan yang boleh dimasukkan dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). *Model measures* ini mengandungi 15 bab yang merangkumi bidang seperti pelaburan, anti lambakan, subsidi dan langkah-langkah timbal balas, perdagangan perkhidmatan dan kerjasama tenaga pekerja serta pelindung.

1 Objektif utama Matlamat Bogor adalah untuk merealisasikan perdagangan dan pelaburan bebas dan terbuka di serantau APEC menjelang 2010 bagi ekonomi-ekonomi APEC maju dan 2020 bagi ekonomi-ekonomi APEC membangun.

Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik

Susulan daripada cadangan Pemimpin-pemimpin APEC pada 2007 untuk meneroka kemungkinan mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) sebagai prospek jangka panjang, beberapa kajian kemungkinan telah dimulakan dalam tahun 2008 dan kajian masih diteruskan. Kajian-kajian ini merangkumi inventori awal isu-isu yang perlu ditangani sebagai sebahagian daripada proses persediaan bagi kemungkinan pelaksanaan FTAAP termasuk isu-isu mengenai feasibiliti, implikasi ke atas proses APEC, mekanisme yang bersesuaian untuk merealisasi FTAAP serta cara untuk menilai keperluan bina upaya untuk ekonomi APEC.

Kajian awal analisis telah menunjukkan bahawa dalam bidang tertentu seperti prosedur kastam APEC RTAs/FTAs, isi kandungan dan maksud peraturan yang diguna pakai dalam perjanjian-perjanjian semasa tidak banyak berbeza, manakala bagi kaedah pengumpulan dalam peraturan tempasal, perbezaan ketara telah dikenal. Satu kajian awal analisis juga telah menunjukkan bahawa kemungkinan FTAAP boleh memberi manfaat kepada ekonomi APEC dan rangsangan untuk perdagangan bebas global, tetapi ekonomi APEC perlu menghadapi cabaran dalam melaksanakan FTAAP. Analisis kuantitatif dan kualitatif yang lebih terperinci sedang dijalankan untuk mengenal pasti impak dari segi ekonomi, manfaat dan halangan pelaksanaan FTAAP. Untuk melaksanakan FTAAP, keperluan ekonomi APEC perlu diberi perhatian sepenuhnya.

Liberalisasi dan Fasilitasi Perdagangan dan Pelaburan

Pelaksanaan Pelan Tindakan Fasilitasi Perdagangan Kedua (TFAP II) terus diberi penekanan untuk mengurangkan kos transaksi perdagangan sebanyak 5 peratus lagi bagi tempoh 2007 hingga

2010. TFAP II merangkumi prosedur kastam, standard dan pematuhan, perdagangan elektronik dan pergerakan komuniti perniagaan. Pada 2008, Petunjuk Prestasi Utama dan metodologi laporan untuk mengukur kemajuan tindakan-tindakan kolektif dan inisiatif *pathfinder* bagi pelaksanaan TFAP II telah disahkan oleh Mesyuarat Menteri-menteri yang bertanggungjawab ke atas Perdagangan (MRT). Usaha telah dimulakan bagi kemungkinan melaksanakan perdagangan antarabangsa melalui *Single Window* di seluruh rantau APEC menggunakan instrumen dan standard antarabangsa yang diiktiraf bagi mempertingkatkan kebolehan beroperasi antara sistem-sistem perdagangan.

Malaysia telah mencadangkan supaya program-program kerjasama teknikal dan bina upaya dalam fasilitasi perdagangan di bawah TFAP II perlu memberi fokus kepada menangani cabaran-cabaran dan halangan bukan perdagangan yang boleh mengekang pergerakan barangan merentas sempadan ekonomi APEC. Program fasilitasi perdagangan APEC dalam mempromosikan perdagangan seharusnya disesuaikan ke arah peningkatan berterusan pematuhan perdagangan, pengurangan formaliti dalam urusan kastam dan pengangkutan bagi mempercepatkan proses pelepasan barang, meminimumkan kelewatan dan kos serta memberi jaminan dalam setiap rangkaian transaksi. Bagi merealisasinya, komitmen dari ekonomi APEC perlu berterusan bagi mempertingkatkan peraturan fasilitasi perdagangan.

MRT telah mengesahkan Pelan Tindakan Fasillitasi Pelaburan APEC (IFAP) pada 2008, yang bertujuan untuk memperkukuh integrasi ekonomi serantau dan mencapai Matlamat Bogor. IFAP mengandungi senarai tindakan dan langkah-langkah yang harus dilaksanakan oleh ekonomi APEC untuk memperbaiki persekitaran pelaburan.

Ekonomi APEC sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan ketelusan dan memperbaiki regim pelaburan di samping menggalakkan serta memudahkan perdagangan dan pelaburan bebas di rantau ini. Salah satu usaha fasilitasi perdagangan APEC adalah kajian untuk mengurangkan halangan di sebalik sempadan terhadap pelaburan tempatan di rantau Asia Pasifik.

Pembaharuan Struktur

Malaysia telah menyertai Mesyuarat Menteri-menteri mengenai Pembaharuan Struktur yang pertama pada 3 hingga 5 Ogos 2008 di Melbourne, Australia. Mesyuarat tersebut membincangkan isu-isu dalam pembaharuan struktur di sebalik sempadan yang dianggap penting dalam membantu meningkatkan keberkesanan pasaran dan memapankan pertumbuhan ekonomi. Pembaharuan struktur ini akan memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna, menyediakan produk dan perkhidmatan pada harga yang berdaya saing, memperkukuh keupayaan untuk memberi respon dalam perubahan ekonomi global, serta meningkatkan kestabilan ekonomi, daya saing dan produktiviti. Ini akan dapat menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan serta memperbaiki kesejahteraan penduduk.

Dalam melaksanakan pembaharuan struktur ini, ekonomi APEC perlu mengambil perhatian mengenai cabaran-cabaran politik yang perlu ditangani. Ini termasuk:

- memastikan sokongan politik yang padu untuk menjayakan pelaksanaan pembaharuan struktur;

- peraturan dan proses institusi yang mantap dan mendapat sokongan penuh Kerajaan untuk memastikan pembaharuan secara berterusan; dan

- agenda pembaharuan yang mengambil kira keperluan domestik memandangkan

tiada satu bentuk pendekatan pembaharuan yang bersesuaian untuk semua ekonomi APEC.

Menteri-menteri juga mengesahkan Garis Panduan Amalan Terbaik bagi Pembaharuan Regulatori yang memfokus kepada prinsip-prinsip peraturan yang berkesan. Malaysia turut berkongsi pengalaman mengenai penubuhan Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) dalam pembaharuan struktur dan regulatori dalaman.

Agenda pembaharuan struktur APEC pada 2009 akan memberi fokus kepada pelaksanaan program kerja Agenda Pemimpin dalam Pelaksanaan Reformasi Struktur (LAISR) 2010 yang merangkumi lima bidang iaitu dasar persaingan, pembaharuan regulatori, pengurusan sektor awam, tadbir urus korporat serta pengukuhan infrastruktur ekonomi dan perundangan. Dalam melaksanakan inisiatif ini, penekanan akan diberikan kepada pelaksanaan sokongan praktikal dari segi program bina upaya dan kesungguhan ekonomi APEC secara individu untuk meneruskan reformasi struktur domestik.

Kerjasama Ekonomi dan Teknikal

Pada 2008, sejumlah 77 projek Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH) telah dilaksanakan oleh APEC. Projek-projek tersebut termasuk pembangunan modal insan, pengukuhan infrastruktur ekonomi, pembaharuan struktur, pengukuhan EKS, teknologi dan keselamatan insan. Sepanjang tahun tersebut, Malaysia melaksanakan dua projek ECOTECH yang dibiayai oleh APEC iaitu:

- *Workshop on Understanding and Developing Risk Management Options for Market Access*, dari 13 hingga 17 Oktober 2008; dan
- *APEC Capacity Building Workshop Report on Ensuring Product Safety for Consumers*, dari 10 hingga 12 November 2008.

APEC telah meluluskan 72 projek ECOTECH berjumlah AS$6.5 juta untuk pelaksanaan pada 2009. Antara bidang-bidang yang diberi keutamaan bagi program bina upaya adalah:

- fasilitasi perdagangan dan pelaburan terutamanya dalam memudah cara perniagaan, kajian semula dasar pelaburan, perdagangan merentas sempadan, keselamatan perdagangan dan akses pasaran;
- tenaga alternatif dan tenaga yang boleh diperbaharui serta kecekapan tenaga dan standard; dan
- projek berkaitan alam sekitar seperti perubahan iklim dan ekosistem marin.

Pada 2009, Malaysia dijadualkan untuk melaksanakan lima projek ECOTECH iaitu:

- *Capacity Building on Community Based Tourism as a Vehicle for Poverty Reduction and Dispersing Economic Benefits at the Local Level in Developing Member Economies*, anjuran Kementerian Pelancongan pada 15 - 17 April 2009 di Sandakan, Sabah;
- *APEC Small and Medium Enterprise Working Group* (SMEWG) *Technology Entrepreneur Seminar: 'Innovation & Technology – The Sustaining Power Of SMEs In The Global Economic Crisis'*, anjuran SMIDEC dari 3 - 5 Jun 2009 di Kuala Lumpur;
- *APEC Programmes on Experience Exchange Among Judicial Authorities and Prosecutors*, 9 - 10 Jun 2009 di Kuala Lumpur, anjuran Perbadanan Harta Intelek Malaysia;
- *'Core Elements Of International Investment Agreements In The APEC Region' (Phase III) Training Course*, usahasama APEC-UNCTAD, anjuran MITI dan MIDA dari 15 - 19 Jun 2009 di Kuala Lumpur; dan

- *Twinning Arrangement in APEC-Pilot Work Placement Scheme*, yang akan dilaksanakan oleh Securities Industry Development Corporation (SIDC) pada November 2009.

Penyertaan dalam program-program bina upaya APEC adalah terbuka kepada pegawai sektor awam dan wakil sektor swasta yang berkaitan dari kalangan ekonomi APEC.

Enterpris Kecil dan Sederhana

Mesyuarat Menteri-menteri Enterpris Kecil dan Sederhana yang (SMEMM) ke-15 telah diadakan pada 28 hingga 29 Ogos 2008 di Chiclayo, Peru. Tema Mesyuarat iaitu *'Sustainable Local Development to Foster SMEs Growth'* adalah sejajar dengan fokus Malaysia dalam APEC 2008. Malaysia menyokong keperluan untuk membangun dan memodenkan EKS sebagai sektor yang dinamik bagi mewujudkan peluang pekerjaan baru.

Menteri-menteri EKS bersetuju untuk menggalakkan dasar-dasar, perniagaan dan persekitaran regulatori bagi memupuk penubuhan, pertumbuhan dan pembangunan enterpris mikro dan EKS. APEC meluluskan pelan strategik baru empat tahun bagi tempoh 2009 hingga 2012. Pelan ini dibentuk untuk menyokong pembangunan EKS dalam bidang-bidang seperti pembiayaan, pengurusan inovasi, keupayaan pengurusan serta mempromosikan pengusahawanan, kemasukan pasaran dan *internationalisation*, meningkatkan kesedaran amalan perniagaan mapan, Tanggungjawab Sosial Korporat yang bertemakan 'Belia, Wanita dan Minoriti'.

Pada SMEMM, Malaysia dengan kerjasama AS telah bersetuju untuk menganjurkan *APEC SMEWG Technology Entrepreneur Seminar: 'Innovation & Technology – The Sustaining Power Of SMEs In The Global Economic Crisis',* dari 3 hingga 5 Jun 2009 di Kuala Lumpur. Seminar tersebut akan diadakan semasa Pameran SMIDEC (SMIDEX) 2009.

Pada 2008, aktiviti SMEWG tertumpu kepada:

- mempromosi dan menggalakkan inovasi dalam pengurusan EKS melalui Seminar Pengurusan Inovasi SME;
- penilaian sendiri secara sukarela ke atas perkembangan inovasi EKS menjelang 2010; dan
- meningkatkan tahap kesedaran terhadap Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan menanam kesedaran terhadap CSR untuk EKS sebagai aktiviti utama dan strategi perniagaan jangka panjang SMEWG yang substantif.

Bagi 2009, SME menggunakan tema *'Helping SMEs Access Global Markets and Overcoming Trade Barriers'* yang menekan kepada:

- liberalisasi pasaran untuk meningkatkan kemasukan pasaran EKS di kalangan ekonomi APEC;
- memudahkan usahasama dan rangkaian perniagaan dengan menggalakkan kerjasama merentas sempadan; dan
- sokongan untuk EKS menjadi enterpris antarabangsa.

Pelancongan

Mesyuarat Menteri Pelancongan APEC yang ke-5 telah diadakan pada 9 hingga 11 April 2008 di Cusco, Peru. Mesyuarat tersebut memeterai Deklarasi Pachacamac yang:

- mengiktiraf pentingnya Pelancongan Bertanggungjawab untuk menjadikan percutian mesra alam, mapan dan bermoral serta mengurangkan impak negatif ke atas sektor pelancongan;

- menggalak Pertubuhan Pelancongan ekonomi APEC mempromosikan Pelancongan Bertanggungjawab; dan

- menyokong kepentingan budaya dalam menggalakkan pertumbuhan produk pelancongan dalam APEC.

Inisiatif bina upaya APEC pada 2008 diteruskan untuk menggalakkan pelancongan mapan di rantau Asia Pasifik. Program bina upaya yang dilaksanakan melibatkan penyertaan pegawai-pegawai pelancongan adalah:

- *The First Training on the Application of APEC Skill Standard Concept and System,* 9 - 11 September 2008 di Mexico City, Mexico; dan

- *The Second Training on the Application of APEC Skill Standard Concept and System*, 4 - 6 November 2008 di Beijing, Republik Rakyat China.

Telekomunikasi dan Penerangan

Mesyuarat Menteri-menteri Telekomunikasi dan Penerangan yang ke-7 telah berlangsung pada 20 hingga 25 April 2008 di Bangkok, Thailand. Dengan tema dasar yang diperakui *'Digital Prosperity: Turning Challenges into Achievements'*, mesyuarat telah:

- mengiktiraf bahawa penggunaan internet di kalangan ekonomi APEC telah meningkat tiga kali ganda sejak pelancaran Matlamat Brunei pada 2000 dan mencapai kemajuan ke arah matlamat penggunaan internet secara universal menjelang 2010;

- menyeru supaya inisiatif bina upaya memberi tumpuan kepada:

  - melengkapkan penguatkuasa dalam menjalankan tugas mereka dalam menggalakkan persaingan dan pembaharuan regulatori domestik; dan

  - melaksanakan Peraturan Pengiktirafan Bersama dengan infrastruktur penilaian pematuhan dan keupayaan yang seragam;

- menugaskan Kumpulan Kerja Telekomunikasi dan Penerangan (TEL) untuk membangunkan mekanisme yang menyokong perkhidmatan perniagaan merentas sempadan yang selamat;

- bersetuju untuk meningkatkan usaha dalam menambah pengetahuan dan kepakaran di kalangan pengguna bagi menghadapi ancaman siber dan memupuk budaya keselamatan.

Pada 2008, TEL telah mengambil inisiatif bina upaya seperti berikut:

- *APEC Workshop on e-Governance*, 27 Febuari 2008 di Lima, Peru;

- *Industry Roundtable*, Oktober 2008 di Lima, Peru;

- *Telecommunications for Disaster Management: Best Practices Workshop*, Oktober 2008 di Lima, Peru;

- *Cyber Security Awareness Raising Workshop*, Oktober 2008; dan

- *2008 APEC TEL Public Key Infrastructure/e-Authentication Training Program*, 29 Oktober - 4 November 2008 di Taipei, Taiwan.

Pembangunan Sumber Manusia

Inisiatif pembangunan sumber manusia di bawah APEC memberi tumpuan kepada isu pendidikan, tenaga kerja, bina upaya melalui Rangkaian Pendidikan (EDNET), Rangkaian Perlindungan Sosial dan Tenaga Kerja (LSPN), dan Rangkaian Bina Upaya (CBN). Dalam menggalakkan kesejahteraan hidup masyarakat serantau melalui pertumbuhan ekonomi dan pembangunan. Kumpulan ini telah

melaksanakan inisiatif bina upaya antaranya:

- *Symposium on Education to Achieve 21st Competencies and Skills for All: Respecting the Past to Move Toward the Future*, 15 - 19 Januari 2008 di Xi'an, Republik Rakyat China;
- *APEC Workshop on Embedding Entrepreneurship in the University Curriculum*, 22 - 23 Julai 2008 di Ha Noi, Viet Nam;
- *APEC Symposium on Developing Effective Public-Private Partnership*, 11 - 13 Ogos 2008 di Singapura;
- *APEC Youth Camp*, 1 - 6 Oktober 2008 di Puno, Peru; dan
- *The 12th APEC Forum on Human Resources Development-The Role of Technical/Vocational Education and Training (TVET) Providers in Training for Employees,* 19 - 21 November 2008 di Tokyo, Jepun.

Mesyuarat Menteri-menteri Pendidikan APEC yang ke-4 telah berlangsung pada 11 hingga 13 Jun 2008 di Lima, Peru. Mesyuarat bersetuju mengenai empat bidang yang utama untuk aktiviti EDNET iaitu:

- matematik dan sains;
- kerjaya dan pendidikan teknikal
- pembelajaran bahasa-bahasa lain; dan
- teknologi maklumat dan komunikasi.

Menteri-menteri juga bersetuju untuk mengutamakan projek EDNET mengenai kualiti dan arahan tenaga pengajar; standard dan penilaian; sumber dan kelengkapan; serta dasar dan penyelidikan.

Kewangan

Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC yang ke-15 telah diadakan pada 5 hingga 6 November 2008 di Trujillo, Peru telah memfokus kepada perbincangan mengenai perkembangan dalam ekonomi global dan serantau, memperbaiki kualiti perbelanjaan awam dan pembaharuan pasaran modal.

Menteri-menteri Kewangan telah membincangkan secara mendalam mengenai tindakan yang bersesuaian terhadap krisis kewangan dunia dengan memberi fokus kepada kelemahan dalam rangka peraturan dan pemantauan sedia ada. Mereka juga telah membincangkan situasi harga makanan dan komoditi yang tidak menentu yang mengakibatkan tekanan kepada ekonomi APEC.

Perbincangan juga memberi fokus kepada cabaran terhadap risiko fiskal yang harus ditangani terutama semasa krisis kewangan global. Menteri-menteri menekankan bahawa keutamaan harus diberikan dalam menguruskan perbelanjaan awam berdasarkan prinsip belanjawan yang berasaskan hasil dan mensasarkan perbelanjaan untuk mencapai pembahagian sumber awam yang lebih berkesan.

Dalam tindak balas kepada impak krisis kewangan dunia, Mesyuarat telah memberi penekanan bahawa reformasi pasaran modal mesti memfokus kepada kajian semula rangka pemantauan kewangan, standard perakaunan dan keperluan modal minima serta mengenakan piawaian yang berhemah ke atas semua institusi kewangan. Langkah ini juga seharusnya menuju ke arah perluasan penggunaan pasaran bon berasaskan matawang tempatan dan meningkatkan penawaran aset jangka panjang kepada pelabur institusi dan runcit.

Pada 2008, enam inisiatif bina upaya dikendalikan di bawah Proses Menteri Kewangan iaitu:

- *Fiscal Space-Reviewing, Assessing and Prioritising Government Expenditure*

(Second Workshop), 14 - 15 Mei 2008 di Jakarta, Indonesia;

- *Building Fiscal Sustainability Through Better Risk Management of Public-Private Partnership Projects (Segment 2 Workshop)*, 19 - 20 Mei 2008 di Ho Chi Minh City, Viet Nam;

- *APEC-IMF High Level Seminar 'Ageing and Financial Markets'*, 21 - 23 Mei 2008 di Seoul, Republik Korea;

- *Workshop on Improving Access to Finance for SMEs in the Asia Pacific Region*, 16 - 17 Jun 2008 di Shanghai, Republik Rakyat China;

- *APEC Public-Private Sector Forum on Bond Market Development*, 9 Julai 2008 di Cusco, Peru; dan

- *APEC Training Program on Enhancing Risk Management and Governance in the Region's Banking System to Implement Basel II*; 8 - 12 Disember 2008 di Shanghai, Republik Rakyat China.

Keselamatan Perdagangan serta Memudahkan Perniagaan dan Pergerakan Barangan Rentas Sempadan

Menangani Keganasan

Beberapa inisiatif menangani keganasan di bawah APEC terus memberi penekanan bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan aman, bebas daripada ancaman keganasan ke atas perdagangan dan pelaburan di rantau Asia Pasifik. Antara aktiviti-aktiviti menangani keganasan yang diadakan pada 2008 adalah:

- *APEC Best Practices in Post-Blast Scene Management Workshop*, 7 - 11 Januari 2008 di Bangkok, Thailand;

- *Capacity Building Workshop on APEC Trade Recovery Programme*, 23 - 24 Julai 2008 di Singapura;

- *Effective Public-Private Partnerships in Counter-Terrorism*, 19 Ogos 2008 di Lima, Peru;

- *Sixth Secure Trade in the APEC Region Conference (STAR VI)*, 20 - 21 Ogos 2008 di Lima, Peru;

- *APEC Seminar on Securing Remittance Systems and other Cross Border Payment from Terrorist Use,* 22 - 23 Ogos 2008 di Jakarta, Indonesia; dan

- *APEC Workshop on Detecting and Deterring Cash Couriers and Bulk Cash Smugglers*, 3 - 5 Disember 2008 di Manila, Filipina.

Pelan Tindakan APEC untuk Menangani Ancaman Keganasan yang dibentuk pada 2002 sentiasa dikemaskini oleh ekonomi APEC bagi mengenal pasti keperluan bina upaya, meningkatkan fokus dalam agenda ancaman keganasan dan perdagangan serta mengukuh kerjasama dan komitmen dalam mengatasi masalah ini. Mekanisme laporan setiap ekonomi telah dilaksanakan secara domestik yang memfokus kepada tiga bidang iaitu, menggalakkan perdagangan selamat, menghalang pembiayaan keganasan dan mempromosikan keselamatan siber.

Keselamatan Perdagangan

Bagi menggalakkan perdagangan selamat, ekonomi APEC telah memberi laporan terkini mengenai langkah-langkah perlindungan kargo, kapal di perairan antarabangsa, pengangkutan udara antarabangsa dan melindungi penumpang transit serta memerangi ancaman terhadap keselamatan.

Persidangan Keselamatan Perdagangan di Rantau APEC (STAR VI) yang ke-6 telah berlangsung pada 20 hingga 21 Ogos 2008 di Lima, Peru. Tema STAR VI 2008 adalah *'Security and Vulnerabilities of the Global Supply Chain'*. STAR VI menangani

keperluan untuk membentuk tindakan yang sesuai di kalangan ekonomi APEC bagi menangani ancaman keganasan ke atas rantaian bekalan. Inisiatif ini memerlukan kajian semula langkah-langkah keselamatan antarabangsa sedia ada di rantau Asia Pasifik.

Hasil STAR VI memberi fokus kepada tiga bidang utama iaitu cabaran keselamatan ke atas rantaian bekalan yang dihadapi di rantau APEC, pelaksanaan langkah-langkah keselamatan rantaian bekalan dan kerjasama di antara kerajaan dan sektor swasta dalam keselamatan rantaian bekalan.

Kesihatan

Pada 2008, keutamaan yang ditentukan bagi inisiatif-inisiatif kesihatan di bawah APEC adalah kesediaan dan tindak balas kepada ancaman ke atas kesihatan awam iaitu pandemik selsema burung dan influenza manusia dan penyakit jangkitan vektor, memerangi HIV/AIDS dan meningkatkan kesedaran kesihatan melalui teknologi maklumat kesihatan. Aktiviti bina upaya yang dikendalikan oleh Kumpulan Kerja Kesihatan APEC pada 2008 dan disertai pegawai- pegawai Malaysia ialah:

- *APEC Workshop for the Control Practice of Dengue Fever*, 5 - 6 Jun 2008 di Kaohsiung, Taiwan;
- *Training Course for Rapid Response and Containment of Human Infection with Avian Influenza A/H5N1*, 16 - 18 Jun 2008 di Beijing, Republik Rakyat China;
- *Animal Health, Human Health and the Environment. Exploring the 'One Health, One World' Concept and Applying It to Risk Communications*, 13 - 15 Ogos 2008 di Lima, Peru;
- *Capacity Building Seminar on Social Management Policies for Migrants to Prevent the Transmission of HIV/AIDS*, 18 - 19 September 2008 di Ha Noi, Viet Nam; dan
- *Third APEC e-Health Technical Forum*, 1 - 3 Disember 2008 di Seoul, Republik Korea.

Kesediaan Menghadapi Kecemasan

Inisiatif APEC dalam kesediaan menghadapi kecemasan telah diperkukuhkan sepanjang tahun bagi memenuhi keperluan untuk membentuk daya tahan masyarakat dan kesediaan menghadapi kecemasan dan bencana alam menjadi lebih runcing. Mandat Pasukan Petugas Kesediaan Menghadapi Kecemasan (TFEP) telah diperbaharui untuk dua tahun lagi di Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan APEC yang pertama pada 2008 sejak diumumkan pada 2007, untuk:

- amalan terbaik dalam menghadapi kecemasan, persediaan menghadapi bencana alam dan usaha-usaha tindak balas dalam APEC; dan
- meningkatkan kemampuan dalam mengurangkan, menyediakan dan memberi tindak balas yang sewajarnya terhadap kecemasan dan bencana alam.

Aktiviti-aktiviti mengenai kesediaan menghadapi kecemasan yang telah dilaksanakan pada 2008 adalah:

- *Study Course on Disaster Emergency Response and Recovery*, 14 - 22 April 2008 di Beijing, Republik Rakyat China;
- *Viet Nam Dialogue which involved APEC economies, private sector representatives and regional and international partners to discuss emergency preparedness and risk reduction*, 24 - 25 April 2008 di Viet Nam;
- *Stock take of APEC Emergency Preparedness developed by Indonesia*; dan
- *Emergency Management CEOs Seminar*, 12 - 14 Ogos 2008 di Lima, Peru.

Perubahan Iklim

Pada 2008, Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin APEC bersetuju bahawa isu perubahan iklim perlu ditangani dengan lebih komprehensif, melalui kerjasama antarabangsa di bawah *United Nation Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC). Pemimpin-pemimpin juga menegaskan komitmen mereka terhadap tindakan bersama di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN) serta langkah-langkah seiring untuk mencapai persefahaman yang saksama dan berkesan pasca-2012 melalui aturan perubahan iklim di Persidangan Perubahan Iklim UN di Copenhagen pada Disember 2009.

Asia-Pacific Network for Energy Technology (APNet) dan The Energy Security Initiative (ESI) ditubuhkan untuk menangani isu-isu perubahan iklim yang merangkumi langkah jangka pendek dan dasar respon jangka panjang APEC dalam menghadapi cabaran dan halangan terhadap pembekalan tenaga di rantau ini.

Di mesyuarat pemimpin, Malaysia telah menegaskan bahawa isu perubahan iklim mesti terus dilihat sebagai sebahagian daripada rangka utama dalam ahli-ahli ekonomi untuk berkongsi pendapat bagi menambah pengetahuan dan pemahaman mengenai tenaga bio-bahan api, hidro, angin dan solar. Ekonomi maju digalakkan untuk membantu proses ini dengan memudahkan akses kepada teknologi yang relevan dan mampu diperoleh yang diperlukan oleh ekonomi sedang membangun.

Anti-rasuah dan Ketelusan

Pada 2008, Pasukan Petugas Anti-Rasuah (ACT) telah memperkenalkan beberapa langkah yang boleh dilaksanakan iaitu:

- Deklarasi Anti-Rasuah Lima mengenai Integriti Pasaran Kewangan yang memberi fokus kepada usaha-usaha mengembalikan keyakinan orang awam, memastikan integriti kerajaan dan pasaran, menghalang dan merungkai rangkaian rasuah dan melindungi daripada penyalahgunaan sistem kewangan;

- Garis Panduan mengenai Tindakan Swasta-Awam Terhadap Rasuah yang bertujuan untuk menggalakkan peningkatan penyertaan sektor swasta bagi memperkukuh sistem anti rasuah ekonomi APEC;

- bersetuju dengan Kod Etika bagi Perniagaan;

- Bengkel Anti Rasuah dan Pembaharuan Pentadbiran yang diadakan di Ha Noi, Viet Nam dari 25 - 26 Jun 2008; dan

- Seminar Berkaitan Kerjasama Khas Antarabangsa Bagi Memudahkan Pengambilalihan Aset.

Di mesyuarat AMM yang ke-20 pada 19 hingga 20 November 2008, Menteri-menteri APEC menggalakkan ekonomi untuk mengesahkan dan melaksana *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC). Malaysia memberi penekanan bahawa suatu pendekatan yang holistik dan komprehensif perlu diambil untuk memerangi rasuah secara berkesan. Malaysia memaklumkan bahawa Badan Pencegah Rasuah (ACA) telah disusun semula menjadi satu suruhanjaya dan Malaysia juga telah mengesahkan UNCAC pada September 2008.

Penstrukturan Sekretariat APEC

Mulai tahun 2008, satu formula baru mengenai sumbangan kewangan ekonomi APEC telah dilaksanakan. Peningkatan ke atas sumbangan adalah bagi membiayai perbelanjaan tambahan disebabkan:

- lantikan Pegawai Eksekutif Operasi dan Pengarah Teknologi Maklumat; dan

- perwujudan jawatan tetap Pengarah Eksekutif APEC mulai Januari 2010.

Pelantikan-pelantikan ini dijangka akan meningkatkan kecekapan pengendalian aktiviti-aktiviti APEC dan pengurusan kewangan serta memberi sokongan yang berterusan dan efektif kepada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan dan fora APEC.

Susulan daripada keputusan Pemimpin pada 2007, Unit Sokongan Dasar di bawah Sekretariat APEC telah ditubuhkan untuk membantu tugas-tugas APEC, terutamanya Jawatankuasa Perdagangan dan Pelaburan (CTI) dan Jawatankuasa Ekonomi dalam aspek-aspek seperti kajian/ analisis, integrasi ekonomi serantau, reformasi struktur dan bina upaya.

Sebagai usaha berterusan untuk memperluas capaian APEC kepada komuniti antarabangsa dan untuk mempertingkat pengetahuan dan fahaman luar mengenai organisasi APEC, Sekretariat APEC telah diberi mandat untuk meningkatkan program-program penyebarannya.

PERTUBUHAN PERSIDANGAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC)

Malaysia telah menyerah jawatan Pengerusi OIC kepada Republik Senegal di Persidangan Kemuncak Islam ke-11 yang diadakan di Dakar pada 13 - 14 Mac 2008. Negara Anggota OIC, termasuk Malaysia telah mendapat manfaat daripada pelaksanaan program mempertingkat dan mempermudah perdagangan di kalangan Negara Anggotanya. Nilai perdagangan Malaysia dengan Negara Anggota OIC pada 2008 telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 44.5 peratus kepada AS$36.1 bilion (2007 : AS$27.7 bilion). Perdagangan antara Malaysia dengan Negara Anggota OIC berpihak kepada Malaysia sejak 1990 dan lebihan perdagangan yang dicatatkan pada 2008 adalah sebanyak AS$4.5 bilion.

Syer perdagangan global OIC meningkat 9.5 peratus pada 2006, dengan peningkatan 10.5 peratus bagi eksport dan 8.4 peratus bagi import. Perdagangan intra-OIC juga telah mencatat trend positif dengan peningkatan 14.5 peratus pada 2004, 15.5

Jadual 10.1:
Perdagangan Malaysia pada tahun 2008 dengan 10 Negara-negara teratas anggota OIC

Negara	Eksport (AS$ Juta)	Import (AS$ Juta)	Jumlah Perdagangan (AS$ Juta)
Indonesia	20,719.0	24,186.5	44,905.5
Emiriyah Arab Bersatu	12,558.8	8,392.4	20,951.2
Arab Saudi	3,513.6	7,546.5	11,060.1
Pakistan	5,734.5	422.0	6,156.5
Iran	2,447.1	2,548.9	4,996.0
Oman	766.7	2,885.5	3,652.2
Kuwait	1,254.6	1,699.8	2,954.4
Mesir	2,387.9	359.7	2,747.6
Bangladesh	2,285.5	197.1	2,482.6
Jordan	1,831.3	449.5	2,280.8

Disediakan Oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

peratus pada 2005, 16.3 peratus pada 2006 dan 16.4 pada 2007[2].

Di bawah Program Tindakan Sepuluh Tahun OIC yang telah dipersetujui semasa Sesi Luar Biasa yang Ketiga Persidangan Kemuncak Islam pada Disember 2005 di Mekah, Arab Saudi, OIC telah mensasarkan peningkatan perdagangan intra-OIC sebanyak 20 peratus menjelang 2015.

Pelaksanaan TPS-OIC dijangka akan dapat memberi dorongan tambahan untuk merealisasi objektif perdagangan di bawah Program Pelaksanaan Sepuluh Tahun OIC. Namun demikian, skim tersebut belum dilaksanakan dan tertangguh kerana beberapa Negara Anggota OIC masih belum mengesahkan PRETAS dan Peraturan Tempasal (RoO) TPS-OIC.

Malaysia memandang berat tentang kelewatan pelaksanaan TPS-OIC dan telah membangkitkan isu tersebut di pelbagai mesyuarat OIC termasuk di Mesyuarat-mesyuarat *Standing Committee for Economic and Commercial Cooperation of the OIC* (COMCEC) dan Persidangan Menteri-menteri Luar OIC. Perkara ini juga telah dibangkitkan di pertemuan dua hala semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia ke Iran, Qatar, Bahrain, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Kuwait pada 2008.

Sehingga Disember 2008:

- 22 daripada 33 negara yang menandatangani Rangka Kerja Perjanjian TPS-OIC berkuatkuasa pada 2002 telah mengesahkan Perjanjian tersebut;

- 15 Negara Anggota OIC telah menandatangani PRETAS tetapi hanya enam Negara Anggota telah mengesahkannya, kekurangan empat Negara Anggota daripada 10 yang diperlukan untuk ianya berkuatkuasa; dan

- sembilan Negara Anggota telah menandatangani Peraturan Tempasal TPS-OIC dan empat Negara Anggota telah mengesahkan perjanjian tersebut.

Malaysia telah melengkapkan pengesahan Rangka Kerja Perjanjian TPS-OIC pada 23 Ogos 2004. PRETAS pula telah disahkan pada 11 Mei 2006 sementara Peraturan Tempasal TPS-OIC pada 15 Oktober 2008.

Lain-lain Inisiatif di bawah OIC

Pada 2008, Malaysia telah melaksanakan lapan projek bina upaya untuk Negara Anggota OIC yang dibiayai di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Projek-projek yang telah dilaksanakan adalah:

- Program Penyesuaian bagi pegawai-pegawai Agensi Penggalakan Pelaburan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA);

- Perkongsian Pengalaman Malaysia dalam Promosi Perdagangan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE);

- Promosi Kecemerlangan dan Dayasaing Organisasi oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);

- Mempertingkatkan Pengetahuan dan Bina Upaya untuk Sumber Manusia oleh MPC;

- Program Latihan untuk Usahawan Wanita oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC);

- Program Latihan untuk Pegawai-pegawai Agensi Bertanggungjawab bagi Pembangunan EKS oleh SMIDEC;

2 *Sumber : Laman Web Sekretariat OIC, ucapan oleh Setiausaha Agong OIC semasa Sesi COMCEC ke-23, November 2008. Statistik bagi perdagangan intra-OIC 2008 masih belum dikeluarkan secara rasmi.*

- Perkongsian Amalan Terbaik Prosedur dan Fasilitasi Kastam oleh Akademi Kastam Diraja Malaysia; dan

- Program Latihan mengenai Infrastruktur Standard Halal dan Pematuhan untuk Negara Anggota OIC oleh Jabatan Standard Malaysia dan SIRIM.

Projek-projek ini telah dihadiri oleh 88 peserta dari lebih 20 Negara Anggota OIC termasuk Tunisia, Mozambique, Kazakhstan, Maldives, Burkina Faso, Maghribi, Senegal dan Bosnia-Herzegovina.

Sesi Ke-23 Mesyuarat COMCEC yang diadakan di Istanbul, Turki pada November 2007, telah bersetuju dengan cadangan supaya kajian lanjut mengenai 'Standard Makanan Halal' dibuat oleh Kumpulan Pakar Standard OIC.

Draf pertama mengenai Standard Makanan Halal OIC berdasarkan standard di Malaysia, Turki, Bosnia Herzegovina, Indonesia dan Kuwait telah dirangka oleh Kumpulan Pakar Standard OIC. Standard tersebut dijangka muktamad pada 2009 untuk kelulusan di Sesi Ke-25 Mesyuarat COMCEC.

KUMPULAN LAPAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN (D-8)

Malaysia telah menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak Keenam Kumpulan D-8 di Kuala Lumpur pada 8 Julai 2008. Pada Sidang Kemuncak tersebut, Indonesia secara rasmi telah menyerahkan tanggungjawab Pengerusi Kumpulan D-8 kepada Malaysia untuk dua tahun berikutnya.

Sidang Kemuncak Keenam telah menilai kemajuan Kumpulan D-8 dan membincangkan tindakan untuk memperkukuhkan lagi kerjasama termasuk penglibatan aktif sektor swasta Negara Anggota.

Kesemua pemimpin D-8 telah memperakukan 'Deklarasi Kuala Lumpur' dan 'Pelan Kerja bagi Kerjasama Ekonomi D-8 dalam Kerjasama Dekad Kedua 2008 - 2018' semasa Sidang Kemuncak tersebut. Deklarasi Kuala Lumpur yang bertemakan *'Meeting Global Challenges through Innovative Cooperation'* antara lain menyeru supaya diadakan program-program dan aktiviti-aktiviti inovatif bagi meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam projek-projek seperti kilang baja dan makanan ternakan, bank benih dan Dana Makanan D-8.

'Pelan Kerja bagi Kerjasama Ekonomi D-8 dalam Kerjasama Dekad Kedua 2008 - 2018' adalah pelan tindakan yang telah digaris dalam skop aktiviti D-8 bagi mempertingkatkan perdagangan intra-D-8. Skop Pelan Kerja ini juga meliputi bidang perdagangan dan fasilitasi perdagangan, industri dan standard perindustrian, enterpris kecil dan sederhana, pelancongan, kewangan, pengangkutan, telekomunikasi dan teknologi maklumat, sains, teknologi dan inovasi, tenaga dan sumber mineral, pertanian dan perhutanan. Antara sasaran Pelan Kerja tersebut adalah:

- mempertingkat perdagangan intra-D-8 sekurang-kurangnya sebanyak 15 - 20 peratus perdagangan global menjelang 2018; dan

- memperkukuh penglibatan sektor swasta dalam bidang seperti fasilitasi perdagangan, kerjasama kastam dan bina upaya.

Inisiatif Pelan Kerja merangkumi tiga fasa:

- Fasa Pertama (2007 - 2008) - persediaan perancangan bagi kerjasama untuk dekad kedua;

- Fasa Kedua (2008 - 2013) - pelan lima tahun yang memberi fokus kepada PTA D-8 dan Peraturan Tempasal, Perjanjian Kastam dan Visa, pelaksanaan

kumpulan kerja perindustrian; serta aktiviti kerjasama perniagaan; dan

- Fasa Ketiga (2013 - 2018) - untuk mencapai perdagangan intra-D-8 sebanyak AS$517.5 bilion atau 15 - 20 peratus perdagangan global.

PTA D-8, satu instrumen bagi memenuhi objektif Pelan Kerja, telah ditandatangani semasa Kemuncak Ke-Lima D-8 di Bali pada Mei 2006 untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan perdagangan di kalangan Negara Anggota D-8 melalui konsesi tarif dan penghapusan halangan bukan tarif yang telah dikenalpasti bersama oleh Negara-negara Anggota. Perjanjian tersebut memerlukan pengesahan dan akan dilaksanakan setelah disahkan oleh sekurang-kurangnya empat Negara Anggota. Dalam Mesyuarat Pegawai-pegawai Tinggi Perdagangan Ke-10 (HLTO) di Kuala Lumpur pada 3 Julai 2008, Negara-negara Anggota telah memuktamad Peraturan Tempasal bagi PTA dan menerima pakai Prosedur Persijilan Operasi.

Perdagangan global Negara Anggota D-8 telah meningkat 17.5 peratus kepada AS$1.2 trilion pada 2007 daripada AS$1 trilion pada 2006. Jumlah eksport global telah meningkat 18.7 peratus kepada AS$614.8 bilion pada 2007 daripada AS$517.8 bilion pada 2006, sementara import global telah berkembang 16.3 peratus kepada AS$568.8 bilion pada 2007, daripada AS$489.2 bilion pada 2006.

Perdagangan Malaysia dengan Negara-negara Anggota D-8 adalah dalam trend positif, dengan peningkatan melebihi empat kali ganda kepada AS$15.9 bilion pada 2007, daripada AS$3.6 bilion pada 1997. Dalam tempoh tersebut, eksport telah meningkat kepada AS$8.9 bilion pada 2007 daripada AS$2.2 bilion pada 1997, sementara import telah meningkat kepada AS$7 bilion pada 2007 daripada AS$1.4 bilion pada 1997.

Mesyuarat Keempat Kumpulan Kerja D-8 bagi Industri telah diadakan di Bali, Indonesia pada 10 - 12 November 2008, dan buat julung kalinya melibatkan penyertaan sektor swasta. Pada mesyuarat tersebut, wakil sektor swasta dan Kerajaan dari Indonesia, Malaysia, Iran, Nigeria, Mesir dan Turki membentangkan kertas kerja mengenai peluang-peluang kerjasama dalam pelbagai sektor. Negara-negara Anggota yang telah ditugaskan untuk memantau pembangunan dalam sektor-sektor adalah seperti berikut:

- automotif - Indonesia, Iran dan Turki;
- baja - Indonesia, Iran dan Turki;
- petrokimia - Indonesia dan Iran;
- industri keluli - Indonesia, Mesir dan Turki;
- stesen janakuasa - Nigeria;
- lampu jimat tenaga - Nigeria;
- minyak dan gas - Nigeria, Turki dan Iran;
- pengurusan lapangan terbang - Malaysia;
- pensijilan dan Standard Halal - Malaysia; dan
- tekstil - Mesir.

Mesyuarat tersebut turut membincangkan Pengalaman Kerjasama Perindustrian Serantau-ASEAN dan bersetuju untuk menggunapakai rangka kerja ASEAN mengenai kerjasama perindustrian sebagai asas untuk menyediakan rangka kerja D-8 mengenai kerjasama perindustrian.

KUMPULAN SERANTAU YANG LAIN

Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD)

Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD) diadakan setiap empat tahun untuk membincangkan isu-isu

baru muncul mengenai ekonomi dan pembangunan serta program kerja masa depan. Persidangan ke-12 telah diadakan di Accra, Ghana dari 20 - 25 April 2008 dengan tema '*Addressing the Opportunities and Challenges for Development*'.

Persidangan UNCTAD

Persidangan UNCTAD ke-12 di Accra, Ghana pada 2008 adalah persidangan UNCTAD pertama diadakan di Afrika sejak 1996. Ia juga merupakan persidangan utama Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) yang pertama diadakan setelah krisis makanan global, justeru menyediakan forum yang bertepatan pada masanya untuk meneroka jalan penyelesaian.

Perbincangan-perbincangan dalam UNCTAD ke-12 telah memberi fokus ke atas empat sub-tema utama:

- meningkatkan kesepaduan di semua peringkat untuk pembangunan ekonomi mapan dan mengurangkan kemiskinan dalam penggubalan dasar global, termasuk sumbangan pendekatan serantau;
- isu-isu utama perdagangan dan pembangunan serta realiti-realiti baru dalam kedudukan ekonomi dunia;
- meningkatkan kemudahan persekitaran di semua peringkat untuk memperkukuh kapasiti pengeluaran, perdagangan dan pelaburan serta mengerakkan sumber-sumber dan memanfaatkan pengetahuan untuk pembangunan; dan
- mengukuhkan peranan UNCTAD dalam pembangunan, impak dan keberkesanan institusi.

Persidangan ke-12 UNCTAD telah memperakukan Deklarasi Accra dan Persetujuan Accra yang menggaris prinsip-prinsip bagi membentuk asas kepada kerja UNCTAD dalam empat tahun akan datang untuk:

- menolak dasar perlindungan terutama terhadap barangan dan perkhidmatan dari negara membangun;
- komited terhadap perdagangan bebas dan adil;
- memperbaiki strategi semasa dalam mengurangkan kemiskinan global;
- bekerja ke arah perpaduan pembangunan bagi memperbaiki kualiti hidup setiap insan;
- memberi fokus ke atas negara kurang membangun terutama di Afrika, mengenai pengurusan berorientasikan pembangunan, kerjasama sektor awam-swasta serta integrasi lebih baik dalam globalisasi ekonomi dunia;
- memperkukuh peranan UNCTAD sebagai pusat tumpuan bagi UN untuk layanan seimbang terhadap perdagangan dan pembangunan serta isu-isu berkaitan dalam bidang kewangan, teknologi, pelaburan dan pembangunan mapan;
- meneliti isu-isu baru dan tertunggak yang boleh memupuk persefahaman yang lebih baik mengenai cara untuk memaksimum impak positif globalisasi ke atas pembangunan;
- menggiatkan kerjasama antara Kerajaan dalam sektor komoditi dan integrasinya dalam pembangunan nasional, serantau dan antarabangsa serta strategi-strategi mengurangkan kemiskinan; dan
- mempertingkatkan peranan utama perdagangan antara negara Selatan-Selatan dan keperluan kerjasama antara negara Selatan-Selatan, serta kerjasama tiga segi dengan negara-negara perindustrian Utara.

UNCTAD ke-12 mengiktiraf bahawa visi baru mengenai perkongsian antara Kerajaan dan sektor swasta adalah perlu dalam globalisasi pusingan kedua. UNCTAD ke-12 merupakan langkah terpenting dalam menggerakkan dialog mengenai pembangunan antarabangsa dan memperkukuhkan UNCTAD sebagai suatu institusi. Persidangan UNCTAD berakhir dengan semangat dan kesediaan untuk menyelesaikan banyak cabaran baru.

Sistem Keutamaan Perdagangan Global (GSTP)

Sistem Keutamaan Perdagangan Global (GSTP) merupakan satu aturan perdagangan yang diutamakan untuk meningkatkan perdagangan Selatan-Selatan melalui pengurangan atau penghapusan duti-duti import di antara negara-negara anggota. Negara-negara GSTP juga digalakkan untuk menghapuskan halangan bukan tarif (NTB) yang menjadi penghalang kepada perdagangan di kalangan negara anggota.

Pusingan Rundingan Ketiga GSTP yang dilancarkan pada 2004 bertujuan untuk meluaskan skop produk bagi pengurangan duti. Dalam satu Sesi Khas Jawatankuasa Negara-negara GSTP peringkat Menteri yang diadakan pada 22 April 2008 semasa Persidangan UNCTAD ke-12, Menteri-menteri telah memperakukan *Joint Communiqué* yang menyeru supaya Rundingan Pusingan Ketiga dimuktamadkan pada hujung 2008. Bagi memudahkan rundingan-rundingan, draf modaliti mengenai isu-isu utama belum selesai telah dikeluarkan pada 20 Mac 2008.

Selaras dengan *Ministerial Joint Communiqué*, negara-negara GSTP telah bersetuju menggunakan satu pendekatan asas ke atas rundingan - meliputi keseluruhan baris tarif, baris demi baris, serta potongan linear sebanyak 20 hingga 40 peratus ke atas baris tarif yang boleh dikenakan duti, digabungkan dengan permintaan dan tawaran dan/ atau rundingan sektoral. Negara-negara GSTP juga bersetuju untuk menawarkan sekurang-kurangnya 70 peratus daripada jumlah baris tarif yang boleh dikenakan duti ke dalam skim ini.

Semasa pusingan kedua rundingan, 43 negara telah menawarkan konsesi ke atas 1,626 produk, anggaran 1 peratus daripada jumlah baris tarif negara-negara GSTP.

Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC)

Aktiviti-aktiviti Pertubuhan Lingkaran Pantai Lautan Hindi bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC) telah dijalankan oleh tiga Kumpulan Kerja iaitu:

- Kumpulan Kerja Perdagangan dan Pelaburan (WGTI), bertanggungjawab kepada liberalisasi dan fasilitasi perdagangan;

- Forum Perniagaan Lingkaran Pantai Lautan Hindi (IORBF), sebagai platform bagi komuniti perniagaan untuk mewujudkan rangkaian, berinteraksi dan meninjau peluang-peluang perniagaan di kalangan Negara Anggota; dan

- Kumpulan Akademik Lingkaran Pantai Lautan Hindi (IORAG), yang disertai oleh ahli-ahli akademik Negara Anggota bagi menjalankan kajian bersama dan program pertukaran.

Pada 1 Mei 2008, Mesyuarat WGTI Ke lapan di Tehran, Iran, mengkaji semula kemajuan projek-projek berikut:

- pertukaran maklumat mengenai syarat-syarat kuarantin bagi produk haiwan

dan tumbuhan serta syarat-syarat pemeriksaan makanan;

- pertukaran maklumat mengenai prosedur kastam;
- penyediaan satu kompilasi mengenai rejim pelaburan;
- kerjasama dalam standard dan akreditasi;
- pertukaran maklumat mengenai bekalan dan permintaan bagi minyak dan gas termasuk kapasiti dan syarat-syarat pelaburan; dan
- latihan dan bina upaya dalam bidang mengenai pengurangan bencana alam, selsema burung, unit sokongan perikanan dan Bengkel Teknologi Maklumat.

45.	Keluaran gelek rata (*flat-rolled products*) daripada besi atau keluli bukan aloi dengan lebar 600 mm atau lebih, gelek panas, tidak bersadur, berplat atau bersalut	MITI
46.	Keluaran gelek rata (*flat-rolled products*) daripada besi atau keluli bukan aloi dengan lebar 600 mm atau lebih, gelek sejuk, tidak bersadur, berplat atau bersalut	MITI
47.	Keluaran gelek rata (*flat-rolled products*) daripada besi atau keluli bukan aloi dengan lebar kurang daripada 600 mm, tidak bersadur, berplat atau bersalut	MITI
48.	Tiub, paip dan profil berongga daripada besi beracuan (*cast iron*) di bawah No. 7303.00 000	MITI

Bil	Produk	Agensi Pengeluar Lesen
49.	Tiub, paip dan profil berongga tidak bercantum (*seamless*) daripada besi (selain dari besi beracuan) atau keluli di bawah No. 73.04	MITI
50.	Lain-lain tiub dan paip daripada besi dan keluli (dikimpal, dipaku atau seumpamanya) yang mempunyai keratan rentas bulat (*circular cross-sections*), berdiameter luaran melebihi 406.4 mm di bawah No. 73.05	MITI
51.	Lain-lain tiub, paip dan profil berongga daripada besi atau keluli (seperti cantuman terbuka (*open seam*) atau dikimpal, dipaku atau seumpamanya)	MITI
52.	Bahan kimia toksik dan kandungannya di bawah *Convention on the Prohibition of the Development, Production, Stockpiling and Use of Chemical Weapons and on Their Destruction* 1993 (CWC)	Kementerian Luar Negeri
53.	Mesin penyalin cakera optik dan alat-alat ganti : 8479.89 200, 8479.90 000	MITI
54.	Mesin pembuat ubat : 8479.89 900	MITI
55.	Katrij toner berwarna : 37.07	MITI
56.	Sisa plastik : 39.15	MITI

LAMPIRAN 6 : SENARAI SENSITIF DAN PENGECUALIAN SEMENTARA BAGI PELABURAN DI NEGARA-NEGARA ASEAN DI BAWAH PERJANJIAN KAWASAN PELABURAN ASEAN

Sektor Perkilangan

BRUNEI DARUSSALAM

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Pembuatan pakaian bagi kategori-kategori 338, 339, 638 dan 639 – hanya untuk pasaran ke Amerika Syarikat.
Tiada lagi kelulusan diberikan.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Penggunaan sumber tempatan domestik, kemasukan pasaran dan kemudahan-kemudahan yang dibekalkan kerajaan atau pengeluaran produk-produk berkaitan dengan makanan.
Pelabur asing mesti mempunyai sekurang-kurangnya 30% penglibatan ekuiti tempatan. Walau bagaimanapun, pemilikan ekuiti sepenuhnya oleh warga asing dibenarkan sekiranya 100% daripada produk adalah untuk tujuan eksport dengan pengecualian kepada pembuatan produk berkaitan dengan makanan dan penggunaan sumber tempatan. 30% penyertaan tempatan adalah diperlukan.

Industri-industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing
Pembuatan simen.
Pengeluaran air minuman samada daripada pili atau sumber tempatan.
Tertakluk kepada kawalan.

KEMBOJA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Pembuatan/pemerosesan item-item kebudayaan.
Tertakluk kepada kelulusan awal daripada Kementerian yang berkaitan.

Kayu balak, venir, papan lapis, produk-produk yang menggunakan kayu balak tempatan sebagai bahan mentah.
Tiada lagi lesen baru akan dikeluarkan.

Penghasilan DBSA. Bahan kimia bertoksik yang memudaratkan kesihatan masyarakat dan memberi kesan kepada alam sekitar.
Tertakluk kepada kelulusan awal dari Kementerian Kesihatan dan kementerian-

kementerian terbabit.

Penghasilan bahan-bahan kimia bertoksik atau penggunaan agen-agen toksik.
Dilarang selaras dengan perjanjian antarabangsa.

Pembuatan bahan-bahan *psychotropic*.
Larangan ke atas bahan-bahan psychotropic :

- Brolamfetamine, Cathinone, DET, DMA, DMHP, DMT, DOET, Eticyclidine, (+)-Lysergide, MDMA, Mescaline, 4-Methylaminorex, MMDA, N-Ethyl-MDA, N-Hydroxy-MDA, Parahexyl, PMA, Psilocine, Psilotsin, Psilocybine, Rolicyclidine, STP, DOM, Tenamfetamine, Tenocyclidine, Tetrahydrocannabinol, TMA.

Tertakluk kepada kelulusan awal Kementerian Kesihatan bagi bahan-bahan psychotropic berikut :

- Amfetamine, Dexamfetamine, Fenetylline, Levamfetamine, Mecloqualone, Metamfetamine, Methaqualone, Methylphenidate, Phencyclidine, Phenmetrazine, Metamfetamine Racemate, Secobarbital, Amobarbital, Allobarbial, Almprazolam, Amfepramone, Barbital, Benzfetamine, Bromasepam, Buprenorphine, Butalbital, Butobarbital, Cathine, Camazepam, Chlordiazepoxide, Clobazam, Clonazepam, Clorazepate, Clorazepam, Cloxazolam, Cyclobarbital, Delorazepam, Diazepam, Estazolam, Ethchlorvynol, Ethinamate, Etilamfetamine, Fencamfamine, Fenproporex, Fludiazepam, Flunitrazepam, Flurazepam, Gluthethimide, Halazepam, Haloxazolam, Ketazolam, Lefetamine, Loflazepate Ethyl, Loprazolam, Lorazepam, Lormetazepam, Mazindol, Medazepam, Mefenorex, Meprobamate, Methylphenobarbital, Methyprylon, Midazolam, Nimetazepam, Nitrazepam, Nordazepam, Oxazepam, Oxazolam, Pemoline, Pentazocine, Pentobarbital, Phendimetrazine, Phenobarbital, Phentermine, Pinazepam, Pipradrol, Prazepam, Pyrovalerone, Secbutabarbital, Temazepam, Tetrazepam, Triazolam, Vinylbital.

Pembuatan/pemprosesan dadah narkotik.
Dilarang.

Pembuatan senjata.
Polisi Pertahanan Negara.

Pembuatan mercun dan bunga api
Tertakluk kepada kawalan.

Pembinaan yang berkaitan dengan pertahanan dan keselamatan.
Polisi Pertahanan Negara.

<u>Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing</u>
Penghasilan rokok.
Hanya untuk eksport (100% eksport).

Alkohol.
Penghasilan cerita wayang (*movies*).
Tertakluk kepada kelulusan awal kementerian terbabit.

Eksploitasi batu permata
Batu bata diperbuat dari tanah liat (samada berlubang atau padu) dan jubin.
Pengilangan beras.
Pembuatan kayu dan ukiran batu.
Tenunan sutera.
Tertakluk kepada penyertaan ekuiti tempatan.

INDONESIA

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Industri pembuatan peralatan komunikasi :
- alat perhubungan telefon

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Saccharine.
Cyclamate.
Tertutup – untuk kesihatan orang awam.

Kilang papan.
Hanya di Papua yang menggunakan hutan semulajadi sebagai bahan mentah.

Papan lapis.
Tertutup. Hanya di Papua.

Rokok terbelah (dengan mesin automatik).
Ratio penghasilan secara manual dan dengan mesin.

Mercun dan bunga api.
Penghasilan *ammonium nitrate* untuk kegunaan letupan.
Keselamatan negara.

Makanan dan minuman :
- industri-industri yang menyediakan daging hancur, direbus dan kemudiannya digoreng, dan daging siat; industri-industri yang menyediakan buah-buahan yang dijeruk/dimaniskan, sayur-sayuran dan telur; industri-industri yang menyediakan ikan masin/ikan yang dijeruk dan lain-lain biota laut; industri-industri membuat roti, biskut, dan seumpamanya; industri-industri membuat gula perang/nira kelapa/gula dari kelapa sawit; industri-industri membuat pasta kacang yang ditapai dan digunakan sebagai perasa; industri-industri membuat tauhu; industri-industri membuat ringkasan kacang; industri-industri membuat cip yang rangup, cip diperbuat dari tepung dan kacang tanah, udang ikan kecil/chip yang rangup diperbuat dari pisang, kentang, kek kacang dll; industri-industri membuat snek kacang tanah (kacang tanah digoreng tanpa lapisan, kacang tanah masin, kacang putih yang besar, kacang bawang); industri-industri membuat cip yang diperbuat

dari tepung dibubuh perasa ikan atau udang; industri-industri membuat perasa atau ikan atau udang yang ditapai; industri-industri membuat kek yang digoreng, direbus atau diwapkan; pemerosesan kelapa sawit, nira kelapa dan palmira kelapa sawit; dan industri-industri penghasilan madu lebah.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana

Pelbagai industri membuat butiran tepung, bijirin sarapan, kekacang dan ubi kentang:
- pelbagai jenis tepung beras; tepung diperbuat dari kekacang; dan tepung diperbuat dari *cassava* kering.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Industri-industri penyiapan yan :
- yan yang mempunyai motif ikatan berdasarkan tenun ikat; yang menggunakan peralatan yang dijalankan secara manual.

Tekstil dan produk tekstil :
- industri tenunan tradisional (pakaian yang ditenun tidak menggunakan mesin); industri pembuatan batik yang ditulis tangan; industri jahitan dengan peralatan yang menggunakan tangan; dan industri pembuatan penutup kepala dan perhiasan kepala tanpa rim.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Industri pencetakan dan penyudahan pakaian :
- pencetakan dengan peralatan menggunakan tangan, kecuali ketika ianya digabungkan dengan industri aliran atasan.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Industri-industri kapur dan produk-produk yang dihasilkan daripada kapur :
- kapur perah; kapur yang dikunyah dengan daun betel; kapur mati; kapur untuk tujuanpertanian; dan kapur.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Industri penghasilan artikel tanah liat untuk tujuan penggunaan seisi rumah :
- hiasan rumah yang tidak berkilat; pelbagai jenis pasu yang tidak dikilatkan; dan peralatan rumah yang tidak berkilat.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Industri tanah liat untuk tujuan pembinaan :
- batu bata tanah liat; dan jubin bumbung tanah liat yang tidak berkilat.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Industri pembuatan peralatan pertanian :
- matok; penyodok; bajak; penyikat; serampang peladang; besi alabangka; sabit; skrap untuk mencebis sesuatu; sarap/lempak/bawak (untuk memungut hasil tanaman); pisau kecil bertujuan untuk memotong kelapa; cangkul atau tajak untuk membuang rumpai; emposan tikus (penyembur membunuh tikus); penyembur yang digunakan secara manual; alat menuai padi yang digunakan secara manual; alat menuai padi dan kacang soya yang digunakan secara manual; dan alat menuai jagung yang digunakan secara manual.

Industri pembuatan peralatan memotong :
- parang pendek; kapak; pisau yang bermata besar; dan peralatan untuk memotong bawang/*cassava*/cip.

Peralatan industri penanaman :
- pisau untuk menoreh getah; mangkuk getah; takung membeku getah; mesin menanggalkan kulit kopi; dan mesin menanggalkan kulit kacang kashew.

Industri pembuatan peralatan kraftangan :
- kulir; ketam kayu; ketam; Beugel-beugel (peralatan tradisional); kasut *pleste* (peralatan tradisional untuk *plaster;* spatulas; pengapit; gergaji; tukul besi (jenis kecil); pahat; dan pangut (pemotongan tradisional)

Industri penyelenggaraan dan pembaik pulihan (bengkel, termasuk bengkel khusus) :
- bengkel kecil termasuk bengkel kecil untuk tujuan *roving*, pembaik pulihan tayar, bengkel untuk *upholstery*, bengkel untuk landasan keretapi, bengkel untuk penyelenggaraan kapal, pengisian/pengepaman udara, pembaik pulihan badan kereta tradisional dan seumpamanya, tanpa menggunakan peralatan moden.

Industri penyelenggaraan dan pembaik pulihan (bengkel termasuk bengkel khusus) :
- pembaik pulihan peralatan elektrik untuk tujuan kegunaan di rumah.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Industri pembuatan peralatan elektrik dan komponen-komponen lain :
- pelbagai jenis pengapit; motor armatur dan trek armatur.

Industri profesional, sains, peralatan mengukur dan pengawal elektrik :
- kotak meter air.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Pelbagai industri kraftangan :
- kraftangan yang menggunakan tumbuhan sebagai bahan mentah; kraftangan yang menggunakan haiwan sebagai bahan mentah; bunga tiruan dan perhiasan; kraftangan yang menggunakan sotong dan sebagainya; kraftangan yang diperbuat daripada batu berharga dan marbel; dan peralatan rumah yang diperbuat daripada buluh dan rotan.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Pemerosesan rotan mentah.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Produk perubatan tradisional dan peralatan perubatan bukan untuk tujuan perubatan.
Peralatan musikal tradisional Indonesia.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

<u>Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing</u>

Makanan dan minuman :
- industri memproses susu/produk dairy; industri salai ikan dan seumpamanya; industri pembuatan tepung daripada ikan (makanan haiwan); industri memproses teh; industri penghasilan sos soya; industri memproses : lada; *gnetum gnemon*; kayu manis; vanila; buah pelaga; buah pala; dan bunga cengkih; dan industri gula pasir.

Industri penghasilan produk getah untuk tujuan perindustrian :
- getah gulung.

Industri pembuatan mesin pertanian :
- mesin pembanting; pemotong jagung; *hydrotillers*; dan pembuang jagung.

Industri pembuatan mesin penghasilan cecair :
- pam air yang menggunakan tangan.

Industri pembuatan basikal :
- industri pembuatan peralatan basikal

Industri pembuatan kraftangan perak.
Pemprosesan dan pengetinan buah-buahan.

Industri pelbagai jenis esen kelapa :
- esen kelapa sago.

Pengisaran beras.
Industri kopra (isi kelapa).
Industri penenunan benang sutera.
Industri aliran bawah bagi produk lada.
Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Industri ikan salai.
Industri mengukir kayu.
Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

LAO PDR

Senarai Pengecualian Sementara

<u>Industri-industri Tertutup Hanya kepada Pelabur-pelabur Asing</u>
Pembuatan produk-produk kuprum/tembaga, perak dan emas (barang kemas).
Pembuatan anak patung Lao.
Pembuatan selimut/kain cadar daripada kapas dan kapok.
Pembuatan peralatan musikal Lao yang tulen.
Dikhususkan untuk penduduk Lao.

<u>Industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing</u>
Pengilangan produk mee beras.
Tertakluk kepada ratio kandungan tempatan yang tinggi (penggunaan bahan-bahan tempatan) dan/atau keperluan eksport.

Penghasilan bir.
Penghasilan minuman ringan.
Tertakluk kepada usahasama dengan pelabur tempatan dan/atau eksport 100%.

Penghasilan produk tembakau.
Tertakluk kepada ratio kandungan tempatan yang tinggi, penyertaan ekuiti tempatan dan/atau eksport 100%.

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Pembuatan semua jenis senjata.
Dilarang atas sebab-sebab keselamatan.

Pembuatan/pemprosesan dadah narkotik.
Pembuatan item-item kebudayaan yang mengancam tradisi dan budaya kebangsaan.
Dilarang.

Pembuatan bahan-bahan kimia dan bahan buangan industri yang berbahaya kepada kehidupan manusia dan alam sekitar.
Dilarang atas sebab-sebab kesihatan dan alam sekitar.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Pembuatan bahan-bahan *psychothopic*.
Tertakluk kepada butir-butir lanjut yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.

Pembuatan kayu dan produk kayu.
Penubuhan kilang pemprosesan kayu tidak dibenarkan, kecuali untuk penggunaan bahan-bahan mentah dari penanaman semula hutan.

Pembuatan bahan kimia dan produk-produk kimia.
Dibenarkan sekiranya ia tidak membahayakan alam sekitar dan masyarakat.

Pembuatan barangan farmaseutikal.
Pembuatan semua jenis alkohol.
Pembuatan semua jenis kenderaan bermotor.
Tertakluk kepada penglibatan ekuiti tempatan dan/atau untuk eksport atau nisbah kandungan tempatan yang tinggi.

MALAYSIA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Pengetinan nenas.
Pengilangan minyak kelapa sawit.
Ditutup kecuali untuk projek-projek dengan sumber bekalan daripada ladang sendiri.
Penulenan minyak kelapa sawit.
Ditutup untuk Semenanjung Malaysia. Dibuka untuk projek-projek di Sabah dan Sarawak dengan sumber bekalan dari ladang sendiri.

Penulenan gula.
Ditutup

Minuman keras dan beralkohol.
Ditutup untuk projek-projek yang tidak mengeksport 100% daripada produk mereka.

Pemerosesan tembakau dan rokok.
Ditutup untuk projek-projek yang tidak mengeksport 80% daripada produk mereka.

Kayu balak, venir dan papan lapis.
Ditutup untuk Semenanjung Malaysia dan Sabah. Dibuka untuk Sarawak.

Produk berasaskan kayu yang menggunakan kayu tempatan sebagai bahan mentah.
Ditutup untuk Semenanjung Malaysia. Dibuka untuk Sabah dan Sarawak.

Penulenan petroleum.
Ditutup untuk projek-projek yang tidak mengeksport 100% daripada produk mereka.

Simen Portland biasa.
Ditutup untuk projek-projek yang tidak diintegrasikan. Contohnya projek yang tidak mengeluarkan batu hangus sendiri untuk dikisar menjadi simen Portland biasa.

Pembuatan batang besi bulat yang panas dan wayar besi.
Ditutup.

Bilet besi/pembunga.
Ditutup untuk projek-projek yang mempunyai kapasiti kurang daripada 350,000 tan.

Pemasangan motorsikal, kereta penumpang, kenderaan komersil.
Ditutup.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing dan Tempatan
Fabrik dan kain daripada batik.
Simen Portland biasa (projek-projek yang diintegrasikan).
Pemilihan maksimum ekuiti asing yang dibenarkan adalah 30%.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Bahan letupan, produk *pyrotechnic*, tepung *propellant*, *detonating* atau fius keselamatan dan seumpamanya.
Senjata dan amunasi.
Kelulusan awal diperlukan daripada Kementerian Dalam Negeri.

MYANMAR

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Pembuatan semua jenis palpa.
Polisi produk yang dinilai tambah.
Memerlukan industri pembuatan kertas.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing
Penghasilan dan pemasaran barangan pembinaan yang asas, perabot, pakir, dll. menggunakan teak yang diekstrak dan dijual oleh persatuan ekonomi yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri.
Hanya untuk eksport produk berasas kayu yang dinilai tambah tinggi.

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Penyulingan, pengadunan, pembaikan, pembotolan, dan pemasaran semua jenis spirit, minuman keras atau bukan minuman keras.
Penghasilan wain.
Penghasilan malta dan minuman keras, bir dan lain-lain produk minuman keras.
Pembuatan minuman ringan, produk-produk yang diudara dan tidak diudarakan.
Pembuatan rokok.
Pembuatan *monosodium glutamate*.
Pembuatan kepingan besi bergalvani yang beralun.
Tiada permit baru diluluskan.

Pembuatan produk-produk petroleum yang ditulenkan.
Dikhususkan untuk sektor Kerajaan Negeri.

Pembuatan senjata.
Polisi Pertahanan Negara.

Industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing
Pengilangan kayu dan pemprosesan kayu.
Polisi negara ke atas industri perhutanan.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing
Pembuatan kepingan venir, pembuatan papan lapis, laminboard, papan partikel dan panel-panel dan papan-papan lain.
Polisi negara ke atas industri perhutanan.

Pembuatan produk-produk bakeri.
Wajib mematuhi keperluan eksport.
Pembuatan palpa, kertas dan papan kertas.
Projek integrasi diwajibkan.

Pembuatan ubatan farmaseutikal.
Firma-firma terkenal akan dipertimbangkan.

FILIPINA

Senarai Sensitif

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Syarikat-syarikat pasaran domestik dengan modal ekuiti berbayar kurang dari AS$200,000*.
Ekuiti asing dihadkan kepada maksimum 40%.

Syarikat-syarikat pasaran domestik yang terlibat dengan teknologi canggih atau mempunyai pekerja langsung sekurang-kurangnya lima puluh (50) orang dengan modal berbayar kurang AS$100,000.*
Ekuiti asing boleh melebihi 40% sekiranya firma mengeksport sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah penghasilan.

Industri-industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing
Syarikat Koperasi*
Tiada ekuiti asing yang dibenarkan.

* Tiada Kod ISIC memandangkan ia merentasi semua sektor.

SINGAPURA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Gula getah, *bubble*, *dental chewing gum* atau bahan-bahan seumpamanya.
Pembuatan dilarang di atas sebab-sebab keselamatan dan sosial.

Mercun.
Kayu mancis.
Pembuatan dilarang di atas sebab-sebab keselamatan.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Penerbitan dan pencetakan surat khabar.
Ekuiti asing tertakluk kepada kelulusan Kementerian-kementerian terbabit.

Bir dan *Stout*
Penjimatan air.

Penghasilan semula media yang dirakam (cth. CD, CD-ROM, VCD, DVD-ROM).
Penguatkuasaan Hak Harta Intelek.

Besi jongkong dan besi sponge.
Produk-produk besi yang digulung.
Jongkong keluli, bilet, pembunga dan bidur.
Terhad kepada industri tempasal besi tempatan (skrap besi).

THAILAND

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan
Pembuatan gula dari tebu.
Tertakluk kepada keputusan Kabinet.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Pembuatan kayu yang diukir.
Pembuatan benang sutera Thai, tenunan sutera Thai atau pencetakan corak sutera Thai.
Pembuatan peralatan muzik Thai.
Pembuatan barangan emas, perak , *niello*, gangsa atau *lacquer*.
Pembuatan pinggan mangkuk daripada seni dan budaya Thai.

Pemasangan kayu untuk penghasilan perabot dan perkakas.
Penglibatan ekuiti asing dihadkan kepada 50% daripada jumlah modal berdaftar.
Penglibatan ekuiti asing lebih daripada 50% daripada jumlah modal berdaftar boleh dibuat sekiranya :

- *memperolehi kebenaran daripada Menteri Perdagangan, dengan kelulusan Kabinet, dan perlu juga mematuhi keperluan berikut :*
    - *perlu mempunyai warganegara Thai, atau orang perseorangan yang pakar tentang undang-undang yang bukan orang asing di bawah Akta ini, memiliki sekurang-kurangnya 40% daripada jumlah modal berbayar. Walau bagaimanpun, Menteri Perdagangan, dengan kelulusan Kabinet, boleh mengurangkan keperluan yang tersebut kepada tidak kurang daripada 25%; dan*
    - *perlu mempunyai warganegara Thai memiliki sekurang-kurangnya dua perlima daripada jumlah lembaga pengarah.*

Atau

- *perlu menerima promosi di bawah Undang-undang Promosi Pelaburan, atau perlu memperolehi kelulusan di bawah undang-undang mengawasi pihak Berkuasa Hartanah Industri Thailand atau lain-lain undang-undang berkaitan.*

Perlu memiliki modal pelaburan minimum semasa permulaan perniagaan tidak kurang dari yang disyaratkan oleh peraturan Kementerian Perdagangan, yang mana ianya tidak kurang daripada 3 juta Baht.
Perlu memohon lesen atau sijil daripada Bahagian Pendaftaran Perdagangan.
Perlu mematuhi syarat-syarat lain yang disebutkan di dalam Foreign Business Act B.E. 2542 (1999) undang-undang lain yang berkaitan.

Pembuatan papan lapis, papan venir, papan cip, atau papan keras.
Pengilangan kapur.
Pengilangan beras.
Penglibatan ekuiti asing dihadkan kepada tidak lebih daripada 50% daripada modal yang didaftarkan.
Penglibatan ekuiti asing tidak melebihi daripada 50% daripada modal yang didaftarkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- *perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Bahagian Pendaftaran Perdagangan dengan kelulusan daripada Jawatankuasa Perniagaan Asing.*
- *perlu menerima promosi daripada undang-undang Promosi Pelaburan, atau perlu memperolehi kelulusan di bawah undang-undang yang mengawasi pihak berkuasa Hartanah Industri Thailand atau undang-undang lain yang berkaitan.*

Perlu memiliki modal pelaburan minimum semasa permulaan perniagaan tidak kurang daripada yang dinyatakan oleh peraturan Kementerian Perdagangan, yang mana ianya tidak kurang daripada 3 juta Baht.
Perlu memohon lesen atau sijil daripada Bahagian Pendaftaran Perdagangan
Perlu mematuhi syarat-syarat lain yang dinyatakan di dalam Foreign Business Act B.E. 2542 (1999) dan undang-undang lain.

Pembuatan rokok.
Pembuatan daun terup.
Perlu mendapatkan kebenaran daripada Ketua Pengarah daripada Bahagian Eksais menurut Tobacco Act. B.E. 2509, atau Playing Card Act B.E. 2486.

VIET NAM

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Pembuatan peralatan perladangan, pemprosesan, mesin penuai hasil tanaman, pam racun serangga, alat-alat gantian untuk mesin-mesin dan enjin untuk pertanian.
Tertakluk kepada keperluan eksport, teknologi dan kualiti.

Pembuatan basikal.
Kipas elektrik.
Pembuatan produk jenis baru dan tertakluk kepada keperluan eksport dan kualiti.

Pembuatan menara elektrik.
Eksport sekurang-kurangnya 50%.
Pembuatan aluminium berbentuk *bar*.
Eksport sekurang-kurangnya 20%.

Single superphosphate fertilizer.
Penghasilan H_2SO_4, H_3PO_4 , LAS, gas-gas industri, acetylene.
Cat yang seringkali diguna.

Tayar dan tiub motorsikal dan basikal; tayar dan tiub kenderaan automotif yang bersaiz sehingga 450 mm.
Paip air plastik yang digunakan dalam industri pertanian, sarung tangan getah, kasut but sanitari untuk pekerja-pekerja.
Tertakluk kepada keperluan eksport dan kualiti.

Plastik untuk kegunaan pelanggan.
Sabun basuh, shampu, sabun, cecair untuk membasuh.
Bateri-bateri Zn, Mn (R_6, R_{14}, R_{20}).
Tertakluk kepada keperluan eksport.

Penghasilan kertas.
Selaras dengan pembangunan sumber bahan mentah tempatan. Kertas jenis biasa seperti kertas pencetak, kertas untuk menulis, kertas fotokopi adalah tertakluk kepada keperluan eksport sekurang-kurangnya 80%.

Jus buah.
Tertakluk kepada keperluan penggunaan sumber bahan mentah tempatan dan eksport.

Elektro-mekanikal dan peralatan penyejukbekuan.
Peralatan elektrik untuk kegunaan di rumah.
Tertakluk kepada keperluan teknologi dan eksport.

Pemerosesan produk aqua, makanan laut yang ditin.
Dalam bentuk usaha sama, tertakluk kepada keperluan barangan dan teknologi dan

eksport sekurang-kurangnya 80%.
Pemasangan enjin untuk industri marin.
Tertakluk kepada keperluan teknologi.

Pembuatan dan pemprosesan kayu.
Pemprosesan produk hasil tenusu.
Selaras dengan pembangunan sumber bahan mentah tempatan.

Penghasilan gula tebu.
Pembuatan dan pemprosesan minyak sayuran.
Selaras dengan keperluan pembangunan sumber bahan mentah dan eksport.

Tanning.
Selaras dengan pembangunan sumber bahan mentah tempatan, dan tertakluk kepada keperluan pemprosesan yang mementingkan alam sekitar.

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelaburan Asing dan Tempatan
Pengeluaran mercun termasuk bungaapi.
Eksport 100%.

Industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing
Perikanan.
Pelaburan asing tidak akan diberi lesen.

Bir dan minuman ringan.
Penghasilan tembakau.
Eksploitasi batu permata.
Penghasilan batang simen vertikal dan batu bata yang diperbuat dari tanah dan jubin.
Bata tanah liat.
Kapal kargo di bawah 10,000 DWT dan kapal kontena di bawah 800 TEU; *lighters* dan kapal penumpang di bawah 500 tempat duduk.
Paip besi penuh D6-D32mm dan D15-D114 mm *seam steel pipe*, *zink galvani* dan kepingan berwarna.
Pengeluaran baja NPK.
Kaca pembinaan.
Tiub dan bal fluorescent.
Pengeluaran jala ikan.
Minyak pelincir, lemak.
Lesen baru tidak akan dikeluarkan.

Alkohol.
Tertakluk kepada jenama, kualiti dan keperluan eksport.

Pemasangan automobil dan pengeluaran.
Tertakluk kepada keperluan kandungan tempatan dan perancangan Kerajaan.

Pemasangan dan pengeluaran motorsikal.

Tertakluk kepada keperluan kandungan tempatan dan eksport melebihi 80%.
Pemasangan produk elektronik pengguna.
Tertakluk kepada keperluan kandungan tempatan.

Pengeluaran set dan tiub TV.
Tertakluk kepada keperluan kandungan tempatan dan eksport melebihi 80%.

Seramik Sanitari, purselin dan jubin.
Eksport 100% dan tertakluk kepada keperluan teknologi.

Pengeluaran simen.
Konkrit sedia dibancuh, penghancuran batu.
Bahan letupan industri dan peralatan.
Eksploitasi, pemprosesan bahan bernilai, bahan mentah, tanah liat untuk bahan pembinaan, eksport pasir berkualiti tinggi untuk pengeluaran gelas pembinaan dan teknikal.
Tertakluk kepada perancangan kerajaan.

Sektor Pertanian, Perikanan dan Perlombongan

BRUNEI DARUSSALAM

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing

Pertanian
Penanaman bijirin dan tanaman lain t.s.t.l., sayur-sayuran, hortikultur dan tanaman kebun, buah-buahan, kekacang, tanaman untuk minuman dan rempah.
Pemburuan, perangkap perambatan haiwan termasuk aktiviti perkhidmatan yang berkaitan.
Penternakan lembu, kambing, biri-biri, kuda, keldai, *mules* dan *hinnies*, ternakan tenusu.
Pertanian digabungkan dengan ternakan haiwan (pertanian campur).
Aktiviti-aktiviti penternakan haiwan dan pertanian, kecuali aktiviti veterinari.

Perhutanan
Ladang hutan dan tapak semaian
30% penglibatan tempatan – untuk menikmati kemudahan kerajaan dan jualan kepada pasaran tempatan.

Senarai Sensitif

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing

Pertanian
Lain-lain penternakan; pengeluaran barangan haiwan t.s.t.l.
30% penglibatan tempatan - untuk menikmati kemudahan kerajaan dan jualan kepada pasaran tempatan.

Perikanan
Penangkapan ikan pesisir pantai (*purse-seines and long lines*).
Akuakultur.
30% penglibatan tempatan adalah diperlukan.

Perlombongan dan Kuari
Pengekstrakan minyak mentah dan gas asli.
Minyak mentah dan gas asli adalah sumber asli yang penting dan merupakan tulang belakang kepada ekonomi Malaysia. Walaupun pelabur asing dibenarkan untuk melabur di dalam aktiviti perlombongan minyak, penglibatan mereka bukanlah 100%. Kerajaan berhak mengambil penglibatan selepas pengisytiharan kekomersialan industri berkenaan. Di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC), Kerajaan melalui Syarikat pegangannya, secara automatik mempunyai kepentingan di dalam aktiviti petroleum.

Perlombongan silika.
Pengekstrakan air bawah tanah.
Kuari batu.
30% penglibatan tempatan - adalah diperlukan untuk menikmati kemudahan kerajaan dan memasuki pasaran tempatan.

KEMBOJA

Senarai Sensitif

<u>Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Asing dan Tempatan</u>

Agronomi
Tanaman estet :
- herba-herba perubatan/tradisional; dan
- penanaman tumbuh-tumbuhan di atas.

Perniagaan dikhususkan untuk keperluan harian dari petani tempatan.

Ternakan
- ayam asli; lembu dan kerbau asli; dan itik asli.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Perikanan
- penangkapan ikan (air tawar); penangkapan *fingerling, caplo capio*, *giant fish*, buaya, *probatus* dan *jullieni fish*.

Spesies yang terancam.

Perhutanan
- tidak berkaitan.

Bergantung kepada peraturan, undang-undang dan kawalan di bawah dasar perhutanan Kemboja.

Perlombongan
- radioaktif (uranium dsb).

Keselamatan Negara.

Industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing

Agronomi
- sumber genetik (biodiversiti).

Perlindungan alam sekitar.

Perikanan
- penangkapan ikan air tawar.

Dikhaskan untuk enterpris kecil dan tempatan.

Pembalakan
- tidak berkaitan.

Dengan syarat usahasama dengan rakan tempatan.

Perlombongan
- perlombongan berskala kecil.

Dikhaskan untuk penduduk tempatan.

Industri Terbuka dengan Syarat untuk Pelabur Asing

Agronomi
Kesemua jenis :
- tanaman makanan; tanaman buah-buahan; tanaman untuk industri; dan industri pemprosesan.

Dengan syarat usahasama dengan persatuan peladang tempatan dan pemeliharaan sumber tempatan (melibatkan semua).

Ternakan
- ternakan ayam (broiler; layer); ternakan lembu; ternakan kambing biri-biri; ternakan kambing; ternakan khinzir; ternakan itik; ternakan lembu tenusu; dan ternakan kuda.

Dengan syarat usahasama enterpris berskala kecil.

Perikanan
- tidak berkenaan.

Rujuk kepada Perundangan Perikanan.

Perhutanan
- produk perhutanan *(finish products)*; zoologi; taman hutan; dan ladang hutan untuk industri.

Tertakluk kepada Dasar Perhutanan Negara.

Perlombongan
- Semua pelaburan asing hendaklah dijalankan di bawah kontrak kerja.

INDONESIA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Tempatan dan Asing

Pertanian

- tanaman estet : herba-herba perubatan, kecuali halia; penanaman lada hitam, belinjo, kayu manis, buah keras, pokok vanila, kapulaga (amomum cardamomum), buah pala, siwalan, *sugar palm and leaf* (lontar), bunga cengkih, Pogostemon Catlin Benth, Uncaria gambir.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Penternakan

- ayam asli.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Perikanan

Bagi tangkapan *marine ornamental fish*, kawasan tangkapan < 12 batu.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Penetasan

Akuakultur

- kawasan penetasan ikan air tawar.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Perhutanan

- kontraktor pembalakan.

Pemeliharaan alam sekitar.

- eksploitasi pemeliharaan lebah (Apiculture).
- eksploitasi *sugar palm*, sagu, rotan, buah keras, buluh dan kayu manis.
- eksploitasi sarang burung layang-layang secara semulajadi.
- eksploitasi tanaman asam jawa oleh pemegang-pemegang kecil (pengumpulan biji asam jawa dan pemprosesan).
- eksploitasi tumbuhan hutan yang boleh menghasilkan arang.
- eksploitasi tumbuhan hutan yang boleh menghasilkan cairan.
- eksploitasi tumbuhan hutan yang boleh menghasilkan minyak Atsiri (minyak pine, minyak lawang, minyak tengkawang, minyak cajuput, minyak kenanga, minyak akar wangi dan lain-lain)

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Perlombongan

- mineral radioaktif (uranium, dan sebagainya).

Keselamatan negara.

- perlombongan kecil-kecilan.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil. Semua pelabur asing mesti diperolehi di bawah kerja kontrak. Kawasan Hutan Simpan adalah dilarang dalam semua jenis perlombongan. Hutan Kekal adalah dilarang untuk perlombongan terbuka.

Industri-industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing

Pertanian

- sumber-sumber genetik (kepelbagaian bio).

Pemeliharaan alam sekitar.

Akuakultur

Kawasan penetasan

- kultur ikan air tawar.

Perniagaan dikhususkan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana.

Perhutanan

- penggunaan hutan semulajadi.

Pemeliharaan alam sekitar.

- penggunaan hutan berdasarkan Hak Eksploitasi Hutan.
- hak komuniti ke atas penggunaan hutan.

Dikhaskan kepada penduduk tempatan.

- sumber-sumber genetik (kepelbagaian bio).

Pemeliharaan alam sekitar.

Industri-industri Dibuka dengan Had kepada Pelabur Asing

Pertanian

- tanaman makanan; Cassava;

Atas syarat usahasama dengan petani tempatan yang berpusat di kawasan pertanian tanaman makanan tersebut.

Industri tradisional pemprosesan herba

- tanaman estet : kelapa sawit; getah; gula; kelapa; koko; kopi; teh; gajus; kapas; minyak jarak; halia; tumbuhan serat/gentian (jut; kenaf; rami; stevia; dan rosela); pokok pinang; pisang Manila (Musa textilis); tumbuhan perubatan; akar wangi; pokok palma; asam jawa; nila; brass; kencur (Kaempferia galanga); badam; kunyit; ketumbar; benth (pogostemon catlin); tembakau; sirih wangi *(fragrant grass)*; bijan; dan herba (panzolzia zeylanica benn), (urang-aring).

Atas syarat program usahasama istimewa serta memerlukan perakuan dari Kementerian Pertanian.

Akuakultur

Kawasan penetasan

- kawasan penetasan udang air payau.

Atas syarat program usahasama istimewa syarikat-syarikat kecil tempatan.

Kawasan penetasan
- akuakultur belut , escargot dan buaya.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan.

Perhutanan
- penggunaan perladangan perindustrian.

Atas syarat usahasama dengan syarikat-syarikat kecil tempatan

LAO PDR

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing
Perlombongan dan pengumpulan arang batu.
Perlombongan dan pengumpulan lignite.
Perlombongan dan pengumpulan gambut.
Pengekstrakan petroleum mentah dan gas asli.
Aktiviti perkhidmatan sampingan kepada pengekstrakan minyak dan gas termasuk mengukur tanah.

Perlombongan bijih besi.
Perlombongan bijih logam bukan ferus, kecuali bijih uranium dan thorium.
Perlombongan mineral-mineral kimia dan baja.
Pengekstrakan garam.
Aktiviti perlombongan dan kuari lain.
Tertakluk kepada perjanjian dengan Kerajaan dan pemprosesannya.

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Pelaburan Asing
Operasi penetasan di kawasan takungan air.
Dikhaskan kepada warganegara Lao.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing
Pemburuan, jerat/perangkap perambatan haiwan, termasuk aktiviti perkhidmatan yang berkaitan
Tertakluk kepada kelulusan khas dan perjanjian dengan Kerajaan.

Perhutanan
Pembalakan.
Tertutup kepada kedua-dua pelabur tempatan dan asing; aktiviti-aktiviti lain adalah tertakluk kepada kelulusan khas dan perjanjian dengan Kerajaan.

Perikanan dan aktiviti sampingannya.
Operasi kawasan penetasan ikan di Sungai Mekong dan cawangannya.
Tertakluk kepada perjanjian dengan Kerajaan dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Pengeluaran dan pemprosesan hasil tangkapan nelayan tempatan.
Tertakluk kepada kelulusan khas dan perjanjian dengan Kerajaan.

Perlombongan uranium dan bijih thorium.
Rundingan dan perjanjian dengan Kerajaan adalah diperlukan (atas sebab keselamatan).

Kuari batu, pasir dan tanah liat.
Tertakluk kepada perjanjian dengan kerajaan dan pemprosesan.

MALAYSIA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Pelabur Asing
Pengekstrakan dan penebangan pokok balak.
Di Semenanjung Malaysia dan Sabah, umumnya aktiviti ini tertutup kepada pelabur asing. Walau bagaimanapun di Sarawak, penglibatan dan kawalan majoriti pengusaha tempatan adalah diperlukan. Kawasan hutan yang diteroka untuk aktiviti ini akan dikurangkan secara berperingkat pada masa hadapan untuk membolehkan pengurusan sumber-sumber ini secara mampan.

Tangkapan.
Syarikat perikanan asing tidak dibenarkan untuk menangkap ikan di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (EEZ).

Industri-industri Terbuka dengan Had Kepada Pelabur Asing
Industri aliran atasan petroleum dan gas.
Projek harus dilaksanakan melalui usahasama dengan subsidiari dimiliki penuh oleh Perbadanan Petroleum Nasional (Petronas), yang mana ekuitinya di dalam usahasama ini adalah antara 15% hingga 60% bergantung kepada blok/kawasan. Terma dan syarat-syarat setiap blok dirundingkan mengikut kes dan Pengeluaran Kontrak Bersama akan mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia berkaitan dengan penganugerahan kontrak dan sebagainya.

MYANMAR

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Tempatan dan Asing

Perhutanan
Pengekstrakan kayu keras dan penjualannya.
Dasar negara berkaitan perhutanan.

Perlombongan
Eksplorasi dan pengekstrakan mutiara dan eksportnya.
Eksplorasi dan pengekstrakan logam dan eksportnya.
Menjalankan industri kuari dan pemasarannya yang lain.
Kerajaan boleh mengeluarkan permit melalui pemberitahuan.

Tenaga
Eksplorasi, pengekstrakan dan penjualan petroleum.
Eksplorasi, pengekstrakan dan penjualan gas asli dan pengeluaran produk-produknya.
Kerajaan mengeluarkan permit melalui pemberitahuan.

Kuasa
Pengeluaran, pengumpulan dan pengagihan tenaga elektrik.
Kerajaan boleh mengeluarkan permit melalui pemberitahuan.

Industri-industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing

Perikanan
Penangkapan ikan marin, udang dan lain-lain organisma akuatik.
Kerajaan boleh mengeluarkan permit melalui pemberitahuan.

Industri-industri Dibuka dengan Had kepada Pelabur-pelabur Asing

Lain-lain
Perkhidmatan pengangkutan keretapi.
Pengangkutan udara.
Aktiviti kiriman cepat selain dari aktiviti pos kebangsaan.
Usahasama dengan organisasi Negeri.

Perkhidmatan perbankan dan insuran.
Akan diliberalisasikan kemudian.

FILIPINA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup Hanya kepada Pelabur Asing
Program perlombongan kecil-kecilan.
Aktiviti perlombongan yang sangat bergantung kepada tenaga buruh yang menggunakan kaedah mudah dan tidak melibatkan penggunaan bahan letupan atau peralatan berat.
Maksimum kawasan seluas 20 hektar.
Pelaburan tidak melebihi P10.0 juta.
Nisbah kos buruh kepada kos penggunaan peralatan adalah lebih besar daripada atau sama dengan 1.0 (berdasarkan kepada 1 tan metrik bijih).
Penyertaan ekuiti asing tidak dibenarkan.

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing

Perhutanan
Perlombongan (selain dari perlombongan kecil-kecilan).
Perikanan laut dalam.
Pertanian di tanah awam.
Ekuiti asing dihadkan kepada maksimum 40%.

SINGAPURA

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup kepada Kedua-dua Pelabur Tempatan dan Asing
Ternakan khinzir.
Kuari.
Lesen tidak dikeluarkan lagi.

THAILAND

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing

Perikanan, khasnya kultur haiwan marin.
Pembalakan di kawasan ladang.
Penanaman semula
Penyertaan ekuiti asing adalah dihadkan tidak melebihi 50% daripada modal berdaftar.
Penyertaan ekuiti asing adalah 50% daripada modal berdaftar atau lebih, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- *perlu mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Komersial, dengan kelulusan Jawatankuasa Perniagaan Asing.*
- *perlu mendapat galakan di bawah Undang-undang Penggalakan Pelaburan, atau mendapat kebenaran di bawah undang-undang yang memerintah Lembaga Kawasan Perindustrain Thailand atau undang-undang lain yang berkaitan.*

Perlu mempunyai minimum modal yang dilabur dalam permulaan sesuatu perniagaan tidak kurang daripada nilai yang ditetapkan oleh peraturan Kementerian Perdagangan, yang mana tidak kurang daripada tiga juta Baht.
Perlu memohon untuk lesen atau sijil daripada Jabatan Pendaftaran Komersial.
Perlu memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan di dalam Akta Perniagaan Asing B.E. 2542 (1999) dan undang-undang lain yang berkaitan.
(Senarai ini perlu dikaji sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun).

Senarai Sensitif

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing

Perusahaan garam, termasuk pengeluaran garam yang semakin berkembang.
Perlombongan garam batu.
Perlombongan, termasuk meletup atau menghancur batu
Ladang ulat sutera.
Penyertaan ekuiti asing dihadkan kepada tidak melebihi 50% daripada modal berdaftar.
Penyertaan ekuiti asing adalah 50% daripada modal berdaftar atau lebih tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- *perlu mendapat kebenaran daripada Menteri Perdagangan, dengan kelulusan*

Kabinet, dan juga memenuhi keperluan-keperluan berikut :

- *perlu mempunyai rakyat Thailand atau orang yang arif tentang undang-undang yang mana bukan warga asing di bawah Akta ini, memegang tidak kurang daripada 40% daripada modal berdaftar. Walau bagaimanapun, Menteri Perdagangan dengan kelulusan Kabinet, boleh mengurangkan jumlahnya kepada tidak kurang daripada 25%.*
- *perlu mempunyai 2/5 keanggotaan Lembaga Pengarah kepada warga Thailand; atau*
- *perlu mendapat galakan di bawah Undang-undang Penggalakan Pelaburan, atau mendapat kebenaran di bawah undang-undang yang memerintah Lembaga Kawasan Perindustrain Thailand atau undang-undang lain yang berkaitan.*

Perlu mempunyai minimum modal yang dilabur dalam permulaan sesuatu perniagaan tidak kurang daripada nilai yang ditetapkan oleh peraturan Kementerian Perdagangan, yang mana tidak kurang daripada tiga juta Baht.
Perlu memohon untuk lesen atau sijil daripada Jabatan Pendaftaran Komersial.
Perlu memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan di dalam Akta Perniagaan Asing B.E. 2542 (1999) dan undang-undang lain yang berkaitan.
(Senarai ini perlu dikaji sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun).

VIET NAM

Senarai Pengecualian Sementara

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing
Pengeluaran mesin pembajakan dan penuaian, pam racun serangga, alat ganti untuk enjin dan mesin pertanian.
Tertakluk kepada eksport, teknologi dan keperluan kualiti.

Pengeluaran kertas.
Sejajar dengan pembangunan sumber-sumber bahan mentah tempatan. Jenis kertas seperti kertas untuk percetakan, penulisan, fotokopi adalah tertakluk kepada sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan eksport.

Jus buah-buahan.
Tertakluk kepada penggunaan bahan mentah tempatan dan keperluan eksport.

Kelengkapan penyejukan.
Tertakluk kepada teknologi dan keperluan eksport.

Pemprosesan produk laut; makanan laut dalam tin.
Dalam bentuk usahasama, tertakluk kepada bahan, keperluan teknologi dan eksport sekurang-kurangnya 80%.

Pemasangan enjin marin.
Tertakluk kepada keperluan teknologi.

Pengeluaran dan pemprosesan kayu.
Pemperosesan tenusu.

Sejajar dengan pembangunan dalam bahan mentah tempatan.

Pengeluaran gula tebu.
Pengeluaran sayur-sayuran dan pemprosesan.
Sejajar dengan pembangunan dalam bahan mentah tempatan dan tertakluk kepada keperluan eksport.

Tanning.
Sejajar dengan pembangunan dalam bahan mentah tempatan dan tertakluk kepada keperluan pemeliharaan alam sekitar.

Senarai Sensitif

Industri-industri Tertutup Hanya Kepada Pelabur Asing
Perikanan.
Pelaburan asing tidak akan diberi lesen.

Eksploitasi batu berharga
Pengeluaran jala ikan.
Tiada lesen baru akan dikeluarkan

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing
Eksploitasi, pemprosesan bahan bernilai, bahan mentah, tanah liat untuk bahan pembinaan, eksport pasir berkualiti tinggi untuk pengeluaran gelas pembinaan dan teknikal.
Tertakluk kepada perancangan Kerajaan.

Eksploitasi batu berharga
Pengeluaran jala ikan.
Tiada lesen baru akan dikeluarkan

Industri-industri Terbuka dengan Had kepada Pelabur Asing
Eksploitasi, pemprosesan bahan bernilai, bahan mentah, tanah liat untuk bahan pembinaan, eksport pasir berkualiti tinggi untuk pengeluaran gelas pembinaan dan teknikal.
Tertakluk kepada perancangan Kerajaan.

LAMPIRAN 7: MITI DAN AGENSI - CARTA ORGANISASI DAN ALAMAT

CARTA ORGANISASI MITI



IBU PEJABAT MITI

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Blok 10
Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan
Jalan Duta
50622 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel : 60(3) 6203 3022
Faks : 60(3) 6201 2337
60(3) 6203 1303
Web : www.miti.gov.my

PEJABAT WILAYAH MITI

PULAU PINANG

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Tingkat 8, Bangunan Tuanku Syed Putra
10300 **Pulau Pinang**
Tel : 60(4) 262 5133
Faks : 60(4) 262 5131
E-mel : a_rizal@miti.gov.my

PERAK

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Perak Techno Trade Centre (PTTC)
Bandar Meru Raya Off Jalan Jelapang
Peti Surat 210
30720 Ipoh
Perak
Tel : 60(5) 5271990
Faks : 60(5) 5272043
E-mel : siti_zalwah@miti.gov.my

JOHOR

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Tingkat 14, Wisma LKN
49 Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru
Johor
Tel : 60(7) 224 4639
Faks : 60(7) 224 9631
E-mel : khalidah@miti.gov.my

PAHANG

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Suite 8, Tingkat 9, Kompleks Teruntum,
Jalan Mahkota,
Peti Surat 74
25000 Kuantan
Pahang
Tel : 60(9) 513 0851
Faks : 60(9) 513 0873

KELANTAN

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Tingkat 5, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani Puteri
15000 Kota Bahru
Kelantan
Tel : 60(9) 748 3457
Faks : 60(9) 744 4167
E-mel : norishah@miti.gov.my

SARAWAK

